 بائي، باخي، بارغ، کالي، بارغبيلا، بهکن، بهوا،
 بهواسن، تنفاي، تنقل، به، کون، مليکن،
 مه، نسجاي، نه، نن، نون، دان، واه، ويه، هان،
 هکک، هه، هيس، هوري، يثم، نه، ماچم،
 توب، اليه، موگ، مدمدهان، القکه، بارغ
 کپران، بارغ اناله کپران، ام، اوه، ايه، اوي،
 امبوي، هي، ادوهي، واهي، سقاي، دانلاينغ.

فصل يفترتام
 (نام تفت)

مک اداله نام تفت اتونام اصلي ايت ايااله
 سوات نام يفتياد دامبيل اتو دتربيشکن درقد
 لاین ۲ فرپوتران سفرت لاکي، فرمشوان، کاني، ۲،
 علم دانساگين.

فصل يکدوا
 (نام تربيتن)

مک اداله نام تربيتن ايت ايااله بارغبيغ
 دتربيشکن درقد يغلایين يثم مناسبه دغن معنان
 بايت اد کالان مننجوقکن فرپوانن تنفاي تباد
 بوسرت دغن ماسن صام اد يقدظواهرکن اتو يثم

ملايو قد ماس بها کنداتق، دان بيري سدبکيه
 فرپوتنن کند اتق ۲ بقسا کيت يثم مولا ۲ هندق
 ماسکه کيدان فرسورانن دان کارغ مشارغ، دان
 جوا سنداقة سدبکيه بنتوان غد ميمکن عبارة ۲
 (سوسن کات) کتاب ۲. ملايو يفتله دکارغ اوله
 علماء ۲ اکام بقسا کيت، مک ممب نما کندي
 «ايده ملايو» کران ممب اماسکن کاراغن اين
 مفیکوه فرپوتران ملايو يفتريلم. مدمدهان بارغ
 درکاتي اناله کپران رساله اين دان اورغيم ميجان،
 امين يارب العالمين.

(فرمولان)

بهوا اداله بهاس ملايو ايت ترکندوخ ايم دالم
 نيک مهاگين: يفترتام «نام» - يکدوا «فرپوانن» -
 دان بهکنيک «سندبکات» (حروف) مک اداله
 نام بارغيم مننجوقکن سوات معنی يثم بوله بيري
 فهم سفرت مانسي، ناقع، کابو، باتو، امس، فيرق
 دان سباگين دانت فرپوانن ايت ايله بارغيم
 مننجوقکن سوات معنی يثبوله بيري فهم تنفاي
 بوسرت دغن سندبکات (حروف) يثم مننجوقکن
 ماس، کران اداله ماس ايت سوات مهاگين درقدان
 سفرت: تله مباح، تله مباح، اکن مباح دانساگين
 اکنتفاي سندبکات ابن هاروس دبواعکن منکل
 اد لاین ۲ فرپوتران يثم منجادي فريته يثم مننجوقکن
 ماس سقاي ميمکن بهاس. دان سندبکات ايت
 ايله بارغيم مننجوقکن سوات معنی، تنفاي تباد
 بيري فهم اکن کهدق ۲ جيک تباد بوسرت دغن
 لاین ۲ فرپوتران، مک بايت ترهاکي قول کفد دوا
 مهاگين: يفترتام تباد بيري فهم صام سکالي سفرت
 مککل حروف تبهان بائي فرپوانن دان حروف تبهان





Melayu pada masa yang akan datang, dan memberi sedikit pertolongan kepada anak-anak bangsa kita yang mula-mula hendak melangkah ke medan persuratan dan karang-mengarang, dan jua mendapat sedikit bantuan pada memahamkan ibarat-ibarat (susunan kata) kitab-kitab Melayu yang telah dikarang oleh ulama-ulama agama bangsa kita, maka hamba namakan dia ((*Lidah Melayu*)) kerana hamba asaskan karangan ini mengikut pertuturan Melayu yang terbilang. Mudah-mudahan barang diberkati apalah kiranya risalah ini dan orang yang membacanya, *āmīn yā rabb al-'ālamīn*.

(Permulaan)

Bahasa adalah bahasa Melayu itu terkandung ia dalam tiga bahagian: yang pertama ((nama)) – yang kedua ((perbuatan)) – dan yang ketiga ((sendi kata)) (huruf) maka adalah nama barang yang menunjukkan suatu makna yang boleh memberi faham seperti manusia, binatang, kayu, batu, emas, perak dan sebagainya dan perbuatan itu ialah barang yang menunjukkan suatu makna yang boleh memberi faham tetapi berserta dengan sendi kata (huruf) yang menunjukkan masa, kerana adalah masa itu suatu bahagian daripadanya seperti: telah membaca, tengah membaca, akan membaca dan sebagainya. Akan tetapi sendi kata ini harus dibuangkan manakala ada lain-lain pertuturan yang menjadi perintah yang menunjukkan masa supaya memetakan bahasa. Dan sendi kata itu ialah barang yang menunjukkan suatu makna, tetapi tiada memberi faham akan kehendak-kehendaknya jika tiada berserta dengan lain-lain pertuturan, maka iaitu terbahagi pula kepada dua bahagian: yang pertama tiada memberi faham sama sekali seperti segala huruf tambahan bagi perbuatan dan huruf tambahan

bagi nama terbitan daripada suatu perbuatan atau nama terbitan daripada suatu nama yang dijadikan perbuatan seperti ber, ter, me, mem, pen, meng, pe, pen, pem, peng, ke, nun, wan, per, dan di. Dan yang kedua memberi makna yang tiada sempurna maksud pertuturan yang dikehendaki jika tidak berserta dengan lain-lain pertuturan seperti telah, sedang, tengah, akan, kan, hendaklah, jangan, tak usah, oleh, dari, daripada, pada, pun, maka, atau, jika, jikalau, kalau, lamun, adapun, bermula, sebermula, syahadan, arakian, kalakian, atas, bawah, laksana, sebab, kerana, bagi, bagi barangkali, barangbila, bahkan, bahawa, bahawasanya, tetapi, tatkala, bah, konon, melainkan, maha, nescaya, nah, nan, nun, dan, wah, weh, hanya, hingga, hah, his, horey, yang, nya, macam, tiba-tiba, alih, moga-moga, mudah-mudahan, alangkah, barang kiranya, barang apalah kiranya, ah, oh, eh, oi, amboi, hai, aduhai, wahai, supaya, dan lainnya.

Fasal yang Pertama

(Nama Tetap)

Maka adalah nama tetap atau nama asli itu ialah suatu nama yang tiada diambil atau diterbitkan daripada lain-lain pertuturan seperti laki-laki, perempuan, kanak-kanak, ilmu dan sebagainya,

Fasal yang Kedua

(Nama Terbitan)

Maka adalah nama terbitan itu ialah barang yang diterbitkan daripada yang lainnya yang munasabah dengan maknanya iaitu ada kalanya menunjukkan perbuatan tetapi tiada berserta dengan masa sama ada yang dizahirkan atau yang

حروف پشاور باکی فریوانت ایت سفرت تاقین،
کو کوسن، دانسیا کین *

3. فد ستقه تمغه یا ایت منجادی « نام یهدر بواة »
تنگل برتبه دهول درفدان دغن حروف تمباهن یغ
منجوقکن اورغیغ ملاکوکن فریوانت ایت سفرت
نقادوان، قملہانت، فغانن، فندعران، فندانن
دانلاین.

4. فد ستقه تمغه فول ای منجادی « نام تمغه »
فد حال تیاد اف ۲ تمباهن لاین درفد تمباهن یغاصل
جوا یا ایت نون یهدر فادوکن کا تس دغن حرف
پشاور باکی فرکتان ایت سفرت تاکو غن،
سیرین دانلاین.

5. فد ستقه تمغه یا ایت منجوقکن کلکوان
باکی ستورغ سفرت دکات کپیلان، کچورین،
دانلاین ۲.

6. فد ستقه تمغه ای منجادی « نام یهدر بواة »
جوا فد حال تیاد اف ۲ تمباهن لاین درفد تمباهن
یغاصل یا ایت نون یهدر فادوکن کا تس دغن حرف
پشاور باکی فرکتان ایت سفرت ایکون، کوندان،
دانلاین دمکینلہ یهدر درفد لیدہ اورغ ملایو
یغ کیلا غن.

فصل یسکتبک

(نام عام)

مک ادالہ « نام عام » ایت ایله بارغیغ تیاد
بولہ دهم درفدان اکن سوات یغوتنتو سفرت
مانسی، لاکھی، قومقوات، کبیغ، کرلو، لمبو،
هربو، کابو، بانو، امس، فیرق، فادی، گندوم
سلام تیدق اد سندیکات یغ کدین درفدان
منجوقکنده « نام خاص » ازیغ نام عام ایت

تیدق دظاہر کن، دان ہاروس برتبه فد اخرن
دغن حروف فتغ نام تربیتن یا ایت نون یهدر فادوکن
کا تس دغن حروف یغ اخرن دان فد اولن قول
دغن حروف « ک » جیک یهدتجو قن ایت فریوانت
یغ ملمغوی مک تیاد ہاروس دتبه دغن حروف
« ک » فد اولن، ہان بولہ دتبه دغن حروف فقواة
فریوانت جوا یا ایت سفرت فوکن، تربیتن، فوغلن،
فرغراغن رعکسن فقراغن، کرسوان، کسواسن،
فرججین، فراوجین، فرادوان، کیندوران،
کدودکن، کلاغن، کلاقران، فرجلان،
فرلاجران رعکسن فللاجران، تولین دانسیا کین.*
دان اد کالان درتیتکنده درفد نام اتو صفہ نام
یغتلہ دجادیکن فریوانت سفرت کمانسیان،
کینانن، کلاکی ۲، کا یلوکن، کیوانن،
کاکون دانسیا کین.*

جوا ادالہ نام تربیتن ایت سام اد ای درفد
فریوانت چوکف اتو ملمغوی اد بواہ معنی
یشلاین درفد، منی یغ منجوقکن یا ایت سمات ۲ جادی
تمغه تربیة فریوانت جوا یا ایت بکجان دباوہ این
کتراعن:—

فد ستقه تمغه یا ایت منجادی « نام تمغه » تنگل
برتبه دهول درفدان حرف « فر » یشوکن ای
فقواة کات فریوانت (مبالغہ) سفرت فرمندن،
فرادوان، فرقوران، فرسبھگان، فرلابوہن،
رعکسن فللابوہن، فربوروان، فوراوہن،
دانلاین ۲ لاکھی.

2. فد ستقه تمغه یا ایت منجادی « نام فر کاس »
دغن تیاد اف ۲ تمباهن لاین درفد تمباهن یغ منتفکن
نام فریوانت یا ایت نون یهدر فادوکن کا تس دغن





tidak dizahirkan, dan harus bertambah pada akhirnya dengan huruf penutup terbitannya iaitu nūn yang dipadukan ke atas dengan huruf yang akhirnya dan pada awalnya pula dengan huruf ((ke)) jika yang ditunjukkannya itu perbuatan yang melampaui maka tiada harus ditambah dengan huruf ((ke)) pada awalnya, hanya boleh ditambah dengan huruf penguat perbuatan jua iaitu seperti pukulan, terbitan, pertolongan, peperangan ringkasnya peperangan, kerisauan, kesusahan, perjanjian, perujian, peraduan, ketiduran, kedudukan, kemalangan, kelaparan, perjalanan, pelajaran ringkasnya pelajaran, tulisan dan sebagainya. Dan adakalanya diterbitkan dia daripada nama atau sifat nama yang telah dijadikan perbuatan seperti kemanusiaan, kebinatangan, kelaki-lakian, keelokan, kehaiwanan, kejakunan dan sebagainya.

Bahawa adalah nama terbitan itu sama ada ia daripada perbuatan cukup atau melampaui ada beberapa makna yang lain daripada makna yang menunjukkan iaitu semata-mata jadi tempat terbit perbuatan jua iaitu bagaimana di bawah ini.

Keterangannya:-

Pada setengah tempat iaitu menjadi ((nama tempat)) tatkala bertambah dahulu daripadanya huruf ((per)) yang bukan ia penguat kata perbuatan (*mubāliḡah*) seperti permandian, peraduan, perkuburan, persinggahan, perlabuhan, ringkasnya pelabuhan, perburuan, pertaruhan, dan lain-lain lagi.

2. Pada setengah tempat iaitu menjadi ((nama perkakas)) dengan tiada apa-apa tambahan lain daripada tambahan yang menetapkan nama terbitan iaitu nūn yang dipadukan ke atas dengan

huruf yang akhir bagi perbuatan itu seperti tapisan, kukusan, dan sebagainya.

3. Pada setengah tempat iaitu menjadi ((nama yang dibuat)) tatkala bertambah dahulu daripadanya dengan huruf tambahan yang menunjukkan orang yang melakukan perbuatan itu seperti pengaduan, penglihatan, pengenalan, pendengaran, pendapatan dan lainnya.

4. Pada setengah tempat pula ia menjadi ((nama tempat)) padahal tiada apa-apa tambahan lain daripada tambahan yang asal jua iaitu nun yang dipadukan ke atas dengan huruf yang akhir bagi perkataan itu seperti takungan, siringan dan lainnya.

5. Pada setengah tempat iaitu menunjukkan kelakuan bagi seorang seperti dikata kehilangan, kecurian, dan lain-lainnya.

6. Pada setengah tempat ia menjadi ((nama yang diperbuat)) jua padahal tiada apa-apa tambahan lain daripada tambahan yang asal iaitu nūn yang dipadukan ke atasnya dengan huruf yang akhir bagi perkataan itu seperti ikutan, kandungan, dan lainnya demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu yang kebilangan.

Fasal yang Ketiga

(Nama Am)

Maka adalah ((nama am)) itu ialah barang yang tiada boleh difaham daripadanya akan suatu yang tertentu seperti manusia, laki-laki, perempuan, kambing, kerbau, lembu, harimau, kayu, batu, emas, perak, padi, gandum. Selama tidak ada sendi kata yang kemudian daripadanya menunjukkan dia ((nama khas)) ertinya nama am itu

رمضان 1365

* مجله فرایدان *

اوگسټ 1946

کارین دھولو، مک تباد ھاروس دتبه ليه دھولو
درفدان دغن حرف «د» سفرت دکات دتغه
ھاري، دمام ایسوق، دتاهن لالو، دزمان این،
دانسباگین، ترکاوغ دبواغ «فد» ایت دانس
ترکاوغ دظاھر کندي، دمکینله بشددغر درفد
لیده اورغ ۲ ملابو.

فصل يشکاتم

(نام تمغه)

مک اداله «نام تمغه» ایت ايله سوات نام یغ
منجوکین تمغه سفرت هدافن، سان، سین، سیتو،
دکة، اره، اتس، باوه، ایریغ، دان سباگین.
مک سموان ایت فاتوة ددهولوي اوله حرف «د»
دان «فد» فد سته ۲ سفرت دکات: هدافن،
دبلاکغ، دسان، دسین، دسیتو، دکة، فد اره،
دأتس، دباوه، فد ایریغ، فد تنتم، دچله، دسلار،
داننار، فد ابه، ملیکن فد دکة تباد دتبه دھولو
درفدان دغن سوات جوافوف، دمکینله
بشددغر درفد لیده اورغ ملابو.

فصل يشکتوجه

(نام فرکاکس)

مک اداله «نام فرکاکس» ایت ايله نام
یقدهنتر کن کفدسوات، مک دغندیاله جادي واسطه
باکی میمفرناکن سسوات فریواتن، مک یایت
دکتھوي افییل برتبه دھولو درفد فرتوتزان
فریواتن دغن حرف تمباھن یغ منجادي علامه یغ
ملاکوکن فریواتن سفرت فچیلوف، فنوکل،
فیانوف، فنوکل دان سباگین سلام تیدق منداتشکن
کساران دغن نام یغ ملاکوکن فریواتن، دان جیک
منداتشکن کساران مک هندفله دپاکن جنس

بوله جادي نام خاص افییل دتبه کدین درفدان دغن
حرف فنتف نام (ایت) یشلاین درفدحرف اشاره.

فصل يشکامفة

(نام خاص)

مک اداله «نام خاص» ایت ايله بارغیغ دھیم
درفدان اکرن سوات یغترتنتو، ترماسق سکل
کتینام، نام یغدتنجوکن اوله سکل حرف اشاره،
نام یغدهوبشکن، نام یغدسندر کن کفد نام یغ
لاین دان سکل نام یغدسرو.

فصل يشکالم

(نام ماس)

مک اداله «نام ماس» ایت ايله سوات نام یغ
منجوکین ماس سفرت فاکي، فنتغ، ظھر، عصر،
مغرب، عشاء، صبح، فجر، دینبھاري، سنجا کالا،
سابورلیا، ترغ لارس، کتیک، سکارغ، کدین،
دھولو، ماس، زمان، وقتو، دیواس، سکاکیفرستوا،
کالا، قوبکالا، بولن، تاهن، میشکو، سلممان،
ازل، سمنجق، سمننار، قرون، رمیغ، جم، ساعة،
مینیه، کارین، سمام، ایسوق، ھاري، قولة، توبین،
کقي، دانسباگین، مک سموان ایت فاتوة ددهولوي
حروف «فد» دان «دالم» فد سته ۲ تمغه ملیکن
«کتق» سفرت دکات فدھاري سمام، فد مالم ھاري،
فد صیغ ھاري، فد وقت فاکي، فد وقت ظھر،
فد وقتو عصر، فد وقتو مغرب، فد وقتو
عشاء، فد وقتو دینبھاري، فد وقتو صبح،
فد ماس سنجا کالا، ماس سابورلیا، فد ماس ترغ
لارس، فد کتیک، فد ماس، فد وقتو، فد بولن،
فد تاهن، فد قرون يشکامفة بس، فد ساعة
يشکامک، فد ھاري ایسوق، فد ھاري لوسا، فد



boleh jadi nama khas apabila ditambah kemudian daripadanya dengan huruf penutup nama (itu) yang lain daripada huruf isyarat.

Fasal yang Keempat

(Nama Khas)

Maka adalah ((nama khas)) itu ialah barang yang difaham daripadanya akan suatu yang tertentu, termasuk segala ganti nama, nama yang ditunjukkan oleh segala huruf isyarat, nama yang dihubungkan, nama yang disandarkan kepada nama yang lain dan segala nama yang diseru.

Fasal yang Kelima

(Nama Masa)

Maka adalah ((nama masa)) itu ialah suatu nama yang menunjukkan masa seperti pagi, petang, Zohor, Asar, Maghrib, Isyak, Subuh, fajar, dinihari, senjakala, sabur lima (sabur limbur), terang laras, ketika, sekarang, kemudian, dahulu, masa, zaman, waktu, dewasa, sekali peristiwa, kala, purbakala, bulan, tahun, minggu, selama-lamanya, azali, semenjak, sementara, kurun, rembang, jam, saat, minit, kemarin, semalam, esok, hari, tulat, tubin, kelak, dan sebagainya. Maka semuanya itu patut didahului huruf ((pada)) dan ((dalam)) pada setengah-setengah tempat melainkan ((kelak)) seperti dikata pada hari semalam, pada malam hari, pada siang hari, pada waktu pagi, pada waktu Zohor, pada waktu Asar, pada waktu Maghrib, pada waktu Isyak, pada waktu dinihari, pada waktu Subuh, pada masa senjakala, masa sabur lima, pada masa terang laras, pada ketika, pada masa, pada waktu, pada bulan, pada tahun, pada kurun yang keempat belas, pada saat yang baik, pada hari esok, pada hari lusa, pada

kemarin dahulu, maka tiada harus ditambah lebih dahulu daripadanya dengan huruf ((di)) seperti dikata di tengah hari, di malam esok, di tahun lalu, di zaman ini, dan sebagainya. Terkadang dibuang ((pada)) itu dan terkadang dizahirkan dia. Demikianlah yang didengar daripada lidah orang-orang Melayu.

Fasal yang Keenam

(Nama Tempat)

Maka adalah ((nama tempat)) itu ialah suatu nama yang menunjukkan tempat seperti hadapan, sana, sini, situ, dekat, arah, atas, bawah, iring, dan sebagainya. Maka semuanya itu patut didahului oleh huruf ((di)) dan ((pada)) pada setengah-setengahnya seperti dikata: di hadapan, di belakang, di sana, di sini, di situ, dekat, pada arah, di atas, di bawah, pada iring, pada tentang, di celah, di sela, di antara, pada abah, melainkan pada dekat tiada ditambah dahulu daripadanya dengan suatu jua pun, demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu.

Fasal yang Ketujuh

(Nama Perkakas)

Maka adalah ((nama perkakas)) itu ialah nama yang dihantarkan kepada suatu. Maka dengan dialah jadi *wāsītah* bagi menyempurnakan sesuatu perbuatan, maka iaitu diketahui apabila bertambah dahulu daripada pertuturan perbuatan dengan huruf tambahan yang menjadi alamat yang melakukan perbuatan seperti pencilup, penukul, penyapu, pemukul dan sebagainya selama tidak mendatangkan kesamaran dengan nama yang melakukan perbuatan. Dan jika mendatangkan kesamaran maka hendaklah dinyatakan jenis

ادافون سگل حرف تمباھن یغ منبوقسکن یغ
ملاکوکن فریوانن ایت اقبیل دتبه فد فریوانن
چو کف مک جادبله ای فتوآه کات جوا سفرت
دکات فنا کوه، فنیدوره، فناکن، فتجباتوه، فتیوال دان
سباگین کران هاروس دتبه دبلا کتشن. (بوسمبوغ)

او صفة الاتن ایت سفرت دکات «فنجلوف میره
فتوکل بسی، دان سباگین. دمکینله یغددغر
در فد لیده اورغ ملایو.

فصل یثسکدلافن
(نام یغ مفربوآه)

فرایدردان دنیا

(اوله جزیا)

هی عالم فرایدردانو لیگه
تا د دسکک تا دافه دتبه
بارغیم جاوه منجادی دکه
یغیم بهکیا منجادی جلاک.
تیدق ترفیکر تیدق ترعی
کهندق عالم اهشون لاکتق
بارغیم دتبه جادی کتشی
منجادی هینا اورغیم بوغسکتق.
رومفون نس تباد ریواتق
رومفون سراي تباد رودری
دسکک فانس لالو کتشتق
هوحن بودرای شه هاری.
سایغ جمحدق دسکک نغک
کتوفه دأبک بکل بو بودو
حرام تیدق دسکک ۲
صحابه بابک منجادی سترو.
دمسکین لاکو فرایدردان عالم
تا بوله برتشف دسوات چارا
سکالیفون کافر اتوفون اسلام
سموا مشتای بهکیا مساروا.

مک اداله « نام یغ مفربوآه » ایت ابله اورغیم
ملاکوکن فریوانن یغ ملسفوی. مک دکتهوی
اکندی اقبیل برتبه فد کله فریوانن یغ ملسفوی
ایت دغن حرف تمباھن « م » (Mé) مک لازمله
دتبه دغن حرف « ف » (Pè) فد یغ ملاکوکن
فریوانن ایت سفرت فلا کوف، فیایبی، فیافو،
فوکلی، فیاله دان سباگین دان جیک برتبه فد
کله فریوانن یغ ملسفوی ایت دغن حرف تمباھن
« م » (Mé) مک لازمله دتبه دغن حرف « فم »
(Pèm) فد یغ ملاکوکن فریوانن سفرت شمینی،
فباسوه، فباجق، فباکر، فیورو، فمبیدا، فیایر،
فباطل، دان سباگین. دان جیک برتبه فد کله
فریوانن ایت دغن حرف تمباھن « من » (Mén)
مک لازمله دتبه حرف تمباھن « فن » (Pèn) فد
یغ ملاکوکن فریوانن ایت سفرت فنجوری،
فنجاریتم، فنجاجه، فنجراچا، فنجانغ، فنجروه، دان
سباگین. دان جیک فریوانن ایت دتبه دغن
حرف « منغ » (Mèng) مک لازمله فد یغ
ملاکوکن فریوانن دتبه دغن حرف « فغ » (Pèng)
سفرت فمکادی، فمکاکن، فمقبور دان سباگین.
دان جیک فریوانن ایت برتبه دغن حرف « مغم »
(Mèngé) مک لازمله فد یغ ملاکوکن
فریوانن دتبه دغن حرف « فغ » سفرت فمحصال،
فمشمیل، فمشمیل دان سباگین.



atau sifat alatan itu seperti dikata ((pencilup merah penukul besi, dan sebagainya. Demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu.

Fasal yang Kedelapan

(Nama Yang Memperbuat)

Maka adalah ((nama yang memperbuat)) itu ialah orang yang melakukan perbuatan yang melampaui. Maka diketahui akan dia apabila bertambah pada kalimah perbuatan yang melampaui itu dengan huruf tambahan ((mé)) (Mé) maka lazimlah ditambah dengan huruf ((pé)) (Pé) pada yang melakukan perbuatan itu seperti pelakon, penyanyi, penyapu, pemukul, penyalah dan sebagainya dan jika bertambah pada kalimah perbuatan yang melampaui itu dengan huruf tambahan ((mè)) (Mé) maka lazimlah ditambah dengan huruf ((pèm)) (Pèm) pada yang melakukan perbuatan seperti pembantai, pembasuh, pembajak, pembakar, pemburu, pembeza, pembayar, pembatal, dan sebagainya. Dan jika bertambah pada kalimah perbuatan itu dengan huruf tambahan ((mén)) (Mén) maka lazimlah ditambah huruf tambahan ((pèn)) (Pèn) pada yang melakukan perbuatan itu seperti pencuri, penjaring, penjajah, pencerca, pencanang, penjarah, dan sebagainya. Dan jika perbuatan itu ditambah dengan huruf ((mèng)) (Méng) maka lazimlah pada yang melakukan perbuatannya ditambah dengan huruf ((pèng)) (Pèng) seperti penggadai, pengkalan, pengkubur dan sebagainya. Dan jika perbuatan itu bertambah dengan huruf ((mèngé)) (Méngé) maka lazimlah pada yang melakukan perbuatan ditambah dengan huruf ((peng)) seperti penghasil, penghambat, pengambil dan sebagainya.

Adapun segala huruf tambahan yang menunjukkan yang melakukan perbuatan itu apabila ditambah pada perbuatan cukup maka jadilah ia penguat kata jua seperti dikata penakut, penidur, pemakan, penjatuh, pembual dan sebagainya kerana harus ditambah di belakangnya (bersambung)

Peredaran Dunia

(Oleh Mahziya)

Hai alam peredaranmu ligat
Tak disangka tak dapat dipeka
Barang yang jauh menjadi dekat
Yang berbahagia menjadi celaka.
Tidak terfikir tidak termimpi
Kehendak alam empunya lagak
Barang yang di tengah jadi ke tepi
Menjadi hina orang yang bongkak.
Rumpun nanas tiada berbatang
Rumpun serai tiada berduri
Disangka panas lalu ke petang
Hujan berderai di tengah hari.
Sayang cempedak disangka nangka
Ketupat diyak bekal berburu
Haram tidak disangka-sangka
Sahabat baik menjadi seteru.
Demikianlah laku peredaran alam
Tak boleh bertetap di suatu cara
Sekalipun kafir ataupun Islam
Semua mengenai bahagia sengsara.

دیدیقمن

(اوله کتی لوخ جوهر)

میچارا کن دیدیقمن ایت سفرت دیدیقمن کفد
انق ۲ دیدیقمن کفد رومتهنگ دیدیقمن کرات
سوءال اگام، دیدیقمن تانه ایر، دیدیقمن کفد
دیری کیت یعنی منچنوهکن بودی فکرتی ینم
مفندوخی انصاف دان بلس کسین دانتارا
سام مانسی.

کتویله واهی قوم ایبو! دانتارا دیدیقمن
یهدواجیکن این، مک قوم ایبو کیت تله ترلای
دان نیشگلکن بیوان ینم مستحق. مک ینم ساعته
دشکالی دان تیدق دیوتکن سام سکالی ایله تنغ
دیدیقمن بودی فکرتی لیتهله وقتو زمان ملایا
دفرته اوله کراجان جئون مک دغن ماس 3 سته
تاهن بودی فکرتی انق ۲ کیت تله دقراوبه دغن
سنغ کفد فراوبان ینم مرندهنک نیسهکه لاکون
دسپی اگام دان فراخی کانسیان ینم سجاتی.
فراخی انق ۲ ینم له دان کورغ دیدیقمن بودی
فکرتی کانسیان ینم سبیرن ایت دلور اوله
مریک دغن کوراهن درفد هرک وانغ چف فیسخ
یغرمبوران. سهشک سماس سکارغ ماسیه تیغکلله
کدهشائن لیوران ایت کفد انق ۲ کیت ینم ماسیه
روماج ایت ۶ برتقیارنله مریکشیت هاری این
ستوله ۲ مریک بلوم مشهوی بیوا مریکشیت ماسیه
کچیل دان بوله دودق دیشکو فلاجران لانی.
دسپی کیت یوسلپسیه نیم دغن مشتاکن بیوا
انق ۲ کچیل یغترلاتیه بکرج دان ماهو بکرج
جوری ارتی دان کسادرات کفد انق ۲ کیت

واهی سکلین قوم ایبو دملایا! ماربله کیت
چوب میوک سلافیس کلافیس اف نیکورن کیت
ینم سبیرن مک اکن کیت دائی امتله بایقن ینم
سستی کیت نونیکن دغن تا بوله تیدق. تنافی
دسپی کابی میاوا سودارا ۲ قوم ایبو یهد کابهی
برسام ۲ مفر کتا کن کواجین ینم سقرکارا سهاج
دهولو بابت دیدیقمن. افکه ارتی دیدیقمن.
دیدیقمن بو کنله برارتی هان مییلا انق ۲ کچیل
بابت نیجاک ماکن فا کین، منچوچی بدانن ینم
کوز، منیدور کن افکل انق ۲ ایت مینتوه
مندیکن افکل ای مناعیس مک سته هابیس این
برارتی ایله دیدیقمن. تنافی دغرله روغون ینم
سللا کیت دائی افکل انق ۲ این، ماس ماس
سبون، فرغوس، فلاون اورغتوا ۲ دانسیباکین،
دکات ساله اتو کورغ دیدیقمن. اتو رومه ینم
هاروبیرو، تندیر رومتهنگ ینم کوچر کاجیر، باجو
یغتا بوله دقوتق دیندا، مکان ینم تیدق برماسق
مک اینفون دئا کن کورغ دیدیقمن. والحال
فوکو ینم کورغ سو بو دکات کورغ دیدیقمن
جوک. سکینله منجوقکن بایقن فچاهن دری
سفاته کات «دیدیقمن» ایت. دری کران دیدیقمن
ایت قونچا سوءال کسلماین دان بنسان سوات
غواق دان اوندور ماجون سوات بھسا مک سوءال
دیدیقمن یسمه پوره این قول کونجی یغاد دناغن
قوم ایبو یهد کابهی. درایت واهی قوم ایبو! کیت
ایله مستحق میجشکن بگیان ینم سبیرن قد



Didikan

(Oleh Kak Long Johor)

Wahai sekalian kaum ibu di Malaya! Marilah kita cuba membuka selapis ke selapis apa tanggungan kita yang sebenarnya maka akan kita dapati amatlah banyaknya yang mesti kita tunaikan dengan tak boleh tidak. Tetapi di sini kami membawa saudara-saudara kaum ibu yang dikasihinya bersama-sama memperkatakan kewajipan yang seperkara sahaja dahulu iaitu didikan. Apakah erti didikan. Didikan bukanlah bererti hanya membela anak-anak kecil iaitu menjaga makan pakainya, mencuci badannya yang kotor, menidurkan apakala anak-anak itu mengantuk, mendiamkan apakala ia menangis maka setelah habis ini bererti inilah didikan. Tetapi dengarlah rungutan yang selalu kita dapati apakala anak-anak ini malas masa besarnya, perengus, pelawan orang-orang tua dan sebagainya, dikata salah atau kurang didikan. Atau rumah yang haru-biru, tadbir rumah tangga yang kucah-kacir, baju yang tak boleh dipotong dipinda, makanan yang tidak bermasak maka ini pun dinamakan kurang didikan. Walhal pokok yang kurang subur dikata kurang didikan juga. Sekianlah menunjukkan banyaknya pecahan dari sepatah kata ((didikan) itu). Dari kerana didikan itu punca soal keselamatan dan binasanya sesuatu puak dan undur majunya sesuatu bangsa maka soal didikan yang maha berat ini pula kunci yang ada di tangan kaum ibu yang dikasihinya. Dari itu wahai kaum ibu! Kita sangat mustahak membahaskan bagaimana yang sebenarnya pada

membicarakan didikan itu seperti didikan kepada anak-anak, didikan kepada rumah tangga didikan kerana soal agama, didikan¹ tanah air, didikan kepada diri kita yakni mencontohkan budi pekerti yang mengandungi insaf dan belas kasihan di antara sesama manusia.

Ketahuilah wahai kaum ibu! Di antara didikan yang diwajibkan ini, maka kaum ibu kita telah terlalai dan meninggalkan beberapa yang mustahak. Maka yang sangat-sangat dimengkali dan tidak diberatkan sama sekali ialah tentang didikan budi pekerti lihatlah waktu zaman Malaya diperintah oleh kerajaan Jepun maka dengan masa 3 setengah tahun budi pekerti anak-anak kita telah diperubah dengan senang kepada perubahan yang merendahkan tingkah lakunya di sisi agama dan perangai kemanusiaan yang sejati. Perangai anak-anak yang lemah dan kurang didikan budi pekerti kemanusiaan yang sebenar-benarnya itu dilebur oleh mereka dengan kemurahan daripada harga wang cap pisang yang berhamburan. Sehingga semasa sekarang masih tinggallah kedahsyatan leburan itu kepada anak-anak kita yang masih remaja itu, bertempiranlah mereka itu hari ini seolah-olah mereka belum mengetahui bahawa mereka itu masih kecil dan boleh duduk di bangku pelajaran lagi.

Di sini kita berselisih faham dengan mengatakan bahawa anak-anak kecil yang terlatih bekerja dan mahu bekerja memberi erti dan kesedaran kepada anak-anak kita

¹ Perkataan sebenar ialah didikan.

عماسکي سمولا کهاني انق ۲ بڻ مودا منته ايت .
 فلاجران اداب کسوفانن بشردا سرکن اگام اسلام
 يشما سوچي ايت سا بلوق ۲ بنيه ديديقنن فراغي
 کانسيان يفتاوة دسي کفد انق ۲ بڻ باکل نيچادي
 «ايو باف» فمکتني کيت دان قهلاون تانه اير فد
 هاري بڻ اکنديتغ، سفاي سوپوله سماعة کليان
 ايت دان اکن تورن دسگنغ تيشکانن انق چچو
 کيت يفا کنداتم . مدمدهان ديديقنن سچارا
 اين مياوا برنوکر کادان مورم کيت يثيرجادي ۲
 بهراف لام يفلالو ايت کفد زمان يثيرگميليغ
 يشدجيتا ۲ اداڻ .

ميااسکنديرين مفادف فلاجران «پوله بکرج»
 کون! دان ماس اين ماس بکرج، ايت بنر دان
 يتول واهي قوم ۲ ايوا! گورو فنديديق بڻ بيچقسان!
 نتافي دساليقنن ايت جوا اد کسلاهنن . کران
 ديديقنن بڻ بگيتو ميااسکن انق پوله بکرج ايت
 ميمغ ساتو ديديقنن يشد کهديقني نتافي ديديقنن
 فلاجران يثير نيچادي لغو بڻ مندو مريک کچالن
 ميواة کرج بڻ مستحق دان اوتام ايت دري دهولو .

منوغکله! انق ۲ کيت بڻ مندافة بلواغ بکرج
 ديواس ايت . توجوانن تيدق اد بکرج کران
 ميمغو ايوا باف اتو لايين ۴۲ نتافي بڻ سبهرن مريک
 ايشين ميمغ واغ جوا . مريک نه ماس بڻ درين
 نه سني ککو نيچ فقهدون بڻ فالين سکچيتا
 دان مگه کران کبولين فدا فنانن درين ايت
 افکل مريک نه بکرج دان برکاجي . مک بڻ
 ليه ۲ کچيو ايله مريک تيدق گنتر ميواع واغ
 کفدجالن ميمز دسمنجغ ۲ جالن دان دئمغه ميبوران
 کران مريک نه بکرج . بگيتوله نيشن بودي
 فکرتي انق ۲ بشا کيت ترديدق فدماس يفلالو
 موده دان سنغ اکن دفرمان اوله رتقون بڻ مياوا
 مريک کچالن کينسان دري کران مريک تا ارقه
 ميبدا ۲ کن بورق بايکن . سدغ کبھکو سکوله
 مريک تا ايشين فون ميبونن . مک کادان اين سياف
 يثير کچيو! تيدق لايين بشا کيت . نتافي سياف
 بڻ منغکوغ فونجا سوال کسلاهنن ايت? تيدق
 لايين ايوي! قوم سجنسو قرم ايپوله بڻ شگالسن!
 مک فد هاري اين ايوي قوم ايوا! باغونه بکرج
 کرس موليکن کبالي فراغي انق بڻ سفرت ايت .
 ايوا! ايوا! ايوا! ديديق فراغي بشمليا اکن دافة

کمالا حکمة

- 1 . ترکا دغ کلاکوان ايت تربه فصيح دري ليدہ .
- 2 . فرمولان يثير فوجي ايت اخرن تر فوجي .
- 3 . نياد بناس مسورغ بڻ ميمهوي قدر درين .
- 4 . نياد بڻ اشکنکن کليان ملبينکن حمار .
- 5 . جاشن کامو تگه اکن ساتو کلاکوان فد حال کامو ميواة اکندي .
- 6 . بارغسياف ورجالن فد تانه داتر نسچاي تزامنله اي درقد ترگلينچي .
- 7 . بارغسياف وهارفکن بکالن اورغلاين نسچاي فنجهله کلافرانن .
- 8 . بارغسياف ميبلي بارغيم اي نياد برکهدق نسچاي ترقساله اي منجوال اکن بارغيم اي برکهدق .
- 9 . بارغسياف بڻ له لبوة فرکتانن نسچاي دکاسهي اکندي .





membiasakan dirinya mengadap pelajaran ((boleh bekerja))

konon! Dan masa ini masa bekerja, itu benar dan

betul wahai kaum-kaum ibu! Guru pendidik yang bijaksana?

Tetapi di sebaliknya itu jua ada kesalahannya. Kerana

didikan yang begitu membiasakan anak boleh bekerja itu

memang satu didikan yang dikehendaki tetapi didikan

pelajaran yang menjadi lampu yang memandu mereka ke jalan

membuat kerja yang mustahak dan utama itu diberi dahulu.

Menungkanlah! Anak-anak kita yang mendapat peluang bekerja

dewasa itu. Tujuannya tidak ada bekerja kerana

membantu ibu bapa atau lain-lain, tetapi yang sebenarnya mereka

ingin memegang wang jua. Mereka telah merasa yang dirinya

telah sampai ke kemuncak penghidupan yang paling sukacita

dan megah kerana kebolehan pendapatan dirinya itu

apakala mereka telah bekerja dan bergaji. Maka yang

lebih-lebih kecewa ialah mereka tidak gentar membuang wang

kepada jalan membazir di sepanjang-panjang jalan dan di tempat hiburan

kerana mereka telah bekerja. Begitulah tipisnya budi

pekerti anak-anak bangsa kita terdidik pada masa yang lalu

mudah dan senang akan dipermain oleh runtutan yang membawa

mereka ke jalan kebinasaan dari kerana mereka tak erti

membeza-bezakan buruk baiknya. Sedang ke bangku sekolah

mereka tak ingin pun menyebutnya maka keadaan ini siapa

yang terkecewa? Tidak lain bangsa kita. Tetapi siapa

yang menanggung punca soal kesalahan itu? Tidak

lain ayuha! Kaum sejenisu kaum ibulah yang menggalasnya!

Maka pada hari ini ayuha! kaum ibu! Bangunlah bekerja

keras memulihkan kembali perangai anak yang seperti itu.

Ibu! Ibu! Ibu! Didik perangai yang mulia akan dapat

memasuki semula ke hati anak-anak yang muda mentah itu.

Pelajaran adab kesopanan yang berdasarkan agama Islam

yang maha suci itu seelok-elok benih didikan perangai

kemanusiaan yang patut disemai kepada anak-anak yang bakal menjadi

((ibu bapa)) pengganti kita dan pahlawan tanah air pada

hari yang akan datang, supaya suburilah semangat kemuliaan


itu dan akan turun di segenap tingkatan anak cucu

kita yang akan datang. Mudah-mudahan didikan secara

ini membawa bertukar keadaan muram kita yang berjadi-jadi

beberapa lama yang lalu itu kepada zaman yang bergemilang

yang dicita-cita adanya.



Gemala Hikmat

1. Terkadang kelakuan itu terlebih fasih dari lidah.
2. Permulaan yang terpuji itu akhirnya terpuji.
3. Tiada binasa seseorang yang mengetahui kadar dirinya.
4. Tiada yang enggankan kemuliaan melainkan himar.
5. Jangan kamu tegah akan satu kelakuan padahal kamu membuat akan dia.
6. Barang siapa berjalan pada tanah datar nescaya teramanlah ia daripada tergelincir.
7. Barang siapa berharapkan bekalan orang lain nescaya panjanglah kelaparannya.
8. Barang siapa memberi barang yang ia tiada berkehendak nescaya terpaksalah ia menjual akan barang yang ia berkehendak.
9. Barang siapa yang lemah lembut perkataannya nescaya dikasihi akan dia.

تشمکوغن گورو ۲ دان ایبو باف مرید

(اوله یوسف الیاس المقلانی)

کلتی اکن برفکنم فوآه دان کوکھ سمام اد فد
اعتقادن دان عمالثن یغ میبیکن کتواهنن دان
کبکیانن کران دالم شریعه محمدیه اد برباگی ۳
فحاجران یغ بنیادیکن فلوکی ۲ بزهدیوف دغن
صنم دان صنومسا دنیا دان آخره . اد اورغ
معبارتکن گورو ایت سفرت اجوان منکل مریدن
سفرت بندا یغ هندق دماسوقکن کدالم اجوان
ایت ۶ کالو اجوان ایت بولته اومئان جادیله روف
کوبه ایت بولته دانسیباگین ۶ کهران اجوان یغ
تا باکوس دکوناکن انتو ۶ ماسق کوبه بوکنله
تقصیرن کفد کوبه بیکن اجوانله یغ مروسکن .
در سبب ایت سبکیاله گورو ۲ ایت مشاعر دغن
بتول بکجان یغد کهندقکھی اوله اکام اسلام دان
ترواجبله گورو ۲ ایت له دهولو مقهباسی دیرین
دغن اداب یغتر فوجی صفای ترجمه کیتله کفد
مریدن ۲ یغ کالیوقکن ادب گورو ۲ ایت . اداله
گورو ۲ یغ مشاعر دغن بتول منوره شریعه محمدیه
ایت بومعنی مریدن یغ عمل جاریه یغ پیادو کتوتسن
فهلان سکالیفون ای تله برفنده کعالم بزخ سان .
سبب علمون ایت تله مبریه منفعه کفد بیراف
بایق مریدن ۲ یغ تنف برفکنم فوآه ۶ مارجا کن اف ۲
فحاجران گورون، ملک اینله توآه یغأمه بسر
بایکی گورو ۲ .

سشمکوغن ایبو باف مرید ۲ ایت تله بپرهنکن
انتقن کسکوله بوکنله بومعنی ای تله لنس ناغن

بیاسن کانق ۲ یغتهله بومعنی اتم اتو توجه ناغن
ایت دهنترکن اوله ایبو بفان کسکوله دغن
توجوان صفای دافه ای مینیق بوماچم ۲ علم انتو
مندیوکن دیرین کفد جال ۲ یغ بربکیا لاکھی
دربضای الله دان صفای مقهبوی کواجیقن ۲
ترهادف کفد خاص دان عام منکل بسر کلتی ۶
در سبب ایت وواجهله اتس گورو ۲ دغن سهایس ۲
تاک دان دای اوفای ۶ مشاعر دان مندیدیق اکن
مریدن ۲ انتو ۶ معنوی چیتا ۲ ایبو بفان یغها بسر
لاکی ملیا ایت دغن برباگی ۲ چارا دان قاعده
سکیرا ۲ میگراکن ماسق فتمهوان ۲ کدالم اوتق
مریدن ۲ منوره درجه کتشمکن عقلن . دان
هندقله دهیاسکن موبکثیت دغن فرهایان اداب
یغتر فوجی . گورو ۲ جاشن موده کوسر له هاتی ۶
مالس دان سمیل لیوا مشاعر مریدن ۲ کران
گورو ۲ اکن بروجوما دغن برباگی ۲ حال دان راکم
وقتو مشاعر کانق ۲ یغ ماسیه منته بفر ۶ دریه
ربوعلمه ملتور بولوه کیران سده جادری اور تا گوت
لاکی ۶ دالم ففاته عرب ادعتاکن « اَلتَّعَلُّمُ فِي الصِّغَرِ
كَالتَّقِيَةِ فِي الْحَجَرِ ، التَّعَلُّمُ فِي الْكِبَرِ كَالنَّقِيَةِ
فِي الْبَحْرِ » توجوانن فلاجران ۲ یغ فد ماس کچیل
ایت سفرت لوکیسن فد باتو ۶ فلاجران یغ فد ماس
بسر ایت سفرت لوکیسن فد لاوله . اداله مرید ۲
یغتر لاتبه دان تردیدیق فد ماس کچیلن دغن
سماعه اکام دان شریعه محمدیه ایت فد ماس بسر

Tanggungjawab Guru-guru dan Ibu Bapa Murid

(Oleh Yusuf Ilyas al-Maqlani)

Biasanya kanak-kanak yang telah berumur enam atau tujuh tahun itu dihantarkan oleh ibu bapanya ke sekolah dengan tujuan supaya dapat ia memetik bermacam-macam ilmu untuk memanduk dirinya kepada jalan-jalan yang berbahagia lagi diredai Allah dan supaya mengetahui kewajipan-kewajipannya terhadap kepada khas dan am manakala besar kelak, dari sebab itu wajiblah atas guru-guru dengan sehabis-habis tenaga dan daya upaya mengajar dan mendidik akan murid-muridnya untuk memenuhi cita-cita ibu bapanya yang maha besar lagi mulia itu dengan berbagai-bagai cara dan kaedah sekira-kira menyegerakan masuk pengetahuan-pengetahuan ke dalam otak murid-muridnya menurut darjah ketinggian akalunya. Dan hendaklah dihiaskan mereka itu dengan perhiasan adab yang terpuji. Guru-guru jangan mudah gusar, lemah hati, malas dan sambil lewa mengajar murid-muridnya, kerana guru-guru akan berjumpa dengan berbagai-bagai hal dan ragam waktu mengajar kanak-kanak yang masih mentah benar, dari rebunglah melentur buluh kiranya sudah jadri¹ aur tak guna lagi. Dalam pepatah Arab ada mengatakan (*Al-ta'allumu fi al-sighari ka al-naqshi fi al-hajar, al-ta'allumu fi al-kibari ka al-naqshi fi al-bahr*)¹ Tujuannya pelajaran-pelajaran yang pada masa kecil itu seperti lukisan pada batu, pelajaran yang pada masa besar itu seperti lukisan pada laut. Adalah murid-murid yang berlatih dan terdidik pada masa kecilnya dengan semangat agama dan syariat Muhammadiyah itu pada masa besarnya

kelak akan berpegang kuat dan kukuh sama ada pada iktikadnya dan amalnya yang menyebabkan ketuahuannya dan kebahagiaannya kerana dalam syariat Muhammadiyah itu ada berbagai-bagai pengajaran yang menjadikan pemeluk-pemeluknya berhidup dengan senang dan sentosa dunia dan akhirat. Ada orang mengibaratkan guru itu seperti acuan manakala murid-muridnya seperti benda yang hendak dimasukkan ke dalam acuan itu, kalau acuan itu bulat umpamanya jadilah rupa kuih itu bulat dan sebagainya, kiranya acuan yang tak bagus digunakan untuk memasak kuih bukanlah taksirnya kepada kuih bahkan acuanlah yang merosakkan. Dari sebab itu seyogialah guru-guru itu mengajar dengan betul bagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam dan terwajiblah guru-guru itu lebih dahulu menghiasi dirinya dengan adab yang terpuji supaya terjangkitlah kepada murid-muridnya yang keelokan adab guru-guru itu. Adalah guru-guru yang mengajar dengan betul menurut syariat Muhammadiyah itu bermakna mereka telah beramal jariah yang tiada berkeputusan pahalanya sekalipun ia telah berpindah ke alam barzakh sana. Sebab ilmunya itu telah memberi manfaat kepada beberapa banyak murid-muridnya yang tetap berpegang kuat mengerjakan apa-apa pengajaran guru-gurunya, maka inilah tuah yang amat besar bagi guru-guru.

Sungguhpun ibu bapa murid-murid itu telah menyerahkan anaknya ke sekolah bukanlah bermakna ia telah lepas tangan

¹ Perkataan sebenar ialah jadi.

وسلام منجیوم تاغن ایبو بفان جاعله ایبو بفان
منجیق ۲ کن اتو بروکات ۲ دغن فر کتاب یغ
مپندا کن اتو مہینا کن ۶ مہکن مستی دقوانکن
دان دایفہ کن تیغ ۲ کالی کیران لوف کران یا بیت
جادی سوات ککمان باگرن منکل بسر کلک دان
ترعادته دغن سنتیاس عملیا کن دان بحر متکر
ایبو بفان .

دانلاکی کبابککن ایبو باف مرید ۲ نامشعبیل
ہیراوا کن فلاجران اتغن ۶ ہیا مادا کن دغن اف ۲
یشداجر اولہ کرورن دہشو سکولہ سہاج ایبو باف
مستی سلاو بران کفد اتق ۲ کن فلاجران ۲
یشتلہ دفلاجرین درفد فر کاران دان حد ۲ یشتلہ
دفلاجری . ہندقلہ سلاو دفرسا کن کتاب ۲ دان
بو کو ۲ کران دسیتو کن دکیموین دالم ہاگین
افاکہ فر کارا یغ ماجو دان یغ لہ فلاجرانن ۶ ایبو
باف مستی سلاو ہرہاتیکن فکان ۲ توبہ بدان
اتغن کیران بردگیل اتو نامقرتی ہندقلہ ای
سندیری بکرج امقام مہواغ کو کوہا بوسوگی ۶
مشکوستی دای ۲ دان کو تر ۲ ران دیدان اتغن سفای
ترطعتلہ اتغن دغن فہر سبہ دان بوکادان صحبہ
سفای چرگس عقلن سکیرا ۲ مودھکن ہرہیا
فعاجران ۲ یغ تیغ ۲ ہاری دمہور کن اولہ کرورن
کفدان، کران ففانہ عرب اد بروکات : «العقل
السليم في الجسم السليم» ارتین عقل یغ صحبترا بیت
دودقن فد بدان یغ صحبترا .

دانلاکی ہندقلہ دنکہ دغن قواہ کیران تردغر
اتغن اد منوتر کن فر کتاب یغ کارا اتو ہاس یغ
کسہ ۶ افتہلاکی کلہ ۲ چاروہ ۶ کالو دہن کن کلک
ترطعتلہ ای دغن جاہہ مولہ تہکل بیت سوکرلہ

سام سکالی سمبیل بروکات : بیت مان فندي گورولہ ؟
ایبو باف جاعن لوف ادالہ اتغن بیت چوما ہیراف
جم سہاج دہشو فلاجران یغداہوہ کوالنی گورو ۲
نتافی کبابککن ماسن ایلہ دالم کوالرن دان
جگافن سندیری ، تا دافہ مشورغ گورو بیت
مہاول مرید ۲ن ہنگ دلوار سکولہ . والحاصل
تیدق کورغ کواجیقن ایبو باف مسفرت گورو
جوک . ایبو باف مستی ملہہ دان مہوانکن
فلاجران ۲ اتغن درومہ ، ایبو باف مستی بکر جسم
دغن گورو ۲ فد ماجو کن اتغن دالم فلاجران ،
اومقام فلاجران ۲ یغسورہ اولہ گورو مہاج ۶
مطالعہ دان محفظ درومہ مک ایبو باف مستی
بوسام ۲ مشعبیل ہاگین مہوانکن ۶ یغ سابلوق ۲ن
ہندقلہ دتقشکن ماس اتق ۲ن فد تیغ ۲
حالب اومقام ماس بوماین ۶ ماس مطالعہ ۶
ماس محفظ ۶ ماس ماکن مینوم ۶ ماس تیدور
دانساگین . اتو کیران گورو ہرنتہکن مرید ۲ن
مہراجن سمبیت لیم وقتو مثلاً مک تیاد مہری
بکس کفد مریکثیت لامون ایبو بفان مہر کن
سآوری ۲ ہاتی اتغن دغن تیدق دقوانکن ۶ جان
یغابلوقن سکالی ہندقلہ دہوا اتغن سمبیت بوسام ۲
سفای مدھمدان جادی طبیعہ کفدان . تیدیقن
اف ۲ فعاجران یغداجر دغن قاعدہ لسان الحال
بیت لہ مہری بکس کفد اتق ۲ بیت ارتین
دجنتوہکن فراشی کیت یغ مولیق کفد مرید ۲
بیت لہ مہری بکس درفد کیت اجر کندیہ
مفرہواہ بکیتو بکیتی فدحال تیدق دافہ دلہتن
چنتوہ یغ مولیق بیت ۶ اتو کیران گورو ہرنتہکن
مرید ۲ن مہلوم فر کی کسکولہ دان بالیقن ہندقلہ



sama sekali sambil berkata: Itu mana pandai gurulah?

Ibu bapa jangan lupa adalah anaknya itu cuma beberapa jam sahaja di bangku pelajaran yang di bawah kawalan guru-guru tetapi kebanyakan masanya ialah di dalam kawalan dan jagaannya sendiri, tak dapat seseorang guru itu mengawal murid-muridnya hingga di luar sekolah. Walhasil tidak kurang kewajipan ibu bapa seperti guru juga. Ibu bapa mesti melihat dan menguatkan pelajaran-pelajaran anaknya di rumah, ibu bapa mesti bekerjasama dengan guru-guru pada memajukan anaknya dalam pelajaran, umpama pelajaran-pelajaran yang disuruh oleh guru membaca, mutalaah dan mehafaz di rumah maka ibu bapa mesti bersama-sama mengambil bahagian menguatkan, yang seelok-eloknya hendaklah ditetapkan masa anak-anaknya pada tiap-tiap hal umpama masa bermain, masa mutalaah, masa mehafaz, masa makan minum, masa tidur dan sebagainya. Atau kiranya guru memerintahkan murid-muridnya mengerjakan sambahyang lima waktu misalan maka tiada memberi bekas kepada mereka itu lamun ibu bapanya memberikan seuri-uri hati anaknya dengan tidak dikuatkan, jalan yang eloknya sekali hendaklah dibawa anaknya sambahyang bersama-sama supaya mudah-mudahan jadi tabiat kepadanya. Pendeknya apa-apa pengajaran yang diajar dengan kaedah *lisān al-hāl* itu lebih memberi bekas kepada kanak-kanak itu ertinya dicontohkan perangai kita yang molek kepada murid-murid itu lebih memberi bekas daripada kita ajarkan dia memperbuat begitu begini padahal tidak dapat dilihatnya contoh yang molek itu, atau kiranya guru memerintahkan murid-muridnya sebelum pergi ke sekolah dan baliknya hendaklah

bersalam mencium tangan ibu bapanya janganlah ibu bapanya mencebik-cebikkan atau berkata-kata dengan perkataan yang menyenda-nyendakan atau menghinakan, bahkan mesti dikuatkan dan diingatkan tiap-tiap kali kiranya lupa kerana ia itu jadi suatu kemegahan baginya manakala besar kelak dan teradlatlah dengan sentiasa memuliakan dan menghormati ibu bapanya.

Dan lagi kebanyakan ibu bapa murid-murid tak mengambil hirau akan pelajaran anaknya, hanya memadakan dengan apa-apa yang diajar oleh gurunya di bangku sekolah sahaja. Ibu bapa mesti selalu bertanya kepada anak-anaknya akan pelajaran-pelajaran yang telah dipelajarinya daripada perkara-perkara dan had-had yang telah dipelajari. Hendaklah selalu diperiksa akan kitab-kitab dan buku-bukunya kerana di situ akan diketahuinya dalam bahagian apakah perkara yang maju dan yang lemah pelajarannya, ibu bapa mesti selalu memerhatikan pakaian-pakaian, tubuh badan anaknya kiranya berdegil atau tak mengerti hendaklah ia sendiri bekerja umpama membuang kuku, bersugi, menggosok daki-daki dan kotor-kotoran di badan anaknya supaya tertabiatlah anaknya dengan pembersih dan berkeadaan sihat supaya cergas akalnya sekira-kira memudahkan menerima pengajaran-pengajaran yang tiap-tiap hari dihamburkan oleh gurunya kepadanya, kerana pepatah Arab ada berkata: ((*Al-'aqlu al-salīmu fī al-jismi al-salīm*)) ertinya akal yang sejahtera itu duduknya pada badan yang sejahtera.

Dan lagi hendaklah ditegah dengan kuat kiranya terdengar anaknya ada menuturkan perkataan yang kasar, atau bahasa yang kesat, apatah lagi kalimah-kalimah carut, kalau dibiarkan kelak tertabiatlah ia dengan jahat mulut tatkala itu sukarlah

بويكورة

دالم تاهون 1880 فد ماس هوروارا دنكري
اير لندا ستورخ كفتن يغيرنام «بويكورة» تله
مبغادي و كين موعوة سيوارومه بانكي ستورخ كاي
قد تيف 2 بون . مك فندودوق 2 رومه يقدو كيان
ايت ستورخفون نياد هندق بمباير اوله سبب
ككاسرانن يفترفلوق 2، اكنشتافي كفتن بويكورة
تله مندافه فرولفن فوليس مقلواركن فندودوق 2
ايت . يهدمكين مريكشيت فون برمواقة دان
مبيري امارن كفتن بويكورة كتان : كامبي
سككين اكن مپوسهكن توان مشك ترفقسا توان
برفنده دري نكري اين . كفتن بويكورة فون منچيق .
دالم سدبكية ماس كمدن درفد ايت سموان بولاكو
يقول بگجان يشد كتاكن اوله مريكشيت كران
افبيل اي هندق بمبلي مكاكن ستورخ فون نياد
هندق ميخوال كفتان . دان نانم 2 منن افبيل ماسق
ستورخفون نياد هندق بمبلي دان بربانكي 2 لاكمي
كسواسن يشدداتشكن اوله مريكشيت فد اخرن
ترفقساله كفتن بويكورة منيقكلكن نكري ايت .
دمكينه اصل فركتان بويكورة مشك
ماس اينشون ماسيه دعملكن اوله اهل 2 فكرج
منكل ففكاجي 2 نياد دافة بمواسكن هاتي
مريكشيت . اكنشتافي لفظ بويكورة ايت تله
دكنتيكن اوله ملايو اندونسيا دغن «موكوه» دان
ملايو سمنجوخ «مولوكن»

اوله

شيخ منصور بن احمد

هندق موعوبن :

مك يغب سابلوع 23 هندقه دديديق اكندي
دغن لسان الحلال ارتين ايوو بان ايت سنديري
ملاكوكن نوتركات يشبايك 2 دان نيشكه لاكو
يهدرفوجي دهدافن انق 2 سقاي جادي ايكوتن
بانكين .

مك دغن جانن برتولغ 2 عر ، برنتقو 2 وان دان
بكرجسام دانتارا كورون 2 دان ايوو بان مريد 2
ان شاءالله ماجو فلاجران كاتق 2 ايت دغن سگرا
سرت جاديه اي ستورخ مودا يغب موقاي ايت
يهدرفوجي ، مدمدهان سمقه له اوچران دان چيتا 2
ايو بفان يشماليا لاني مهابسر صرت براوله كيهكياكن
بانكي كاتق 2 ايت دان جوا ايوو بفان صرت كورون
ددالم دنيا دان اخره . سقدر اين اگفن ماداي
بانكي جادي تتافن كفتن ايوو بان كاتق 2 يغب
سوكاكن كاجران اداكن .

احوال كيت

كيت تله مشككة فنوليس 2 خاص :-

- 1 . دوار — أ . محمد بن حاج ادريس .
- 2 . دباو فية — توانحاج عثمان بن
حاج محمد سعيد .
- 3 . دسگامة — توانحاج اشعري بن
حاج عبدالله .
- 4 . دفوتيتان — أ . صفر بن محمد صالح .
- 5 . دكوت تيفكي — أ . زكريا بن عبدالرحمن .
- 6 . دبرستغ — أ . طالب بن قاسم .





hendak mengubahnya.

Maka yang seelok-eloknya hendaklah dididik akan dia dengan *lisān al-hāl* ertinya ibu bapa itu sendiri melakukan tutur kata yang baik-baik dan tingkah laku yang terpuji di hadapan anak-anaknya supaya jadi ikutan baginya.

Maka dengan jalan bertolong-tolongan, berbantu-bantuan dan bekerjasama di antara guru-guru dan ibu bapa murid-murid *in shā-Allāh* maju pelajaran kanak-kanak itu dengan segera serta jadilah ia seorang muda yang mempunyai adab yang terpuji, mudah-mudahan sampailah tujuan dan cita-cita ibu bapanya yang mulia lagi maha besar serta beroleh kebahagiaan bagi kanak-kanak itu dan jua ibu bapanya serta gurunya di dalam dunia dan akhirat. Sekadar ini agaknya memadai bagi jadi tatapan kepada ibu bapa kanak-kanak yang sukakan kemajuan adanya.

Ehwal Kita

Kita telah mengangkat penulis-penulis khas:-

1. Di Muar – En. Muhammad bin Haji Idris.

2. Di Batu Pahat – Tuan Haji Osman bin

Haji Muhammad Said.

3. Di Segamat – Tuan Haji Ash'ari bin

Haji Abdullah.

4. Di Pontian – En. Safar bin Muhammad Saleh.

5. Di Kota Tinggi – En. Zakaria bin Abdul Rahman.

6. Di Mersing – En. Talib bin Kasim.

Boikot

Dalam tahun 1880 pada masa huru-hara di negeri

Ireland ada seorang kapten yang bernama ((Boycott)) telah menjadi wakil memungut suara rumah bagi seorang kaya pada tiap-tiap bulan. Maka penduduk-penduduk rumah yang diwakilinya itu seorang pun tiada hendak membayar oleh sebab kekasarannya yang terlampau-lampau, akan tetapi Kapten Boycott telah mendapat pertolongan polis mengeluarkan penduduk-penduduk itu. Yang demikian mereka itu pun bermuafakat dan memberi amaran kepada Kapten Boycott katanya: Kami sekalian akan menyusahkan tuan hingga terpaksa tuan berpindah dari negeri ini. Kapten Boycott pun mencebik. Dalam sedikit masa kemudian daripada itu semuanya berlaku betul bagaimana yang dikatakan oleh mereka itu kerana apabila ia hendak membeli makanan seorang pun tiada hendak menjual kepadanya. Dan tanam-tanamnya apabila masak seorang pun tiada hendak membeli dan berbagai-bagai lagi kesusahan yang didatangkan oleh mereka itu pada akhirnya terpaksalah Kapten Boycott meninggalkan negeri itu.

Demikianlah asal perkataan boikot hingga

masa ini pun masih diamalkan oleh ahli-ahli pekerja manakala penggaji-penggajinya tiada dapat memuaskan hati mereka itu. Akan tetapi lafaz boikot itu telah digantikan oleh Melayu Indonesia dengan ((mogok)) dan Melayu Semenanjung ((memulaukan))

Oleh

Syeikh Mansur bin Ahmad

کلمیہن رمضان دان فواس

ای مغاول دیری درفد بولبه ۲ هن فد ماکن دان
مینوم دان بوله قول میبکه دان پیچمکه اکن کهندق ۲
شهوآه دان هوا نفسون .

هوا دغن توجوان ابنله نوهن بقأمة موره لاگي
فقاویه ایت مواجیکن کأتس امة یهودی دانت
نصرانی بگیان فرمانی « يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ
عَلَيْكُمْ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ » ارتین هی اورغ ۲ بقهر ایمان تله
دفرضو دان دواجیکن کأتس کامو فواس دالم
بولن رمضان سبگیان تله دواجیکن کأتس مریک
یهدهلولا کالا درفد نی ۲ دان آمن یا ایت درمنجیق
نبی الله ادم هتک کفد ماس کامو ۲ سفای کامو
ناکوة دان بوله مغاول دان منجاک دیری درفد
سکل معصبه دغن سبب پیچفرناکن فواس ایت .

منکل اذاله امة اسلام این امة یغ فرئشاهن
(تیدق تکغ برجیلا ۲ دان کندور بردنتیم ۲)
تیدق ای ملمقوی ساعته هتک تورن دری درجتن
یغ نیشکی کفد لیشکوعن حیوان ۲ دان تیدقله
قول ای ملمقو ۲ مناھنکندیری درفد ماکن مینوم
هتک ملمیکن توبه بدان دان مهبیاشکن کقواتن
تنگان سبگیان یثله جولا کو کفد امة بشا چینا
دان هندو ۲ مریکشیت بر فواس سفنغ ماس هتک
لمقوی درفد یثد کهندق کی اوله الله بگیان یثله
کیت لبه فواق ۲ برمان دان کتوا ۲ بودیس ،
مریکشیت منولق دان برنجیسکن صام سکالی درفد
مگوناکن نعه ۲ نوهن هتک له امة دان بشا

هوا کیت دغن تواضع شوچنکن کشکوران
یغ سمات ۲ باگی نوهن یهمها بر کواس دانت
یهمها موره اوله جولم ۲ کظاهران « فرایدوران »
کیت بر بقول دغن اول رمضان المبارک یا ایت سوات
بولن یغ سہاس ۲ بر کتہ دان نیشکی قدرن دسیسی
الله دان سیاہس ۲ بسر فاندغن کفد عالم مانسی ۲
کران دالمپاله دنویسکن قرأت الکریم کفد
ککسہن صلی الله علیه وسلم یا ایت سوات انداغ ۲
یغ سہاس ۲ سقسام دان بر فادن دغن تیف ۲ زمان
دان نغہ ۲ دان تریات دالم ایت سکل جنس علم
غفتھوان دان فندوان میدوف باگی مریک بقهر ایمان
دغندی دان نتف اکن بمغواله کھیکان دالم
دنیا دات آخره .

مک دسینی واجب کیت رقمکن سدبکیه
درفد کلبین دان حکمہ فواس ۲ مدمدان منجادی
سوات وصیلہ باگی مبرکاتی فرکوارت کیت
منجوعی فباج ۲ درفد اومه مسلمین عامن دان
امة ملایو خاصن :-

جیک ستورغ مالواسکن فرھاتین نسچای
ددا فانتن هوا الله سبحانه وتعالی تیدق سکالی ۲
مبیر کن همیان بشداتس مولک بوی این برکادان
چمر دان دغن نیاد بر کوسین دان دبیدقن یغ
نیشکی ۲ درایت تله دواجیکن کأتس سموا امة
بر فواس سفای منھاوھکندیری درفد تھکل دالم
لاوه کا یقین (شہوآه) دان ملمقو ۲ فد ماکن
مینوم ۲ کران دیری دان روح مانسی ایت اد حق
بوله نیشکہ کفد درجه یقابہ نیشکی اقبیل دافہ





Kelebihan Ramaḍān dan Puasa



Bahawa kita dengan tawaduk mengucapkan kesyukuran yang semata-mata bagi Tuhan Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Murah oleh julung-julung kezahiran ((Peredaran)) kita berbetul dengan awal Ramaḍān al-Mubārak iaitu suatu bulan yang sehabis-habis berkat dan tinggi kadarnya di sisi Allah, dan sehabis-habis besar faedahnya kepada alam manusia, kerana di dalamnyalah diturunkan Qur'an al-Karīm kepada kekasih-Nya *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* iaitu suatu undang-undang yang sehabis-habis saksama dan berpadan dengan tiap-tiap zaman dan tempat. Dan ternyata di dalamnya itu segala jenis ilmu pengetahuan dan panduan hidup bagi mereka yang beriman dengan dia dan tetap akan memperoleh kebahagiaan di dalam dunia dan akhirat.

Maka di sini wajib kita rakamkan sedikit daripada kelebihan dan hikmah puasa, mudah-mudahan menjadi suatu wasilah bagi memberkati perkeluaran kita mengunjungi pembaca-pembaca daripada umat Muslimin amnya dan umat Melayu khasnya:—

Jika seorang meluaskan perhatiannya nescaya didapatinya bahawa Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* tidak sekali-kali membiarkan hamba-Nya yang di atas muka bumi ini berkeadaan cemar dan dengan tiada berkebersihan dan didikan yang tinggi. Dari itu telah diwajibkan-Nya ke atas semua umat berpuasa supaya menjauhkan diri daripada tenggelam di dalam laut keinginan (syahwat) dan melampau-lampau pada makan minum, kerana diri dan roh manusia itu ada hak boleh meningkat kepada darjat yang lebih tinggi apabila dapat

ia mengawal diri daripada berlebih-lebihan pada makan dan minum dan boleh pula menyekat dan menyanggah akan kehendak-kehendak syahwat dan hawa nafsunya.

Bahawa dengan tujuan inilah Tuhan Yang Amat Murah lagi Pengasih itu mewajibkan ke atas umat Yahudi dan Nasrani bagaimana firman-Nya ((*Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū kutiba 'alaykumu al-ṣiyāmu kamā kutiba 'alā al-ladhīna min qablikum la'allakum tattaqūn*)) ertinya hai orang-orang yang beriman telah difardu dan diwajibkan ke atas kamu puasa dalam bulan Ramaḍān sebagaimana telah diwajibkan ke atas mereka yang dahulukala daripada nabi-nabi dan umatnya iaitu dari semenjak Nabi Allah Ādam hingga kepada masa kamu, supaya kamu takut dan boleh mengawal dan menjaga diri daripada segala maksiat dengan sebab menyempurnakan puasa itu.

Manakala adalah umat Islam ini umat yang pertengahan (tidak tegang berjela-jela dan kendur berdenting-denting) tidak ia melampau sangat hingga turun dari darjatnya yang tinggi kepada lingkungan haiwan-haiwan dan tidaklah pula ia melampau-lampau menahankan diri daripada makan minum hingga melemahkan tubuh badan dan menghilangkan kekuatan tenaganya sebagaimana yang telah berlaku kepada umat bangsa Cina dan Hindu, mereka itu berpuasa sepanjang masa hingga melampau daripada yang dikehendaki oleh Allah bagaimana yang telah kita lihat puak-puak Brahman dan ketua-ketua *Buddhist*, mereka itu menolak dan merenjiskan sama sekali daripada menggunakan nikmat-nikmat Tuhan hingga lemah umat dan bangsa

* الو ۲ وان رمضان *

واهي رمضان بولن بضمليا
قدرو تيشكي لايكي بهيگيا
مپماكن تارف مسكين دان كاي
سفاهي هيدوف سام ساي .
كداتهنمو اين نيچادي رحمة

اوله مشندوخ بپراف حكمة
مبيري شفاعة يوم القيامة
كفد سكلين امة محمد .
واهي رمضان بغ تيشكي قدر
اولمو هلال فرتهامن بدر
اخر موابت ليلة القدر
له درقد سويبو بدر

فضيلتمو بسر تباد بوهفك
له درقد بونته كليگيا
دناگ كوئر موماسكن دهك
هفك كفد ستهكي ۲ شرگ .

* كمل حكمة *

- 10 . ساتو كچلاكان ايت له ريشن درقد
دوا چلاك .
- 11 . سبايك ۲ فكريجان ايت فكريجان بغ جاي .
- 12 . اورعيق فناكوة ايت دونه اكندي اوله
اورعيق دباوهن .
- 13 . جاشن كابو هارف بوله عميق اعكور
درقد قوهن دوروي .
- 14 . بنه علمو ايت لوف .
- 15 . بنه مروءه ايت موعكبر جنجي .

ايت دسيبي فنداغن دنيا هفك عاقبه مريكثيت
ترماشق دباوه تافق كاكي بقسا ۲ باره دان هيناله
مريكثيت دسيبي اورغ ۲ بغ طعم ۶ مك ايتوله
سبين الله سبحانه وتعالى تله مواجبكن كاتس امة
اسلام برفواس بپراف هاري - هاج دالم ستاهن
بايت سبولن بولن رمضان سفاهي دافه منچافي
كدوا ۲۱ مرچو كتهگين دان كهپكيان هيدوف
ددالم دنيا دان آخرة بايت قواة قوبه بدان دان
ترلايه روح منيشكة فد درجه يشابه تيشكي ،
مك امة بدمسكين اينله بغ ساعه لابق مگخ دان
مشاول كاريسن بوي تيمور دان باره . دان اينله
امة بشوله منجوقكن كفد امة بقلان اكر
كلاليفكن بوله مندو دان ميمفين مانسي كفدجالن
كهپكيان فد تيف ۲ زمان دان نمفة .

اكتفتافي جاشله كيت لوف بهوا فواس ايت
ترهباكي كفد نيگ بهاگين : فواس عموم ، فواس
خصوص دان فواس خصوص الخصوص ادفونن
فواس عموم ايت ايله مناهن هوا نفسو درقد ماكن
بينوم دان فرج دان شهواة دان كايشتنن بگيان
يشمله تريات حكم ۲ن ددالم كتاب ۲ فقه . دان
فواس خصوص ايت ايله مناهن تليغا، مات، ليده ،
كاكي، تاغن دانلارين ۲ اعكوت درقد سكل صفة
كچلان ۶ منسل فواس خصوص الخصوص ايت
فول ايله فواس دان مناهن هافي درقد سكل حال ۲
يشيرگتوخ دغن كچندورغن بتهربسا كفد دنيا ،
دان جوا مناهن ديري درقد ايشكن بقلان درقد
الله ، مك جادي بطل فواس اين دغن ميمكر كن
بقلان درقد الله تعالى، مك اينله ستهكي ۲ درجه
فواس بغ ملاكافي فد سكل معنان .





itu di sisi pandangan dunia hingga akibat mereka itu

termasuk di bawah tapak kaki bangsa-bangsa Barat dan hinalah mereka itu di sisi orang-orang yang tamak, maka itulah sebabnya Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah mewajibkan ke atas umat Islam berpuasa beberapa hari sahaja dalam setahun iaitu sebulan bulan Ramadān supaya dapat mencapai kedua-dua mercu ketinggian dan kebahagiaan hidup di dalam dunia dan akhirat iaitu kuat tubuh badan dan terlatih roh meningkat pada darjat yang lebih tinggi, maka umat yang demikian inilah yang sangat layak memegang dan mengawal garisan bumi timur dan barat. Dan inilah umat yang boleh menunjukkan kepada umat yang lain akan kelayakannya boleh memandu dan memimpin manusia kepada jalan kebahagiaan pada tiap-tiap zaman dan tempat.

Akan tetapi janganlah kita lupa bahawa puasa itu terbahagi kepada tiga bahagian: puasa '*umūm*, puasa *khusūs* dan puasa *khusūs al-khusūs*. Adapun puasa '*umūm* itu ialah menahan hawa nafsu daripada makan minum dan faraj dan syahwat dan keinginannya bagaimana yang telah ternyata hukum-hukumnya di dalam kitab-kitab fekah. Dan puasa *khusūs* itu ialah menahan telinga, mata, lidah, kaki, tangan dan lain-lain anggota daripada segala sifat kecelaaannya, manakala puasa *khusūs al-khusūs* itu pula ialah puasa dan menahan hati daripada segala hal-hal yang bergantung dengan kecenderungannya yang terbangsa kepada dunia, dan jua menahan diri daripada ingatkan yang lain daripada Allah, maka jadi batal puasa ini dengan memikirkan yang lain daripada Allah Ta'ālā, maka inilah setinggi-tinggi darjat puasa yang melengkap pada segala maknanya.



Alu-aluan Ramadān



Wahai Ramadān bulan yang mulia
Kadarmu tinggi lagi bahagia
Menyamakan taraf miskin dan kaya
Supaya hidup sama seia.
Kedatanganmu ini menjadi rahmat
Oleh mengandung beberapa hikmat
Memberi syafaat *Yawm al-Qiyāmah*
Kepada sekalian umat Muhammad.
Wahai Ramadān yang tinggi kadar
Awalmu *hilāl* pertengahan *Badr*
Akhirmu itu *Laylah al-Qadr*
Lebih daripada seribu *Badr*
Fadilatmu besar tiada berhingga
Lebih daripada buntat geliga
Di telaga *Kawthar* memuaskan dahaga
Hingga kepada setinggi-tinggi syurga.



Gemala Hikmat



10. Satu kecelakaan itu lebih ringan daripada dua celaka.
11. Sebaik-baik pekerjaan itu pekerjaan yang jaya.
12. Orang yang penakut itu dibunuh akan dia oleh orang yang di bawahnya.
13. Jangan kamu harap boleh memetik anggur daripada pohon duri.
14. Bunuh ilmu itu lupa.
15. Bunuh maruah itu mungkir janji.

تدبير رومه تشڪ

زمان مودرن اين يا بت زمان مانسي له مستمكن چارا بغيرفراوران دالم سگل حال . دسيني تيدق وراقي رومه تشڪ كيت مستي دهباس دغن فوراكس ۲ يڻ مهل ۲ دان اينده ۲، تنافي سباليقن سكاليفون هان دغن چارا بويتمقوه ۲ برفون دي هان دهباسي دغن فتنس ۲ بڻنديق وركومي دان بولاريق تنافي بوسيه، بوسيه دسان سيني . نباد هابوه، نباد دسلراقي سارخ لابه ۰۲ ۲تمقه مڪانم ۲ فڪاين چنتيق تراور . ددافور، دييلىق تيدور دسرات چروه دان لواغ ستهباس دساغو دان دماسقن چيبا، متاري . نباد بايق تين ۲ دان بوتل ۲ كوسغ داتس بلس، دباوه فتنس، دبايق فتنو بگيان چارا سومن فد كبايقن رومه تشڪ كيت ماس دهولو، همك همفرد ۲ سوكو درفد بياگين رومه ايت ترجادي تمقه سيمقان بارخ ۲ بعتباد وركون، بارخ ۲ يهدكار اوله ايوو ۲ كيت دهولو سباكي « يهدجوال تالاكو دبواغ ساينغ » مك ايتوله دسيغن ۰۲ منوره چارا كچره ان رومه ميمغ بارخ ۲ يڻ صفرت اين تين ۲، بوتل ۲ كوسغ، تالي، قرطس ۲ اوقبه د ۰ لا . ايت تيدق هاروس دبواغ استمبوا بارخ ۲ اين كرف دكهندقكي انتوه مېغن اتو مقيسي اف ۲ يڻ فرلو، تنافي ايوو چاغله بارخ ۲ اين دبير ترلق دمان ۲ سهاج دالم رومه تشڪ كيت . سموليق ۲۸ دسدباكن ساقو كوتق اتو تين بسره بارخ ۲ اين (تین د ۰ لا) ايت دباسوه دان دجهور دهولو . سده كريغ ايسپكن كدالم كوتق ايت دان صيمقته دمان ۲ تمسه يڻ مناسبه دييلىق سيمقان اتو سامقان . اين اداله سرشكس ۲ جال ماس بارخ ۲ ايت دكهندقكي دغن سرت سرت جوگ چارا يڻ

عالم كيشكيتن ملايو مستي دلواسكن، صايف كماجوانن مستي دلبركن دان دالم كيشكيتن اين تناك ۲ قوم ايوو كيت ساعة دكهندقكي دبسر دان دكفولكن انتوه مېوسن باريسن فقدي مفرجواغي نصيب تانه اير كيت يهدكابهسي سگهفون بگيتو چاغن هندقن قوم ۲ فقدي كيت ترساله نهم يا بت بو كتن فرجواغن اين وراقي يڻ تيف ۲ فقدي كيت مستي تروس ماسق برقفور دميدان ۲ فوليتيق مفرنجشك سوا ل نكري جوگ دميدان اقتصاد دان فلاجران يڻ نېگي ۲ دان سوليه ۲ ادان ايت . سبب دسيني نباد بوله دفرجواغي دغن هان ادان سماغه كسدران يغير كوبر ۲ سهاج تنافي مستي دفرجواغن دغن علم فقتهوان دان نيامن يڻ تشكي دالم فصل ۲ ايت، سباليقن تيف ۲ يڻ تشكي، تيف ۲ يڻ سوليه ايت سده نتوه براصل دري بونده ۲ دان بوسنم ۲ . درأيت دسينيله سودارا ۲ باريسن كيشكيتن كيت قوم فقدي هاري اين مستي دسومن دان داتور انتوه مېناه تانق نوشغن . شار كه كيت يڻ تكوه قواة دالم چارا ۲ برفوليتيق ورايكونومي دان سگل ۲ .

رومه تشڪ اداله ساتو دري تياغ ۲ شار كه دغن مېوسن كدودقكن، تلق دان اتورنن رومه تشڪ وراقي مېوسن چنتيق موليقن . شار كه دان مېناه كسمرنان فرديرين نكارا بگيتوله مېوسن . منوره ترتيب سومن اين مك كادان رومه تشڪ كيت اورخ ۲ ملايو دسيني داوه جورق ورنان سكهرا ۲ مناسبه انتوه دجادبكن تمغه هيدوف



Tadbir Rumah Tangga

Alam kebangkitan Melayu mesti diluaskan, sayap kemajuannya mesti dilebarkan dan dalam kebangkitan ini tenaga-tenaga kaum ibu kita sangat dikehendaki dibesarkan dan dikumpulkan untuk menyusun barisan puteri memperjuangi nasib tanah air kita yang dikasihi. Sungguhpun begitu jangan hendaknya kaum-kaum puteri kita tersalah faham iaitu bukannya perjuangan ini bererti yang tiap-tiap puteri kita mesti terus masuk bertempur di medan-medan politik memperbincangkan soal negeri juga di medan-medan iktisad dan pelajaran yang tinggi-tinggi dan sulit-sulit adanya itu. Sebab di sini tiada boleh diperjuangi dengan hanya adanya semangat kesedaran yang berkobar-kobar sahaja tetapi mesti diperjuangkan dengan ilmu pengetahuan dan fahaman yang tinggi di dalam fasal-fasal itu, sebaliknya tiap-tiap yang tinggi, tiap-tiap yang sulit itu sudah tentu berasal dari berendah-rendah dan bersenang-senang. Dari itu di sinilah saudara-saudara barisan kebangkitan kita kaum puteri hari ini mesti disusun dan diatur untuk membina tapak tunjangnya masyarakat kita yang teguh kuat dalam cara-cara berpolitik berekonomi dan segala-galanya.

Rumah tangga adalah satu dari tiang-tiang masyarakat dengan menyusun kedudukan, letak dan aturnya rumah tangga bererti menyusun cantik moleknnya masyarakat dan membina kesempurnaan perdirian negara begitulah seterusnya. Menurut tertib susunan ini maka keadaan rumah tangga kita orang-orang Melayu di sini diubah corak warnanya sekira-kira munasabah untuk dijadikan tempat hidup

zaman *modern* ini iaitu zaman manusia lebih memustahakkan cara yang berperaturan di dalam segala hal. Di sini tidak bererti rumah tangga kita mesti dihias dengan perkakas-perkakas yang mahal-mahal dan indah-indah, tetapi sebaliknya sekalipun hanya dengan cara bertempoh-tempoh biarpun dia hanya dihiasi dengan pentas-pentas yang tidak berkumai dan berlarik tetapi bersih, bersih di sana sini tiada habuk, tiada diselirati sarang labah-labah. Tempat-tempat makanan, pakaian cantik teratur. Di dapur, di bilik tidur di serata ceruk dan luang sentiasa disapu dan dimasukkan cahaya matahari. Tiada banyak tin-tin dan botol-botol kosong di atas belebas, di bawah pentas, di balik pintu bagaimana cara susunan pada kebanyakan rumah tangga kita masa dahulu, hingga hampir-hampir sesuku daripada bahagian rumah itu terjadi tempat simpanan barang-barang yang tiada berguna, barang-barang yang digelari oleh ibu-ibu kita dahulu sebagai ((yang dijual tak laku dibuang sayang)) maka itulah disimpan-simpan. Menurut cara kecermatan rumah memang barang-barang yang seperti itu tin-tin, botol-botol kosong, tali, kertas-kertas upih dll¹ itu tidak harus dibuang istimewa barang-barang ini kerap dikehendaki untuk menyimpan atau mengisi apa-apa yang perlu, tetapi ibu-ibu janganlah barang-barang ini dibiarkan terletak di mana-mana sahaja dalam rumah tangga kita. Semolek-moleknnya disediakan satu kotak atau tin besar. Barang-barang ini (tin dll) itu dibasuh dan dijemur dahulu. Sudah kering isikan ke dalam kotak itu dan simpanlah di mana-mana tempat yang munasabah di bilik simpanan atau seumpamanya. Ini adalah seringkas-ringkas jalan masa barang-barang itu dikehendaki dengan serta-merta juga cara yang

¹ Merujuk kepada 'dan lain-lain'.

لاگي، لانپهله انق ۲ فرموشان ايت دري مريك
كچيل سكاليفون مريك ماسيه بر عمر 4، 5 تاهن
سهاج سفاي منوكر اير دتقه ۲ بوغا ۲۳ ايت،
مبواغ داك مشكنتي مان ۲ يثم سده كر يثم . فوجي
اكن كراجهين مريك دغن گله يثم ميري كسو كان
دان كگمران انق ۲ ايت، نتي دي سوك بكرج
دان اين اداله جان ۲ ملاتيه انق ايت . كاسيه اكن
فكر جان، چوگك جانن باكي مچيكن كدالم
هاتي انق ۲ فرموشان ايت سهاي مستحقكن رومه
تفكشان دان منجاري سوات انتو ميري كانداهن
دتقه تيشگل مريك ادان .

(تامن عبارة)

- كالو صحابة داتم برتان ،
- تامن عبارة دمان ارهن .
- تمه سماعه تومشغ برتدوه ،
- لقس بكرج برمندي قلوه .
- ساي بروكات دسيبي توات ،
- ملير فرایدردان تامن هيوران .
- دسان بايق بوغا نن چنتيق ،
- توان نن بييس بوله ممتيق .
- كالو كن اد دورې يثم بواس ،
- چاشن كبران توان نن تيواس .
- دجيو بلبا يثم چكل كراس ،
- دسيبو بوغا توان نن هياس .
- نتفاني ساتو يثم ساي هارف ،
- فتناشن بوغا تولغ اعتراف .
- چاشن كبران دبهير لا بو،
- بوغا سماعه هيدوف ملابو!!
- اوله «صفيه»

مستحق انتو مليرا كصحاتن درومه تفك .
دندبغ يثم بايق براتور دغن بارغ ۲ دان كمبر ۲
ايت بوكان سهاج سوسه مبر-مركن، جوگك
دسيبو اكن جادي تمه فرصيگهان هابو يثم بايق
يشوله ميري هيا كشد انق ۲ يثيرمان ۲ دسيبو
استديو سباتي كلارين انق ۲ يمعن سوك مشولوم ۲
مكانن اتو فرماين ۲ ماس مريك برمان ۲ ايت،
سلاين دري اين اداله تمه ايت مقوسكن فنداغن
دان مريسو كن هاتي . فدهاري اين ادابو ۲ يفتله
منيشكن بوغا ۲ دان داون ۲ انتو دجادبكن
فرهياسن ددالم رومه ، اين باگوس دان فاقوه
دجادبكن سوات فراتوران يثم تيواس درومه تفك .
ددالم كهيدوفن بشا نيغون ساتو كسنين يفتله
دتيبو لکن اوله قوم ۲ فدين ايله دري چارا ۲
مريك معاوتور بوغا ۲ انتو فرهياسن درومه مريك .
راس ساي ترلالو موليق كالو كسنين اين دافه
دتيبو لکن ددالم شاركة قوم فقري كيت ملابو
يثم اكنداغ ، جوگك دماس اين . ديوي كيت ،
دتقي ۲ فاربه ، دچله ۲ فاكز ، دكشوغ ۲ برباكي ۲
روف بوغا ۲ دان داون ۲ يثم چنتيق سقرت فاكس ۲ ،
رسم ۲ دان برباكي ۲ فود يثم يثيرورن ۲ تمبه متهياسي
نگارا كيت . مك سده تنتوله موليق كالو
تمبه ۲ هن ايت دوسن دان دائور قول انتو
ميجادي فرهياسن درومه كيت يثيرارقي هوا كيت
فتدي ۲ ملابو تله نايك منيشكة لاگي دالم چارا
بر كانسيات اتو برسيملا يز ، سبب ساتو درفد
چاران برسيملا يز ايت ايله افكل بشا ۲ ايت تله
فندي مندغ دان مفرگونا كن چنتيق موليقن
كجادين ۲ عالم يثم سمولا جادي سام اد دري
تمبه ۲ هن ، هيدوف ۲ فن ، لاوه لاغيتن دولا .





mustahak untuk memelihara kesihatan di rumah tangga.

Dinding yang banyak beratur dengan barang-barang dan gambar-gambar itu bukannya sahaja susah membersihkannya, juga di situ akan jadi tempat persinggahan habuk yang banyak yang boleh memberi bahaya kepada anak-anak yang bermain-main di situ istimewa sebagai kelaziman anak-anak memang suka mengulum-ngulum makanan atau permainan-permainannya masa mereka bermain-main itu, selain dari ini adalah tempat itu mengusutkan pemandangan dan merisaukan hati. Pada hari ini ada ibu-ibu yang telah mementingkan bunga-bunga dan daun-daun untuk dijadikan perhiasan di dalam rumah, ini bagus dan patut dijadikan suatu peraturan yang terbiasa di rumah-rumah tangga.

Di dalam kehidupan bangsa Nippon satu kesenian yang telah ditimbulkan oleh kaum-kaum puterinya ialah dari cara-cara mereka mengatur bunga-bunga untuk perhiasan di rumah mereka. Rasa saya terlalu molek kalau kesenian ini dapat ditimbulkan di dalam masyarakat kaum puteri kita Melayu yang akan datang, juga di masa ini. Di bumi kita, di tepi-tepi parit, di celah-celah pagar, di kampung-kampung berbagai-bagai rupa bunga-bunga dan daun-daun yang cantik seperti pakis-pakis, resam-resam dan berbagai-bagai puding yang berwarna-warna tumbuh menghiasi negara kita. Maka sudah tentu lebih molek kalau tumbuh-tumbuhan itu disusun dan diatur pula untuk menjadi perhiasan di rumah kita yang bererti bahawa kita puteri-puteri Melayu telah naik setingkat lagi dalam cara berkemanusiaan atau *bercivilize*, sebab satu daripada cara-caranya *bercivilize* itu ialah apakala bangsa-bangsa itu telah pandai memandang dan mempergunakan cantik moleknnya kejadian-kejadian alam yang semula jadi sama ada dari tumbuh-tumbuhannya, hidup-hidupannya, laut langitnya dll.

Lagi, latihlah anak-anak perempuan itu dari mereka kecil sekalipun mereka masih berumur 4, 5 tahun sahaja supaya memutar air di tempat-tempat bunga-bunga itu, membuang dan mengganti mana-mana yang sudah kering. Puji akan kerajinan mereka dengan kalimah yang memberi kesukaan dan kegemaran anak-anak itu, nanti dia suka bekerja dan ini adalah jalan-jalan melatih anak itu kasih akan pekerjaannya, juga jalan bagi menyemaikan ke dalam hati anak-anak perempuan itu supaya memustahakkan rumah tangganya dan mencari sesuatu untuk memberi keindahan di tempat tinggal mereka adanya.

(Taman Ibarat)

Kalau sahabat datang bertanya,
Taman ibarat di mana arahnya.
Tempat semangat tumpang berteduh,
Lepas bekerja bermandi peluh.
Saya berkata di sini tuan,
Di lembar Peredaran taman hiburan.
Di sana banyak bunga nan cantik,
Tuan nan bebas boleh memetik.
Kalaupun ada duri yang buas,
Jangan kiranya tuan nan tewas.
Di jiwa belia yang cekal keras,
Di situ bunga tuan nan hias.
Tetapi satu yang saya harap,
Pintangan bunga tolong iktiraf.
Jangan kiranya dibiar layu,
Bunga semangat hidup Melayu!!

Oleh ((Sofiah))

تاریخ فرسوراتن بهاس ملايو

دالم علم راگمکات (صرف) بأیت حرف فندفن (فندبه هدافن) دفاکي فد فرکتان نام - سورة -
بغ منجادبکن فرکتان ایت فربوانن لمفوي دغن
مقصود بواة اتو جادبکن ارتين: بواة کا دأن بقتله
ولا کو دسيسې سوات بقتسا دالم بهاسن سفای
جادي برسورة اتو فرولیس دان جادبکن فریحال
کارغن ۲ بغ لورس اتو فرعکف دان برسوکه
دغن تیباعن سفای ترسورة دالم بوکو ایغانن
فرسوراتن بفاکن تیغکل سلملمان .

(فتخان ارتي فرسوراتن)

اداله علم فرسوراتن بأیت علم مېلیدیق اکن
فریشکة ۲ بقتله بولا کو زمان دهولو دالم بهاس
استمیوا دالم فرسوراتن مرت مبیامة فریحال ۲ بغ
مندانتسکن بیراف فراوبانن بهارو دان منتونکن
تاریخ هیدوف فندبت ۲ اتو فوجشک ۲ بغ ملاکوکن
فراوبانن ایت اتوفون سبب ۲ بغ منجادبکن
بولا کوکن، دان جوا مغورابکن معنا ۲ فرکتان
شعیر، فنتون، گربندم دان سلوک بغ فیته دان
کلبین ماسیغ ۲ اهل شعیر اتو اهل اوچاقن بقتله
دبو کاکن اوله توهن هاتی مریک اتو، نرییتسکن
برماچم ۲ کا بلوکن بواہ کارغن بقرعکف
دان نشر .

دانلاکي سوراتن ایت چرمین کتسگین عقل
فیکران بقتسا، تاریخ، اداب کسوفانن نوسا، فساک
فربندهران فرسوراتن دالم فلباکي فریشکة دیوان،
اوکران تمشکی رنده موتو بهاس، منوره کلیان دان

سان اداله تاریخ فرسوراتن بهاس ایت بوله
دکتاکن ساتو درقد چواغن علم بغ بهارو تریبة
دسیسی کیت اورغ ۲ ملايو بکن بلوم فرنه لاکي کیت
دغراد اورغ ۲ بقراسها معارغ تاریخ فرسوراتن
بهاسن فد حال فتهوان فرسوراتن مریک ددافاتی بایق
برتابور تیردهران فربندهران حکابة ۲ لام، چریتا ۲ دان
شعیر فنتون بغ اتو ۲ بقتیاد دکثولکن سفای جادي ساتو
علم بقرسندیرین بگجان دالم بهاس ۲ امیغ .

(فربندهغن)

حتی نام علم فرسوراتن ایفتون بهارو جوا
تیمبول دالم بهاگین فتمهوان دریکا اوله (فسکانن
بهاس ملايو فرسوراتن بوکو دراج جوهر) بأیت
برندیش دغن (کسوستران) دالم منتارات
بشدهمناکن اوله هیتق فوجشک بهارو دسبله اندونسیا
(أدب اللغة) دالم بهاس عرب (لیتویجو) دالم
بهاس اعگریس .

(فچانن فرکتان فرسوراتن)

اداله فرکتان فرسوراتن ایت ترسون درقد
سورة - تولیسن حرف دانس فرطس، داون، کولیه ۲
کایو اتو بتانغ اتوفون داو کیر دانس باتو سفرت
بشددافاتی دالم کس ۲ لام - بیوره - کا دأن
مقرحاکن فربوانن سورة اتو منولیس: بیوره - بأیت
فبواة کرج بیوره دان منولیس سفرت اهل فقارغ
دان فشمه دان سو فمیان - سوراتن - کا دأن
منتجوفکن کسن بقرحاصل درقد فربوانن بیوره
دان فرسوراتن ایت درقد دوا فانه فرکتان - فر -



Tarikh Persuratan Bahasa Melayu

Sanya adalah tarikh persuratan bahasa itu boleh dikatakan satu daripada cawangan ilmu yang baharu terbit di sisi kita orang-orang Melayu bahkan belum pernah lagi kita dengar ada orang-orang yang berusaha mengarang tarikh persuratan bahasanya padahal pengetahuan persuratan mereka didapati banyak bertabur tebar dalam perbendaharaan hikayat-hikayat lama, cerita-cerita dan syair-syair pantun tua-tua yang tiada dikumpulkan supaya jadi satu ilmu yang bersendirian bagaimana dalam bahasa-bahasa asing.

(Perbandingannya)

Hatta nama ilmu persuratan itu pun baharu jua timbul dalam bahagian pengetahuan direka oleh (Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor) iaitu berbanding dengan (kesusasteraan) dalam hantaran yang dimaknakan oleh pihak pujangga baharu di sebelah Indonesia (*adab al-lughah*) dalam bahasa Arab (*literature*) dalam bahasa Inggeris.

(Pecahan Perkataan Persuratan)

Adalah perkataan persuratan itu tersusun daripada surat – tulisan huruf di atas kertas, daun, kulit-kulit kayu atau binatang atau pun diukir di atas batu seperti yang didapati dalam kesan-kesan lama – menyurat – keadaan mengerjakan perbuatan surat atau menulis. Penyurat – iaitu pembuat kerja menyurat dan menulis seperti ahli pengarang dan pensyair dan seumpamanya – suratan – keadaan menunjukkan kesan yang berhasil daripada perbuatan menyurat dan persuratan itu daripada dua patah perkataan. Per –

dalam ilmu ragam kata (*sarf*) iaitu huruf pendepan (penambah hadapan) dipakai pada perkataan nama – surat – yang menjadikan perkataan itu perbuatan melampaui dengan maksud dibuat atau jadikan artinya: buat keadaan yang telah berlaku di sisi suatu bangsa dalam bahasanya supaya jadi bersurat atau bertulis dan jadikan perihal karangan-karangan yang lurus atau berangkup dan bersukut dengan timbangan supaya tersurat dalam buku ingatan persuratan yang akan tinggal selama-lamanya.

(Pengenalan Erti Persuratan)

Adalah ilmu persuratan iaitu ilmu menyelidik akan peringkat-peringkat yang telah berlaku zaman dahulu dalam bahasa istimewa dalam persuratan serta menyasiat perihal-perihal yang mendatangkan beberapa perubahan baharu dan menentukan tarikh hidup pendeta-pendeta atau pujangga-pujangga yang melakukan perubahan itu ataupun sebab-sebab yang menjadikan berlakunya, dan jua menguraikan makna-makna perkataan, syair, pantun, gurindam dan seloka yang petah dan kelebihan masing-masing ahli syair atau ahli ucapan yang telah dibukakan oleh Tuhan hati mereka untuk menerbitkan bermacam-macam keelokan buah karangan yang berangkup dan *nashar*.

Dan lagi suratan itu cermin ketinggian akal fikiran bangsa, tarikh, adab kesopanan nusa, pusaka perbendaharaan persuratan dalam pelbagai peringkat dewasa, ukuran tinggi rendah mutu bahasa, menurut kemuliaan dan

دانلانی ادول ستفه ۲ فندیت اتو فوجشک
یغ ملواسکن اوراین سوات بهاگین یغترسوة
دانس این منوره فینتر فندین فینا مرک، کیت
اکن شوریکن سیراف یغدافة یغ کیت فتیق دان
تربیتکن درقد فاتی فرسوراتن بهاس کیت یغاد
سده سدی دبو کو کنه ستفه درقد ستقین ددالم
بو کو ۲ کاراغن لام دان جوا کارغن ۲ بهارو فد
ماسیغ ۲ تمفتن دباوه این ۰

(کوگوسن فولو ۲، ملایو)

عالم ملایو اتو اندونسیا دان فندودقن
برمول اداله کلاسن دائره سلانن یغدلواتن
تدوه این لبه دکتموی اورغ دان مشهورن دغن
نام کوگوسن فولو ۲ ملایو منوره یغاد سدی ترسوره
دالم علم عالم ۰

ادفون فرکتان اندونسیا ایت گلارن بهارو
دتریتکن اوله فندیت (ادولف باستیان) کتوا
رومه فنتون کجاین اصل اصول کتورن مانسی
فرلین (ایشنوکرافی میوزیوم اوف برلین) ددالم
بو کو کارغنن یغورنام (ایندونسیا مالایزین
ارجیفل) دچیتق دیندر لیبزخ انتارا تاهن
1884 - 1889 ۰

(سبب فرکتان اندونسیا تیدق د، شهورکن)

فرکتان اندونسیا ایت سیحقولن درقد دوا فاته
فرکتان اندو (هندو) دان سیا (اسیا) یایت
برمعنی اداله قندوقد ۲ کلاسن ۲ سلانن ایت درقد
اندیا یغبراهل درقد تانه بسو اشیا دان جوا اد
مقندوغی سیاهه مفرساتوکن یغسا ۲ دسبله کلاسن
فولو ۲ سلانن یغ مپسکن قعرنته بلند دهلو
اٹکن ممای فرکتان ایت دغن رسمین دالم

کاجوان یغسا، یغدستناکن بهاس ایت کشدان
مک دغن سبب بهاسله منجوقکن یغسا ۰

(فرهوبشن دغن تاریخ عام)

فرهوبشن تاریخ فرسوراتن بهاس دغن تاریخ
عام یایت عبارة کو کو دغن ایسی اتو داکیغ
کرافت بهواسن اداله توجوان تاریخ عام ایت
منجربتاکن فریحال کجاین یغبرلا کو دعالم چاکه
این سرت مشحکن سبب ۲ کاجوان دان کجاتوهنن
دان فنداقتن کیت درقدان سفای یغیادی نغاجران
دان تولادان کشد اورغیغ کدین یایت سفرت
منجربتاکن فریحال سوات یغسا یغ ممویا یے
تانه ایر بوسو کو ساکه براج، بوکراجان دان
سواسی سهاگین عالم دنیا این اد یغ ماجو دان
تشی ممتی کونچق کتقیکن کدین ممتیله قول
گیلوانن اوندور دان جانوه کشف سرنده ۲ مرتبه
کانسیان هتک دفرمب ۲ دیشکو اوله مسام
مانسی یغ ساتو اصل کجادیتن تغانی باگی کیت
تیا داله فلیق یایت کواس الله تعالی یکن مخلوقن
ایت دغن برماچم ۲ کا دان ادان ۰

ادفون تاریخ فرسوراتن ایت یایت جابوتن
درقد ترس اتو فاتی فیکران فرسوراتن یغسا یایت
توله دهیمقونکن دالم دوا بلس فرکارا: بهاس،
تولین، شعر (ترماوقله فنتون، گریندم دان
سلوک) علم ۲ سوکاتن کارغن ۲ یغترسکف،
جانلیاس (نحو) راکمکات (صرف) اوبی نغچاهن
فرکتان، فریحال معنی ۲ فرکتان دان چارا
مشیکن (علم معانی)، فنراشیاس (علم بیان)
فثابولیک: بهاس (علم بدیع) اوچاقن اتو شرانن ۲
دانی کارغن ۲ یغ لورس ۰



kemajuan bangsa, yang disempenakan bahasa itu kepadanya
maka dengan sebab bahasalah menunjukkan bangsa.

(Perhubungannya Dengan Tarikh Am)

Perhubungan tarikh persuratan bahasa dengan tarikh
am iaitu ibarat kuku dengan isi atau daging
kerana bahawasanya adalah tujuan tarikh am itu
menceritakan perihal kejadian yang berlaku di alam jagat
ini serta menghukumkan sebab-sebab kemajuan dan kejatuhannya
dan pendapatan kita daripadanya supaya menjadi pengajaran
dan tauladan kepada orang yang kemudian iaitu seperti
menceritakan perihal suatu bangsa yang mempunyai
tanah air bersuku-sakat beraja, berkerajaan dan
menguasai sebahagian alam dunia ini ada yang maju dan
tinggi sampai kemuncak ketinggiannya kemudian sampailah pula
gilirannya undur dan jatuh kepada serendah-rendah martabat
kemanusiaan hingga diperhamba-hamba dibelenggu oleh sesama
manusia yang satu asal kejadiannya tetapi bagi kita
tiadalah pelik iaitu kuasa Allah Ta'ālā menjaikan¹ makhluk-Nya
itu dengan bermacam-macam keadaan adanya.

Adapun tarikh persuratan itu iaitu cabutan
daripada teras atau pati fikiran persuratan bangsa iaitu
boleh dihimpunkan dalam dua belas perkara: bahasa,
tulisan, syair (termasuklah pantun, gurindam dan
seloka) ilmu-ilmu sukatan karangan-karangan yang berangkap,
jalin basa (*nahū*) ragam kata (*sarf*) umbi pecahan
perkataan, perihal makna-makna perkataan dan cara
mengikatnya (*'ilm ma'ānī*), penerang basa (*'ilm bayān*)
pengelokan basa (*'ilm badī'*) ucapan atau syarahan-syarahan
dan karangan-karangan yang lurus.

¹ Perkataan sebenar ialah menjadikan.

Dan lagi ada pula setengah-setengah pendeta atau pujangga
yang meluaskan uraian sesuatu bahagian yang tersebut
di atas ini menurut pintar pandainya pena mereka, kita
akan menguraikan seberapa yang dapat kita petik dan
terbitkan daripada pati persuratan bahasa kita yang ada
sudah sedia dibukukan setengah daripada setengahnya di dalam
buku-buku karangan lama dan jua karangan-karangan baharu pada
masing-masing tempatnya di bawah ini.

(Gugusan Pulau-pulau Melayu)

Alam Melayu atau Indonesia dan penduduknya.

Bermula adalah kawasan daerah selatan yang di lautan
teduh ini lebih diketahui orang dan masyhurnya dengan
nama Gugusan Pulau-pulau Melayu menurut yang ada sedia tersurat
dalam ilmu alam.

Adapun perkataan Indonesia itu gelaran baharu
diterbitkan oleh pendeta (Adolf Bastian) ketua
rumah Pantauan Kejadian Asal Usul Keturunan Manusia
di Berlin (*Ethnography Museum of Berlin*) di dalam
buku karangannya yang bernama (*Indonesier Malayischen
Archipel*) dicetak di bandar Leipzig antara tahun
1884-1889.

(Sebab Perkataan Indonesia Tidak Dimasyhurkan)

Perkataan Indonesia itu simpulan daripada dua patah
perkataan Indu (Hindu) dan Sia (Asia) iaitu
bermakna adalah penduduk-penduduk kawasan-kawasan selatan itu daripada
India yang berasal daripada tanah bisu² Asia dan jua ada
mengandungi siasah mempersatukan bangsa-bangsa di sebelah kawasan
pulau-pulau selatan yang menyebabkan pemerintah Belanda dahulu
enggan memakai perkataan itu dengan rasminya dalam

² Perkataan sebenar ialah *Indonesien: Oder, Die Inseln Des Malayischen Archipel.*

³ Perkataan sebenar ialah besar

- فرتلان کراچان بهکن چاغن قول دچینا مندافه
کبناران مځکونا کنځن افلاځني کالفتن مپيار کن
دغن نام اندونسيا ايڅون تباد مندافه تفتن کران
مصلحه فچه بلهکن بهارو فرته ايتوله يځ سدي
بورجان دسيبي تيف ۲ فچاچه دري دهولو لاځي .
سکارغ فرکنان «اندونسيا» ايت تله شهوور
دفاځي بهکن سده منيادي بواه مولوه اورغ دسکوته
عالم دنيا دغن سمفنا يغبايک اندونسيا فون تله
منچافي کيبباس دان منيادي سوات نگارا ريفليک ،
درستنجق 17 هاريبولن اوگسټ تاهن 1945 .
(کاواسن عالم ملايو)
- ادفون بشد کځان کواوسن عالم ملايو اتو
اندونسيا منوره کاريسن باتسنن دري 45 ديگري
هڅک 180 ديگري تيمور گرينج دان دري 30
ديگري اوتارا خط الاستواء هڅک 50 ديگري
سلاتن خط الاستواء اتو دغن معني يغبله تراغ دري
قولو مداگسکر دسبله باره هڅک کفولو فاس دکه
امريکا سلاتن دسبله تيمور دان دري قولو فرموسا
دسبله اوتاراهڅک کفولو نيوزيلند دسبله سلاتن .
سندران ۳ يځ مځواتکن دعوان اين بهوا
بشسا ۳ يځ مندودکي دالم کاواسن ايت ترماسقله دالم
سوات کفولن بشسا بهرسنديري يايت بشسا ملايو
کران يايت منيليق دالم فنډاځن فنډبت ۲ بشسا يځ
مبديشکن کفد بتقوه روف مولک، عاده رسم ،
کشرچيان ۶ بهاس ۶ فرتو کاغځ ، او کپوان ۲ ،
بويي ۲ ين دانسبا گځن سنوان همين ۲ اکځ سام .
- فرایدان —
ف فالحمده لله شڪوره له کيټ
فرایدان بوايدر مبابا ورت
فبوليس فباچ ماريله برسرت
- فراسان مجده دساتو کن چيتا .
راميسکنله ايوهي جويت
ربوتکون ماس سيلوم لنا
رنچان نصيحه اتو تر دان کات
رتقو «فرایدان» فنوهکن رات .
ايسيسکنله ايوهي فنډبت
اداب سوځن سولوه نليقا
اوتقوه فنډوان آمة مرات
اتو هيبوران بليدا دان رينتا .
بورن درسا اخوان بهرهرت
يغسکرخسام طاعة مندرتا
يايت مبنقو دغن سکچيتا
يقينله فرایدان نتف برکوت .
داسر فرایدان سمات ۲
دهارفکن بنتوان علما فنډبت
دافقله سکلين اومه جلات
دهلامن فرایدان هواسکن چنتا .
راموان اگام رمقاين چريتا
رنچان علم برباځي بويتا
رونتونکن سکل بوځع دوسنا
رانفکن تکبر ربا چيتا ۲ .
اخلاص دنگرهي توهن سمستا
ايان احسان تيدقله بوت
اسلام جاديکن تاجوه مهکوت
ايدران منيادي تاهن فرمات .
نية فرایدان موک ۲ پات
نصيحه قوم صاغة دفنقا
نصيب فرایدان تيدقله ملات
نه؟ هيدوف ملايو هيدوف سکاټ .
«وا فرغ»





pemerintahan kerajaan bahkan jangan pula dicita mendapat		Perasaan mahabbah disatukan cita.
kebenaran menggunakannya apa lagi galakan menyebarkan	<i>Ra</i>	Ramaikanlah ayuhai juwita
dengan nama Indonesia itu pun tiada mendapat tempatnya kerana		Rebutkan masa sebelum lata
masalah pecah belahkan baharu perintah itulah yang sedia		Rencana nasihat tutur dan kata
berjalan di sisi tiap-tiap penjajah dari dahulu lagi.		Rantau ((Peredaran)) penuhihkan rata.
Sekarang perkataan ((Indonesia)) itu telah masyhur	<i>Alif</i>	Isikanlah ayuhai pendeta
dipakai bahkan sudah menjadi buah mulut orang di sekitah		Adab sopan suluh pelita
alam dunia dengan sempena yang baik Indonesia pun telah		Untuk panduan umat merata
mencapai kebebasan dan menjadi suatu negara republik,		Atau hiburan belia dan renta.
dari semenjak 17 haribulan Ogos tahun 1945.	<i>Ya</i>	Yuran derma <i>ikhwān</i> yang berharta
(Kawasan Alam Melayu)		Yang bekerjasama taat menderita
Adapun yang dikatakan kawasan alam Melayu atau		Iaitu membantu dengan sukacita
Indonesia menurut garisan batasnya dari 45 <i>degree</i>		Yakinilah Peredaran tetap berkota.
hingga 180 <i>degree</i> timur Greenwich ⁴ dan dari 30	<i>Dal</i>	Dasar Peredaran semata-mata
<i>degree</i> utara Khatulistiwa hingga 50 <i>degree</i>		Diharapkan bantuan ulama pendeta
selatan Khatulistiwa atau dengan makna yang lebih terang dari		Dapatlah sekalian umat jelata
Pulau Madagascar di sebelah barat hingga ke Pulau Paz dekat		Di halaman Peredaran memuaskan cinta.
Amerika Selatan di sebelah timur dan Pulau Formosa	<i>Ra</i>	Ramuan agama rampaian cerita
di sebelah utara hingga ke Pulau New Zealand di sebelah selatannya.		Rencana ilmu berbagai berita
Sandaran-sandaran yang menguatkan dakwaan ini bahawa		Runtunkan segala bohong dusta
bangsa-bangsa yang menduduki dalam kawasan itu termasuklah dalam		Ranapkan takbur riak cita-cita.
suatu kumpulan bangsa yang bersendiria iaitu bangsa Melayu	<i>Alif</i>	Ikhlas dinugerahi Tuhan semesta
kerana iaitu menilik dalam pendapatan pendeta-pendeta bangsa yang		Iman ihsan tidaklah buta
memandingkan kepada bentuk rupa muka, adat resam,		Islam jadikan tajuk mahkota
kepercayaan, bahasa, pertukangan, ukiran-ukiran,		Edaran menjadi taman permata.
bunyi-bunyian dan sebagainya semuanya hampir-hampir akan sama.	<i>Nūn</i>	Niat Peredaran moga-moga nyata
		Nasihat kaum sangat dipinta
		Nasib Peredaran tidaklah melata
		Nah! Hidup Melayu hidup sekata.
		((Wak Perang))



Peredaran



Fa *Fa al-hamdu lillāh* syukurilah kita

Peredaran beredar membawa warta

Penulis pembaca marilah berserta

⁴ Perkataan sebenar ialah Greenwich.

فرکاولن هيدوف

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين . والصلاة والسلام على
أشرف المرسلين سيدنا محمد وآله وصحبه أجمعين .

(فندوهولوان)

سبرمول اساس كهكبان ايت تولتق دأنس
فراآتورات اتو انداغ ۲ هيدوف (هيدوف ددالم
كندوش انداغ ۲) مك اساس انداغ ۲ اين
تدري ايس فلاجران سباليقن فلاجران بغ مويي
درفد ديديقشن ايت مبادوا كغد ماجله او مقام
اورغ يوتام فادي ددالم سيق مسكيقون اي بوله
مغالوار كن بواه تنافي كلوارن ايت دجله ۲ رومفوة
دان فوكو ۳ بغ مروسقن كسوران دان كهيدوفن .
درايت سلالو كيت ليهة فلاجران بغ كوسغ
درفد ديديقشن جيوا ايت سوات فالوان بغ مچيكن
فراآتوران . شار كه هيدوف .

مك ترتمغورغله دأنس فنديديق ۲ اتو كورو
مچيكن كغد مريد ۲ بنيه ديديقشن جيوا دان
سماغة بشبابك حتى منكل مريك سده بسر كلق
جاديله اي سئورغ بغ لواس فراسان ، سوچي هاتي
دان تنف فكاغان .

بارغ دكتهوي اب يفتو كندوش ددالم توليسن
ساي اين بوكنله سبائي نامن بغ لواس تنافي ايله
سوات رينتسپن اتو لونس يغبوله دتيمبو دأتسن
سكل چوتوه ، عبارات دان تولادان ، موك ۲ ترنام
ددالم ذهن مريكتيت سوات فان بغ تنف لقسان

لو كيسن فد بانو يغ فجل . مك اف يفتو توليس ددالم
بو كو ۲ ايت ايله سبائي جانل انغو . فندوان سجاج
تنافي كقواتن تناك كورو ۲ ايله سبوتن رهسبا
كبان دان كاجوان كغد مريد ۲ . مدمهدان توهن
يغ مبري فرتنجر . كيجيكن كغد مبان ادان .

باب يفتوتام

جهانين اداب

1 . كيباسن طبيعة :-

ايو اتو فونجا اتو اصل (النواميس) يفتريسا
كغد طبيعة سولا جادي ايت تنف ادان دسيي
تيف ۲ يغبواوا دان يغ تيدق يواوا . درايت چوب
كيت دانتسكن بغيراف سوال سفرت دباوه اين :
افكه يفتوليتس ددالم هاتي اتو فيكران توان سمالم
تنسكل توان ليهة متهاري چندورغ ماسق هالا
كبارة دان كفاف مولا يرهادف ؟ فرتام لينتاسن
هاتي ساي ممتاكن متهاري ايت تيدق اكن بالقي
لاكي دان سوغكوهن كلف ايت ككل ادان
تيدق بونده .

اف سلك توان كتيك توان ليهة بينتغ
بو كليف ۲ دلاعية ؟

ساي سلك فنداعن اين ككل دان بينتغ ۲
ايت اكن سنتياس بو كليف ۲ دلاعية .

افكل متهاري يربالقي تريبه سمول مشبشكن
چوبا كاكي لاعية افكه فيكران توان كتيك ايت ؟
ساي يقينه بغ ساي سئورغ يفتورساله سلك .
افكه تيجيه (كسوداهن) يغ توان دافسة



Pergaulan Hidup



Bismi Allāhi al-rahmān al-rahīm

*Al-hamdu lillāhi rabbi al-'ālamīn. Wa al-salātu wa al-salāmu 'alā
ashrafi al-mursalinā saiyidinā Muḥammadin wa ālihi wa ṣahbihi aḥma 'n.*

(Pendahuluan)

Sebermula asas kebahagiaan itu terletak di atas peraturan atau undang-undang hidup (hidup di dalam kandungan undang-undang) maka asas undang-undang ini terdiri atas pelajaran sebaliknya pelajaran yang sunyi daripada didikan itu membawa kepada majal, umpama orang bertanam padi di dalam semak meskipun ia boleh mengeluarkan buah tetapi keluarnya itu di celah-celah rumput dan pokok-pokok yang merosakkan kesuburan dan kehidupannya.

Dari itu selalu kita lihat pelajaran yang kosong daripada didikan jiwa itu suatu paluan yang memecahkan peraturan masyarakat hidup.

Maka tertanggunglah di atas pendidik-pendidik atau guru menyemaikan kepada murid-murid benih didikan jiwa dan semangat yang baik hatta manakala mereka sudah besar kelak jadilah ia seorang yang luas perasaan, suci hati dan tetap pegangannya.

Barang diketahui apa yang terkandung di dalam tulisan saya ini bukanlah sebagai taman yang luas tetapi ialah suatu rintisan atau lunas yang boleh ditimbau di atasnya segala contoh, ibarat dan tauladan, moga-moga tertanam di dalam *dhihn* mereka itu suatu pelan yang tetap laksana

lukisan pada batu yang pejal. Maka apa yang tertulis di dalam

buku-buku itu ialah sebagai jalan untuk panduan sahaja

tetapi kekuatan tenaga guru-guru itulah sebenarnya rahsia

kejayaan dan kemajuan kepada murid-murid. Mudah-mudahan Tuhan

yang memberi pertunjuk kebajikan kepada hamba-Nya adanya.

Bab yang Pertama

Bahagian Adab

1. Kebebasan Tabiat:—

Ibu atau punca atau asal (*al-nawāmis*) yang terbangsana

kepada tabiat semula jadi itu tetap adanya di sisi

tiap-tiap yang bernyawa dan yang tidak bernyawa. Dari itu cuba

kita datangkan beberapa soal seperti di bawah ini:

Apakah yang terlintas di dalam hati atau fikiran tuan semalam

tatkala tuan lihat matahari cenderung masuk hala

ke barat dan gelap mula berhadap? Pertama lantasan

hati saya mengatakan matahari itu tidak akan balik

lagi dan sesungguhnya gelap itu kekal adanya

tidak berpindah.

Apa sangka tuan ketika tuan lihat bintang

berkelip-kelip di langit?

Saya sangka pemandangan ini kekal dan bintang-bintang

itu akan sentiasa berkelip-kelip di langit.

Apakala matahari berbalik terbit semula mengembangkan

cahaya di kaki langit apakah fikiran tuan ketika itu?

Saya yakinlah yang saya seorang yang tersalah sangka.

Apakah natijah (kesudahan) yang tuan dapat

مهربيتكن درفد فنداغن اين؟

ساي دافه مهربيتكن بهواسن سگل بندا ۲
بشدلاغيه ايت بوجان دان بولا كو منوره اتوران
بغ تنف تيدق بواوبه .

ادا كه بندا ۲ بشدلاغيه ايت سهاج بشوجان
منوره فراتوران بغ تنف؟

بگيتوله ساي سگك . تيدق ، بوكن بگيتو . ادالله
سگل بندا (كائنات) بشدلاغيه دان لاي ۲ درفد
سگل بندا يشاد (بناتم ، قبوه ۲ من ، كابو كايان دان
بانو) سموان بولا كو منوره فراتوران يشتف بگيان
طبيعه سموا جادين تيدق بوله بواوبه ۲ . سَنَ اللهُ
وَلَنْ نَجِدَ لِسُنَّةِ اللهِ تَبْدِيلاً . ارتدن ايتوله فرجلان
دان اتوران الله دان كامو تيدق دافه اتوران الله
ايت بواوبه ۲۸ .

مك بانو يهدليمفر كن كاودارا ايت تا دافتيا د
جاتوه كبومي ، بنه يهدتاتم ايت اكن تومبوه
سلام تيدق دهلاغي اوله سوات هالاغن ، كودا
دان سامثان ايت بناس سام جوگك سفرت بناتم
بشلاين ۲ ، دان سگل نتيجه (بندا ۲ يهتوبيه درفد
سسوات) بغ سروف اتس جان هيتوعن فنجم
ايت تا دافتيا د سبين سروف جوگك مك اينله
قاعده بغ عام جادبه چونتوه اتس سسگل بندا
بشاد (كائنات) .

بو كنهله يهد كئاكن انداغ ۲ ايت دسپني
انداغ ۲ بشدانور اتو دفراوندغ ۲ كن اوله كراجان
تتافي يهد كهدقكن دغن انداغ ۲ ايت ايله انداغ ۲
الهي (انداغ ۲ كتهوانن) بقتله بولا كو منوره
كهدقن قد سگل كائنات بشدلاغيه دان دبومي
مثالن سفرت طبيعه جسم ايت مناريق شتعه جسم

بشلاين مك بانو يهدليمفر كانس ايت تا دافتيا د
جاتوه كبومي دغن كقوانن تاريخ بق عام سام
جوا سفرت سگل اتق بناتم اتو فوهن ۲ ايت
مشيكوه جنس ايبون . تيدقكه توان ليهه تلور
مرفاتي ايت مغلوار كن اتق مرفاتي جوگك ؟ داهن
رهپوتن يهدنوه ايت مغلوار بواه رهپوتن جوگك ؟
دان لاي ۲ بندا سموان ايت منوره انداغ ۲ بغ
دفرسقميكن دغن دليهه دان دندغ مسكيفون
كيت تيدق دافه ميلوق سگل رهسيان .

ادفون بندا بغ جادي بولان دغن طبيعه
انداغ ۲ بغ تنف اين سغكوهن بولا كو سچارا
كبتولن اتو تر كئا يهدتاترچاني اوله فهمان كيت .
2 . ديري دان كاهوان ماسني .

گورو - اف اشكو بواه سبله فنجم لفس
درفد سگوله .

مريد - ساي اكن بومان ۲ دغن كاون ۲
ساي سبلوم باليق كرومه .

گورو - جيك دمكبن ادان فيكران
اشكو ادا كه توليننس ددالم هاتي اشكو يا ايت
(فرمي بومان) ايت درفد انداغ ۲ بغ تنف بغ
بوله مالميشكن اشكو درفد باليق كرومه سفرت
بولا بشير گوليق فد تنقه بغ چورم ؟

مريد - تيدق ، كران بولا بشير كوايق دتمقه
بغ چورم ايت مسني بر گوليق ادفون ساي تيدق
بگيتو كران ساي بوله فرمي بومان ۲ دغن كاون ۲
ساي سينتو دان بوله جوگك ساي باليق تروس
كرومه اتو فرمي كشفه لاي ۲ دمكبن جوگك
كاون ۲ ساي ايت سموان بوله برواوه سفرت ايت .
گورو - كالو بگيتو ادله كادان اشكو ايت



menerbitkan daripada pemandangan ini?

Saya dapat menerbitkan bahawasanya segala benda-benda yang di langit itu berjalan dan berlaku menurut aturan yang tetap tidak berubah.

Adakah benda-benda yang di langit itu shaja yang berjalan menurut peraturan yang tetap?

Begitulah saya sangka. Tidak, bukan begitu. Adalah segala benda yang ada (*kā'inān*) yang di langit dan lain-lain daripada segala benda yang ada (binatang, tumbuh-tumbuhan, kayu-kayan dan batu) semuanya berlaku menurut peraturan yang tetap bagaimana tabiat semula jadinya tidak boleh berubah-ubah. *Sunnata Allāhi wa lan tajida li sunnati Allāhi tabdīlā*. Ertinya itulah perjalanan dan aturan Allah dan kamu tidak dapat aturan Allah itu berubah-ubah.

Maka batu yang dilemparkan ke udara itu tak dapat tiada jatuh ke bumi, benih yang ditanam itu akan tumbuh selama tidak dihalangi oleh suatu halangan, kuda dan seumpamanya itu binasa sama juga seperti binatang yang lain-lain, dan segala natijah (benda-benda yang terbit daripada sesuatu) yang serupa atas jalan hitungan panjang itu tak dapat tiada disebabkan serupa juga maka inilah kaedah yang am jadi contoh atas segala benda yang ada (*kā'inān*).

Bukanlah yang dikatakan undang-undang itu di sini undang-undang yang diatur atau diperundang-undangkan oleh kerajaan tetapi yang dikehendakkan dengan undang-undang itu ialah undang-undang Ilahi (undang-undang ketuhanan) yang telah berlaku menurut kehendaknya pada segala *kā'inān* yang di langit dan di bumi misalnya seperti tabiat jisim itu menarik setengah jisim

yang lain maka batu yang dilempar ke atas itu tak dapat tiada

jatuh ke bumi dengan kekuatan tarik yang am sama jua seperti segala anak binatang atau pohon-pohon itu mengikut jenis ibunya. Tidakkah tuan lihat telur

merpati itu mengeluarkan anak merpati juga? Dahan rambutan yang ditaut itu mengeluarkan buah rambutan juga?

Dan lain-lain benda semuanya itu menurut undang-undang yang dipersaksikan dengan dilihat dan dipandang meskipun kita tidak dapat menyeluk segala rahsiannya.

Adapun benda yang jadi berlain dengan tabiat undang-undang yang tetap ini sesungguhnya berlaku secara kebetulan atau terkena yang tiada tercapai oleh fahaman kita.

2. Diri dan Kemahuan Manusia.

Guru – Apa engkau buat sebelah petang lepas daripada sekolah.

Murid – Saya akan bermain-main dengan kawan-kawan saya sebelum balik ke rumah.

Guru – Jika demikian adanya fikiran engkau adakah terlintas di dalam hati engkau iaitu (pergi bermain) itu daripada undang-undang yang tetap yang boleh memalingkan engkau daripada balik ke rumah seperti bola yang bergolek pada tempat yang curam?

Murid – Tidak, kerana bola yang bergolek di tempat yang curam itu mesti bergolek adapun saya tidak begitu kerana saya boleh pergi bermain-main dengan kawan-kawan saya sebentar dan boleh juga saya balik terus ke rumah atau pergi ke tempat lain demikian juga kawan-kawan saya itu semuanya boleh berbuat seperti itu.

Guru – Kalau begitu adalah keadaan engkau itu

مک کاهوان مأنسی ایت سانو درفد کسن
کقوان جیوادان سانو دلیل درفد دلیل ۲ میدوف .

کیبسان

گورو - ائکو سده مئرعکن یغ ائکو
قرنی برمان ۲ دغن کاون ۳ ائکو ایت دغن
کاهوان ائکو سندیری دان مئکوہن ائکو
تیدق ترفقسا، تیدفکه ائکو حیران اتو فلیق کلو
اکو کتاکن کفد ائکو: مأنسی ایت تیدق بوله
مقریوآ مسوات فرکارا دغن سمات کاهوان سهاج؟
سید - بگمان قول بوله جادی بگیتو؟

بولیہکه مأنسی ایت توندو قول کفد مسوات
سبب یغلان یقدلوار درفد دیرین؟

گورو - تیدق؟ مأنسی ایت تیدق بوله توندو
کفد سوات سبب یغلان لوار درفد دیرین تنافی
دی ترهلوق دباوه کواس عقل دان کاهوان
هاتن . سکیران تیدق بگیتو تنفله ای تیدق بوله
دافه برصنم ۲ دغن کردھیکن یغ فئوه .

مرد - کالو بگیتو اف . معنی قضاء دان قدر
جیک کادان مأنسی ایت بوله بمبلیه سکھندق
هاتی (مخیر) تیدق ترفقسا دباوه کاهوان یغلان
(مسیز) .

الشرکة الوطنیه سرورم -- موار

کیت مقری الشرکة الوطنیه سرورم - موار
ایت سانو درفد شرکة ۲ یثمله ددیریکن دالم
ماس فرغ، مک شرکة ابن دا کو مہری فائده
کفد کاجوان بقسا دان تانہ ابر کران ایلہ یثاکن
میلامتکن کیبون ۲ اورغ ملابو ترجوال کفد
بقسا لابن، شہر ۲ شرکة ماسیہ تربوک لاگی .

برلین دغن سکل بندا (کائنات) یغ مئیکوآ
انداغ ۲ تنف؟

مرد - سبزلہ بگیتو؟

گورو - مئکوہن لینناسن هاتی ائکوایت
سده بقول دان کتا تنف کران باتو یغ بولہ ایت
برکولیق سفرت بندا بولہ یغلان دان فوکو کابو
ایت تو مہوہ سام ماچم فوکو یغلان تنافی تیف ۲
سئورغ درفد جنس مأنسی ایت تیدق سام انتارا
سئورغ دغن یغلان تنفغ روفان دان کچندروغن
هاتن حتی دوا اورغیغ کبر سکلیقون تیدق سام
قد روفی دان فرسدانن .

کتران داتس دمکین ایت کران باتو ایت
ایلہ فرمھونن درفد ببراف بندا ۲ یغ هالوس (ذره)
یغ سرورف سکل ذاتن اتو راموانن، ای تیاد
مقربای کاهوان داتس تباد بروصفہ دغن صفہ
کیبسان ادفون مأنسی ایت بوکنلہ نوئکل بدانن
یغ مقربای ائکوآ ایت دکتاکن مأنسی بھکن
بھد کتاکن مأنسی ایت سوات بندا یغلان
یغترسمیوبی، یا بولہ دیری یغ مقندوئی فراساٹ،
مک اقبیل سوات ائکوآ درفد ائکوآ ۲ توبہ بدان
ایت تراس ساکة مرابله ای کفد ساورہ بدانن .
دان دبالہ یغ مئکوآکن ائکوآ ایت بکرج منورہ
کاهوانن . مک فوبیدان انتارا مأنسی دغن سکل
بعدا (کائنات) یغلان ایت ہواسن مأنسی ایت اد
مقربای کاهوان (ارادہ) یغ مناریق ای برکات
دان مہوآہ فکرجان یثمله مہیکن سئورغ ایت
برکبہن دان ملیا، ادفون بندا ۲ یغلان ایت
سوی درفد مقربای کاهوان، تیدفکھہ ائکو
لہوآ ایت تیدق بولہ بکرج دغن سندیرین
دمکین جوا ایر، افی دانلابن ۲ .



berlain dengan segala benda (*kā'inān*) yang mengikut undang-undang tetap?

Murid – Sebenarnyalah begitu?

Guru – Sungguhnya lintasan hati engkau itu sudah betul dan kena tepat kerana batu yang bulat itu bergolek seperti benda bulat yang lain dan pokok kayu itu tumbuh sama macam pokok yang lain tetapi tiap-tiap seorang daripada jenis manusia itu tidak sama antara seorang dengan yang lain tentang rupanya dan kecenderungan hatinya hatta dua orang yang kembar sekalipun tidak sama pada rupa dan persediaannya.

Keterangan di atas demikian itu kerana batu itu ialah perhimpunan daripada beberapa benda-benda yang halus (*dharrah*) yang serupa segala zatnya atau ramuannya, ia tiada mempunyai kemahuan dan tiada bersifat dengan sifat kebebasan adapun manusia itu bukanlah tunggal badannya yang mempunyai anggota-anggota itu dikatakan manusia bahkan yang dikatakan manusia itu suatu benda yang lain yang tersembunyi, iaitulah diri yang mengandungi perasaan, maka apabila suatu anggota daripada anggota-anggota tubuh badan itu terasa sakit merayaplah ia kepada seluruh badannya. Dan dialah yang menggerakkan anggota-anggota itu bekerja menurut kemahuannya. Maka perbezaan antara manusia dengan segala benda (*kā'inān*) yang lain itu bahawasanya manusia itu ada mempunyai kemahuan (*irādah*) yang menarik ia berkata dan membuat pekerjaan yang telah menyebabkan seseorang itu berkelebihan dan mulia, adapun benda-benda yang lain itu sunyi daripada mempunyai kemahuan, tidakkan engkau lihat wap itu tidak boleh bekerja dengan sendirinya demikian jua air, api dan lain-lain.

Maka kemahuan manusia itu satu daripada kesan kekuatan jiwa dan satu dalil daripada dalil-dalil hidup.

Kebebasan

Guru – Engkau sudah menerangkan yang engkau pergi bermain-main dengan kawan-kawan engkau itu dengan kemahuan engkau sendiri dan sungguhnya engkau tidak terpaksa, tidakkah engkau hairan atau pelik kalau aku katakan kepada engkau: Manusia itu tidak boleh memperbuat sesuatu perkara dengan semata kemahuannya sahaja?

Murid – Bagaimana pula boleh jadi begitu?

Bolehkah manusia itu tunduk pula kepada sesuatu sebab yang lain yang di luar daripada dirinya?

Guru – Tidak! Manusia itu tidak boleh tunduk kepada suatu sebab yang lain luar daripada dirinya tetapi dia tertakluk di bawah kuasa akal dan kemahuan hatinya. Sekiranya tidak begitu tetaplah ia tidak boleh dapat bersenang-senang dengan kemerdekaannya yang penuh.

Murid – Kalau begitu apa makna qada dan qadar jika keadaan manusia itu boleh memilih sekehendak hati (*mukhayyar*) tidak terpaksa di bawah kemahuan yang lain (*musayyar*). (Bersambung)

Al-Sharikah al-Waṭaniyyah Serom – Muar

Kita mengerti *al-Sharikah al-Waṭaniyyah* Serom – Muar itu satu daripada syarikat-syarikat yang telah didirikan dalam masa perang, maka syarikat ini diakui memberi faedah kepada kemajuan bangsa dan tanah air kerana ialah yang akan menyelamatkan kebun-kebun orang Melayu terjual kepada bangsa lain, syer-syer syarikat masih terbuka lagi. v

چترا فنديق

== * توفى دان هريو * ==

شيكور توفى سدغ ملومقة دري ساتو داهن
 كسوات داهن تيبا ۲ ترجاتوه دهدافن شيكور
 هريو لالو دتسكنن اوله هريو دغن تاغن سري
 بروكات: سكارغ اكو اكن ماكن كامو ملينسكن
 جيك كامو بروخير كشد اكو يا بت مشاف كامو
 شيكور بنانغ بغ كچيل دان لمه تتافى سنتياس
 ددالم كسوكان فد حال اكو بگني هيبة دان
 فر كاس هك سوما بنانغ تاكوة كفا اكو تتافى
 اكو تباد مندافة كسوكان دالم كهيدون؟ جواب
 توفى لسكن اكو دهولو شفاي اكو خير كن كفا
 كامو اوله هريو دلنسكنن مك توفى ايتون
 بروكات هي هريو؟ تيدقكه كامو مئرفي اكو
 شيكور بنانغ يشباد سكالى ۲ برواة خيانه كفا
 صياف جواون ملينسكن اكو مماكن بواه ۲هن جوا
 دان تيدور دغن چندرا دان امان اكن تافى كامو
 سنتياس مهبيا كن كهيدون سنورغ يشباد بروسا
 يا بت كامو بونه دان كامو ماكن اكندي، برتمبه
 لائي اغن ۲ كامو ملاعبه تيشكن، درايت تيدقله
 حيران اقبيل كامو منداتسكن كسوساهن دان ميواة
 ظالم كفا حسام مخلوق ننتوله كاموفون اكن مندافة
 كسوساهن جوا بگيان بهتله كامو كتهوي
 دمكينه بارغصياف بغ ميواة ظالم دان انپاي
 اكن مندافة كسوساهن جوا ادان

== * فرمتان سنورغ بوت * ==

سنورغ بوت فنت صدقه بشا هندو ترلالو
 طاعة برواة عبادات كفا برهالان. فد سوات
 هاري سنورغ برهان فجاك برهالا ايت بروكات
 كفتان: اكو تله مفي ديوا ۲۰. كياغن اكن ميري
 كفا كامو ساتو فبرين سهاج. سام اد فنداغن،
 هرت بندها، فنسج عمر، استري دان اتق چجو
 جيجية. مك سي بوت ايتون ترلالو سوكان دان
 برويكر افكه صوت فرمتان بعامه مستحق
 دمتان. متله ايت ايتون مشوچفن ترما كاسيه
 كفا برهان دان ديوا ۲ ايت لالو بروكات: فرمتان
 ساي ساتو سهاج يا بت دافة (سندغ) جيجية باكي
 جيجية ساي دم ددالم رومه انه تيشكه، مينوم
 سوسو ددالم جاون امس، مماكن ناسي دالم فيسكن
 امس. مك فرمتان ايت مشوچتون ساتو سهاج تتافى
 برمهاله سوما سكالى يا بت فنداغن، فنسج عمر،
 بارق اتق چجو جيجية دان هرت بندها.
 دمكينه اورغيم چرديق ايت مدبكية
 فرچكافى تتافى لواس نجوانن.

== * گملا حكمة * ==

16. افكل كامو منظام اورغيم دباوه نسچاي
 تباداله كامو ترامان (ترلسن) درفد سقسا اورغ
 داس كامو.
17. كياغ ايت مشور كن كچرديقن.
18. فرمولان ماره ايت گيلادان اخرن بيسل.



Cerita Pendek



Permintaan Seorang Buta



Seorang buta peminta sedekah bangsa Hindu terlalu taat berbuat ibadat kepada berhalanya. Pada suatu hari seorang Brahman penjaga berhalanya itu berkata kepadanya: Aku telah mimpi dewa-dewa kayangan akan memberi kepada kamu satu pemberian sahaja. Sama ada pandangan, harta benda, panjang umur, isteri dan anak cucu-cicit. Maka si buta itu pun terlalu sukanya dan berfikir apakah suatu permintaan yang amat mustahak dimintanya. Setelah itu ia pun mengucapkan terima kasih kepada Brahman dan dewa-dewa itu lalu berkata: Permintaan saya satu sahaja iaitu dapat ((memandang)) cicit bagi cicit saya diam di dalam rumah enam tingkat, meminum susu di dalam cawan emas, memakan nasi dalam pinggan emas. Maka permintaan itu sungguhpun satu sahaja tetapi bermaknalah semua sekali iaitu pandangan, panjang umur, banyak anak cucu-cicit dan harta benda.

Demikianlah orang yang cerdik itu sedikit percakapan tetapi luas tujuannya.



Gemala hikmat



16. Apakala kamu menzalim orang yang di bawah nescaya tiadalah kamu teraman (terlepas) daripada seksa orang di atas kamu.

17. Kenyang itu menguburkan kecerdikan.

18. Permulaan marah itu gila dan akhirnya menyesal.



Tupai dan Harimau



Seekor tupai sedang melompat dari satu dahan ke suatu dahan tiba-tiba terjatuh di hadapan seekor harimau lalu ditekankan oleh harimau dengan tangannya seraya berkata: Sekarang aku akan makan kamu melainkan jika kamu berkhabar kepada aku iaitu mengapa kamu seekor binatang yang kecil dan lemah tetapi sentiasa di dalam kesukaan padahal aku begini hebat dan perkasa hingga semua binatang takut kepada aku, tetapi aku tiada mendapat kesukaan dalam kehidupan? Jawab tupai lepaskan aku dahulu supaya aku khabarkan kepada kamu. Oleh harimau dilepaskannya maka tupai itu pun berkata hai harimau! Tidakkah kamu mengerti aku seekor binatang yang tiada sekali-kali berbuat khianat kepada sesiapa jua pun melainkan aku memakan buah-buahan jua dan tidur dengan cendera dan aman. Akan tetapi kamu sentiasa membahayakan kehidupan seseorang yang tiada berdosa iaitu kamu bunuh dan kamu makan akan dia, bertambah lagi angan-angan kamu melangit tingginya, dari itu tidaklah hairan apabila kamu mendatangkan kesusahan dan membuat zalim kepada sesama makhluk tentulah kamu pun akan mendapat kesusahan jua bagaimana yang telah kamu ketahui.

Demikianlah barang siapa yang membuat zalim dan aniaya akan mendapat kesusahan jua adanya.

رمضان 1365

* مجله فرایداران *

اوكسة 1946

جموان سلامتة

* فہلاون دغن فدغن *

فد نوکل 1000 ہاری سبت 7 جولي 1946
این تله دادا کن سوات جموان نامی یو بانی اوله
گورو ۲ دایره فونتیان دسکوله بندر، دحاضری
اوله یفعلیا اعکو نکاوی دایره، فقلولا سکوله ۲
اکام جوهر، فکاوی ۲ کراجان دان لبه کورخ
150 اورغ گورو ملايو دان اکام لاکي ۲ دان
فرمقوان کران مبري اوچف سلامتة کفد تواجاج
عبدالرحمن بن يحي گورو فاسوتکن تھکی فونتیان
بوسارا فد اول بولن این کدین درفد بوجوتي
سلام دوا بولن.

اوچف سلامتة تله دبري اوله اعکو فکاوی
دایره، فقلولا سکوله ۲ اکام دان گورو ۲ مجلس
ایت بوسوراي لبه کورخ فوکل 3000 ففغ کدین
درفد دعا سلامتة دواج اوله تواف امام مسجد
جامع کراجان.

کیت مفرقي تواجاج عبدالرحمن این تله
بکرج دغن کراجان لبه کورخ 37 تاهن . طاعة
سبیا دان راجین دان ساعا دکاسیهي اوله اورغ ۲
یهدباوهن دان ساعا بعبادات کفد الله دان سوک
بکرج کران فایده عام باکي قوم بقسا دان تانه
ایرن . فیهق فرایداران بوسام ۲ مھوجفکن سلامتة
کفد تواجاج عبدالرحمن دممدھان بوفنجاعن
زمانن دالم طاعة کفد الله .

فد زمان فریکالا اد سئورغ فہلاون یفئله
مشهور مھالکن بیراف بابق موسن دغن سبیلہ
فدغ، مک ایفون بوجیتا ۳ ہندق منولیس اکن خال
کیرانین دان کشورائین ایت ددالم سبواہ بو کو
فراپاشان (ریکورڈ) سفای دکتھوي اوله انق
چچو دان اورغ ۲ یهدبلا کفن . مک ایفون فرگیلہ
کسبواہ کدی سئورغ فئدیت ہندق بمبلی سباتغ
قلم . کتان . بوي اکو سباتغ قلم! کران اکو ہندق
منولیس حال احوال کیرانین دان کشورائیکو
سفای دواج اوله اورغیغ کدین درفد اکو، دان
حیرانلہ مریکشیت بمباجن . مک اوله فئدیت دچا بوتن
بولو اعسا لالو داوینچو کفن کفد فہلاون ایت سمبیل
برکات فونئله دغن فدغ تواف یغ مشهور ایت
سفای دافا تواف منولیس اف یغ تواف کھندککي .
مک فہلاون ایفون منچوب بیراف کالی ہندق
مربینچو بولو اعسا ایت تبادجوا دافا هفکروسق
تیاد بولہ دفا کي لالو، فد اخرن ایفون مھا کو
کتان: مھکفون فدغ این تله مھالکن بیراف
موسه یغ فرکاس نتافی ای تیاد بولہ مربینچو
سباتغ قلم . درسنجق ایت تبادالہ ای برمکہ ۲ لاکي
کران تله دکتموین قلم ایت لبه فوفا درفد فدغ .
دکینلہ اورغیغ برمکہ ۲ دغن فربواتن ایت
فد سوات ماس ای اکن مندافا مالو .

20 . اقبیل کامو ہندق منجادیے کتوا



یهدطاعی ہندقلہ کامو سورہ سنورغ اکن بارغیغ
تردای ای مېواتن .

* کمالا حکمتہ *

19 . اقبیل برینتہ دوا اورغ فنجوري نسچاي

توبتالہ بندا ۲ یهدچوري .




 Pahlawan Dengan Pedangnya
 

Pada zaman purbakala ada seorang pahlawan yang telah masyhur mengalahkan beberapa banyak musuhnya dengan sebilah pedang, maka ia pun bercita-cita hendak menulis akan hal keberanian dan kemasyhurannya itu di dalam sebuah buku peringatan (*record*) supaya diketahui oleh anak cucu dan orang-orang yang di belakangnya. Maka ia pun pergilah ke sebuah kedai seorang pendeta hendak membeli sebatang kalam. Katanya: Beri aku sebatang kalam! Kerana aku hendak menulis hal ehwal keberanian dan kemasyhuranku supaya dibaca oleh orang yang kemudian daripada aku, dan hairanlah mereka itu membacanya. Maka oleh pendeta dicabutnya bulu angsa lalu diunjukkannya kepada pahlawan itu sambil berkata potonglah dengan pedang tuan yang masyhur itu supaya dapat tuan menulis apa yang tuan kehendaki. Maka pahlawan itu pun mencuba beberapa kali hendak merencong bulu angsa itu tiada jua dapat hingga rosak tiada boleh dipakai lalu, pada akhirnya ia pun mengaku katanya: Sungguhpun pedang ini telah mengalahkan beberapa musuh yang perkasa tetapi ia tiada boleh merencong sebatang kalam. Dari semenjak itu tiadalah ia bermegah-megah lagi kerana telah diketahuinya kalam itu lebih kuat daripada pedang.

Demikianlah orang yang bermegah-megah dengan perbuatannya itu pada suatu masa ia akan mendapat malu.


 Gemala Hikmat
 

19. Apabila berbantah dua orang pencuri nescaya ternyatalah benda-benda yang dicuri.

Jamuan Selamat

Pada pukul 1.00 hari Sabtu 7 Julai 1946

ini telah diadakan suatu jamuan nasi beriyani oleh guru-guru daerah Pontian di sekolah bandar, dihadiri oleh Yang Mulia Engku Pegawai Daerah, pengelola sekolah-sekolah agama Johor, pegawai-pegawai kerajaan dan lebih kurang 150 orang guru Melayu dan agama laki-laki dan perempuan kerana memberi ucapan selamat kepada Tuan Haji Abdul Rahman bin Yahya guru pasukan tinggi Pontian bersara pada awal bulan ini kemudian daripada bercuti selama dua bulan.

Ucapan selamat telah diberi oleh Engku Pegawai Daerah, pengelola sekolah-sekolah agama dan guru-guru. Majlis itu bersurai lebih kurang pukul 3.00 petang kemudian daripada doa selamat dibaca oleh tuan imam Masjid Jamik kerajaan.

Kita mengerti Tuan Haji Abdul Rahman ini telah bekerja dengan kerajaan lebih kurang 37 tahun. Taat setia dan rajin dan sangat dikasihi oleh orang-orang yang di bawahnya dan sangat beribadat kepada Allah dan suka bekerja kerana faedah am bagi kaum bangsa dan tanah airnya. Pihak Peredaran bersama-sama mengucapkan selamat kepada Tuan Haji Abdul Rahman mudah-mudahan berpanjangan zamannya dalam taat kepada Allah.

20. Apabila kamu hendak menjadi ketua yang ditaati hendaklah kamu suruh seseorang akan barang yang terdaya ia membuatnya.

سروان مجلہ فرایدران

(اولہ محمد صالح علوی، جوہر بہارو)

- فراوہاں ماس تلہ برایدرد
 فائوتلہ کیت سکلین سدر
 جاعنلہ لائی لیکسا بوسندر
 باغونلہ بکرج سہراف قدر
 تیدق برکون برتقیق بوسورق
 جکلو ہیدوف ماسیہ بوسہرق
 جاعن دیم مستیلہ برگرک
 بکرجسام جاعن برجارق
 مجلہ فرایدران سدی بونام
 سیون سکلکی منزیارہ منجلیا
 مہاجق بوسانو بکرجسام
 مینتو نفقین دغن مندرما
 دسینیلہ تمقن کیت برچشکرک
 بنتو مینتو دغن مقسام
 فاندغن باقی تیدق فرچوما
 مدمدماہن ہیدوفن لام
 ساریلہ کیت بونفین ناغن
 لاکئی ۲ فرمشوان بوسانو اغن ۲
 بوسانو موافقہ برقیچہ جاعن
 ککل ستیا دھارف برفنجاعن
 یاوا مجلہ واغ دان ہرت
 دھارفکن بنتو ملایو جلالت
 بواہ فیکران دمنٹالہ سرت
 بوسانو فادو ایتولہ سنجات
- باغونلہ بکرج رافتکن سنیا
 بوسانو فادو ہیدوف ملیا
 لاکئی فرمشوان مودا بلیا
 اساس فرایدران کلکی برجای
 اینلہ کتیک اینلہ ماس
 جاعن متقی ایسوء لوسا
 تنجو قکن کبولہن ایتولہ جاس
 داقتلہ فرایدران منزیاہی ہسا
 جاعن فایہ درنتون دان فقسا
 تنجو قکن راجین ہافوسکن کلیسا
 ہیدوف مردھیک تیدق رینسا
 تون منولغ ستیف ماس
 فرایدران بوسرو کسینی سان
 منزیاہی ہسان دارا ترون
 دتلوق تنجوغ ولوفون دمان
 سہمر ہیدوف سلوم فان
 کردھیکان وطن مستیلہ دینا
 جاعن دراجو قکن تیدق سمنا
 کلکی کچیوا ہیدوف مران
 ہیدوف ہشدمکین تیدق بومعنی
 بنتولہ ہسا جاعنلہ لینا
 جاعن دفیکر تا کنا مینا
 ہیدوف ملایو سبایک ۲ مینا
 سکل منفعہ بہارولہ سمشرن





Seruan Majalah Peredaran



(Oleh Muhammad Saleh Alwi, Johor Baharu)

Perubahan masa telah beredar	Bangunlah bekerja rapatkan setia
Patutlah kita sekalian sadar	Bersatu padu hidup mulia
Janganlah lagi leka bersandar	Lelaki perempuan muda belia
Bangunlah bekerja seberapa kadar.	Asas Peredaran kelak berjaya.
Tidak berguna bertempik bersorak	Inilah ketika inilah masa
Jikalau hidup masih berserak	Jangan menanti esok lusa
Jangan diam mestilah bergerak	Tunjukkan kebolehan itulah jasa
Bekerjasama jangan berjarak.	Dapatlah Peredaran menziah ¹ bangsa.
Majalah Peredaran sedia bernama	Jangan payah diruntun dan paksa
Sebulan sekali menziarah menjelma	Tunjukkan rajin hapuskan kelisa ²
Mengajak bersatu bekerjasama	Hidup merdeka tidak rinasa ³
Membantu nafkahnya dengan menderma.	Tuhan menolong setiap masa.
Di sinilah tempatnya kita bercengkerama	Peredaran berseru ke sini sana
Bantu-membantu dengan saksama	Menziarahi bangsanya dara teruna
Faedahnya banyak tidak percuma	Di telukanjung walaupun di mana
Mudah-mudahan hidupnya lama.	Seumur hidup sebelum fana.
Marilah kita berpimpin tangan	Kemerdekaan watan mestilah dibina
Laki-laki perempuan bersatu angan-angan	Jangan dirajukkan tidak semena
Bersatu muafakat berpecah jangan	Kelak kecewa hidup merana
Kekal setia diharap berpanjangan.	Hidup yang demikian tidak bermakna.
Nyawa majalah wang dan harta	Bantulah bangsa janganlah lena
Diharapkan bantu Melayu jelata	Jangan difikir tak kena-mengena
Buah fikiran dimintalah serta	Hidup Melayu sebaik-baik sempena
Bersatu padu itulah senjata.	Segala manfaat baharulah sempurna.

¹ Perkataan sebenar ialah menziarahi

² Perkataan sebenar ialah gelisah

³ Perkataan sebenar ialah binasa

کتاوا سديکيه

(اوله محز يا)

دسواه سکوله ماس جشون سبکيان عادتون
گورو مندفتوکن نام مرید ۲ سلوم وقت بلاجره
اوله سبب اتوران بهارو مرید بهارو، دان ۱۰ کو ایت
بهارو فول، ترفسا مندفتوکن ایت دغن دفهگیل
نام مرید ستورخ ۲ مشیکوه اکن گیلهدانن.

ستورخ مرید بر نام عبدالکریم اد دالم کلسه
نانه پوتالو ۲ دفهگیل گورو: کاریموسم، کاریموسم
تتافی ای نیاد میاهوه گورو پوتان کشف مرید
یغلاینه عبدالکریم تبادا که؟ مرید ۲ کات، اد
اه کو ایت دی سمیل مننجوکن کشف عبدالکریم
اه گو دغن مبلیا فکن مات منان عبدالکریم
اف اوق نکفکه؟ شاه اوق نیاد میاهوه
پوکالی ۲ سای فگیل نامو؟ دغن برانی عبدالکریم
یاغون منجواب: بکیمان سابه هندق میاهوه اه کو؟
اه کو فگیل سای «کاریموسم» سای فیکر اه کو
هندق ممبلی کاری داگیتم موسم دغن جینا جوال
پو بر ایت، انبیل ددغر اوله اه کو ایفون ترسغیه
دغن مالون.

کملا حکمه

- 21 جک کادان بکرج ایت مواجیکن هندقله
پوسمکه ۲ نسچای نیاد بکرج ایت مواجیکن بناس
22 بواه حیرانکن دیری ایت کمرکان
23 اورغیمه جاهیل ایت سترو دیرین مک
بتاف ای هندق منجادی صحابه اورغلابن.

سنگ دان سوسه بوسام مراس
پو کنن ستورخ منجوغ سقا

هندقله بوجانک سلوم ترفسا
پوسانو فادو لا کوکن سنتیاس

پوسام میمول بیان داعکه
پوجاله کرج جاوه دان دکه

بهاروله دغاکن پوسانو فاکه
سکل فکر جان دافله بروهه

ولو بکیمان فون مستی پوسانو
پوتولم ۲ عت برننتو ۲

دیاله اساس منجیککن موتو
فیکران فون لافغ تیدقله بونتو

جیک پوسانو دافله کسناغن
کرج یهبره منجادی ریغن

حسد دغکی سکالی ۲ جاغن
ان شاء الله بوجای سکل اغن ۲

پاوا فرایدردان دناغن کیت
بأیت بنتوان رعیه جلالت

کای مسکین دهار فکن بسرت
ملیا دان هینا طرفن رات

فرایدردان بوسرو پارینغ سوارا
هارف فرتولغن ترون دان دارا

فرایدردان منجیوسم دکه دان دورا
کر بیان بقسا کو فتردی دان فترا

هشک این شمیر دتمکن
سلام دان دعا کامی ایریفکن

اف یسهاله تولغ معافکن
صفا خلاف تا بوله دسه کلکن





Senang dan susah bersama merasa

Bukannya seorang menanggung seksa
 Hendaklah berjaga sebelum terpaksa
 Bersatu padu lakukan sentiasa.
 Bersama memikul bebanan diangkat
 Berjayalah kerja jauh dan dekat
 Baharulah dinamakan bersatu pakat
 Segala pekerjaan dapatlah berkat.
 Walau bagaimanapun mesti bersatu
 Bertolong-tolongan berbantu-bantu
 Dialah asas meninggikan mutu
 Fikiran pun lapang tidaklah buntu.
 Jika bersatu dapatlah kesenangan
 Kerja yang berat menjadi ringan
 Hasad dengki sekali-kali jangan
In shā-Allāh berjaya segala angan-angan.
 Nyawa Peredaran di tangan kita
 Iaitu bantuan rakyat jelata
 Kaya miskin diharapkan beserta
 Mulia dan hina tarafnya rata.
 Peredaran berseru nyaring suara
 Harap pertolongan teruna dan dara
 Peredaran mengunjung dekat dan dura
 Ke ribaan bangsaku puteri dan putera.
 Hingga ini syair ditamatkan
 Salam dan doa kami iringkan
 Apa yang salah tolong maafkan
 Sifat khilaf tak boleh disangkalkan.

Ketawa Sedikit

(Oleh Mahziya)

Di sebuah sekolah masa Jepun sebagaimana adatnya
 guru-guru mendaftarkan nama murid-murid sebelum waktu belajar,
 oleh sebab aturan baharu murid-murid baharu, dan En. Gu itu
 baharu pula, terpaksa mendaftarkan itu dengan dipanggil
 nama murid seorang-seorang mengikut akan gilirannya.
 Seorang murid bernama Abdul Karim, ada dalam kelasnya,
 namanya bertalu-talu dipanggil guru: Karimusang, Karimusang,
 tetapi ia tiada menyahut. Guru bertanya kepada murid-murid
 yang lain, Abdul Karim tiadakah? Murid-murid kata, ada
 En. Gu. Itu dia sambil menunjukkan kepada Abdul Karim.
 En. Gu dengan membelakangkan mata menanya Abdul Karim
 apa awak pekakkah? Mengapa awak tiada menyahut
 berkali-kali saya panggil namamu? Dengan berani Abdul Karim
 bangun menjawab: Bagaimana saya hendak menyahut En Gu!
 En. Gu panggil saya ((Karimusang)) saya fikir En. Gu
 hendak membeli kari daging musang dengan Cina jual
 bubur itu, apabila didengar oleh En. Gu ia pun tersengih
 dengan malunya.

Gemala Hikmat

21. Jika keadaan bekerja itu mewajibkan hendaklah
 bersungguh-sungguh nescaya tiada bekerja itu mewajibkan binasa.
 22. Buah hairankan diri itu kemurkaan.
 23. Orang yang jahil itu seteru dirinya maka
 betapa ia hendak menjadi sahabat orang lain.

ف 101-45
ق 146-46

جہان اکام جوہر
اسکبہ



چاہو نہی کہتاں وقت ۲ پتلا دصحت اولہ جہان اکام باکی کر جان جوہر تو کونان باکی رمضان 1365 بر مکان دفعی 1946 نامہ مسیحی جدول این دمولای جہن فوکل 30 12 زوال وسطی مشہورہ جم ملایا انوران ہندک عبتو لکن جم دریس نام قد سوات ثقہ نام سام تیشگی دانہ د کورس دانس ثقہ ایت دری فہقی اوزار فہقی سہنگ فہقی سلاتن دفن سوات کورس نام معانی ثقہ بو دری فہقی ایت دان فہقی کورسین اوزار ابو سلاتن ایت مشہورہ قدر فہقی ایت مک اقبال تو کلبچید نام فہقی ایت کسبہ تیسور کورس پتہ سبزوہ ایلوہ وقت ظہر دان دینو لکن جاروم جم بوسام دفن جم ظہر دالم جدول این وقت ۲ دالم جدول این باکی جوہر ہزارو کورت تیشگی دان برسویچ دان مندقلہ دقید 5 مینیہ پانزہ ثبہ دانس سگامہ دان ۷ مینیہ فو تیان دان کراخ * اقبال تہ دمولای عکلم فواس مک بولہہ دنویس سندیری دالم رواقی بولن اسلام ایت بلالقی ہارن دری اول عسک اکھنن یا ایت مندقلہ دناروہ غیر ساتو ہاری گولا عکلم فواس دعا بیغ شہور کتیک ساسی بولوک (اللهم لك صحت وعلى رزقك الطهرت و لك ایت و عیاك تو كلت و رحمتك رحوت و ایاك تبت ذہب الطاء و ایتات العروق و بنت الاجر ان شاء الله تعالی یا واسع الغفرل انقولی) اہ ملخصا ارشاد العباد

زکاة فطرہ بقدر ما یسکر اولہ شرح انس سنو ریح اسلام جوہر دالم مذہب شافعی سکتہ بیغ ابتدای درقد جنین برس پدما کنن دفن بقا بن جوہر 3 کافی 12 تاہل
2 - بر کتان فطرہ دفن داغ نقیب الزکاة اکی منتو کن کاف ہر کات دالم سوات فیز نامو پیا کن دکرا ککن باکی فو تیان راہی

تربیت سہاری		صبح ملایا		اساتک 1		شاہ ملایا		نہرب ملایا		صہر ملایا		ظہر ملایا		نام ہجری	نام ہجری	نام ہجری	نام ہجری
جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	جم ملایا	نام ہجری	نام ہجری	نام ہجری	نام ہجری
ع	۱	ع	۱	ع	۲	ع	۱	ع	۲	ع	۱	ع	۲	۸	۱	۸	۱
6	37	5	15	5	03	8	00	6	49	4	06	12	42	احد	رمضان	*	جولای
"	"	"	17	"	05	7	59	"	"	"	04	"	"	"	"	"	۱
"	"	"	"	"	"	"	58	"	"	"	03	"	"	"	"	"	6
"	"	"	"	"	"	"	57	"	"	"	02	"	"	"	"	"	11
"	36	"	"	"	"	"	55	"	48	"	02	"	"	"	"	"	16
"	35	"	"	"	04	"	55	"	47	3	59	"	"	"	"	"	21
"	34	"	"	"	"	"	53	"	46	"	56	"	"	"	"	"	26
"	33	"	"	"	03	"	52	"	44	"	52	"	"	"	"	"	26



Imsakiyah



Jabatan Agama Johor

Cabutan ketetapan waktu-waktu yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama bagi kerajaan Johor. Perguman bagi Ramadan 1365 bersamaan dengan 1966 tahun Masihi. Jadual ini dimula jamnya pukul 12.30 *zawal* *wasal* mengikut jam Malaya. Awuran hendak membentulkan jam. Didirikan satu pancung yang luas pada suatu tempat yang sama tinggi dan digores di atas tempat itu dari pihak utara pancung sehingga pihak selatannya dengan suatu gores yang lurus yang mengena tempat berdiri pancung itu. Dan panjang goresan utara atau selatan itu mengikut kadar pancung itu, maka apabila tergelincir buayan pancung itu ke sebelah timur gores yang tersebut itulah waktu Zohor dan dibentulkan jarum jam bersama dengan jam waktu Zohor dalam jadual ini. Waktu-waktu dalam jadual ini bagi Johor Baharu, Kota Tinggi dan Mersing, dan hendaklah ditambah 5 minit Muar, 4 minit Batu Pahat dan Segamat dan 2 minit Pontian dan Klang. Apabila telah dimula memegang puasa maka bolehlah ditulis sendiri dalam ruangan bulan Islam itu bilangan hari-hari dari awal hingga akhirnya iaitu hendaklah ditaruh nombor satu hari memula memegang puasa. Doa yang menyusur ketika selesai berpuasa (*Allahumma laka summa wa tairi rajika qifra wa baka amana wa talyka amakalahu wa rajamaka rajawtu wa layka tabu dhalaha al-samā' u wa dhallat al-urduq wa hubu al-qira in shā'a Allahu la ilāha yā wācī 'a al-jahī (ghfir) ināha mukhlisā ihād al-ihād.*

- Zakat ftrah yang diwajibkan oleh syarak atas seseorang Islam Johor dalam mazhab Shafi'i kesugamang bighadadi daripada jenis becus yang dimakannya dengan timbangan Johor 3 kali 12 tahl.
2. Berkemauan berftrah dengan wang, *maghb al-zakāt* akan menentukan ketiak harganya dalam suatu perbentuhan yang akan dikemukakan bagi pengetahuan ramai.

Nama bulan <i>Shamsiyah</i>	Bilangan hari	Nama bulan Hijrah	Bilangan hari															
			Zohor		Asar		Maghrib		Isyak		Imsak		Subuh		Terbit Matahari			
			Jam Malaya	M	Jam Malaya	M	Jam Malaya	M	Jam Malaya	M	Jam Malaya	M	Jam Malaya	M	Jam Malaya	M		
Julai	8	Ahad	Ramadhān	42	12	06	4	49	6	00	8	03	5	15	5	37	6	
Agust	1	Khamis	"	"	"	04	"	"	"	59	7	05	"	17	"	"	"	
	6	Selasa	"	"	"	03	"	"	"	58	"	"	"	"	"	"	"	
	11	Ahad	"	"	"	02	"	48	"	57	"	"	"	"	"	36	"	
	16	Jumaat	"	"	"	02	"	59	3	47	"	04	"	16	"	35	"	
	21	Rabu	"	"	"	39	"	56	"	46	"	53	"	"	"	34	"	
	26	Isnin	"	"	"	38	"	52	"	44	"	52	"	03	"	15	"	33

د فو س ما ل م ۱۳۶۵



فمبر يتاهو

جياتن اكام جوهر

كتنافن ممكث اول فواس رمضان تاهن ۱۳۶۵

هوا دبريتاهو كنفد سكالين اورغ اسلام اداله اول ممكث فواس
رمضان تاهن ۱۳۶۵ (تاهن اين) نله ثابت دسيبي فم . قاضي بسر جوهر
فد مالم ثلاث 30 جولي 1946 جيڪ اد تيدق رو به اول بولن رمضان
فد مالم اثنين 28 جولي 1946 .

دغن فرنته

داتو حاج عبدالله بن عبدالرحمن

يقدر نوا جياتن اكام جوهر

فجابه اكام جوهر بهارو

21 شعبان 1365

دريتكن اوله احمد بن يعقوب كران كنفولن گورو ۳ اكام جوهر دان دا برهن دان دجيتن اوله مطبعه الاحديه سيفانورا .





Pemberitahu

Jabatan Agama Johor

Ketetapan Memegang Awal Puasa Ramaḍān Tahun 1365.

Bahawa diberitahu kepada sekalian orang Islam adalah awal memegang puasa Ramaḍān tahun 1365 (tahun ini) telah sabit di sisi PM. Kadi besar Johor pada malam Selasa 30 Julai 1946 jika ada tidak *ru'yah* awal bulan Ramaḍān pada malam Isnin 28 Julai 1946.


Dengan perintah

Dato' Haji Abdullah bin Abdul Rahman

Yang Dipertua Jabatan Agama Johor

Pejabat Agama Johor Baharu

21 Sha'abān 1365



MN
059.9923
MP

- 34 - ناهن لوت تام
- 35 - سنوال 1367
- 36 - ستمبر 1946
- 37 - كندوغن ددالم
- 38 - نولامه فر هاري راي
- 39 - نوجوان هاري راي ايت
- 40 - نوجوان كلفه اتى كچيل
- 41 - نفاق زور و هكاه منجادي فنة فو اة كارولا
- 42 - نونج فر موراتي براس ملايو
- 43 - كاهن هينوف
- 44 -
- 45 -
- 46 -
- 47 -
- 48 -
- 49 -
- 50 -
- 51 -





Majalah Peredaran

Bilangan 2 – Shawwal 1365 – Tahun pertama

September 1946

Kandungannya di dalamnya:-

Selamat berhari raya	Muka 34
Apakah tujuan Hari Raya itu?	Muka 36
Didikan kepada anak kecil	Muka 37
Kenapa rumahtangga menjadi tempat pertenggaran?!	Muka 39
Tarikh Persuratan Bahasa Melayu	Muka 41
Pergaulan Hidup	Muka 43
Didikan	Muka 45
<i>Tārīkh al-Islām</i>	Muka 47
Syarat-syarat menuntut ilmu	Muka 49
Bahasa Melayu	Muka 52
Ilmu itu roh agama Islam	Muka 59
Peredaran masa	Muka 64

MN
059.9923
MP

مجله فرايدران

مجله اين در تريبينگن سبولن سگلي قد تيف ۲ اول بولن اسلامي

يا بت مقنودغي فغتموان اگام، تاريخ، كهصيحان

فرگاولن، بهاس ملايو، تدبير روم، هفت

دانلابن ۰۲

فصیحة — يغير حرمة داؤو عبدالله بن عبدالرحمن

فترية — كغولن كورو ۲ اگام جوهر دان دا برهن

سبدغ فغارغ — اه احمد بن يعقوب الجوهري (كتوا)

» — اه محمد صالح بن عوي

» — الأستاذ توان حاج خالد ابوب الازهري

» — توان حاج عبدالغني بن حاج يحي

» — سيد محمد بن عيدير وس العطاس

» — لفتنن كرايل موسى بن يوسف

» — انجي صفيه بنت صليان

» — انجي فاطمه بنت محمد

سگلي سورة يغير كنآن دغن فركارا بتغ هندق دسبار كور كدالم مجله
اين هندقله دغلا تگن كقد فغارغن كهروف فجابة فلاجران اگام جوهر،
دان سگلي سورة ۲ يغير كنآن دغن لفكان، اعلان ۲، وكيل هندقله دغلا تگن
كقد « فترية مجله فرايدران » كهروف فغوللا سگوللا ۲ اگام، دفجابة
فلاجران جوهر

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	
Tarikh perolehan:	9 JUL 2013
Tarikh stap didokumentasi:	25 NOV 2013
Tarikh disusun atas rak:	
2085217 NADJR	

- هرگ لفكانن متامن
- » » 6 بولن
- » » 3 بولن
- » ساتو نسخه



اه دسبن فر ماگ صليان

Majalah Peredaran

Majalah ini diterbitkan sebulan sekali pada tiap-tiap awal bulan Islami

iaitu mengandungi pengetahuan agama, *tārīkh*, kesihatan

pergaulan, bahasa Melayu, tadbir rumah tangga


dan lain-lain lagi

Penasihat	-	Yang Berhormat Dato' Abdullah bin Abdul Rahman
Penerbit	-	Kumpulan Guru-guru Agama Johor dan Daerahnya
Sidang Pengarang	-	En. Ahmad bin Yaacob al-Johori (Ketua)
“ “	-	En Ahmad Salleh bin Alwi
“ “	-	Al-Ustaz Tuan Haji Khalid Ayub al-Azhari.
“ “	-	Al-Ustaz Tuan Haji Abdul Ghani bin Haji Yahya.
“ “	-	Al-Ustaz Syed Muhammad bin Idrus al-Attas.
“ “	-	Leftenan Kolonel Musa bin Yusof.
“ “	-	Encik Safiyah binti Sulaiman.
“ “	-	Enck Fatimah binti Muhammad.

Segala surat yang berkenaan dengan perkara yang hendak disiarkan ke dalam majalah ini hendaklah dialamatkan kepada pengarangnya *Group* Pejabat Pelajaran Agama Johor, dan segala surat-surat yang berkenaan dengan langganan, iklan-iklan, wakil hendaklah dialamatkan kepada ((Penerbit Majalah Peredaran)) *Group* Pengelola Sekolah-sekolah Agama, di Pejabat Pelajaran Johor.

Harga langganan setahun

“ “	6 bulan
“ “	3 bulan
“	Satu naskhah



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

رنجان فقارخ

اربعین ۲۰۰۵
کتابخانه ملی

کیت مؤویفکن بریو ۲ شکور کفد الله
تسجانه وتعالی بقده مقرنیا کن فرایدان مندافه
تیمونن یقباک دري سیدخ فباج ۲۳ یقدمکن
کیت فیبق یغ مشاولا کن فکرجا ابن مؤویفکن
نویایق ۲ تریم کاسیه انس فر تولعن دان بنتوان
بغات بوهرک ایت .

مک اداله فلاجران ۲ یقدا کو بوله مؤوشکن
اوتق ایت ابله فلاجران یغیریمه دري فیبا کبسه یغ
ملهمکن فر کرفتن فقهوان .

سبالیقن اچوان ۲ ایت بوله کیت دافاتی دغن
سمفران اقبیل ۱۰۰۰ کیت تردیدق دغن فقهوان
یغ بوله منجافی سبب ۲ حقیقه سوات فر کارا نتفانی
ولو ماچم مان سکالیقون هندقله فقهوان ۲ ایت
بوله مئیکیس دان مغانو مکن ایکوتن بوت
تولی، دان تیدق اکن مزیما سوات فرکارا
یقدساجیکن ملینکن ستله فرکارا ایت اد بودیری
دغن دلیل یغترخ .

اقبیل سکل کرج ۲ کیت سده بوجان دغن =
بتول دان یواتور دغن فراتوران یغ سمفرن
تأدافتیاد تشکیله فراغی کیت دسیسی فنداعن
۲۱۰ کنتتانی تیدقله موده کیت هندق بمباعتون
اتو مندیریکن کرج ۲ یغسوسه ملام نیاد کیت
بوصفه دغن صبره قواة چیتا ۲، سوچی
هاتی دان بوانی داتس یغ حق .

مک سمیوتن سیدخ فباج ۲ یقدسوماتی ایت
مواقله کیت مؤو کور اتو ملتقکن باتو اوجی
سجاوله مان امة کیت جوهر خاصن دان ملایو
تامن نله مغورق لئکه متبئکه کجان کماجران دان
کبهکیان .

مک کبهکیان سوات یغسا ایت تولتق داتس
بواسر اوتق یغترخ، فراغی یغملیا دان چندروخ
کمند ملولسکن کهندق انداخ ۲ اتو فراتوران
میدوفن .

سان داتس ابنله فرایدان و داسر، مدمهدان
منجادی فندوان اتو فدونم دالم فلایران هیدوف
دمیدان کلامتقن کران اقبیل کیت فرهاتیکن
داسر ۲ یقدبناء داتس اوله کتوا ۲ اگام زمان
دهولو اکن سکل کماجران هیدوف یغیریمیا
دالم دنیا دان اخره ایت ابله دغن صبر مندربقا
سکل جنس کسوامن، قواة چیتا ۲ دالم سوات
توجوان بوسرت دغن تولس اخلاص اذان .

بارعدایفه دغن ترخ اوتق ایت دافته مشادا کن
جان ۲ انلاجران دان فقهوان کران یغسا ۲ یغترلمباک
ووغن اورخ ۲ یغتیاد فلاجران ایت ساعه سوکر
هندق بر کرف اقبیل ترهاف کفد فرکارا کبیمکن
اتو مصلعه هیدوفن .

harga-nya sa-bwah 75-cto

ini-lah di-namakan majalah Pentama





Bismi Allāh al-Rahmān al-Rahīm

Rencana Pengarang

Kita mengucapkan beribu-ribu syukur kepada Allah

Subhānahu wa Ta'āla yang telah mengurniakan Peredaran mendapat

sambutan yang baik dari sidang pembaca-pembacanya yang demikian

kita pihak yang mengelolakan pekerjaan ini mengucapkan

berbanyak-banyak terima kasih atas pertolongan dan bantuan

yang amat berharga ini.

Maka sambutan sidang pembaca-pembaca yang dihormati itu

dapatlah kita mengukur atau meletakkan batu uji

sejauh mana umat kita Johor khususnya dan Melayu

amnya telah mengorak langkah meningkat ke jalan kemajuan dan

kebahagiaan.

Maka kebahagiaan sesuatu bangsa itu bertolak di atas

dasar untuk yang terang, perangai yang mulia dan cenderung

kepada meluluskan kehendak undang-undang atau peraturan

hidupnya.

Barang diingat, dengan terang untuk itu dapatlah mengadakan

jalan-jalan pelajaran dan pengetahuan kerana bangsa-bangsa yang terlembaga

dengan orang-orang yang tiada pelajaran itu sangat sukar

hendak bergerak apabila terhadap kepada perkara kebajikan

atau maslahat hidupnya.

Maka adalah pelajaran-pelajaran yang diaku boleh menerangkan

untuk itu ialah pelajaran yang bersih dari penyakit yang

melemahkan pergerakan pengetahuan.

Sebaliknya acuan-acuan itu boleh kita dapati dengan

sempurna apabila umat kita terdidik dengan pengetahuan

yang boleh mencapai sebab-sebab hakikat sesuatu perkara tetapi

walau macam mana sekali pun hendaklah pengetahuan-pengetahuan itu

boleh mengikis dan menghapuskan ikutan buta

tuli, dan tidak akan menerima sesuatu perkara

yang disajikan melainkan setelah perkara itu ada berdiri

dengan dalil yang terang.

Apabila segala kerja-kerja kita sudah berjalan dengan

betul dan beratur dengan peraturan yang sempurna

tak dapat tiada tinggillah perangai kita di sisi pandangan

bangsa-bangsa. Akan tetapi tidaklah mudah kita hendak membangun

atau mendirikan kerja-kerja yang susah selama tiada kita

bersifat dengan sabar, kuat cita-cita, suci

hati dan berani di atas yang hak.

Sanya di atas inilah Peredaran berdasar, mudah-mudahan

menjadi panduan atau pedoman di dalam pelayaran hidup

di medan keselamatannya kerana apabila kita perhatikan

dasar-dasar yang dibina di atasnya oleh ketua-ketua agama zaman

dahulu akan segala kemajuan hidup yang berbahagia

dalam dunia dan akhirat itu ialah dengan sabar menderita

segala jenis kesusahan, kuat cita-cita di dalam suatu

tujuan berserta dengan tulus ikhlas adanya.

سلامة برهاري

كيت مشوچفكن برهاري ۲ شکر كحضرة الله سبحانه وتعالى يقتله مقرنبا كن داي اوقاي دافة
كيت برسام ۳ دغن راكن سجاوه كيت مېحيوه
هاري راي عبدالفطري 1365 اين دغن نياد
اف ۲ بغ مېكندالا كن فرجلان وجود كيت
بهكن دغن فرسان بغ ريا دانم منزاري كشد
تيف ۲ فباچ كيت يشوديمان توا مودا مسكين
دان كاي ددالم ماس يشاعة برهاري دغن مشوچفكن
سلامة برهاري راي، سلامة برسوك ريا، دغن قوم
قرايه دان صحابه هندي جاوه دان دكة، دغن
امان ۴ ستروس دان بركة ۴ سكاليفون قد ماس
اين بلوم لاكي كهالي كشد زان كمعموران
يشد چيتا ۳ بگيمان ماس سلوم قفراش دهلوا
تقاي كيت واجب شكر اكن نعمة يشامة بسر يقتله
دكرنبا كن نوهن كا نس كيت يا بت تنف كيت
ددالم امان دان كفر چيان بشقنه كفدان، دان
دافة كيت و قمو دغن رمضات المبارك دان
عبدالفطري السعداء دان دافة فول كيت منجونج
تبه فرتهن دغن قدر يشد توفيق كن كشد كيت

هوا كمعموران دان يشد چيتا ۲ ايت كيت
فرچاي اكن فولغ قوليه سفرت سديكالا تيدق
براف لام لاكي مشكل اون سياحة دنيا اين كهالي
كشد ترغ دان فاسر كلف ايقفون اكن برنوكر
مخادي فاسر ترغ - فرمان الله سبحانه وتعالى
فَاِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا اريتن مك بهوا
ومرت دغن كوساهن دان كقباهن ايت كسناغن
بعاية لسو دان سفرن دان سيداني كيت صلى الله

عليه وسلم وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ كَانَ الْمُسْرِي فِي
جَحْرِ ضَبٍّ لَتَبِعَهُ حَتَّى يَخْرُجَهُ لَنْ يَلْبَسَ عَسْرَ سَرِيْنِ
اريتن داي نوهن بقدر بركو ددالم كغيمان قدرة
ارادتن، جكالو اذاله كوساهن ايت ددالم لوبغ
ضب سكاليفون نسچاي دايكوه اكندي اوله
كسناغن هفك دكلوار كتنن كران تيار اكن منغ
ساتو كوساهن ايت دغن دوا كسناغن دنيا دان اخره
اكتنننني هندقله دايقه بتول ۲ بهوا كمعموران
ينم سيزن ايت ترفولم كغد اوسها دان اختيار كيت
جوا كران ايله يشوله مندوك سوكانن ازلي سام
اد كمعموران دان كسناغن ايت بوله وجود قد
ماس اين داتس فشكلوان كيت اتو فد ماس بغ
دنتي ۲ ۴ تقاي كارا ۴ مننتي ۲ ايت سلالو چالوس
دان لوفوه درفد ان بغ كيت كهندقكي اذان
عبدالفطري هاري يشهريه كيا

مجرى سوك مسكين دان كاي
توا مودا هينا دان مليا
سفنجم هاري برسوك ريا
عبدالفطري هاري يقاوتام
سقاان سكالاي داتم منجملا
مسكين دان كاي دودق برسام
بمجه الله نوهن مقسام

موجي نوهن چاغله والغ
بجابه مكيد براولغ ۲
دغن وجه بغ كيلغ كميلغ
لقسان بدر جهيا چمرلغ
سلام دعا كيت اوچفكن
كغد سكلين تولن دان راكن
صحابه هندي قرايه دهرتا كن
مسلمين مسلمات سام دراتا كن





Selamat Hari Raya

Kita mengucapkan beribu-ribu syukur ke hadirat Allah *Subhānahu wa Ta'āla* yang telah mengurniakan daya upaya dapat kita bersama-sama dengan rakan sejawat kita menyambut Hari Raya Aidil Fitri 1365 ini dengan tiada apa-apa yang menggendalakan perjalanan wujud kita. Bahkan dengan perasaan yang ria datang menziarahi kepada tiap-tiap pembaca kita yang budiman tua muda miskin dan kaya di dalam masa yang sangat berbahagia dengan mengucapkan Selamat Hari Raya, selamat bersuka ria, dengan kaum kerabat dan sahabat handai jauh dan dekat, dengan aman, santun dan berkat, sekalipun pada masa ini belum lagi kembali kepada zaman kemakmuran yang dicita-cita bagaimana masa sebelum peperangan dahulu, tetapi kita wajib syukur akan nikmat yang amat besar yang telah dikurniakan Tuhan ke atas kita iaitu tetap kita di dalam iman dan kepercayaan yang penuh kepada-Nya, dan dapat kita bertemu dengan Ramaḍān al-Mubārak dan Aidil Fitri *al-Su'adā'* dan dapat pula kita menjunjung titah perintah-Nya dengan kadar yang ditaufiqkan kepada kita.

Bahawa kemakmuran dan yang dicita-cita itu kita percaya akan pulang pulih seperti sedia kala tidak berapa lama lagi manakala awan siyasa dunia ini kembali kepada terang dan pasar gelap itu pun akan bertukar menjadi pasar terang. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'āla* "*Fa'innama 'a' al-'usriyusri'anna ma'a al-'usriyusri'*" artinya "Maka bahawa berserta dengan kesudahan dan kepayahan itu kesenangan yang amat besar dan sempurna" dan sabda Nabi kita *ṣallā Allāhu*

'alayhi wa sallam "Wa alladhī nafsi biyadini law kāna al-'usru fi hujri ḍabbin latabi 'ahu ḥattā bukhrjahu lan yughliba 'usrun yusrayni"

ertinya 'Demi Tuhan yang diriku di dalam genggaman kudrat iradat-Nya, jikalau adalah kesesahan itu di dalam lubang dad sekalipun nescaya diikut akan dia oleh kesenangan hingga dikeluarkannya kerana tiada akan menang satu kesesahan itu dengan dua kesenangan dunia dan akhirat.

Akan tetapi hendaklah diingat betul-betul bahawa kemakmuran yang sebenarnya itu terpalang kepada usaha dan iktihar kita jua kerana ialah yang boleh menduga sukatan azali sama ada kemakmuran dan kesenangan itu boleh wujud pada masa ini di atas pangkuan kita atau pada masa yang dinanti-nanti, tetapi keadaan menanti-nanti itu selalu calus dan luput daripada apa yang kita kehendaki adanya.

Aidil Fitri hari yang berbahagia

Memberi suka miskin dan kaya

Tua muda hina dan mulia

Sepanjang hari bersuka ria

Aidil Fitri hari yang utama

Setahun sekali datang menjelma

Miskin dan kaya duduk bersama

Menyembah Allah Tuhan saksama

Memuji Tuhan janganlah walang

Bacalah takbir berulang-ulang

Dengan wajah yang gilang gemilang

Laksana badar² cahaya cemerlang

Salam doa kita ucapkan

Kepada sekalian taulan dan rakan

Sahabat handai kerabat di sertakan

Muslimin muslimat sama diratakan

¹ Sūrah al-Sharḥ ayat 5-6.

² Bulan purnama - Dewan Bahasa dan Pustaka.

سلامة برهاري رای

اوچاقن سلامتة برهاري رای کفد مسلمین دان مسلمات دان دایر یقی دغن ایقانتن مجبه یقتولس درفد:-

احمد بن یعقوب
جوهر بهارو فرقسا سکوله ۲ اکام جوهر
1 شوال 1365

سلامة هاري رای عیدالفطري

1365

بوابة بایک بر فادا

دغن ایقانتن یتم مجبه
فحیابة فلاجران جوهر ابراهیم بن محمد نور

1 شوال 1365

سلامة هاري رای

انصافکنله دیری

دوقت یتم مسیلم
ایقانتن یتم مجبه
سکوله قوتتیان کچیل ابراهیم بن محمد

1 شوال 1365

سلامة برهاري رای

داوچقکن سلامتة هاري رای
کفد سکلبین مسلمین خصوصاً کفد راکن ۲
دغن ایقانتن یسکاسیه
محمد ظاهر بن محمد نور

سکوله قوتتیان تمکلی
1 شوال 1365

سلامة برهاري رای

داوچقکن سلامتة هاري رای کفد راکن ۲
سجاوله خاصن دان کفد قوم مسلمین عامن ۶ مرت
دایر یقی دغن ایقانتن مجبه یقتولس دري:-

محمد یوسف بن حاج الیاس
کوردو سکوله اکام بوکیه سیوم جوهر
جوهر بهارو

1 شوال 1365

سلامة برهاري رای

داوچقکن سلامتة برهاري رای
کفد سکلبین نمودا قویدی

فی الدارین بر اوله بهگیسا
امانت دامی کککل ابندی

ایقانتن یسکاسیه درفد
سید ابراهیم بن جعفر
فحیابة فلاجران جوهر

1 شوال 1365

سلامة برهاري رای

تهنته دسمیه میوسن جاری
اوچقسلامة عیدالفطري

کفد قنباچ فتورا دان فترتی
دداکان بهگیسا دوا نگری

ایقانتن مجبه دري
حسین بن زکریا
فحیابة فلاجران جوهر
1 شوال 1365





	Selamat Hari Raya	Selamat berhari raya
Ucapan selamat berhari raya kepada muslimin dan muslimat dan diiringi dengan ingatan muhibbah yang tulus daripada:	Ahmad bin Yaakob	Diucapkan selamat hari raya kepada rakan-rakan seawajut khasnya dan kepada kaum Muslimin amnya, serta diiringi dengan ingatan muhibbah yang tulus dari:
Johor Bahru	Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor 1 Shawwal 1365	Muhammad Yusuf bin Haji Ilyas Guru Sekolah Agama Bukit Senyum Johor
	* * * *	
	Selamat hari raya Aidil Fitri 1365	Johor Bahru 1 Shawwal 1365
	Buat baik berpada-pada Dengan ingatan yang muhibbah	* * * * Selamat berhari raya
Pejabat Pelajaran Johor	Ibrahim bin Muhammad Noor 1 Shawwal 1365	Diucapkan selamat berhari raya kepada sekalian pemuda pemudi <i>Fi al-dārayni³</i> beroleh bahagia aman damai kekal abadi ingatan yang kasih daripada Syed Ibrahim bin Jaafar
	* * * *	
	Selamat hari raya Insafkanlah diri di waktu yang silam ingatan yang muhibbah	Pejabat Pelajaran Johor Johor Bahru 1 Shawwal 1365
Sekolah Pontian Kechil	Ibrahim bin Muhammad 1 Shawwal 1365	* * * * Selamat berhari raya
	* * * *	
	Selamat berhari raya Diucapkan selamat berhari raya Kepada sekalian Muslimin <i>khusūsan</i> kepada rakan-rakan dengan ingatan yang kasih Muhammad Tahir bin Muhammad Nur	Tahniah disembah menyusun jari Ucap selamat Aidil Fitri Kepada pembaca putera dan puteri Didoakan bahagia dua negeri Ingatan muhibbah dari Pejabat Pelajaran Johor Husin bin Zakarian Johor Bahru 1 Shawwal 1365
Sekolah Tambatan Tinggi	1 Shawwal 1365	

³ Bermaksud dalam kedua-dua alam/tempat/negeri – adakah merujuk kepada dunia dan akhirat?

افکھ توجوان هاري راي ايت؟

اوله اين سعد تفکھ

اکن دسوکا کن اوله الله فد هاري قيامه کتق .
کتیک، اورغ ۲ بقبراد مہا کیکن زکاة کفد
مستحقن اتوکفد عامل زکاة بقاکن مہا کیکن
کفد سودارا ۲ کیت یغ فقیر سٹای دافہ مرکیتیت
جوسام ۲ بوسوک ریا دغن سو داران اورغ ۲ سلہین
مک دغن صیب ایت ترناملہ فراسان مجہ دانہارا
اورغ کای دغن اورغ مسکین دان منمہکن
قوای ایکن ترسواتوان اسلام مک اینلہ ستمہ درفد
حکمة بوزکاة بقد کیندقکي اوله اکام اسلام .
اکنتانی دغن سدہن کیا بقککن مریک ۲ بقتیاد
مقتمہوي توجوان هاري راي ایت مک فد هاري
ایتولہ مریکیت برسولغ مینوم ارق دان برمان
جودی دان بوسوک ریا بقدرامکن اوله شرع
دان مرکیتیت بوکات بوکنن سلاو ہیلہ ستاھن
سکالی، کدین ایقون ترولہ مہراجا کن فرکارا ۲
یغ منکر ایت؟ ادالہ توجوان یغ سماچم این
بوکنلہ توجوان بقد کیندقکي اوله اکام
دمکینلہ ادان .

کمالا حکمة

- سمبوغن مجله فرایدران بیلاغن 1
24. اورغیغ جاهل ایت رضا ای اکن
ہوا تقسوت .
25. کاسیہ کامو اکن سموات ایت مہدوتا
دان مہولیکن کامو کفد بقیلان .

ہواسن هاري راي ایت ایلہ هاریے یقامت
ملیا دان ساغہ برھرک دسیسی الله سبحانہ ونعالی
کران دجادیکنن هاري ایت هاري کسوکان
دان کریانن یاکی سکلین مسلمین دان مسلمات
تراوام اورغ ۲ اسلام بقتلہ مہقنونا کن فواس .
اد فون کسوکان یقد کیندا کی دسیسی
یغفرنام ایلہ بران ۲ اورغ ۲ اسلام حاضر کسجد
دغن فکاین بقمولیق ۲ کران مہراجا کن سمبوغن
هاري راي ایت دغن مقصود منظر کن کشکوران
کفد الله سبحانہ واتسالی اتس توفیقن کفد
کیت سموا دافہ مہقنونا کن نیتہ فرنتهن برقواس
سیولن یولن رمضان یقلنس ایت ۲ کران مسیر ۲
نعمتہ دان انگرهن الله کاتس کیت ایلہ نعمتہ یغ
کیت سموا طاعة دان ستیا کفد فرنتهن دان
شکور فول اتس رحمة بقتلہ دلیمہکنن کفد
کیت فد هاریے راي ایت، مدمدہان دککلیکنن
نعمتہ ایت سلمان .

بقکدوا، دافہ کیت بوتمو دغن سودار امازا
قوم قرابہ دان صحابہ ۲ ہندیے کیت اورغ ۲ اسلام
یغ ہمفیغ دان دغن سورة ۲ کفد بقجاوہ لاکي دافہ
کیت دغن سقدر دلواسکن اوله الله مہدیا کن
بوماچم ۲ مکانن دان مینوبن یفحلل لاکي لذہ
چینا راسان . کران بحرمتکنن سودارادان صحابہ
ہندیے کیت دان دافہ کیت مہو کا کن ہاتی مریکیت
کران صیاف یغ مہو کا کن ہاتی اورغ موعمن





Apakah Tujuan Hari Raya Itu?

Oleh Ibn Saad Tangkak



Bahwasanya hari raya itu ialah hari yang amat mulia dan sangat berharga di sisi Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kerana dijadikan-Nya hari itu hari kesukaan dan keraian bagi sekalian Muslimin dan Muslimat terutama orang-orang Islam yang telah menyempurnakan puasa.

Ada pun kesukaan yang dikehendaki di sini yang pertama ialah beramai-ramai orang-orang Islam hadir ke masjid dengan pakaian yang molek-molek kerana mengerjakan sembahyang hari raya itu dengan maksud menzahirkan kesyukuran kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* atas taufik-Nya kepada kita semua dapat menyempurnakan titah perintah-Nya berpuasa sebulan bulan Ramadān yang lepas itu. Kerana sebesar-besar nikmat dan anugerahan Allah ke atas kita ialah nikmat yang kita semua taat dan setia kepada perintah-Nya dan syukur pula atas rahmat yang telah dilimpahkan-Nya kepada kita pada hari raya itu, mudah-mudahan dikekalkan-Nya nikmat itu selama-lamanya.

Yang kedua, dapat kita bertemu dengan saudara-mara, kaum kerabat dan sahabat-sahabat handai kita orang-orang Islam yang hampir dan dengan surat-surat kepada yang jauh lagi dapat kita dengan sekadar diluaskan oleh Allah menyediakan bermacam-macam makanan dan minuman yang halal lagi lazat cita rasanya. Kerana menghormati saudara dan sahabat-handai kita dan dapat kita menyukakan hati mereka itu kerana siapa yang menyukakan hati orang mukmin.

akan disukakan oleh Allah pada hari kiamat kelak.

Ketiga, orang-orang yang berada membahagikan zakat kepada mustahaknya atau kepada amil zakat yang akan membahagikan kepada saudara-saudara kita yang fakir supaya dapat mereka itu bersama-sama bersuka ria dengan saudaranya orang-orang Muslimin maka dengan sebab itu tertanamlah perasaan muhibbah di antara orang kaya degan orang miskin dan menambahkan kuat ikatan persatuan Islam maka inilah setengah daripada hikmah berziarah yang dikehendaki oleh agama Islam. Akan tetapi dengan sedihnya kebanyakan mereka-mereka yang tiada mengetahui tujuan hari raya itu maka pada hari itulah mereka itu bersulang minum arak dan bermain judi dan bersuka ria yang diharamkan oleh syarak dan mereka itu berkata bukannya selalu hanyalah setahun sekali, kemudian ia pun teruslah mengerjakan perkara-perkara yang mungkar itu? Adalah tujuan yang semacam ini bukanlah tujuan yang dikehendaki oleh agama demikianlah adanya.

Gemala hikmat.

Sambungan majalah Peredaran bilangan 1

24. Orang yang jahil itu reda ia akan hawa nafsunya.

25. Kasih kamu akan sesuatu itu membantu dan menulikan kamu kepada yang lain.

دیدیقمن کفد اتق کچیل

اوله کق لوغ جوهر


کانق ۲ بگیني بیاسن فتاغیس سانه ، مک
ایبقون ساتومستحق جوک باکي ایبو ۲ ایت مقهوي
اکن فراشي اتقن ۲ - کران دغن کیت مقهوي
اکن بکجان فراشي اتق ۲ کچیل ایت کلقی مودهله
کیت ملتور اتق ۲ ایت منوره کچندروغن روف
فراشي بشیاک - میم بیاسن اتق کچیل ایت سلالو
سوک کفد بارخ ۲ بشو کن لایق باکي دیرین ، دان
تا مناسبه دغندي . لیپتله اتق ۲ کچیل بشلالو
مناعیس کران مریک جو کهندقکن و مابن بارخ ۳
یغ سوان منداتقکن مریبا کفدان سفرت فیسو ۴۲
بول ، هککا کن تر کادخ ۲ فوتوغ ائی دافونون
د کهندقکین .

مک دسینی ماعوله ایبو ۲ فندیبق یشلیا
منهنکن فرمتانغ یغ منجاد بکن بیبا ایت
دغن مریبکن بارخ ۳ فرمابن یغ مناسبه بوله
دفرماینکن دان بریله راس فریضان فرمتانغ
ایت اتقار یغ مناسبه دان یغ مریبا فند وقت ایت
دغن قولان ۲ سفای دارساری کساری کلقی
اتق ۲ ایت اکن مقرفی فرمتانغ یغانوة دان
تاقانن .

ساله فمهله کیت ایبو ۲ یغتر کادخ ۲ اوله
تاسمفی هاتی مندغر تاغیس اتق ۲ ایت اتو کران
هندق مپقر تاکن لاین فکرجان مک اتق ۲ ایت
دیوی اف ؟ یهد کهندقکین مسکیفون منجادی
مریبا اتو فرنه جوک یعاد تجادی دباکي - فانه
کات بیدانن « سایشکن ابر مات اتق یغ
سدیکه تاقی منچور هکن ابر مات ایبو یشابوق » -
هباکي ۱۲ و اهی ایبو یغ اغبین مندغ اتق

دری کجیات یغ کچیل ۲ ایتوله دانغن
کجیان یغ بسر ۲ - مک بکیتوله چارا ۲ اتق ۲
کیت ملابو یغبا کل منجادی فیلان تانه ابرا فودا
هارفن یغسا ، اتو ایبو درو بهتقک فودی تیاغ
نگارا سده تنو تیدق اکن اد اتو جایی مریک
این کیوان تیدق اد اسوهن یغ مبعکیتکن عزم
مریک ۲ - هبوا مریک موقیای کواجیقن منقوغ
دالم سوا احوال این کالو تیدق دغن اسوهن
یغسیمی کفد مریک یغ ماسیه کچیل لاغی .

مک بکیتوله مستحق دیدیقمن کفد اتق ۲
یغ ماسیه کچیل یغ سیکیا یتر دهاتی ۲ اوله ایبو ۲
فد چارا ۲ منافکنن کصنوباری اتق ۲ ایت سفای
مریک این اکن بشکیه بسر کلقی دغن فراسان
ساعة یغ سدیا فاده دغن ملیا بودی فکرتین ،
قیشکی همپن دان انصاف سادر کفد کواجیقن
یغ سیزن ۲ یهد کهندقکی اوله بشا دان اکامن .
ایبو ۲ یهدرماون ! دری اتق ۲ کچیل یغ
هبوو فندی . بریاق اتق دان ایه اتو عنتا ماکن
دان مینوم مک درماس ایتله ایبو ۲ واجب مقاسوهی
کرس مینتو فراشي اتق ۲ یغ ماسیه لمبوة او مقام
دیوخ ایت دغن ماسوقکی دان منچنتوهکن
صده ۲ فراشي یغملیا سفرت صبر ، تولى اخلاص ،
چکل دان بوانی منتیغ فکرجان یسوکر ۲
واهی ایبو ! فمکنله کرق کرمی اتق یغ
ماسیه کچیل ایت ماکران ستهین اتق ۲ ایت فرغوس
فراشیقن ستهین فرابوو ، بتر ، کادخ ۲ قول موده
فونس هارفن فد منداتی سوات بارخ یقاکق
صوبه باکین منداتقکن .





Didikan Kepada Anak Kecil

Oleh Kak Long Johor

Dari kejayaan yang kecil-kecil itulah datangnya kejayaan yang besar-besar. Maka begitulah cara-caranya anak-anak kita Melayu yang bakal menjadi pahlawan tanah air, pemuda harapan bangsa, atau ibu rumah tangga pemudi tiang negara sudah tentu tidak akan ada atau jaya mereka ini kiranya tidak ada asuhan yang membangkitkan azam mereka. Bahawa mereka mempunyai kewajipan menanggung di dalam semua ehwal ini kalau tidak dengan asuhan yang disampaikan kepada mereka yang masih kecil lagi.

Maka begitulah mustahaknya didikan kepada anak-anak yang masih kecil yang seyogianya benar dihati-hati oleh ibu-ibu pada cara-cara menanamkannya ke sanubari anak-anak itu supaya mereka ini akan bangkit besar kelak dengan perasaan semangat yang sedia padat dengan mulia budi fikirannya, tinggi hemahnya dan insaf sedar kepada kewajipannya yang sebenar-benar yang dikehendaki oleh bangsa dan agamanya.

Ibu-ibu yang dermawan! Dari anak-anak kecil yang baharu pandai meneriak emak dan ayah atau meminta makan dan minum maka dari masa inilah ibu-ibu wajib mengasuh keras membentuk perangai anak-anak yang masih lembut umpamanya rebung itu dengan memasuki dan mencontohkan sifat-sifat perangai yang mulia seperti sabar, tulus ikhlas, cekat dan berani menentang pekerjaan yang sukar-sukar.

Wahai ibu! Fahamkanlah gerak-geri anak yang masih kecil itu, kerana setengahnya anak-anak itu perengus perangnya, setengahnya perajuk benar, kadang-kadang pula mudah putus harapan pada mendapati sesuatu barang yang agak susah baginya mendapatkan.

Kanak-kanak begini biasanya penangis sangat, maka ini pun satu mustahak juga bagi ibu-ibu itu mengetahui akan perangai anak-anaknya. Kerana dengan kita mengetahui akan bagaimana perangai anak-anak kecil itu kelak mudahlah kita melentur anak-anak ini menurut kecenderungan rupa perangai yang baik. Memang biasanya anak kecil itu selalu suka kepada barang-barang yang bukan layak bagi dirinya, dan tak munasabah dengan dia. Lihatlah anak-anak kecil yang selalu menangis kerana mereka berkehendakkan bermain barang-barang yang semuanya mendatangkan marabahaya kepadanya seperti pisau-pisau, botol, hingganak terkadang-kadang puntung api di dapur pun dikehendaknya,

Maka di sini mahulah ibu-ibu pendidik yang mulia menahankan permintaannya yang menjadikan bahaya itu dengan memberikan barang-barang permainan yang munasabah boleh dipermainkannya dan berilah rasa perbezaan permainannya itu antara yang munasabah dan yang marabahaya pada waktu itu dengan perlahan-lahan supaya dari sehari ke sehari kelak anak-anak itu akan mengerti permintaannya yang patut dan tak patutnya.

Salah fahamlah kita ibu-ibu? Yang terkadang-kadang oleh tak sampai hati mendengar tangis anak-anak itu atau kerana hendak menyempurnakan lain pekerjaan maka anak-anak itu diberi apa-apa yang dikehendaknya meski pun menjadi marabahaya atau pernah juga yang ada terjadi sebagai sepele kata bidalan ini "sayangkan air mata anak yang sedikit tetapi mencurahkan air mata ibu yang banyak".

Hubaya-hubaya! Wahai ibu yang ingin memandang anak

دیدیقن بغ کیت راس هان باکی مینشکن باکی
کیت سهاج تنائی مرومکنن ثواسان روح
کقتوان انق ایت سقرت منا کورتکن انق ۲ کچیل
بغ تاهاو مندی، لمبه تیدور دانلابتن دغن بروکات
« ایت مومو، ایت انجینغ هیت، اتو کوچیم ایت
بسر » سفای انق ۲ ایت تا کوة دان سگرا میسقرنا کن
اف ۲ بغ کیت کیندقکي ایت -

کتمویله واهی ایبو ۲! فراسان یقنله روسق
دری ماس کچیل ایت تیدق اکن هیلمغ سهشک
بسرث انق ۲ ایت سنتیاس دغن تر تا کوة ۲ کشد
اوگو تن - بیاسکنله مرته انق ۲ ایت دغن بر
دان له لمبوه یو کتن دغن او کوة ۲ . انق ۲ بغ اشکر
ایت اقبیل قاقوة با کین منیما حکومن مک ایبو ۲
هندقله مشحوم کیندی - اوسله تریاس انق ۲
ایت هان درقد مبادا انق ۲ ایت تیدق مشاندھکن
اکو خبر کن بیدر دحکومن کامو » کران اینتون
سوات درقد مبادا انق ۲ ایت تیدق مشاندھکن
قرکتان ۲ ایبو دان برفیکر هیوا ایبو تیدق
اکن برواه اتو مشحوم کسلاھتن سلاین درقد
ایبن - جادیله انق ۲ ایت اورغیغ تیدق مشمرماقی
اکن ایبو فد ماس بسرث کلق -

واھی ایبو ۲! دیدقله انق ۲ ایت دغن صفة
فراعی کانسیات بغ سجاتی درماس کچیلن -
کران دیدیقن یعملیا ایت ابله فاسو ذات تانه
باکی بنیه انام اسلام .

ایشله سنتیاس هیوا بروو بابکن سنورغ
انق ایت ترفتا دری بتوقن اجوان دیدیقن
ایبو - بکیموله بسرث واهی قوم ایبو تگوغن

سبووغن فد کاکی موک 39 -

کیت ایما کندانم سیکپا بغترصبوه
مولانا ۲ دانس ایت جاعنله سکلی ۲ کیت مونسکن
هارافن کیت فد ماس دهدافن دغن حبب اسوهن
کیت جوک ۰ ایبو ۲ تیدق دکیندقکي لمقو ۲
گراغ هسکک مپیکن انق ۲ ایت مندغ ایبو
سباکی سرات کتوا یساعه یغیس - کران انق ۲ ایت
اکن میجادی له ۲ ناکل لاکي افکل دبلا کغ ایبو -
تنافی تبدقله قول دکیندقکي ایبو بغ لمقویسه
میبارکن کلا کوان انق ۲ ایت دغن ساوری ۲
سهاج - سب انق ۲ این قول تیدق اکن سکن
اتو برفیکر لاکي هندق ملا کو کن اف جوا
فروانن دهدافن ایبو - مک ایبو دکیندقکي
برفراعی بغ سدرهان یا ایت ماره دان مشحوم
اکن انق ایت افکل ملا کو کن کسلاھتن، دان
دقوجی فروانن یهایلو ۲۰ . دغن چارا این مبادا
انق ۲ ایت تاهو کشد یهان بر دان مان یساله -

تیف ۲ ایبو دان قندیدیق انق کچیل تنو
اکن ترناوا داگ سوک کالو مندغ انق کچیل بغ فیته
چردیق دان بروانی - مک دسیی کق لوغ مشمیل
فلواغ قول یغیاتی وسام ۲ اکن قوم ایبو کیت
ملاو یغد کاسیسی، مدمداهن سگرا دافه - چافی
بکیات جینا ۲ کیت ایت -

سودارا ۲ قوم ایبو سلوروهن نه سدر دان تاهو
ماس سنتیاس برابدر، بو کتله ماس یقدهولو ۲
ایت لاکي بغ کیت حادافی سکارغ این - مک
چارا دیدیقن فون فاقونله منوره سیکپا اتوران
ماس یغرابدر ایت جوک -

درا ایت ماربله سکلین قوم ایبو کیت برعزم
مچبکن دیدیقن بغ سوچی ایت کدالم
روح انق ۲ کیت یسحاسیه کچیل ایت - یواغله





kita yang akan datang sebagai mana yang tersebut mula-mula di atas itu janganlah sekali-kali kita memutuskan harapan kita pada masa di hadapan dengan sebab asuhan kita juga. Ibu-ibu tidak dikehendaki melampau-lampau garang hingga menyebabkan anak-anak itu memandang ibunya sebagai suatu ketua yang sangat bengis. Kerana anak-anak itu akan menjadi lebih-lebih nakal lagi apakala di belakang ibunya. Tetapi tidaklah pula dikehendaki ibu yang melampau membiarkan kelakuan anak-anak itu dengan seurai-urainya sahaja. Sebab anak-anak ini pula tidak akan segan atau berfikir lagi hendak melakukan apa jua perbuatan di hadapan ibunya. Maka ibu dikehendaki berperangai yang sederhana iaitu memarahi dan menghukum akan anak itu apakala melakukan kesalahannya, dan dipuji perbuatannya yang elok-elok. Dengan cara ini membawa anak-anak itu tahu kepada yang mana benar dan mana yang salah.

Tiap-tiap ibu dan pendidik anak kecil tentu akan tertawa dan suka kalau memandang anak kecil yang petah cerdik dan berani. Maka di sini Kak Long mengambil peluang pula mengingati bersama-sama akan kaum ibu kita Melayu yang dikasihi, mudah-mudahan segera dapat mencapai bagaimana cita-cita kita itu.

Saudara-saudara kaum ibu seluruhnya telah sedar dan tahu masa sentiasa beredar, bukanlah masa yang dahulu-dahulu itu lagi yang kita hadapi sekarang ini. Maka cara didikan pun patutlah menurut sebagaimana aturan masa yang beredar itu juga.

Dari itu marilah sekalian kaum ibu kita berazam menyemaikan didikan yang suci itu ke dalam roh anak-anak kita yang masih kecil itu. Buanglah

didikan yang kita rasa hanya bagi menyenangkan bagi kita sahaja tetapi merosakkan perasaan roh kekuatan anak itu seperti menakutkan anak-anak kecil yang tak mahu mandi, lambat tidur dan lain-lainnya dengan berkata "itu momok, itu anjing hitam, atau kucing itu besar" supaya anak-anak itu takut dan segera menyempurnakan apa-apa yang kita kehendaki itu.

Ketahuilah wahai ibu-ibu! Perasaan yang telah rosak dari masa kecil itu tidak akan hilang sehingga besarnya anak-anak itu sentiasa dengan tertakut-takut kepada ugutan. Biasakanlah memerintah anak-anak itu dengan benar dan lemah-lembut bukannya dengan ugut-ugut. Anak-anak yang ingkar itu apabila patut baginya menerima hukuman maka ibu-ibu hendaklah menghukumkan dia. Usahlah terbiasa anak-anak itu hanya diperugut dengan kata "nanti ayahmu kembali aku khabarkan biar dihukumnya kamu" kerana ini pun suatu daripada membawa anak-anak itu tidak mengendahkan perkataan-perkataan ibunya dan berfikir bahawa ibunya tidak akan berbuat atau menghukum kesalahannya selain daripada ayahnya. Jadilah anak-anak itu orang yang tidak menghormati akan ibunya pada masa besarnya kelak.

Wahai ibu-ibu! Didiklah anak-anak itu dengan sifat perangai kemanusiaan yang sejati dari asa kecilnya. Kerana didikan yang mulia itu ialah pisau dan tanah bagi benih agama Islam.

Ingatlah sentiasa bahawa buruk baiknya seseorang anak itu terpeda dari bentuknya acuan didikan ibunya. Begitulah besarnya wahai kaum ibu tanggungan

sambungan pada kaki muka 39

Kenapa Rumah tangga menjadi tempat pertengkaran

شوال 1365

☆ مجله فرایدران ☆

سپتمبر 1946

کناف رومہتھک منجادی تمفہ فرتھکارن!؟

اولہ صفیہ سلیمان

Sapiah Selaiman Johore.

دنائ چوانب «دستوب» اتس بلس ایت اتو بارشکالی
 ددالم کروبو ایت، چاریلہ سندیری! اخیرن گول
 تاہمچقا، سوامی سدہ ہاوس بوتبہ مارہ قول،
 فراسائن سدہ جادی سما کین فانس، ماسق کدالم
 تروس مفلوارکن کات ۲ فسدس کفد استرین
 «فرموان تا برگون - فالس - تا فندی براتو رے ایت
 دچاری تا ۱۰ اے این دچاری تا دافہ «تلیٹا استرین
 سدہ نایک میڑہ سدہ فٹہ دلیتیر کن فول - تروس
 منجواب اف سہاج یشکلوار اخرن فر کلاہین فون
 میالا، یغریٹن فائن تروس بر فوکل ۲۰ فندیقن بکینیلہ
 یغ کرف تراجادی درومہتھک یغتیقن دلہٹکارا
 دغن بایک منورہ اتوران ۲ یغ سٹانوان - جانہ
 منجاوہکٹن:

میغ ترعاده ددنیا این تیف ۲ کوچ ولو اف
 اتو دمانت جوگ، - سرت فغیہدوفن ۲ یغتیقن
 سما کئی چارا ۲ یغیر فرائوران سبائی یغٹنا کن
 براوگایزاشن (Organization) سدہ تنٹو
 کرج ۲ اتو تمفہ ۲ فغیہدوفن ایت آکن منجادی
 بر کچو بیلو دمانت کوسہ ماسی اوروسن ۲ ن نیاد
 دافہ ذکر جا کن دغن باگوس دان لیچین. کفو تسن
 تیدق بولہ منداتھکن کٹھران دان کفواسن
 ہاتی:

ددالم رومہتھک جوگ فولو تیف ۲ سواتون
 دانور دان دتدیبر کن منورہ چار ۲ یغیر فرائوران
 این انتو منداتھکن کٹھنائن دان فردا این
 فندودق ۲ ن. باق باف ۲ یغٹنا یک مارہ، سوامی
 فرادغ تروس ملونتیر کن اف سہاج یغیر چافی
 اولن سب بارغ ۲ ایت بو کن اف یغہ چاری ۲ ن
 تنکل ماس بکرج تلہ لیوان، دان تمفہ فکر جان
 جاوہ فول فول. کا دغ ۳ ماس استدی سیو بکرج
 سوامی ہاروس مہو۴ مینومنن سندیری تعافی بیلا
 ددانور گولاد چاری تا ادا کوفی انہ دمان، استری

- 1. فندودق ۲ ددالم سبواہ رومہ ماہو فون
- استدی ۲، جوگ سوامی ۲ ماس مہمبیل، ملتق
- اتو مقانور سوات بندا اتو فرکا کس ہاروس
- سلالو بر سمبوین «دمان دامیل - دستبو
- دکابلیکن - تیف ۲ سوات مستیلہ دلق فد
- تمفٹن» سب ککاچوانف ۲ این کا دغ ۲ بوکنن

مبوغن درفد موک 38- دیدیقن کٹھ اتق کچیل
 کیت مندیقن اتق ۲ یغلیہ ۲ اتام مپمی بنیہ ۲
 یغ ایلو ایت ایلہ دری ماس ای ماسیہ کچیل
 کرات جادین گونف یغسر ۲ ایت دری فاسپر
 یغ کچیل ۲ موگ ۲ دافہ کیت ملیہ دغن سوچم

دان ترناوا اکن کبولین اتق ۲ کیت یغاکندانغ،
 کرات کچیان اتق کیت ایت ایلہ سبائی اوغبن
 کفد فٹہ ایبو یغ برلیلمین فلوہن مندیقن
 سربکیت - برسام ۲ لہ کیت برسمٹا کن «ہیدوف
 ددالم دیدیقن یغلیا! تقف برجای»



Kenapa rumahtangga menjadi tempat pertengkaran?!

Oleh Sufiyah Sulaiman



Memang teradat di dunia ini tiap-tiap kerja walau apa atau di mana juga, serta penghidupan-penghidupan yang tidak memakai cara-cara yang berperaturan sebagai yang dinamakan berorganisasi (Organization) sudah tentu kerja-kerja tau tempat-tempat penghidupan itu akan menjadi berkacau-bilau dan kusut-masai. Urusan-urusannya tiada dapat dikerjakan dengan bagus dan licin. Keputusannya tidak boleh mendatangkan kegemaran dan kepuasan hati.

Di dalam rumah tangga juga perlu tiap-tiap suatunya diatur dan ditadbirkan menurut cara-cara yang berperaturan ini untuk mendatangkan ketenangan dan perdamaian penduduk-penduduknya. Banyak bapa-bapa yang naik marah, suami peradang terus melontarkan apa sahaja yang tercapai olehnya sebab barang-barang itu bukan apa yang dicari-carinya tatkala masa bekerja telah lewat, dan tempat pekerjaan jauh pula pula'. Kadang-kadang masa isteri sibuk bekerja suami harus membuat minumannya sendiri tetapi bila di dapur gula dicari tak ada, kopi entah di mana, isteri

ditanya jawabnya "di situ" atas belebas itu atau barangkali di dalam gerobok itu, carilah sendiri! Akhirnya gula tak dijumpa, suami sudah haus bertambah marah pula, perasaannya sudah jadi semakin panas, masuk ke dalam terus mengeluarkan kata-kata pedas kepada isterinya "Perempuan tak berguna – pemalas – tak pandai beratur, itu dicari tak ada, ini dicari tak dapat" telinga isterinya sudah naik merah, sudah penat diletarkan pula – terus menjawab apa sahaja yang keluar akhirnya perkelahian pun menyala, yang ringan tangan terus berpukul-pukul. Pendeknya beginilah yang kerap terjadi di rumahtangga yang tidak diselenggara dengan baik menurut aturan-aturan yang sepatutnya. Jalan menjauhkannya:

1. Penduduk-penduduk di dalam sebuah rumah mahu pun isteri-isteri, juga suami-suami masa mengambil, meletak atau mengatur sesuatu benda atau perkakas harus selalu berseboyan "di mana diambil – di situ dikembalikan – tiap-tiap suatu mestilah diletak pada tempatnya" sebab kekacauan-kekacauan ini kadang-kadang bukannya

sambungan daripada muka 38 – Didikan kepada anak kecil

kita mendidik anak-anak yang lebih-lebih utama menyemai benih-benih yang elok itu ialah dari masa ia masih kecil kerana jadinya gunung yang besar-besar itu dari pasir yang kecil-kecil. Moga-moga dapat kita lihat dengan senyum

مات یشتراغ دشغن مات بشوت - مک کیران تباداله
دفرلقن اوله ایبو کو - اتومنوره بگیان یشد کفاکن
اوله عمر - نسچای تباداله اکو منجادی بکری:





'Amru bin Tha'labah" dan yang akhir sekali "Jublah

bin al-Ayham" dan masuk Islam ia pada zaman Khalifah

Saiyidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb *raḍīya Allāhu 'anhu* pada tahun Hijrah

yang keenam belas, dicetera sedang Jublah tawaf di Masjidil

Haram maka sekonyong-konyong dipijak oleh seorang kaum

Fizārah jubahnya maka ditamparnya muka orang itu hingga

pecah hidungnya, maka orang itu pun mengadu kepada Saiyidina

'Umar, oleh baginda *Amīr al-Mu'minīn* dipanggilnya seraya

bersabda: "Tebus akan dirimu, jika tidak

nescaya aku suruh ia menampar kamu", maka sembah Jublah

"Bagaimana pula demikian? Bukankah hamba seorang raja

padahal ia seorang anak pasir?" Maka jawab Saiyidina

'Umar: "Adalah agama Islam telah menyamakan keduanya iaitu

bersamaan di antara raja dengan anak pasir pada *ḥad*", maka

sembah Jublah "Hamba akan berbalik menjadi Nasrani", jawab

Saiyidina 'Umar, "Jika kamu jadi Nasrani nescaya aku

pancung leher kamu", sembah Jublah "Tempohkanlah apalah kiranya

hamba pada malam ini ya *Amīr al-Mu'minīn*", maka oleh Saiyidina

'Umar ditempokkannya, apabila malam Jublah pun lari ke negeri

Syam lalu ke Qastantiniyyah, maka orang yang mengikutnya 500

orang laki-laki. Maka sekaliannya pun berbalik menjadi

Nasrani, yang demikian sangatlah suka dan dimuliakan oleh

Harqal. Kemudian Jublah pun menyesal oleh perbuatannya itu

lalu bersyair: Menjadi Nasrani orang yang mulia oleh

keampilan tampar – padahal tiada menjadi apa jikalau

ku sabarkan – mudaratnya itu – tetapi aku telah

dipenuhi oleh kepanasan hati – maka aku tukarkan

mata yang terang dengan mata yang buta – maka kiranya tiadalah

diperanakkan oleh ibu ku satu menurut bagaimana yang dikatakan

oleh 'Umar – nescaya tiadalah aku menjadi begini.

Syarat-syarat menuntut ilmu

Oleh Yusuf Ilyas al-Muqalāni

Lan tanālū al-'ilma illā bisittatin

Sa 'unbūka 'an taqṣīlīhā bayāni

Dhakā'in waḥarāṣin wa 'jūhādīn wa balghatin

Wa irshādī ustadhin wa ūlī al-zamān

Ayuhai anaku muda terbilang

Kesusahan menuntut bukan kepalang

Enam syarat janganlah kurang

Akan dinyatakan dengan terang

Cerdik dan tamak hendaklah ada

Bersungguh-sungguh wang pun ada

Guru yang cerdik meskipun muda

Panjang masa janganlah tiada

Syair yang tersebut ini seyogialah dijadikan panduan

di atas tiap-tiap penuntut yang suka melihat kejayaannya

dalam berbagai-bagai ilmu, yang diharap dengan ilmu itulah boleh

ia melayarkan bahtera kehidupannya menuju ke pelabuhan

keselamatan, kemenangan dan kebahagiaan di dunia akhirat.

Adalah tiap-tiap satu daripada enam syarat yang dirakamkan di atas

itu berlain-lainan erti dan kehendaknya. Maka dihuraikan

di sini dengan secara ringkas sahaja: -

maka inilah tiga kerajaan yang besar dalam Semenanjung Tanah

Arab, maka kerajaan yang kecil-kecilnya seperti "Kindah"

Qays bin Zuhayr al-'Abāsī, Kulaib raja Banī Wa'īl dan

Tahglib yang telah mati dibunuh oleh Jusās bin Murrah,

(bersambung)

دسوره کران دروتون اوله صفة طمع • بکتوجوک مر بک یغنه مغللاجری ساتو دوا بها کین علم کتا کله علم نعو، صرف مک تیاد فاد دغن ایت مهاج بهکن دغن سهراف دای مر بک مسموع بها کین علم یغلاین اومقام بیان، معانی، بدیع، بلاغه دان ۰۰۰

والخصل مرید ۲ بقمرس کاهوانی فند مشهوری برماچم ۲ علم ایت منجوجکن او فدان صفة طمع یهدفوجی ۶ دان طمع اینله مناریق ساتو صفة یغلاین بایت «برسوعگوه ۲» •

کتیک «برسوعگوه ۲» • واهی مرید ۲! اداله فر کتان «برسوعگوه ۲» این ترلفو موده دتو ترکی دغن لیده تنافی سوسه مقمکنکن •

اف ۲ جوا فکرجان تیدق دغراوله کجیان لامون تیاد دکراکن دغن برسوعگوه ۲ • سبالیقن مرید اکن برجای کیران برسوعگوه ۲ ایت دجادبکن ساتو شرطن کامو نتو او مندغر درفد کورو کامو فر کتان «من جد وجد» اریان بارغسیاف

یهرسوعگوه ۲ نسجای دافة ای • مک عملکنله تیک فانه فر کتان یهرحکمه این ان شاءالله کامو اکن محفراوله تیجین یشابک دغن تأشک لاگی • درایت ایوهی مرید ۲! هندقله کامو راجین، نکون دان برسوعگوه ۲ دالم فلاجران، جاشنه موده جمو،

مالس دان چوای، بجاه سلالو فلاجران کامو سفای حفظ، هارقله کورو یغ سدغ • منسرحکن دان منجورهکن متیارا ۲ علم ایت دغن تومفوان یغ ساتو : مات کامو، هاتی کامو، یله کامو، نیکران کامو سموان تومفو کن کفد ساتو ایتوله دلیل کامو برسوعگوه ۲ کیران هاتی کامو لالی سکالیتون

مات کامو تنغه مندغ کورو، جاشنه دهارف اکن دافة برسوعگوه ۲ یهرتابوران کلوار دري مولوه

قرتام «چردیق» اداله چردیق ایت ساتو شرط یغتاوبوله تیدق باکی تیغ ۲ قنتوه یغ روکهندکن کجیان دالم فلاجران، کران مرید ۲ یغتیاد چردیق ایت سوده تنلوبه مغریا فعاجران ۲ کورون یغ سبیک تیاد برجای • مرید ۲ یغ چردیق ایت مرید دافت مقادا کن بیراف مثال دغن سندیرین لاین درفد یغته دشالکن اوله کورون، دان مرید بوله مهورایکن له جوه دغن فنیغ لیبر اکن شران ۲ کورون یغ قندیق دان مرید مقسوق بمبندیقکن فرکارا ۲ یغداجر ایت دغن یغلاین • جوجک مرید دافة مغریا دان مهمکن شرح ۲ کورون دغن موده • عکس درفد چردیق ایت ابله مشکف، بوده، بنق، بیل مک بایت جادی کلاغن دانس کیان فننوه ۲ • واهی مرید ۲ یهر بهکیا! جادیکن دیری کامو درفد مرید ۲ یغ چردیق دالم سلوق ییلوق فلاجران

کدوا «طمع» اداله طمع ایت دنگه کران اورغی برفه طمع ایت اکن برعاقبه دغن کروکین دان کسالن جوا، کامو نتوسه میاج چر بقا در بحال انجیم دغن بایغ ۲ بوکنکه عاقبت روگی دان سسل؟! دمکنله اد بیراف بایق چر بقا یغلاین • تنافی طمع یغ کهندکن دسبی بوکن بکتو ۶ بهکن طمع دسبی ساعه دکهندکن دان دغوجی کران طمع فد فرکارا یهر کجیکن • تیغ ۲ مرید هندقله برفه طمع هندق مندافة بایق علم کران دغن صفة اینله کامو اکن ماجو دن برجای دالم فلاجران کامو اوممان مرید یههارو حفظ ساتو دوا ایات لازم مرید تنف معنظ بیراف ایاه لازم یغلاین لاگی دغن تا فیه





Pertama “cerdik” adalah cerdik itu satu syarat yang tak boleh tidak bagi tiap-tiap penuntut yang berkehendakkan kejayaan dalam pelajarannya, kerana murid-murid yang tiada cerdik itu sudah tentu lambat menerima pengajaran-pengajaran gurunya yang menyebabkan tiada berjaya. Murid-murid yang cerdik itu mereka dapat mengadakan beberapa misal dengan sendirinya lain daripada yang telah dimisalkan oleh gurunya, dan mereka boleh menghuraikan lebih jauh dengan panjang lebar akan syarahan-syarahan gurunya yang pendek dan mereka mengerti membandingkan perkara-perkara yang diajar itu dengan yang lain. Juga mereka dapat menerima dan memahami syarah-syarah gurunya dengan mudah. ‘Aksu daripada cerdik itu ialah mengkap, bodoh, benak, bebal maka iaitu jadi kalangan di atas kejayaan penuntut-penuntut. Wahai murid-murid yang berbahagia! Jadikan diri kamu daripada murid-murid yang cerdik dalam selok-belok pelajaran.

Kedua “tamak” adalah tamak itu ditegah kerana orang yang bersifat tamak itu akan berakibat dengan kerugian dan kesalan jua, kamu tentu sudah membaca cerita darihal anjing dengan bayang-bayangnyanya bukannya akibatnya rugi dan sesal!? Demikianlah ada beberapa banyak cerita yang lain. Tetapi tamak yang dikehendakkan di sini bukan begitu, bahkan tamak di sini sangat dikehendakkan dan dipuji kerana tamak pada perkara yang berkebakikan. Tiap-tiap murid hendaklah bersifat tamak hendak mendapat ilmu kerana dengan sifat inilah kamu akan maju dan berjaya dalam pelajaran kamu umpamanya murid yang baharu hafaz satu dua ayat *lāzim* mereka tetap menghafaz beberapa ayat *lāzim* yang lagi dengan tak payah

disuruh kerana diruntun oleh sifat tamak. Begitu juga mereka yang telah mempelajari satu dua bahagian ilmu katakanlah ilmu *nahū*, *ṣaraf* maka tiada pada dengan itu sahaja bahkan dengan seberapa daya mereka menyambung bahagian-bahagian ilmu yang lain umpama *bayān*, *ma’ānī*, *badī’*, *balāghah* dan ...

Walhasil murid-murid yang keras kemahuannya pada mengetahui bermacam-macam ilmu itu menunjukkan ada padanya sifat tamak yang dipuji, dan tamak inilah menarik satu sifat yang lain iaitu “bersungguh-sungguh”.

Ketiga “bersungguh-sungguh”. Wahai murid-murid! adalah perkataan “bersungguh-sungguh” ini terlampau mudah dituturkan dengan lidah tetapi susah mengamalkannya. Apa-apa jua pekerjaan tidak diperoleh kejayaannya lamun tiada dikerjakan dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya mereka akan berjaya kiranya bersungguh-sungguh itu dijadikan satu syaratnya. Kamu tentu ada mendengar daripada guru kamu perkataan “*man jadda wa jada*” artinya barangsiapa yang bersungguh-sungguh nescaya dapat ia. Maka amalkanlah tiga patah perkataan yang berhikmah ini *in shā-Allāh* kamu akan memperoleh natijahnya yang baik dengan tak syak lagi. Dari itu ayuhai murid-murid! Hendaklah kamu rajin, tekun dan bersungguh-sungguh di dalam pelajaran, janganlah mudah jemu, malas dan cuai, bacalah selalu pelajaran kamu supaya hafaz, hadaplah guru yang sedang mensyarahkan dan mencurahkan mutiara-mutiara ilmu itu dengan tumpuan yang satu: mata kamu, hati kamu, telinga kamu, fikiran kamu semuanya tumpukan kepada satu itulah dalil kamu bersungguh-sungguh kiranya hati kamu lali sekalipun mata kamu tetap memandang guru, janganlah diharap akan dapat memungut mutiara-mutiara yang bertaburan keluar dari mulut

گورو یت جیک تیدق دامه ۲۰ تي کران دجادیکن
 باکی شورخ، مأنسي هاتي تننوله تا دافه یوفیکر قد
 ساتو کتیک دوا نیگ ماچم فیکران. دانلاکي
 یوسو عکوه ۲ این بوکنن ترنتو ماس کامو دمدافن
 گورو سهاج بهکن ملیثوقی داتس شکل ۲۰ :
 یوسو عکوه ۲ فد سهاج، مطالعه، مذکره، محفظ
 دانلان ۲۰۲ مرید ۲ یغ ملالو بران کفد راکن ۲۰
 یغلبه مفرقی دالم فرکارا یغ ای تا مفرقی اتو کورخ
 فهم ایبقون دنا کن یوسو عکوه ۲ جوگ والحاصل
 لواس هنان، فیکر کله سنديري .
 کامه «واغ» میبع سده معلوم! اداله واغ
 این ساتو شرط یغ مستحق ادان دمیسی تیف ۲
 فننوه کران فسیل کامو، بو کو ۲ کامو، کتاب ۲
 کامو، بیاران سکوله کامو دان ۰۰۰ دان ۰۰۰ سموان
 بو کهندکن واغ. کیران تباد واغ بگیانکه کامو
 هندق مفرق دالم فلاجران لیهه بیراف یایق مرید ۲
 یغتریتوه دان تا مفرقی مقصودن ایله دسیکن
 کتبادان واغ. خصوصاً فننوه ۲ یغ سوک منجهکن
 کتشیکن درجه فلاجران دلوار نگري امفادازهر
 مصر، دبیروه، دایروه، دمسکه بوکنکه
 بو کهندکن بیراف یایق واغ؟ فننوتن تا فایهله
 دهویرکن دغن لنجوه اکن گگونات واغ
 ماداله دکتاکن «واغ ایب بسر فغاروهن»
 کلیم «گورو یغ چردیق» شرط این مستحق .
 یغ. کران بقاف گورو یغ بوده ایب بوله مجری
 فلاجران کفد مرید ۲ بهکن ای اکن منومشکن
 شکل کبودوهن دان کسانتن، کران دري
 مولوه گوروله دریا فلاجران، درفند تیشکه
 لا کو گوروله دنولادانی، کیران ایلو وان یایک
 میجری بسکله کفد یایک بگتوله عسکن. چاریله

گورو یغ مفرقی بتول دالم فرکارا یغ ۲ کامو
 کهندکن منتوتن او مفا کامو هندق بلاجر علم
 صرف دان نحو چاریله گورو یغ مفرقی بتول دالم
 فرکارا ایب، اتو کامو هندق بلاجر یو کو یغ کایو
 چاریله گورو تو کو یغ کایو یغ فندي دانلاکي
 گورو یغ چردیق ایب سلاين درفند دیرین مفرق یای
 علم یغواس، مرید دافه منومشکن علمون دغن
 بریاکي چارا دان قاعده یغ سکیرا ۲ دافت دثماي
 دغن سکرا اوله مرید ۲ (مرید مفرقی قاعده
 مفاجر) کران اد سغه گورو میبع فندي! تنافي
 چارا ۲ مفاجر دان منومشکن علم کفد مرید ۲
 کورخ فندي، جادي لیه ماجو مرید ۲ کران مرید ۲
 ایب اد بریاکي ۲ حال دان برلان ۲۰ درجه او قن -
 کاتم «فجتم ماس» لاکي ساتو شرط یغ کورخ
 مستحقن ایله «فنج ماس» کبا یقکن مرید ۲
 متشکلکن فلاجران اتو توهني درفند میبعوش
 اوله دیکرکن لیهه دافه فلاجران ۲ ایب هتک
 براس جو دان ماس مک فیکران یغ ساهه مقام
 این ساهه کران بندا یشابک ایب تاموده مندافتن
 تنافي بو کهندکن ماس یغ فنج. فنديقن وای
 مرید ۲؟ برتسون، برقف ایتوله نونچا کیاف
 کامو، اد سغه مرید قول یوفیکر مرید ده
 لام بلاجر، ده توا تا فافوه لاکي، مک سما کین رقمه ۲
 کپرو فهم این کران مرید لوف اکن حدیث
 نبی پوره بلاجر دري یواين هتک کیایغ حدیث
 بوکن هتک توا. چوب فیکر بر یغ لیهه منیتیق
 مستیق ۲ داتس باتو یغ کراس هتک لکو، باتو
 ایب بوکنکه دسیکن «لان» امیل اعتبارله
 کامو هی اورغیغ مفرق یای قفلهاتن مدمدامن
 کامو براوله کنانن دان کهنیان فی الدارین آمین .





guru itu jika tidak diamat-amati kerana dijadikan bagi seseorang manusia hati tentulah tak dapat berfikir pada satu ketika dua tiga macam fikiran. Dan lain lagi bersungguh-sungguh ini bukannya tertentu masa kamu di hadapan guru sahaja bahkan meliputi di atas segala-galanya: bersungguh-sungguh pada membaca, *muṭāla'ah*, *mudhakarrah*, menghafaz dan lain-lain. Murid-murid yang selalu bertanya kepada rakan-rakannya yang lebih mengerti dalam perkara yang ia tak mengerti atau kurang faham itu pun dinamakan bersungguh-sungguh juga walhasil luas maknanya, fikirkanlah sendiri.

Kecempat “wang” memang sudah maklum! Adalah wang ini satu syarat yang mustahak adanya di sisi tiap-tiap penuntut kerana pensel kamu, buku-buku kamu, kitab-kitab kamu, bayaran sekolah kamu dan ... dan...semuanya berkehendakkan wang. Kiranya tiada wang bagaimanakah kamu hendak sempuma dalam pelajaran. Lihat beberapa banyak murid-murid yang terbantut dan tak sampai maksudnya ialah disebabkan ketiadaan wang. *Khuṣūṣan* penuntut-penuntut yang suka menambahkan ketinggian darjah pelajarannya di luar negeri umpama di Azhar Mesir, di Beirut, di Eropah, di Makkah bukannya berkehendakkan beberapa banyak wang? Pendeknya tak payahlah dihuraikan dengan lanjut akan kegunaan wang memadalah dikatakan “wang itu besar pengaruhnya”

Kelima “guru yang cerdik” syarat ini mustahak. Benar. Kerana betapa guru yang bodoh itu boleh memberi pelajaran kepada murid-murid bahkan ia akan menumpahkan segala kebodohnya dan kesesatannya, kerana dari mulut gurulah diterima pelajaran, daripada tingkah laku gurulah ditauladani, kirannya elok dan baik memberi bekaslah kepada baik begitulah *'aksunya*. Carilah

guru yang mengerti betul dalam perkara yang apa-apa kamu kehendakkan menuntunya umpama kamu hendak belajar ilmu *ṣaraf* dan *nahī* carilah guru yang mengerti betul dalam perkara itu, atau kamu hendak belajar bertukang kayu carilah guru tukang kayu yang pandai. Dan lagi guru yang cerdik itu selain daripada diberinya mempunyai ilmu yang luas, mereka dapat menumpahkan ilmunya dengan berbagai cara dan kaedah yang sekira-kira dapat difahami dengan segera oleh murid-muridnya (mereka mengerti kaedah mengajar) kerana ada setengah guru memang pandai! Tetapi cara-cara mengajar dan menumpahkan ilmu kepada murid-muridnya kurang pandai, jadi lambat maju murid-muridnya kerana murid-murid itu ada berbagai-bagai hal dan berlain-lainan darjah untuknya.

Keenam “panjang masa” lagi satu syarat yang tak kurang mustahaknya ialah “panjang masa” kebanyakan murid-murid meninggalkan pelajarannya atau terhenti daripada menyambunginya oleh difikirkan lambat dapat pelajaran-pelajaran itu hingga berasa jemu dan malas maka fikiran yang seumpama ini salah. Kerana benda yang baik itu tak mudah mendapatnya tetapi berkehendakkan masa yang panjang. Pendeknya wahai murid! Bertekun, bertetap itulah punca kejayaan kamu, ada setengah murid pula berfikir mereka dah lama belajar, dah tua tak patut lagi. Maka semakin bertambah-tambah keliru faham ini kerana mereka lupa akan hadith Nabi menyuruh belajar dari buaian hingga ke liang lahad. Bukan hingga tua. Cuba fikir air yang lembut menitik setitik-setitik di atas batu yang keras sehingga lekuk batu itu bukannya disebabkan “lamanya” ambil iktibarlah kamu hai orang yang mempunyai penglihatan mudah-mudahan kamu beroleh kemenangan dan kebahagiaan *fi ad-dārayni Āmīn*.

بھاس ملايو

دعك كتاب «ليده ملايو» كراغن الجوهرية، دسيار كن باكي فاندہ فمباچ۲ فرایدران
تغافي تباد تروك باكي فریحاتن ملیتكن سكل تگوران بھ مینا، بوله منولیس تروس
كفد فماعتن كیروث فجابا فلاجران جوهر

فربواتن اورغیم ملاكو كین فربواتن ایت كاتسن
بأیت اد كالان فد نام ظاهر سفرت دكات «جعفر
تله موكل احمد» مك بقد كیند قسكي دسینی
«احمد» بأیت تمقه برلاكو فربواتن كنینام جعفر
مك علامتن ایت فد بیاس دهولو درفدان حروف
«اكن» جك منداتفكن كسارن . اكنتغافي
لازمه دبواعتكندی منكل یكنا فربوابة ایت
منجادی سوات جمله بھجادی بریت كات سفرت
مثل بھترسیوه كران احمد ایت تله تنف جادی
تمقه برلاكو فربواتن . كنینام جعفر بھ ملاكو كن
فربواتن بھ كیالی كفدان بقتله دبواعتكن بأیت
«ای» كران تباد هاروس فد كینك این بھ
ملاكو كن فربواتن ایت دهولو درفد فربواتن
كران ای نام، اقبیل ددهولو كندی مك جادبله
فربوالاتن كات . دان كنینام بھ جادی ملاكو كن
فربواتن ایت تباد جوا بوله دظاهر كن كران تباد
منداتفكن ق۲ كسارن، دان جك دظاهر كندی
نساچایه چكبوخ بوپي فرتوواتن ایت فد
فندعزان اورغ ملايو، مك هورابن :-

- 1 جعفر فربوالاتن كات .
- 2 تله موكل فربواتن سده .
- 3 احمد بھكنا فوكل .

بھ ملاكو كن فوكل ایت كنینام بھ كیالی كفد
جعفر بأیت «ای» مك جمله بھ موكل دان بھكنا

(سمبوعن بیلاغن (1) تاهن فرنام)

ادفون سكل حروف تمباهن بھ منجوقكن
بھ ملاكو كن فربواتن ایت اقبیل دتبه فد فربواتن
چو كف مك جادبله ای فغواة كات جوا سفرت
دكات فناكوة، فیندور، فاكی، فنجابوه، فیوال،
دانساكین كران هاروس دتبه دبلاكن دغن
حروف فغواة كات لاگی بأیت ساعت، بتر دان امة .
فندیقن سكل حروف تمباهن «ف» «فسم» «فن»
«فتم» «دان» «فغ» فیدق ترنتنو منجادی حروف
تمباهن بھ منجوقكن «نام فركاكس» اتو فربت
منجوقكن جادی فغواة كات، كران فد نام
فركاكس ایت تباد بوله ترغ ملیتكن اد دسبوكن
صفا اتو جنین . دان فد فغواة كات فول اد
تمباهن دبلاكن بقتله دبواعتكن بأیت امة،
ساعة بتر . اكنتغافي اقبیل جادی كسارن بھ
ملاكو كن فربواتن ایت دغن نام فركاكس اتو
دغن فغواة كات مك فد تتكال ایت هندقله
دتوكر دغن حرف «بغ» بھ منجوقكن تنف
باكي بھ ملاكو كن فربواتن سفرت بھ فربوابة،
بھ بھافوا بھ جانوه، بھ شهسفیة، بھ بھجاصیلكن
دانساكین دمكبله بقددعز درفد لیده اورغ ملايو .

فصل بھكسمبیلن

(نام بھد فربوابة)

مك اداله نام بقد فربوابة ایت ابله نام بھجانوه





Bahasa Melayu

Rangka kitab "Lidah Melayu" karangan al-Johori, disiarkan bagi faedah pembaca-pembaca Peredaran tetapi tiada terbuka bagi perbahasan melainkan segala teguran yang membina boleh menulis terus kepada pengarangnya *Group Pejabat Pelajaran Johor*

(Sambungan bilangan (1) tahun pertama)

Adapun segala huruf tambahan yang menunjukkan yang melakukan perbuatan itu apabila ditambah perbuatan cukup maka jadilah ia penguat kata jua seperti di kata penakut, penidur, pemakan, pencabut, pembual, dan sebagainya kerana harus ditambah di belakangnya dengan huruf penguat kata lagi iaitu sangat, benar dan amat. Pendeknya segala huruf tambahan "Pe" "Pem" "Pen" "Penge" dan "Peng" tidak tertentu menjadi huruf tambahan yang menunjukkan "nama perkakas" atau pun menunjukkan jadi penguat kata, kerana pada nama perkakas itu tiada boleh terang melainkan ada disebutkan sifat atau jenisnya. Dan pada penguat kata pula ada tambahan di belakangnya yang telah dibuangkan iaitu amat, sangat benar. Akan tetapi apabila jadi kesamaran yang melakukan perbuatan itu dengan nama perkakas atau dengan penguat kata maka pada tatkala itu hendaklah ditukar dengan huruf "yang" yang menunjukkan tetap bagi yang melakukan perbuatan seperti yang memperbuat, yang menyapu, yang jatuh, yang menghimpit, yang menghasilkan dan sebagainya demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu.

Fasal yang kesembilan

(Nama yang diperbuat)

Maka adalah nama yang diperbuat itu ialah nama yang jatuh

perbuatan orang yang melakukan perbuatan itu ke atasnya iaitu ada kalanya pada nama zahir seperti di kata "Ja'afar telah memukul Ahmad" maka yang dikehendaki di sini "Ahmad" iaitu tempat berlaku perbuatan ganti nama Ja'afar. Maka alamatnya itu pada biasa dahulu daripadanya huruf "akan" jika mendatangkan kesamaran. Akan tetapi lazimlah dibuangkan dia manakala yang kena berbuat itu menjadi suatu jumlah yang jadi berat kata seperti misal yang tersebut kerana Ahmad itu telah tetap jadi tempat berlaku perbuatan. Ganti nama Ja'afar yang melakukan perbuatan yang kembali kepadanya yang telah dibuangkan iaitu "ia" kerana tiada harus pada ketika ini yang melakukan perbuatan itu dahulu daripada perbuatannya kerana ia nama, apabila didahulukan dia maka jadilah permulaan kata. Dan ganti nama yang jadi melakukan perbuatan itu tiada jua boleh dizahirkan kerana tiada mendatangkan apa-apa kesamaran, dan jika dizahirkan dia nescaya anggung bunyi pertuturan itu pada pendengaran orang Melayu, maka hurainya:-

1. Ja'afar permulaan kata
2. Telah memukul perbuatan sudah.
3. Ahmad yang kena pukul.

Yang melakukan pukul itu ganti nama yang kembali kepada

Ja'afar iaitu "ia" maka jumlah yang memukul dan yang kena

میسو کندیرین ، دان « کیت » کران رانی قد
 کدوا فیق یقبرکات دان یقدهالا کن فرکتان
 کفدان « ممب » کران سئورخ « ساي اتو سهاي »
 « دغن » کران سئورخ یأیت برهاس کفقد
 اورخ بایک ۲ « ائسکو » کران سئورخ اتو لبه
 دهساکن کفقد راج ۲ یقتهاد مرتنه « تئسکو »
 کران سئورخ اتو لبه دهساکن کفقد فترا راج یغ
 مرتنه اتو کفقد یاکل راج فرته .

مک « کامی » ایت دغر درقد لیده اورخ
 ملایو سللو دتمبه دغن فرکتان سکلین دیلا کفن
 سقرت دکات « کامی سکلین برهاف اکن
 فرتلن توان جوا » فدحال یقبرن سکلین ایت بوله
 دتکو غکن جادی یقواء کات سهاج یتدق لاین .
 اکتتافی سونن کات یقترسیره این یققرله مانیس
 هندقله دتوکر دغن « ساي سکلین برهاف اکن
 فرتلن توان جوا » دکیتله یقددشر درقد لیده
 اورخ ملایو . فایتیک کران سئورخ یأیت ماکو
 کفقد راج فرته ، « ممب حبیب » کران سئورخ
 دهساکن کفقد توان سید سهاج « ممب ائسکو »
 کفقد راج یقتهاد مرتنه « ممب تئسکو » کفقد
 انق راج یغ مرتنه .

مک گتینام یقدهالا کن فرکتان کفدان
 ایت سقرت دکات ۷۶ توانکو — کباوه دولی «
 کران سئورخ دهساکن کفقد راج فرته .
 « کباوه فاوس — کباوه چرفو » کران سئورخ
 جوا یأیت دهساکن کفقد راج یقتهاد مرتنه .
 ۷۶ میکا ۶۶ کران سئورخ اتو لبه دهساکن کفقد
 سام سیابه « اوق » کران سئورخ دهساکن
 کفقد اورغیغ سام سیابه جوا « ائسکو » کران
 سئورخ یقدهاده فقکنن درقد یقبرکات « کاو »

فوکل جادی ورت کات . اکتتافی دالم کتاب ۲
 اکام کارانن چارا لام سللو دظاهر کنن گتینام
 یغ ملاکو کن فریوانن ایت دان جوا حرف « اکو »
 یسجادی علامه یسکنا فوکل ایت سقرت دکات
 « جعفر تله موکل ای اکن احمد » دان اد کلان
 یغ کنا فریواة ایت سکل گتینام سقرت دکات
 « عمر تله موکل اکندی » اکندا کو ، اکنکامو ،
 اکن مریکیت دانسا گن .

فصل یسکسوله

(نام یغ میتاکن ماس یاکي فریوانن)
 جیک اداله سونن کات یغ یقندوشی فریوانن
 دان یغ ملاکو کن فریوانن دان تباد ملعقوی
 فریوانن ایت کفقد سوات تتافی ای میتاکن ماس
 اتو تمقه بولا کو فریوانن سقرت دکات « اکو بکرج
 سمام » ، « اکو دودق درومه » دان سیا گن .

فصل یسکسلس

(نام یغ میتاکن سبب بولا کو فریوانن)
 جیک اداله سونن کات یغ یقندوشی فریوانن
 دان یغ ملاکو کن فریوانن فد حال تباد ملعقوی
 ای کفقد یسکنا فریواة دان تباد قول میتاکن
 ماس اتو تمقه بولا کو فریوانن تتافی ای میتاکن
 سبب بولا کو فریوانن جوا مک دماکن « سبب
 بولا کو فریوانن » سقرت دکات ساي دانق کران
 مفرمتکن اوق دان سیا گن .

فصل یسکدوا بلس

(گتینام)

مک اداله گتینام ایت ایله بارغیغ دهنقدن
 کران یسجادی گتی یقبرکات ۲ سقرت « اکو »
 کران سئورخ « کاسی » کران رانی فیق
 یقبرکات ۲ جوا تتافی کفقد الله کران اس اتو



pukul jadi warta kata. Akan tetapi dalam kitab-kitab agama karangan cara lama selalu dizahirkannya ganti nama yang melakukan perbuatan itu dan jua huruf “akan” yang jadi alamat yang kena pukul itu seperti di kata “Ja’ afar telah memukul ia akan Ahmad” dan ada kalanya yang kena perbuat itu segala ganti nama seperti di kata “Umar telah memukul akan dia” akan daku, akan kamu, akan mereka itu dan sebagainya.

Fasal yang kesepuluh

(Nama yang menyatakan masa bagi perbuatan)

Jika adalah susunan kata yang mengandungi perbuatan dan yang melakukan perbuatan dan tiada melampaui perbuatannya itu kepada suatu tetapi ia menyatakan masa atau tempat berlaku perbuatan seperti di kata “Aku bekerja semalam”, “Aku duduk di rumah” dan sebagainya.

Fasal yang kesebelas

(Nama yang menyatakan sebab-sebab berlaku perbuatan)

Jika adalah susunan kata yang mengandungi perbuatan dan yang melakukan perbuatan pada hal tiada melampaui ia kepada yang kena perbuat dan tiada pula menyatakan masa atau tempat berlaku perbuatan tetapi ia menyatakan sebab berlaku perbuatan jua maka dinamakan “Sebab berlaku perbuatan” seperti di kata saya datang kerana menghormati awak dan sebagainya.

Fasal yang kedua belas

(Ganti nama)

Maka adalah ganti nama itu ialah barang yang dihantarkan kerana menjadi ganti yang berkata-kata seperti “Aku” kerana seorang “Kami” kerana ramai pihak yang berkata-kata jua tetapi kepada Allah kerana Esa atau

membesarkan dirinya, dan “Kita” kerana ramai pada kedua pihak yang berkata dan yang dihalakan perkataan kepadanya “Hamba” kerana seorang “Saya atau Sahaya” “Dengan” kerana seorang iaitu berbahasa kepada orang baik-baik “Engku” kerana seorang atau lebih dibahasakan kepada raja-raja yang tiada memerintah “Tengku” kerana seorang atau lebih dibahasakan kepada putera raja yang memerintah atau kepada bakal raja pemerintah.

Maka “Kami” itu didengar daripada lidah orang

Melayu selalu ditambah dengan perkataan sekalian di belakangnya seperti di kata “Kami sekalian berharap akan pertolongan tuan jua” pada hal yang sebenarnya sekalian itu boleh ditanggungkan jadi penguat kata sahaja tidak lain. Akan tetapi susunan kata yang tersebut ini terlebih manisnya hendaklah ditukar dengan “Saya sekalian berharap akan pertolongan tuan jua” Demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu. Patik kerana seorang iaitu mengaku kepada raja pemerintah “Hamba Habib” kerana seorang dibahasakan kepada Tuan Sayyid sahaja “Hamba Engku” kepada raja yang tiada memerintah “Hamba Tengku” kepada anak raja yang memerintah.

Maka ganti nama yang dihalakan perkataan kepadanya

itu seperti di kata “Tuanku - Ke Bawah Duli” kerana seorang dibahasakan kepada raja pemerintah. “Ke Bawah Kaus - Ke Bawah Cerpu” kerana seorang jua iaitu dibahasakan kepada raja yang tiada memerintah. “Mika” kerana seorang atau lebih dibahasakan kepada sama sebatat. “Awak” kerana seorang dibahasakan kepada orang yang sama sebatat jua. “Engkau” kerana seorang yang di bawah pangkatnya daripada yang berkata. “Kamu”

کران سئورخ اتو له دهساکن کفد اورغیثم
 ترکباوه فککن درفد بفرکات ۲ «انچی» کران
 سئورخ دهساکن کفد کفلا فجابة کیت اتو
 اورغیثم ترحق دغن کلاران ایت اوله فککن
 دري کراخان «توان» دهساکن کفد اورغیثم
 تله مفرجا کنی حج کفد سید ۲ اتو کفد بقسا ایروقه،
 اکتتانی گنتینام توان ایت سلاو دسندرکن
 کفد حاج اتو کفد نام بقدهالا کن فرکفان
 کفدان سفرت دکات توان حاج عبدالله، توان
 سولم، توان شو دان سیاگین -

دان جیک دتوانکن سهاج مک بابت له ۲
 حرمة، دان جیک قد ساهوتن کفد حاج اتو کفد
 بقسا ایروقه سلاو دغن ساي سهاج، دان کفد
 توان سید دغن مهب حبیب اتو مهب اعکو -
 «توانکو» کفد راج یغ موزنه دان «ن»
 کفد سئورخ بقتیاد قد مجلس بروتات ۲ اتو
 دحکمکن تیادان سبب اد سوات کهندق اتو
 فون کفد راجی دغن شرط نام بقد کنتیککن ایت
 بوکن ای نام یسکنا فریوآه ۰ دانلاکی نام
 یشد کنتیککن تردهولو درفدان دان سکیرا ۲
 تیاد دسلاخی اوله نیموعمکات دان سیاگین -
 ادقون جیک ای تردهولو درفد نمان سفرت
 دکات «لوانن تانه ایت ساو ایکر» اتو تیاد
 سام سکالی نام بقد کنتیککن سفرت دکات
 «اله ساي دغن حرمتن» مک کدوان ایت
 مبری فائده باکی مشواتکن کات، دان جوادی حروف
 قهواة کات سفرت «سان - بهواسن - سهکین»
 دان ترکادغ جادی ای جزء کلمه سفرت ۶۶ هان ۶،
 ۶۶ ای دان دي ۶، کفد سئورخ اتو کفد راجی
 دان دواسر بکنتیه ۶۶ کفد راجی بقدرتقو -

اکتتانی ۱۱ ای، تیاد بوله سکلی ۲ بخادی
 گنتینام یغ کنا فریوآه مکن «دي» سهاج -
 شهادت مک اداله مک گنتینام بقدرتقو
 ایت ترهاگی کفد دوا بهاگین:

1. گنتینام توغکل اتو بچری
2. گنتینام بقهرهونق اتو بوسندر دغن
 فریوانن سفرت دکات: اکو فوکل - دي ماکن -
 اعکو لاری - توان فککیل - توان سوره دان
 سیاگین

مک گنتینام بقهرهونق ایت مواجیککن
 فریوانن بقدسندن ایت تیاد بوله دقمه دغن
 حرف ۲ تباهن لاکي بگیمان مثال ۲ بقدرتقو -

فصل بقشکیتیک بلس
 (نام بقهرهونکن)

مک اداله «نام بقدهونکن» ایت ابله
 بارغیثم دهنترکن کفد نام بقدرتقو دغن واسطه
 جمله ۲ سوسن کات بقد سوسن کمدین درفدان
 بایت دفانکن «هوبشن» دان لفظ ۲ ایت «یغ»
 کفد بقهر عقل سام اد ما نسی اتو بناتغ ۰ ۱۱ اورغیثم
 - بارغیثاق ۶۶ کفد ما نسی سهاج ۰ ۶۶ بارغیثم ۶،
 کفد بشلاین درفد بقهر عقل سفرت کابو، باتو
 دان سیاگین - مک دشرطکن فد جمله هوبشن
 ایت هندقله ای بروت کات بقدرتقو بایت هندقله
 اد مئندرغی گنتینام بقهرهونق دغن نام بقدهونکن
 «گنتینام باکی بقدهونکن» ایت مک گنتینام
 ایت دفانکن فناریک اتو فیکسه سفرت دکات
 ۶۶ ملیاکن اورغیثم تله معاجر کابو ۶۶ مک
 هوراینن -

1. ملیاکن - فریوانن سوره ۶ یغ ملاکوکن
 سبوعن قد موک 55





kerana seorang itu lebih dibahaskan kepada orang yang terkebahawah pangkatnya daripada yang berkata-kata "Encik" kerana seorang dibahaskan kepada kepala pejabat kita atau orang yang berhak dengan gelaran itu oleh pangkatnya dari kerajaan "Tuan" dibahaskan kepada orang yang telah mengerjakan haji, kepada Sayyid-Sayyid atau kepada bangsa Eropah, akan tetapi ganti nama Tuan itu selalu disandarkan kepada Haji atau kepada nama yang dihalakan perkataan kepadanya seperti dikatakan Tuan Haji Abdullah, Tuan Sulong, Tuan Shaw dan sebagainya.

Dan jika dituankan sahaja maka iaitu lebih-lebih hormat, dan jika pada sahutan kepada Haji atau kepada bangsa Eropah selalu dengan saya sahaja, dan kepada Tuan Sayyid dengan Hamba Habib atau Hamba Engku. "Tuanku" kepada raja yang memerintah dan "Nya" kepada seorang yang tiada pada majlis berkata-kata atau dihukumkan tiadanya sebab ada suatu kehendak atau pun kepada ramai dengan syarat nama yang digantikannya itu bukan ia nama yang kena perbuat. Dan lagi nama yang digantikannya terdahulu daripadanya dan sekira-kira tiada diselangi oleh pembukaan dan sebagainya. Adapun jika ia terdahulu daripada namanya seperti di kata "Luasnya tanah itu satu ekar" atau tiada sama sekali nama yang digantikannya seperti di kata "Ialah saya dengan hormatnya" maka kedua-duanya itu memberi faedah bagi menguatkan kata, dan jua jadi huruf penguat kata seperti "Sanya - Bahawasanya - Sesungguhnya" dan terkadang jadi ia jujuk kalimah seperti "Hanya" "Ia dan Dia" kepada seorang atau kepada ramai dan "Mereka itu" kepada ramai yang tertentu.

Akan tetapi "Ia" tiada boleh sekali-kali menjadi ganti nama yang kena perbuat bahkan "Dia" sahaja.

Syahadan maka adalah segala ganti nama yang tersebut itu terbahagi kepada dua bahagian:

1. Ganti nama tunggal atau bercerai.
2. Ganti nama yang berhubung atau bersandar dengan

perbuatan seperti di kata: Aku pukul – Dia makan – Engkau lari – Tuan panggil – Tuan suruh dan sebagainya.

Maka ganti nama yang berhubung itu mewajibkan perbuatan yang disandarnya itu tiada boleh ditambah dengan huruf-huruf tambahan lagi bagaimana misal-misal yang tersebut.

Fasal yang ketiga belas

(Nama yang dihubungkan)

Maka adalam "Nama yang dihubungkan" itu ialah barang yang dihantarkan kepada nama yang tertentu dengan *wāsifah* jumlah-jumlah susunan kata yang disebutkan kemudian daripadanya iaitu dinamakan "Hubungan" dan lafaz-lafaznya itu "Yang" kepada yang berakal sama ada manusia atau binatang. "Orang yang - Barangsiapa" kepada manusia sahaja. "Barang yang" kepada yang lain daripada yang berakal seperti kayu, batu dan sebagainya. Maka disyaratkan pada jumlah hubungan itu hendaklah ia berbat kata yang tertentu iaitu hendaklah ada mengandungi ganti nama yang berbetulan dengan nama yang dihubungkan "Ganti nama bagi yang dihubungkan" itu maka ganti nama itu dinamakan penarik atau pengikat seperti di kata "Muliakan orang yang telah mengajar kamu" maka hurainya:-

1. Muliakan – perbuatan suruh, yang melakukan

Sambungan pada muka 55

منفوء اير ددواع

(اوله محمد صالح علوي جوهر)

هيدوف ملابو سنتياس دسبوة ۲ دغن گمبيران
 دسگنڤ تمنة سالوره سمجنجوغ تانه ملابو درفد
 سگل فريشكة كرات مريكنيت بهارو سدر
 اكنحال كهيدوفن دري ايت ماريله كيت فهمكن
 دان عملكن اكن ازتين هيدوف ملابو ايله
 هيدوف نغ بئمان ؟ سفاي سبوة ۲ تن بغير گمپيرا
 ايت نيدق سهاج تزلق دليده هيك مستيله
 مپرف ماسق كغد تيف ۲ سهلي لياغ روما دغن
 مئكلئق فانس ايت مك هنتوان فانس دسبي
 بو كئله بومعني فانس رادغ ايت چانوه كغد بيدال
 ملابو كيت فانس ۲ تاهي ايم

انو فون فانس فاكي فغم هيلغ، فانس فغم
 فاكي هيلغ كيت ماسيه بوسيق بروكجي جوگ
 لاكي دغن كا دان سيمنغ فرينغ نيدق مضميل
 تاهو حال ماسيغ ۲ اغكو ۲ اكو ۲ چاكنف تيشگل
 دغن چا كغ بوال تيشگل بوال سهاج ولولون
 دفسيق جربة دان دسروكن اوله فپرو ۲ دسگنڤ
 لوروغ تفافي كا دان كيت ماسيه جوگ دگيل
 دان بقل دغن فربوانن زمان فربكالا بايت

(جاس ملابو - سمبوغن درفد موك 54)

فربوانن ايت گنتينام يقئله ديواغن تقديرون اولهسو.

2: اورغيم - نام يقدوهوشكن بايت جادي كنا فربوة.

3: تله مشاجر - فربوانن يقئله لالو علامتن تله

4: گنتينام نغ ملاكوكن مشاجر ايت

مبوروسكن واغ دغن بوكن تفتن بخيل طع
 نيدق فربوه نغ سفغ بربوة ۲ دغن كسناغ نغ
 كاي مسمفولكن ككيائن سفاي برتيمه بون ۲
 منجادي گونتم . نغ فالس فول منوغكو ۲ فواغ
 لوف دان سيلف تولن غندق دفر دابا كئن . نغ
 چرديق ماكن نغ بوده جاتوهله بيدال ايكن
 ماكن ايكن ، اورغ ماكن اورغ . الله اكبر
 انكه نصيب بشاكو ملابو هاري اين ماسيه
 جوگ لاكي ترئفكل دغن كا دان سريو تاهن
 يشلالو دلو فون هيدوف ملابو ايت سنتياس
 دليدهن ايت تفافي هباله جادي سوات سئدارت
 اتو قرليناوغن اتو برتوفيق فلسو، سدبكية بتر
 بلاغئن نغ هندق بجر جسم برسگوه ۲ هاقى هندق
 مندبريكن كلابات . روه ملابو دغن برونلس
 اخلاص دان بتروس تراغ دغن نيدق منچوري
 فادن، ففة لوار دلم دغن بوسيه درفد توجوانن
 مشلهدوكن سوداران .

جيك بئنيله جوگ حال اورغ ملابو بقفاله
 كئي اكن منيمقا بواكي ۲ كچلاكا ن دان
 كهبنان دانس اتق چچون كئي فد حال فد ماس
 اينفون اف اد كغد اورغ ملابو ۲ سمات ۳ اد
 تيشگل ليد سهاج . كبي فون هاييس ريس نيدق

گنتينام يقدبواغن تقديرون ۱۶ي، نغ كيبالي
 كغد اورغيم . مك گنتينام اينله جادي فناريك
 اتو ثقيكه باكي جمله نغ ميمفوناكن معني
 يقدوهوشكن (اورغيم) ايت دان تركاغ تجادي
 هوش ايت وو تئمة ، شفرت دكات ۷ اورغيم
 همشير دغن كامو ، دان سباكئن .

(برمبوغ)





Menepuk air di dulang

(Oleh Muhammad Salleh Alwi Johor)

Hidup Melayu sentiasa disebut-sebut dengan gambarannya di segenap tempat seluruh Semenanjung Tanah Melayu daripada segala peringkat kerana mereka itu baharu sedar akan hal kehidupannya dari itu marilah kita fahamkan dan amalkan akan ertinya hidup Melayu ialah hidup yang bagaimana? Supaya sebut-sebutan yang gembira itu tidak sahaja terletak di lidah bahkan mestilah menyerap masuk kepada tiap-tiap schelai liang roma dengan menggalak panasnya itu maka hantaran panas di sini bukanlah bermakna radang itu jatuh kepada bidal Melayu kita panas-panas tahi ayam.

Ataupun panas pagi petang hilang, panas petang pagi hilang kita masih berserak berkecai juga lagi dengan keadaan simpang-perenang tidak mengambil tahu hal masing-masing engkau-engkau aku-aku. Cakap tinggal dengan cakap bual tinggal bual sahaja walaupun dipekik-jerit dan diserukan oleh penyeru-penyeru di segenap lorong tetapi keadaan kita masih juga degil dan bingal dengan perbuatan zaman purbakala iaitu

(Bahasa Melayu – Sambungan daripada muka 54)

perbuatan itu ganti nama yang telah dibuangkan takdirnya olehmu.

2. Orang yang – nama yang dihubungkan iaitu jadi kena perbuat.
3. Telah mengajar – perbuatan yang telah lalu alamatnya telah
4. Kamu – ganti nama yang melakukan mengajar itu

memboroskan wang dengan bukan tempatnya bakhil tamak tidak berperumah yang senang berbuat-buat dengan kesenangan yang kaya mengumpulkan kekayaan supaya bertimbin-timbin menjadi gunung. Yang pemalas pula menunggu-nunggu peluang lupa dan silap taulannya hendak diperdayakannya. Yang cerdik makan yang bodoh jatuhlah bidal ikan makan ikan, orang makan orang, *Allāhu Akbar* apakah nasibnya bangsaku Melayu hari ini masih juga lagi tertinggal dengan keadaan seribu tahun yang lalu walaupun hidup Melayu itu sentiasa di lidahnya itu tatapi hanyalah jadi suatu sandaran atau perlindungan atau bertopeng palsu, sedikit benar bilangannya yang hendak bekerjasama sungguh-sungguh hati hendak mendirikan kemuliaan maruah Melayu dengan bertulus ikhlas dan berterus-terang dengan tidak mencuri padan, papat luar dan dalam dengan bersih daripada tujuan mengelirukan saudaranya.

Jika beginilah juga hal orang Melayu betapalah kelak akan menimpa berbagai-bagai kecelakaan dan kehinaan di atas anak cucunya kelak pada hal pada masa ini pun apa ada kepada orang Melayu? Semata-mata ada tinggal lidah sahaja. Gigi pun habis rembas tidak

ganti nama yang dibuangkan takdirnya “Ia” yang kembali kepada orang yang. Maka ganti nama inilah jadi penarik atau pengikat bagi *jumlah* yang menyempurnakan makna yang dihubungkan (orang yang) itu. Dan terkadang terjadi hubungan itu “Tempat” seperti di kata “Orang yang hampir dengan kamu” dan sebagainya.

(Bersambung)

سپتمبر 1946

مجله فرایردان

شوال 1365

دافه عامه مك سكل كجاتوهن بقده سو تكنن اين
تيدق سكالې ۲ بوله دسالم كرن دانس سياف ۲
كران تريتن كسلاهن اين، دانس ديري تيف ۲
اومه ملايو ايت سنديري .

اگام اسلام دري زمان ظاهر جنجوعن كيت
نبي محمد صلي الله عليه وسلم سمنبله هاري اين
ماسيه اد ترنتم دغن ترغن دالم كتاب ۲ اگام
منجوقن برباكي ۲ جان كسناهن دنيا دان اخره،
اگده سايك ۲ دان سمليا ۲ انداغ ۲ بقواجب
دعملكن اوله ديري تيف ۲ سئورغ بڃ مكاكو
بر اگام اسلام چوكف لشكف ددالمن باغي
منجاني سكل جنس چيتا ۲ بڃ مبالوا كند كسناهن
دنيا اخره بايت ملشكاني دغن سئوه ۲ سكل
جنس كليهن سياف ۳ جوا بقبر عمل اكندي دغن
عمالن بقسبنر اخلاص . لورس تيدق دغن عملن
بقبر دوق دليق دغن مبقرناكن دان منونيكن
سكل حق ۲ سوداران بڃمان بقند كندكي اوله
اگام اسلام بشمليا ۲ بايت روسيه درفد بومكه ۲
ديري دانس سام سنديري سام اد عملكن
ككيا، كسيران دان كليا، بڃ
ميسكن منجادي بوقجه بله بوچري بري
دان برفوق ۲ دان روسيه درفد سكل حسد
دغكي . انباي دان تيقو داي دان سوبوغ بوغكن
بقندق بومهي سكالې ۲ بركن سكل جنس
كليهن ايت بوكنله بورتوجوان كران دمكه ۲ كني
مك بڃ سبنن سياف ۲ جوك بقد كرياكن توهن
تيف ۲ كليهن ملبسكن كران دسوره ميبنو منولم
سكل كسوساھن دان كضيقن سوداران بايت
سودارا سقسا ۲ سا گام سدازه دانكش انبله دي
بڃ كيت سبوه ۲ كني تالي فوا بكتن مجبه (بو كاسيه

سايغ بڃ سبنن ۲) بايت كاسيه دغن كران الله
دان بوكنله كران بركران دغن سبارغ كران بايت
كاسيه اتو بربودي دغن منجادسكن بالن تيدق ۲
درفد سكل اف بقدنوليسكن اين تباد
سئورغ فون بقلسن درفد بيدال منقوق اير ددالم
دولم درايت ماريله دانس جمفونه براي ۲ كيت
فيكر كني . كيت روند بقسكن افكه سوات جان
اتو قدومن بڃ سستي كيت چوب تمقوه دان لالوي
شمبيل بهاكين بكرج سام برسانو فادو سفاي
منقاني دغن . ميني دان كهدق بقده سبوه ۲ هيدوف
ملايو ايت بايت «هيدوف دغن بركاس» بوكنن
«هيدوف كليسا» ، «هيدوف سئو سنتوسا»
«هيدوف برسانو ستياسل» «هيدوف سكر توكر»
«هيدوف نالوشكر» ، «هيدوف بوكنن فقكر ۲»
«هيدوف براني متكرا» .

سده ليواة بفر ماسن بڃ كيت مئندلكن
چاكف سمات ۲ تقاني تيدق بكرج اداكه بايت
بوله دترما اوله عقل بڃ سمفرن دغن دچا كف ۲ كن
سماج ايت بوله بركاي اتو ماجو سبارغ چيتا ۲
تيدقكه تريتنكمل چاكف ايت دغن كا دان كوسغ
سكل چيتا ۲ اتو بقندا كندي اوبوغ كوسوغ .
واهي سودارا كامي بقد كاسيهي تراونام اتق ۲
مودا بقبر داره فانس دان تكف ساس بنتوله سودارا
مارا كيت ۲ ايبو باف كيت بائونله بكرج براومها
دغن ترف دان كوكس سفاي جان فچارين هيدوف
كيت بوقجه لواس دان معمور . فونهن نئها بر
دغن تاقمن ۲ فونهن فاسر دغن فونبكتان ۲
فونهن بندر دغن روه ۲ سوا دغن جان بكرجسام
برسانو فادو دغن سروان هيدوف ملايو هيدوف
بقبر معنا) ادن .





dapat memamah maka segala kejatuhan yang disebutkan ini tidak sekali-kali boleh disalahkan di atas siapa-siapa kerana terbitnya kesalahan-kesalahan ini di atas diri tiap-tiap umat Melayu itu sendiri.

Agama Islam dari zaman zahir Junjungan kita Nabi Muhammad *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sampailah hari ini masih ada terbentang dengan terangnya dalam kitab-kitab agama menunjukkan berbagai-bagai jalan kesenangan dunia dan akhirat, agamalah sebaik-baik dan semulia-mulia undang-undang yang wajib diamalkan oleh diri tiap-tiap seorang yang mengaku beragama Islam cukup lengkap di dalamnya bagi mencapai segala jenis cita-cita yang membawa kepada kemenangan dunia akhirat iaitu melengkap dengan sepenuh-penuhnya segala jenis kelebihan siapa-siapa jua yang beramal akan dia dengan amalan yang sebenar ikhlas. Lurus tidak dengan amalan yang berdolok-dalik dengan menyempurnakan dan menunaikan segala hak-hak saudaranya bagaimana yang dikehendaki oleh agama Islam yang mulia iaitu bersih daripada bermegah-megah diri di atas sama sendiri sama ada memegahkan kekayaan, kebesaran dan kemuliaannya yang menyebabkan menjadi berpecah-belah bercerai-berai dan berpuak-puak dan bersih daripada segala hasad dengki. Aniaya dan tipu daya dan sombong bongkak yang tidak bermakna sekali-kali bahkan segala jenis kelebihan itu bukanlah bertujuan kerana dimegah-megahkan maka yang sebenarnya siapa-siapa juga yang dikurniakan Tuhan tiap-tiap kelebihan melainkan kerana disuruh membantu menolong segala kesusahan dan kedaifan saudaranya iaitu saudara sebangsa, seagama sedarah daging inilah dia yang kita sebut-sebutkan tali perikatan mahabbah (berkasih

sayang yang sebenar-benarnya) iaitu kasih dengan kerana Allah dan bukanlah kerana berkerana dengan sebarang kerana iaitu kasih atau berbudi dengan mencadangkan balasan tidak-tidak.

Daripada segala apa yang dituliskan ini tiada seorang pun yang lepas daripada bidal menepuk air di dalam dulang dari itu marilah dan jemputlah beramai-ramai kita fikirkan. Kita rundingkan apakah suatu jalan atau pendoman yang mesti kita cuba tempuh dan lalu mengambil bahagian bekerjasama bersatu-padu supaya mengenai dengan makna dan kehendak yang disebut-sebut hidup Melayu itu iaitu "Hidup Dengan Berjasa" bukannya "Hidup Kelesa", "Hidup Senang Sentosa" "Hidup Bersatu Sentiasa" "Hidup Segar-Pugar" "Hidup Tak Longgar" "Hidup Bukannya Punggar" "Hidup Berani Menegur"

Sudah lewat benar masanya yang kita mengandalkan cakap semata-mata tetapi tidak bekerja adakah iaitu boleh diterima oleh akal yang sempurna dengan dicakap-cakapkan sahaja itu boleh berjaya atau maju sebarang cita-cita tidakkah tertinggal cakap itu dengan keadaan kosong segala cita-cita atau yang dinamakan dia omong kosong.

Wahai saudara kami yang dikasih terutama anak-anak muda yang berdarah panas dan tegap sasa bantulah saudara mara kita, ibu bapa kita bangunlah bekerja berusaha dengan tetap dan tugas supaya jalan pencarian hidup kita bertambah luas dan makmur. Penuhkan tanah air dengan tanamannya, penuhkan pasar dengan perniagaannya, penuhkan bandar dengan rumah-rumah sewa dengan jalan bekerjasama bersatu padu dengan seruan hidup Melayu hidup yang bermakna) adanya.

چترا فندیق

(سٹیکور ایم جنتن دغرن موسغ)

سٹیکور موسغ تله معندقکن سٹیکور ایم جنتن
بھتر بیگیق دانس سغرن کایو دان موسغ ایت
برنیة هندق مما کن ایم ایت سراي برکات جمقوتله
توان تورن، افا که یقتوان تا کونکن لاکي کران
تله دمهور کن سکل بنائم سمان تله بردایم، ائیل
ددغر اوله ایم جنتن ایت ایقون منجسکن لیه
منیغوه کباوه. کات موسغ افکه یقتوان ایله
جمقوتله تورن جاعن خواطر اف ۲ لاکي! جواب ایم
مب ترفندغ دوا ایسور انجیم دانغ کمارے!
ایقیل ددغر اوله موسغ ایت ایقون لاری ۰ کات
ایم جنتن معاف مک توان لاری ترکوفه ۲ فد حال
تله دمهور کن فردامین دانقارا سکل بنائم؟ جواب
موسغ دغرن فندیق: مہب تا کوة کالو ۲ انجیم ایت
بلوم دافه قرخبران ایت لاکي ۰ ایقون لاری دغرن
ترسیغوه ۰۲

دسکینله جیک وراف فندیق سکلشون
اورغیم هندق منیغوه ایت ترکادغ ۲ کتارا جوا ۰

== * نصیب سغورغ فقیر * ==

سغورغ فقیر تله دھالو دري کفوغن، مک
ایقون معسبارا فدادغ ۲ فاسر دغرن مپاوا سونیزلمو
اونتوق مطالعه، سٹیکور ایم جنتن کران فیکدا کن
ای سبیم صبح دان سٹیکور کلدی کران
توغکاشان ۰

ایقیل سغنی وقو مغرب ایقون سغنی کفد
کفوغ دغنی فادغ فاسر ایت مک ایقون

ممت اورغ کفوغ ایت منومفکندی برمالم
اکنتتافی دغرن نصیبان بشمالغ نیاد سغورغ
هندق منومفکندی مک ایقون برجالله منوجو
کدالم سوات سغنی د کفوغ ایت دغرن فونس
ھارف دان فتنن سراي برکات شکورله اکو کفد
توھن یھمعاادل کران اف ۲ یھد تقدیر کنن ایت
سمان جادی بایک کفد مھمان ۰ ایقون دودق ماسغ
لقون هندق مطالعه کتاب ۲، بہارو سغوروس
لقو ایقون قائم اوله اعین ۰ ایقون برکات واه!
معاف اکو هندق مہاج فون تیدیق دہتر کن؟
اکنتتافی شکورله اف یھدلا کو کن توھن سمان بایک
کفد مھمان، سئلہ ایت ایقون برار یغ، بلوم وراف
لام ایمن فون برکیوع دتکف سرنیگالا ۰ مک
ایقون برکات واه! این سوات مالغ لاکي؟ سیافکه
هندق مہاجونکن اکو فد وقت صبح کلغ؟ تئافی
شکورله سمان یھد تقدیر کن توھن ایت اکن
منجادی بایک کفد مھمان، ایقون بار یغ سولاء
بلوم سئمفہ ای هندق معجمکن ۲ تان نیبا کلدین
فون دتکف اوله سیما، ایقون مہلوه فنجغ لار
برکات اف یغ هندق دبوآه لاکي؟ اکو نیاد دافه
مہاج، اکو نیاد دافه تیدور اوله نیاد ایم یھان
معجونکن فد وقتو صبح کلغ دان اکو سغنی
برجالن کا کی ایسوه اوله نیاد کنایقکن؟ اکنتتافی
شکورله کران اف یھد تقدیر کن افھ ایت سمان اد
حکمة یغسرا ۰

ایقیل فاکي ۲ ایقون ماسق کدالم کفوغ ایت
کران هندق مہلی کنایقکن دان بارغ ۲ بکالن





Cetera Pendek

(Seekor Ayam Jantan dengan Musang)

Seekor musang telah mengendapkan seekor ayam jantan yang tertenggek di atas seponon kayu dan musang itu berniat hendak memakan ayam itu seraya berkata jemputlah tuan turun, apakah yang tuan takutkan lagi kerana telah dimasyhurkan segala binatang semuanya telah berdamai, apabila didengar oleh ayam jantan itu ia pun memanjangkan leher menengok ke bawah. Kata musang apakah yang tuan lihat jemputlah turun jangan khuatir apa-apa lagi? Jawab ayam hamba terpadang dua ekor anjing datang ke mari! Apabila didengar oleh musang ia pun lari. Kata ayam jantan mengapa maka tuan lari tergopoh-gopoh pada hal telah dimasyhurkan perdamaian di antara segala binatang? Jawab musang dengan pandainya: hamba takut kalua-kalau anjing itu belum dapat perkhabaran itu lagi. Ia pun lari dengan tersipu-sipu.

Demikianlah jika berapa pandai sekalipun orang yang hendak menipu itu terkadang-terkadang ketara jua.

(Nasib Seorang Fakir)

Seorang fakir telah dihalau dari kampungnya, maka ia pun mengembara di padang-padang pasir dengan membawa sebutir lampu untuk *muṭāla'ah*, seekor ayam jantan kerana menjagakan ia sembahyang subuh dan seekor keldai kerana tunggangannya.

Apabila sampai waktu maghrib ia pun sampai kepada sebuah kampung di tepi padang pasir itu maka ia pun

meminta orang kampung itu menumpangkan dia bermalam, akan tetapi dengan nasibnya yang malang tiada seorang pun hendak menumpangkan dia maka ia pun berjalannya menuju ke dalam suatu semak dekat kampung itu dengan putus harap dan penatnya seraya berkata syukurlah aku kepada Tuhan yang Maha Adil kerana apa-apa yang ditakdirkan-Nya itu semuanya jadi baik kepada hamba-Nya. Ia pun duduk memasang lampunya hendak *muṭāla'ah* kitab-kitabnya, baharu sejurus lampu itu pun padam oleh angin. Ia pun berkata Wah! Mengapa aku hendak membaca pun tidak dibenarkan? Akan tetapi syukurlah apa yang dilakukan Tuhan semuanya baik kepada hamba-Nya, setelah itu ia pun berbaring, belum berapa lama ayamnya pun berkiuk ditangkap serigala. Maka ia pun berkata Wah! Ini suatu malang lagi! Siapakah hendak membangunkan aku pada waktu subuh kelak? Tetapi syukurlah semuanya yang ditakdirkan Tuhan itu akan menjadi baik kepada Hamba-Nya, ia pun berbaring semula, belum sempat ia hendak mengejamkan matanya tiba-tiba keldainya pun ditangkap oleh singa, ia pun mengeluh panjang lalu berkata apa yang hendak dibuat lagi? Aku tiada dapat membaca, aku tiada dapat tidur oleh tiada ayam yang akan mengejutkan pada waktu subuh kelak dan aku mesti berjalan kaki esok oleh tiada kenaikan! Akan tetapi syukurlah kerana apa yang ditakdirkan Allah itu semua ada hikmah yang besar.

Apabila pagi-pagi ia pun masuk ke dalam kampung itu kerana hendak membeli kenaikan dan barang-barang bekalan

تفاني بېلا اكو مائي باجو بهارو سوا اورغ مشحرمه
 دان مليا كندا كو بشدمكين بو كنده مريكشيت
 مشحرمتكندا كو اتو علمو كو بهكن باجو بهارو كو
 درآيت فائو تله باجو اين دلفقنن كشد برهالا
 دمكينله تركادغ دغن سبب فكائين ايت دحرماتي
 اورغ دات تركادغ دغن سبب فكائين چوئك
 دهيتاكن اورغ ادان.

اوله

(شيخ منصور بن احمد)

كئلا حكمة

- 33. سبائك ۳ فكر جان ايت ايله فكر جان
 بق سقاوتن.
- 34. سبائك ۲ كاي ايت ايله اورغيم برقادا.
- 35. سجاهة ۲ فقير ايله اورغيم مرندمكن ديري.
- 36. دليل اورغيم بر عقل ايت اختيارن.
- 37. اوبه ماس ايت صبر درقدان.
- 38. تركادغ كادان ديم ايتوله جوانن.
- 39. تركادغ كسوكان بر باليق منجادي
 كدوكان.
- 40. تركادغ ساتو كله ايت ايله ملسكن نعمة.
- 41. تركادغ ساتو فركقان توبله لولس درقد
 ساتو فراعن.
- 42. كئلا اكلام ايت علم.
- 43. كئلا حكمة ايت تاكو تكن الله.
- 44. كئلا سكل كسلاهن ايت هلوب.
- 45. كسلاهن اورغ عالم ايت دنگرن.
- 46. كسلاهن اورغ جاهل دسمبوييكن اوله
 سي جاهل.

تيا ۳ ددافانين سوا اورغ ۲ كفوغ ايت تله مائي
 دابونه اوله فرومفق فد مالم ايت . مك ايقوت
 مغوجف شكر. دان عنت امشون كشد قوهن .
 سرامي بر كات كالو تيدق اكو دهالو اوله اورغ
 كفوغ اين تنقوله اكو تركنا بونه بگيان مريكشيت
 جوا، دان كيران لمشا اكو تيدق قادم تنقوله ابي
 مناربيق فداعن فرومفق ايت دان اكر دبونن،
 دان كيران ايم دان كلدي تيدق دماكن اوله
 سريكالو دابن سببعا تننو كدوان مناربيق
 فندغران فرومفق ايت اوله سواران دان اكو فون
 دبونن . بشدمكين شكرله اكو كشد قوهن
 بعامه مشتهوي اف بقوليله بابك باكي هميان .

دمكينله اورغيم صبر دان بابك سحك كند
 قوهن ايت اكن مندافة كلفاسن جوا فد اخرن .

== سنورغ بر همان دغن باجو بهاروا ==

سنورغ بر همان بق مشهور علمن ساقه دحرماتي
 دان دملياكن اوله اورغ نكري، فد سوات هاري
 ابي برجاله كئكن دغن فكائين بقبورق دان
 رويق رايق تباد سنورغ فون مغيراو كندي .
 افتراكي هندق مبري حرمة . مك ايشون باليق
 برصاليان دغن فكائين بهارو لالو فركي سولا كفاسر
 فد كالي اين دمان جوا ابي برجان دنگور دان
 دحرممكن اورغ دان اد بق مبري برباكي ۲ هديه .
 سته ايت ايقون باليق دان ملتقن باجو ايت كشد
 برهالان لالو موج دغن كنان: واهي باجو يشمامايا
 اعكوله يشله دحرماتي دان دملياكن ليه درقد
 لاينان دالم دنيا اين! مك هاسبع ۳ فون جيران دان
 بزان كقدان . جواب بر همان ايت تمكل اكو
 مائي باجو بورق سنورغ فون تباد فضوليكن اكو .





tiba-tiba didapatinya semua orang-orang kampung itu telah mati
dibunuh oleh perompak pada malam itu. Maka ia pun
mengucap syukur dan meminta ampun kepada Tuhan.
Seraya berkata kalau tidak aku dihalau oleh orang
kampung ini tentulah aku terkena bunuh bagaimana mereka itu
jua, dan kiranya lampu aku tidak padam tentulah ia
menarik pandangan perompak itu dan aku dibunuhnya,
dan kiranya ayam dan keldai tidak dimakan oleh
serigala dan singa tentu keduanya menarik
pendengaran perompak itu oleh suaranya dan aku pun
dibunuhya. Yang demikian syukurilah aku kepada Tuhan
yang Amat Mengetahui apa yang terlebih baik bagi hamba-Nya.

Demikianlah orang yang sabar dan baik sangka kepada
Tuhan itu akan mendapat kelepasan jua pada akhirnya.

(Seorang Berhman¹ dengan Baju Baharu)

Seorang berhman yang masyhur ilmunya sangat dihormati
dan dimuliakan oleh orang negeri, pada suatu hari
ia berjalan ke pekan dengan pakaian yang buruk dan
robak-rabik tiada seorang pun mengiraukan dia.
Apatah lagi hendak memberi hormat. Maka ia pun balik
bersalin dengan pakaian bahari lalu pergi semula ke pasar
pada kali ini di mana jua ia berjalan ditegur dan
dihormati orang dan ada yang memberi berbagai-bagai hadiah.
Setelah itu ia pun balik dan meletakkan baju itu kepada
berhalanya lalu memuja dengan katanya: Wahai baju yang maha mulia
engkaulah yang telah dihormati dan dimuliakan lebih daripada
layannya dalam dunia ini! Maka masing-masing pun hairan dan
bertanya kepadanya. Jawab berhman itu tatkala aku
memakai baju buruk seorang pun tiada pedulikan aku.

Tetapi bila kau memakai baharu semua orang menghormat
dan memuliakan daku yang demikian bukanlah mereka itu
menghormati daku atau ilmuku bahkan baju baharunya.
Dari itu patutlah baju ini diletakkan kepada berhalanya.
Demikianlah terkadang dengan sebab pakaian itu dihormati
orang dan terkadang dengan sebab pakaian jua
dihinakan orang adanya.

Oleh

(Syeikh Mansur bin Ahmad)

Gemala Hikmah

33. Sebaik-baik pekerjaan itu ialah pekerjaan yang sepatutnya.
34. Sebaik-baik kaya itu ialah orang yang berpada.
35. Sejaht-jahat fakir ialah orang yang merendahkan diri.
36. Dalil orang yang berakal itu iktitarnya.
37. Ubat masa itu sabar daripadanya.
38. Terkadang keadaan diam itulah jawabnya.
39. Terkadang kesukaan berbalik menjadi keduakaan.
40. Terkadang satu kalimah itu boleh melepaskan nikmat.
41. Terkadang satu perkataan terlebih luas daripada satu peperangan.
42. Kepala agama itu ilmu.
43. Kepala hikmah itu takutkan Allah.
44. Kepala segala kesalahan itu haloba.
45. Kesalahan orang alim itu ditentarkan.
46. Kesalahan orang jahil disembunyikan oleh si Jahil.

¹ Bermaksud pendeta, pertapa – Dewan Bahasa dan Pustaka.

علم ایت روح اکام اسلام

(اوله سید محمد العبدروس)


برچوچق تائم، علم فلایران، علم برانوتق، علم جروترا، علم دقور، علم نکوام، علم ملوبوسغ، علم بنچوهن (کیمیا)، علم فرهبواتن، علم فلک، علم بینتق دانلاب ۲ لاکي. مک سکل علم ۲ بقترسبوة ابن سموان فرض کفایه اتس اورغ اسلام ممفلاجرین تتافی قنولیس موارف بابق اورغ ۳ کیت مابو بلاجر دان مقهوی سرب سرب علم سقای دشن سگرا ترسبار دان بیاق علم ۳ ایت کشف سکالین لافین بقسا کیت دانلاب ۲ یهوان علم ایتوله بقد کتاکن تیباغ ایماں کران تیادصح سنورغ برایمان کشف الله سبحانه تعالی سلام تیدق ای برعلم تراواتم علم توحید (مفساکن الله) مقفک سکیرا ۲ تیاد دسکتو کندی دشن سموات جوا فون.

یهواسن بارعسیاف بق مهاجر اکن سموات علم مک اکن دکرنیاکن الله اکن فهلان یقامة بابق کران ایله سموات عبادة بقتیاد فونس ۳ مقفک ندهاری قیامة، سکالیئون کیت تله مانی. کران سیدانی صلی الله علیه وسلم اذا مات ابن آدم اقطع عمله الا من ثلاث: صدقة جارية واولد صالح وعلیم نافع ارنون افیبل مانی سنورغ اتق ادم نسجای ترهوتسله عمل عبادتن بلینسکن نیک فرکارا بایت صدقه بقترسبواتن فاندن کشف عام سفرة عبوة مسجد، واقسکن تابه فرقبوران، عبوة جبان، عبوة رومه سا کیت، دانلاب ۲ سنومشمان، دان اتق بق صالح بق

العلم حياة الإسلام. وعماد الإيمان. ومن علم علما أتم الله أجره. ومن تعلم فعمل علمه الله علم ما لم يعلم. رواه ابو الشيخ. ارنون برمول علم ایت روح اکام اسلام دان تیباغ ایماں دان بارعسیاف مهاجر اکن سموات علم نسجای دسقرناکن الله فهلان، دان بارعسیاف یسلاجر سموات علم، دسملکنن مک دیری کتھوی اوله الله تعالی کشف علم بقتیاد دکترین.

(اوراین)

یهوا واجب اتس تیفا ۲ اسلام لاکي ۲ دان فرموان بلاجر علم، مک بقترواتم دان یسجولا سکالی ایله علم توحید (علم مفساکن توهن) کران اورغیح تیاد مقهوی علم توحید ایت باومله دفا کندی براکام اسلام دسیسی الله سکالیئون ای ملاکوکن سکل فکرجان دان عمان اورغ اسلام. ستله ایت هندقله فول اورغ ۲ اسلام ایت بلاجر علم بکیات کیفیة برعبادة کشف الله بایت علم فقه دان سکل چاواغ ۲ کران برعبادة دشن تیاد برعلم ایت سیاف ۳ مهاج. کدین درقد ایت واجب فول بلاجر سکل علم فرض کفایه ارنون مادامی ددلم ساتو کقولن مانیس اد سنورغ بق مقهوی علم ایت، جبک تیدق، نسجای سموان برودس بسر. یهوا فرض کفایه ایت بوکله سفرت مندیدی دان مپمبیهسکن اورغ مانی سیاف، مپسکن ات جوا علم بق مپبری فایده باکی کهدوفن دنیا اخره سفرة علم برنیاک، علم





Ilmu Itu Agama Roh Islam

(Oleh Syed Muhammad al-Edrus)

Al-'Ilmu hayātu al-Islāmi. Wa 'imādu al-īmāni.

Wa man 'allama 'ilmān atamma Allāhu ajrah. Wa man ta'allama fa'amila

'allamahu Allāhu 'ilma mālam ya 'lam. Rawāhu Abu al-Shaykh.

Ertinya bermula ilmu itu roh agama Islam dan tiang

iman dan barangsiapa mengajar akan suatu ilmu

nescaya disempurnakan Allah pahalanya, dan barangsiapa

yang belajar suatu ilmu, diamalkannya maka diberi ketahui

oleh Allah Ta'ālā kepada ilmu yang tiada diketahuinya.

(Uraianya)

Bahawa wajib di atas tiap-tiap Islam laki-laki dan

perempuan belajar ilmu, maka yang terutama dan yang mula

sekali ialah ilmu tauhid (ilmu mengesakan Tuhan)

kerana orang yang tiada mengetahui ilmu tauhid itu belum

dinamakan dia beragama Islam di sisi Allah sekalipun

ia melakukan segala pekerjaan dan amalan orang

Islam. Setelah itu hendaklah pula orang-orang Islam

itu belajar ilmu bagaimana kaifiat beribadat kepada Allah

iaitu ilmu fekah dan segala cawang-cawangnya kerana beribadah

dengan tiada berilmu itu sia-sia sahaja. Kemudian daripada

itu wajib pula belajar segala ilmu fardu kifayah

ertinya memadai di dalam satu kumpulan manusia ada seorang

yang mengetahui ilmu itu, jika tidak, nescaya

semuanya berdosa besar. Bahawa fardu kifayah itu bukanlah

seperti memandi dan menyembahyangkan orang mati sahaja,

bahkan apa jua ilmu yang memberi faedah bagi

kehidupan dunia akhirat seperti ilmu berniaga, ilmu

bercucuk tanam, ilmu pelayaran, ilmu bertukang, ilmu

jurutera, ilmu doktor, ilmu peguam, ilmu melombong,

ilmu banchuan (kimia), ilmu perubatan, ilmu falak,

ilmu binatang dan lain-lain lagi. Maka segala ilmu-ilmu

yang tersebut ini semuanya fardu kifayah atas orang

Islam mempelajarinya tetapi penulis berharap baik

orang-orang kita Melayu belajar dan mengetahui serba-

serbi ilmu supaya dengan segera tersiar dan biak

ilmu-ilmu itu kepada sekalian lapisan bangsa kita.

Dan lagi bahawasanya ilmu itulah yang dikatakan tiang

iman kerana tiada sah seorang beriman kepada

Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* selama tidak ia berilmu terutama

ilmu tauhid (mengesakan Allah) hingga sekira-kira

tiada disekutukan Dia dengan sesuatu jua pun.

Bahawasanya barangsiapa yang mengajar akan suatu

ilmu maka akan dikurniakan Allah akan pahala-Nya yang amat

banyak kerana ialah suatu ibadah yang tiada putus-putus hingga

pada hari kiamat, sekalipun kita telah mati. Kerana

sabda Nabi *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam* "*Idhā māta ibnu Adam*

inqaja'a 'amaluhu illā min thalāthin: sadaqatin jāriyyatin wa waladin

sālihīn wa 'ilmīn nāfi'in" Ertinya apabila mati seorang

anak Adam nescaya terputuslah amal ibadatnya melainkan

tiga perkara iaitu sedekah yang berpanjangan faedahnya

kepada am seperti membuat masjid, mewakafkan tanah

perkuburan, membuat jambatan, membuat rumah sakit,

dan lain-lain seumpamanya, dan anak yang soleh yang

شوال 1365

مجله فرایدران

سپتمبر 1946

هشک کفتون هندق مراس بواه کفایین این *
 دانلاکي بارغسیاف یغ بلاجر سسوات علم
 مک دعملکن علم ایت دغن برسوغکوه ۲، راجین
 دان اوسها انسچای دتنجوفکن اوله توهن اکن علم
 یقتیاد دفلاجر بن سام ادند فیبق علم اکام دان دنیا
 مثالن سفرت سنورخ یقتله بلاجر علم انجنیر مک
 دکرجاکن بیکان فقتوانن ایت لام کلمان دافقله
 ای مریکا لاین ۲ جنترا یقبولم قرنه دادا کن
 اوله اورغلائن یقلبه بابک دان لبه سنخ لاگی
 مشکوناکن مک اینله بواه تجربیه (کاهوران)
 یقتربیه درفد اوسها دان تکون ددالم سسوات
 فکرجان یقتله کیت کتوی - بهکن سما کین تکون
 دان راجین کیت سما کین ونبیه ۲ تجربه کیت ددالم
 فکرجان ایت هشک مندافه فقتوان یقلاین ۲
 دسکینله ادان *

مندعا کندي دان علم یغ مبري کون کفد مانسي
 سفرت مشاجر قرآن، مشاجر اکام اسلام دانلاین ۲
 علم یقدسوره اوله شرع اسلام - دانلاکي دغن
 واسطه علموله یقبوله علمهراکن کبیدوفن کیت
 ددالم دنیا دان مشاول تانه ایر دان یقسا درفد ترهیناه
 مسکین دان تراوفوه درفد تاغن کیت، چوب
 کیت فرها تیکن قد هاري این تله لوفوه فد سرب
 سربني درفد تاغن یقسا کیت فد حال یقسا لاین
 یغ منومفغ نگرې کیت تله مفر اوله ککبان هیدوف
 فد حال کیت ترکلیف ۲ تیدق تاهواف هندق
 دفر بواه دغن سبب نیاد برعل، تمابهفول دسرتا کن
 دغن مالس، نیاد چکل دان اکون دالم سبارخ
 کرج، بهکن کبا یقتکن یقسا کیت دالم سسوات
 فکرجان انبیل تراس فایه دان لمبه دافه
 کاتوغنن برالیله ای کفد یقلاین دسکینله

سلامة عبدالغطري 1365

دغن ایفانن یغبر ککالن کفد اخوان المسلمین
 والمسلمات
 درفد ساي -
 قمریه بنت احمد
 گورو سکوله فرمفوان کفوغ بهارو جوهر
 جوهر بهارو
 1 شوال 1365

سلامة عبدالغطري 1365

یغدایر یغی دغن دعا دان ایفانن یغبر ککالن
 کفد اخوان المسلمین والمسلمات
 درفد:
 عز یزه بنت احمد
 گورو سکوله فرمفوان کفوغ بهارو
 جوهر
 جوهر بهارو
 1 شوال 1365

سلامة بهاري رای 1365

دایر یغی دغن ایفانن یغبر کفد اخوان المسلمین
 والمسلمات
 درفد ساي
 خدیجه بنت احمد
 گورو سکوله اکام تمبانن جوهر
 جوهر بهارو، 1 شوال 1365

سلامة بهاري رای 1365

دغن ایفانن یغفولس اخلاص
 سلام دعا درفد ساي:
 عائشه بنت احمد
 گورو اکام سکوله تمبانن جوهر
 جوهر بهارو، 1 شوال 1365





mendoakan dia dan ilmu yang memberi guna kepada manusia seperti mengajar Qur'an, mengajar agama Islam dan lain-lain ilmu yang disuruh oleh syarak Islam. Dan lagi dengan *wāsīyah* ilmulah yang boleh memelihara kehidupan kita di dalam dunia dan mengawal tanah air dan bangsa daripada terhina, miskin dan terluput daripada tangan kita, cuba kita perhatikan pada hari ini telah luput pada serba-serbi daripada tangan bangsa kita pada hal bangsa lain yang menumpang negeri kita telah memperoleh kekayaan hidup pada hal kita terkelip-kelip tidak tahu apa hendak dibuat dengan sebab tiada ilmu, tambahan pula disertakan dengan malas, tiada cekal dan tekun dalam sebarang kerja, bahkan kebanyakan bangsa kita dalam sesuatu pekerjaan apabila terasa payah dan lambat dapat keuntungannya beralihlah ia kepada yang lainnya demikianlah

hingga kemampuan hendak merasa buah kepayahannya itu.

Dan lagi barangsiaapa yang belajar sesuatu ilmu maka diamalkannya ilmu itu dengan bersungguh-sungguh, rajin dan usaha nescaya ditunjukkan oleh Tuhan akan ilmu yang tiada dipelajarinya sama ada pada pihak ilmu agama dan dunia misalnya seperti seorang yang telah belajar ilmu *engineer* maka dikerjakannya bagaimana pengetahuannya itu lama kelamaan dapatlah ia mereka lain-lain jentera yang belum pernah diadakan oleh orang lain yang lebih baik dan lebih senang lagi menggunakannya maka inilah buah *tajribah* (kemahiran) yang terbit daripada usaha dan tekun di dalam sesuatu pekerjaan yang telah kita ketahui. Bahkan semakin tekun dan rajin kita semakin bertambah-tambah *tajribah* kita di dalam pekerjaan itu hingga mendapat pengetahuan yang lain-lain demikianlah adanya.

Selamat Aidil Fitri 1365

Yang diiringi dengan doa dan ingatan yang berkecalan

kepada *Ikhwan al-Muslimīn wa al-Muslimāt*

Daripada:

Azizah binti Ahmad

Guru Sekolah Perempuan Kampung Baharu

Johor Bahru

Johor.

1 Shawwal 1365

Selamat Aidil Fitri 1365

Dengan ingatan yang berkecalan kepada *Ikhwan al-Muslimīn*

wa al-Muslimāt

Daripada saya -

Kamariah binti Ahmad

Guru Sekolah Perempuan Kampung Baharu Johor

Johor Bahru

1 Shawwal 1365

Selamat berhari raya 1365

dengan ingatan yang tulus ikhlas

Salam doa daripada saya:

Aisyah binti Ahmad

Guru Agama Sekolah Tambatan Johor

Johor Bahru, 1 Shawwal 1365

Selamat berhari raya 1365

diiringi dengan ingatan mahabbah kepada *Ikhwan al-Muslimīn*

wa al-Muslimāt

Daripada saya:

Khadijah binti Ahmad

Guru Agama Sekolah Tambatan Johor

Johor Bahru, 1 Shawwal 1365

شوال 1365

مجله فرایدران

سپتمبر 1946

کواجیفن استري

(اوله ملاقي جوهر)

افيل سئورخ باف تله كلوار دري رومين
 فاکي ۲ هاري کران منونیسکن کواجیفن کفد انق ۳
 استرین دغن بوماچم ۲ حال احوال دلوار رومه
 دان بالیق کتیک فغغ دغن کادان لتیه لسو
 دان فنه سهاری ۲ین معايسکن ماس دان تنکان مک
 بقوله ساعة بوحاجة کن دافه مورتا سمبون دري انق
 سترین دغن تگورساق یقبايک انو مونق بغمانیس.
 تنکل ایت تنقوله اهی لوف آن سوسه فابه دان
 فنه للهن تادی. فروغان ۳ یشرعقل ولو ماچم مان
 سکالیقوت جاعنله اهی منداتشکن مسوات
 کروسیغن انو بمباوا مسوات فرخبران یقبايک
 کفد سوامین دغن سرت سرت کتیک سوامی
 ایت بالیق انتھلاکي معايسکن موك دغن سبب
 مسوات کسلاهن یقبوله دماغفکن دري سوامی
 ایت اتوفون معادو ۲ کن کنسکالن انق ۲ اتم لایین
 شھدان فرمشوان یقاد فراسان انصاف دان
 تیسیم راس تنقوله دافه اهی ممیکرکن بگیانکھ
 سوسین سئورخ سوامی ایت بکرج سھاری ۲ین
 کران منونیسکن کواجیفن اتو مھری کسناعن
 کفد انق استرین درایت هندقله استري ۲ مینتو
 برسوغکوه ۲ مندیدیق انق ۲ دن فراتوران
 یقبايک دان مھرسھکن رومھتھک دان معا یلوقکن
 سکل فراتوران سقاي سدف دقندغ اوله سوامین
 مھشک جادبله رومین سوات تمقه ملافشکن
 هاقی کدین درقد فنه بکرج .
 ایبو یغ چردیق دان برشمه یغ هندیق مامجون

بشساء اگام دانف نانہا برن ایت درقد ماس این
 واجبله اهی مندیدیق دان منجاک فلاجران انق ۲
 دغن چوکف سلیا دان ممیسکن کدالم فراسان
 انق ۲ کن فرکارا ۳ بقتر فوجی دان سکل جنس
 فقتموان یغبر کونہ کران فقتموان ایت لیه بروکواس
 دان ملیا درقد ککبیان . سکیران دالم فرنیگانہ
 کیت برکندیسکن مودل واغ تنافی کماجوان
 نگری قول کیت مستیمله برمودلکن کانتی ۲ لاکي ۲
 دان فرمشوان یغچردیق دان صھه . ائکل کانتی ۲
 ایت تله دھنتکن کسکوله جاعنله ایبو فواسھاتی
 دغن اجران گورو دسکوله ایت سھاج تنافی ایبو ۲
 سندري هندقله مرقسا اف ۳ فلاجران بقدسوره
 اوله گورو مقحفظ اتو بمبوا درومه دان هندقله
 ایبو برسوغکوه ۲ معاجر انق ۲ درومه سقاي
 برسواتوله کھندیق گورو ۲ ایت دشندی، کران
 دیدیقشن یغ سقرت این کن مھری فراسان
 کفد انق ۲ فرکارا یغد بقدسوره اوله گورو ایت ایله
 جوا فرکارا یغد کھندیق ایبو بقان . ایبو ۲ واجب
 ملاکوکن دیرین سقرت صحابہ اتو قولن یغدا کایھی
 کفد انق ۲ دان ترکا دغ سقرت سئورخ گورو
 بقول ۲ یأیت مرقسا سکل جنس فلاجران انق ۲
 سرت معاجر اف ۲ کسلاهن دالم فلاجران
 ایت . دان ترکا دغ هندقله اهی برصفا سقرت سئورخ
 قرنته یغبر کواس فدسوره فد دان . ننگه فد تیف ۲
 فرکارا یغد کھندیق سقاي تنافلہ کدالم هاقی
 انق ۲ فراسان ناکوه سرت کاسبه ساین کفد
 ایبو دغن تولس اخلاص ، بوکاش کران ناکوه
 یغبرسرت دغن بیچی .
 فندیقن کادان سئورخ ایبو ایت سبتر ۲ باله
 منجادی گورو یغقرتام سکالی قد مندیریکن



Kewajipan Isteri

(Oleh Melati Johor)

Apabila seorang bapa telah keluar dari rumahnya pagi-pagi hari kerana menunaikan kewajipan kepada anak-anak isterinya dengan bermacam-macam hal ehwal di luar rumah dan balik ketika petang dengan keadaan letih lesu dan penat sehari-seharian menghabiskan masa dan tenaganya maka tentulah sangat berhajat akan dapat menerima sambutan dari anak isterinya dengan tegur sapa yang baik atau muka yang manis. Tatkala itu tentulah ia lupa akan susah payah dan penat lelahnya tadi. Perempuan-perempuan yang berakal walau macam mana sekalipun janganlah ia mendatangkan sesuatu kerungsingan atau membawa sesuatu perkhabaran yang tak baik kepada suaminya dengan serta-merta ketika suami itu balik. Apatah lagi memasakkan muka dengan sebab sesuatu kesalahan yang boleh dimaafkan dari suami itu ataupun mengadu-adukan kenakalan anak-anak atau lainnya. Syahadan perempuan yang ada perasaan insaf dan timbang rasa tentulah dapat ia memikirkan bagaimanakah susahnyanya seorang suami itu bekerja sehari-seharian kerana menunaikan kewajipan untuk memberi kesenangan kepada anak isterinya dari itu hendaklah isteri-isteri membantunya bersungguh-sungguh mendidik anak-anaknya dengan peraturan yang baik dan membersihkan rumah tangga dan mengelokkan segala peraturannya supaya sedap dipandang oleh suaminya sehingga jadilah rumahnya suatu tempat melapangkan hati kemudian daripada penat bekerja.

Ibu yang cerdik dan berhemah yang hendak memajukan

bangsa, agama dan tanah airnya itu daripada masa ini wajiblah ia mendidik dan menjaga pelajaran anak-anaknya dengan cukup selia dan menyemaikan ke dalam perasaan anak-anaknya akan perkara-perkara yang terpuji dan segala jenis pengetahuan yang berguna, kerana pengetahuan itu lebih berkuasa dan mulia daripada kekayaan. Sekiranya dalam perniagaan, kita berkehendakkan modal wang tetapi kemajuan negeri pula kita mestilah bermodalkan kanak-kanak laki-laki dan perempuan yang cerdik dan sihat. Apakala kanak-kanak itu telah dihantarkan ke sekolah janganlah ibu puas hati dengan ajaran guru di sekolah itu sahaja tetapi ibu-ibu sendiri hendaklah memeriksa apa-apa pelajaran yang disuruh oleh guru menghafaz atau membuat di rumah, dan hendaklah ibu bersungguh-sungguh mengajar anak-anaknya di rumah supaya bersatulah kehendak guru-guru itu dengan dia, kerana didikan yang seperti ini akan memberi perasaan kepada anak-anak perkara yang disuruh oleh guru itu ialah jua perkara yang dikehendaki ibu bapanya. Ibu-ibu wajib melakukan dirinya seperti sahabat atau taulan yang dikasihinya kepada anak-anaknya, dan terkadang seperti seorang guru betul-betul iaitu memeriksa segala jenis pelajaran anak-anaknya serta mengajar apa-apa kesalahan di dalam pelajaran itu dan terkadang hendaklah ia bersifat seperti seorang pemerintah yang berkuasa pada menyuruh pada dan menegah pada tiap-tiap perkara yang dikehendaki supaya tertanamlah ke dalam hati anak-anaknya perasaan takut serta kasih sayang kepada ibunya dengan tulus ikhlas, bukannya kerana takut yang berserta dengan benci.

Pendeknya keadaan seseorang ibu itu sebenar-benarnyalah menjadi guru yang pertama sekali pada mendirikan

دجاد بکن سنگل هاتی ایت کاسیه کفد اورغیغ
بروایه بابک کانسن . دان ماره کفد اورغیغ
بروایه کجهان کانسن . اینله کواجیغن یغقرتام
سکالی باکی استزیبے اتو ایبو ددالم فرهمفون
کلوارک یغ منجادی اغکوت باکی فرهمفون
سوات بسا .

ادفون استری اتو ایبو یغتیاد منونیکن کواجیغن
یغامة مستحق این تئافی ماسق ای کفد کواجیغن
بشکره وایت دغن سبب هندق منچشوری
فکرچان لاکي ۲، فایده عام دان تانه ایر کون؟
نچای برقندهله فکرچان مندبیق ایت کتغان
اورغ یغتیاد هیراکن کاجوان کانق ۲ لاین درفد
ایبون سندیری اتو نیاد برجات لاو . مک تشکل
ایت روتوهله بنا دبدیقن دان اسوهن یغبابک
دان فتمهوان یغدهارف ایت ۲، برتوکرله کانق ۲
ایت کلک منجادی سوات اغکوت یغلاس ددالم
فرهمفون قوم یغسان هکک بھراف برکتورن . دان
جیک برلا کوجوا فرکارا یغدتا کوی این مک ادا که
لاکی هھارافن کیت یغدفکیق ۲ بر کھدفکن کاجوان
دنیا دان اخره ؟ اتو بر کھدفکن اکام دبدیق ،
موردن دبالا ؟

ادفون فرمشوان یغتیاد ترغکوغ واجب داتسن
مندبیق انق ۲ مک ساعتله فائوه ای بکرج کران
فایده عام کفد بھسا دان تانه ایر سلام بر ککالین
مریکیت ددالم کولوسن اکام اسلام . دان جیک
نیاد ترقلیرا ای اکن کھندق ۲ اکام مک نیاد نفس
مریکیت درفد عذاب الله ددالم نگری اخره
سکالیفون ددالم دنیا منداقه سمیوتن یغبابک دری
مریک ۲ یغتیاد انصاف . دمکینه دهارف یغجادی تئافن
دان تیجباشن راکن سجاوه سای قوم فرمشوان ادا .

اساس فلاجران دان دبدیقن انق ۲
دان برکواس مینتو اکن فرغی سئورغ کانق ۲ ،
بوکنق قد ماس دهنرکندی کسکوله سھاج .
تئافی داسوه دان دبدیق روح کانق ۲ ایت دری
مولای ای مغرتی اکن سوات دان بوله برکات ۲ .
سئورغ فرمشوان یغ منجادی استری دان ایبو
هندقله ای منجادی بکندیری دان رومبشکان ایت
سوات تمغه مھسبیل کسوکان دان فھمپوران باکی
سوامین دان جوا منجادی بکن دروهن ایتوله سکوله
یغقرتام باکی انق ۲ .

شھدان تشکل اداله کواجیغن یغدتشکوغ
اوله استری اتو ایبو یغکیان یغترسبوه ایت مک
اداکه لاکي ماس باکیین یغبوله منولم سوامین
بکرج دلوار رومه ؟ اتو مھسبیل بھاکین دالم
فرکارا یغکورغ مستحقن ددالم فرکاران (اجتماعی)
کالوکیت فرھاتیکن دغن فرھاتین یغ انصاف
دان عادل نچای تمفقله کفد کیت فرمفوان ایتوله
یغاکن منتوکن نصیب قوم بھسا دان تانه ایر کیت
قد ماس یغاکندائغ اتوفون ایبو ایتوله تمغه هھارافن
بھسا ، کران کانق ۲ یغددبیقن قد هھاری این
اکن منجادی لاکي ۲ یغکرج ددالم فرهمفون امة
انتو منکریکن موتو بھسا دان تانه ایر کتی .

درایت تیاداله سیکیان دفرموده کن
تشکوغن سئورغ ایبو ، اتو بر کھدفکن لاکي
بنتوانن ددالم میدان اقتصاد ، بھکن واجب باکی
سوامی یغاد کھفون مھری فنولم کران مھفرناکن
تھکوغن یغامة راتا ایت سکورغ ۲ دکالککندی
دغن بروایه احسان کفدان بگیمان سیدا نی کیت
صلی الله علیه وسلم : *جَبَّتِ الْقُلُوبُ عَلَى حَبِّ مَنْ
أَحْسَنَ الْيَتِيمَ وَبَعْضُ مِنْ أَسَاءِ الْيَتِيمِ* ارتقن



asas pelajaran dan didikan anak-anaknya
 dan berkuasa membantu akan perangai seseorang kanak-kanak,
 bukannya pada masa dihantarkan dia ke sekolah sahaja.
 Tetapi diasuh dan dididik roh kanak-kanak itu dari
 mulai ia mengerti akan suatu dan boleh berkata-kata.
 Seorang perempuan yang menjadi isteri dan ibu
 hendaklah ia mejadikan diri dan rumah tangganya itu
 suatu tempat mengambil kesukaan dan penghiburan bagi
 suaminya dan jua menjadikan di rumahnya itulah sekolah
 yang pertama bagi anak-anaknya.

Syahadan tatkala adalah kewajipan yang ditanggung
 oleh isteri atau ibu bagaimana yang tersebut itu maka
 adakah lagi masa baginya yang boleh menolong suaminya
 bekerja di luar rumah? Atau mengambil bahagian dalam
 perkara yang kurang mustahak di dalam pergaulan (*jijima*)¹
 kalau kita perhatikan dengan perhatian yang insaf
 dan adil nescaya nampaklah kepada kita perempuan itulah
 yang akan menentukan nasib kaum bangsa dan tanah air kita
 pada masa yang akan datang ataupun ibu itulah tempat harapan
 bangsa, kerana kanak-kanak yang dididiknya pada hari ini
 akan menjadi laki-laki yang bekerja di dalam perhimpunan umat
 untuk meninggikan mutu bangsa dan tanah air kelak.

Dari itu tiadalah seyogianya dipermudah-mudahkan
 tanggungan seorang ibu, atau berkehendakkan lagi
 bantuannya di dalam medan iktisad, bahkan wajib bagi
 suami yang ada kemampuan memberi penolong kerana menyempurnakan
 tanggungan yang amat berat itu sekurang-kurangnya digalakkan dia
 dengan berbuat ihsan kepadanya bagaimana sabda Nabi kita
*shallā Allāhu 'alayhi wa sallam: Jubilti al-qulūbu 'alā ḥubbi man
 aḥsana ilayhā waba'du min asā'a ilayhā*"¹ Ertinya

dijadikan segala hati itu kasih kepada orang yang
 berbuat baik ke atasnya. Dan marah kepada orang yang
 berbuat kejahatan ke atasnya. Inilah kewajipan yang pertama
 sekali bagi isteri atau ibu di dalam perhimpunan
 keluarga yang menjadi anggota bagi perhimpunan
 suatu bangsa.

Adapun isteri atau ibu yang tiada menunaikan kewajipan
 yang amat mustahak ini tetapi masak ia kepada kewajipan
 yang kedua iaitu dengan sebab hendak mencampuri
 pekerjaan laki-laki, faedah am dan tanah air konon!
 Nescaya berpindahlah pekerjaan mendidik itu ke tangan
 orang yang tiada hiraukan kemajuan kanak-kanak lain daripada
 ibunya sendiri atau tiada berjaga lalu. Maka tatkala
 itu runtuhlah *bina*¹ didikan dan asuhan yang baik
 dan pengetahuan yang diharap-harap itu, bertukarlah kanak-kanak
 itu kelak menjadi suatu anggota yang lasa di dalam
 perhimpunan kaum bangsanya hingga beberapa berketurunan. Dan
 jika berlaku jua perkara yang ditakuti ini maka adakah
 lagi harapan kita yang dipekek-pekek berkehendakkan kemajuan
 dunia dan akhirat? Atau berkehendakkan agama dididik,
 morden¹ dibela?

Adapun perempuan yang tiada tertanggung wajib di atasnya
 mendidik anak-anak maka sangatlah patut ia bekerja kerana
 faedah am kepada bangsa dan tanah air selama berkekalan
 mereka itu di dalam ketulusan agama Islam. Dan jika
 tiada terpelihara ia akan kehendak-kehendak agama maka tiada lepas
 mereka itu daripada azab Allah di dalam negeri akhirat
 sekalipun di dalam dunia mendapat sambutan yang baik dari
 mereka-mereka yang tiada insaf. Demikianlah diharap menjadi tatapan
 dan timbangan rakan sejawat saya kaum perempuan adanya.

¹ Perkataan sebenarnya adalah moden.

فردیرین اسلام

(اوله توه چي جوهر بهارو)

کتاوا سدیکه

اوله «مجزیا»

اسلام ایت ایله اگام یهدتورنکن کفد
سکلین همیان دمک بومی این یثله دا کو کن
کبا یکن دان کلیاً نین سفرت فرمانن «ان الدین
عند الله الاسلام» اردن بیوا سسگوهن اگام
یهدتورن دسیسی الله ایت ایله اگام اسلام» اسلامه
اگام یهدتورن ما اوله سکلین نی ۲ دان رسول ۲ درفد
زمان دهولو کالا سنی کفد نی کیت محمد صلعم
کسوداهن سکلین رسول ۲-۳ اسلام برمعنی دالم
بهاس ملايو «سکلانن» بتاف تیدق اکران دالم
انداغ ۲ اگام اسلام چوکف دترعکن سکل
فوراتوران هیدوف یثا کن پیلامتکن دیری کیت
ماسیغ ۲ لاگی برفاتونن کفد فعیکوة ۲ دان
سسوای دغن فرایدران ماس دان تمقه .

رعسکسنن اف جوا فراتوران سموان اد
ترکندوخ دالم انداغ ۲ اگام اسلام مداله سکلین
فعیکوتن دغن فراتوران یغاد ددالمن ایت تا فابه ای
میندا اتو میسکندا کن فراتوران ایت، لاگی
کتراغن اتو دلیل یغ ممتا کن اگام اسلام ایت
اد منو پای فراتوران یغ چوکف دان متهوی
سرب جنس علمو فتمتوان یثملیا دان سسوای
عقل فیکران مأنسی بایق ددافاتی دالم قرآن دان
حدیث نی اد موعسکن یثدمکین ایت . ستا کة
اینله سهاج انتو فرمولان مجله «فرایدران» یغ
چورلغ ان شاء الله اکنداغ توه چي اکن بنتشکن
لاگی سرب سدیکه درفد انداغ ۲ اسلام دان
کابلوقکنن . معاف . (برسبوغ)

3 اورغ مرید سیواه سکوله بروراق ۲
هندق ماسکن کاراغن دان رنجان کدالم اخبار
اتو مجله تنافی کاراغن اتو رنجان ایت بلوماد ، هان
مریکیت تله ایغین هندق براتس ۲ دان همکین
تا یقل دهوغ غمان : یاسین اتق فوتیان برکات :
کاون اکن تاروه دهوجغ نام کاون «یاسین فونبانی»
وهب اتق موار برکات : کاون «عدالوهاب موار»
سکارغ تیباله کیلوران کفد هاشم ، هاشم این
کتورن یثان دري بیروت ، دغن سرنتق یاسین
دان وهب برتان «اوق اف قول هاشم ؟ هاشم
دغن تا برفیکر فنجم منجواب : کاون اف لاگی
«الاستاذ هاشم بیرونی» له ! ها ! ها ! ها ! وهب
دان یاسین سرمشق کتاوا گلک هغک تر بلاحق ۲-۰
هاشم ملوقوغ مولن کیران لالو برتان : معاف
اوق کتاوا کن کاون ؟ باکوس ! شیم کات
وهب دانت یاسین . جادی اوق «الاستاذ
(أ . کو) پای روتی ، جیک تا فرچای چوب سیوه
سمولا ، ۰۰ . موعیا جواب این هندق تا هندق
هاشم کتاوا جوک سام ، تنافی کتاوا تھی ، دمکینله
کسوداهن یثسده ننتو اکن دتریا ترله دهولو
اوله اورغیغ هندق برمکه ۲۰ داتس سوات یثلوم
بات بوختی فکر جانن .



Perdirian Islam

(Oleh Tok Chik Johor Bahru)



Islam itu ialah agama yang diturunkan kepada sekalian hamba-Nya di muka bumi ini yang telah diakukan kebaikan dan kemuliaannya seperti firman-Nya “*Inna al-dīna ‘inda Allāhi al-Aslāmī*”¹ Ertinya bahawa sesungguhnya agama yang sebenar-benarnya di sisi Allah itu ialah agama Islam” Islamlah agama yang diterima oleh sekalian nabi-nabi dan rasul-rasul daripada zaman dahulu kala sampai kepada nabi kita Muhammad *ṣal ‘am*³ sesudah sekalian rasul-rasul. Islam bermakna dalam bahasa Melayu “Keselamatan” Betapa tidak! Kerana dalam undang-undang agama Islam cukup diterangkan segala peraturan hidup yang akan menyelamatkan diri kita masing-masing lagi berpatutan kepada pengikut-pengikutnya dan sesuai dengan peredaran masa dan tempat.

Ringkasnya apa jua peraturan semuanya ada terkandung di dalam undang-undang agama Islam memadamkan sekalian pengikutnya dengan peraturan yang ada di dalamnya itu tak payah ia meminda atau mengandakan peraturan itu, lagi keterangan atau dalil yang mengatakan agama Islam itu ada mempunyai peraturan yang cukup dan mengetahui serba jenis ilmu pengetahuan yang mulia dan sesuai akal fikiran manusia banyak didapati dalam Qur’an dan hadith Nabi yang menerangkan yang demikian itu. Setakat inilah sahaja untuk permulaan majalah “Peredaran” yang cemerlang *in shā-Allah* akan datang Tok Chik akan bentangkan lagi serba sedikit daripada undang-undang Islam dan keelokkannya. Maaf.


(Bersambung)

Ketawa Sedikit

(Oleh Mahzia)



3 orang murid sebuah sekolah berborak-borak hendak memasukkan karangan dan rencananya ke dalam akhbar atau majalah tetapi karangan atau rencana itu belum ada, hanya mereka itu telah ingin hendak beratas-atas dan memegahkan tak *yaqal* di hujung namanya: Yassin anak Pontian berkata: Kawan akan taruh di hujung nama kawan “Yassin Pontiani” Wahab anak Muar berkata: Kawan “Abdul Wahab Muari” Sekarang tibalah gilirannya kepada Hashim, Hashim ini keturunan bapanya di Beirut, dengan serentak Yassin dan Wahab bertanya “Awak apa pula Hashim? Hashim dengan tak fikir panjang menjawab: Kawan apa lagi “al-Ustādh Hashim Bairuti” lah! Ha! Ha! Ha! Wahab dan Yassin serempak ketawa gelak hingga terbahak-bahak. Hashim melompong mulutnya kehairannan lalu bertanya: Mengapa awak ketawakan kawan? Bagus! Shim kata Wahab dan Yassin. Jadi awak “al-Ustādh (A.Gu) Bai Roti, jika tak percaya cuba sebut semula, .. menerima jawab ini hendak tak hendak Hashim ketawa juga sama, tetapi ketawa tengi, demikianlah kesudahannya yang sudah tentu akan diterima terlebih dahulu oleh orang yang hendak bermegah-megah di atas suatu yang belum nyata bukti pekerjaannya.



¹ Perkataan sebenarnya adalah *al-Islāmi*.

² Sūrah ‘Alī ‘Imrān ayat 19.

³ Ringkasan bagi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

فرایدردان ماس

دمکینه کون فرایدردان ماس
 لاین کارین لاینه لوسا
 لاین رابو لاین ثلاث
 یو باکی ایدردان عالم اشکاس
 واء بوجان دبول قواس
 اد ترجمه اد ترقسا
 اسلام باک اسلام سبسا
 ماکن سیغ سفرت روسا
 دبالیق سکرین دبالیق خاس
 مپودو کوفی سیاهی اشسا
 اد ستمه تر کدسا
 لقسان کرامبام تمبوسا
 کونن له نیدق تر کواس
 کهراتن کرج جادے ترقسا
 ستمقن مبعق بوت رقسا
 هندقن فروه تکخ سنتیاس
 ستمقن بر لایه انتوه تماس
 بر توفیق کن کاجوان نا تولغ بشسا
 فد حال بر موتو امس سواس
 بو کن ابوران تمباک کشسا
 تا کنله کاجوان اکام بناس
 هندقکن مکه نام دات نوسا
 ناهن بلنجا ماکن تا فواس
 کران نا تنجوه اکو برجاس
 دمکینه جاهل کات مباس
 اصول توحید تا چوکف فرقسا
 نیدقله کنل یغمها کواس
 نیاداله مالو مپوانه روسا


منورتکن نفسو امفون رسا
 ماسوقه کدالم فوکه دان کیسا
 منجادی ابلیس امفون ماسا
 شیطان فون دانغ منچشکوقکن کوسا
 ایقه ویه ایقه جاعن ترقسا
 انتتکن ییسو انتتکن لوسا
 عزرائیل اکن بر تندغ دیسا
 مندافتکن کیت بو کن تماس
 اتپای فون نیدق اتو فقسا
 حق کیت سندیری دیری راس
 تاهوله دیری سیاف فرکاس
 رضوات فناور زبانیه بیسا
 واء فرغ

== * سلامه بلایر * ==

کیت مغوچقکن سلامه بلایر کشف سئورغ
 در فد سیدغ فقارغ کیت لیفتنن کرنیل موسی بن
 یوسف کسکه الشرفه کران منویسکن قرینه تو هن
 دالم شوال 1365 این، کیت بوهارف ای سلامه
 فرکی بالیق سرت مفر اوله حج یغ مبروران شاء الله

== * احوال کیت * ==

دغن در کچیت کیت هندق مپیار کن مقاله
 یغد هنتر کن کفد کیت اوله فیماچ ۲ کیت یغبود بان
 کرات ددافاتی مقاله این فنجم ملیریة فد حال
 کهندق دان نوجوانن سدیکیه تمباخن فول
 نیاد برفانده کفد عام مپکن کفد سوات قواقی
 سهاج، اتو یابیت مپتوره مروءه سئورغ بقدرت سئو





Perdirian Masa

Demikianlah konon peredaran masa

Lain kemarin lainlah lusa

Lain Rabu lain Selasa

Berbagai edaran alam angkasa

Wak berjalan di bulan puasa

Ada terjumpa ada terpaksa

Islam baka Islam sisa

Makan siang seperti rusa

Di balik *screen* di balik khas

Menyudu kopi sebagai angsa

Ada setengah tergesa-gesa

Laksana kera membaham tembosa

Kononnya lemah tidak berkuasa

Keberatan kerja jadi terpaksa

Setengahnya memang buta raksasa

Hendakkan perut tegang sentiasa

Sentiasa berlatih untuk temasa¹

Bertopengkan kemajuan nak tolong bangsa

Pada hal bermutu emas suasa

Bukan leburan tembaga gangsa

Tak kenal kemajuan agama binasa

Hendakkan megah nama dan nusa

Tahan belanja makan tak puasa

Kerana tak tunjuk aku berjasa

Demikianlah jahil kata bahasa

Usul tauhid tak cukup periksa

Tidaklah kenal Yang Maha Kuasa

Tiadalah malu membuat dosa

¹ Perkataan sebenarnya adalah temasya.

Menurutkan nafsu ampunya rasa

Masuklah ke dalam pukut dan kisa

Menjadi Iblis ampunya mangsa

Syaitan pun datang mencangkukkan kosa

Ingat weh ingat jangan terpaksa

Entahkan besok entahkan lusa

Izrail akan bertandang desa

Mendapatkan kita bukan temasa²

Aniaya pun tidak atau paksa

Hak kita sendiri diberi rasa

Tahulah diri siapa perkasa

Riḍwān penawar Zabānīyah bisa.

Wak Perang



Selamat Belayar



Kita mengucapkan selamat belayar kepada seorang

daripada sidang pengarang kita Leftenan Kolonel Musa bin

Yusuf ke Mekah *al-Musharrifah* kerana menunaikan perintah Tuhan

di dalam Shawwal 1365 ini, kita berharap ia selamat

pergi balik serta memperoleh haji yang mabrur *in shā-Allāh*.



Ehwal Kita



Dengan dukacita kita hendak menyiarkan makalah

yang dihantarkan kepada kita oleh pembaca-pembaca kita yang budiman

kerana didapati makalah itu panjang meleret pada hal

kehendak dan tujuannya sedikit, tambahan pula

tiada berfaedah kepada am bahkan kepada suatu puak

sahaya, atau iaitu menyentuh maruah seorang yang tertentu.

² Ibid.

Idris bin Hj Salleh

ا.د. ا.س. ب. بن ق.ح. ص.ا.ح. س.ك.و.ك. ا.ك.ا.م. ف.ا.ر.ي.ه. ج.ا.و. م.و.ا.ر.
م.ج.ل.ه. ل.ن.ش.ا.ن. ن.م.ا.ن. ن.د. م.و.ل.ن. ه.د.ا.ف.ت. ع.ا.ر.ف. ن.د.ف.ع. د.ه.و.ل.و.ك.
و.ا.ن.خ. س.ب.ا.ي.ت. 2.50 ر.ب.ا.ي.ن. ر.س.ا.ي. ا.و.ج.ي.ن. ن.ز.ي.ك.ا.س.ي.ه.
ا.ل.ح. و.ا.ل.س.ل.ا.م.

ا.ت.ب.ر.

دسيواكن گران اعلان

دسيواكن گران اعلان

Di-milikki oleh Idris bin Hj Salleh
Jalan Mahmood Pait Jawa Muar
majalah Peredaran harga-nya
pada sa-buah 75 cents sahaja

oleh
Idris

Pait Jawa Muar
Johore.



Disewakan kerana iklan

نمبر ۱۰۱۱ / ۱۰۱۱ م ۱۰۱۱ م ۱۰۱۱ م ۱۰۱۱ م

اوس !!
بوكو چريتا لوار بياس
جاڳ ۲
جاڳن كهايسن
Balek dari Suam

“وواليق دري سيام”

کارغن کوماسي داتوربے
دجله امس کلوارن فرتام

فدریتان بشا کیت دزمان چتون چریتا کن . سديه - فيلو - بيدغ
مپرف داره فييلان فانوة منجادي بجان سکنف لافيسن نوصا تراوتام
هياکي لفسکه ممشکاي سيواه چندرامات يثروايه کفد اتق ۲ چوچو کيت
سڀاي مريکثيت توره برسام مقتمهوي فراشيوا فاهية ماوع دانو نيپتن
دزمان مومو تارو . ستروسن مريک اکن انصاف ۰۰۰۰۰۰ درایت بوسديه
هاري اين اتتو ميشکن قدر سيواه . فنچنتا بو ۲ چريتا اکن . فنچنت
سکيران کتيفشکان سماچ چريتا اين . فباج ۲ اکن برفلواغ جوگ . مرياهديه
\$30.00 - کيران بوجاي ممشکا تکا ميلمگ کات بقدسوتيشکن . بيدغ سدرهان
جوميل . کوليه بوکون ورت بوجيا . مناريق هاتي .

سکرا فسن کفد فترينن

سيواه \$1.50
توني \$20.00

نامن اعگگنن مودا - ناروقکرغ فونتيان جوهر



اوله احمد بن بقوب کراڳن کفولان ۲ روم ۱۲ گام جوهر دان دأبرهن دان دجيتق اوله مطبة الاحديه سينر

Awas!!!

Jaga-jaga

Buku cerita luar biasa

Jangan kehabisan

“Balik Dari Siam”

Karangan Kumasi Dainuri

Di Majalah Emas keluaran pertama

Penderitaan bangsa kita di zaman Jepun diceritakan. Sedih – pilu – berang menyirap darah pembelaan patut menjadi bacaan segenap lapisan nusa. Terutamanya sebagai langkah mempesukai sebuah cenderamata yang beriwiyat kepada anak-anak cucu kita supaya mereka itu turut bersama mengetahui peristiwa pahit-maung datuk-neneknya di zaman Momotaro. Seterusnya mereka akan insaf dari itu bersedialah hari ini untuk menyimpankannya kadar sebuah. Pencinta buku-buku cerita akan mengeluh panjang sekiranya ketinggalan membaca cerita ini. Pembaca-baca akan berpeluang juga menerima hadiah \$30.00 sekiranya berjaya meneka teka silang kata yang disuntingkan. Bidang sederhana comel. Kulit bukunya warna bercahaya menarik hati.

Segera pesan kepada penerbitnya.

Sebuah \$1.50

xxx¹ \$20.00 tunai

Taman Angkatan Muda – Telok Kerang Pontian Johor

¹ Teks asal kabur.


مجلد فیضان

پلاشن 3 - تاهن فرنام - سنسحه 75 - بين
ذی القعدہ ۱۳۶۵ - لوقتوبر 1946

کندوختن:-

- 65 مولك رنجات نثارغ
- 67 قاتونكه فرمفوان ديوي نلواغ ؟ . .
- 69 نندوق سمننورغ صدر
- 70 مانسي دان علقن
- 73 فر كاولن هيدوف
- 75 ويديشن
- 78 نفسير القرآن
- 81 جهاس ملايو
- 83 هندپديق كصحاتن انق
- 85 فرديرين اسلام
- 86 تاريخ الاسلام
- 93 كاجان كسند اهل زومه

MN
059.9923
MP





Majalah Peredaran

MN
059.9923
MP

Bilangan 3 – Tahun pertama – Senakshah 75 sen

Dhu al-Qa'idah 1365 – Oktober 1946

Kandungannya:-

Rencana pengarang	muka	65
Patutkah perempuan diberi peluang . . ?		67
Penduduk Semenanjung sedar		69
Manusia dan akal nya		70
Pergaulan hidup		73
Didikan		75
Tafsir al-Qur'ān		78
Bahasa Melayu		81
Mendidik kesihatan anak-anak		83
Perdirian Islam		85
<i>Tārikh al-Islām</i>		86
Kewajipan kepada ahli rumah		93

مجله فرايدران

مجله اين در بريتكن سبولن سكللي فد تيف ۲ اول بولن اسلامي

بأيت مشدوشي فتهوان اگام، تاريخ ۴ كصيحاتن

فرگاولين، بهاس ملايو، تدبير بروه تهنگ

دانلابن ۲

- فصیحة — يشهر حرمة داتو عبدالله بن عبدالرحمن
- فخریة — كمشولن كورو ۲ اگام جوهر دان دايرهن
- سیدخ قشارخ — اء احمد بن يعقوب الجوهري (كتوا)
- » — اء محمد صالح بن علوي
- » — الأستاذ تون حاج خالد ايوب الازهري
- » — تون حاج عبدالغني بن حاج يحيى
- » — سيد محمد بن عيدروس العطاس
- » — لفتنن كرنيل موسى بن يوسف
- » — انجيء صفيه بنت سليمان
- » — انجيء فاطمه بنت محمد

سكل سورة يشهر كنان دغن فركارا يث هندق دسياركن كدالم مجله
اين هندقله دعلا. تكن كشد قشارغن كيزوف فجابة فلاجران اگام جوهر،
دان سكل سورة ۲ يشهر كنان دغن لشگان، اعلان ۲، وكبل هندقله دعلا. تكن
كشد «فخریة مجله فرايدران» كيزوف فقلولا سكلوله ۲ اگام، وفجابة
فلاجران جوهر.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	
Tarikh perolehan:	19 JUL 2013
Tarikh stap didokumentasi:	25 NOV 2013
Tarikh disusun atas rak:
2085218 NADIR	

- هر ك لشگان سناهن
- » » 6 بولن
- » » 3 بولن
- » سائو نسخه



Majalah Peredaran

Majalah ini diterbitkan sebulan sekali pada tiap-tiap awal bulan Islami

iaitu mengandungi pengetahuan agama, *tārikh*, kesihatan,

pergaulan, bahasa Melayu, tadbir rumahtangga

dan lain-lain.

Penasihat	–	Yang Berhormat Dato' Abdullah bin Abdul Rahman
Penerbit	–	Kumpulan guru-guru agama Johor dan daerahnya.
Sidang pengarang	–	En. Ahmad bin Yaakub al-Johori (Ketua)
“ “	–	En. Muhammad Soleh bin Alwi
“ “	–	al-Ustaz Tuan Haji Khalid Ayub al-Azhari.
“ “	–	“ Tuan Haji Abdul Ghani bin Haji Yahya.
“ “	–	“ Sayyid Muhammad bin Idrus al-Attas.
“ “	–	Leftenan Kolonel Musa bin Yusuf.
“ “	–	Encik Sofiyah binti Sulaiman.
“ “	–	Encik Fatimah binti Muhammad.

Segala surat yang berkenaan dengan perkara yang hendak disiarkan ke dalam majalah

ini hendaklah dialamatkan kepada pengarangnya *Group Pejabat Pelajaran Agama Johor*,

dan segala surat-surat yang berkenaan dengan langganan, iklan-iklan, wakil hendaklah dialamatkan

kepada ((Penerbit Majalah Peredaran) *Group Pengelola Sekolah-sekolah Agama*, di Pejabat Pelajaran Johor.

Harga langganan setahun	–	
“ “ 6 bulan	–	
“ “ 3 bulan	–	
“ satu naskhah	–	



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

رنجان فقارغ

هوا کیت سبأکی خادم امة مسلمین تراس
واجب میناکن درواغن کیت این دشن یوتروس
ترغ اف بیغ کیت دافاتی قد سکللیغ مشارکة
کیت امة مسلمین فد هاری این . مدمهدان
دافة مناریق فرهاتین دان تیباعن کتوا ۲۱ اکام
دان علماء ۲۴ کیت . مک فد فرهاتین کیت سکل
تدبیر نینالینکن کرج ۲ اکام یغیرسشکوتن دشن
فائده مشارکة امة مسلمین فد هاری این بوله
دکشاکن بلوم چوکف تراور ائو بلوم چوکف
کس، اومقام منکاحکن اورغ اسلام جوهر تیاد
برسمان دشن فواتوران بیغ دجالنکن دسیفاورا ائو
دکوالا لثور دان تدبیر مشورثول هرت زکاة
دکننن بولاین دشن دفریق دانلین ۲ لاکي .

مک حال یغیرسبوة ابت بهری فلواغ کفد
بغسا لاین دان اورغ ۲ اسلام بیغ سبکة فقهوانن
مقتان حکم ۳ اکام اسلام ایت تیاد روسکت
دان برفجه بله . مک سکتان یغدمکن اینله بیغ
مړندهکن متو کتیغشکین اکام کیت کفد
فرهاتین بغسا ۲ لاین بیغ سنتیاس منجاری جالن
مچه بلهکن فرساتوان (کلمه) مسلمین دان
منجاری لو بیغ ۲ یبوله مقتان اکام اسلام ایت
جامد (مشکف) دان نیدق بوسواین دشن زمان
یغیرلوبا ۲۱ دشن کاجوانن .

مک سکارغ سمفیله ماسن کتوا ۲۱ اکام دان
علماء ۳۰ یغاد دمنجنو غ قانه ملایو این مفاداکن

سوات نورجئان کران برتوکر ۲ فیکران دان
مړوندیشکن اف ۲ لشکه بیغ مستحق دجالنکن
باکی فائده امة مسلمین سشای دشندی بوله
منیغشکین طرف امة اسلام دسیدان فرهاتین
سکلین بغسا سرت منیغشکن جمورغ جهبا
کا بلوقکن اکام کیت یغها سوچی .

کیت مشورکن هوا لشکه فرنام بیغ مستحق
دهولون ابله منوبشکن سوات مجلس اتو
فرسکتوان علماء دان کتوا ۲۱ اکام، دان مشکة
اشکوتن ۲ درفد وکیل علماء فد تیف ۲ سبواه
نکری دلم سمنجو غ این ترما سوق نکری ۲ ملایو
یغدیباوه فرتهان سیم . منکل تله دوجودکن
فرسکتوان یغترسبوة مستحقه فول اشکوتن ۲
مننکن اندغ ۲ یغیرسشکوتن دشن فردیرین
فرسکتوان ایت . دان مړوندیشکن اف جوا
لشکه یغقاوة دجالنکن دشن برسکتو دلم فائده
امة مسلمین . اکننتانی یغترلبه مستحق سکلای ابله
مقهرکن سوات رایوان اتو فرنتان کشد کراجان
فناوغ کیت سشای مشاعتراف فرسکتوان ایت
سبأکی فرسکتوان بیغ رسمی . فندیق جادبله اف ۲
کفوتسن دان کتتافن مجلس علماء این منجادی
سبأکی فنصیحة کفد راج ۲ بیغ مولسکن حکم ۲
اکام اسلام دنکری ماسیم ۲ .

لشکه یشکدوا مجلس علماء دان کتوا ۲
اکام ایت مستحق بړوندیغ دان براختیار بگیان
چارا هندق بیاتوکن فراسان دان دای اوقای امة
مسلمین سشک جادبله بگیان یغد کیندک
اوله سیدا نی کیت (ص) آل مؤمن للمؤمنین
کالبتیان یشد بغضه بغضاً . ارتیق اورغیغ برامان
ایت دانقارا ساور دشن لاین سفرت ایکانن تیحبوق



Bismi Allāh al-Rahmān al-Rahīm

Rencana Pengarang

Bahawa kita sebagai khadam umat Muslimin terasa wajib menyatakan di ruangan kita ini dengan berterusterang apa yang kita dapati pada sekeliling masyarakat kita umat Muslimin pada hari ini. Mudah-mudahan dapat menarik perhatian dan timbangan ketua-ketua agama dan ulama-ulama kita. Maka pada perhatian kita segala tadbir menjalankan kerja-kerja agama yang bersangkutan dengan faedah masyarakat umat Muslimin pada hari ini bolehlah dikatakan belum cukup teratur atau belum cukup kemas, umpama menikahkan orang Islam Johor tiada bersamaan dengan peraturan yang dijalankan di Singapura atau di Kuala Lumpur dan tadbir mengumpul harta zakat di Kelantan berlainan dengan di Perak dan lain-lain lagi.

Maka hal yang tersebut itu memberi peluang kepada bangsa lain dan orang-orang Islam yang singkat pengetahuannya mengatakan hukum-hukum agama Islam itu tiada bersekata dan berpecah-belah. Maka sangkaan yang demikian inilah yang merendahkan mutu ketinggian agama kita kepada perhatian bangsa-bangsa lain yang sentiasa mencari jalan memecah-belahkan persatuan (*kalimah*) Muslimin dan mencari lubang-lubang yang boleh mengatakan agama Islam itu *jāmad* (mengap) dan tidak bersesuaian dengan zaman yang berlumba-lumba dengan kemajuannya.

Maka sekarang sampailah masanya ketua-ketua agama dan ulama-ulama yang ada di Semenanjung Tanah Melayu ini mengadakan

suatu perjumpaan kerana bertukar-tukar fikiran dan merundingkan apa-apa langkah yang mustahak dijalankan bagi faedah umat Muslimin supaya dengan dia boleh meninggikan taraf umat Islam di medan perhatian sekalian bangsa serta menambahkan cemerlang cahaya keelokan agama kita yang maha suci.

Kita mengesyorkan bahawa langkah pertama yang mustahak didahulukan ialah menubuhkan suatu majlis atau persekutuan ulama dan ketua-ketua agama, dan mengangkat anggota-anggotanya daripada wakil ulama pada tiap-tiap sebuah negeri dalam semenanjung ini termasuk negeri-negeri Melayu yang di bawah pemerintahan Siam. Manakala telah diwujudkan persekutuan tersebut mustahaklah pula anggota-anggotanya menetapkan undang-undang yang bersangkutan dengan perdirian persekutuan itu. Dan merundingkan apa jua langkah yang patut dijalankan dengan bersekutu dalam faedah umat Muslimin. Akan tetapi yang terlebih mustahak sekali ialah menghantarkan suatu rayuan atau permintaan kepada kerajaan penaung kita supaya mengiktiraf persekutuan itu sebagai persekutuan yang rasmi. Pendeknya jadilah apa-apa keputusan dan ketetapan Majlis Ulama ini menjadi sebagai penasihat kepada raja-raja yang meluluskan hukum-hakam agama Islam di negeri masing-masing.

Langkah yang kedua Majlis Ulama dan ketua-ketua agama itu mustahak berunding dan berikhtiar bagaimana cara hendak menyatukan perasaan dan daya upaya umat Muslimin sehingga jadilah bagaimana yang dikehendaki oleh sabda Nabi kita (S.A.W.) *al-mu' minu lil-mu' minika al-bunyāni yashuddu ba'duhu ba'da*. Artinya orang yang beriman itu di antara satu dengan lain seperti ikatan tembok

كملا حكمة

- 47. رهسيا كامو ايت داره كامو.
- 48. فرنته يفتياد عادل ايت سقرت سوشي بيع كونتمغ.
- 49. فرنته يغم ظالم ايت ترليه بايك درفد فنته يغير ككالن.
- 50. كتنوا يفتياد موره ايت سقرت راج يفتياد برنتقا.
- 51. سئورعئغ تياد براداب سقرت توبه يغم تياد بر پاوا.
- 52. سجاهه ۲ مانسي ايت ايله اورعئغ تياد هيراو كغد اورعئغ مندغ كجاتن.
- 53. صبر درفد يهدحرامكن الله ايت ترليه ريشن درفد صبركن عذبن.
- 54. صبر ايت انق كونچي كلواسن.
- 55. كوفه كرافه ايت انق كونچي كسالن.
- 56. ممتولكن رعية ايت ترليه بوفانده درفد ميايقن تتقوا.
- 57. سقايه ۲ انس مانسي ايت ايله مقتهوي اكن ديرين طاعتكن ليده ايت سسل.
- 59. منجسكن ليده ايت منديسكن اجل.
- 60. طاعتكن فرنته ايت مغلكن كليان.
- 61. منجسكن تجربه ايت منممكن عقل.
- 62. تركنچيز كاكي ايت ترليه سجهترا درفد ترلجور كات.
- 63. اورعئغ منظاهر كن نسنا ايت ترليه بايك درفد اورعئغ ميمبو بيگن حسد.
- 64. ايوو اعسكه يغم كاميه ساينغ ايت ترليه بايك درفد ايوو بنر يغم نچي اتو جمو.

مواتكن ستمه اكن ستمهن . دان دافته مياتوكن
 فراسان بروكسيه ساينغ دان ماليا كن ساتودغن لاي
 بكيان يهدفرتمكن اوله جنجوعن كيت (ص)
 مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَحُّبِهِمْ وَأَوْثَاقِهِمْ كَمَثَلِ
 الْجَسَدِ إِذَا شَتَّكَ عَضُوهُ تَدَاعَى لَهُ فِي سَائِرِ الْجَسَدِ
 بِالْحَمَى وَالسَّهَرِ « ارئين مثالي اورغ ۲ يغيرايان
 ايت فد بروكسيه بس دان بروكسيه ساينغ
 دانتارا ساتو دغن لايبن سئومقام سوات توبه افيل
 ساكية ساتو اعكوت نسچاي ملارته اي فد
 سكلين توبه دغن دم دان تادافه تيدور، ليه
 ترغ لاي مثالن سقرت سئورغ مسلمين تركنا ظالم
 اتو مندافه سوسه دسيغانورا مك اومة مسلمين
 دسرات سمنجوع اين كلوه كسه فراس انصاف دان
 بوسفكوه ۲ منتوه ييلا اتو منولغ سوداران ايت .
 داتلاكي دافته جوا مرونديشكن لئسكه يفتاوة
 دابيل دان دجالسكن بكيان چارا ۲ هندق
 مشمشكن سكل اجران دان ديديتن اكام اسلام
 دان مشافوسكن سكل اجران كاروه يهدبساكن
 كغد اكام . فنديقن اد بايق لاكي لئسكه ۲ يغم واجب
 دانس مجلس ايت ممتول دان مناجسكن جالن ۲ .
 كيت منوعسك دغن گيرغ سوافكه
 اگتن درفد درفد كتوا ۲ اكام دان علماء ۲ .
 كيت يهاد دسمنجوع نانه ملايو ملواركن
 جفونن كران توجوان يفترسبوه جهوا كيت
 هارف تيدق كيران يفتك يغم كيت هندق
 شاهر ايتيق برغ . تيدق سكال ۱۲ جهكن سماء ۲
 بروكندق مغممكن حديث نبي (ص) « الدال
 على الخير كفا عليه » ارئين اورعئغ منجوعكن كغد
 كسجسكن ايت ستماله جواسفرت اورعئغ مفر بو اتن .



menguatkan setengah akan setengahnya. Dan dapatlah menyatukan

perasaan berkasih-sayang dan memulihkan satu dengan lain

bagaimana yang diperintahkan oleh Junjungan kita (S.A.W.)

“mathalu al-mu’minīna fi tarāḥūmihim wa-tawaddu dihim kamathali

al-jasadi idhā ashtaka ‘udwun tadā’ā lahu fi sā’ir al-jasadi

bi al-ḥummā wa al-saḥar” ertinya misalan orang-orang yang beriman

itu pada berkasihan belas dan berkasih-sayang

di antara satu dengan lainnya seumpama suatu tubuh, apabila

sakit satu anggota nescaya melaratlah ia pada

sekalian tubuh dengan demam dan tak dapat tidur, lebih

terang lagi misalan seperti seorang Muslimin terkena zalim

atau mendapat susah di Singapura maka umat Muslimin

di serata Semenanjung ini keluh-kesah berasa insaf dan

bersungguh-sungguh menuntut bela atau menolong saudaranya itu.

Dan lagi dapatlah juga merundingkan langkah yang patut

diambil dan dijalankan bagaimana cara-cara hendak

mengembangkan segala ajaran dan didikan agama Islam

dan menghapuskan segala ajaran karut dibangsakan

kepada agama. Pendeknya ada banyak lagi langkah-langkah yang wajib

di atas majlis itu membetul dan menajakan jalan-jalannya.

Kita menunggu dengan girang siapakah

agaknya daripada¹ daripada ketua-ketua agama dan ulama-ulama

kita yang ada di Semenanjung Tanah Melayu mengeluarkan

jempunan kerana tujuan yang tersebut. Bahawa kita

berharap tidak kiranya menyangka yang kita hendak

mengajar itik berenang. Tidak sekali-kali bahkan semata-mata

berkehendak mengamalkan hadis Nabi (S.A.W.) *“al-Dāllu*

‘alā al-khayri ka fā’ilihi” ertinya orang yang menunjukkan kepada

kebaikan itu samalah jua seperti orang yang memperbuatnya.

Gemala Hikmah

47. Rahsia kamu itu darah kamu.
48. Pemerintah yang tiada adil itu seperti sungai yang kontang.
49. Pemerintah yang zalim itu terlebih baik daripada fitnah yang berkekalan.
50. Ketua yang tiada maurah² itu seperti raja yang tiada bertentera.
51. Seorang yang tiada beradab seperti tubuh yang tiada bernyawa.
52. Sejaht-jahat manusia itu ialah orang yang tiada hirau kepada orang yang memandang kejahatanannya.
53. Sabar daripada yang diharamkan Allah itu terlebih ringan daripada sabarkan azab-Nya.
54. Sabar itu anak kunci keluasan.
55. Gopoh-gapah itu anak kunci kesesalan.
56. Membetulkan rakyat itu terlebih berfaedah daripada membanyakkan tentera.
57. Sepayah-payah atas manusia itu ialah mengetahui akan dirinya.
58. Taatkan lidah itu sesal.
59. Memanjangkan lidah itu memendekkan ajal.
60. Taatkan pemerintah itu mengekalkan kemuliaan.
61. Memanjangkan *tajribah* itu menambahkan akal.
62. Tergelincir kaki itu terlebih sejahtera daripada terlanjur kata.
63. Orang yang menzahirkan nista itu terlebih baik daripada orang yang menyembunyikan hasad.
64. Ibu angkat yang kasih-sayang itu terlebih baik daripada ibu benar yang benci atau jemu.

¹ Perkataan berulang dua kali

² Perkataan sebenar adalah maruah

فالتونکه قوم فرمفوان دبریه فلواغ منجمفوري فکر جان قوم لاکي ۱۱۲

(اوله مخالب)

ایت منوره بایک تدبیر دان ترتیب منجانکن دان
مبشرناکنش .



سلاین درفد فکر جان بقاوتام ایت تادی مک
ابلقله جوک قوم فرمفوان ایت مندلمکن لاخي
فقموانن دان دبري فلواغ منبیشکن فلاجرانن
بهنکن سکل اوسها دات تناک فرمفوان ایت
واجب دتموکن کغد فکر جان منبانی لبشکوخن
فرگاولن جنیس قوم لمه لمبوه .

کاکت أهل ۲ فیکران دان فندبعا ۲ دیدیقنن
دان اسوهن بایت « هندقله فرمفوان ایت بلاجر
چارا بگیان ای بوله منجادی سنورخ ایبو یغ
سینر ۳ بایت دغن جانن فملاجرای فر یحال طبیعه
کجادین دبرین سندری سفوت علم متهوی
بنقو توبه بادن دان سکل اشکوت (انانوی) دان
علم کصیحجانن سرت برهشکوه ۲ فول مشعبیل دان
میسق اکن سکل رهسیاکیان علم دیدیقنن دان
مماسوه کانق ۲ دان علم تدبیر رومبشک دغن قائده
یغ تراورن دان ترتیب « سقای دافه دفر بایقی
بنقو بادن دان اداب-وفن انق ۲ کیت دالم دیواس
یفا کندانغ بایت دیواس کردهیکان کیت یغ
قنوه کلق سراتس فرانس جنکلو تیدق لمهله بنقو
روحانی دان جسمانی کزوبن بقسا کیت کران کشف
مر یکشیتوله هارافن بقسا کیت یفا کندانغ
قوم فرمفوان بایق لاقنن فرخدما تن یغ بوله
دکر جانن دالم لبشکوخن رومبشکان اساکن
فرمفوان ۲ ایت مشعبیل تمقنن ماسیم ۲ دان دالم
فرگاولن سسام فرمفوانن سجاج دان فکر جانن

قوم فرمفوان دالم مشرکه فرگاولن سهاری ۲
اد ممویای تفکوخن بقامه لواس دان کواجینن
بقاوتام درفد بقلاینن بایت باکی بشکلکن کجادین
جنیس مانسی بهکن سوات فرکارا یغ تادافه قوم
لاکي ۲ منربوایه دمکین کران بولاینن بیذا بنقو
کجادین توبه بادن فرمفوان جسمانی دان روحانین
بایت مستحیل یوله ددافاتی فرسمان داننارا دوا
جنیس کجادین ایت سکالیقون دغن جانن دبوایه ۲
اتو دتیرو ۲ ؟

فکر جان یغ کیت مقصودکن دسینی ایله
فکر جان یغ ترتتو کغد دبري فرمفوان سجاج کران
اد فوهو یغن یغ امه بسر دغن فر یحال کجادین
فرمفوان بایت مشندوشی ببراغ فر یشکه ، دالم
تیف ۲ فر یشکه ایت ماسیم ۲ اد کواسن ۶ سبب ۲
دان اد فول مرهیان ۶ دسین مدای کیت بو تیر کن
اف دی کواجینن بقاوتام ایت دانن اصلی کغد
فرمفوان منوره طبیعه سمولا جادین بوکن تیروان ۶ ۱۲
بایت سفوت مشندوخ ۶ بوسالین، میوسو انق دان
مماسوهن مک بارغسیان یغ ملبدیق دان پیاسه
دغن نلیتی انس تیف ۲ کجادین نسچای پات کفدان
ببوا اداله تیف ۲ کجادین ایت اد ممویای فکر جانن
سندیری دان حکمه دجادیکندی شهک هام
یغ کیت تیدق غنق ملینکن دغن تروفوخ فبسر
(تیلوسکو) ایقونن اد فکر جانن ۶ هان سان نایده
سسوات ایت منبانی بایک بورقن دان کلینن
سرت کسفر تان سواتو فرکارا ایت منوره کجادین
اهلن دان ماجو سرت برجای فکر جانن سنورخ




Patutkah kaum perempuan diberi peluang mencampuri pekerjaan kaum laki-laki!!

 (oleh Mukhalib)

Kaum perempuan dalam masyarakat pergaulan sehari-hari ada mempunyai tanggungan yang amat luas dan kewajipan yang utama daripada yang lainnya iaitu bagi mengekalkan kejadian jenis manusia bahkan suatu perkara yang tak dapat kaum laki-laki memperbuat demikian kerana berlainan beza bentuk kejadian tubuh badan perempuan jasmani dan rohaninya iaitu mustahil boleh didapati persamaan di antara dua jenis kejadian itu sekalipun dengan jalan dibuat-buat atau ditiru-tiru?

Pekerjaan yang kita maksudkan di sini ialah pekerjaan yang tertentu kepada diri perempuan sahaja kerana ada perhubungan yang amat besar dengan perihal kejadian perempuan iaitu mengandungi beberapa peringkat, dalam tiap-tiap peringkat itu masing-masing ada kuasanya, sebab-sebabnya dan ada pula mara bahayanya, di sini memadai kita butirkan apa dia kewajipan yang utama itu dan asli kepada perempuan menurut tabiat semulajadinya bukan tiru-tiruan!, iaitu seperti mengandung, bersalin, menyusui anak dan mengasuhnya maka barangsiapa yang menyelidik dan menyiasat dengan teliti atas tiap-tiap kejadian nescaya nyata kepadanya bahawa adalah tiap-tiap kejadian itu ada mempunyai pekerjaan sendiri dan hikmah dijadikan dia sehingga hama yang kita tidak nampak melainkan dengan teropong pembesar (*telescope*) itu pun ada pekerjaannya, hanyasanya faedah sesuatu itu mengenai baik buruknya dan kelebihan serta kesempurnaan satu-satu perkara itu menurut kejadian asalnya dan maju serta berjaya pekerjaan seseorang

itu menurut baik tadbir dan tertib menjalankan dan menyempurnakannya.

Selain daripada pekerjaan yang utama itu tadi maka eloklah juga kaum perempuan itu mendalami lagi pengetahuannya dan diberi peluang meninggikan pelajarannya bahkan segala usaha dan tenaga perempuan itu wajib ditumpukan kepada pekerjaan mengenai lingkungan pergaulan jenis kaum lemah-lembut.

 سشک دان نهریتکن فراسان یقتیاد بایک، ترکارغ ۲
 بوله جادی بمبوا کفد طبعه بمسر کن دیری اتو
 دگیل، نغکل ایت نیاد دافه دهیلکن لایق.
 دانلاکی نیاد سیکیان انق ۲ ایت سلالو دفوکل
 کران فوکل ایت تیدق بهری گون کران ترکارغ
 تیدق سریق ای دغن فوکل ایت، تنافی یغلبه
 برکون دیباسکندی فراسان هوا کسلاهن ایت
 اکن مندافه بالاسن یقتیاد بایک، دان فریواتن
 اتو کلاکوان بایک ایت اکن مندافه بالاسن یغ
 بایک، مداله دچلا دغن فرکتان اتس کرج یغ
 جاهه دان دفوجی اتس فکرجان دان کلاکوان
 یسایک.

اداله سوات درفد یسواج دایغاتی برکنان
 دغن حال کچرماتن واغ دویبه، کران فراغی بوروس
 ایت مروسکن فرجلان هیدوف، دمکین جوگک
 مگش بندا یغبرکون ایت اد برفای فائده ددالمق.
 اکدیتنافی بو کتله دغن توجوان برکهندق سنورغ
 ایت جادی بخیل دان کیسکیر بهکن یسبیرن
 بو کهندق میخادیکن سنورغ ایت ددالم حال
 یغ سدوهان.




kedukaan apabila didapati ia membuat sesuatu pekerjaan yang aib dan jahat maka patutlah dipelihara anak-anak itu daripada perkara yang menyebabkan sedih hatinya kerana iaitu boleh merosakkan perasaannya. Mendatangkan perkara-perkara menyukakan hatinya terlebih baik mengadakan dia tahu akan kasih ibu bapanya.

Tapak kedudukan hal membela dan mendidik anak-anak itu adalah ia suatu hal yang sukar kepada kedua ibu bapa kerana kalau terlampau tegang memberi keaiban kepada anak-anak nescaya menjadikan dia jahat sangka dan menerbitkan perasaan yang tiada baik, terkadang-kadang boleh jadi membawa kepada tabiat membesarkan diri atau degil, tatkala itu tiada dapat dihilangkan lagi. Dan lagi tiada seyogianya anak-anak itu selalu dipukul kerana pukul itu tidak memberi guna kerana terkadang tidak serik ia dengan pukulan itu. Tetapi yang lebih berguna dibiasakan dia berperasaan bahawa kesalahan itu akan mendapat balasan yang tiada baik. Dan perbuatan atau kelakuan baik itu akan mendapat balasan yang baik. Memadalah dicela dengan perkataan atas kerja yang jahat dan dipuji atas pekerjaan dan kelakuan yang baik.

Adalah suatu daripada yang wajib diingati berkenaan dengan hal kehormatan wang duit, kerana perangai boros itu merosakkan perjalanan hidup, demikian juga memegang benda yang berguna itu ada beberapa faedah di dalamnya. Akan tetapi bukanlah dengan tujuan berkehendak seorang itu jadi bakhil dan kikir bahkan yang sebenarnya berkehendak menjadikan seseorang itu di dalam hal yang sederhana.

Setengah daripada jalan percubaan yang mujarab pada menyeksakan kanak-kanak ditahan akan dia daripada makan berlauk atau daripada makan gula kerana iaitu suatu seksa yang boleh memberi bekas pada kanak-kanak. Tetapi setengah pendeta tiada bersetuju dengan perbuatan seksa yang seperti itu, bahkan yang patut seksa itu menurut munasabah kesalahan dan dosa kanak-kanak itu. Kanak itu tidak patut diseksa akan dia melainkan jika ia membuat kesalahan dengan sahaja. Adapun dengan sebab tidak sengaja umpama pecah pinggan yang dibawanya sebab tergelincir kaki atau jatuh maka bolehlah diingatkan yang dia cuai dan tidak cermat. Sekiranya didapati suatu perangai yang jahat bagi kanak-kanak hingga tiada memberi bekas jalan-jalan dan ikhtiar yang betul hendak membaiki tiada juga boleh jadi baik telah nampaklah kanak-kanak itu tidak layak menerima didikan ibu bapanya. Maka sebaik-baiknya ditumpangkan dia dalam jagaan sahabat-sahabatnya supaya ia dapat perasaan dirinya tidak bebas, barangkali dengan jalan ini ia boleh menarik balik perangai yang jahat itu dan dapat perasaan bandingan bagaimana besar nikmat kesenangan yang telah dirasanya di dalam masa duduk bersama-sama dengan ibu bapanya.

(bersambung)



تفسير القرآن

(اوله عبي)

بغ ممشوبأى توجوان اٲو ساموان بغ مبادوا كفد
كجائوهن دان بناس سفرت سفنه راج ٢ بدهولو
كلاء، كران نيف ٢ اورغيم مميٲين قوم كفد فركارا
بغ نيدق مبيگيا كدين هفك نزاريق كفد
سفارا سام او دنيا سفرت جادي همب داب
سباگين اٲو داخرة دغن ماسق نزاله سده تنتو
فهبق فيبقو دان نيو كفن بولفس ديري درفدان
دان اخرن ميسل قول سكلين فقيسكوة ٢٠ انس
ايكون بغ مبادوا كونو ايت ٠ ايله سوات سروان
بغ مواجيكن اداٲن مجلس مشواره اٲو دكتاكن
فرلانك درالم اسلام ٠ كران دغن سمات ٢ فيمٲين
سئورغ - هاج نيدق اكن بوكون كفد مانسي دالم
دنياه دان داخرة كرف كالي مبادوا اورغ راهي
كفد ترچور كدالم كهينان دان تركاوغ كفد
تومفه داره ٠

بارعدايقه: دغن ترغ پتاله دسبني اسلام ايت
ايله اكام بهرداسر كشد علم فقهوان دان تباغن
ترديري دري تبليق فيسكران عقل، منكل اتف
دان دنديقن، مندوشي حكمة ٠ درأيت بارغنياف
مبادوا سوات فكريجان اٲو مكنوناكن فيسكران
اورغ فاكي ايكوة هاج اورغ ايت اكن سسة،
اخرن برفورق فرلما دان برفجه بله بوئوده ٢ اتارا
ساتودغن بهلاين ٠ كبايقسكن مانسي ابن تولي دالم
فرگاولن هيدوفن نيدق مدشر سروان فرآن دان
بوت نيدق تردي هندق مندافة فرتنجوق كد
بهزبر ٠ مك افبيل دكتاكن كفد مريكيت:

فرمان الله تعالى دالم سورة البقرة «وَإِذَا
قِيلَ لَهُمْ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ
مَا آفَيْنَا عَلَيْهِ آبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ
شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ» ارتٲن دان افبيل دكتاكن
كفد مريكيت (مانسي): ايكوتله اف ٢ فرنمه
بدهتورنكن اوله الله (سروان نبي (ص) كفد
برامان دان مبيكوة قرآن) جواب مريكيت:
بهكن كلامي مبيكوة اف ٢ لشكه يفته دجالنكن
اوله باف ٢ كاني - لشكه دوشون؟ اداكه مريك
مبيكوة جوك لشكه ايت مسكيفون باف ٢٠
ايت نيدق مفرقي دان نيدق فهم اكن سوات
دربحال اكام دان ترالينچوغ درفد جالن بقتول؟
آية ابن كدين درفد آية «وَمِنَ النَّاسِ
مَنْ يَتَّبِعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَلِدَادَ يُحِبُّوهُمْ
كَحُبِّ اللَّهِ» دان سفنه درفد مانسي اد اورغيم
مجاد يكن لابين درفد الله ايت تولن دان كتوان
(برهالا دان كتوا ٢) بده كاسهين سفرت
كاسهين الله ٠

مك بده دكتاكن مانسي ايت عام (ترماسوقله
سبارغ روف جنس مانسي دري اف بشا دان اف
اكام سام اد اورغ مشركين اٲو يهودي اٲو فون
اورغ بغ مبيكوة سوات فركارا دغن بوت تولي) ٠
آية بغ سفرت ابن سفنه درفد آية ٢ بغ
مماسوقسكن كفد مانسي فراسان موره چليه دان
ليار درفد برطاعة دغن بوت تولي كشد كتوا ٢٠





Tafsir Qur'an



(Oleh Ubay)

Firman Allah Ta'ālā di dalam sūrah al-Baqarah "*Wa idhā qāla lahumu 'tabi'ū mā anzala Allāhu qālū bal natta'ibū mā alfa'aynā 'alayhi ābā'anā awalaw kāna ābā'uhum lā ya'qitūna shay'an wa la yahtadūn*"¹ artinya "Dan apabila dikatakan kepada mereka itu (manusia): Ikutlah apa-apa perintah yang diturunkan oleh Allah (seruan Nabi (S.A.W.) kepada beriman dan mengikut Qur'an) jawab mereka itu: Bahkan kami mengikut apa-apa langkah yang telah dijalankan oleh bapa-bapa kami – alangkah dungunya! Adakah mereka mengikut juga langkah itu meskipun bapa-bapanya itu tidak mengerti dan tidak faham akan suatu darihal agama dan terpelencong daripada jalan yang betul?"

Ayat ini kemudian daripada ayat "*Wa mina al-nāsi man yattakidhu min dūni Allāh andādan yuhibbūnahum ka hubbi Allāh*"² "Dan setengah daripada manusia ada orang yang menjadikan lain daripada Allah itu taulan dan ketuanan (berhala-hala dan ketua-ketua) yang dikasihinya seperti kasihkan Allah."

Maka yang dikatakan manusia itu am (termasuklah sebarang rupa jenis manusia dari apa bangsa dan apa agama sama ada orang musyrikin atau Yahudi atau pun orang-orang yang mengikut sesuatu perkara dengan buta tuli).

Ayat yang seperti ini setengah daripada ayat-ayat yang memasukkan kepada manusia perasaan menyuruh celih dan liar daripada bertaat dengan buta tuli kepada ketua-ketua

yang mempunyai tujuan atau sasaran yang membawa kepada kejatuhan dan binasa seperti setengah raja-raja yang dahulu kala, kerana tiap-tiap orang yang memimpin kaum kepada perkara yang tidak seyogya kemudian hingga tertarik kepada sengsara sama ada di dunia seperti jadi hamba dan sebagainya atau di akhirat dengan masuk neraka, sudah tentu pihak pembantu dan penyokongnya berlepas diri daripadanya dan akhirnya menyesal pula sekalian pengikut-pengikutnya atas ikutan yang secara kuno itu. Inilah suatu seruan yang mewajibkan adanya majlis mesyuarat atau dikatakan parlimen di dalam Islam. Kerana dengan semata-mata pimpinan seorang sahaja tidak akan berguna kepada manusia dalam dunia, dan di akhirat kerap kali membawa orang ramai kepada tercebur ke dalam kehinaan dan terkadang kepada tumpah darah.

Barang diingat: dengan terang nyatalah di sini Islam itu ialah agama yang berdasar kepada ilmu pengetahuan dan tiangnya terdiri dari tilik fikiran akal, manakala atap dan dindingnya mengandungi hikmah. Dari itu barangsiapa membuat sesuatu pekerjaan atau menggunakan fikiran orang pakai ikut sahaja orang itu akan susah, akhirnya berporak-peranda dan berpecah-belah bertuduh-tuduh antara satu dengan yang lain. Kebanyakan manusia ini tuli di dalam pergaulan hidupnya tidak mendengar seruan Qur'an dan buta tidak terdaya hendak mendapat pertunjuk kepada yang benar. Maka apabila dikatakan kepada mereka itu:

¹ Sūrah al-Baqarah ayat 170.

² Sūrah al-Baqarah ayat 165.

آخرن كدوا ۲۱. فیهق ترجبور كدالم عذاب نراك
 نتافی كیت جاعن لوف اخره ایتوله بواه اتو جاس
 سوارا ددنیا کران دنیا تله مننچوكن تولادن
 اف لئكه اخره ایت سبگان بئ كیت تله لیهه
 فد هاری ابن كدوا ۲۱ فیهق ایت تله ملاكونكن
 دغن سجالس ۲ لاكونن فرمان الله تالی « وَمَنْ كَانَ
 فِي هَذِهِ اَعْمَى فَبُو فِي الْاٰخِرَةِ اَعْمَى » ارتن
 دان بارغسیاف ددنیا این بوت مك وآخرة كئی
 بوت جوگ . مك بوت بقد كهندهكئی دستي ایله
 بوت هاتی بوكن بوت مات بگیان تله دترشكن
 اوله آیه بعلاین سكرهآن فریحال اخره ایت تیدق
 نیجادی تولادن كشد حال دنیا مساكن توهن
 بركات بوت دنیا ایت برکن وآخرة .

انس هوراین بئ ریشكس این توهن تله
 میلسكن فگاغن اسلام دغن فرچای اتو مشیكوه
 سجارا ستولوی ایت اتو سمات ۲ ای جادی فآتوره
 ایت بوكنله داصر اسلام بئ سبترن .

ادقون بهاگین مانسی يشكدوا درفد فهامن
 آیه این توهن تله مواجبكن سكل فركارا ایت
 دغن مشواره ادان دان مواجبكن مانسی كیالی
 كشد قرأت . مك ددالم مجلس مشواره ایتوله
 تر كندوخ اهل الخال والعقد درفد فواق اورعككی
 اتو قوم مودل دغن اورغ مسكین قوم فر كولین
 جادی بروكسیه صایغ انقاراساتو دغن بعلاین
 سبگان تله فرنه بولا كو فد زماط سیدنا عمر
 (رضی الله عنه) دسناله مرلیك بمیکبر کن انداغ ۲ بئ
 قاتوره دان سوامی دغن مصلحه رای دان كاهوان
 رای . كیت اد نبی دان كیت اد دكرتیا کن توهن
 عقله كیت اد تلیقا دان مات مك واجبله كیت
 ملیهفر کن سكل ایكونن بشوت تولی .

هندقله كامو تبايق دغن مفكوناكن عقل دان
 فیکران كامو دان ایكوه اف یغدفرنتهنك اوله
 الله تروس دجوانن : كامی تیدق بوله اوبه دان
 مستی مشیكوه اف ۲ فونته دك كرق لئكه باق ۲
 كامی . فد حال باق ۲ دان دائو ۲ نینقن ایت تیدق
 فهم دانست تیدق شرقی بارغیغ بئر . مانسی ایت
 حكمن مانقی دغن سبب ترفو جاهل دان ككوراغن علی .
 شهدان حك دفتدغ كادان مانسی این بولله
 دربركسكس كشد دوا بهاگی : بقشورتام فواق بئ
 لیک مشیكوه شهوة كایغینن نفسو بر فوراً
 تیدق نغق دربحال مصلحه عام دان تیدق عمدوكن
 أمة دان اورغ رنمی ملیكن کران اتوو فاندھ بئ
 كیالی كشد دریغ ، درایت سلالو ددافاتی بواق
 بايق درفد بفسا ددالم دنیا این مپوهه دان مشولغ
 فر كتآن : مردھبك ، سامرات دان كمدایل بئ اخرن
 فر كتآن ۲ ایت بمباوا كشد مھیدوكن بفسان
 سندیری دغن مغربكن بفسا بئ ضعیف دان له .
 ادقون فیهق مشجور أمة قول تیدقله سوبی
 حالن درفد كرق لئكه بئ فغه دلوار دان رینچوغ
 درالم اتو مپیداكن دار ۲ بئ كیالی فاندھن كشد
 سوات فواق بئ خاص ، مسكیفون فیهق بھرامی
 متھكوخ كچیوا ، سوسه فایه دان سسه جالنه مك
 دلاین بھیات بوله ددافاتی درفد فرمان الله تالی :
 « وَقَالُوا رَبَّنَا اِنَّا اَصْحَابُ سَادَاتِنَا وَاَنْتَا فَاضْلُوْنَا
 السَّيِّئَاتِ » بركات فواق مشیكوه اتو فواق بئ له : هی
 توهن مشكین كامی تله طاعة كن كدوا ۲ دان اورغ ۲
 بسر اتو فغشجور كامی تیبنا مریکتیت تله مپسكن
 كامی . آیه این سكاپتون مغربكن حال كادان
 مانسی وآخرة كئی دسان مرلیك بركاوه برونده ۲
 انقارا فیهق بئ مشیكوه دغن فیهق بقدايكوه



hendaklah kamu tilik dengan menggunakan akal dan fikiran kamu dan ikut apa yang diperintahkan oleh Allah terus dijawabnya: kami tidak boleh ubah dan mesti mengikut apa-apa perintah dan gerak langkah bapa-bapa kami. Padahal bapa-bapa dan datuk neneknya itu tidak faham dan tidak mengerti barang yang benar. Manusia itu hukumannya mati dengan sebab terlampau jahil dan kekurangan ilmu.

Syahadan jika dipandang keadaan manusia ini bolehlah diringkaskan kepada dua bahagi: yang pertama puak yang leka mengikut syahwat keinginan nafsunya, berpura-pura tidak nampak darihal maslahat am dan tidak memandukan umat dan orang ramai melainkan kerana untuk faedah yang kembali kepada diri, dari itu selalu didapati berapa banyak daripada bangsa-bangsa di dalam dunia ini menyebut dan mengulang perkataan: merdeheka, sama rata dan keadilan yang akhirnya perkataan-perkataan itu membawa kepada menghidupkan bangsanya sendiri dengan meringankan bangsa-bangsa yang daif dan lemah.

Adapun pihak penganjur umat pula tidaklah sunyi halnya daripada gerak-langkah yang tepat di luar dan rencong di dalam, atau menyediakan dasar-dasar yang kembali faedahnya kepada suatu puak yang khas, meskipun pihak yang ramai menanggung kecewa, susah-payah dan sesat jalan, maka dalilnya yang nyata boleh didapati daripada firman Allah Ta'ālā: *"Wa qālū rabbanā innā ata nā sādatanā wa kubarā anā fa'adallinā al-sabīla"*³ "Berkata puak pengikut atau puak yang lemah: Hai Tuhan sesungguhnya kami telah taat akan ketua-ketua dan orang-orang besar atau penganjur kami tiba-tiba merka itu telah menyesatkan kami." Ayat ini sekalipun memperikan hal keadaan manusia di akhirat kelak di sana mereka bergaduh bertuduh-tuduh antara pihak yang mengikut dengan pihak yang diikuti

akhirnya kedua-dua pihak tercebur ke dalam azab neraka tetapi kita jangan lupa akhirat itulah buah atau jasa suara di dunia kerana dunia telah menunjukkan tauladan apa langkah akhirat itu sebagaimana yang kita telah lihat pada hari ini kedua-dua pihak itu telah melakukan dengan sejelas-jelas lakonan firman Allah Ta'ālā *"Wa man kāna fī hādhihi 'a'mā fahuwa fī al-ākhirati 'a'mā"* artinya "Dan barangsiapa di dunia ini buta mata di akhirat kelak buta juga." Maka buta yang dikehendaki di sini ialah buta hati bukan buta mata bagaimana telah diterangkan oleh ayat yang lain sekiranya perihal akhirat itu tidak menjadi tauladan kepada hal dunia masakan Tuhan berkata buta dunia itu berkesan di akhirat.

Atas huraian yang ringkas ini Tuhan telah menjelaskan pegangan Islam dengan percaya atau mengikut secara setelo ia itu atau semata-mata ia menjadi pak turut itu bukanlah dasar Islam yang sebenarnya.

Adapun bahagian manusia yang kedua daripada fahaman ayat ini Tuhan telah mewajibkan segala perkara itu dengan mesyuarat adanya dan mewajibkan manusia kembali kepada Qur'an. Maka di dalam majlis mesyuarat itulah terkandung *ahlu al-hāli wa al-'aqdi* daripada puak orang kaya atau kaum modal dengan orang miskin kaum perkulian jadi berkasih-sayang antara satu dengan yang lain sebagaimana telah pernah berlaku pada zaman Saiyidina Umar (*radiya Allahu 'anhu*). Di sanalah mereka memikirkan undang-undang yang patut dan sesuai dengan maslahat raya dan kemahuan ramai. Kita ada Nabi dan kita ada dikurniakan Tuhan akal, kita ada telinga dan mata maka wajiblah kita melemparkan segala ikutan yang buta tuli.

³ Sūrah al-Ahzāb ayat 67.

⁴ Sūrah al-Isrā' ayat 72.

عصري دغن فرمقوان موردن

(اوله سيد محمد العيدروس)

سنورخ سوداگر نمان عبدالرحمن، اد سنورخ استري نمان صالحه دان اد سنورخ اتق نمان عصري عمر ليه كورخ 2 تاهن . دغن تقدير الله سبحانه وتعالى مانيله صالحه ايت، بقدمسكين بسلره كدوكان عبدالرحمن اوله كپيلاغن استري پشربقي دان بشاعته دكاسين ايت . دغن سبب ايت سماو هرت بندا دجوال اوله عبدالرحمن دان دخيرا اكنن كغد بر باكي 2 كچيكن . مك ايفون اوندور كدالم هوتن دودق دالم سيواه فوندوه بربووه عبادت كغد الله سوت مشاجر دان منديديق اتقن عصري دالم فركارا اكم دان كاجوان . قد ماس عصري تله بر عمر 18 تاهن بهاروله دباوان ملاوه بندر بنغ سيبوه دغن بر باكي 2 حال، مك عصري فون ترسانته حيرات ملهيه سكل كابلوقن بندر دان باغون بنغ چتقيق 2 دان حال 2 راي بنغ سيبوه دغن كرينا 2 . اكننتافي بنغ ليه مناريق هاتن ايله فرمقوان موردن پشبر كيليار دسرات 2 بندر دان روبه ماكن دان برقمين تاغن دغن لايكي 2 مودا سئومشان، يارغكالي ايله دغن سبب ناريقن طبعه كجادين . انسي يقتياد تر كچوالي سنورخ فون مابنكن مرلك يشدقليا ران اوله الله سهاج . اوله قوه ساعه تاريقن ايت بر كتاله كغدشان : واهي ايهكو؟ نيدقكه اينندا هندق مبري اتق فلواغ بر جانن بر ساه 2 دغن فرمقوان 2 دالم سميتارا كيت براد دبندر اين؟ جواب عبدالرحمن : جاشن اتقكو

برچينا 2 هندق براهه دغن فرمقوان موردن ايت كران اهي اكنن مناريق كامو كغد كچيلاكان ميدون دنيا دان آخرة . ننتي ايه چار بيكن سنورخ فرمقوان پشبر صفة بگيان بقدمسيداكن اوله جنجوعن كيت حلي الله عليه وسلم : خير النساء امرأة ان نظرت اليها سرتك وان امرتها اطاعتك وان غيب عنها حفتك في مالك ونفسها ارتن سبابك 2 فرمقوان ايت ايله فرمقوان بنغ جييك كامو لهيه ا كندي نسچاي ميو كاكن هاتي كامو دان جييك كامو سوره نسچاي طاعة اي مشرجا كغن دان جييك كامو تباد درومه نسچاي دجكان هرت بندا كامو دان ديريبن .

واهي اتقكو فرمقوان ايله يشوله منولغ كامو قد ميشيكن سكل كهندق 2 كامو دنيا دان آخرة ادان .

-----:0:-----

فر تشاركن دوا اورغ قندي

كات سنورخ قندبت كغد تولنن اكو تله باير 20 - بين هرگ ايكن اين . كات سنورخ قول همب فون بوله بمباير بگيان هرگ يقتهله توان باير ايت تنافي همب نياد بر كهندق . جواب يشتر نام كلو بگيتو ننتوله توان برفيكر بنغ همب ساعه سو كاكن ايكن بو كر؟ تنافي هندقه توان كتهوي بنغ ساييه برفيكر توان ساعه سو كاكن واغ؟ دمكينله تيف 2 اف بنغ كيت سوك جاعنله كيت سقك اورغ لاي فون سوك، دمكين جوا عكسن . اوله شيخ منصور بن احمد :



Asri dengan Perempuan Morden¹

(oleh Syed Muhammad al-Edrus)

Seorang saudagar namanya Abdul Rahman, ada seorang isteri namanya Solehah dan ada seorang anak namanya Asri berumur lebih kurang 2 tahun. Dengan takdir Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* matilah Solehah itu, yang demikian besarlah kedukaan Abdul Rahman oleh kehilangan isteri yang berbakti dan yang sangat dikasihinya itu. Dengan sebab itu semua harta benda dijual oleh Abdul Rahman dan dikhairatkannya kepada berbagai-bagai kebajikan. Maka iapun undur ke dalam hutan duduk dalam sebuah pondok berbuat ibadah kepada Allah serta mengajar dan mendidik anaknya Asri dalam perkara agama dan kemajuan. Pada masa Asri telah berumur 18 tahun baharulah dibawanya melawat bandar yang sibuk dengan berbagai-bagai hal, maka Asri pun tersangatlah hairan melihat segala keelokan bandar dan bangunan yang cantik-cantik dan jalan-jalan raya yang sibuk dengan kereta-kereta. Akan tetapi yang lebih menarik hatinya ialah perempuan morden² yang berkeliaran di serata-rata bandar dan rumah makan dan berpimpin tangan dengan laki-laki muda seumpamanya, barangkali ialah dengan sebab tarikan tabiat kejadian manusia yang tiada terkecuali seorang pun melainkan mereka yang dipelihara oleh Allah sahaja. Oleh kuat sangat tarikan itu berkatalah kepada bapanya: "Wahai ayahku! Tidakkah ayahanda hendak memberi anak peluang berjalan bersama-sama dengan perempuan-perempuan dalam sementara kita berada di bandar ini?" Jawab Abdul Rahman: "Jangan anakku

bercita-cita hendak berapat dengan perempuan morden³ itu kerana ia akan menarik kamu kepada kecelekaan hidup dunia dan akhirat. Nanti ayah carikan seorang perempuan yang bersifat bagaimana yang disabdakan oleh Junjungan kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*: "*Khayr al-nisā' i imra'atun in nazarta ilayhā sarratka wa in amartahā aṭā'atka wa in ghibta 'anhā hafzātka ft mālika wa nafsihā*" Ertinya "Sebaik-baik perempuan itu ialah perempuan yang jika kamu lihat akan dia nescaya menyukakan hati kamu dan jika kamu suruh nescaya taat ia mengerjakannya dan jika kamu tiada di rumah nescaya dijaganya harta benda kamu dan dirinya."

Wahai anakku perempuan inilah yang boleh menolong kamu pada menyampaikan segala kehendak-kehendak kamu dunia dan akhirat adanya.

Pertengkaran Dua Orang Pandai

Kata seorang pendeta kepada taulannya "Aku telah bayar 20 sen harga ikan ini." Kata seorang pula "Hamba pun boleh membayar bagaimana harga yang telah tuan bayar itu tetapi hamba tiada berkehendak." Jawab yang pertama "Kalau begitu tentulah tuan berfikir yang hamba sangat sukakan ikan bukan? Tetapi hendaklah tuan ketahui yang saya berfikir tuan sangat sukakan wang!"

Demikianlah tiap-tiap apa yang kita suka janganlah kita sangka orang lain pun suka, demikian jua 'aksunya. Oleh Syeikh Mansur bin Ahmad.

¹ Perkataan sebenarnya adalah moden

² Ibid.

³ Ibid.

« بهاس ملايو »

رغك كتاب « ليده ملايو » كاراغن الجوهرية ، دسيار كن باكي فأيده قباچ ۲
فرايدران تنافي تباد تربوك باكي فربحانن ملينكن شكل نكوران بڃ
مبنا بوله منوليس ثروس كغد فقارغن كبروف قباچة فلاجران جوهر .

فر بوائن فد ظاهرن مك بشـبـنن ايت ايله نام بڃ
جادي بويت كات بقتله دبواغكن علامتن بايت
« بڃ » تمباهن قول بودريه ايت تباد علامه بڃ
منجوقكن فر بوائن بايت ماس . مك فد فرمولان
كات ايت بوله جادي تركدين اي درفد بربقان
دغن شرط ورتان ايت نام تمغه سفرت دكات « ددالم
رومه ايت سي زيد » « دسي سي كامو ايت سي عمر »
دان سباگين . مك ددالم كتاب اگام كاراغن
چارا لام سلالو دهولو درفد فرمولان كات ايت
دهولو كتن دغن فركتان « بومول اتو بومول »
فدحال بومول اتو سهرمول ايت بوكنله اي منجادي
حرف بڃ منجوقكن فركتان بڃ كدين درفدان
ايت جادي فرمولان كات بھكن جادي فقواة باكي
فرمولان كات جوا . اكننتاني ددالم كاراغن چارا
بهارو قول دبويهن بومول اتو سهرمول ايت دهولو
درفد تيف ۲ فرمولان كات بڃ فد اول فصل
سهاج .

فرايغانن :-

- بومول نام عام ايت تباد بوله سكالني
منجادي فرمولان كات ملينكن دغن ايم شرط :-
- 1 . هندقله دهولو ي اوله حروف « تباد »
سفرت دكات « تباد اورغيغ بودري » .
 - 2 . اتو دهولو ي اكندي حرف سوال
سفرت دكات « اداكه اورغيغ بودري » .

(سمبوغن بيلاغن (2) تاهن فرتام)

(فصل بشكامة بلس)

(فرمولان كات دان ورت كات)

مك اداله « فرمولان كات دان ورت كات »
ايت كدوان درفد نام بھرسوسن منجادي سوات
جمله فرغكنكات بڃ سمفون معنى مقصودن سفرت
دكات « احمد ايت بڃ بودري » تنافي فد ليده دان
توليسن اورغ ملايو دبواغكن حروف « بڃ »
ايت ، جادي « احمد ايت بودري » دان تركادغ
حرف « ايت » بڃ منجوقكن نام بقترتنتو اينفون
دبواغكن جوگك هھكك جاديله احمد ايت برسندر
كغد بودري مك فد ظاهرن ستوله ۳ نام برسندر
كغد فر بوائن سفرت احمد بودري . مك اينله
بقتربه فيته فد فندغراب اورغ ملايو . مك
هوراينن :- احمد - نام خاص بقتله دبواغكن
حرف علامتن ، فرمولان كات .

بودري - بويت كات احمد بقتله دبواغكن
علامه بڃ منجوقكن كادان بويت كات بايت
« بڃ » كران هندق ميمتهكن كات .

مك بوله بولاكو فرمولان كات ايت نام
ظاھر سفرت مثال بھترسبوة دان بوله جوا گبتينام
سفرت دكات « اي ايت بڃ بودري » دان
سباگين . سفرت دكات « اي ايت بودري » .
فرايغانن : بيك سوات نام بھرسندر كن كغد



((Bahasa Melayu))

Rangka kitab ((Lidah Melayu)) karangan al-Johori, disiarkan bagi faedah pembaca-pembaca

Peredaran tetapi tiada terbuka bagi perbahasan melainkan segala teguran yang

membina boleh menulis terus kepada pengarangnya *Group Pejabat Pelajaran Johor*.

(Sambungan bilangan (2) tahun pertama)

(Fasal yang ke-empat belas)

(Permulaan kata dan warta kata)

Maka adalah "permulaan kata dan warta kata"

itu kedua-duanya daripada nama yang bersusun menjadi suatu jumlah perenggan kata yang sempurna makna maksudnya seperti dikata "Ahmad itu yang berdiri" tetapi pada lidah dan tulisan orang Melayu dibuangkannya huruf "yang" itu, jadi "Ahmad itu berdiri" dan terkadang huruf "itu" yang menunjukkan nama yang tertentu itu pun dibuangkan juga hingga jadilah Ahmad itu bersandar kepada berdiri maka pada zahirnya seolah-olah nama bersandar kepada perbuatan seperti Ahmad berdiri. Maka inilah yang terlebih petah pada pendengaran orang Melayu. Maka huraiannya: - Ahmad – nama khas yang telah dibuangkan huruf alamatnya, permulaan kata. Berdiri – berita kata Ahmad yang telah dibuangkan alamat yang menunjukkan keadaan berita kata iaitu "yang" kerana hendak memetahkan kata. Maka boleh berlaku permulaan kata itu nama zahir seperti misal yang tersebut dan boleh jua ganti nama seperti dikata "Ia itu yang berdiri" dan sebagainya. Seperti dikata "Ia itu berdiri". Peringatan: Jika suatu nama yang disandarkan kepada

perbuatan pada zahirnya maka yang sebenarnya itu ialah nama yang jadi berita kata yang telah dibuangkan alamatnya iaitu "yang" tambahan pula berdiri itu tiada alamat yang menunjukkan perbuatan iaitu masa. Maka pada permulaan kata itu boleh jadi terkemudian ia daripada beritanya dengan syarat wartanya itu nama tempat seperti dikata "Di dalam rumah itu si Zaid", "Di sisi kamu itu si Umar" dan sebagainya. Maka di dalam kitab agama karangan cara lama selalu dahulu daripada permulaan kata itu didahulukannya dengan perkataan "bermula atau sebermula" padahal bermula atau sebermula itu bukanlah ia menjadi huruf yang menunjukkan perkataan yang kemudian daripadanya itu jadi permulaan kata bahkan jadi penguat bagi permulaan kata jua. Akan tetapi di dalam karangan cara baharu pula di bubuhnya bermula atau sebermula itu dahulu daripada tiap-tiap permulaan kata yang pada awal fasal sahaja.

Peringatan:-

Bermula nama am itu tiada boleh sekali menjadi permulaan kata melainkan dengan lima syarat:-

1. Hendaklah didahului oleh huruf "tiada" seperti dikata "Tiada orang yang berdiri".
2. Atau didahului akan dia huruf soal seperti dikata "Adakah orang yang berdiri".

ذی القعدة 1365

* مجله فرایدان *

1946 اوقتنبر

1. زید - فرمولان کات یقترتام .
2. کبیغ - فرمولان کات یقشدوا .
3. ن - گنتینام یغ مېمبوغکن یغ کبالی کفد زید .
4. لاری - ورت کات یقشدوا . مک جمله فرملان کات یقشدوا دغن بریثان ایت جادی ورت کات یقترتام مک یغ مېمبوغکندی ایله گنتینام یغ کبالی کفد زید ایت .
- هبوا سوسنن کات یغ سئومغام این جارغ یز ددغر درفد لیده اورغ ۲ ملایو اتو فون فد تولیسن اورغ ملایو ملینکن ددالم کتتاب اگام کاراشن چارلام . اد فون سوسنن دالم مېناس ملایو یقترله قیتمن سقره دکات «کبیغ زید ایت لاری» .
- مک هوراین ایت :-
1. کبیغ - فرملان کات یقهرسندر ایی کفد زید یایت مننجوقکن نام یقترنتو .
2. زید - نام یقشدندرکن کفشدن کبیغ .
3. ایت - فننتو کات یغ مننجوقکن نام یقدهولو درفدان ایت نام خاص (معرفه) .
4. لاری - ورت کات یقترله دیواغکن حرورف علامتن یایت «یغ» دان سباکین دان ترکاوغ ۲ ورت کات درفد ساتو جمله فریوانن سقرت دکات «زید ایت تله بردیری یقان» مک هوراین ایت :-
1. زید - فرمولان کات .
2. ایت - فننتو کات یغ مننجوقکن زید یقترنتو .
3. تله بردیری - فریوانن سده
4. بان - یغ مسلاکوکن فریوانن بردیری .

3. هندقله نام عام ایت بروفه سقرت دکات «مب یقهرایمان ایت بابک» .
4. هندقله نام عام ایت بوسندر کفد نام یقلاین سقرت دکات «لیم مېمبوغ یقدهو فوضو کن الله تعالی» .
5. هندقله نام عام یقجادی فرملان کات ایت ورت کاتنن دسلاغی اوله حرف یغ مننجوقکن تمغه سرت نام تمغنن سکالی سقرت دکات دسیسی کامو اتو دکه کامو ایت اورغ اتو ددالم رومه ایت فرمقوان «دان سباکین مک هوراین :-
1. دسیسی کامو اتو دکت کامو ایت - نام تمغه یقهرسندرای کفد کامو یغ جادی ورت کات یقدهولو کن .
2. اورغ - فرملان کات یقده کدینکن .
3. ددالم - حرف یغ مننجوقکن تمغه .
4. رومه - ورت کات یقدهولو کن .
5. ایت - فننتو کات .
6. فرمقوان - فرملان کات یقده کدینکن .
- برمول ورت کات ایت ساتو سوکو کله یغ مېمغرناکن مقصود فرمولان کات کرات یایت حال بابکین دان ترکاوغ توغکل (بوسندیری) سفرة دکات «زید ایت بردیری» مک هوراین :-
1. زید - فرملان کات .
2. ایت - فننتو کات یغ مننجوقکن نام یقدهولو درفدان ایت نام یقترنتو یغ جادی فرمولان کات .
3. بردیری - ورت کات یقترله دیواغکن علامتن یایت «یغ» مک مقصود کیت دسینی ایله «بردیری» دان ترکاوغ ورت کات ایت درفد ساتو جمله کات سقرت دکات «زید کبیغ ایت لاری» مک هوراین :-



3. Hendaklah nama am itu bersifat seperti dikata

“Hamba yang beriman itu baik”.

4. Hendaklah nama am itu bersandar kepada nama yang lain seperti dikata “Lima sembahyang yang difardukan Allah Ta’āla”.

5. Hendaklah nama am yang jadi permulaan kata itu warta katanya diselangi oleh huruf yang menunjukkan tempat serta nama tematnya¹ sekali seperti dikata “Di sisi kamu” atau “Dekat kamu itu orang” atau “Di dalam rumah itu perempuan” dan sebagainya maka huraiannya:-

1. Di sisi kamu atau dekat kamu itu – nama tempat yang bersandar ia kepada kamu yang jadi warta kata yang didahulukan.

2. orang – permulaan kata yang dikemudiankan

3. di dalam – huruf yang menunjukkan tempat.

4. rumah – warta kata yang didahulukan.

5. itu – penentu kata.

6. perempuan – permulaan kata yang dikemudiankan.

Bermula warta kata itu satu suku kalimah yang menyempurnakan maksud permulaan kata kerana iaitu hal baginya dan terkadang tunggal (bersendiri) seperti dikata “Zaid itu berdiri” maka huraiannya:-

1. Zaid – permulaan kata

2. itu – penentu kata yang menunjukkan nama yang dahulu daripadanya itu nama yang tertentu yang jadi permulaan kata.

3. berdiri – warta kata yang telah dibuangkan alamatnya iaitu “yang” maka maksud kita di sini ialah “berdiri” dan terkadang warta kata itu daripada satu jumlah kata seperti dikata “Zaid kambingnya itu lari” maka huraiannya:-

1. Zaid – permulaan kata yang pertama.

2. kambing – permulaan kata yang kedua.

3. nya – ganti nama yang menyambungkan yang kembali kepada Zaid

4. lari – berita kata yang kedua. Maka jumlah permulaan kata yang kedua dengan beritanya itu jadi warta kata yang pertama. Maka yang menyambungkan dia ialah ganti nama yang kembali kepada Zaid itu.

Bahawa susunan kata yang seumpama ini jarang benar didengar daripada lidah orang-orang Melayu ataupun pada tulisan orang-orang Melayu melainkan di dalam kitab agama karangan cara lama. Adapun susunan dalam bahasa Melayu yang terlebih petahnyanya seperti dikata “Kambing Zaid ayat² lari”.

Maka huraiannya itu:-

1. Kambing – permulaan kata yang bersandar ia kepada Zaid iaitu menunjukkan nama yang tertentu.

2. Zaid – nama yang disandarkan kepadanya kambing.

3. itu – penentu kata yang menunjukkan nama yang dahulu daripadanya itu nama khas (*ma’rifah*).

4. lari – berita kata yang telah dibuangkan huruf alamatnya iaitu “yang” dan sebagainya dan terkadang-kadang warta kata daripada satu jumlah perbuatan seperti dikata “Zaid itu telah berdiri bapanya”. Maka huraiannya itu:-

1. Zaid – permulaan kata.

2. itu – penentu kata yang menunjukkan Zaid yang tertentu

3. telah berdiri – perbuatan sudah.

4. bapa - yang melakukan perbuatan berdiri.³

¹ Perkataan sebenar adalah tempatnya

² Perkataan sebenarnya adalah itu.

³ Bersambung di mukasurat seterusnya.

« مندبدیق کصحاتن انق ۲ »

اوله کنی لوغ جوهر

کصحاتن ایت اداله فونچا کسلامتن توبه
 انق یهدبدیق کران برکهندقکن انق ۲ کیت دیواس
 ماس یها کندغ بولومقانت دغن کچر گاسن دان
 کچر دقنن . مک دسینی یوکنله فول کنی لوغ
 منوده انق ۲ کیت تیدق دجاک کصحاتن اوله ایو
 اتو فندبدیقن . نتانی ماربله کیت قباهی لاکی
 چارا مندبدیق یغ منعمکن کچر گاسن مربکشیث
 دان بواغکن سکل یغ منچدران توبه مربک
 تراواتم انق ۲ کچیل یهلوم معتبوی ساعته فد
 بمبیداکن کوتر دان برسیمه ، برسکوه ۲ له
 فندبدیق ایت مسنی منجاگ مربک درقد ترانسوخ
 کفد ماکن اتو بحربواة فرکارا یغ منچدران
 کصحاتن . انق لاکی ۲ یغبر عمر انم اتو توجه تاهن
 یهیهارو برسکوله کییاسأنن مربک این قولغ
 تهباری درقد سکولین دغن قلوه یغبر سیمبه ۲
 تیدق ابغه مربک هندق منچوچی کاکي ناعنن دان
 مپالین فکابنن ، مهن تروس ، نوجو کچیا ماکن
 یاکي مسفرنانکن کفرضوان تهباری ایت . انق ۲
 یغ بکئی بیاسکنله فد تیفا ۲ هاری ییلا مربک
 بالیق دري سکوله هندقله بمباسوه کاکي ناعنن
 دان بوسالین فکابنن یغبر سیمه ، کمدین بهاروله
 مربک منوجو کتحقه ماکن ، سفای مربک ترلاتیه
 کفد اتوران یغ ایاو دري کچیلن یهاکن مپاوا
 کبسرن دغن قرانی یعلیما ، بکتیو قول انق ۲
 فرموان سام جوا فرانونوا این دحکمکن
 کفدان ، دان جوک هندقله ایو ۲ دان فندبدیق

5 . ن — گنتینام یغبر سندر کفد بان ایت ،
 مک گنتینام اینله جادی ایکانتن یغ مپانو کن
 جمله یجادی بریت کات زید .

مک سوسنن کات یغ مو مقام این بوله
 دکتا کن تیاد سام سکالی ددغر درقد لیده اورغ
 ملایو اتو فون ددالم کاراغن ، ملایو ملینکن ددالم
 کتاب ۲ اکام کاراغن چارالام . مک یهددغر درقد
 لیده اورغ ملایو سقرت دکات « بان زید ایت بودیری »
 مک هورابنن :-

- 1 . بان — فرمولان کات یغبر سندر کفد
 زید یأت منجوقکن بان یغترنتو یغ صح
 منجادی فرمولان کات .
- 2 . ایت — فنتنو کات .
- 3 . تله بودیری فربولان سده .

مک یغ ملا کوکن فربولان ایت گنتینام یغ
 کبالی کفد بان ، تقدیرن ای . مک جمله فربولان
 دان یغ ملا کوکن فربولان ایت جادی بریت کات .
 دان ترکاغ ورت کات ایت لبه درقد ساتو سقرت
 دکات « زید ایت قشارغ لاکی اهل شهید » مک
 هورابنن :-

- 1 . زید — فرمولان کات .
- 2 . ایت — فنتنو کات یغ منجوقکن زید یغترنتو .
- 3 . قشارغ — ورت کات یغفر نام .
- 4 . لاکی — حرف فیمبوغ کات دانقارا ورت
 کات یغفر نام دغن ورت کات یغکدوا یأت
 « اهل » یغبر سندر ای کفد شهید .

دمکنله یهددغر درقد لیده اورغ ملایو
 دانن جیک لبه درقد ساتو خبر یغکدوا ایت
 دسیمو عکن دغن حرف فتمبه کات .
 (برسیمو غ)



5. nya – ganti nama yang bersandar kepada bapa itu, maka ganti nama inilah jadi ikatan yang menyatukan jumlah yang jadi berita kata Zaid.

Maka susunan kata yang seumpama ini boleh dikatakan tiada sama sekali didengar daripada lidah orang Melayu ataupun di dalam karangan Melayu melainkan di dalam kitab-kitab agama karangan cara lama. Maka yang didengar daripada lidah orang Melayu seperti dikata “Bapa Zaid itu berdiri” maka huraianya:-

1. Bapa – permulaan kata yang bersandar kepada Zaid iaitu menunjukkan bapa yang tertentu yang sah menjadi permulaan kata.

2. itu – penentu kata.
3. telah berdiri perbuatan sudah.

Maka yang melakukan perbuatan itu ganti nama yang kembali kepada bapa, takdirnya ia. Maka jumlah perbuatan dan yang melakukan perbuatan itu jadi berita kata. Dan terkadang warta kata itu lebih daripada satu seperti dikata “Zaid itu pengarang lagi ahli syair” maka huraianya:-

1. Zaid – permulaan kata
2. itu – penentu kata yang menunjukkan Zaid yang tertentu.
3. pengarang – warta kata yang pertama
4. lagi – huruf penyambung kata di antara warta

kata yang pertama dengan warta kata yang kedua iaitu “ahli” yang bersandar ia kepada syair.

Demikianlah yang didengar daripada lidah orang Melayu dan jika lebih daripada satu (khabar yang kedua itu disambungkan dengan huruf penambah kata).

(bersambung)

“Mendidik Kesihatan Anak-anak”

oleh Kak Long Johor

Kesihatan itu adalah punca keselamatan tubuh anak yang dididik kerana berkehendakkan anak-anak kita dewasa masa yang akan datang berlompitan dengan kecergasan dan kecerdikan. Maka di sini bukanlah pula Kak Long menuduh anak-anak kita tidak dijaga kesihatannya oleh ibu atau pendidiknya. Tetapi marilah kita tambah lagi cara mendidik yang menambahkan kecergasan mereka itu dan buanglah segala yang mencederakan tubuh mereka.


Terutama anak-anak kecil yang belum mengetahui sangat pada membezakan kotor dan bersih, bersungguh-sungguhlah pendidik itu mesti menjaga mereka daripada terlansung¹ kepada memakan atau memperbuat perkara yang mencederakan kesihatannya. Anak laki-laki yang berumur enam atau tujuh tahun yang baharu² bersekolah kebiasaannya mereka ini pulang tengahari daripada sekolahnya dengan peluh yang bersimbah-simbah tidak ingat mereka hendak mencuci kaki tangannya dan menyalin pakaiannya, bahkan terus menuju ke meja makan bagi menyempurnakan kefarduan tengahari itu. Anak-anak yang begini biasakanlah pada tiap-tiap hari bila mereka balik dari sekolah hendaklah membasuh kaki tangannya dan bersalin pakaian yang bersih, kemudian baharulah mereka menuju ke tempat makan, supaya mereka terlatih kepada aturan yang elok-elok dari kecilnya yang akan membawa kebesarnya dengan perangai yang mulia, begitu pula anak-anak perempuan sama jua peraturan ini dihukumkan kepadanya, dan juga hendaklah ibu-ibu dan pendidik

¹ Perkataan sebenarnya adalah terlansung.

² Perkataan sebenar adalah baharu

مینوم، لملکمان تیمبوله فراسان کیسا ایت
 یروایی دهاتی انق ۲ یم ماسیه کچیل ایت .
 مک یملبه دهشتن افکل انق ۲ ایت تله
 بر فراشی ماس دان له میاوا کفد اوتفن بره فد
 مفر ما فلاجران ذات فقهوان . درایت جان فد
 منجاوهکن انق ۲ این سنقیاس معاچو ایون دان
 مفساکن ایون ترکندالا درفد منونیکن
 کواجیفن یم ساعة مستحق ایت . لاتبه دري
 فرمولان انق این دیوی ماکن مینوم دغنی ماس
 یغترتنقو، افیل مر یکشیت تله بوی ماکن دغن
 سجو کف ۲ن جاغله دبیرکن ای دودق لاگی
 دتمقه مکانن یغبرهیدغ کران اورغلابن . تاروهله
 ای دصوات تمقه یغبوله ای یرمین ۲ دان بره ای
 فرماین یم مناسبه دغن دیرین ایت . دان چاشن
 افکل ای تله ماکن کیت اکن بریکن فول
 لاگی مکانن ۲ ایت کران بکیتو هان مندیدیق
 انق ۲ ایت جاهه فراشی دان سوله ۲ کیت شهج
 منچدراکن کصحاتن . دان جوا هندقله دجاگ
 فکاین دان کیرسین توبه بدان انق ۲ ایت .
 سا بلوق ۲ن تیف ایوهندقله مفری سرب سدیکیه
 علم کصحاتن بوکن شهج کران باگی منجاگ
 انق ۲ن تافی جوگ کفد رو بهتقک دان دیرین
 سدریے .
 واهی ایو اتو فنیدیق ۲؟ جاغله سکلی ۲
 برچیتا ۲ افکل انق بسر کاق بوله بمالس فنه
 له دان بودین ایت تافی هندقله ایشکن سمات
 منونیکن کواجیشن کیت سبایگی فنجاگ امانه
 توحن دغن تولى اخلاص دان ایلوه تراورن
 دیدیقن کفد انق ایت اکن میاوا ای منجادی
 سئورغ مانیس یغودیمان . مرک اکن دکرق اوله

متراعکن بگیان مر یک منجاگ کصحاتن دتمه
 جانن، کران فد ماس موسیم فانس کسوکاڠ بسر
 باگی انق ۲ میلی ایسکریم اتو ایر بانو یغدهجوال
 دتفی ۲ جانن، دغن این صلابن درفد فائده منجاگ
 کصحاتن، مک بمیاسکن مر یک دغن اداب
 منقون، بودی فکرفی یغملیا دان ترجاوه درفد
 بیادب .
 مک کفد انق ۲ کچیل یغلولم برسکوله
 دان برمان جاوه تنتوله مر یک سنقیاس اد درومه
 دسیسی ایون یم سدغ سیبوه بکرج میدیاکن
 مکانن اهل رومین یساکن فولغ ماکن تقهاری
 کاقی . دسینی اداله کرف کالی برلا کو کفد
 انق ۲ ایت معاچو دان ممت مکانن دغن تاغیسن .
 ولوقون انق ایت بهارو سلسی درفد ماکن مینوم .
 اوه! کرج سدغ باقی ایه اکن کبابی، مکانن
 بلوم برصدی، حیوان بلوم ترهیدغ . عاه! افیل
 سفیکن مکانن دتاروهکن دهفان انق ایت
 سفای دیر درفد معاچو . بکیتوله حالن، ستمه
 درفد ایو ۲ ذات فنیدیق ۲ یم کورغ جاوه
 فنداعن، لملکمان انق این اکن ترباس کفد
 مکانن یغ تبدق برسوکه ذات برماس، فتغ
 بر بوی فییکن مشکوه دی اکن منجره
 بر کفندقن مکانن . کیت اکن برکات فول
 کسین! بودق میغ بکیتو ماسیه بلوم چو کف
 لاگی، برله . ایو ۲؟ افکه جادین کفد
 کصحاتن انق این دان فکرنین دیواس مر یک
 بسر کلق؟ فوهانیکله، مسکیشون ماکن مینوم
 ایت دیریکن دغن سفاس ۲ن کفد انق ایت
 تافی کبابیکن حال انق ۲ ایت فوجة لسی وجهن
 دان له برمان ۲ . دی هان ابغه کفد ماکن دان



menerangkan bagaimana mereka menjaga kesihatan di tengah jalan, kerana pada masa musim panas kesukaan besar bagi anak-anak membeli aiskrim atau air batu yang dijual di tepi-tepi jalan, dengan ini selain daripada faedah menjaga kesihatan, maka membiasakan mereka dengan adab santun, budi pekerti yang mulia dan terjauh daripada biadab.

Maka kepada anak-anak kecil yang belum bersekolah dan bermain jauh tentulah mereka sentiasa ada di rumah di sisi ibunya yang sedang sibuk bekerja menyediakan makanan ahli rumahnya yang akan pulang makan tengahari kelak. Di sini adalah kerap kali berlaku kepada anak-anak itu mengacau dan meminta makanan dengan tangisnya. Walaupun anak itu baharu selesai daripada maka minum. Oh! Kerja sedang banyak ayah akan kembali, makanan belum bersedia, habuan belum terhidang. Ah! Apabila sepinggan makanan ditaruhkan di hadapan anak itu supaya diam daripada mengacau. Begitulah halnya, setengah daripada ibu-bu dan pendidik-pendidik yang kurang jauh pandangannya, lama-kelamaan anak ini akan terbiasa kepada makanan yang tidak bersukat dan bermasa, pantang berbunyi pinggan-mangkuk dia akan menjerit berkehendakkan makanan. Kita akan berkata pula kashihan! Budak memang begitu masih belum cukup lagi, berilah. Ibu-ibu! Apakah jadinya kepada kesihatan anak ini dan pekertinya dewasa mereka besar kelak? Perhatikanlah, meskipun makan minum itu diberikan dengan sepuas-puasnya kepada anak itu tetapi kebanyakan hal anak-anak itu pucat lesi wajahnya dan lemah bermain-main. Dia hanya ingat kepada makan dan

minum, lama-kelamaan timbullah perasaan kelesa³ itu berumbai di hati anak-anak yang masih kecil itu.

Maka yang lebih dahsyatnya apakala anak-anak itu telah berperangai malas dan lemah membawa kepada otnaknya berat pada menerima pelajaran dan pengetahuan. Dari itu jalan pada menjauhkan anak-anak ini sentiasa mengacau ibunya dan memaksakan ibunya tergendala daripada menunaikan kewajipan yang sangat mustahak itu. Latihlah dari permulaan anak ini diberi makan minum dengan masa yang tertentu, apabila mereka itu telah diberi makan dengan secukup-cukupnya janganlah diberikan ia duduk lagi di tempat makanan yang berhidang kerana orang lain. Taruhlah ia di suatu tempat yang boleh ia bermain-main dan berilah ia permainan yang munasabah dengan dirinya itu. Dan jangan apakala ia telah makan kita akan berikan pula lagi makanan-makanan itu kerana begitu hanya mendidik anak-anak itu jahat perangai dan seolah-olah kita sengaja mencederakan kesihatannya. Dan jua hendaklah dijaga pakaian dan kebersihan tubuh badan anak-anak itu. Seelok-eloknya tiap ibu hendaklah mengerti serba sedikit ilmu kesihatan bukan sahaja gunanya bagi menjaga anak-anaknya tetapi juga kepada rumahtangga dan dirinya sendiri.

Wahai ibu atau pendidik-pendidik! Janganlah sekali-kali bercita-cita apakala anaknya besar kelak boleh membalas penat lelah dan budinya itu tetapi hendaklah ingatkan semata-mata menunaikan kewajipan kita sebagai penjaga amanah Tuhan dengan tulus ikhlas dan elok teraturnya didikan kepada anak itu akan membawa ia menjadi seorang manusia yang budiiman. Mereka itu akan digerak oleh

³ Selesa?

«فرديرين اسلام»

اوله تۇرۇچي جومر بهارو

٠٠٠

كسجد دانسباگين. سموان مننجوقكن سفاي
 كيت سكلين مليهرا ادب كووفان سفاي
 منمبهكن كاسيه ساينغ انتارا ساتو دغن لايين.
 اسلام ميوره كيت مسام اورغ موئنين سفاي
 بوكاسيه ساينغ انتارا ساتو دغن لايين سفرت
 فرمانن « اِنَّ الْمَوْتُ مَيُوتُ اِخْوَةٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ
 اَخْوِيْكُمْ » ارتين هياسن اورغ ٢ موئين ايت
 برسودارا انتارا ساتو دغن لايين مك فربايقكندله
 فرسوداران كامو. دالم فركاولن اسلام بئ مشهور
 ملارغ كيت ميالكيتي سوادرا مسام اسلام سام اد
 دغن فركتان اتو فرلوپتن دان دري ايشة كالو
 هندق منگور مسوات كلاهن ايت هندقله كيت
 گوناكن دغن فركتان يعلمه لمبوة. فرمان توهن
 ترهاف كشد نبي موسى دان هارون عليهما السلام
 قَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْسَا اَرْتِيْن كَقَا كندله اولمعو بردوا
 هي موسى دان هارون كفدان (فرعون) دغن
 فركتان يعلمه لمبوة هندق ميكة اتو مناريق هاتي
 مانسي ايت بوكتن سوات فكرجان بئ سئغ،
 تئافي بو كهندقكن كيت بوصفة صبر دات حلم
 (منهن ماره) دان ماهير دالم فكرجان ايت. كران
 دالم ماس كيت منجالسكن مسوات كوايجتن
 ايت تا سويي درفد برتمو اتو برقبوغ دغن ابرباكي ٢
 فرچوبان. جنجوغن كيت تله عاجوكن اكام
 اسلام بو كندله دالماس ساتودوا هاري تئافي عماكن
 دالم بوناهن ٢ دغن منقكوغ بوبايي ٢ عذاب دان
 فرچوبان درفد قوم قريش دان سقده درفد قراپتن
 سندري. سباليسكن جنجوغن كيت نيدق مندداغ
 فركارا ايت سوات كلالاشن كفدان درفد
 منجالسكن فكرجان بهكن تروس اي منونيكن

اسلام ميوره كفد مفساكن توهن دان بربووة
 بابك كفد ابوبو يان كران بئ له دكة كفد كيت
 كمدن قوم قراپة كيت كمدن كشد اتق ٢ يتيم ٤
 كفد اورغ ٢ مسكين، كمدن بهاروله كشد
 سكلين مانسي سفرت فرمانن « لَا تَعْبُدُوا اِلَّا اِلَهَ
 وَ بِالْوَالِدَيْنِ اِحْسَانًا وَ بِالْقُرْبَىٰ وَ الْيَتَامَىٰ
 وَ الْمَسْكِيْنِ وَ قُولُوا لِلنَّاسِ حَسَنًا » ارتين له
 كورغ: چاغندله كامو مبهبه لايين درفد الله دان
 بربووة بققبيله كفد دوا ابوبو يان دان قوم كلوارك
 دان كشد اتق ٢ يتيم دان اورغ ٢ مسكين دان
 كنداكنله بابكي مانسي دغن فركتان يشايك.
 دانلاكي اسلام ميوره بوبايك دان مهابوقكن
 فركاولن دغن اورغيش بردكان دغن رومه كيت
 يابت يقدنماكن جهان سبدا رسول الله (ص)
 « مَا زَالَ جِبْرِيْلُ يُؤْتِيْنِي بِالْبَحَارِ حَتَّىٰ ظَنَنْتُ اَنَّهُ
 سَيُورِيْنِي » ارتين سنتياسله جهولن هاري نصيحة
 كفتدا كو سفاي بربووة كجيجكن كفد اورغ ٢
 كقوغ هئك اكو مبهك دي اكن موارنم.
 اسلام مفرانسكن كيت سفاي مليهرا ادب اجتماع
 اتو فركاولن سبهك ملارغ دانس اورغيش هندق
 بوچمقور دغن اورغ راهي ايت عماكن باوغ دان
 مسوات ابتدا بئ بوسو سبكيرا ٢ مروسقكن ادب
 بوتوران مجلس ايت، تئافي دسوره كيت عماكي
 فندا بهاروم دان دغن فساكن بهرسيه جيك
 هندق محاضريي مسوات مجلس اورغراهي اتو

“Perdirian Islam”

oleh Tok Chik Johor Baharu

Islam menyuruh kepada mengesakan Tuhan dan berbuat baik kepada ibu bapa kerana yang lebih dekat kepada kita kemudian kaum kerabat kita kemudian kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin, kemudian baharulah kepada sekalian manusia seperti firman-Nya “*Lā ta’budū’ illā Allāha wa bi al-wāliidayni ihsānā wa dhi al-qurbā wa al-yatāmā wa al-masākīna wa qūlā li al-nāsi husnā*”² ertinya lebih kurang: “Janganlah kamu menyembah lain daripada Allah dan berbuat baktilah kepada dua ibu bapa dan kaum keluarga dan kepada anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan katakanlah bagi manusia dengan perkataan yang baik.”

Dan lagi Islam menyuruh berbaik dan mengelokkan pergaulan dengan orang yang berdekatan dengan rumah kita iaitu yang dinamakan jiran. Sabda Rasulullah (S.A.W.) “*Mā zāla Jibrīlu yūṣīnī bi al-jāri ḥatta zanantu annahu Sayuwaththiruhu*” ertinya “Sentiasalah Jibril memberi nasihat kepadaku supaya berbuat kebajikan kepada orang-orang kampung hingga aku menyangka dia akan mewarisinya.”

Islam menguatkan kita supaya memelihara adab ijtimak atau pergaulan sehingga melarang di atas orang yang hendak bercampur dengan orang ramai itu memakan bawang dan sesuatu benda yang busuk sekira-kira merosakkan adab beraturan majlis itu, tetapi disuruh kita memakai penda³ yang harum dan dan dengan pakaian yang bersih jika hendak menghadiri sesuatu majlis orang ramai atau

ke masjid dan sebagainya. Semuanya menunjukkan supaya kita sekalian memelihara adab kesopanan supaya menambahkan kasih sayang antara satu dengan lain.

Islam menyuruh kita sesama orang mukminin supaya berkasih sayang antara satu dengan lain seperti firman-Nya “*Inmāā al-mu’mināna ikhwatun fa asliḥū bayna akhawaykum*”⁴ ertinya “Hanyasanya orang-orang mukmin itu bersaudara antara satu dengan lain maka perbaikkanlah persaudaraan kamu.” Dalam pergaulan Islam yang masyhur melarang kita menyakiti saudara sesama Islam sama ada dengan perkataan atau perbuatan dan diberi ingat kalau hendak menegur sesuatu kesalahan itu hendaklah kita gunakan dengan perkataan yang lemah-lembut. Firman Tuhan terhadap kepada Nabi Musa dan Harun *alayhimā al-salām* “*Faqūlā lahu qawlan layyinā*”⁵ ertinya “Katakanlah olehmu berdua hai Musa dan Harun kepadanya (Firaun) dengan perkataan yang lemah-lembut.” Hendak memikat atau menarik hati manusia itu bukannya suatu pekerjaan yang senang, tetapi berkehendakkan kita bersifat sabar dan *hilm* (menahan marah) dan mahir dalam pekerjaan itu. Kerana dalam masa kita menjalankan sesuatu kewajipan itu tak sunyi daripada bertemu atau bertembung dengan berbagai-bagai percubaan. Junjungan kita telah memajukan agama Islam bukanlah dalam masa satu dua hari tetapi memakan dalam bertahun-tahun dengan menanggung berbagai-bagai azab dan percubaan daripada kaum Quraisy dan setengah daripada kerabatnya sendiri. Sebaliknya Junjungan kita tidak memandang perkara itu suatu galangan kepadanya daripada menjalankan pekerjaan bahkan terus ia menunaikan⁶

¹ Perkataan sebenarnya adalah *ta’budūna*.

² Sūrah al-Baqarah ayat 83.

³ Perkataan sebenarnya adalah benda.

⁴ Sūrah al-Hujurat ayat 10.

⁵ Sūrah Tāha ayat 44.

⁶ Bersambung di mukasurat 86.

تاریخ الاسلام

مغارغ شعیر، دان برچا کف دغن چکافن یت
ریفکس نتافی ساعة لواس تجوانن (حکم) دان
فندی، بواة ۲۰ نال ۲ دان جوا ترساعة لمبة ماره، فینه
دالم بهاس دان ترساعة قواة متجاک کرمائن
سئورغلاین .

هوا بشا عرب ایت ساعة عملیاکن بهاسن لبه
دردف فرکارا ۲ بعلاین مک دغن سبب ایت بنجی
ای برچمفور دغن بشا لاین کران متجاک بهاسن
سقای تباد روسق اوله برچمفور گاول .

مک عادة ۲۳ یشتیاد بابک ایت منام اتق ۲
فرمفوان کران تا کونکن عأیب (سقرت تباد کفو
اتو سیابة باکی اتق ۲ فرمفوان ایت دانلابنن) دان
میونه اتق لاکی ۲ کران تا کوة ترجاتوه کدالم
مسکین، دانلاکی ساعة برسمکوه منتوة بیلا

جنجوعن کیت سبیر ۲ فشنجور دان قسفین کفد
سکلبین مخلوق نتافی بگندا بکرچ دان منفکیکن
موتو اسلام دان دبتنو اوله سکلبین صحابة ۲۷ دغن
تتاک دان هرت بندها، سیگیاله کیت مقعبیل
فرهاتین دالم فرکارا این تراواتم قوم بشا کیت فد
ماس این سدغ هندق ملشکه میدان کماجوان
بوانله چرمین دغن انداغ ۲ یقتله دجالنکن اوله
جنجوعن کیت سقای فرجلانن کیت یتدق تراباس .
واهی چچو کو سکلبین؟ متفک این عماداله تزجی .
بنتشکن رعکاسن فردیرین اسلام . شیکوة فهم
تو جی . إن شاء الله کالو اد کلافنن اکو دسبوعنکن
لاکی

(سمبوعن بیلاغن (2) تا هن یغفرنام)
(بهاگین یسکا مفة)

(فراقی دان عادة بشا عرب)

هوا مک اداله فراقی دان عادة بشا عرب
یها بیک ۲ ایت ابله برانی، تباد بر بواة کبها تن،
بیجفسان، منولم اورغیم دالم کسوساهن، تیشکی
همه، معاول اورغیم برناوغ دیلوهن، بیجفونا کن
جنجی، ساعة قواة متجاک کرمائن دیری یا ایت
ترلبه بابک ای ماتی دردف مندافة عانیب، دغن
سبب ایت ای شکوف منام اتق ۲ فرمفوانن جیک
دیفیکر کتن اکن مندافة عانیب . دانلاکی میفتق
اف یغ هندق مروسکن جیران، موره، سوک
منجامو اورغ داکنم دان قوم قرابه، بسر هاتی،
بنجیکن کظالیمن، ساعة برانی، ساعة فندی

(فردیرین اسلام - سمبوعن دردف موک 85)

کواجیقن ایت هتک جای . دسویی فاقوتله کیت
مقعبیل اعتبار دردف فرکرقتن یقتله دجالنکن
اوله جنجوعن کیت دان صحابة ۲۷ . درایت
سو بر کنله هالم هاتی کیت سماغة بوینتو ۲۷ دان
تولم منولم انتارا ساتو دغن لاین دالم فرکارا
کبجیکن، دان جاعنله کیت ببواغ ماس دغن
سیا ۲۱ سهاج . نتافی بکر جاله دغن سچارا یقتله
دانورکن اوله اگام کیت سکبرا ۲ تباد ملشکر
دردف بتاسنن . اسلام ابله اگام یغ میوره کیت
بکر ج بوکن عمادا دغن منوشکة دانگو اتو
منتشکن هردغن نورن دري لایغیه سهاج .



Tārikh Islam

(Sambungan bilangan (2) tahun yang pertama)

(Bahagian yang keempat)

(Perangai dan adat bangsa Arab)

Bahawa maka adalah perangai dan adat bangsa Arab

yang baik-baik itu ialah berani, tiada berbuat kejahatan, bijaksana, menolong orang yang di dalam kesusahan, tinggi hemah, mengawal orang yang bernaung di bawahnya, menyempurnakan janji, sangat kuat menjaga kehormatan diri iaitu terlebih baik ia mati daripada mendapat aib, dengan sebab itu ia sanggup menanam anak-anak perempuannya jika difikirkannya akan mendapat aib. Dan lagi menyangkai apa yang hendak merosakkan jiran, murah, suka menjamu orang dagang dan kaum kerabat, besar hati, bencikan kezaliman, sangat berani, sangat pandai

mengarang syair, dan bercakap dengan cakapan yang ringkas tetapi sangat luas tujuannya (*hikam*) dan pandai membuat misal-misal dan jua tersangat lambat marah, petah di dalam bahasa dan tersangat kuat menjaga kehormatan seorang lain.

Bahawa bangsa Arab itu sangat memuliakan bahasanya lebih daripada perkara-perkara yang lain maka dengan sebab itu benci ia bercampur dengan bangsa lain kerana menjaga bahasanya supaya tiada rosak oleh bercampur gaul.

Maka adat-adat yang tiada baik itu menanam anak-anak perempuan kerana takutkan aib (seperti tiada kufu atau sebab bagi anak-anak perempuan itu dan lainnya) dan membunuh anak laki-laki kerana takut terjatuh ke dalam miskin, dan lagi sangat bersungguh-sungguh menuntut bela

(Perdirian Islam – sambungan daripada muka 85)

kewajipannya itu hingga jaya. Di sini patutlah kita mengambil iktibar daripada pergerakan yang telah dijalankan oleh Junjungan kita dan sahabat-sahabatnya. Dari itu suburkanlah dalam hati kita semangat berbantu-bantuan dan tolong-menolong antara satu dengan lain dalam perkara kebajikan, dan janganlah kita membuang masa dengan sia-sia sahaja. Tetapi bekerjalah dengan secara yang telah diaturkan oleh agama kita sekira-kira tiada melanggar daripada batasannya. Islam ialah agama yang menyuruh kita bekerja bukan memada dengan menongkat dagu atau menantikan hidangan turun dari langit sahaja.

Junjungan kita sebesar-besar penganjur dan pemimpin kepada sekalian makhluk tetapi baginda bekerja dan meninggalkan mutu Islam dan dibantu oleh sekalian sahabat-sahabatnya dengan tenaga dan harta benda, seyogialah kita mengambil perhatian dalam perkara ini terutama kaum bangsa kita pada masa ini sedang hendak melangkah medan kemajuan buatlah cermin dengan undang-undang yang telah dijalankan oleh Junjungan kita supaya perjalanan kita tidak terbasas. Wahai cucuk sekalian! Hingga ini memadalah Tok Chik bentangkan ringkasan perdirian Islam mengikut faham Tok Chik. *In sha-Allah* kalau ada kelapangan akan disambungkan lagi. Maaf.

¹ Perkataan sebenar adalah dalam

(تاریخ الاسلام - سمبوتن درفد موك 86)

هنگك تجادي بيراف فراعن بقدمشة، سوك
مغلكر دغن گلاراك بغ هينا دان منجادىكن انق
اشكة سفرت انق بقول همك بوله موارثي، برواة
عبادة كغد يقلاين درفد الله . دان چارا۲ عبادتن
ايت برلاين ۲ن . دان اد بيراف برهالا سفرت
بشدة، كن آلات العزى . هبل . نسا . سواغ .
بغوث . بغوث . دانلاين ۲ لاي درفد بغترسوة .
دان اد قول ستغين ميمبه بيشتم سفرت متاري،
بولن، عطارد، منتوي دانلاين . در سب ايت اد
بغ برنام عبدالعزي . عبدالغوث . عبدالشمس .
دان سباگين مك ددالم نگري عرب ايت اد بغ
بر اگام جهودي، نصراني، دان مجوسي والحال بقسا
عرب ايت لبه دهولون متوحيد كن الله دغن اگام
نبي الله ابراهيم خليل دان نبي الله اسمعيل عليها السلام .
كدين مريكثيت مغربواة بيراف برهالا سفاي
منجادي واسطه (فرهوتن دان تاران) دغن الله تعالى
كران منورة شكائين بغ سمة هنگك دسمين كران
هندق مندقميشكن ديري، دان برقربان دغن نام
برهالا ۲ن ايت .

هوا اقبيل سقبيله درجه كجاهيلن دان
ككفران مريكثيت هنگك ميمبه يقلاين درفد
الله بغ منجادىكن تيف ۲ سوات ايت مك
داوتسكن اوله الله سبحانه وتعالى فسورهن بغ
فيلين دان نبين بشدر ضاي كغد مريكثيت كران
ميمشيكن نيشه فرنتهن سفاي كيبالي مهيكوة
شريعة شينر بايت شريعة نبي الله ابراهيم، موسى،
عيسى دان نبي ۲ يقلاين يقبله دهولون درفدان كران

شريعة نبي محمد ايت ملكثاني سكل شريعة نبي
يغد هولوكالا، يقدمكن دانقله مريكثيت
فرنتجوتن دان كچرديقن كدين درفد سمة
بوده دان ييغوخ .

فرسدان :-

كتهوي اولهوا؟ هوا الله سبحانه وتعالى نله
منجادىكن مخلوقن نيدقله دبير كتن دغن ستوري ۲
سراج مهيكوة كگماران دان كچندروغن هوا
نقسون كغد سبارغ فري، اكنقتاني دكاولن دغن
انداغ ۲ بقرحكة دان ايكتن بغتريشا
كغد نبي مك اداله رسول ۲ ايت برسكوة ۲
ميمشيكن حك ۲ دان انداغ ۲ توهن كغد مانسي
سفاي منجادىكن فرنتجوتن كغد جان يشتر
دان لورس بغ كيبالي فاندمن كغد مريك جوا .
مك اداله بقسا عرب ايت مهيكوة شريعة نبي الله
ابراهيم خليل، اكنقتاني دغن سب نله لام ماسن
مك داوبه دان دنوكر اوله مريكثيت اكن حك ۲
اگام دان انداغ ۲ بقسبتر كغد بقساله، دان مريكا
اوله مريكثيت اكن سوات دان برسندله اي
كغدان دالم سبارغ فري دان حال احوال كران
نله دهياسكن اوله عقل مريكثيت بغ چدرا دان
روسق هنگك جاديله اي سوات أمة بغ ميمبه
برهالا فد حال دهولون سوات أمة بغ مقساكن
توهن، مك دغن سب ايت سووله ددالم فرمفوتن
مريكثيت سكل جنس كچاتن، فاسق، بروونه ۲ن
دان كلوار درفد ليكوعن تمدن دان اگام .
اكنقتاني اقبيل كجاهيلن مريكثيت هندق منجادي
بايك مك دغن رحمة رحيم الله سبحانه وتعالى
مرچوفله ددالم هاتي مريكثيت سكل فيكران



(Tarikh al-Islām – sambungan daripada muka 86)

hingga terjadi beberapa peperangan yang dahsyat, suka menggelar dengan gelaran yang hina dan menjadikan anak angkat seperti anak betul hingga boleh mewarisi, berbuat ibadah kepada yang lain daripada Allah. Dan cara-cara ibadahnya itu berlain-lainan. Dan ada beberapa berhala seperti yang dinamakan *al-Lāta*. *al-'Uzzā*. *Hubal*. *Nasar*. *Suwāgh*. *Yaghūth*. *Ya'ūq*. Dan lain-lain lagi daripada yang tersebut. Dan ada pula setengahnya menyembah bintang seperti matahari, bulan, Utarid, Musytari dan lainnya. Dari sebab itu ada yang bernama '*Abd al-'Uzzā*'. '*Abd Yaghūth*'. '*Abd al-Shams*'. Dan sebagainya maka di dalam negeri Arab itu ada yang beragama Yahudi, Nasrani, dan Majusi walhal bangsa Arab itu lebih dahulu mentauhidkan Allah dengan agama Nabi Allah Ibrahim *al-Khalīl* dan Nabi Allah Isma'īl *alayhimā al-salām*. Kemudian mereka itu memperbuat beberapa berhala supaya menjadi *wāsītah* (perhubungan di antaranya) dengan Allah Ta'ālā kerana menurut sangkaannya yang sesat hingga disembahnya kerana hendak mendampingi diri, dan berkorban dengan nama berhala-halanya itu.

Bahawa apabila sampailah darjah kejahatan dan kekufuran mereka itu hingga menyembah yang lain daripada Allah yang menjadikan tiap-tiap suatu itu maka diutuskan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* pesuruh-Nya yang pilihan dan Nabi-Nya diredai kepada mereka itu kerana menyampaikan titah perintah-Nya supaya kembali mengikut syariat yang benar iaitu syariat Nabi Ibrāhīm, Muṣā 'Isā dan nabi-nabi yang lain yang lebih dahulu daripadanya kerana

syariat Nabi Muḥammad itu melengkapi segala syariat nabi yang dahulukala, yang demikian dapatlah mereka itu pertunjukan dan kecerdikan kemudian daripada sesat bodoh dan bingung.

Persediaan:-

Ketahui olehmu! Bahawa Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah menjadikan makhluknya tidaklah dibiarkannya dengan seori-seori² sahaja mengikut kegemaran dan kecenderungan hawa nafsunya kepada sebarang peri, akan tetapi dikawalinya dengan undang-undang yang berhikmah dan ikatan yang terbangsa kepada nabi. Maka adalah rasul-rasul itu bersungguh-sungguh menyampaikan hukum-hukum dan undang-undang Tuhan kepada manusia supaya menjadikan pertunjukan kepada jalan yang benar dan lurus yang kembali faedahnya kepada mereka jua. Maka adalah bangsa Arab itu mengikut syariat Nabi Allah Ibrāhīm *al-Khalīl*, akan tetapi dengan sebab telah lama masanya maka diubah dan ditukar oleh mereka itu akan hukum-hukum agama dan undang-undang yang sebenar kepada yang salah, dan mereka oleh mereka itu akan suatu dan bersandarlah ia kepadanya dalam sebarang peri dan hal-ehwal kerana telah dihiaskan oleh akal mereka itu yang cedera dan rosak hingga jadilah ia suatu umat yang menyembah berhala padahal dahulunya suatu umat yang mengesakan Tuhan, maka dengan sebab itu suburlah dalam perhimpunan mereka itu segala jenis kejahatan, fiasiq, berbunuh-bunuhan dan keluar daripada lingkungan tamadun dan agama. Akan tetapi apabila kejahatan mereka itu hendak menjadi baik maka dengan rahmat *rahīm* Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* mencuplah di dalam hati mereka itu segala fikiran³

² Perkataan sebenar adalah seorang-seorang

³ Bersambung di mukasurat 88.

﴿ فرایدران ماس ﴾

اوله قادیری - اندو

دری نیاد کفد ادم، دری کچیل مباوا کبسر،
دری مودا کفد نوا، سکوبخ ۲ فمگین توهن نیبا.
بکیقوله ستروسن کادان مخلوق، نیاد سکالی ۲ بوله
دناهن ۲ ماس بشرایدر دری دتیف ۲ جم
بشیرحالن ایت. مک کهران کیت لالی دان الف
درقد مشکوناکن کفد حالن بشیرگون، کچبوا
دان رو کله کیت، سبالیقن سیاف یغ - سردان برحاک
درقد مشیلمکن ماس دغن فرچوما برهکیاله ای.

بلوم براف لام لفسن کیت دالم فرنتاهن سوات
قوم بظلام، سکارغ تله هافوس دان رو کتی دغن
فرنتاهن لاین، فرجلان دان لاکون بشلاو ایت
کیت راس سیاکی مئی سهاج - دمکینله ادا
ککواسان توهن ملاکوکن کهندقن دان
مفرایدرکن ماس دغن چفتن. ساندین قد وقتو
این کیت اد معاجر براف اورغ مریدنتانی هاروس
قول قد سوات ماس دبلاکن کیت اکن داجر
اوله مرید کیت ایت، اورغغ نیاد برفیکر دغن
هالوس دان سایدیق یعدالم تنتو برهک سئورغ
گورو ایت سمنی بیلا ۲ فون ایس نیاد اکن منجادی
سرید کفد مرید یهداچرن ایت.

ایغله! فرایدران ماس مباوا کفد برناکی ۲
حال، صحابه یشابک ترکاغ جادی سترو یغ هیبه.
عکسن سترو یغ دهشه بوله حادی سئورغ توان
یهدا کاسی. هی ماس ادغنموا کو برحاس - سبجو
کو مراس - تنگامو ساعه فرکاس - واهی انسانک
ایغله سن - جیک لکس بوسن - عاقهن فشن.

یغ سمفرن تیمان فولا داوتسکن اوله الله - سئورغ
رسول یغ کفرچیان درقد قومن یا ایت سیدنا محمد
بن عبدالله نبی بقتیاد تاهو مباح منولیس اوله نیاد
بلاجر دغن سیاف جوانون سهای منجوقکن
کفد جان بشیر دان ترغ دان دفرقواتسکن فول
اوله توهن دغن معجزه یسها برس یا ایت «القرآن
الحکیم» مک دقیمینه اوله رسول الله سکالین
مریک بشجاهل دان سسه بارة ایت کجالن بهلورس
هشک نشله کفرچیان دان حال احوال مریکشیت
سرت بمز اوله کریشات توهن دان منداقة
کچیان هیدوف یغ سمفرن. مک دغن سبب ایت
رسول الله فون مندریتا براف کوساهن دان فنه
له یغ سکرا ۲ نیاد ترهکوغ اوله کونغ یغ تشکی.
اکنتانی سگشون یهدمکین ایت ادا مک نیاداله
دهراوکن اوله رسول الله، بهکن سماکین برقمه ۲
فوا عزم دغن راجین دان نکون دالمحال میرو
دان منصیحتکن مانسی کفد جالن یهدرضای
کران تله دکتوین هوا توهن اکن مقرنیا کنیدی
سکل کقوان، کچر کاسن، دان تنف دهدان
سکل الاغن یهدراتسکن اوله قومن، دان فد
اخرن اکن منداقة کچیان دان کنانغ یغ چمرلم.
هوا جکلو بکیان سکالیقون کیشکین دان
کقوان اورغغ نیاد دجنجیکن توهن مساکن
برجای سروان ایت کران سکالین مانسی فدکتیک
ایت تله تشکر دالم لاوتن جاهل دان طاعة منوره
هوا نفسو یشتیاد برحد.

(برسبوغ)



yang sempurna tambahan pula diutuskan oleh Allah seorang
 rasul yang kepercayaan daripada kaumnya iaitu Saiyidina Muhammad
 bin Abdullah, nabi yang tiada tahu membaca menulis oleh tiada
 belajar dengan sesiapa jua pun supaya menunjukkan
 kepada jalan yang benar dan terang dan diperkuatkan pula
 oleh Tuhan dengan mukjizat yang maha besar iaitu "al-Qur'ān
 al-Hakīm" maka dipimpinlah oleh Rasulullah sekalian
 mereka yang jahil dan sesat barat itu ke jalan yang lurus
 hingga tetaplah kepercayaan dan hal ehwal mereka itu
 serta memperoleh keredaan Tuhan dan mendapat
 kejayaan hidup yang sempurna. Maka dengan sebab itu
 Rasulullah pun menderita beberapa kesusahan dan penat
 lelah yang sekira-kira tiada tertanggung oleh gunung yang tinggi.
 Akan tetapi sungguhpun yang demikian itu adanya maka tiadalah
 dihiraukan oleh Rasulullah, bahkan semakin bertambah-tambah
 kuat azam dengan rajin dan tekun dalam hal menyeru
 dan menasihatkan manusia kepada jalan yang diredai
 kerana telah diketahuinya bahawa Tuhan akan mengurniakan dia
 segala kekuatan, kecergasan, dan tetap di hadapan
 segala alangan yang didatangkan oleh kaumnya, dan pada
 akhirnya akan mendapat kejayaan dan kemenangan yang cemerlang.
 Bahawa jikalau bagaimana sekalipun kebangkitan dan
 kekuatan orang yang tiada dijanjikan Tuhan masakan
 berjaya seruan itu kerana sekalian manusia pada ketika
 itu telah tenggelam dalam lautan jahil dan taat menurut
 hawa nafsu yang tiada berhad.

(bersambung)



Peredaran Masa

oleh Qadiri - Endau

Dari tiada kepada ada, dari kecil membawa ke besar,
 dari muda kepada tua, sekonyong-konyong panggilan Tuhan tiba.
 Begitulah seterusnya keadaan makhluk, tiada sekali-kali boleh
 ditahan-tahan masa yang beredar dari di tiap-tiap jam
 yang berjalan itu. Maka kiranya kita lalai dan alpa
 daripada menggunakannya kepada jalan yang berguna, kecewa
 dan rugilah kita, sebaliknya siapa yang sedar dan berjaga
 daripada menghilangkan masa dengan percuma berbahagialah ia.

Belum berapa lama lepasnya kita dalam pemerintahan suatu
 kaum yang zalim, sekarang telah hapus dan berganti dengan
 pemerintahan lain, perjalanan dan lakonan yang lalu itu
 kita rasa sebagai mimpi sahaja. Demikianlah adanya
 kekuasaan Tuhan melakukan kehendak-Nya dan
 memperedarkan masa dengan cepatnya. Seandainya pada waktu
 ini kita ada mengajar beberapa orang murid tetapi harus
 pula pada suatu masa di belakang kita akan diajar
 oleh murid kita itu, orang yang tiada berfikir dengan
 halus dan selidik yang dalam tentu bersangka seseorang
 guru itu sampai bila-bila pun ia tiada akan menjadi
 murid kepada murid yang diajarnya itu.

Ingatlah! Peredaran masa membawa kepada berbagai-bagai
 hal, sahabat yang baik terkadang jadi seteru yang hebat.
 'Aksinya seteru yang dahsyat boleh jadi seorang taulan
 yang dikasihi. Hai masa! Denganmu aku berjasa - sebabmu
 ku merasa - tenagamu sangat perkasa - wahai insan -
 ingatlah pesan - jika lekas bosan - akibatnya pengsan.

تاریخ فرسوراتن بهاس ملايو

(اوله حاج خالد ایوب)

هولو سمترتا فندودق ۲ فولو سوندا کچیل دسله تیمورن بهسا نکالوق ذلیفینا، دایق دهولو ایر بورنیو دان توراجا سلیمیس بایت منوره فیلیدیقتن فنیدت هاگین بنتو این ادرسمانن دغن بهسا فقوا ملیسییا کولیتن چوکلہ مودا رمبوتن اد سدبکیه کریتغ قد ستهه درفد ستهه دن منوره فیلیدیقتن (نیو ونهویس) اداله فواق دایق ایٹ ترهاکی دوا:-

1 - دایق کاین - ترماوق دالم بهاگین بشکلیم دباوه این .

2 - دایق دهولو ایر دیو - ترماوق دالم بهاگین بشکا مقة داتس این .

(5) بهسا ملايو جاتی: بایت براصل دري اسام اندوچینا سبب فون دکتا کن دمکین کران بهاس ملايو ایٹ سرومفون دغن بهاس اورغ چم دنکری انام دان دغن بهاس اورغ فیکوه دیوما دان فولو مر کرای دان دغن اورغ کاسی دالم نگری اسام دان بهاس اورغ موندنا دالم نگری چوتا نکافور هندوستات بایت حاصل درفد فرجمهوراف داره دغن بهسا ۲ موغکول اتو داره اریات .

اداله صفة ۲ اورغ ملايو ایٹ بنتوق بلدانن صدرهان، فنجشن اتو کل رات دري 135 ستمیجیند هسک 162 ستمیجینر . کولیتن صغرت کولیه ساوه اتو لسه رمبوتن هینم لوروس دان ترکاوغ ۲ اد بوکلو مبع سدبکیه، جشکوه دان بولو توبه بلدانن

(سمبوغن بیلاغن (2) تاهن بهغرتام

(2) - دانلاکي ترماوق درفد فندودق ۲ اصلي بایت فواق یٹ مهبو بای بنتوق (ویدا) فواق این برأصل درفد فولو سیلون بلدانن کچیل کولیتن ساوه ماتم رمبوتن هینم دان براومبق (کریتغ) مٹان چوکلہ هیدوغن فیسیه دان لیبر هوچشن . اداله فواق ۲ این بوله دکتا کن سوده ما اد دداتاتی لاکي کران بایق فرجمفوران دارهن دغن بهسا ۲ یغلائن امقام فواق ۲ فونان، آوه ۶ یوکیان، دقولو بورنیو، اشکانو، کوبو، لوبو، تالم اتو تووالا دقولو سلیمیس اورغ موق ۶ دقولو مر کرای برما سلانن، اورغ لاوه دفتی ۲ باره سمبجوغ تانه ملايو، دقولو ۲ ریو دان بشکا دنما کن اورغ رعایه دالم فاسوقکن اورغ لاوه این ترهاکی قول کشد اورغ - نینتر دان بدوندا کالغ دسیغافورا، فواق منتوغ دقولو یسکا، اورغ ساکی دقولو بشکا دان بلینوغ، فواق انباس دان ناتونا دقولو تبلان، اورغ بابو اتو باجو دقولو ۲ بورنیو سلیمیس ملوکو دان سوندا کچیل، اورغ سامل دسولو، فواق ۲ متوای نیاس بانق کارو دسمترا دان اورغ دایق بورنیو .

(3) - بهسا نیاس ایٹ اصلن دریه دایره موغکول کولیتن کونیت مٹان صیغیه .

(4) - بهسا ملايو فورتو اتو فورو (اکفن توتو) براصل دري تانه بسر اشیا دائره کراسن اسام دان اندوچینا بایت فواق ۲ بانق، دایق



Tārīkh Persuratan Bahasa Melayu

(Oleh Haji Khalid Ayub)

(Sambungan bilangan (2) tahun yang pertama)

(2). Dan lagi termasuk daripada penduduk-penduduk asli iaitu puak yang mempunyai bentuk (Weda) puak ini berasal daripada Pulau Ceylon badannya kecil kulitnya sawo matang rambutnya hitam dan berombak (kerinting) matanya coklat hidungnya peset¹ dan lebar hujungnya. Adalah puak-puak ini boleh dikatakan sudah tak ada dipapati lagi kerana banyak percampuran darahnya dengan bangsa-bangsa yang lain umpama puak-puak Punan, Ot, Bukitani, di Pulau Borneo, Enggano, Kubu, Lubu, Talang atau Tuala di Pulau Celebes orang Muwak, di Pulau Merkawi Burma Selatan, Orang Laut di Pantai-pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu, di Pulau-pulau Riau dan Bangka dinamakan orang riayah dalam pasukan Orang Laut ini terbahagi pula kepada orang Seletar dan Biduanda Kallang di Singapura, puak Mantong di Pulau Lingga, orang Sakai di Pulau Bangka dan Belitung, puak Anambas dan Natuna di Pulau Tambelan, orang Bayau atau Bajau di Pulau Borneo, Celebes, Maluku dan Sunda Kecil, orang Samal di Sulu, puak-puak Mentawai Nias Batak Karo di Sumatera dan orang Dayak Borneo.

(3). Bangsa Nias itu asalnya dari daerah Mongol kulitnya kuning matanya sepet.

(4). Bangsa Melayu Proto atau Poro (agaknya totok) berasal dari tanah besar Asia di daerah kawasan Assam dan Indochina iaitu puak-puak Batak, Dayak

Hulu, semetara² penduduk-penduduk Pulau Sunda Kecil di sebelah timurnya bangsa Tagalog di Filipina, Dayak di Hulu Air Borneo dan Toraja Celebes iaitu menurut penyelidikan pendeta Hagin bentuk ini ada persamaannya dengan bangsa Papua Malenesia³ kulitnya coklat muda rambutnya ada sedikit kerinting pada setengah daripada setengahnya dan menurut penyelidikan (Nieuwenhuis) adalah puak Dayak itu terbahagi dua:-

1. Dayak Kayan – termasuk dalam bahagian yang kelima di bawah ini.
2. Dayak di Hulu Air Debu – termasuk dalam bahagian yang ke empat di atas ini.h

(5) Bangsa Melayu jati: iaitu berasal dari Assam Indochina sebab pun dikatakan demikian kerana bahasa Melayu itu serumpun dengan bahasa orang Cham di negeri Annam dan dengan bahasa orang Pegoh di Burma dan Pulau Merkawi dan dengan orang Kasi dalam negeri Assam dan bahasa orang Monda dalam negeri Cheuta Najpur Hindustan iaitu hasil daripada percampuran darah dengan bangsa-bangsa Mongol atau darah Aryan.

Adalah sifat-sifat orang Melayu itu bentuk badannya sederhana, panjangnya pukul rata dari 135 sentimeter hingga 162 sentimeter. Kulitnya seperti kulit sawo atau langsung, rambutnya hitam lurus dan terkadang-kadang ada bergelombang sedikit, janggut dan bulu tubuh badannya

¹ Perkataan sebenar adalah pesek

² Perkataan sebenar adalah sementara

³ Perkataan sebenarnya adalah Melanesia.

ادفون اورخ ۲ ملایو اتو اندونسیا یم مندودقکی کاواسن لواری درفد لیشکوغن تیک فیرسکی ایت هیاله دسبوة کلایوان کران مریکیت لیه سوک دغن نام تانه ایر ماصیح ۲ منوروة بقسا دان بهاس یشد سمنفا کن کفدان کچوالی یم مریک تله بروکتورن دنانه ملایو این سدهله دشتکن اورخ ملایو ادان.

(فاسوقکن ۲ بهاس دالم دنیا)

برمول بهاس ایت ایاله فتو تران بائی ملفظکن فیکران دان فراسان دغن سوارا بوپی اتو دغن اشاره سیمین اتو تندا دهنم اوله اورغیغ وها دکن چا کف ایت اکفدان یغ سبغسا دغن سکاالیئون سفانه کات تنافی اد بیری فاندہ دنما کندی فر کتاهن دان درفد فر کتاهن ترسوسن مجادی بهاس اتو فرچا کفن بائی ماصیح ۲ بقسا ماصی (برسبوغ)

فد فوکل $4 \frac{1}{2}$ فتنه 19 ستمبر 1946 این تله دادا کن اوله گورو ۲ ملایو دان اگام لا کی ۲ دان فرمفوان سرت کاکی ناغن فجایة فلاجران سوات جاموان تبه یغ برسری دسکوله فرمفوان بندر جوهر کران بیری صلامه فر تو کاران توان یلیس فمشکو فحواس فلاجران کسکوله اعگریس سباتی گورو بر اعگریس کولبج جوهر دان نبیوة کدانغن توان ظومس مجادی کنتین ۱۰ داتارا یم بیری اوچان دالم مجلس ایت ایله فمشکو ناظر سکوله ملایو، فتلولا سکوله اگام، فیلیا سکوله فرمفوان، فیلیا سکوله اگام فرمفوان، دان ناظر سکوله تاملیل مجلس ایت برسورای لیه کورخ فوکل 6۰00 فتم

همفد تباد، لیاغ اتارا کلوفق مات لیه تربوک درفد اورخ چینا، مات ایت تیدق فینچوغ، فوتن موک لیبر، تولغ فیشی بویغ، هیدوغ فیسیه، لیاغ هیدوغ غنق لیبر تمغه کدیامن مریکیت دنانه سمنچوغ دفتنی ۲ تیمور فولو سمنفا دان سلاتن سرت دفتنی ۲ اوتارا دان باره فولو بورنیو دانلاین ۲۰.

کاواسن نگرې ملایو یشتول

ادفون یشد کتا کن کاواسن نگرې ملایو یغ بتول ایت ددافاتی مناسبه دالم لیشکوغن سکی تیک داومفا کن سمرت کا دان \triangle اب ت کفلا سودوتن فد (۱) دتلوق بتوغ هوجم سلاتن قولو سمنرا کاره صله سوندا دان کاریس کاکی سکی (ب) دري سندا کن دالم برونی مابوا کاره فولو نیکور دغن ملاوی سگورا دسیام کدین دري کفلا سودوة ایت دگاریس دغن گورین فنجم برفچه دوا یشتوتام منوجو کاره تیمور لاهوة هتک برتو گورین ایت فد (ب) دسندا کن تادی دان گورین یشدوا منوجو کاره باره لاهوة هتک برتو گورین ایت فد (ت) دفولو نیکور یشد مسکن دمان ۲ فندودق نگرې دالم کاواسن ایت بولله دسبوة اورخ ملایو جانی دغن تباد ساله کران مریک ادهموبای بهاس سندیری دري سمولو جادین سوغکفون باقی بهاس لایب دفنجم سمرت تاملیل عرب فر تو گیس دانلاین ۲ تنافی بهاس سنسکریه یشد کتا کن دفنجم ایت صده سباتی سکالی هتک منجادی بهاس سنسکریه ایت ایبو بهاس ملایو.

hampir tiada, liang antara kelopak mata lebih terbuka daripada orang-orang Cina, mata itu tidak pencong, potongan muka lebar, tulang pipi membubung, hidung peset⁴, liang hidung nampak lebar. Tempat kediaman mereka itu di Tanah Semenanjung, di pantai-pantai Timur Pulau Sumatera dan selatannya serta di pantai-pantai utara dan Barat Pulau Borneo dan lain-lainnya.

Kawasan negeri Melayu yang betul

Adapun yang dikatakan kawasan negeri Melayu yang betul itu didapati munasabah dalam lingkungan segi tiga diumpamakan seperti keadaan [gambar segitiga] a, b, c. Kepala sudutnya pada (a) di Teluk Betong hujung selatan Pulau Sumatera ke arah Selat Sunda dan garisan kaki segi (b, c) dari Sandakan dalam Brunei membawa ke arah Pulau Nicobar dengan melalui Singora di Siam. Kemudian dari kepala sudut itu digaris dengan garisan panjang berpecah dua yang pertama menuju ke arah timur laut hingga bertemu garisan itu pada (b) di Sandakan tadi dan garisan yang kedua menuju ke arah barat laut hingga bertemu garisan itu pada (c) di Pulau Nicobar. Yang demikian di mana-mana penduduk negeri dalam kawasan itu bolehlah disebut orang Melayu jati dengan tiada salah kerana mereka ada mempunyai bahasa sendiri dari semula jadinya. Sunggulpun banyak bahasa lain dipinjam seperti Tamil, Arab, Portugis, dan lain-lainnya tetapi bahasa Sanskrit yang dikatakan dipinjam itu sudah sebatu sekali hingga menjadi bahasa Sanskrit itu ibu bahasa Melayu.

⁴ Perkataan sebenar adalah pesek

Adapun orang-orang Melayu atau Indonesia yang menduduki kawasan luar daripada lingkungan tiga persegi itu hanyalah disebut Kemelayuan kerana mereka itu lebih suka dengan nama tanah air masing-masing menurut bangsa dan bahasa yang disempenakan kepadanya kecuali yang mereka telah berketurunan di Tanah Melayu ini sudahlah disifatkan orang Melayu adanya.

(Pasukan-pasukan bahasa dalam Dunia)

Bermula bahasa itu ialah petuturan bagi melafazkan fikiran dan perasaan dengan suara bunyi atau dengan isyarat semboyan atau tanda difaham oleh orang yang dihadapkan cakap itu kepadanya yang sebangsa dengannya sekalipun sepatah kata tetapi ada memberi faedah dinamakan dia perkataan dan daripada perkataan tersusun menjadi bahasa atau percakapan bagi masing-masing bangsa manusia.

(bersambung)

Pada pukul 4 1/2 petang 19 September 1946 ini telah diadakan oleh guru-guru Melayu dan agama laki-laki dan perempuan serta kaki tangan pejabat pelajaran suatu jamuan teh yang berseri di Sekolah Perempuan Bandar Johor kerana memberi selamat pertukaran Tuan Bliss Pemangku Penguasa Pelajaran, ke Sekolah Inggeris sebagai guru besar Inggeris Kolej Johor dan menyambut kedatangan Tuan Thomas menjadi gantinya, di antara yang memberi ucapan dalam majlis itu ialah pemangku nazir Sekolah Melayu, pengelola Sekolah Agama, penyelia Sekolah Perempuan, penyelia Sekolah Agama Perempuan, dan nazir Sekolah Tamil. Majlis itu bersurai lebih kurang pukul 6.00 petang.

کتابوا سدیکیه

(اوله مجزیا)

ستورخ اورخ لاهوه (اورخ کوالا) برجالن ۲
 دفاسر دالم سبواه بندره تیبیا فد بشکو جوانن لادا
 (ای تیاد قرنه ملیه لاداه جادی ای ساعه حیدان
 دان تراریق هاتی ملیه بواه ایت مزه دان
 بر کیله ۲) - دغن تیاد بمایه کن فیکر دامیلین
 سبوتی دان تروس دماهنه بلوم فون هالیس
 سفاروه ای تله کفداسن دان برلوده ۲ لغوش لاری
 کلوار - دلوار ای کلیهاتن شیکور انجیغ ترغاشا ۲
 دان منجلیز ۲ کن لیدهن اوله وقت ایت هاری سدغ
 فانس تریق بره، دی دلپتن انجیغ ایت دمکین
 ایفون برکت: هاه!! کاو فون روفان ترکنا جوگ
 ماکن بواه ایت تادی دسیتو یا - ماری، ماری
 لکس کیت فرکی چاری ایر، انجیغ ایت بقسا
 جینیق قول دان ماهو سهاج معشکوه اورخ لاهوه
 ایت، تیبیا دجالن رای ای برجومشا سکومشوران
 اورخ بومبا سدغ برلایه منچوب کچر گاسن -
 دلپتن اورخ بومبا ایت بکرج برلوه ۲ تن
 مبوک فایف ایر دغی جانن ایت کدین دفاشکن
 گنه باگی منچوتکن ایر کانس بومبوغ ۲ رومه
 یغتریا کر - کیتولن دانس بومبوغ رومه دیندر
 ایت اد قول دوا نیک اورخ جینا بمباوا بلدی بکس
 صیمین کران بمباقیکی گنتیغ ۲ بوچور - اورخ ۲
 بومبا تادی بولومقاتن معیلا گنه ایت منجه تمک
 دانس لورین دان تروس منچوتکن ایر کانس
 بومبوغ ۲ ایت - جادی ماسقله ایر ۲ ایت کدالم
 بلدی ۲ جینا بشکرج دبو بوغ ایت - واه!!
 کات اورخ کوالا ایت برچا کف کفد انجیغ یغ

ستورخ لانون دغن مهراج اسکندر

قد سوات ماس ستورخ لانون تله دشکف
 دباوا کهدافن سربرهراج اسکندر شاه کران
 مرومقیق دان مرومقکن کشل ۲ - مک راج اسکندر
 فون ترساشته مرکان سرای یونیتته: کاموله ستورخ
 یغ مرومقکن کامان دان بمنسا کن کهدوفن
 مانی! جواب لانون ایت یغ - فاقونن توانکو یونیتته
 یوانی بر فاتیق معاچو کامان دنیا دان فاتیق
 منجادی راج سبواه کشل سهاج دان توانکو اد
 معویای بیراف بواه کشل یغ چو کف لشکف دغن
 الة سنجات - دانلاکھی بیراف باقیق کفکفکانن فرغ
 دارة دان لاهوه مک دغدیدهاله مفاهکن بیراف بواه
 نگری منجادی تعلق کفد کباوه دولی - اکنتتافی
 فاتیق دسبوه لانون دان توانسکو دسبوه راج دان
 فقاول کامان؟ سکیران نصیب کیت برتوکر تننوله
 فاتیق اکن براوله کجیاف دان توانکو براوله
 کروگین، دان تا داقیتاد کادان کیت فون برتوکر
 جوا - اقبیل دغر اوله راج اسکندر اکن جوافن
 لانون ایت مک ساشته تراریق فراسانن - مک ایفون
 منجادیکن لانون ایت ستورخ کای دغن شرط تیاد
 مرومقیق لاگی - دمکینه نیاسن کسلاهن اورخ هینا
 ایت دفریسر کن دان کسلاهن اورخ یغ ملیا سلالو
 دسبویکن اوله کلیانن.

بشبرام ۳: بکینی سومه اورخ بندر هندق معشیل
 ایر لیه بایک کیت بالیق کشفه اکو دسان کیت
 دغن موده بوله دافه ایر -

اجا گامه!! کسین بکینیله روفان اورخیم
 تاسوک ملوا سکن فنداغتن.

Ketawa Sedikit

(oleh Mahzia)

Seorang Orang Laut (Orang Kuala) berjalan-jalan di pasar dalam sebuah bandar, tiba pada bangku jualan lada (ia tiada pernah melihat lada, jadi ia sangat hairan dan tertarik hati melihat buah itu merah dan berkilat-kilat). Dengan tiada membayangkan fikir diambilnya sebutir dan terus dimamahnya, belum pun habis separuh ia telah kepedasan dan berludah-ludah langsung lari keluar. Di luar ia kelihatan seekor anjing ternganga-nganga dan menjelir-jelirkan lidahnya oleh waktu itu hari sedang panas terik benar, demi dilihatnya anjing itu demikian iapun berkata: Hah! Kaupun rupanya terkena juga makan buah itu tadi di situ ya. Mari, mari lekas kita pergi cari air, anjing itu bangsa jinak pula dan mahu sahaja mengikut Orang Laut itu, tiba di jalan raya ia berjumpa sekumpulan orang bomba sedang berlatih mencuba kecergasannya.

Di lihatnya orang bomba itu bekerja berebut-rebutan membuka paip air di tepi jalan itu kemudian dipasangkan getah bagi memancutkan air ke atas bumbung-bumbung rumah yang terbakar. Kebetulan di atas bumbung rumah di bandar itu ada pula dua tiga orang Cina membawa baldi bekas simen kerana memperbaiki genting-genting bocor. Orang-orang bomba tadi berlompatan menghela getah itu memanjat tangga di atas lorinya dan terus memancutkan air ke atas bumbung-bumbung itu. Jadi masuklah air-air itu ke dalam baldi-baldi Cina yang bekerja di bumbung itu. Wah!!! Kata Orang Kuala itu bercakap kepada anjing yang

Seorang Lanun dengan Maharaja Iskandar

Pada suatu masa seorang lanun telah ditangkap

dibawa ke hadapan Sri Maharaja Iskandar Syah kerana merompak dan merosakkan kapal-kapal. Maka Raja Iskandar pun tersangatlah murkanya seraya bertitah: Kamulah seorang yang merosakkan keamanan dan membinasakan kehidupan manusia! Jawab lanun itu “Yang sepatutnya Tuanku bertitah berani benar patik mengacau keamanan dunia dan patik menjadi raja sebuah kapal sahaja dan Tuanku ada mempunyai beberapa buah kapal yang cukup lengkap dengan alat senjata. Dan lagi beberapa banyak kelengkapan perang darat dan laut maka dengan dialah mengalahkan beberapa buah negeri menjadi takluk kepada ke bawah duli. Akan tetapi patik disebut lanun dan tuanku disebut raja dan pengawal keamanan! Sekiranya nasib kita bertukar tentulah patik akan beroleh kejayaan dan tuanku beroleh kerugian, dan tak dapat tiada keadaan kita pun bertukar jua.” Apabila didengar oleh Raja Iskandar akan jawapan lanun itu maka sangatlah tertarik perasaannya. Maka iapun menjadikan lanun itu seorang kaya dengan syarat tiada merompak lagi. Demikianlah biasanya kesalahan orang hina itu diperbesarkan dan kesalahan orang mulia selalu disembunyikan oleh kemuliaannya.

yang bersama-samanya: “Begini susah orang bandar hendak mengambil air lebih baik kita balik ke tempat aku di sana kita dengan mudah boleh dapat air.”

Aja gamat!!! Kasihan beginilah rupanya orang yang tak suka meluaskan pandangannya.

ذی القعدة 1365

مجلة فرايدران

اوقٲوبر 1946

مجلة فرايدران

اوله «قاديروي» اندو

١. انده ابيڻن وهي سودارا
ابله نقتھوان بربائي فركارا
امبيلله نقاجران سفائي مارا
ايات دان حديث دليلن كشتارا

ي. يقينله كيت فرايدران بربودي
بايت كند فوداء فودي
بغ ميريما كدانشن مسياف سودي
بغ چكل منافع سبائي عبيدي

د. دسيتوله سكلين فباج بھاد
دأتس اخلاص نثقله اد
دانغ مشنجوشي توادان مودا
دام گلورا اي ملندا

ر. رينتيسن اول چوب دايدر
روف باء كمشوخ تاء جادي بندر
رهسيا ترانتو سيائي فبادر
روف هبتم عبارة دفودر

١. انتازا ايت كيت بروسوازا
ايدران ماس سانشله سگرا
اجران، نصيحة بربائي فركارا
انصافله كيت جاعنه لارا

ن. ننتي دهولو جاشن داوچفكن
نه! ماريله كيت سگرا كن
نكرهي دان نوصا خدمه ديريكن
نصيب قوم چوب بقولكن



م. مجلة فرايدران مجلة اوتام
مشدوشي فركارا دنيا اكام
مقاكر برخدمة سودارا بوسام
مدمدمان ككل برفا لام

ج. جنجي دنفائي بيلا سواج
جان يثا بلك مولا دتاج
جاس يثا اخلاص جيك دياج
جادي اومقام سي سي باج

ل. لاواغ، فلواغ ديوي فول
لينتاسن فيكران اف سكل
لاجسكن قذ بيلا دان كالا
لواسكن نقتھوان جمفونله سيللا

ه. هنقرله كاراشن رواية انده
هائي يثا اخلاص «فرايدران» ترده
هندي تون هافوسكن كوتده
هاري دان ماس سمشيله سده

ف. فرايدران ماس تبادله الفا
قلبراله اي جاشن ترلوف
فرايدران سدي منكور ميف
فركارا كبيسكن تاقبيله سياف

ر. رواية، تاريخ اد ترهمفر
رسي دان اداب جوئك ترفافر
راكن عبارة برفوق قمر
روئي تاء ميباج عبارة لافر



Majalah Peredaran

oleh "Qadiri" Endau

M. Majalah peredaran majalah utama

Mengandungi perkara dunia agama

Mengaku berkhidmat saudara bersama

Mudah-mudahan kekal beberapa lama

J. Janji ditepati bila sahaja

Jalan yang baik mula ditaja

Jasa yang ikhlas jika dibaja

Jadi umpama si besi baja

L. Lawang, peluang diberi pula

Lintasan fikiran apa segala

Lajakkan kalam bila dan kala

Luaskan pengetahuan jemputlah sila

H. Hantarlah karangan riwayat indah

Hati yang ikhlas "Peredaran" terdedah

Handai taulan hapuskan gundah

Hari dan masa sampailah sudah

P. Peredaran masa tiadalah alpa

Peliharalah ia jangan terlupa

Peredaran sedia menegur menyapa

Perkara kebajikan tak pilih siapa

R. Riwayat, *tārīkh* ada terhampar

Rasmi dan adab juga terpapar

Rakan ibarat bertepuk tampar

Rugi tak membaca ibarat lapar

I. Indah isinya wahai saudara

Inilah pengetahuan berbagai perkara

Ambillah pengajaran supaya mara

Ayat dan hadis dalilnya ketara

Y. Yakinlah kita Peredaran berbudi

Iaitu kepada pemuda, pemudi

Yang menerima kedatangan sesiapa sudi

Yang cekal menatang sebagai abdi

D. Di situlah sekalian pembaca yang ada

Di atas ikhlas nampaklah ada

Datang mengunjungi tua dan muda

Dalam gelora ia melanda

R. Rintisan awal cuba diedar

Rupa bak kampung tak jadi bandar

Rahsia tertentu sebagai penyedar

Rupa hitam ibadat dipudar

A. Antara itu kita bersuara

Edaran masa sangatlah segera

Ajaran, nasihat berbagai perkara

Insafflah kita janganlah lara

N. Nanti dahulu jangan diucapkan

Nah! Marilah kita segerakan

Negeri dan nusa khidmat didirikan

Nasib kaum cuba betulkan



کواجیفن کفد اهل رومه

(اوله الجوهري)

دوا یضامة مستحق • یقترنام هندقله ای مقاعتبار کن فرمفوان اتو استدرین ایت سئورخ فنولوج اتو شر بیکه فد مپمقرنا کن کواجیفن ایت • در ایت هندقله ای لبه دهولو مپمقرنا کن حق ۲ استری یأیت علیا دان مشحرم تسکنندی، یشکدوا ماعتبار کنندیری بی سنذیری فنحاک دان فعاول اتق ۲ اتواهل رومهن • کران مریکیت کتق مکیکتکنندی مشکوخ کواجیفن سئومفام ایت جوا کران کتق ۲ فدهاری این اکن منجادی اورغنوا فد هاری ایو • دان مریکیتوله اکن منجادی سوات درفد اعگوت یشکرج دان وگون دالم فرگاولن عام • بگیان کیت فد هاری این، جبک بایک اسوهن دان دیدیقن کیت مک باقیله مریکیت دمکین جوا عکس فده حال کفد مریکیتوله وگتنوخ نصیب فرگاولن عام سام اد نایک کفد درجه کتقیکن اتوفون ترچاقوه کدالم لوبه کپینان دان کینسان، مک سموان ایت وگتنوخ کفد دیدیقن دري اول جادین یأیت درفد کندوعن ایوه ههگ کفد حد منجادی اورغنوا، بقدمکین کتقوا رومه اتو استدرین ایت ایله سئورخ بمترفکوخ سکل کسلان دان دوسا یقترنریکتک اوله اتق، کران ای فقتدبهد اسوهن اتق ۲ ایت • ادفون فد تمدن سکل بقسا یشحاجو ترلقله سکل کواجیفن ایت کفد فنداهن ایو • اکنتقایی فد فنداهن اگام اسلام لبه دهولو تله مپتا کن کفد سکلین عالم • یأیت فرمفوان فون سام ترغکوخ واجب مباحکن اسوهن اتق ۲

بهوا اوله اهل رومه اتو اتق ۲ دالمشار که اتو فرگاولن هیدوخ یقترنریکته سوات فرکارا یضامة بسر دان تهنکی متون • کران یأیت منجادی سوات اعگوت یشکرج دان وگون دالم توبه مشار که اتو فرگاولن رامی • جبک بایک فرگاولن رومهنهگ مک باقیله فرگاولن عام، سام جوا تیف ۲ سئورخ درفد اهل رومه ایت ساتو اعگوت درفد مشار که سیواه رومهن دري کران ایت چوب کیت فرها تیکن سکلین فندیت بقسا ۲ یقترنریکته دنیا این تراوتام فد ماس این ساقه برههگوه ۲ مریکیت منجادی جان هندق مباحکن حال رومهنهگ دغن مباحکی چاروا ۲ مبري فلاجران دان دیدیقن کفد رامی کران هندق مپمقرنا کن تهنوخن یضامة براه دالم مشار که بسان •

ادفون کپینان اهل رومه ایت ترسیقن ای فد دوا فرکارا یضامة بسر یغ منجادی کفلا باکی سکل بشلاین ۲: یقترنریکته مباحکن توبه بدان دان یشکدوا مباحکن دیدیقن دان اداب فراغی مک کدوا فرکارا این تیاد شک لاکئی ترغکوخ دانس تهنکوه کتقوا رومه منوره کهنق ۲ تمدن یغ سبتر دان فرجلان هیدوخ • در ایت واجب دانس کتقوا رومه مپمقرنا کن بگیان بقده سوتکن سانوفر ساتو دباوه این: • یقترنریکته مباحکن علم فلاجران دان دیدیقن اهل رومه اتو اتق ۲ •

بهوا سئورخ کتقوا رومه یغ هندق مپمقرنا کن کواجیفن کفد اتق ۲ مک لازمه ای مقاعتبار کن



Kewajipan kepada Ahli Rumah

(oleh al-Johori)



Bahawa adalah ahli rumah atau anak-anak dalam masyarakat atau pergaulan hidup yang bertamadun ialah suatu perkara yang amat besar dan tinggi mutunya. Kerana ia itu menjadi suatu anggota yang bekerja dan berguna dalam tubuh masyarakat atau pergaulan ramai. Jika baik pergaulan rumahtangga maka baiklah pergaulan am, sama jua tiap seorang daripada ahli rumah itu satu anggota daripada masyarakat sebuah rumah, dari kerana ini cuba kita perhatikan sekalian pendeta bangsa-bangsa yang di dalam dunia ini terutama pada masa ini sangat bersungguh-sungguh mereka itu mencari jalan hendak membaiki hal rumahtangga dengan membaiki cara-cara memberi pelajaran dan didikan kepada ramai kerana hendak menyempurnakan tanggungan yang amat berat di dalam masyarakat bangsanya.

Adapun kebahagiaan ahli rumah itu tersimpan ia pada dua perkara yang amat besar yang menjadi kepala bagi segala yang lain-lain: yang pertama membaiki tubuh badan dan yang kedua membaiki didikan dan adab perangai maka kedua-dua perkara ini tiada syak lagi tertanggung di atas tengkul ketua rumah menurut kehendak-kehendak tamadun yang sebenar dan perjalanan hidup. Dari itu wajib di atas ketua rumah menyempurnakannya bagaimana yang disebutkan satu-persatu di bawah ini:- yang pertama: membaiki ilmu pelajaran dan didikan ahli rumah atau anak-anak.

Bahawa seorang ketua rumah yang hendak menyempurnakan kewajipan kepada anak-anak maka lazimlah ia mengiktibarkan

dua yang amat mustahak. Yang pertama hendaklah ia mengiktibarkan perempuan atau isterinya itu seorang penolong atau syarikat pada menyempurnakan kewajipannya itu. Dari itu hendaklah ia lebih dahulu menyempurnakan hak-hak isteri iaitu memulainya dan menghormatkan dia, yang kedua mengiktibarkan dirinya sendiri penjaga dan pengawal anak-anak atau ahli rumahnya. Kerana mereka itu kelak menggantikan dia menanggung kewajipan seumpama itu juga kerana kanak-kanak pada hari ini akan menjadi orang tua pada hari esok. Dan mereka itulah akan menjadi suatu daripada anggota yang bekerja dan berguna dalam pergaulan am. Bagaimana kita pada hari ini, jika baik asuhan dan didikan kita maka baiklah mereka itu demikian jua 'aksunya' padahal kepada mereka itulah bergantung nasib pergaulan am sama ada naik kepada darjat ketinggian ataupun terjatuh ke dalam lubang kehinaan dan kebinasaan, maka semuanya itu bergantung kepada didikan dari awal jadinya iaitu daripada kandungan ibu hingga kepada had menjadi orang tua, yang demikian ketua rumah atau isterinya itu ialah seorang yang tertanggung segala kesalahan dan dosa yang diterbitkan oleh anak, kerana ia pentadbir asuhan anak-anak itu. Adapun pada tamadun segala bangsa yang maju terletaklah segala kewajipan itu kepada pandangan ibu. Akan tetapi pada pandangan agama Islam lebih dahulu telah menyatakan kepada sekalian alam. Iaitu perempuan pun sama tertanggung wajib membaiki asuhan anak-anak

دان علیہرا کعبیجانن توبہء ما کن میثوم، فاکی
 فآتوہ دان نئمقہ کدیامن انق ۲ دنن سمقرن دان
 لشکف سٹای مودله کیت منجائکن دیدیقن
 عقل آتو دیدیقن علم دان فراغی . ہی! الشکہ
 .الثن نصیب انق ۲ بغ بقان نیاد دافہ میمقرنا کن
 حق ۲ن . مک دیدیقہ مستحیل انق ۲ ایت اکن
 ترچبور کدالم سجاہہ ۲ حال فد ماس یسا کندلق .


ادقون بمبجاکن واغ دویہ کران اهل رومہ
 اتو انق ۲ ایت بوکنن سوات فرکارا بٹ سیاہ بیکن
 دفوجی اولہ شرع اسلام . بکجان سیدانی (ص)
 « مَا نَفَقْتُ الرَّجُلَ فِي بَيْتِهِ وَآهْلِهِ وَوَلَدِهِ وَخَدَمِهِ
 فَوَلَّهٖ سَدَقَةً » ارتین بارغیغ دینجا کندی اولہ
 ستورغ لاکي ۲ کفد اهل رومہ . انق ۲ دان خدمت
 مک یا ایت باگنن فلہا صدقہ . دانلاکي سیدان
 دیناراً انفقته فی سبیل اللہ وديناراً انفقته فی رقبۃ
 وديناراً تصدقت به علی مسکین وديناراً انفقته
 علی اهلک اعظمت اجرن الزین انفقته علی اهلک
 ارتین ساتو دینار بقتله اشکو بلنجا کن کفد ففراغن
 سبیل اللہ . دان ساتو دینار بقتله اشکو بلنجا کندی
 فد مردھیکا کن ممب دان ساتو دینار بقتله اشکو
 صدقہ کن کفد اورغ مسکین دان ساتو دینار بقتله
 اشکو بلنجا کندی کانس اهل اشکو مک یا ایت
 ترلیہ بسر فہلان بغ اشکو بلنجا کندی کفد اهل
 اشکو . تیدقکہ کمر کیت کمدین درقد تہ
 مندشر کتواشن این بمبجاکن اهل رومہ دان
 انق ۲ کیت ؟

ادقون اورغیغ بخیل کفد اهل رومہن ساعۃ ۲
 دچرچ اولہ اکام اسلام بکجان سیدانی کیت (ص)
 لیس منّا من وضع اللہ علیہ ثم قدر علی عیالہ

دغن کران ابنہ اکام اسلام تہ ملارغ قواۃ درفد
 مہینا کن اتو مرندمکن طرف فرمفوان . نشافی
 ہندقلہ لاکي ۲ ملیا دان بحرمتکن فرمفوان اتو
 اسقین بکجان بقدسورہ اولہ نبی کیت (ص)
 مَا كَرِمَ النِّسَاءَ إِلَّا كَرِيمٌ وَلَا أَعْلَنَ إِلَّا لَتِيمٌ
 ارتین نیاد اورغیغ ملیا کن فرمفوان ملیکن اورغیغ
 ملیا دان نیاد اورغیغ . مہینا کن فرمفوان ملیکن
 اورغیغ ہینا . دانلاکي سیدان « اِحْمَأْوِا النِّسَاءَ
 عَلٰی اَهْوَانِهِنَّ » ارتین ہندقلہ کامو تشکوغ سکل
 اولہ چیریویہ دان کچندرورغن فرمفوان .

ادقون فرمات اللہ سبحانہ و تعالی ددالم
 قرآن الکریم قد بیورہ اتق واجب طاعہ کفد
 ایورفان « وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَيَّانِي صَغِيرًا »
 ارتین کات اولمو با محمد بانو ہنسکو کرنا کن اقالہ
 کدوان رحمہ ریم تونہسکو کانس کدوان
 (ابو باف) بکجان کدوان تہ برلس کسین
 مندیدیق ممب فد ماس ممب لاکي کچیک . مک
 آیہ ابنہ بخجادی دلیل بغرغ منجورکن فرمفوان ۲
 ایت تشکوغ دالم بہاگین بفسر ددالم کواجیفن
 مندیدیق دان مقاسوہ انق ۲ن (تیدق لاکي ۲-ہاج)
 یسکدوان: بمبایسکن توبہ بدان اهل رومہ اتو
 انق ۲ .

بہوا جبک دکات بمبایسکن حال ددبقتن
 علم دان اداب فرغی انق ۲ ایت سوات فرکارا بشاۃ
 مستحق مک بمبایسکن توبہ بدان مر بکثیت قون
 سوات فرکارا بٹ مستحق جوا . کران فرکارا
 بغفرام ایت بوگتورغ قواۃ کبائن کفد فرکارا
 درسیب ایت واجبلہ دانس کتوا رومہ منجاکن
 یسکدوا . مثولہ ۲ن ابنہ منجادی فرکارا بغفرنام .



dengan kerana inilah agama Islam telah melarang kuat daripada menghinakan atau merendahkan taraf perempuan. Tetapi hendaklah laki-laki memulia dan menghormati¹ perempuan atau isterinya bagaimana yang disuruh oleh Nabi kita (S.A.W.)

"Mā akrama al-nisā' a illā karīmun wa lā ahānahunna illa la'īmūn"

ertinya "Tiada orang yang memuliakan perempuan melainkan orang yang mulia dan tiada orang yang menghinakan perempuan melainkan orang yang hina." Dan lagi sabdanya *"Ihmalū al-nisā' a 'alā ahwā' ihinn"* ertinya "Hendaklah kamu tanggung segala oleh cerewet dan kecenderungan perempuan."

Adapun firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* di dalam Qur'an al-Karim pada menyuruh anak wajib taat kepada ibu bapanya *"Wa qul rabbi arḥamhunā kamā rabbayānī ṣaghīrā"*² ertinya "Kata olehmu ya Muhammad, ya Tuhanku kurniakan apalah kiranya rahmat *rahīm* Tuhanku ke atas keduanya (ibu bapa) bagaimana keduanya telah berbelas kasihan mendidik hamba pada masa hamba lagi kecil." Maka ayat inilah menjadi dalil yang terang menunjukkan perempuan-perempuan itu bertanggung dalam bahagian yang besar dalam kewajipan mendidik dan mengasuh anak-anaknya (tidak laki-laki sahaja). Yang keduanya: membaikkan tubuh badan ahli rumah atau anak-anak.

Bahawa jika dikata membaikkan hal didikan ilmu dan adab perangai anak-anak itu suatu perkara yang amat mustahak maka membaikkan tubuh badan mereka itu pun suatu perkara yang mustahak jua. Kerana perkara yang pertama itu bergantung kuat kejayaannya kepada perkara dari sebab itu wajiblah di atas ketua rumah menjaga yang kedua seolah-olahnya ialah menjadi perkara yang pertama.

¹ Perkataan sebenar adalah menghormati
² Sūrah al-Isrā' ayat 24.

Dan memelihara kesihatan tubuh, makan minum, pakai patut dan tempat kediaman anak-anaknya dengan sempurna dan lengkap supaya mudahlah kita menjalankan didikan akal atau didikan ilmu dan perangai. Hai! Alangkah malangnya nasib anak-anak yang bapanya tiada dapat menyempurnakan hak-haknya. Maka tidaklah mustahil anak-anak itu akan tercebur ke dalam sejajah-jajah hal pada masa yang akan datang.

Adapun membelanjakan wang duit kerana ahli rumah atau anak-anak itu bukannya suatu perkara yang sia-sia bahkan dipuji oleh syarak Islam. Bagaimana sabda Nabi (S.A.W.)

"Mā anfaqahu al-rajulu fī baytihi wa ahlihi wa walidihi wa khadamīhi fa huwa lahu ṣadaqatun" ertinya "Barang siapa dibelanjakan dia oleh seorang laki-laki kepada ahli rumah, anak-anak dan khadamnya maka iaitu baginya pahala sedekah." Dan lagi sabdanya

"Dīnāran anfaqatuhu fī sabīli Allāhi wa dīnāran anfaqatuhu fī raqabatīn wa dīnāran taṣaddaḡta bihī 'alā miskīnīn wa dīnāran anfaqatuhu 'alā ahlika a'ḡamuhā ajrāni al-ladhinā anfaqatuhu 'alā ahlika"

ertinya "Satu dinar yang telah engkau belanjakan kepada peperangan sabilillah. Dan satu dinar yang telah engkau belanjakan dia pada memerdehkan hamba dan satu dinar yang telah engkau sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang telah engkau belanjakan dia ke atas ahli engkau maka iaitu terlebih besar pahalanya yang engkau belanjakan dia kepada ahli engkau." Tidakkah gemar kita kemudian daripada telah mendengar keterangan ini membelanjakan ahli rumah dan anak-anak kita?

Adapun orang yang bakhil kepada ahli rumahnya sangat-sangat dicerca oleh agama Islam bagaimana sabda Nabi kita (S.A.W.)

*"Laysa minnā wasī' a Allāh 'alayhi thumma qatara alā 'iyālihi"*³

³ Bersambung di muksurat 95.


زمان جاهليه بقتله دكوتى دان دظالمكن اوله
لاكي ۲ دشن برياكي ۲ چارادان كلاكوان هشك
داختياركن فرمفوان ۲ ليه تباد بركون درفد بنانقم
يايت دتام هيدوف ۲ - تباد حق بوسام دالم سكل
رونديشن دشن لاكي ۲، تباد بروحق منتوبه علم
كشداين ۲ تباد بروحق دانة فسلك بهسكن اي
دفسكاي، تباد بوله بركون اقبيل اي ته
دچريكن اوله لاكيش - تباد بروحق بمرننه هرتان
سندري، بهكن تر فونقم كشد لاكون سهاج هموة
اف سوكان، دكشوخ تباد برتالي بيلا لاكون
تباد سوكاندي، اقبيل كانين لاكيش اي تباد بوله
بركون بهسكن تنق منجادي سفوت همب
تبوسن كشد وارث سماق سلمانان دانلاين ۲ لاكي
درفد يفتوسبوة - دان بوكن سهاج دالم فرهمفون
بشاعرب، بهسكن سموا بشا پشدانس موك بومي
اين .

بقدمكين تباد سياف فون بيمهارة جرية
فكيق فرمفوان بيم سدغ ترهاوقغ ددالم لوبوه
كهينان دان كهينان يفتوسبوة ايت مليسكن
اقبيل ظاهرهلا اكام اسلام يفتوسبوة وچي يفتوباوا اوله
جنجوعن كيت صلى الله عليه وسلم، مك بوكنش
سهاج دفسكيش فرمفوان ۲ درفد سكل كظالان
بهسكن دملياكن فرمفوان ۲ سام دشن لاكي ۲ دالم
حق برعبادة كتههانن دان بلاستن دنكري
اشرة، دان دانوركنش سكل كوچيشن فرمفوان
ددالم مشاركة ميدوف دشن لاكي ۲ دشن كوچيشن
بم سوياي دان برفادن دشن كجادين فرمفوان بقلحه
لمبوة ايت يايت فرمفوان ۲ هتدقه مشميل فكرجان
ددالم رومه سباتي فقاوال هرت بندا سوايش دان
مقاشوه اتق سام اد لاكي ۲ دان فرمفوان درمجبوق

ارتين بوكن درفد امة كاشي بارعسياف بقتله
دلواسكن الله تعالى رزقيش كدين بخيل اي كشد
اهل رومين .

شرح اسلام تباد سكاله ۲ مپوره كيت دشن
حال رونق رافيق دان مهنوتوه ديري درفد ماكن
فاكي هشك جاديله سفوت حال اورغيغ ساعة
فيجبق اتو منجمققسندري فدا بهسكن كتهوانن
اكام اسلام . اكام اسلام مپوره كيت مبايقسكن
حال فچارين سماق بايك حال كهيدرشن كيت
دان سكل تكموشن كيت . مك بناف - سورغ ايت
هندق مبايقسكن حال كهيدوفون سبيك اي تباد
بكرج دان بواوسها؟ .

مك درسيب ايت وابجله كيت كتهوي بكميان
كادان بكرج دان بواوسها منجاري هرت فد
فتدانشن اكام اسلام بفاكن ديناكن بيلا اد فلواغ
كلق سماق هانوفله سكل سفاكان بشاله سفاكان
اكام اسلام بنجي كشد اورغيغ بكرج منجاري
هرت دان ككياك دنيا .



كيمياسن فرمفوان؟


اوله ملاقي جوهر

كبايقكن فنججور ۲ فرمفوان ملايو سام اد
لاكي ۲ دان فرمفوان دري منجبوق نفس ففراغن
اين تله هيبوه برجربة فكيق نمنا لاكي ۲ ميبسكن
فرمفوان ۲ دان مسمباليسكن حق ۲ يايت بكرج
بوسام ۲ دشن لاكي ۲ دالم كادان كاجوان بشاه
تانه ابو دان اكام كوزن؟ سوله ۲ سوارا تنقوتن
من بلكيش سام دشن سوارا لسان الحال فرمفوان ۲

ertinya "Bukan daripada umat kami barangsiapa yang telah diluaskan Allah Ta'ālā rezekinya kemudian bakhil ia kepada ahli rumahnya."

Syarak Islam tiada sekali-kali menyuruh kita dengan hal ropak-rapik dan mengutuk diri daripada makan pakai sehingga jadilah seperti hal orang yang sangat picik atau mencampakkan diri pada memecahkan kekuatan agama Islam. Agama Islam menyuruh kita membaikkkan hal pencarian supaya baik hal kehidupan kita dan segala tanggungan kita. Maka betapa seorang itu hendak membaikkkan hal kehidupan jika ia tiada bekerja dan berusaha?

Maka disebabkan itu wajiblah kita ketahui bagaimana keadaan bekerja dan berusaha mencari harta pada pandangan agama Islam yang akan dinyatakan bila ada peluang kelak supaya hapuslah segala sangkaan yang salah mengatakan agama Islam benci kepada orang yang bekerja mencari harta dan kekayaan dunia.



Kebebasan Perempuan?

oleh Melati Johor

Kebanyakan penganjur-penganjur Perempuan Melayu sama ada laki-laki dan perempuan dari semenjak lepas peperangan ini telah heboh berjerit-pekik meminta laki-laki membebaskan perempuan-perempuan dan mengembalikan hak-haknya iaitu bekerja bersama-sama dengan laki-laki dalam kawasan kemajuan bangsa, tanah air dan agama konon! Seolah-olah suara tuntutan mereka itu sama dengan suara *lisan al-hāl* perempuan-perempuan

zaman Jahiliah yang telah dikutuk dan dizalimkan oleh laki-laki dengan berbagai-bagai cara dan kelakuan hingga diiktibarkan perempuan-perempuan lebih tiada berguna daripada binatang iaitu ditanam hidup-hidup. Tiada hak bersama dalam segala rundingan dengan laki-laki, tiada berhak menuntut ilmu kepandaian, tiada berhak dapat pusaka bahkan ia dipusakai, tiada boleh berkahwin apabila ia telah diceraikan oleh lakinya. Tiada berhak memerintah hartanya sendiri, bahkan terpulung kepada lakinya sahaja membuat apa sukanya, digantung tiada bertali bila lakinya tiada sukanya dia, apabila kematian lakinya ia tiada boleh berkahwin, bahkan tetap menjadi seperti hamba tebusan kepada waris si mati selama-lamanya dan lain-lain lagi daripada yang tersebut. Dan bukannya sahaja dalam perhimpunan bangsa Arab, bahkan semua bangsa yang di atas muka bumi ini.

Yang demikian tiada siapa pun yang menyahut jerit-pekik perempuan yang sedang terhapung¹ di dalam lubang kehinaan dan kehambaan yang tersebut itu melainkan apabila zahirlah agama Islam yang maha suci yang dibawa oleh Junjungan kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, maka bukannya sahaja dilepaskannya perempuan-perempuan daripada segala kezaliman bahkan dimuliakannya perempuan-perempuan sama dengan laki-laki dalam hak beribadat ketuhanan dan balasannya di negeri akhirat, dan diaturkan segala kewajipan perempuan di dalam masyarakat hidup dengan laki-laki dengan kewajipan yang sesuai dan berpadan dengan kejadian perempuan yang lemah-lembut itu iaitu perempuan-perempuan hendaklah mengambil pekerjaan di dalam rumah sebagai pengawal harta benda suaminya dan mengasuh anak sama ada laki-laki dan perempuan dari semenjak

¹ Perkataan sebenarnya adalah terapung.

دجاد بکندي هتک ببنجادي سئوخ لاکي ۲ دان
 فرمفوان یهیرگون دان بکرج ددالم فرمفون امة
 اسلام یهد کهندککن اوله الله دان رسولن سفای
 متغیککن متو کهدوفن لاکي ۲ دان فرمفوان .
 ذات لاکي ۲ فول دواجبکن بکرج منجاري
 هرت کران بلجیا کهدوفن استریه دان انق ۲
 ذات بر فرغ کران منولکن سئوه ۲ بق منچروبو
 کهدوفن اومه اسلام دان اگان .

ادقوت کبیاسن فرمفوان برچمفور گاول
 دشن لاکي ۲ یبوکن بحرمن دان منددهکتندیری
 دیات ۲ تغکوغ وایغ جان رایس دان تمفة ۲
 رامی، ابئو که یهد کهندککن اوله لویر ۲ فرمفوان
 زمان موردن این؟ اتو کبیاسن یقتله دکریاکن
 اوله الله ذات رسولن ایت؟ ادقوت جیک
 برکهندق فد یفکدوا ایت یتدقله فابه دهیو ۲ کن
 لاکي ۲ منت حق ذات کبیاسن کران لاکي ۲
 ملایو فدهاری این تلهجو کف بمیبسکن فرمفوان ۲
 ترکاغ لبه درفد یهدهاروسکن اوله اگام .
 اداکه لاکي ۲ ملایو فد هاری این منگه
 فرمفوان بلاجر علم اگام دان علم دنیا؟ اداکه
 لاکي ۲، قاعنبارکن فرمفوان ۲ سقرت بارغ ۲
 جوانان دان نرنیکان؟ یتدقکه فرمفوان ملایو
 فد هاری این تله برسطرف دشن لاکي ۲ فد
 فیهق یقتله داتورکن اوله اگام؟ جیک ای؟
 یتدقله فانونه کیت مقهادفکن فرهانین کیت
 فدان بهکن فانونه لاکي ۲ برسقوره ۲ منجاری جانی
 بگیان هندق ماسوکن نلاجران فرمفوان دالم
 فرکارا اگام دان دیدیقشن انق ۲ سفای تفتله
 فرمفوان مشمیل بهاگین یهاونام باکی کماجون
 هیدوف برهکیا، دان جوا واجبله دانس لاکي ۲
 منجاری جانی بگیان هندق منجاگ مروء فرمفوان
 اسلام سفای تیاد فرمفوان اسلام ترچبور کدالم
 فرچمفوران یقتیاد برحد .


افیل کیت فرهاتیکن فد فریدان سکل
 کواجیشن یقتله دتکوغکن کفد لاکي ۲ ذات
 فرمفوان ایت مک پتاله کیت بق فرمفوان ایت
 تیاد واجب بکرج برچمفور گاول دشن
 لاکي ۲ دالم سکل میدان کهدوفن کران تغکوغن یقتله
 داوتوقکن کفدان ایت صده جو کف برة دان
 لواس توجوان مقصود ۲ دن ملینکن فرمفوان
 بق تیاد منکوغ کواجیشن منجاگ رومه تشک
 دان معاسوه انق سقرت فرمفوان جندا اتو یقتیاد
 اورغیم منکوغن مک هاروسله ای بکرج دلوار
 رومه کیران تیاد دافه ای بکرج دشن فکرجان
 یقتیشا ددالم رومه اکنتافی واجبله دانسن
 منجاگ سروءن بق سکیدا ۲، مهبلسکن وسقک
 دان فتنه کفد دیرن .

dijadikan dia hingga menjadi seorang laki-laki dan perempuan yang berguna dan bekerja di dalam perhimpunan umat Islam yang dikehendakkan oleh Allah dan Rasul-Nya supaya meninggikan mutu kehidupan laki-laki dan perempuan. Dan laki-laki pula diwajibkan bekerja mencari harta kerana belanja kehidupan isteri dan anak-anaknya dan berperang kerana menolakan seterusnya yang mencero boh kehidupan umat Islam dan agamanya.

Apabila kita perhatikan pada perbezaan segala kewajipan yang telah ditanggung kepada laki-laki dan perempuan itu maka nyatalah kita yang perempuan itu tiada wajib bekerja bercampur-gaul dengan laki-laki dalam segala medan kehidupan kerana tanggungan yang telah diuntukkan kepadanya itu sudah cukup berat dan luas tujuan maksud-maksudnya melainkan perempuan yang tiada menanggung kewajipan menjaga rumahtangga dan mengasuh anak seperti perempuan janda atau yang tiada orang yang menanggungnya maka haruslah ia bekerja di luar rumah kiranya tiada dapat ia bekerja dengan pekerjaan yang terbangsa di dalam rumah akan tetapi wajiblah di atasnya menjaga maruahnyanya yang sekira-kira menghilangkan wasangka dan fitnah kepada dirinya.

Adapun kebebasan perempuan bercampur-gaul dengan laki-laki yang bukan muhrimnya dan mendedahkan diri di mana-mana panggung wayang, jalan raya dan tempat-tempat ramai, itukah yang dikehendakkan oleh loyar-loyar perempuan zaman morden² ini? Atau kebebasan yang telah dikurniakan oleh Allah dan Rasul-Nya itu? Adapun jika berkehendak pada yang kedua itu tidaklah payah diheboh-hebohkan lagi meminta hak dan kebebasan kerana laki-laki Melayu pada hari ini telah cukup membebaskan perempuan-perempuannya terkadang lebih daripada yang diharuskan oleh agama.

 اسلام دالم حال بکرج، سفای ترلفس درند تودهن
 یقاهمکی کانس اکام اسلام اوله بقسا ۲ لاین - کران
 سربکثیت مغان کن اجران اکام اسلام ایتوله
 منجادیکن فیکو۲۰ سن مکشف دان ملس،
 بوسهجو قول دغن فتوا ۲ اجران ۲ عالم ۲ فلسو،
 اتو اورغیم بلوم معنی قمتوانن فد مهمکن
 کهندق ۲ دان توجوان اکام اسلام، سربکثیت
 مشق کن دنیا این تراک باکي اورغیم مؤمن دان شرک

Berkerja dalam Agama Islam

(Oleh *al-Jawhari*)

Bahawa jika kita pandang dengan sekali imbas sahaja nescaya ternampaklah kepada kita akan hal bangsa-bangsa yang di atas muka bumi ini sentiasa bersinggit dan bersengketa di antara satu dengan lain oleh hendak mengekalkan kelebihan masing-masing sama ada di dalam kecermatan atau pemerintahan. Dari sebab itu tiap-tiap seorang daripada bangsa-bangsa itu meninggalkan sama sekali kalimah malas dan segan di belakangnya, bahkan terhadap berharap mereka itu kepada kalimah bersungguh-sungguh semata-mata, dan mewajibkan oleh tiap-tiap mereka itu akan diri masing-masing menghimpunkan segala kaedah hemah, orang yang bertamadun pada zaman ini telah mengiktibarkan tiap-tiap agama itu menarik pengikut-pengikutnya kepada malas dan mengembalikan manusia kepada lembah kehinaan dan kerendahan hidup demikianlah dakyah-dakyah mereka itu.


Bahawa sekarang tidaklah saya hendak menyatakan apa-apa atas sangkaan mereka itu, akan tetapi saya suka hendak menerangkan perdirian dan kehendak-kehendak agama Islam dalam hal bekerja, supaya terlepas daripada tuduhan yang amat keji ke atas agama Islam oleh bangsa-bangsa lain. Kerana mereka itu mengatakan ajaran agama Islam itulah menjadikan pengikut-pengikutnya menggap dan malas, bersetuju pula dengan petua-petua dan ajaran-ajaran alim-alim palsu, atau orang yang belum sampai pengetahuannya pada memahami kehendak-kehendak dan tujuan agama Islam, mereka itu mengatakan dunia ini neraka bagi orang yang mukmin dan syurga

bagi orang kafir, kerana bersandar mereka itu kepada hadis "*Al-dunyā sijnu al-mu'minīna wa jannat al-kāfirīna*" dari sebab itu katanya, umat Islam tidaklah seyogianya mencari kekayaan dan kemewahan hidup di dunia ini. Maka dengan ajaran inilah telah meracun perasaan cita-cita umat Islam sehingga jadilah bagaimana yang diderita pada hari ini, iaitu hidup dengan miskin dan hina pada pandangan bangsa-bangsa lain, pada hal agama Islam telah memfardukan pengikut-pengikutnya supaya bersungguh-sungguh mencari kebahagiaan dan kemuliaan dunia supaya mewah makmur, begitu jua bersungguh-sungguh beribadat kerana mencapai kebahagiaan dan kemuliaan hidup di negeri akhirat yang berkekalan, bagaimana sabda Nabi kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* hendaklah kamu bekerja kerana dunia kamu dengan bersungguh-sungguh seolah-olahnya kamu hidup selama-lamanya. Dan hendaklah kamu beramal ibadat kepada Tuhan kerana akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati esok. Dan lagi sabdanya *Aṣliḥū dunyākum wa a'malū liakhiratikum ka annakum tamūtūna ghadan*" Ertinya hendaklah kamu memperbanyakkan kehidupan dunia kamu. Dan hendaklah kamu beramal ibadat kerana akhirat kamu seolah-olahnya kamu akan mati esok.

Bahawa dengan dua hadith yang tersebut ini sahaja pun memadahal untuk menolakkan tohmah dan tuduhan mereka yang berkata membanyakkan hal kehidupan dunia itu suatu

فرکارا یهدس رکای الله دان الله تعالیٰ، واجبکن همیان
 یو عبادات کران نگرې اخره سمات ۲، فد حال
 سر یکثیت تیدق مقهورې دنیا این نگرې هوروهارا
 بار عسیاف یه کرج نسچای مندا فة کبیات .
 دان بار عسیاف یغ مالس اکن مندافه کرو کین .
 اکنتانی اداله طبعه مانسی این تیاد فواسهاتی
 ملیکن چوکف کتراعن اتوفون تنف کرو دین
 سر یکثیت هتک توتوکر عبادات سر یکثیت
 منجادی فاسق دات طاعتن منجادی دوسا .
 دمکنله کبایکن فیکوه ۲ اکام اسلام یغساله
 همکن کهنق ۲ اکام سهتک دفرواینکن اوله
 طبعه دان کفرچیان یغ میلاهی کتراعن اسلام
 سهتک جادله سر یکثیت سحاحه ۲ حال، دان
 جیک کیت فرهانیکن حال سر یکثیت نسچای
 لاریله کیت اوله فنهو دغن کتا کونن درفدان .
 بهوا اکام اسلام ایت ایله سوات اکام بئاخیر
 دالم فرایدان عالم مانسی مک تبادله ای مقاسکن
 دغن عباده کران اخره سمات ۲، بهکن ای تله
 منتکن سفای مقهورینکن سکل فراغی یه کرس دان
 کلیسا دان منتکن بکرج دغن جان ۲ یغنمناسبه
 باگی فرجلان هیدوف، مبابیکن فراتوران اهل
 رومه دان چندروغ کغد منچاری رهسیا منگیکن
 متو مانسی سفای ترلفس درفد کینان هوا نفسو
 دان رنده یهتر یغسا کغد حیوان دان جرا مواجیکن
 یو عباده کغد الله دغن تریس اخلاص دان ملارغ
 قوا درفد متوره کهنق ۲ هوا نفسو شیطان .
 بهوا اداله یرووسها منچاری هرت کران
 میخفرنان کن کهنق تیف ۲، سئورغ، اتو کهنق
 ملارغ کورک اتو کهنق جمعه (فورهمفون رامي)
 اتوفون کران کهنق جنس مانسی سکلینن . مک

سموان ایت فرکارا ۲ یغ منولغ میخفینکن کغد
 ستهکی ۲ فکسه یهدقدرکن اوله توهن، کران اکام
 اسلام تله منتفکن بارغیم سهاس ۲
 اوتام یهدفر سمیهکن اوله هب کغد توهن
 ایله یرووسها منچاری هرت یغ حلال بکیمات
 یهدسبدا کن اوله رسول الله صلی الله علیه وسلم
 « أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ الْكَسْبُ الْحَلَالُ » ارتین
 سیابک ۲ عمالن ایت ایله یرووسها منچاری هرت
 یغ حلال دان جوا سیدان « مَنْ سَعَى عَلَى عِيَالِهِ مِنْ
 حَيْلِهِ فَبِهِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ . وَمَنْ
 طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا فِي عِنَافٍ كَانَ فِي دَرَجَةِ الشُّهَدَاءِ »
 ارتین بار عسیاف یرووسها منچاری هرت یغ حلال
 کران کهدوفن اهل رومه دان اتق ۲ مک یایت
 سفرت یو فراغ سبیل الله دان بار عسیاف منچاری
 هرت دنیا یغ حلال کران ملقسکن کفمیچیکسن
 اداله ای فکسه سفرت اورغیم ماتی شهید .
 جاعنله کیت یوسهتک اکام اسلام ایت سو کا کن
 فیکوه ۲ ن دودق سیا ۲ مهاج تنانی ای مواجیکن
 کیت یرووسها، دان مهاجبار کن اورغیم تیاد
 بکرج ایت ایله اورغیم منسیا ۲ کن فرکارا یغامة
 مستحق سبکیان سیدا نی کیت صلی الله علیه وسلم
 « طَلَبُ الْحَالِ قَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ » ارتین
 منچاری هرت یغ حلال ایت فرض عین اتس تیف ۲
 اورغ ۲ اسلام .
 تقوله توان ۲ برنان : افکه فائده هرت ایت
 مک سای جواب دغن سیدا نی کیت صلی الله علیه
 وسلم : سَيَأْتِي عَلَى أُمَّتِي زَمَانٌ يَحْتَاجُ الرَّجُلَ فِيهِ
 « لِلدِّرَاهِمِ بِقِيمِ أَمْرٍ دِينِهِ وَدُنْيَاهُ » ارتین



perkara yang dimurkai Allah. Dan Allah *Ta'ālā* mewajibkan hamba-Nya beribadat kerana negeri akhirat semata-mata, pada hal mereka itu tidak mengetahui dunia ini negeri huru-hara barangsiapa yang bekerja nescaya mendapat kejayaan. Dan barangsiapa yang malas akan mendapat kerugian. Akan tetapi adalah tabiat manusia ini tiada puas hati melainkan cukup keterangan atau pun tetap kerugian mereka itu hingga tertukar ibadat mereka itu menjadi fasik dan taatnya menjadi dosa.

Demikianlah kebanyakan pengikut-pengikut agama Islam yang salah memahamkan kehendak-kehendak agama sehingga dipermainkan oleh tabiat dan kepercayaannya yang menyalahi keterangan Islam sehingga jadinya mereka itu sejahat-jahat hal, dan jika kita perhatikan hal mereka itu nescaya larilah kita oleh penuh dengan ketakutan daripadanya.

Bahawa agama Islam itu ialah suatu agama yang akhir dalam peredaran alam manusia maka tiadalah ia mengasaskan dengan ibadat kerana akhirat semata-mata, bahkan ia telah menetapkan supaya menghancurkan segala perangi yang keras dan gelisah dan menetapkan bekerja dengan jalan-jalan yang munasabah bagi perjalanan hidup, membanyakkan peraturan ahli rumah dan cenderung kepada mencari rahsia meninggikan mutu manusia supaya terlepas daripada kehinaan hawa nafsu dan rendah yang terbangsa kepada haiwan dan jua mewajibkan beribadah kepada Allah dengan tulus ikhlas dan melarang kuat daripada menurut kehendak-kehendak hawa nafsu syaitan.

Bahawa adalah berusaha mencari harta kerana menyempurnakan kehendak tiap-tiap seorang, atau kehendak satu keluarga atau kehendak *jam'iyyah* (perhimpunan ramai) atau pun kerana kehendak jenis manusia sekaliannya. Maka

semuanya itu perkara-perkara yang menolong menyampaikan kepada setinggi-tinggi pangkat yang diqadarkan oleh Tuhan, kerana agama Islam telah menetapkan barang yang sehabis-habis utama yang dipersembahkan oleh hamba kepada Tuhan ialah berusaha mencari harta yang halal bagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* "*Afdalu al-a' māli al-kasabu al-halālī*" Ertinya sebaik-baik amalan itu ialah berusaha mencari harta yang halal dan jua sabdanya "*Man sa'ā 'alā 'iyālihi min ḥillihī fahuwa ka al-mujāhidī fi sabṭi Allāhi. Wa man ṭalaba al-dunyā ḥalālān fi 'ifāfin kāna fi darajati al-shuhadā'*" Ertinya barangsiapa berusaha mencari harta yang halal kerana kehidupan ahli rumah dan anak-anaknya maka iaitu seperti berperang *sabīllillāh* dan barangsiapa mencari harta dunia yang halal kerana melepaskan kepecekitan¹ adalah ia pangkat seperti orang yang mati syahid.

Janganlah kita bersangka agama Islam itu sukakan pengikut-pengikutnya duduk sia-sia sahaja tetapi ia mewajibkan kita berusaha, dan mengiktibarkan orang yang tiada bekerja itu ialah orang yang mensia-siakan perkara yang amat mustahak sebagaimana sabda Nabi kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* "*Ṭalabu al-halāli farīdatun 'alā kulli muslimin*" Ertinya mencari harta yang halal itu fardu '*ain* atas tiap-tiap orang-orang Islam.

Tentulah tuan-tuan bertanya: Apakah faedah harta itu maka saya jawab dengan sabda Nabi kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*: Saya 'ī '*alā ummatī zamānan yaḥtāju al-rajulu fihī 'il dirāhimi yuqīmu amra dīnihī wa dunyāhu*" Ertinya

¹ Ejaan sebenarnya ialah Kebajikan

مستحب دغن فیا کبکة مالس دان رنده جیتا ۲ یغ
دهیدف اوله امة اسلام فد هاری این .
(اد سبوغن)

== * گمالا حکمة * ==

73. نصیحة دنیا ایت ترله موده درفد
نصیحة اخوة .
74. فلواغ ایت سفرت اوان یغیرلاری .
75. سدیکه تکو عن ایت ساتو درفد
دوا کسنانغ .
76. بارغ اف یغ کامو تانم مک ایتوله یغ
کامو توای .
77. اورغیم دوستا ایت سفرت اورغیم
ساکیه دان اورغیم. بنر ایت سفرت اورغیم عافیة .
78. سکل یغدتنگه ایتوله یغ هندق دایکوة .
79. تیغ ۲ بگا کنداغ ایت همغیر .
80. تیغ ۲ یغته لالو ایت جاوه .
81. اورغیم چردیق ایت اورغیم مغبهتا کن
دیرین دان بر عمل دغن عمل یغ مبري فائده
کمدین درفد ماتی .
82. کلبسا دان بایق تیدور ایت
منجاوهکن درفد الله .
83. اورغیم ناهن هوا نفسو ایتوله
یغد کستا کن کای .
84. اورغیم چردیق ایت ابله اورغیم
مغیرا کن کها یغفنن .
85. سبکیان بدان اورغ ساکیه جک تیاد
مبري فائده مکانن دمکینله جومک افیل عقل
مخالسکندی اوله کاسه کندی مک تیاداله مبري
فائده سکل نصیحة .

لاحي اکندائغ فد سوات ماس امسکو تیغ ۲
سئورغ بر کهندقکن کغد درهم دان دینار کران
هندق مپمشرونا کن فکرجان اگام دان دنیان .
کران منغه درفد صحابتن یسکای سفرت سیدنا
عنان ابن عفان رضي الله عنه تله مندرما کن بلنجا
سوات کتوبوقکن تنرا ففراغن دغن سلسکغن
هشک مندافة کثوجین رسول الله صلی الله وسلم
بکیان سیدان «الْمَالُ الصَّالِحُ لِلرَّجُلِ الصَّالِحِ»
ارتین سبابک ۲ هرت یغ حلال ایت باگی لاکي ۲
یغ صالح . یغدمکین بنانکه دکتا کن اگام اسلام
تیدق سو کا کن ککیان . اینله زمان یغد سیدان کن
اوله جنجوغن کیت یغ واجب دانس کیت
منجوقکن کتوغن اگام اسلام بایت بوسه کوره
کیت براوسها منجاری هرت سیغک جادوله تیغ ۲
سئورغ چوکف چرکس دان چکف دالم
تیغ ۲ میدان کبیدوفن سفای ترهافوس سکل
سشکان دان تودهن یغته یاد بقول، دان درفد سشکان
یغ موعوگیکن سکل فرکارا دبدیقن دان فلاجران
دنیا اخره دري امة اسلام - هشک منجادسکن
اورغرای تیاد ملیه فر تنجوقن دان مندر اجران
اگام اسلام یغ سبیر ۲ دان بوفالیم کیت درفد
بر اوسها منجاری هرت ککیان . هان عمادا کن
دغن کبیدوفن یغ کوفق کافیق اوله مندر فتوا ۲
دان شرح توه عالم فلسو دان جاهل اکن رهسیا
اجران اسلام . بهکن منجوقکن سبکیت کشد
کیت جان ۲ یغ سسه هشک تیاد مشهورا کن سکل
فر تنجوقن دالم حکمة داوتسکن تیغ ۲ دان رسول ۲
دان ایتدی قول سبکیت منجوقکن اوبه ۲ یغ



lagi akan datang pada suatu masa umatku tiap-tiap seorang berkehendakkan kepada dirham dan dinar kerana hendak menyempurnakan pekerjaan agama dan duniannya. Kerana setengah daripada sahabatnya yang kaya seperti Saiyidina ‘Uthmān ibn ‘Affān *raḍīya Allāhu ‘anhu* telah mendermakan belanja suatu ketumbukan tentera peperangan dengan selengkapnya hingga mendapat kepujian Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bagaimana sabdanya “*Al-mālu al-ṣāliḥu lil rajuli al-ṣāliḥin*” Ertinya sebaik-baik harta yang halal itu bagi laki-laki yang soleh. Yang demikian betapakah dikatakan agama Islam tidak sukakan kekayaan. Inilah zaman yang disabdakan oleh junjungan kita yang wajib di atas kita menunjukkan keterangan agama Islam iaitu bersungguh-sungguh kita berusaha mencari harta sehingga jadilah tiap-tiap seorang cukup cergas dan cekap dalam tiap-tiap medan kehidupan supaya terhapus segala sangkaan dan tuduhan yang tiada betul, dan daripada sangkaan yang mengunakikan segala perkara didikan dan pelajaran dunia akhirat dari umat Islam sehingga menjadikan orang ramai tiada melihat pertunjukan dan mendengar ajaran agama Islam yang sebenar-benarnya dan berpaling kita daripada berusaha mencari harta kekayaan. Hanya memadakan dengan kehidupan yang kopak-kapik oleh mendegar fatwa-fatwa dan syarah tok alim palsu dan jahil akan rahsia ajaran Islam. Bahkan menunjukkan mereka itu kepada kita jalan-jalan yang sesat hingga tiada menghiraukan segala pertunjukan dan hikmah diutuskan nabi-nabi dan rasul-rasul dan tidak pula mereka itu menunjukkan ubat-ubat yang

mustajab dengan penyakit malas dan rendah cita-cita yang dihidap oleh umat Islam pada hari ini.

(Ada Sambungan)

(**Kemala Hikmah**)

73. Penasihat dunia itu terlebih mudah daripada penasihat ukhwh.
74. Peluang itu seperti awan yang berlari.
75. Sedikit tanggungan itu satu daripada dua kesenangan.
76. Barang apa yang kamu tanam maka itulah yang kamu tuai.
77. Orang yang dusta itu seperti orang yang sakit dan orang yang benar itu seperti orang yang afiat.
78. Segala yang ditegah itulah yang hendak diikut.
79. Tiap-tipa yang akan datang itu hampir.
80. Tiap-tiap yang telah lalu itu jauh.
81. Orang yang cerdik itu orang yang menghinakan dirinya dan beramal dengan amal yang memberi faedah kemudian daripada mati.
82. Gelisah dan banyak tidur itu menjauhkan daripada Allah.
83. Orang yang menahan hawa nafsu itulah yang dikatakan kaya.
84. Orang yang cerdik itu ialah orang yang mengira-ngira akan keabannya.
85. Sebagaimana badan orang sakit jika tiada memberi faedah makanan demikianlah juga apabila akal mengalahkan dia oleh kasihkan dia maka tiadalah memberi faedah segala nasihat.

﴿ هوراین حدیث ﴾

یعتد کند و خود دالم قرآن العظیم بو کن سہاج سمات ۲
دغن میورہ عمل عبادتہ تنافی دالمن تلہ معتدوعی
یونانی ۲ علمو دان حکمتہ بقدم علمو تاریخہ
دیدیقنن ادب، فراوسہان ابکونومی، علمو دقتور،
حتی علمو سیاستہ فون اد دپتا کن ددالم کتاب یعلیما
ابت۔ سقدر کیت اورغ ۲ اسلام تیدق تاهو بتول
مفکونتا کرن دان منجانکندی۔ دان ترکدغ ۲
دکتاب کن اکام اسلام ابت اکام بیغ میکتہ کما جوان
دان کچیان۔ والحال ای تیدق مفرقی کندوغن ۲
ددالم۔ مستهین فول ای فیم نو جوانن، تنافی تیدق
بولہ منجانکن۔ دغن چو کف دان جاوہ درقد
کیقینن۔

ددالم اکام اسلام مییمتہ میورہ دان میرو فدا
جوا فرکارا بیغ منداتسکن فاندہ سام اد کران
مصلحتہ خاص اتو عام۔

کیران اد فلواغ ان شالله ساي اکن منولیس
دالم فرکارا هوراین حدیث بیغ معتدوعی بھواف
اعتبار دان تولادن۔

باقی مورچسکن تریماکسیہ کفد سیدغ فقارغ
مجلہ فرایدردان اولہ کسودینن ہواتسکن رنجان
این یشدھارف دافہ بمبریے فاندہ کفد فبساچ ۲
یقدحر اتی۔

اولہ : أحب دار التعظیم

فرسدان جنجوعن کیت سیدنا محمد صلی اللہ
علیہ وسلم : «الاسلام یعلوا ولا یعلی علیہ» ارتین
بیرمول اکام اسلام ابت تریشکی دان تیدق
اد یعلیہ تیغکی درفدان : نوجوان دان کھندق حدیث
یقدانس ابن یا ابت منجورکن دان میتا کن کفد
کیت سکلین۔ بقاف بسر درجتن۔ یغکی موتون
دان کلیانن فدنتغ فرجلانن فرگرتن دان
کلواسن اکام کیت اسلام بقمہاسوچی این۔

درابت صو کالہ ساي مقهورایکن ددالم مجلہ
فرایدردان این دغن سچارا رعکس مدہماہرن
میری منفعہ کفد راسی۔

سسکونن اکام اسلام ایلہ ساتو اکام درفد
اکام یستول دان بقر، بو کف سہاج دا کو اولہ سکل
بشسا ددالم عالم این تنافی تونہ سندیری تلہ معا کو
دان علیا کنیدی دغن فرمانن «ان الذین عند اللہ
الاسلام» مفومن : ہوا علیما ۲ اکام دسیسی اللہ
ابت ایلہ اکام اسلام۔ جادی بارعیسایف کفغ قوۃ
دان نکوہ اکن اکام اسلام این دغن مشیکوہ
اف ۲ فرتہ تونہ دان منجاوہی۔ اف ۲ یقدنگن۔
سسکونن اورغ ابت مندافہ کلیان ددالم دنیا
دان اخرہ۔

کلیان دان کلواسن اکام اسلام مییمتہ تلہ تنفق
دسیسی کت سکلین۔ خصوصاً اورغیم تلہ مقلاجرین
دغن چو کف۔ دلان چوب فہمکن بتول ۲ اف



Huraian Hadith



Persabdan Junjungan kita Saiyidina Muhammad *sallā Allāhu alayhi wa sallam*: “*Al-Islāmu ya ‘lū wa lā yu ‘lā ‘alayhi*” Ertinya bermula agama Islam itu terbahagi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya: Tujuan dan kehendak hadith yang di atas ini iaitu menunjukkan dan menyatakan kepada kita sekalian betapa besar darjatnya. Tinggi mutunya dan kemuliannya pada tentang perjalanan pergerakan dan keluasan agama kita Islam yang maha suci ini.

Dari itu suka saya menghuraikan di dalam majalah Peredaran ini dengan secara ringkas mudah-mudahan memberi manfaat kepada ramai.

Sesungguhnya agama Islam ialah satu agama daripada agama yang betul dan benar, bukan sahaja diakui oleh segala bangsa di dalam alam ini tetapi Tuhan sendiri telah mengaku dan memuliakan dia dengan firman-Nya “*Inna al-dīna ‘inda Allāhi al-Islām*” mafhumnya: Bahawa semulia-mulia agama di sisi Allah itu ialah agama Islam. Jadi barangsiapa memegang kuat dan teguh akan agama Islam ini dengan mengikut apa-apa perintah Tuhan dan menjauhi apa-apa yang ditegahnya. Sesungguhnya orang itu mendapat kemuliaan di dalam dunia dan akhirat.

Kemuliaan dan keluasan agama Islam memang telah nampak di sisi kita sekalian. *Khuṣūṣan* orang yang telah mempelajarinya dengan cukup. Dalilnya cuba fahamkan betul-betul apa

yang terkandung di dalam Qur’an *al-‘Azīm* bukan sahaja semata-mata dengan menyuruh amal ibadah tetapi di dalamnya telah mengandungi berbagai-bagai ilmu dan hikmah yang di dalam ilmu *tārīkh*, didikan, adab, perusahaan ekonomi, ilmu doktor, hatta ilmu siyash pun ada dinyatakan di dalam kitab yang mulia itu. Sekadar kita orang-orang Islam tidak tahu betul menggunakan dan menjalankan dia. Dan terkadang-kadang dikatakan agama Islam itu agama yang menyekat kemajuan dan kejayaannya. Walhal ia tidak mengerti kandungan-kandungan di dalamnya. Setengahnya pula ia faham tujuannya, tetapi tidak boleh menjalankan dengan cukup dan jauh daripada keyakinan.

Di dalam agama Islam memang menyuruh dan menyeru pada apa jua perkara yang mendatangkan faedah sama ada kerana maslahat khas atau am.

Kiranya ada peluang *in shā’ Allāh* saya akan menulis dalam perkara huraian hadith yang mengandungi beberapa iktibar dan tauladan.

Banyak mengucapkan terima kasih kepada sidang pengarang majalah Peredaran oleh kesudian memuatkan rencana ini yang diharap dapat memberi faedah kepada pembaca-pembaca yang dihormati.

Oleh: *Uhib dar al-Ta’azīm*

فرکانولن هیدوف

(اوله عبدالغني يحيى)

(مسمبوغن بيلانغن (3) تاهرن يعقثرنام)

انداغ ۲ اداب يقد كذا كن فراسان هاتي فد فضل بقتله
لاو ايت دغن انداغ ۲ فراغي د كذا كن فراسان هاتي
جوا؟ جولون دغن ريفكس: يعقثرنام ايت انداغ ۲
اداب (فراسان هاتي) ايت ملا كو كن سكل انداغ ۲
طبيعة يغ تتف: تتافي انداغ ۲ فراغي يقد كذا كن
فراسان هاتي اين بهوا بوله اورغيغ تله توندوه كفدان
ايت تيدق طاعة قول كفدان. مثال سقرت:
سيوتيز با تو دان ستوعسكل كابو ائبيل كيت
چمققكن كدام اير نسچاي كيت دافا قاي با تو ايت
تفكم دان كابو ايت تفكل تراغوغ ۲ دانس اير.
مك حال يغ سماچ اين سلمان تباد براوبه كران
بايت سوات فراوران اتو انداغ ۲ طبيعة يغ تتف،
تتافي ائبيل سنورغ گورو مشيفتكن دوا اورغ مرید.
سچاي كدوان ايت مهمقرناكن سوات كواجيشن
مك تيدق هاروس كيت حكمكن كدوان ايت
تروس مهمقرناكن فرنه گورو ايت، كران تركادغ
بوله جادي كدوان ايت طاعة منوره فرنه، دان
تركدغ بوله جادي سنورغ سماچ طاعة دان يغ
سنورغ لائي منچوايكن اتو انكر، كران
طاعة دان انكر ايت ترديري دانس فرسدبان
كدوا مرید يعقثرسبوه ايت (تيدق ترديري دانس
سوره اتو فرنه گورو ايت. بوله دكناكن
انداغ ۲ اداب ايت لقسان فصیحة يغ بيچسان،
تتافي بوكله نيف ۲ فصیحة ايت مستي دتوره سكل
سوره دان تكمن.

3. انداغ ۲ فراغي.
مسكيقون كيت مانسي اين بييس اتو
سردك فد فكرجان اتو فريواتن كيت تتافي
كيت ترعلوق دباوه فرنه كواس يعقثرسبوبي
بايت فراسان هاتي (بوكنله كيبيسان كيت ايت
برفس سمات ۲).

سنورغ يعقثياد بر فراسان هاتي ايت بر جانله اي
منوره كايغينن هوا نفوس، بارغد جاوهكن الله
كيزان سنورغ ايت تباد بر فراسان هاتي، كران
بايت سغه درفد صفة طعة يعقثرسما كغد مانسي
جيك تباد نسچاي تبادله بويذا مانسي دغن
يغلاين. كران بوكنله كواس يعقثرسما مثل انتارا
يارغوغ بر دغن بارغوغ ماله ايت سماچ بوله مبيذا كن
كمانسيان تتافي كواس يعقثرسما كران انتارا
بارغوغ بابك دغن بارغوغ جاهة ايتقون ساعة مستحق
جوك، افا كه سوات كواس يغ مفا كف كيبيسان
كيت ايت؟ فد منچواين ايله فراسان هاتي؟ دباله
يغ ميمشين كيت كغد جان فرتنچوقتن. تيدق
جاوه، بهوا فراسان هاتي ايت بوله دوا مفا كن
سنورغ قاضي اتو حاكم يغ مپوس دان منفكم
كهدق ۲ انداغ ۲ يغ مساوي دغن كرق كروي
دان لشكه ۲ كهدفن مانسي. اتو ليه نفة لائي
بوله دكناكن فراسان هاتي ايت ايله سوات انداغ ۲
يغ كيت سكلين توندوه دان طاعة كفدان. بوله
جادي توبية سوات سوال: افكه فريذان داننارا

Pergaulan Hidup

(Oleh Abdul Ghani Yahya)

(Sambungan Bilangan (3) Tahun yang Pertama)



3) Undang-undang Perangai

Meskipun kita manusia ini bebas atau merdeka¹ pada pekerjaan atau perbuatan kita tetapi kita tertakluk di bawah perintah kuasa yang tersembunyi iaitu perasaan hati (bukanlah kebiasaan kita itu berlepas semata-mata).

Seorang yang tiada berperasaan hati itu berjalanlah ia menurut keinginan hawa nafsunya, barang dijauhkan Allah kiranya seorang itu tiada berperasaan hati, kerana iaitu setengah daripada sifat tabiat yang terbangsa kepada manusia jika tiada nescaya tiadalah berbeza manusia dengan yang lainnya. Kerana bukanlah kuasa yang boleh mengenal antara barang yang benar dengan barang yang salah itu sahaja boleh membezakan kemanusiaannya tetapi kuasa yang boleh membezakan antara barang yang baik dengan barang yang jahat itu pun sangat mustahak juga, apakah suatu kuasa yang mengkap kebebasan kita itu? Pada menjawabnya ialah perasaan hati! Dialah yang memimpin kita kepada jalan pertunjukan. Tidak jauh, bahawa perasaan hati itu boleh diumpamakan seorang kadi atau hakim yang menyusun dan menanggam kehendak-kehendak undang-undang yang sesuai dengan gerak geri dan langkah-langkah kehidupan manusia. Atau lebih tepat lagi boleh dikatakan perasaan hati itu ialah suatu undang-undang yang kita sekalian tunduk dan taat kepadanya. Boleh jadi terbit suatu soal: Apakah perbezaan di antara

undang-undang adab yang dikatakan perasaan hati pada fasal yang telah lalu itu dengan undang-undang perangai dikatakan perasaan hati jua? Jawabnya dengan ringkas: Yang pertama itu undang-undang adab (perasaan hati) itu melakukan segala undang-undang tabiat yang tetap. Tetapi undang-undang perangai yang dikatakan perasaan hati ini bahawa boleh orang yang telah tunduk kepadanya itu tidak taat pula kepadanya. Misalnya seperti: Sebutir batu dan setongkol kayu apabila kita campakkan ke dalam air nescaya kita dapati batu itu tenggelam dan kayu itu terapung-apung di atas air. Maka hal yang semacam ini selama-lamanya mana tiada berubah kerana iaitu suatu peraturan atau undang-undang tabiat yang tetap, tetapi apabila seorang guru mengingatkan dua orang murid supaya keduanya itu menyempurnakan suatu kewajipan maka tidak harus kita hukumkan kedua-duanya itu terus menyempurnakan perintah guru itu, kerana terkadang boleh jadi keduanya itu keduanya itu taat menurut perintah, dan terkadang boleh jadi seorang sahaja taat dan yang seorang lagi mencuaikan atau ingkar, kerana taat dan ingkar itu terdiri di atas persediaan kedua murid yang tersebut itu (tidak terdiri di atas suruh atau perintah guru itu. Bolehlah dikatakan undang-undang adab itu laksana penasihat yang bijaksana, tetapi bukanlah tiap-tiap penasihat itu mesti diturut segala suruh dan tegahnnya.

¹ Ejaan sekarang merdeka

ستغه درفد کواجیفن انق ۲ کثل ایت هندقله ای
فندی برنغ . دان جیک ای چوای آن کواجیفن
ایت دیاله اورغیغ منغکوغ جنابه دیرین سندیری،
دمکینله حال سایی همفید ۲ سده هندق سایی
تنگلکن، تنافی فراسان هاتی سایی تله منجریه فد
تلیغا سایی دغن دوا فاته فر کتان یغ ساعه مبري
کسن کفد سایی یا بیت «اشکو فنا کوه!» تتکل
ایت ساییفون تروس منجمفکندیری کدالم سوغی
ایت لالو میلماکن اورغ دالم کلاخن ایت دغن
تیاد سدبکیه فون کسوساهن .

(فصل یفکنتیک)

(1) کلیان مأنسی .

کیت تله سدی مشهوی هیا مأنسی ایت تله
دجادیکن سردهک، برعقل دان منغکوغ جواب
فد فکرجان یغتریه دغن کیندقن سندیری،
دانف تربیدا کادانن درفد یغلاین دغن یدراف
انگراهن توهن یغساعه ۲ دفرهک دان دحرمکن
(دغن اد کاهوان دان فراسان هاتی) مک سموان
ایت منجاریکن سسورغ لایق میندغ درجه
کلیان یغواجب دغلیهرا، سغای تیدق ترجبور
کدالم لیغکوغن کائنات یغ سمات ۲ توندو، کفد
کایغین طبعان سهاج: دري ایت کواجیفن یغفرام فد
اندغ ۲ اداب تله مشحرمکن مأنسی مندغ کفد
کلیان یغ کبالی کفد دیرین سهاج دان مشیکوه
هوا نفسو .

یومول صیغه یغ منجاریکن سسورغ ایت
ملیا کبالی کفد نیگ فرکارا: فرنام چودیق، کدوا
فرتقاهن دان یفکنتیک برانی .

(اد سوغین)

والحاصل هیا اداله فرامان هاتی فد انداغ ۲
فراتی ایت فکرجان اتو جوانن مهوره برواه
بایک دان ملارغ برواه جاهه، تنافی ای آباد
برکواس بوله همفا اتس برواه اتو منه امکن
دمکین ایت .

هیا مأنسی ایت میغم طبیعه کجادیب یوسکچیت،
افیل ای طاعة دان منوره سروان فرامان هاتی
دان بردو کچیتا انیل ای انکر اکن سروان ایت کران
ای تراس کانکارانن ایت پلهای اتوران یغسا دان
سروسکتن کسلاهن رای . مک کترانن یغدمکین
ایت بوله ددافاتی دغن یغان فد کتیک کچاسن .
مثالی بیکان کات سسورغ تنترا: سایی سدغ بوجان
داتس سیواه جبان دسوغی یو فراتیس، ند ماس
ریبه سدغ بریوف دغن کچچقن، دسیله جبان
ایت اد سیواه نوغکغ یغ ساره دغن مواتن،
سکوب ۲ ترلفکو کفد جبان ایت لالو کلام . مک
سسورغ درفد انق توغکتم ایت تاناهو برنغ، ای
تله منچوب هندق میلماکن دیرین تیاد ترادی .

کتیک ایت فراسان هاتی سایی تله پیرو سغای
ترجون منولم اورغیغ مانغ ایت تنافی اوله کعدوران
دان سایی تله سروفا کن مضرة کاتس دیری سایی،
یغیل ترکنا سرجو کران سایی تله مغیند فیاکیه
اتیاد بوله ترکنا سرجو . دان سایی ترایغه جوا
تیدق اد اورغلاین یغ بوله منولم مک فد کتیک ایت
هاتی ساییفون بوله ۲ داننارا هندق منولم دغن تیدق،
کدین فراسان هاتی ساییفون مبرو دغن سقواه ۲
سروان سغای سایی منولم جوک اورغ ایت، دالم
فید ایت دانغ فول لیبتاسن هاتی سایی مشحرمکن
یغراف لام سایی اکن ترلنتر دتمقه تیدور اوله
فیاکیه روما تیزم، استمعیواقول افیل سایی ایغکن:

Walhasil bahawa adalah perasaan hati pada undang-undang perengai itu pekerjaan atau jawatannya menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat, tetapi ia tiada berkuasa boleh memaksa atas berbuat atau meninggalkan demikian itu.

Bahawa manusia itu memang tabiat kejadiannya bersukacita, apa ia taat dan menurut seruan perasaan hatinya dan berdukacita apa ia ingkar akan seruan itu kerana ia terasa keingkarannya itu menyalahi aturan bangsa dan merosakkan keselamatan raya. Maka keterangan yang demikian itu bolehlah didapati dengan nyatanya pada ketika kecemasan. Misalnya bagaimana kata seorang tentera: Saya sedang berjalan di atas sebuah jambatan di Sungai Euphrates, pada masa ribut sedang bertiup dengan kencangnya, di sebelah jambatan itu ada sebuah tongkang yang sarat dengan muatan, sekonyong-konyong terlanggar kepada jambatan itu lalu karam. Maka seorang daripada anak tongkang itu tak tahu berenang, ia telah mencuba hendak menyelamatkan dirinya tiada terdaya. Ketika itu perasaan hati saya telah menyeru supaya terjun menolong orang yang malang itu tetapi oleh keuzuran badan saya telah merupakan mudarat ke atas diri saya, apabila terkena sejuk kerana saya telah menghidap penyakit tiada boleh terkena sejuk. Dan saya teringat jua tidak ada orang lain yang boleh menolong maka pada ketika itu hati saya pun berbelah-belah di antara hendak menolong dengan tidak, kemudian perasaan hati saya pun menyeru dengan sekuat-kuat seruan supaya saya menolong juga orang itu, dalam pada itu datang pula lantasan hati saya mengingatkan beberapa lama saya kan terlantar di tempat tidur oleh penyakit *romatism*, istimewa pula apabila saya ingatkan:

Setengah daripada kewajipan anak-anak kapal itu hendaklah ia pandai berenang. Dan jika ia cuai akan kewajipan itu dialah orang yang mananggung jenayah dirinya sendiri, demikianlah hal saya hampir-hampir sudah hendak saya tinggalkan, tetapi perasaan hati saya telah menjerit pada telinga saya dengan dua patah perkataan yang sangat memberi kesan kepada saya iaitu “Engkau penakut!” tatkala itu saya pun terus mencampakkan diri ke dalam sungai itu lalu menyelamatkan orang di dalam kemalangan itu dengan tiada sedikit pun kesusahan.

(Fasal yang Ketiga)

(1) Kemuliaan Manusia.

Kita telah sedia mengetahui bahawa manusia itu telah dijadikan merdehka, berakal dan menanggung jawab pada pekerjaan yang terbit dengan kehendaknya sendiri, dan terbeza keadaannya daripada yang lain dengan beberapa anugerahan Tuhan yang sangat-sangat diperharga dan dihormati (dengan ada kemahuan dan perasaan hati) maka semuanya itu menjadikan seorang layak menyandang darjah kemuliaan yang wajib dipelihara, supaya tidak terceburlah ke dalam lingkungan khianat yang semata-mata tunduk kepada keinginan tabiatnya sahaja: Dari itu kewajipan yang pertama pada undang-undang adab telah mengharamkan manusia memandang kepada kemuliaan yang kembali kepada dirinya sahaja dan mengikutkan hawa nafsu.

Bermula sifat yang menjadikan seseorang itu mulia kembali kepada tiga perkara: Pertama cerdas, kedua pertengahan dan yang ketiga berani.

(Ada Sambungan)

كدودقكن ابليس

عليه اللعنة

قد زمانت فریکالا اد ستورخ راج تله
معاشتهارکن کفد سکلین مهب رعیتن مقناکن
یارغسیاف یشفادۀ منجوقکن کدودقکن ابلیس
دالم تیغفوه توجہ هاري اي اکن دهدقکن سراتس
دینار امس .

افیل سمئی فد هاري یهدجنجیککن ایت مک
فنهو سقله دبالی فهدمان کران هندق مفرسمهکن
جواب ماسیغ ۲ . سیاف دافۀ منجواب فرتیا نکو
فد هاري ایت ؟ تیتہ بگنندا . مک ماسیغ ۲ فون
برداتق سمیه دغن برباکی ۲ جوافن مستقن اد
یغبرکات : دمت کفلا ، دمتیانی ، دتیا دا دا
یغبرکات دفروۀ والحاصل برماچم ۲ له سمیه مریکشیت
اکنتتافی سواتقون تیاد برستوجو دغن فنداقان
بگنندا . دالم مجلس یغ هیة ایت برداتق سمیه ستورخ
صالح نمان حاج زین : دقوهنکن امقون بریبو ۲
امقون یاتوانکو شاه عالم ! بهوا کدودقکن ابلیس
عليه لعنة ایت فد همه فایتک ایله دتمقۀ یغ سو بی
دان لغتم . افیل ددغر اوله بگنندا ایقون ترصیوم
سرائی بریتیه هاج ؟ ایت بتول . اکنتتافی چوب
کامو چریتا کن بگیان کامو بوله دافۀ منجواب
برستوجو دغن فیکرانکو . سمیه حاج زین امقون
وانکو ؟ فایتک دغن دو کچیقا میتاکن کفد فاجل
کچیک دقوندو فایتک اوله تیاد دافۀ هندق
مسمیهکن جواب فرتیا کن کباوه دولی ایت . جوا بن
بایفا کو حاجتله سوسه ؟ ان شا الله سایه اکن
توئجوقکن تمقۀ ابلیس ایت .

قآکی ايسوقن فرکيله فایتک دوا براتق کفد

سوات سوغی یغ نغم دان سمق کران منچاري ابکن
دالم لو بو ۲ سوغی ایت . دالم فد ایت دغن تیاد
دسغک فاجل کچیک زینه ایت ملوچونکن فکانین
برتلصغ بولۀ افییل فایتک ترندغ هیلقه عقل
فایتک یغ سمقن یأیت همفیر ۲ فایتک ملاکوکن
فکرچان یغدلعهنۀ الله . دان دجلا اوله فراسان
کأنسیان جک تیدق فاجل کچیک ایت مپوره
فایتک براسغفار دات برتعوذ (أعوذ بالله من
الشیطن الرجیم) سواي برکات دسینله تمقۀ ابلیس
عليه لعنة ایت یا بشا کو یغ لکس معهارو اتق ادم .
سدخ باف دغن اتق سندریے بقاف کرس
هاسوتن افاته لاکئی دغن اورغلابن . دمکینله
چریتان یاتوانکو شاه عالم دغن معهارف امقون
جوا . تیتہ بگنندا سبرباله بگیان کتنامو ایت .
اینله سراتوس دینار امس هدیکو کثد کامو .

الحمد لله ! براباق ۲ فایتک معوجف شکر کفد
الله دان مفرسمهکن اوچاقن تریا کاسیه کحضرة
کباوه دولی توانکو کران مفریا لیسقه کرنا کباوه
دولی بشاعۀ برهرک این لالو برموهن کبالی کرومهن
دغن هاتی یغ ریا .

« بنوله کات شعیر »

ابلیس ایت ترالو فندی * منیفو مأنسی حاج دان لپی
دبتو نفسو برماچم بی * تروس دایکوة برمی ۲
افییل مأنسی سده دباوا * کلورغ معصیة تجوان هالا
ایقون سوک ترارا ۲ * ملیهتۀ تیغون تیدق گندالا
دمکین کا دان ابلیس لعنة الله ایت منجانکن
برباکی ۲ سیاستن کران مندقو جنس مأنسی تراوام
کفد مریک بهتیاد مگم کو کوه کفد اکام ملینکن
یغقله دفلیرا اوله توهن رب العالمین هاج یغقرسلامة .
اوله من — فوعقور

Kedudukan Iblis

'Alayhi al-la'nat

Pada zaman purba kala ada seorang raja telah mengisytiharkan kepada sekalian hamba rakyatnya mengatakan barangsiapa yang dapat menunjukkan kedudukan Iblis dalam tempoh tujuh hari ia akan dihadiahkan seratus dinar emas.

Apabila sampai hari yang dijanjikan itu maka penuh sesaklah di balai penghadapan kerana hendak mempersembahkan jawab masing-masing. Siapa dapat menjawab pertanyaanku pada hari itu? Titah baginda. Maka masing-masing pun berdatang sembah dengan berbagai-bagai jawapan setengahnya ada yang berkata: Di mata kepala, di mata hati, di telinga dan ada yang berkata di perut walhasil bermacam-macamlah sembah mereka itu akan tetapi suatu pun tiada bersetuju dengan pendapatan baginda. Dalam majlis yang hebat itu berdatang sembah seorang soleh namanya Haji Zayn: Dipohonkan ampun beribu-ribu ampun ya Tuanku Shah Alam! Bahawa kedudukan Iblis 'alayhi la'nat itu pada hemah patik ialah tempat yang sunyi dan lengang. Apabila didengar oleh baginda ia pun tersenyum seraya bertitah ha! itu betul. Akan tetapi cuba kamu ceritakan bagaimana kamu boleh dapat menjawab bersetuju dengan fikiranku. Sembah Haji Zayn ampun tuanku! Patik dengan dukacita menyatakan kepada pacal kecil di pondok patik oleh tiada dapat hendak menyembahkan jawab pertanyaan ke bawah duli itu. Jawabnya ya bapaku janganlah susah! *In sha' Allah* saya akan tunjukkan tempat Iblis itu.

Pagi esoknya pergilah patik dua beranak kepada

suatu sungai yang lengang dan semak kerana mencari ikan di dalam lubuk-lubuk sungai itu. Dalam pada itu dengan tiada disangka pacal kecil zinah¹ itu melucutkan pakaiannya bertelanjang bulat apabila patik terpancang terlihatlah akal patik yang sempurna iaitu hampir-hampir patik melakukan pekerjaan yang dilaknat Allah. Dan dicela oleh perasaan kemanusiaan jika tidak pacal kecil itu menyuruh patik beristighfar dan berta 'awudh (*A'udhu bi Allāhi mina al-shaytān al-rajīm*) seraya berkata di sinilah tempat Iblis 'alayhi la'nat itu ya bapaku yang lekas mengharu anak Adam. Sedang bapa dengan anak sendiri betapa keras hasutannya apatah lagi dengan orang lain. Demikianlah ceritanya ya tuanku Shah Alam dengan mengharap ampun jua. Titah baginda sebenarnya bagaimana katamu itu. Inilah seratus dinar emas hadiahku kepada kamu.

Al-hamduli'Lāh! Berbanyak-banyak patik mengucap syukur kepada

Allah dan mempersembahkan ucapan terima kasih ke hadirat ke bawah Duli Tuanku kerana menerima limpah kurnia ke bawah duli yang sangat berharga ini lalu bermohon kembali ke rumahnya dengan hati yang ria.

"Benarlah Kata Syair"

Iblis itu terlalu pandai * Menipu manusia haji dan lebai
Dibantu nafsu bermacam belai * Terus diikut beramai-ramai
Apabila manusia sudah di bawa * Ke lorong maksiat tujuan hala
Ia pun suka tertawa-tawa * Melihat tipunya tidak gendala

Demikian keadaan Iblis *la'natu Allāh* itu menjalankan berbagai-bagai siasatnya kerana menipu jenis manusia terutama kepada mereka yang tiada memegang kukuh kepada agama melainkan yang telah dipelihara oleh Tuhan *Rabb al-'ālamīn* sahaja yang terselamat.

Oleh Man – Punggur

¹ Ejaan sekarang zina

احوال کیت

اوچفکن تریما کاسپه کفد فباج ۲ یسودی مهنتر کن کاراغنن ایت ۰ دان کیت هارف مقاله یفده مهنتر کن کفد کیت باگی دسیار کن بو بنولن دغن داسر کیت بفاعصل ۰ سکل کاراغنن یغ کیت فیکر کن تیاد برلاوانن دغن داسر کیت اکن دسیار کن مفیکوه کیلیرانن .

(5) کیت تله حاضر دالم فاسر بولانن کفوغ - نوغچی جوهر بهارو کالی یفکامف یفته دادا کن فد 3 اوقتوبر 1946 این کیت دافاتی کا دان فاسر ایت دري سکالی کسکالی سما کین ترا تور دغن بایک ۰ فلاوة ۲ دري سیغافورا درفد گورو لاکي ۲ دان فرمقوان سما کین رامی دان اهل ۲ شر بکة فرنیگان کفوغ کلم فون تیاد کتبه گمانن مباوا فرنیگانن .

یغ مناریق کسوکان اهل ۲ کفوغ نوغچی ایله کاضران تون ستیاوسها رسدین کیشتر جوهر ۰ کیت هارف دغن جالن تون یفده حرماقی ایت فاسر این اکن مفریما کالفئن یغ مینبا ۰ مدسماهن منجادی سیواه تمقه لانهنن دالم فرنیگانن کچیک ۰ دغن دو کچیت کیت مینا کنن مقاله یغبرتا جو کن «مندیق کصیحاتن انق» اوله کتی لوغ جوهر ایت تله ترنکمل فقهاسنن اوله کسبلافن فغانور حروف کیت تیدق مفا بسکن سد بیکه لاکي مقاله ایت ۰ بک اینله سمبوغنن باگی تفانن فباج کیت هارف معاف جوا ۰

«راس کمانسان ایت کتی بو کن مہاج اکن مبالس جاس ایبو بقان تنافی جوک اکر منجادی انق یغبرگون کفد اگام ۰ بشا ازان تانه ایردان سماهتکن دباتو توارینخ کن شکورانن کفد نوغن یغ شرنیا مرنک دباوه فنیدیدق یغبرگون دالم دنیا دان اخره ادان» ۰

(1) تله سمفی کیجا کیت سیبله کریس ایله نام سیواه بولانن بیلاغن (3) یفد تر بیتکن اوله انیس فیلسیغ هاوس جوهر بهارو ۰ بارغسیاف یغ هندق مهنوی نصیب یسا کیت ملابو دالمحال اقتصاد ۰ فرگاوان دان کاجوان جمقوتله برلغکن دغن کریس ۰

(2) دغن هاتی یغ ریاکیت مبعیوه کدانغن اخبار فقاوه یغ جمرلغ بیلاغن 14 دان 15 سباتی توکاران دغن مجله کیت فد تیغ کالی کلواران ۰ بارغسیاف یغ هندق معاوه دري دالم حال اگام ۰ کاجوان ۰ فقهوان ۰ فرگاوان ۰ برلغکنله دغن فقاوه یفته دا کو کمشهورانن اوله عالم ملابو ۰

(3) دغن فراسان یغ گیزغ کیت مبعیوه کدانغن «فیدر» ایله سیواه مجله یفد تر بیتکن اوله جباتن بدان فیباران شوسمال باگی فرسکتوان فرستیان ملابو کوت بهارو کننن دوا کالی سبولن سباتی توکاران دغن مجله کیت فد تیغ کالی کلواران ۰ بارغسیاف یغ هندق مهنوی حال دري دالم فرگاوانن یسا یغبرداسر دغن برانی کران بتر ۰ جمقوتله برلغکن دغن فیدر ۰

(4) دغن دو کچیت هندق میبار کن مقاله ۲ یفته مهنتر کن کفد کیت اوله فباج کیت یسودمان کران کیت دافاتی مقاله ۲ ایت فنجغ ملویبه فد حال کیندق دان توجوانن سد بیکه ۰ تمباهن فول تیاد یروفایده کفد عام مهن کن کفد سوات فواق مہاج ۰ انو یا ایت مینتوه مروه سسورغ یغبرنتغو انو فواق یغبرنتغو ۰ سمشقون دمکین تنافی کیت

Ehwal Kita

(1) Telah sampai ke meja kita sebelah keris ialah

nama sebuah bulanan bilangan (3) yang diterbitkan oleh Anis Publishing House Johor Baharu. Barangsiapa yang hendak mengetahui nasib bangsa kita Melayu dalam hal iktisad, pergaulan dan kemajuan jemputlah berlanggan dengan Keris.

(2) Dengan hati yang ria kita menyambut kedatangan

Akhbar Pengasuh yang cemerlang bilangan 14 dan 15 sebagai tukaran dengan majalah kita pada tiap-tiap kali keluarannya. Barangsiapa yang hendak mengasuh diri dalam hal agama, kemajuan, pengetahuan, pergaulan, berlangganlah dengan Pengasuh yang telah diaku kemasyhuran oleh alam Melayu.

(3) Dengan perasaan yang girang kita menyambut

kedatangan "Penyedar" ialah sebuah majalah yang diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran Sosial bagi Persekutuan Persetian Melayu Kota Bharu Kelantan dua kali sebulan sebagai tukaran dengan majalah kita pada tiap-tiap kali keluarannya. Barangsiapa yang hendak mengetahui hal diri dalam pergaulan bangsa yang berdasar dengan berani kerana benar, jemputlah berlanggan dengan Penyedar.

(4) Dengan dukacita hendak menyiarkan makalah-makalah

yang telah dihantarkan kepada kita oleh pembaca kita yang budiman kerana kita dapati makalah-makalah itu panjang meleret pada hal kehendak dan tujuannya sedikit, tambahan pula tiada berfaedah kepada am bahkan kepada suatu puak sahaja, atau iaitu menyentuh maruah seseorang yang tertentu atau puak yang tertentu. Sungguhpun demikian tetapi kita

ucapkan terima kasih kepada pembaca-pembaca yang sudi menghantarkan karangannya itu. Dan kita harap makalah yang dihantarkan kepada kita bagi disiarkan berbetulan dengan dasar kita yang asal. Segala karangan yang kita fikirkan tiada berlawanan dengan dasar kita akan disiarkan mengikut gilirannya.

(5) Kita telah hadir dalam pasar bulanan Kampung

Nong Chik Johor Bahru kali yang keempat yang telah diadakan pada 3 Oktober 1946 ini kita dapati keadaan pasar itu dari sekali ke sekali semakin teratur dengan baik. Pelawat-pelawat dari Singapura daripada guru laki-laki dan perempuan semakin ramai dan ahli-ahli syarikat perniagaan Kampung Gelam pun tiada ketinggalan membawa perniagaannya.

Yang menarik kesukaan ahli-ahli Kampung Nong Chik

ialah kehadiran Tuan Setiausaha Residen *Commissioner* Johor. Kita berharap dengan jalan tuan yang dihormati itu pasar ini akan menerima galakan yang membina, mudah-mudahan menjadi sebuah tempat latihan dalam perniagaan kecil.

Dengan dukacita kita menyatakan makalah

yang bertajuk "Mendik' Kesihatan Anak" oleh Kak Long Johor itu telah tertinggal penghabisannya oleh kesilapan pengatur huruf kita tidak menghabsikan sedikit lagi makalah itu, maka inilah sambungannya bagi tatapan pembaca kita harap maaf jua.

"Rasa kemanusiaan itu kelak bukan sahaja akan

membalas jasa ibu bapanya tetapi juga akan menjadi anak yang berguna kepada agama, bangsa dan tanah air dan memahatkan di batu *tawārikh* akan kesyukurannya kepada Tuhan yang mengurniakan mereka di bawah pendidikan yang berguna dalam dunia dan akhirat adanya".

¹ Ejaan sebenar ialah Mendidik

فقہ کلامیہ اوتق

چوبالہ دھولو کڈوا ۲۱ سچوروس مپواغ فٹہ ملمقس اوتق سندیری منچاری جوابن کدین بہارولہ بندیشکن دغن جوائنن یغ سدیا۔
(اولہ ابراہیم چمی)


- 1 هوریکن 1 له بائق درفد 2۰4 کادغ ۲، 3 جارغ ۲
- 2 افکھ اشکان افکل دضرب دغن 2½ دان برجمله 12½
- 3 بکیمان جالن مفاورکن اشک ۲ ۰۰۱۰۲۰۳۰۴۰۵۰۶۰۷۰۸۰۹ مفاي جنهن جادي 100
- 4 ا داقب نام دوا بواہ بندر جاوہن 10 باتو ت دانث دوا اورغ فتوغکغ بیسیکل ماسیغ ۲ بولہ ملاریکن بیسیکلن لاجو 10 باتو صجم کالو کدوا ۲۱ برتوق سام ساتو وقتو یابت ت درمی ا فرکی کفد ب دانث درفد فرکی کفد الیف سیواہ موتوکر برلاری لاجون 40 باتو صجم براف باتو جاوہ موتوکر ایت فرکی دان بالیق هکک ت دانث کدوان برتوبوغ؟

• 5

x	x	x	x	x
x	x	x	x	x
x	x	x	x	x
x	x	x	x	x

• 1 1 6 0 4 6

گنتیکن حرف ۲ ایت دغن اشک ۲۰ 3 باریس اشک یغدابواہ ایت له ساتو درفد اشک ۲
فدا باریسن یغداستن



Penggamit Otak

Cubalah dahulu kira-kira sejeurus membuang penat melampas otak sendiri mencari jawabnya kemudian baharulah bandingkan dengan jawapannya yang sedia.

(Oleh Ibrahim Chik)

1. Huraikan 1 lebih banyak daripada 4, 2 kadang-kadang, 3 jarang-jarang.
2. Apakah angkanya apakala didarab dengan $2\frac{1}{2}$ dan berjumlah $12\frac{1}{2}$.
3. Bagaimana jalan mengaturkan angka-angka 0,1,2,3,4,5,6,7,8,9, supaya jumlahnya jadi 100.
4. A dan B nama dua buah bandar jauhnya 10 batu. C dan D dua orang penunggang basikal.

Masing-masing boleh melarikan basikalnya laju 10 batu sejam. Kalau kedua-duanya bertolak sama satu

waktu iaitu C dari A pergi kepada B dan D daripada B dan pergi ke A. Sebuah motokar

berlari lajunya 40 batu sejam berapa batu jauh motokar itu pergi dan balik hingga C dan

D keduanya bertembung?

5.

X	X	X	X	X
X	X	X	X	X
X	X	X	X	X
X	X	X	X	X

1 1 6 0 4 6

Gantikan huruf-huruf itu dengan angka-angka. 3 baris yang di bawah itu lebih satu daripada angka-angka pada barisan yang di atasnya.



کبتان دان اقرار اور غیر ماسق اکام اسلام

کبتان دان اقرار فرسہ بیتسیلو لاکي ۲ بقسا نصرانی اندیا
فرکل 12⁵/₆₀ داری ثلاث 6 هاریون ذالعهده 1365 برسمان دغن 1 هاریون اوقتوبر 1946
دهدافن ساي حاج احمد شاه بن حاج عبدالجبار
فشکو قاضي بسر جوهر

ادانہ ساي فرسہ بیتسیلو فرانککن کٹوخ میڈی نگری سراوق دفرائتکن فد 25 هاریون جولي
1921 دم ماس این دفادغ کفتایغ فندان تہوا فکرجان کتوا فکرجان بر عمر 25 تانہن باف ساي
نمان والتروف بیتسیلو دم دصمافورا سدہ ماتی ایو ساي فان دورا بیتسیلو دم دصمافورا اد ہیدوف .
فد هاري این ساي مٹاکو دغن سبزن دھدافن توان بغ ساي سدہ جو کف فیکر دان فرچاي
ہوا اکام اسلام ایت ایله صباک ۲ اکام اولہ سبب ایت دغن سوک هاتی ساي سندیری تلہ مہواککن
اکام کریستیان یقتلہ ساي مٹکن سلما ۲ این دان سوک ماسق اکام اسلام ایت .
دان فد هاري این جوک ساي مٹاکو دغن سبزن ۲ ہوا دغن سوک دان ریشا هاتی ساي دغن اختیار
ساي دان تیدق دفقسا اولہ سسیاف فون . ساي ماسقلہ مٹکن دان براکما کن اسلام دان جادي سؤرغیغ
براکام اسلام دغن ساي مٹوجف «أشهد أن لا اله الا الله وأشهد أن محمداً رسول الله» ارتین ساي تاهو،
ساي یقین، ساي اقرار کن دغن لیدہ، ساي بنرکن دغن هاتی ساي، ہوا تیاد توهن یغدمبہ دغن سبزن
دان اف ۲ بغ ساي سمبہ دھولو ایت سموان تیاد ملیتکن الله . دان ساي تاهو، ساي یقین، ساي اقرار کن
دغن لیدہ، ساي بنرکن دغن هاتی ساي، ہوا نبی محمد ایت فسورہ الله کٹد سکلمین مخلوق .
دان ہوا ترلفسلہ مایے درفد تیغ ۲ اکام بغ مہالککن اکام اسلام .

(*)

ساي مٹاکو اف ۲ بغ ساي چاکف داتن این سموان بتول دان ساي تلہ مہلیہ نام ساي ددالم
اکام اسلام یقہما سوچی یا ایت محمد فجمی بیتسیلو .

تندا تاغن ساي

d. Pahamy Vatsaloo



لیہہ صبلہ:-

(122)

دهدافن ساي

(ساین) حاج احمد شاه بن حاج عبدالجبار

قاضي بسر کراجان جوهر



Religion 47.

S.S 2400/32

Bilangan _____ 1 _____

Bilangan minit $\frac{197}{46}$ 

Kenyataan dan Ikrar Orang yang Masuk Agama Islam

Kenyataan dan Ikrar Percy Vatsaloo laki-laki bangsa Nasrani India

Pukul 12 5/60 hari selasa 6 haribulan *Dhu al-Qa'adah* 1365 bersamaan dengan 1 haribulan Oktober 1946

Di hadapan saya Haji Ahmad Shah bin Haji Abdul Jabar

Pemangku Kadi Besar Johor

Adalah saya Percy Vatsaloo peranakan Kampung Miri negeri Sarawak diperanakan pada 25 haribulan Julai 1921. Diam masa ini di Padang Kapal Terbang Pandan Tebrau pekerjaan ketua pekerjaan berumur 25 tahun. Bapa saya namanya Walter Paul Vatsaloo diam di Singapura sudah mati ibu saya namanya Dora Vatsaloo diam di Singapura ada hidup.


Pada hari ini saya mengaku dengan sebenarnya di hadapan tuan yang saya sudah cukup fikir dan percaya bahawa agama Islam itu ialah sebaik-baik agama oleh sebab itu dengan suka hati saya sendiri telah membuang agama Kristian yang telah saya memegangnya selama-lama ini dan suka masuk agama Islam itu.

Dan pada hari ini juga saya mengaku dengan sebenar-benarnya bahawa dengan suka dan reda hati saya dengan ikhtiar saya dan tidak dipaksa oleh sesiapa pun. Saya masuklah memegang dan beragamakan Islam dan jadi seorang yang beragama Islam dengan saya mengucap "*Ashhadu an Lā ilāha illā Allāh wa ashhadu anna Muḥammadan al-Rasūlullāh*" ertinya saya tahu, saya yakin, saya ikrarkan dengan lidah, saya benarkan dengan hati saya, bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya dan apa-apa yang saya sembah dahulu itu semuanya tiada melainkan Allah. Dan saya tahu, saya yakin, saya ikrarkan dengan lidah, saya benarkan dengan hati saya, bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah kepada sekalian makhluk. Dan bahawa terlepaslah saya daripada tiap-tiap agama yang menyalahkan agama Islam.

(*) _____

Saya mengaku apa-ap yang saya cakap di atas ini semuanya dan saya telah memilih nama saya di dalam agama Islam yang maha suci iaitu Muhammad Pahamy Vatsaloo.

Di hadapan saya
(Sain) Haji Ahmad Shah bin Haji Abdul Jabar
Kadi Besar Kerajaan Johor



Gamabr

Tandatangan saya
d. Pahamy Vatsaloo

Lihat sebelah:-

ذی الحجة 1365

* مجله فرایدوران *

نومبر 1946

کادان نوبه بدانن

تمکي 6 کاکي 3 اېنجي تنداي ۲۱ يځ تمق فاروة سبله لئن کيږي
ورن کوليتن قوتيه ۱۰ يره
» ريبوتن فيرخ
» متان هيتم

بر باقي ۲ فرايغانتن

تاريخ	فرايغانتن
	ساي اکن بلاجر اکام دغن شيخ منصور کراني فجابة فلاجران جوهر بهارو دان برسونت

نتیجه الاحمدیه الحقیقه 1947

بر بتولن هجرة ۱۳۶۶ دان ۱۳۶۷

الحمد لله، منجق تاهون 1942 بهاروله اين دافه دتريپکن نتیجه الاحمدیه سبکيات لياس وکوليه
کاین کاماسن له 200 موک
کندوغمان:-

(۱) کتراشن اخر دان اول بولن حقيقي، (۲) ممتولکن جم دغن متھاري وقت زوال، (۳) قبله ۲
سمهيج، (۴) فنبه دان فقورغ مینيه جم قد تيف ۲ نكري يځ مقمبيل وقت سمهيج دري نتيجه اين، (۵)
کتراشن اخر دان اول بولن حقيقي، (۶) هاريبولن افرنجي دان عربي حقيقي سرت وقت سمهيج، (۷) فلکسه
اورغ ۲ توا دغن لينتم توجه، (۸) هاري کلفاسن (هوليدي)، (۹) قرطاس فرايغانتن، (۱۰) ماجم ۲ دعا باقي
فرکونان ديري

هرگ هپاله \$1.50 سبواه

باقي بشريئاك دكورغکن 20 فراتوس
تيف ۲ فسانن هندقله بوسرت دغن واغ هرگان
فسنله سگرا دري سکارغ کفد:-

AL-AHMADIAH PRESS,

101, JALAN SULTAN, SINGAPORE.

Telephone 7080.

(123)



 Keadaan Tubuh Badannya

Tinggi 6 kaki 3 inci tanda-tanda yang nampak parut sebelah lenggan kiri

Warna kulitnya putih merah

“ rambutnya perang

“ matanya hitam

 Berbagai-bagai Peringatan

Tarikh	Peringatan
	Saya akan belajar agama dengan Sheikh Mansor kerani Pejabat Pelajaran Johor Baharu dan bersunat.

Natījah al-Aḥmadīyyah al-Ḥaqīqah

Berbetulan hijrah 1322 dan 1327

Al-ḥamdulī Lāh, semenjak tahun 1942 baharulah ini dapat diterbitkan *Natījah al-Aḥmadīyyah al-Ḥaqīqah* sebagaimana biasa berkulit kain keemasan lebih 200 muka.

Kandungannya:-

(1) Keterangan akhir dan awal bulan hakiki, (2) Membetulkan jam dengan matahari waktu *zawāl*, (3) Kiblat-kiblat sembahyang, (4) Penambah dan pengurang minit jam pada tiap-tiap negeri yang mengambil waktu sembahyang dari natījah ini, (5) keterangan akhir dan awal bulan hakiki, (6) Haribulan *Afranji* dan *Arabi* hakiki serta waktu sembahyang, (7) Pelangkah orang-orang tua dengan bintang tujuh, (8) Hari kelepasan (*Holiday*), (9) Kertas peringatan, (10) Macam-macam doa bagi pergunaan diri.

Harga hanyalah \$1.50 sebuah

Bagi yang berniaga dikurangkan 20 peratus.

Tiap-tiap pesanan hendaklah beserta dengan wang harganya.

Pesanlah segera dari sekarang kepada:-

AL-AHMADIAH PRESS

101, JALAN SULTAN, SINGAPORE.

Telephone 7080.

جترا فندیق

منجادی کانتق اقبیل اکو ملیہ کامو، درابت
هندقلہ کامو منجادی دویہ سمولا - تنافی کانتق ۲
ایت لاری جوادان تیکملہ فرمفوان ایت دغن
دو کچیتا اولہ کھیلاغن دویتن .

دمکینلہ اورغیغ فرجیاکن یثبوکن ۲ ایت
اکن کچیوا جوا کسوداغن .

سوداگر دغن بورغ گاکتق

فد سوات هاري سنورغ سوداگر تله مندغر
شرح سنورغ اهل نجوم کتان بارغسیاف دافه
ملیہ دوا ایکور بوروغ گاکتق تربغ سکاوان
فد فاتی ۲ هاري اورغ ایت اکن بواوله کاتوغن .
مک سوداگر ایقون برفسن کفد سنورغ همبان
چیک کامو ملیہ دوا ایکور بوروغ گاکتق تربغ
سکاوان فاتی ۲ هندقلہ دغن سرت سرت کامو
کچوتکنداکو ، کیتولن فد فاکي ایسوقن دوا
ایکور گاکتق تربغ ، همب ایقون مشجوتکن
قوانن مک سوداگر ایقون باغون ترفیسه ۲ ددافاتی
شیکور سهاج ، کران یغ شیکور ایت تله تیاد
کلیهان لاتی ، مک ایقون ساعه مارهن لالو موکل
همبان سراي برکات دغن سبب کلمباتن کامو ، اکو
تله کھیلاغن فلواغ مندافه کاتوغن . مک جواب
همبان دغن مشکوستق کفلا اولہ کسا کیتن : جوباله
نران فیکر بابیل ۲ افکه کاتوغن یغتلہ ساي دافاتی
منکل تله ملیہ بتول ۲ دوا ایکور گاکتق ایت ؟
اقبیل ددغر اولہ سوداگر فرکتان همبان ایقون
ترسیفو ۲ .

دمکینلہ اورغیغ فرجای کفد اهل نجوم فلسو
ایت سلالو مندافه کسالن جوا .

فد سوات ماس ددالم نگرې اعکلند تله
مشادا کن فرتنجوتن . مک ساتو درقد بارغیغ فلیق
دالم فرتنجوتن ایت ایله تھکورق «اولیبر کرومویل»
این بوکن تھکورق «اولیبر کرومویل» کات سنورغ
درقد فلاوه ، کران کرومویل ایت اورغن بسر
فد حال تھکورق این کچیل ! جواب فنجاگ
فرتنجوتن ایت : ای ! تنافی این تھکورق کرومویل
فد ماس بودق لاتی ، فلاوه ایقون دیم .
دمکینلہ سام دغن مثال اورغیغ فندی
منچوری ایت ترکاوغ سراس مندافه دان اورغیغ
تیاد فندی مندافه ایت ترکاوغ دتوده منچوری .

سنورغ فرمفوان کھیلاغن دویتن

فد سوات ماس سنورغ فرمفوان سدغ
ماسوقن دویتن کدالم سوات تابوغ سراي برکات
کیران بارغسیاف ملیہ کامو هندقلہ کامو منجادی
کانتق . مک فرکتان ایت تله ددغر اولہ
جیزانن ، سچورس فرمفوان ایقون برجان کفکن
دان جیزانن ایقون ماسق کیلیقن مشمیل دویتن
ایت دگنتیکنن دغن بیراف ایکور کانتق . اقبیل
فرمفوان ایت بالیق دري فکن تروله ای منوجو
کتابوغ دویتن ، بیلا دبوکان بولومفانلہ بیراف
ایکور کانتق کلوار دریے تابوغ دویتن مک
ایقون منجریه سراي برکات هی دویه ! اشکو
تله ترساله ! کران اکو تیدق بوکهندق صفای

Cetera Pendek

Pada suatu masa di dalam negeri England telah mengadakan pertunjukan. Maka satu daripada barang yang pelik dalam pertunjukan itu ialah tengkorak "*Oliver Cromwell*" ini bukan tengkorak "*Oliver Cromwell*" kata seseorang pelawat, kerana *Cromwell* itu orangnya besar pada hal tengkorak ini kecil! Jawab penjaga pertunjukan itu: Ia! tetapi ini tengkorak *Cromwell* pada masa budak lagi, pelawat itu pun diam.

Demikianlah sama dengan misal orang yang pandai mencuri itu terkadang serasa mendapat dan orang yang tiada pandai mendapat itu terkadang dituduh mencuri.

Seorang Perempuan Kehilangan Duitnya

Pada suatu masa seorang perempuan sedang memasukkan duitnya ke dalam suatu tabung seraya berkata kiranya barangsiapa melihat kamu hendaklah kamu menjadi katak. Maka perkataannya itu telah didengar oleh jirannya, sejeurus perempuan itu pun berjalan ke pekan dan jirannya itu pun masuk ke bilik mengambil duitnya itu digantikannya dengan beberapa ekor katak. Apabila perempuan itu balik dari pekan teruslah ia menuju ke tabung duitnya, bila dibukanya berlompatanlah beberapa ekor katak keluar dari tabung duitnya maka ia pun menjerit seraya berkata hai duit! Engkau telah tersalah! Kerana engkau tidak berkehendak supaya

menjadi katak apabila aku melihat kamu, dari itu hendaklah kami menjadi duit semula. Tetapi katak-katak itu lari jua dan tinggallah perempuan itu dengan dukacita oleh kehilangan duitnya.

Demikianlah orang yang percayakan yang bukan-bukan itu akan kecewa jua kesudahannya.

Saudagar Dengan Burung Gagak

Pada suatu hari seorang saudagar telah mendengar syarah seorang ahli nujum katanya barangsiapa dapat melihat dua ekor burung gagak terbang sekawan pada pagi-pagi hari orang itu akan beroleh keuntungan. Maka saudagar itu pun berpesan kepada seorang hambanya jika kamu melihat dua ekor burung gagak terbang sekawan pagi-pagi hendaklah dengan serta merta kamu kejutkan daku, kebetulan pada pagi esoknya dua ekor gagak terbang, hamba itu pun mengejutkan tuannya maka saudagar itu pun bangun terpisat-pisat didapatinya seekor sahaja, kerana yang seekor itu telah tiada kelihatan lagi, maka ia pun sangat marahnyanya lalu memukul hambanya seraya berkata dengan sebab kelambatan kamu, aku telah kehilangan peluang mendapat keuntungan. Maka jawab hambanya dengan menggosok kepala oleh kesakitan: Cubalah tuan fikir baik-baik apakah keuntungan yang telah saya dapati manakala telah melihat betul-betul dua ekor gagak tadi? Apabila didengar oleh saudagar perkataan hambanya ia pun tersipu-sipu.

Demikianlah orang yang percaya kepada ahli nujum palsu itu selalu mendapat kesesalan jua.

اورغ جاهه دغن فنديت

شورغ لاکي ۳ دالم کموغ چوکف جاهه
 یايت فنیفو فندی، دوستا دان فنجوري . فد
 سوات ماس ترااله اي بهوا کېدوفن درسهاري
 کسهاري سماکين بورو . دان سمثه . بقده سکين
 ايفون فرکي مندافتکن شورغ فنديت منچتر کن
 حال احوال یت بوروق ایت تباد بوله دبوغ
 سام سکالي مک کات فنديت ایت گدین درفد
 این هندقله کامو بوجا کف بتر فد تيف ۲ حال
 سغاي ستم کېدوفن کامو مک فنجاهه ایتفون
 سغوف مفعلمکن نصیحه ایت . فد سوات مالم
 اي گلوار منوجو کاستان راج کران خندق منچوري .
 مک دالم فرجلانن ایت برجفاله اي دغن شورغ
 مسکين ستمفان (فد حال یايت راج) یتمله
 میامراکن دیرین . کستان : هي تولنکو ماريله کیت
 منچوري درومه راج ایت ، جواب راج کیران
 توان سغوف ۳ اف فندا فتن درفد چورین
 ایت کیت بهاکي دوا ؟ جوانین بابکله . کات راج :
 اکو کتوي دبلیق بتم کیت تمفق ایت اد سبواه
 خزانه یقباقی باتو ۲ فرمات یقهرک . مک فنجاهه
 ایتفون نابکله ، بوک خزانه ایت ددافتین اد تیک
 بوتیز فرمات یقساعه برهرک مک دامیلن دوا
 بوتیزسهاج دان سوتیز لاکي دتیهگلسکن کران
 فد فیکرانن بارغکالي مندافتکن فرسکیتان
 فد ماس هندق موبهاکي بتم سوتیز ایت . هندقتون
 دیمجوریکن نا کوة ملهکر نصیحه یقهارو سهاج اي
 بوججی دغن فنديت ایت تباد هندق بوجا کف

دوستا . سته ایت ایتون تورن مندافتکن اولن
 لالو برهباکي سوتیز شورغ مک ماسیم ۲ فون بالیق .

فد کاسوقکن هاري راج فون سغوبل
 بندهاري سراي برتیه فد مالم این خزانه
 فرمتا کو تله دوك اوله فنجوري چوب کامو فرقسا ؟
 مک بندهاري فون فرقسا خزانه ایت ددافتین بتول
 تله تر بوک راج اد . سوتیز فرمات تریشکل لالو
 دامیلن دان دسمبو بیکن . سته ایت ایتون
 معارف سراي برداتم سمبه ایتون توانکو سیرن
 خزانه ایت تله دوك دان کستیک فرمات ایت تله
 هیلغ ایتیل دغر اوله راج مک ایتون برتیه دغن
 سرکان ، دري هاري این هیله کامو کران اکو
 کتوي کامو تله دوستا یقباد لایق منجادي
 بندهاریکو . دان ایتون منچاري اولن فنجوري
 ایت دجادیکن بندهاري کران تله دکتوي
 فنجوري ایت بوجا کف بتر .

دمکینله بارغسیاف یقهرچا کف بتر ایت
 اکن عمراوله کستانن جوا فد اخرن کران اداله بتر
 ایت سوات صفة بتم سهاج ۲ ملیا دان یقدرضای
 اوله الله .

اوله شیخ منصور بن احمد

Orang Jahat Dengan Pendeta


Seorang laki-laki dalam kampung cukup jahat iaitu penipu pandai, dusta dan pencuri. Pada suatu masa terasalah ia bahawa kehidupannya dari sehari ke sehari semakin buruk dan sempit. Yang demikian ia pun pergi mendapatkan seorang pendeta menceritakan hal ehwalnya yang buruk itu tiada boleh dibuang sama sekali maka kata pendeta itu kemudian daripada ini hendaklah kamu bercakap benar pada tiap-tiap hal supaya senang kehidupan kamu maka penjahat itu pun sanggup mengamalkan nasihat itu. Pada suatu malam ia keluar menuju ke istana raja kerana hendak mencuri. Maka dalam perjalanannya itu berjumpalah ia dengan seorang miskin seumpamanya (pada hal iaitu raja) yang telah menyamakan dirinya. Katanya: Hai taulanku marilah kita mencuri di rumah raja itu, jawab raja kiranya tuan sanggup apa-apa pendapatan daripada curian itu kita bahagi dua? Jawabnya baiklah. Kata raja: Aku ketahui di bilik yang kita nampak itu ada sebuah khazanah yang banyak batu-batu permata yang berharga. Maka penjahat itu pun naiklah membuka khazanah itu didapatinya ada tiga butir permata yang sangat berharga maka diambilnya dua butir sahaja dan sebutir lagi ditinggalkannya kerana pada fikirannya barangkali mendatangkan persengketaan pada masa hendak berbahagi yang sebutir itu. Hendak pun disembunyikan takut melanggar nasihat yang baharu sahaja ia berjanji dengan pendeta itu tiada hendak bercakap

dusta. Setelah itu ia pun turun mendapatkan taulannya lalu berbahagi sebutir seorang maka masing-masing pun balik.

Pada keesokan hari raja pun memanggil bendahari seraya bertitah pada malam ini khazanah permataku telah dibuka oleh pencuri cuba kamu periksa? Maka bendahari pun memeriksa khazanah itu didapatinya betul telah terbuka dan ada sebutir permata tertinggal lalu diambilnya dan disembunyikannya. Setelah itu ia pun mengadap seraya berdatang sembah ampun tuanku sebenarnya khazanah itu telah dibuka dan ketiga permata itu telah hilang apabila didengar oleh raja maka ia pun bertitah dengan murkanya, dari hari ini hanyalah kamu kerana aku ketahui kamu telah dusta yang tiada layak menjadi bendahariku. Dan ia pun mencari taulannya pencuri itu dijadikannya bendahari kerana telah diketahui pencuri itu bercakap benar.

Demikianlah barangsiapa yang bercakap benar itu akan memperoleh kesenangan jua akhirnya kerana adalah benar itu suatu sifat yang sehabis-habis mulia dan yang diredai oleh Allah.

Oleh Sheikh Mansur bin Ahmad



ذی الحجہ 1365

مجله فرایدان *

نومبر 1946

فجابه محكمه شرعيه جوهر بهارو

بيلان (46 / 1)

* فمبر يتاهو *

فجابت قاضي بسر جوهر بهارو

فرکارا «نشوز»

اداله در يتاهو كفتد سگلين يقير كان عتقه بنت ابو بكر بخدم فدماس اين درومه نمبر 1 جان فتري بندار جوهر بهارو يا بت يني كفتد اشكو محمد بن ابو بكر بخدم فدماس اين درومه نمبر 15 جان سگوله عرب كشوغ تيراو بگيمان سورة رجوع بيلان 8 / 04 بائي فجابه قاضي بسر جوهر نله دحككن نشوز اوله قاضي محكمه شرعيه جوهر بهارو فدم 24 / 9 / 46 كران تباد هندق طاعة كفتد لا كين يقترسوة بگيان كفتوسن فركارا محكمه شرعيه جوهر بهارو بيلان 46 / 81 .

دمكينله بائي فتمهوان عام اداڤ

دغن فرته

جوهر بهارو 1 سفتيمبر 1946

(سأين) حاج احمد شاه بن حاج عبدالجابر

فشكو قاضي بسر جوهر بهارو

جواب

1. اورغ براستري سانو لبه بايق درفد اورغ بق براستري امفة . براستري دوا كادغ 2 دان براستري نيگ جارغ 2

2. $2\frac{1}{2} \times 5$

3. $90 \text{ نمبه } 5 \text{ نمبه } 4 \text{ نمبه } \frac{38}{76} \text{ نمبه } \frac{1}{2}$

20 جم بانو

سانو دوا نيگ امفة ليم . دوا نيگ امفة ليم اتم . نيگ امفة ليم اتم توجه امفة ليم

اتم توجه لافن



Bilangan 1/46 **Pejabat Mahkamah Syariah Johor Bahru**

Pemberitahu

Pejabat Kadi Besar Johor Bahru

Perkara (Nusyuz)

Adalah diberitahu kepada sekalian yang berkenaan 'Atiqah binti Abu Bakar yang diam pada masa ini di rumah nombor 1 Jalan Puteri Bandar Johor Bahru iaitu bini kepada Engku Muhammad bin Abu Bakar yang diam pada masa ini di rumah Nombor 15 Jalan Sekolah Arab di Kampung Tebrau bagaimana surat rujuk bilangan 8/04 bagi Pejabat Kadi Besar Johor telah dihukumkan nusyuz oleh Kadi Mahkamah Syariah Johor Bahru pada 24/9/46 kerana tiada hendak taat kepada lakinya yang tersebut bagaimana keputusan perkara Mahkamah Syariah Johor Bahru bilangan 81/46.

Demikianlah bagi pengetahuan am adanya

Johor Bahru 1 September 1946 Dengan Perintah

(Sain) Haji Ahmad Shah bin Haji Abdul Jabar
Pemangku Kadi Besar Johor Bahru

Jawab

1. Orang beristeri satu lebih banyak daripada orang yang beristeri empat. Beristeri dua kadang-kadang dan beristeri tiga jarang-jarang.
2. $2\frac{1}{2} \times 5$
3. 90 tambah 5 tambah 4 tambah $\frac{38}{76}$ tambah $\frac{1}{2}$
4. $\frac{1}{2}$ jam. 20 batu
5. Satu dua tiga empat lima. Dua tiga empat lima enam. Tiga empat lima enam tujuh empat lima enam tujuh lapan.

مجمله فرایدان

ذی الحجہ 1365

دیدیقتن اگام کفد اتق ۲ کچیل
(اوله ملاتی جوهر)

دائے لانہین دان کفر چیان بیغ سسه اتو بولا کو
سشرت کلا کوان ۲ کافر بیغ تیدیق سسواي دغن
ایمان ایله کران جمعفوران دان دیدیقتن ایبو بشان
دری ماس کچیل .

درایت ایبو ۲ واجب مغرتی چارا دیدیقتن
اگام یقواجب داجر کفد اتق ۲ن دغن جان
یوانسور ۲ مشکو۲ قدر کواس عمل کاتق ۲ ایت ۲
قد تنغ اعتقاد بگیتو جوا قد اجران ۲ یثلائن .
افکل ددافاتی کاتق ۲ ایت تله میز ایبو واجله
معاجر سربک اتوران استنجاء . مثلکن سسوات
یقد کتا کن سوچی دان نجس . معاجر اتوزان
مباسوه سسوات یثکنا نجس . دان مبری ارتی
کشدان منهلکر براستنجاء ایت ساتو کسلان
دان دوسا ۲ سنه ۲ ایبو بیلا مله اتق ۲ن یواغ ابر
کچیک برسیفه دلتی ۲ رومهن دفاذا کنن دغن
لبه کورخ سهاج یأیت دغدغن صغرت فرکارا
یپاس سهاج فد حال مباسوه نجس ۲ ایت اد دغن
فراتوران یهدنتو کن اوله شرع . درایت تیدیقله
فانوه ابر ۲ کنچیف بفرسیفه دلتی دان تیکر ایت
دبیر کن دغن بگیتو سهاج تیدیق دباسوه دغن
مشیکوه فراتوران شرع . دغن کچوا این فندیق ۲
کباپکن کاتق ۲ بقله بسر فون ماسیه کنچیم
بودیری دتقی ۲ جانن دانسبا کنن . ادا که ایبو ۲ن
میری ارتی فرواتان ایت ساله . تیاد براستنجاء
ایت بودوسا . تیاد مناروه عیب دان بیغ سشرت
ایت دفا کن کورخ ادا ب . دان ساله فد اگام ؟
فد حال اگام کیت . معاجر ادا ب بو کن سام ۲ مانسی
سهاج بکن هتک ادا ب کلوار ماسق کدالم جین
فون داجر ۲ یأیت هندقله منونف کفلا ، سماکی
کاسوه ۲ دارغ برچا کف ۲ دانلاین ۲ لاکھی بگیان

مشکیفون اگام اسلام تله واتس ۲ تاهن دانغ
بو کیباغن دتانه ملایو این تنافی کباپکن کیت
اورغ ۲ فرموانن جهل اکن اجران ۲ دان دیدیقتن
دالم فرض اگام . اف بیغ کیت تاهو ایله دغن
ایکوتن دان تیرو ۲ وان سهاج ، جیک فلاجران
اگام ایت ددافاتی دغن جانن دمکین بگیانکه
کلق کیت اکندافه مندیدیق اتق ۲ کیت
یقا کنداتغ سفای جادبله ای لاکھی ۲ اتو فرموان
یغبر فلاجران دان براگام اسلام یغبر ۲ کران
عل ۲ اگام ایت . جیک کیت فریوة دغن تیاد
مفلاجرای ولوفون برتون دغن سبر سلاکی تیاد
مثل سکل شرط دان رکنن یأیت تیاد صغ داک
سیا ۲ ، انتھلاکی فد اعتقاد دان کفر چیان هاتی
کادغ ۲ مبابوا کفر .

ایبو بان اکن مغریما سئوال داخره کلق
بگیانکه چارا ۲ دیدیقتن یغدیری کفد اتق ۲ن قد
حال دانس باهو ایبو بقاله ترندیکو غ کسلان
اتق ۲ ایت سام اد دنیا دان اخره . نبی کیت صلی الله
علیه و آله تله برسیدالیه کورخ دمکین : « ارتین
تیاد کاتق ۲ ایت ملینکن دفرانکن دغن کا دان
اسلام ، ملک ایبو بقاله بیغ منجادیکن یهودی اتو
نصرانی اتو مجوسی . » سسکهن کفر چیان سئورغ
کفد الله ایت میسم تله ترسی بنیون دالم هاتی
سسورغ . کران بیغ ؟ کیت مانسی سام اد ایسه
چا کو ، سغ دان ساکی بیغ مندبای هونن ولو فون
تسکل ای دالم لبه کبودهن کدیبنن برابوه دان
جادی برامچ ۲ حال بیغ رومسکن ایمان ایله کران

Didikan Agama kepada Anak-anak Kecil

(Oleh Melati Johor)

Sungguhpun agama Islam telah beratus-ratus tahun datang berkembang di Tanah Melayu ini tetapi kebanyakan kita orang-orang perempuannya jahil akan ajaran-ajaran dan didikan dalam fardu agamanya. Apa yang kita tahu ialah dengan ikutan dan tiru-tiruan sahaja, jika pelajaran agama itu didapati dengan jalan demikian bagaimanakah kelak kita akan dapat mendidik anak-anak kita yang akan datang supaya jadilah ia laki-laki atau perempuan yang berpelajaran dan beragama Islam yang sebenar-benar kerana ilmu-ilmu agama itu. Jika kita berbuat dengan tiada mempelajari walaupun berbetulan dengan sebenar selagi tiada mengenal segala syarat-syarat dan rukunnya iaitu tiada sah dan sia-sia, apatah lagi pada iktikad dan kepercayaan hati kadang-kadang membawa kufur.

Ibu bapa akan menerima soal di akhirat kelak bagaimanakah cara-cara didikan yang diberi anak-anaknya pada hal di atas bahu ibu bapalah tergantung keselamatan anak-anak itu sama ada di dunia dan akhirat. Nabi kita *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah bersabda lebih kurang demikian: "Ertinya tiada kanak-kanak itu melainkan diperanakkan dengan keadaannya Islam, maka ibu bapalah yang menjadikan Yahudi atau Nasrani atau Majusi". Sesungguhnya kepercayaan seorang kepada Allah itu sememang telah tersampai benihnya dalam hati seseorang. Kerana tiap-tiap kita manusia sama ada ia jakun, siamang atau sakai yang mendiami hutan walaupun tenggelam ia dalam lebih kebodohan kemudiannya berubah dan jadi bermacam-macam hal yang merosakkan imannya ialah kerana

dapat latihan dan kepercayaan yang sesat atau berlaku seperti kelakuan-kelakuan kafir yang tidak sesuai dengan iman ialah kerana campuran dan didikan ibu bapanya dari masa kecil.

Dari itu ibu-ibu wajib mengerti cara didikan agama yang wajib diajar kepada anak-anaknya dengan jalan beransur-ansur mengikut kadar kuasa akal kanak-kanak itu, pada tentang iktikadnya begitu jua pada ajaran-ajaran yang lain. Apakala didapati kanak-kanak itu telah mumayyiz ibu wajiblah mengajar mereka aturan istinjak. Mengenalkan sesuatu yang dikatakan suci dan najis. Mengaju aturan membasuh sesuatu yang kena najis. Dan memberi certi kepadanya meninggalkan beristinjak itu satu kesalahan dan dosa. Setengah-setengah ibu bila melihat anak-anaknya buang air kecil¹ bersepah di lantai-lantai rumahnya dipadaknya dengan lebih kurang sahaja iaitu dipadaknya² seperti perkara biasa sahaja pada hal membasuh najis-najis itu ada dengan peraturan yang ditentukan oleh syarak. Dari itu tidaklah patut air-air kencing yang bersepah di lantai dan tikar itu dibiarkan dengan begitu sahaja tidak dibasuh dengan mengikut peraturan syarak. Dengan kecuai pendidik-pendidik kebanyakan kanak-kanak yang telah besar pun masih kencing berdiri di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Adakah ibu-ibunya memberi certi perbuatannya itu salah. Tiada beristinjak itu berdosa. Tiada menaruh aib dan yang seperti itu dinamakan kurang adab, dan salah pada agama? Pada hal agama kita mengajar adab bukan sama-sama manusia sahaja bahkan hingga adab keluar masuk ke dalam jamban pun diajarnya, iaitu hendaklah menutup kepala, memakai kasut, dilarang bercakap-cakap dan lain-lain lagi bagaimana

¹ Ejaan masa kini ialah kecil

² Ejaan sebenar dipandangnya

دالم فرکارا جرنیاگ، برتوکغ، براوسها دانلاین ۲
لاکي، یگینتو جوا دالم فرکارا جرنیاگ ۲ یشموله دیوایه
تولادن سفرت جرنیاگ ۲ یقدهولوکالا دغن
قوم ۲ن، یگین چکل هاتی دن قوا عزم نی ۲
ایت ملاین کظالیمن دان نمویا اسوغ فتنه درقد
قومن.

یهواسن ابله قرآن ایت فندوان کیت یغسینر
یا ایت مندو کغد کینران دان مشکالتی قد مپوره
برکلا کوان یشابک، درایت سیک کیت باج قرآن
یضاحیا ایت دغن جروالغ ۲ نیاد مغبهری اکن، هنان
ادا که بوله مپهری کن فدایمان دان کیدوفن کیت؟
استمیوا قرآن ایت دتولیس بو کن دغن یهاس
کیت سندیری.

درایت نیدقله فلیق سیک بولا کر بیراف
کجادین یغ فاسد داننارا اتق لاکي ۲ دان فرمفوان
فد هاری این کران سربکسیت نیاد فلاجران ۲
اکام استمیوا باکي سربک بغتروس ماسق بلاجر
دسکوله یغسا اسوغ دان ددیدی اوله کورو ۲ یغسا
لاین فول، دنناکه فلوغ سربک مغبهری
فلاجران اگمان.

یغترسبوه دالم کتاب ۲ فقه، سیک فرکارا یغ کچیک ۲
این کیت فیدغ موده نسجای نیدقله فراغی کانق ۲
ایت دغن فراغی یغتمیاد برسوفن، چاشنله کیت
قواسهاتی دغن اجران اکام یغ کیت بری فد اتق ۲
کیت اومشان دسرهمکن مریک مشاجی قرآن
مغتری مباح برزنجی دان بولا کو ۲ ایت کیت
فیکر کن چو کفله فلاجران اگمان یهکن نیدق
سکلی، سیک ای ختم قرآن برفوله ۲ کالی
سکلیفون سلاکي سربک نیاد مغبهری حکم ۲
دان کواچین ۲ تیغ ۲ مسورغ مکلف مسنی
مغملکندی سفرت سمبیت، زکاة، فواس، حج
دان براداب دان طاعة کغد کدوا ایوب یاف، دان
منجاوهکن سکل نگاهن درقد فریوان یغ کیت
مستی نیشکلکن سفرت سمبیه برهالا، مینوم ارق،
وجودی، برزنا، منچوری، برچاکف بوهم، عبوایه
فتنه، بردنم ۲، حسد دان دغسکی دانسا کین، دان
هندقله داجر کندی فرکارا ۲ یغ مپاوا کبجیکن
دالم کیدوفن: سفرت عادل، مقسام دان بری دی-ام ۲
مانسی، عادل دان بریوایه یابک دالم ملا دان
مشکرنا کن بناتغ ۲، مپوره برجمه، مشکالتکن

کاراغن بهارو

سیدنا محمد صلی الله علیه وسلم ابله سبواه رساله
(قصه اسراء دان معراج) کاراغن چارا بهارو یغ سبانیس ۲ موده دفیم

یغاکن دریشکن اوله کفولن گوردو ۲ اکام جوهر نیدق براف لام لاکي، بارغدیاب یغندق
مشهوری چترا ۲ یغتر دان مناریقی هاتی یغاکن منمیکن قوا ایمان دان کفر چیان، دان هندی
مغبهری سکل حکم ۲ یغتر سمین ددان ایت فستله کغد فتر ییه مجله «فرایدران» دقچایه
فلاجران جوهر ادان.

yang tersebut dalam kitab-kitab fekah. Jika perkara-perkara kecil-kecil³ ini kita pandang mudah nescaya tampaklah perangai kanak-kanak itu dengan perangai yang tiada bersopan. Janganlah kita puas hati dengan ajaran agama yang kita beri pada anak-anak kita umpamanya diserahkan mereka mengaji Qur'an mengerti membaca berzanji dan berlagu-lagu itu kita fikirkan cukuplah pelajaran agamanya bahkan tidak sekali, jika ia khatam Qur'an berpuluh-puluh kali sekalipun selagi mereka tiada mengetahui hukum-hukum dan kewajipan-kewajipan tiap-tiap seorang mukalaf mesti mengamalkan dia seperti sembahyang, zakat, puasa, haji dan beradab dan taat kepada kedua ibu bapa. Dan menjauhkan segala tegahan daripada perbuatan yang kita mesti tinggalkan seperti menyembah berhala, minum arak, berjudi, berzina, mencuri, bercakap bohong, membuat fitnah, berendam-dendam, hasad dan dengki dan sebagainya. Dan hendaklah diajarkan dia perkara-perkara yang membawa kebajikan dalam kehidupan: Seperti adil, saksama dan berbudi sama-sama manusia. Adil dan berbuat baik dalam membela dan menggunakan binatang-binatang. Menyuruh bercermat, menggalakkan

dalam perkara bermiaga, bertukang, berusaha dan lain-lain lagi. Begitu jua dalam perkara cerita-cerita yang boleh dibuat tauladan seperti cerita nabi-nabi yang dahulu kala dengan kaum-kaumnya. Bagaimana cekal hati dan kuat azam nabi-nabi itu melawan kezaliman dan menerima asung fitnah daripada kaumnya.

Bahwasanya ialah Qur'an itu panduan kita yang sebenar iaitu memandu kepada kebenaran dan menggalak pada menyuruh berkelakuan yang baik. Dari itu jika kita baca Qur'an yang mulia itu dengan berulang-ulang tiada mengetahui akan maknanya adakah boleh memberi kesan pada iman dan kehidupan kita? Istimewa Qur'an itu ditulis bukan dengan bahasa kita sendiri.

Dari itu tidaklah pelik jika berlaku beberapa kejadian yang fasad di antara anak laki-laki dan perempuan pada hari ini kerana mereka itu tiada pelajaran-pelajaran agama istimewa bagi mereka yang terus masuk belajar di sekolah bangsa asing dan dididik oleh guru-guru bangsa lain pula, di manakah peluang mereka mengetahui pelajaran agamanya.

Karangan Baharu

(Kisah Israk dan Mikraj)

Saiyidina Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ialah sebuah risalah

karangan cara baharu yang sehabis-habis mudah difaham

yang akan diterbitkan oleh kumpulan guru-guru agama Johor tidak berapa lama lagi. Barangsiapa yang hendak

mengetahui citra-citra yang benar dan menarik hati yang akan menambahkan kuat iman dan kepercayaan, dan hendak

mengetahui segala hikmah-hikmah yang tersimpan di dalamnya itu pesanlah kepada penerbit Majalah "Peredaran" di Pejabat

Pelajaran Johor adanya.

³ Ejaan masa kini ialah kecil-kecil

مہبتوں کن کسبیا فن فراید ران

بیلاغن (4) تاهن یثغر تام



• 1	موک 97	باریس یثکرتوجه	—	یَشْكُرُ الْقَلْبَانَ	یثبنون	یَشْكُرُ الْقَلْبَانَ
• 2	« 97	« یثکدوا فوله توجه	«	لَا زَيْدٌ نَكْرٌ	«	لَا زَيْدٌ نَكْرٌ
• 3	« 97	« یثکدوا فوله توجه	«	وَإِنْ كَفَرْتُمْ	«	وَإِنْ كَفَرْتُمْ
• 4	« 99	« یثکلم	—	نسخه	«	نسخه
• 5	« 99	« یثکدوا فوله اتم	—	دافه	«	دافه
• 6	« 100	« یثکدلان	—	هان	«	هان
• 7	« 101	« یثکدوا فوله امفه	«	سواتون یغ	«	سواتون
• 8	« 102	« یثکدوا فوله تیک	«	درخصکن	«	درخصکن
• 9	« 103	« یثکامفه	—	تیدق بوله طاعه	«	بوله طاعه
• 10	« 103	« یثکسبیا	—	یثدتمما کن	«	یثدتمما کن
• 11	« 109	« یثکاتم	—	اللیل	«	اللیل
• 12	« 114	« یثکدوا فوله توجه	«	زَمَانٌ	«	زَمَانٌ
• 13	« 114	« یثکدوا فوله توجه	«	عَلَى أُمَّتِي	«	عَلَى أُمَّتِي
• 14	« 115	« یثکامفه	=	صحابین یثکای	«	صحابین اد یثکای
• 15	« 115	« یثکایم	=	فضیحه	«	فضیحه
• 16	« 115	« یثکاتم	=	فضیحه آخوه	«	فضیحه آخوه
• 17	« 120	« یثکامفه	=	صباوه بولان	«	صباوه بولان



Membetulkan Kesilapan Peredaran Bilangan (4) Tahun yang Pertama



1.	Muka	97	baris yang ketujuh	–	<i>Yashkura al-qalīla</i>	yang betulnya	<i>Yashkuri al-qalīla</i>
2.	“	97	“ yang kedua puluh tujuh		<i>La azīdanakum</i>	“	<i>La azīdannakum</i>
3.	“	97	“ yang kedua puluh tujuh		<i>Wa in kafartum</i>	“	<i>Wa la'in kafartum</i>
4.	“	99	“ yang kelima	–	Naskhahkah	“	Naskhahkah
5.	“	99	“ yang kedua puluh enam		didapat	“	dapat
6.	“	100	“ yang kedelapan	–	Hāman	“	Hāmān
7.	“	101	“ yang kedua puluh empat		suatunya yang	“	suatunya
8.	“	102	“ yang kedua puluh tiga		dirukhsahkan	“	dirukhsahkan
9.	“	103	“ yang keempat		tidak boleh taat	“	boleh taat
10.	“	103	“ yang kesembilan		yang ditiadakan	“	yang ditiadakan
11.	“	109	“ yang keenam		<i>al-layla</i>	“	<i>al-layli</i>
12.	“	114	“ yang kedua puluh tujuh		<i>zamānan</i>	“	<i>zamānun</i>
13.	“	114	“ yang kedua puluh tujuh		<i>'alā ammatiyu</i>	“	<i>'alā ummatī</i>
14.	“	115	“ yang keempat		sahabatnya yang kaya	“	sahabatnya ada yang kaya
15.	“	115	“ yang kelima		penasihat	“	pesihat
16.	“	115	“ yang keenam		penasihat ukhwah	“	penasihat akhirat
17.	“	102	“ yang keempat		sebuah bulanan	“	sebuah majalah bulanan

« فاسر بولانن كمفوش نوغچي »

جوهر بهارو

فد هاري خميس 31 اكتوبر 1946 اين فاسر بولانن كمفوش نوغچي

كلي بگكليم

اكن دمولاڠي دري فوكل 2.00 همتك فوكل 12.00 مالم

فاسر اين ميديا اكن بر باڠي 2 جولان :-

مكائن 4 فرنو كاغن تاغن دان جاهين ملايو

بارغسياف يڠ هندي منجامو سيرا جفونله دانغ مپتسيكن 4

نياداف 2 بياران ماسق

سفورة مرید 2 سكو له 4 بويي 2 يڠ مردو دري

سيخافورا اكن متهيبور كن نوان 2

دريبتكن اوله احد بن يعقوب كران كمفون كورو 13 كام جوهر دان دان من دن دجيت اوله مطبعة الاحمدية سيخافورا



((Pasar Bulanan Kampung Nong Chik))

Johor Bahru

Pada hari Khamis 31 Oktober 1946 ini pasar bulanan Kampung Nong Chik

Kali yang kelima

Akan dimulai dari pukul 2.00 hingga pukul 12.00 malam

Pasar ini menyediakan berbagai-bagai jualan:-

Makanan, pertukangan tangan dan jahitan Melayu


Barangsiapa yang hendak menjamu selera jemputlah datang menyaksikan,

Tiada apa-apa bayaran masuk

Sport murid-murid sekolah, bunyi-bunyian yang merdu dari

Singapura akan menghiburkan tuan-tuan.





اهڙ رٿس
مجله فرایدان

بیلاکھن ۵ - ناھن فرنام - منسخه 75 سین
 محرم ۱۳۶۶ - دسمبر 1946

ڪنڊو ڄاڻو:-

- 129 موڪ دنجيات فقارغ
- 130 بڪرج ددالم اڪام اسلام
- 132 نوگاولن هيدوف
- 135 نواسات اڪام دسيسه ڪانق ۲
- 137 بولن محرم
- 142 تفسير القراء
- 145 مڪان توبه دان روح
- 147 بهاس بلاهو
- 149 ديديقشن
- 151 اوت ڪيت
- 153 ڪاهولق (نومسما) اڪام مسني ديلا

MN
 059.9923
 MP





Majalah Peredaran

MN
059.9923
MP

Bilangan 5 - Tahun Pertama - Senaskah 75 sen

Muharam 1366- Disember 1946

Kandungannya:-

Rencana pengarang	Muka	129
Bekerja di dalam agama Islam		130
Pergaulan hidup		132
Perasaan agama di sisi kanak-kanak		135
Bulan Muharam		137
Tafsir al-Qur'an		142
Makanan tubuh dan roh		145
Bahasa Melayu		147
Didikan		149
Berita kita		151
Kemajuan berlumba-lumba, agama mesti dibela		153

مجله فرايدران

مجله اين دتريه بکن سيون سکالي فد تيف ۲ اول بولن اسلامي
 يا بت فغدوغي فغتهوان اگام، تاريخ، کصيحجان،
 فرگاوان، بهاس ملايو، تدبير روم، تشکک
 دانلابن ۲

- فصیحة — يغفر حرمة دانو عبدالله بن عبدالرحمن
 فترية — کيفولن کورو اگام جوهر دان دا برهن
 سيدغ فغارغ — احمد بن يعقوب الجوهري (کتوا)
 » — احمد صالح بن علوي
 » — الأستاذ توان حاج خالد ايوب الازهري
 » — توان حاج عبدالغني بن حاج يحي
 » — سيد محمد بن عيبدروس العطاس
 » — لغتنن کرنييل موسى بن يوسف
 » — انجي فاطمه بنت محمد

MN
 059,9923
 N.P

سکل سورة يغبر کنان دغن فرکارا يغ هندق دسبارکن کدالم مجله
 اين هندقله دغلا. تسکن کشفد فغارغن کيروف فجاية فلاجران اگام جوهر،
 دان سکل سورة ۲ يغبر کنان دغن لغکان، اعلان ۲، وکيل هندقله دغلامتکن
 کشفد « فترية مجله فرايدران » کيروف فغولا سکوله ۲ اگام، دفجاية
 فلاجران جوهر.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Tarikh perolehan: 9 JUL 2013
 Tarikh siap didokumentasi: 25 NOV 2013
 Tarikh disusun atas rak:

2085220 NADIR

- هرکن لغکان ستاهن
 » 6 بولن
 » 3 بولن
 » ساتو نسخه



Majalah Peredaran

Majalah ini diterbitkan sebulan sekali pada tiap-tiap awal bulan Islami

iaitu mengandungi pengetahuan agama, tarikh, kesihatan,

pergaulan, Bahasa Melayu, tadbir rumah tangga

dan lain-lain.

Penasihat - Yang Berhormat Datuk Abdullah Bin Abdul Rahman.

Penerbit - Kumpulan Guru-guru Agama Johor dan Daerahnya.

Sidang Pengarang - En. Ahmad Bin Yaakub al-Jauhari (Ketua)

" " - En. Muhammad Salleh bin Alwi

" " - al-Ustaz Tuan Haji Khalid Ayub al-Jauhari.

" " - " Tuan Haji Abdul Ghani bin Haji Yahya.

" " - " Said Muhammad bin Idrus al-Attas.

" " - Leftenan Kolonel Musa bin Yusuf.

" " - Encik Fatimah Binti Muhammad


Segala surat yang berkenaan dengan perkara yang hendak disiarkan ke dalam majalah ini hendaklah dialamatkan kepada pengarangnya ke Biro Pejabat Pelajaran Agama Johor, dan segala surat-surat yang berkenaan dengan langganan, iklan-iklan, wakil hendaklah dialamatkan kepada "Penerbit Majalah Peredaran" ke Biro Pengelola Sekolah-sekolah Agama, di Pejabat Pelajaran Johor.

Harga langganan setahun -

" " 6 bulan -

" " 3 bulan -

" satu naskah -



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

« رنجان فقارغ »

۳ تا هن یهتر نام ایت سوکاله کیت هندق منعبه
کتر عن لاگی مدهمداغن مندافه نیمیسان دریه
فباج ۲ کیت بقبودیمان بایت سکیران شور کیت
ایت اد مناریق فوهانین کتوا ۲ اگام دان علماء ۲
کیت یهبر کراس مک یغ مستحق سکالی باکی
دجالنکن لیه دهولو سیکاله کتوا ۲ اگام دالم تیف ۲
نگری دالم ممنجوغ این مقاداکن سوات فرجومان
داتارا علماء ۲ دان اهل ۲ اگام سام اد یسکرج
دغن کراجان ازو تیدق درفد قاضی ۲ دانلابن
سجتنکن سکل چاداغن یغ هندق دباوا کن کدالم
فرجومان ا کوغ سملایا کتی، دان مقشکه وکیل
یماکن برسام ۲ حاضر دالم فرجومان یغفسوبه
سکورغ ۲ ادرغ
فباج ۲ کیت تننوله بوفیکر سیافکه قول
درفد کتوا ۲ اگام یهدننگری ممنجوغ این سوک
مقرب بانکن دای اوفیان منجهثوه وکیل ۲ باکی
تیف ۲ نگری ایت برهمنون قد سوات مقفه دان
مشولواکن حال احوال یغ بارغکالی چربویه ؟
مک یوله کیت جواب درفد کترچیان کیت یغ
فوهه بایت فیبق جبان اگام جوهر اکرن
سکوف، نریما خدمه یغ سوچی این جیک دمنبت
اوله وکیل ۲ تیف ۲ نگری باکی مقاداکن فرجومان
ا کوغ ایت دجوهر بهارو قد مولان .
سکیران بنزله سکان کیت ایت جیک
فواغ کامسن این تیدق دسبوه دغن گبرغ
دان الاخلاص مک تیدقله موده هندق منچافین
دالم ماس یغ مقشکه دان ترنگوگله دانس کیت

۳ تا هن یهتر نام ایت سوکاله کیت هندق منعبه
کتر عن لاگی مدهمداغن مندافه نیمیسان دریه
فباج ۲ کیت بقبودیمان بایت سکیران شور کیت
ایت اد مناریق فوهانین کتوا ۲ اگام دان علماء ۲
کیت یهبر کراس مک یغ مستحق سکالی باکی
دجالنکن لیه دهولو سیکاله کتوا ۲ اگام دالم تیف ۲
نگری دالم ممنجوغ این مقاداکن سوات فرجومان
داتارا علماء ۲ دان اهل ۲ اگام سام اد یسکرج
دغن کراجان ازو تیدق درفد قاضی ۲ دانلابن
سجتنکن سکل چاداغن یغ هندق دباوا کن کدالم
فرجومان ا کوغ سملایا کتی، دان مقشکه وکیل
یماکن برسام ۲ حاضر دالم فرجومان یغفسوبه
سکورغ ۲ ادرغ
فباج ۲ کیت تننوله بوفیکر سیافکه قول
درفد کتوا ۲ اگام یهدننگری ممنجوغ این سوک
مقرب بانکن دای اوفیان منجهثوه وکیل ۲ باکی
تیف ۲ نگری ایت برهمنون قد سوات مقفه دان
مشولواکن حال احوال یغ بارغکالی چربویه ؟
مک یوله کیت جواب درفد کترچیان کیت یغ
فوهه بایت فیبق جبان اگام جوهر اکرن
سکوف، نریما خدمه یغ سوچی این جیک دمنبت
اوله وکیل ۲ تیف ۲ نگری باکی مقاداکن فرجومان
ا کوغ ایت دجوهر بهارو قد مولان .
سکیران بنزله سکان کیت ایت جیک
فواغ کامسن این تیدق دسبوه دغن گبرغ
دان الاخلاص مک تیدقله موده هندق منچافین
دالم ماس یغ مقشکه دان ترنگوگله دانس کیت

*Bismi Allāh al-Rahmān al-Rahīm*

"Rencana Pengarang"

Berkenaan dengan rencana pengarang kita dalam bilangan 3 tahun yang pertama itu sukalah kita hendak menambah keterangan lagi mudah-mudahan¹ mendapat timbangan dari pembaca-pembaca kita yang budiman iaitu sekiranya syor kita itu ada menarik perhatian ketua-ketua agama dan ulama-ulama kita yang berkuasa maka yang mustahak sekali bagi dijalankan lebih dahulu seyogialah ketua-ketua agama dalam tiap-tiap negeri dalam semenanjung ini mengadakan suatu perjumpaan di antara ulama-ulama dan ahli-ahli agama sama ada yang bekerja dengan kerajaan atau tidak daripada kadi-kadi dan lain-lainnya membahaskan segala cadangan yang hendak dibawakan ke dalam Perjumpaan Agung Semalaya kelak, dan mengangkat wakil-wakil yang akan bersama-sama hadir dalam perjumpaan yang tersebut, sekarang-kurang 2 orang.

Pembaca-pembaca kita tentulah berfikir siapakah pula daripada ketua-ketua agama yang di negeri semenanjung ini suka mengorbankan daya upayanya menjemput wakil-wakil bagi tiap-tiap negeri itu berhimpun pada suatu tempat dan mengelolakan hal ehwalnya yang barangkali cerewet? Maka boleh kita jawab daripada kepercayaan kita yang penuh iaitu pihak Jabatan Agama Johor akan sanggup menerima khidmat yang suci ini jika diminta oleh wakil-wakil tiap-tiap negeri bagi mengadakan perjumpaan agung itu di Johor Baharu pada mulanya.

Sekiranya benarlah sangkaan kita itu jika peluang keemasan ini tidak disambut dengan girang dan ikhlas maka tidaklah mudah hendak mencapainya dalam masa yang singkat dan tertanggunlah di atas kita

umat Muslimin akan kehinaan berpecah belah itu selama wujudnya. Akan tetapi jika seruan kita ini ada menarik perhatian ketua-ketua agama yang menjadi harapan bangsa itu maka kita ucapkan syukur kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* akan taufiknya dan kita ucapkan terima kasih yang tulus kepada penaja-penaja yang akan menubuhkan persatuan ulama-ulama dan ketua-ketua agama yang dihormati itu. Kita berharap segala natijah yang terbit daripada perjumpaan agung itu akan menyuburkan *ittihād* (persatuan) umat Muslimin seluruhnya bagaimana yang dikehendaki oleh Allah bagaimana firman-Nya: *Wā 'aṣimū biḥabli Allāhi jamī'ān walā tafarraḳū wa 'dhkurū nī' mata Allāhi 'alaykum idh kuntum a' dā' an fa' allafa bayna qulū bikum fa' aṣbahtum bini' matihī ikhwānān wakuntum 'alā shafā' hufratin min al-nāri la' allakum taḥtadūna*" Bererti lebih kurang hendaklah kamu sekalian berpegang kepada tali Allah ertinya perikatan dan persatuan agama Islam dan janganlah kamu bercerai berai dan berpecah belah di antara satu dengan lain. Dan hendaklah kamu ingat akan nikmat Allah di atas kamu, tatkala keadaan kamu dahulu daripada Islam di tepi gaung api neraka maka dilepaskannya kamu sekalian. Demikianlah Allah Ta'ālā menyatakan kepada kamu akan segala tanda keesaan dan kuat kuasanya di atas tiap-tiap suatu supaya kamu beroleh panduan dan pertunjukan ada-Nya.

¹ Kesilapan ejaan pada teks yang asal; mudah-mudahan

بکرج ددالم اکمام اسلام

اوله الجوهريه


(سمبوغن) بيلاغن 4 نامن بعقرنام

سکيران نبي کيت صلى الله عليه وسلم
 هنگالکن مانسي پنجينک هرت دان براوسهاولو
 فون ساتو فرانس سهاج مغاف اد بيراف بايق
 صحابه ۲۲ بقدرصاي اوله الله ايت اد منوي اي
 ککريان بقولاس فد حال مريک ايتوله اورعيق
 سهايس ۲ طاعة منوره اجران رسول الله ؟ مک
 سکل اجران تو عالم بقه سبوه ايتوله اجران بق
 ميلاهي فرته توهن دالم قرآن الکریم «وَلَا تَسْ
 تَبِيْکَ مِنَ الدُّنْيَا» ارتين جاغمله کامو لوفاکن بهاگين
 کامو ددالم دنيا . دانلاگي فرمان «فَاتَشْرُوْا
 فِي الْاَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ» ارتين
 هندقله کامو برهمبران (کسان سيني) دانس
 موک بومي اين دان نتموتله کلبين الله درفند رزقي
 دانلاگي بگيان سبدا نبي کيت صلى الله عليه وسلم
 «نِعْمَ الْعَطِيَّةُ الدُّنْيَا فَاَرْتَجُوا مَا تَبْلَغُكُمْ الْاٰخِرَةَ»
 ارتين سبابک ۲ کنايقکن ايت اباله دنيا مک هندقله
 کامو توغکغ اکندي سفاسي بيقه يقين کامو
 ککري اخرة دان جوا سبدان «اَيْسَ خَيْرٌ لَّكُمْ
 مِنْ تَرَكْ دُنْيَاهُمْ لِاٰخِرَتِهِمْ وَلَا اٰخِرَتُهُمْ لِدُنْيَاهُمْ اِنَّ
 خَيْرَكُمْ مَنْ اَخَذَ هٰذِهِ هٰذِهِ» ارتين تباد دکنا کن
 سبابک ۳ کامو اورعيق هنگالکن دنيا کران اخرتين
 دان تباد قول اورعيق هنگالکن عمالي اخرة کران
 دنيا تين سبابک ۲ کامو ابله اورعيق مقبيل
 کدوا ۳ جام . دانلاگي سبدان «طَلَبُ الْحَلَالِ

جهاد» ارتين منجاري رزقي يشعلل ايت سقرت
برفوخ سيل .

فد سوات هاري سدغ رسول الله دودق دشن
 صحابه ۲۲ مک تر فندغ اوله مريکيت کفد ستورغ
 مودايغ تکف صاس مک کات ستورغ درفند
 صحابه ۲۲ : الفکه بابک کيران تکف ساس لا کي ۲
 ايت بکرج ددالم فقراغن سيل الله ! مک دجواب
 اوله بگندا جاغن کامو کات بگيتو ، کران جيک اي
 بکرج باکي دبرين اتوفون کران هندق مانفسکنديري
 درفند منت کفد اورغ ، امک فيلان سفرت ملان
 موسه دميدان فقراغن . دان جيک اي براوسها دان
 بکرج کران ملهرا ابو بفان بقشيداي برداي اتو کران
 اتق ۲ مک يا ايت سفرت برفوخ سيل الله . دان
 جيک اي بکرج سمات ۲ کران هندق مقومولکن
 هرت دان برمکه ۲ دشن هرت ايت مک يا ايت منوره
 جان شيطان .

يشدمکين پتاله کفد کيت بهوا منجاري هرت
 ايت منوره نية اورعيق منجاري يعني جيک دشن
 توجوان دان کهندق يشباک نسچاي دبري فهلا ،
 دان جيک دشن نية يشاله نسچاي مندافه دوسا
 سکا ليفون براوسها دشن جان يشعلل بگيان سبدا
 نبي کيت صلى الله عليه وسلم «مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا
 مَكَارًا مَغْفِرَ الْقَبِي اَللّٰهُ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَابٌ . وَمَنْ
 طَلَبَهَا اِسْتِعْنَانًا مِنَ الْمَسْئَلَةِ وَصِيَانَةً لِنَفْسِهِ جَاءَ
 يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهًا كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ» ارتين
 بارغدياف منجاري هرت دنيا يشعلل کران هندق





Bekerja Di Dalam Agama Islam



oleh al-Jauhari

(sambungan) Bilangan 4 tahun yang pertama

Sekiranya Nabi kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* menggalakkan manusia bencikan harta dan berusaha walau pun satu peratus sahaja mengapa ada beberapa banyak sahabat-sahabatnya yang diredai oleh Allah itu ada mempunyai kekayaan yang luas pada hal mereka itulah orang yang sehabis-habis taat menurut ajaran Rasulullah? Maka segala ajaran Tok Alam yang tersebut itulah ajaran yang menyalahi perintah Tuhan dalam Qur’ān al-Karīm “*walā tānsa naṣībaka min al-dunyā*” Ertinya janganlah kamu lupakan bahagian kamu di dalam dunia. Dan lagi firman-Nya “*fantashirū fi al-arḍ wābtaghūwā min faḍlillāh*” Ertinya hendaklah kamu berhamburan (ke sana sini) di atas muka bumi ini dan tuntutlah kelebihan Allah daripada rezeki. Dan lagi bagaimana sabda nabi kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*ni‘ma al-mafīyyatu al-dunyā fār tajilū hā tuballighkumu al-ākhirah*” Ertinya sebaik-baik kenaikan itu ialah dunia maka hendaklah kamu tunggang akan dia supaya menyampaikan kamu ke negeri akhirat dan jua sabdanya “*laysa khayrukum man taraka dunyāhu li ‘akhiratihī walā ākhirathu lidunyāhu bal khayrukum man akhadha hādhihī hādhihī*” Ertinya tiada dikatakan sebaik-baik kamu orang yang meninggalkan dunia kerana akhiratnya dan tiada pula orang yang meninggalkan amalan akhirat kerana dunianya tetapi sebaik-baik kamu ialah orang yang mengambil kedua-duanya sama. Dan lagi sabdanya “*Talabu al-halāli*

jihādun” Ertinya mencari rezeki yang halal itu seperti berperang sabil.

Pada suatu hari sedang Rasulullah duduk dengan sahabat-sahabatnya maka berpandang oleh mereka itu kepada seorang muda yang tegap sasa maka kata seorang daripada sahabat-sahabatnya: Alangkah baik kiranya tegap sasa laki-laki itu bekerja di dalam peperangan *sabīlillāh*! Maka dijawab oleh baginda jangan kamu kata begitu, kerana jika ia bekerja bagi dirinya atau pun kerana hendak melepaskan diri daripada meminta kepada orang, maka pahalanya seperti melawan musuh di medan peperangan. Dan jika ia berusaha dan bekerja kerana memelihara ibu bapanya yang tiada berdaya atau kerana anak-anaknya maka iaitu seperti berperang *sabīlillāh*. Dan jika ia bekerja semata-mata kerana hendak mengumpulkan harta dan bermegah-megah dengan harta itu maka iaitu menurut jalan syaitan.

Yang demikian nyatalah kepada kita bahawa mencari harta itu menurut niat orang yang mencari yakni jika dengan tujuan dan kehendak yang baik nescaya diberi pahala, dan jika dengan niat yang salah nescaya mendapat dosa sekalipun berusaha dengan jalan yang halal. Bagaimana sabda Nabi kita *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*man ṭalaba al-dunyā ḥalālan mukāthiran muḥākhiran laqiya Allāha wahuwa ‘alayhi ghaḍbānun. Wa man ṭalabahā isti yāfan min al-mas’ alati wa ṣiyānatan linafsihī jā ‘a yāwma al-qayāmati wa wajhuhu kā al-qamiri laylatu al-badrī*” Ertinya barang siapa mencari harta dunia yang halal kerana hendak

مبايقن مرت سماء ۲ داک برومکه ۲ دغددي نسچاي
دسر کاي الله بيلا اي وجومفا فد هاري قيامة
کفک ۰ دان بارغسياف منجاري مرت يشلال کران
هندق مائسکندري درفد منت دان کران هندق
ممايرا ديري نسچاي فد هاري قيامة کافي موکان کيلغ
کديلغ سمرت چهايا بولن فرنام .

دسکينله نتيجه دالم فرکارا اين، نتافي اد
سدبکيه لايکي ساي هندق ميتاکن کشف توان
ا کن فرکشان اورغ جاهل کشان « اداله رزقي
ايت سچوقی، سچوقی جوک ولو بگيان سکلپتون
کيت برسگوه ۲ منجاري تا کن منجادي سگنتغ !
مک ساي جواب: ادا که سريکيت دافه مشهوي
بارغشم دوالم عل الله ؟ دان حيك تيدق، مغاف
سريکيت منتو کن دغني سچوقی ! فد حال اکام
اسلام تله مپوره دغني قوای سفاي کيت برسگوه ۲
برووسا منجاري مرت، قباهن فوئ الله سبحانه
وتعالی مقرنيا کن رزقي کشف ميمان دغني قدر ليه
کورغ فد برسگوه ۲ بگيان سبدا نبي کيت
صلی الله عليه وسلم « اِنَّ اللهَ يُعْطِي الْعَبْدَ عَلَيَّ قَدْرَ
حَسْبِهِ وَنَهْمِيَّتِهِ » ارئين بهواسن الله سبحانه وتعالی
مقرنيا کن ميمان اتس قدر حمد دان کشارانف .
بهوا دغني قاعده اينله ميمشکيتکن فواسان مانسي
کشف بولوميا ۲ ددالم ميدان فراوسا ف دان کييدونف
دغني عزم يغ تنف دان چرکس کران هندق ميريما
بلان نة اللين ايت .

اکام اسلام تله مبراعکن دغني کترانف يفر
چو کف فصيح کشف فقيرکوه ۲ ايت مارا دغني
برمه قد تيف ۲ فرکارا ايت اکن مفر اوله کجيان
دان کناغن . مک .الس دان مکشف ايت کدوا ۲
منجادي سبب يائي سبا ۲ دان نياد مفر اوله سسوات

دان اصل کشفان بگيان سبدا نبي کيت صلی الله
عليه وسلم « التَّاجِرُ الْبَصُورُ مَرْزُوقٌ » ارئين
سوداگر يشراني دامت چرکس ايت اکن مندافه
رزقي دان سوداگر يفر فنا کوه دان مکشف ايت
نياد مفر اوله سسوات . دانلاکي اکام اسلام تله
مپرو کشف فقيرکوه ۲ دغني بروکات: بهوا اداله
کييدونف ايت اد بيراف قاعده يفر تنف جان ۲
دان انداغ ۲ يفتوغ بندرغ . مک بارغسياف يفر
نياد منوره ا کندي ايله اورغشم ملاون اراده الله
دان بارغسياف يفر قبول سکل فکرجانف نسچاي
دانله اي منچاي سکل کهندق ۲ دان چينانف،
کران داله رزقي دان برووسا ايت ترأهلق دياوه
انداغ ۲ يفر تنف اينله بگيان سبدا جنجوعن کيت
صلی الله عليه وسلم « مَنْ جَدَّ وَجَدَ وَلِکُلِّ مَجْتَهِدٍ
نَصِيبٌ » ارئين بارغسياف برسگوه ۲ ايت نسچاي
مندافه اي دان تيف ۲ اورغشم برسگوه ۲ ايت
برانتوغ . دان تله بوسبدا سبدا نعر رضي الله عنه
ايله اورغشم واجب کيت ايسکوه سکل فندوانف
بايت جاعله سئورغ وودق سبا ۲ نياد منجاري رزقي
دان بردها دغني بروکات: باونهنکو کرنيا کنله مپرو
رزقي ! فد حال کامو تله کتھوبه بهوا لایه ايت
نياد مشوجنکن امس اتو ففرق . دانلاکي اکام
اسلام تله مپرو سفاي برووسا منجاري کسناغني
هيديف . دان لاري درفد کوسين دان
کشيچيککن سفاي تجاوه درفد بارغشم نياد
دسو کاي بگيان بقد سبدا کن اوله جنجوعن کيت
صلی الله عليه وسلم « كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونَ كَفْرًا »
ارئين مفر ۲ دغني سبب فاف ايت منجادي کفر .

(سبوعنن دکا کي موک 132)





membanyakan harta semata-mata dan bermegah-megah dengan dia nescaya dimurkai Allah bila ia berjumpa pada hari kiamat kelak. Dan barang siapa mencari harta yang halal kerana hendak melepaskan diri daripada meminta dan kerana hendak memelihara diri nescaya pada hari kiamat kelak mukanya gilang gemilang seperti cahaya bulan purnama.

Demikianlah natijah dalam perkara ini, tetapi ada sedikit lagi saya hendak menyatakan kepada tuan akan perkataan orang jahil katanya “Adalah rezeki itu secupak, secupak juga walau bagaimana sekalipun kita bersungguh-sungguh mencarinya takkan menjadi segantang! Maka saya jawab: Adakah mereka itu dapat mengetahui barang yang di dalam ilmu Allah? Dan jika tidak, mengapa mereka itu menentukan dengan secupak! Padahal agama Islam telah menyuruh dengan kuat supaya kita bersungguh-sungguh berusaha mencari harta, tambahan pula Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* mengurniakan rezeki kepada hamba-Nya dengan kadar lebih kurang pada bersungguh-sungguhnya bagaimana sabda Nabi kita *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*Innallāha yu’fī al-‘abda ‘alā qadri hummāthi wa ni’māthi*” Ertinya bahawasanya Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* mengurniakan hambanya atas kadar hemah dan kegemarannya. Bahawa dengan kaedah inilah membangkitkan perasaan manusia kepada berlumba-lumba di dalam medan perusahaan dan kehidupan dengan azam yang tetap dan cergas kerana hendak menerima balasan penat lelahnya itu.

Agama Islam telah menerangkan dengan keterangan yang cukup fasih kepada pengikut-pengikutnya iaitu mara dengan berhemah pada tiap-tiap perkara itu akan memperoleh kejayaan dan kemenangan. Maka malas dan menggap¹ itu kedua-duanya menjadi sebab bagi sia-sia dan tiada memperoleh sesuatu

dan asal kepapaan bagaimana sabda Nabi kita *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*Attājiru al-jasūru marzūqun*” Ertinya saudagar yang berani dan cergas itu akan mendapat rezeki dan saudagar yang penakut dan menggap² itu tiada memperoleh sesuatu. Dan lagi agama Islam telah menyeru kepada pengikut-pengikutnya dengan berkata: Bahawa adalah kehidupan itu ada beberapa kaedah yang tetap jalan-jalannya dan undang-undang yang terang benderang. Maka barang siapa yang tiada menurut akan dia ialah orang yang melawan *irādah* Allah dan barang siapa yang betul segala pekerjaannya nescaya dapatlah ia mencapai segala kehendak-kehendak dan cita-citanya, kerana adalah rezeki dan berusaha itu tertakluk di bawah undang-undang yang tetap inilah bagaimana sabda junjungan kita *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*man jadda wajada walikullī mujtahidin nasībun*” Ertinya barang siapa bersungguh-sungguh itu nescaya mendapat ia dan tiap-tiap orang yang bersungguh-sungguh itu beruntung. Dan telah bersabda Saiyidina Umar *radīya Allahu ‘anhu* ialah orang yang wajib kita ikut segala panduannya iaitu janganlah seorang duduk sia-sia tiada mencari rezeki dan berdoa dengan berkata: Ya Tuhan kuurniakanlah hambaMu rezeki! Pada hal kamu telah ketahui bahawa langit itu tiada menghujankan emas atau perak. Dan lagi agama Islam telah menyeru supaya berusaha mencari kesenangan hidup. Dan lari daripada kesusahan dan kepichekan³ supaya terjauh daripada barang yang tiada disukai bagaimana yang disabdakan oleh junjungan kita *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* “*Kāda al-faqrū an yakūna kufrān*” Ertinya hampir-hampir dengan sebab papa itu menjadi kufur.

(sambungan di kaki muka 132)

¹ Ejaan sekarang bengap

² Ejaan sekarang bengap

³ Perkataan ini tiada dalam daftar kata Dewan Bahasa Pustaka, tetapi ada dalam Kamus Jawi-Melayu-Inggeris ms 484 (R.J. Wilkinson)

فرکان اولن هیدوف

(اوله عبالغنی یعیسی)

(سمبوغن بیلاغن (4) تاغن یهفرنام)

سحل کفرجیان یسکارووه این تیدق بوله هافوس
ملینکن دغن چهبا کچردیقن دان نور عقل یغ
سمنون . مک یشد کتا کن چردیق ایت ابله دوا
نام : « بر عقل دان بر معاف ۲ فن » یهوا سبورخ
تیدق لایق معا کو دیرین مانسی یغ چردیق دان
بر عقل سلام تیاد عیلمیکی کدوا ۲ صفة این .

ادفون فر تاغن اتو سدرهان ایت ابله برقادا ۲
بایت سوات صفة یهتر یسا کفد مانسی دان بو کتله
فول یشد کتا کن سدرهان ایت قد نتغ ماکن
مینوم سهاج تنافی یشد کتا کن سدرهان ایت ابله
دالم تیف ۲ فکرجان دان فر بو اتن . متغه درفد
فر تاغن ایت ابله معا کو کبا یقن اورخ . مشاف
کامو معا کو کن کبا یقن ایبو یاف کامو ؟ دان
کامو دافه بر باگی ۲ نعمة درفد کدوا ، مک
بلاسن کامو کفد کدوا ایت ابله معا کو کن
کبتهین کدوا بو کن ؟ . مکینله اورغ یغ ملیا
ایت معا کو کن کلبین علما ۲ ، فندیث ۲ ، اهل ۲

برمول چردیق ایت بر صیه عقل بایت شرط
یهفر نام باگی مشصکن کاهوان مانسی کران اورغ یغ
تیدق بوله میبدا کن دان تارا بارغ یغ یغ دغن
یهساله ایت دنا کو تی ایسه تیدق بوله میبدا کن
دان تارا یسایک دغن یسجاهه ، دان سکل کسلاهن
ایت تروس سهاج ملکه قد دیرین دغن موده
هتک جادی سفرت عاده کیسان ، لام کلمان
منجادی سیر ۲ کسلاهن یغ مرو سکن فر گادان
عام . چوب فرهان یکن فر کارا یسکارووه سفرت
مفرجیا کر تیر 13 ایت تیدق بابک ! ، سورة یغنی
شیخ احمد فونوغکو مقام نهی محمد صلی الله علیه وسلم
یهرف یسقله ترسیار مرات ۲ دنیا ایت سیاف
یهتیاد فر چای جادی کافر کون ! ، قد فر مولان
فر تاغن بسر یسکلدوا این سیبو اورغ بر چاکف
بارغ سیاف ماکی داون فیسغ بانو تیدق تر کتا بوم ،
دان مفرجیا کن سمنو ، کنگور ، مولیه رومه ،
میبه هتو شیطان ، فواک ۲ دانسا کون . مک

(سمبوغن درفد موک 131)

کران مھملکن سیدانی کیت صلی الله علیه وسلم
« سافرُوا وَ تَصَحُّوا وَ تَفْتَمُوا » ازیون هندقله کامو
بر مسافر سٹای بر اوله کصحاتن دان بر تبه ۲
کاتوغن کامو ، مک دغن کران حدیث ابن یرف
بابی صحابه رسول الله بر تیا کت دغن جان لاوه دان
داریه کران منتهوه کلبان دان ککیان . (بوسبوغ)

دان انکام اسلام مھاروسکن بر اوسا کران منجاری
ککیان دان کقواتن هیدوف ولو فون بلایر
منفوه لاوتن یسیر دان منداک هاروس یهدرس
منافق ایتن یغ کدنج ، مهاروغ هاروغ یهدرم
دان مندر جا سکل جنس کوسامن دان فنه اله

Pergaulan Hidup

(oleh Abdul Ghani Yahaya)

(sambungan Bilangan (4) tahun yang pertama)

Bermula cerdik itu bersih akal iaitu syarat yang pertama bagi mengesahkan kemahuan manusia kerana orang yang tidak boleh membezakan di antara barang yang benar dengan yang salah itu ditakuti ia tidak boleh membezakan di antara yang baik dengan yang jahat, dan segala kesalahan itu terus sahaja melekat pada dirinya dengan mudah hingga jadi seperti adat kebiasaannya, lama kelamaan menjadi sebesar-besar kesalahan yang merosakkan pergaulan am. Cuba perhatikan perkara yang karut seperti mempercayakan nombor 13 itu tidak baik!, surat mimpi Sheikh Ahmad penunggu makan Nabi Muhammad *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam* yang bercop yang telah tersiar merata-rata dunia itu siapa yang tiada percaya jadi kafir konon!, pada permulaan peperangan besar yang kedua ini sibuk orang bercakap barang siapa memakai daun pisang batu tidak terkena bom, dan mempercayakan sampuk, ketegur, memulih rumah, menyembah hantu syaitan, puaka-puaka dan sebagainya. Maka

segala kepercayaan yang karut ini tidak boleh hapus melainkan dengan cahaya kecerdikan dan *nūr* akal yang sempurna. Maka yang dikatakan cerdik itu ialah dua nama: "Berakal dan bermaaf-maafan" Bahawa seorang tidak layak mengaku dirinya manusia yang cerdik dan berakal selama tiada memiliki kedua-dua sifat ini.

Adapun pertengahan atau sederhana itu ialah berpada-pada iaitu suatu sifat yang terbangsa kepada manusia dan bukanlah pula yang dikatakan sederhana itu pada tentang makan minum sahaja tetapi yang dikatakan sederhana itu ialah di dalam tiap-tiap pekerjaan dan perbuatan. Setengah daripada pertengahan itu ialah mengaku kebaikan orang. Mengapa kamu mengakukan kebaikan ibu bapa kamu? Dan kamu dapat berbagai-bagai nikmat daripada keduanya, maka balasan kamu kepada keduanya itu ialah mengakukan kebaikan keduanya bukan? Demikianlah orang yang mulia itu mengakukan kelebihan ulama-ulama, pendita-pendita, ahli-ahli

(sambungan daripada muka 131)

dan agama Islam mengharuskan berusaha kerana mencari kekayaan dan kekuatan hidup walaupun belayar menempuh lautan yang besar dan mendaga harus¹ yang deras menagak angin yang kencang, mangarung harungan yang dalam dan menderita segala jenis kesusahan dan penat lelah

kerana mengamalkan sabda Nabi kita *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam* "*Sāfirū taṣīhū wataḡhnamū*" Ertinya hendaklah kamu bermusafir supaya beroleh kesihatan dan bertambah-tambah keuntungan kamu, maka dengan kerana hadith ini beberapa banyak sahabat-sahabat Rasulullah berniaga dengan jalan laut dan darat kerana menuntut kelebihan dan kekayaan. (bersambung)

¹ Ejaan sebenarnya: Arus

(فر کاولن هيدف سمبوئن درفد موك 132)

فيكران، دان اهل ۳ فر يكا بارغ ۲ بشبارو بهوا اورغيغ انكر كن كليهن اورغ سام اد بايق اتو سد يكيه ايت مك ايتوله اورغيغ هينا.

بارغد كهوي بهوا سلالو اورغيغ معلوار كن فيكران بهارو دالم علم فقتهوان اتو قندا فانن بهارو ايت بوده دان دغو! اكننتافي مريكثيت تله يناس دالم لمبارن تاريخ كران تله مئسكسكن ساله اورغيغ حسد دشك ۶ دان مئسكه طرف فادو ۲ ايت كدالم ليكوعغن اورغ بشمليا.

دچيرا كن بهوا اداله كرستو فر كولومبوس تله بروجومفا دغن بتوا امريكا اقبيل اي باليق كفين مك دسمبو اوله قوم بئشان دغن بر باكي ۲ سمبون كران مليا كن همين ايت ۶ ادفون اورغيغ حسد بو كفن سهاج تله بلكم سمبون ايت اكننتافي مريكثيت تله مغيئا كن دغن بر باكي ۳ كات نسقا دان چرچا، كتان بروجومفا دغر تانه داراتن دتفه لاوه ايت بو كفن سوات فر كارا بئ فليق ۶ تافي سمو اورغ فون بوله بلاير ۶ كدين بروجومفا! اف اد كليهن بئ هندق دبسر كن؟ فد اخرن حال ايت مغييله كند كولومبس، اكننتافي تباداله دهيراو كفن، بهكن فد سوات هاري دادا كفن سوات فيستا يشسر مك سكلين اورغيغ حسد ايت سمو دجمفونن مك دالم مجلس ايت دبادان سمونير تلور دالم سوات چيغير سراي بر كات كند ضيف ۲ بشعاضر ايت: بارغيتاف بئ چر ديق جمفونه دير بكن تلور اين سفاي نكي مك نيف ۲ شورغ درفد جمفونن ايت تله منچوب هندق مندو بكن تلور ايت تئافي سموان تباد و افه بكن ددافانن تباد شورغ فون

يشرحاي مك ايفون مغمبيل تلور ايت دكوفكنن دانس چيغير ايت همك فجه سد يكيه لالو دلته كفنن مك تنقله تلور ايت تباد جانوة. افلاكي سكلين بشعاضر فون هيويه مئئا كن: كالو بكيو چاران تر ساعه سنغ! جواب كرستو فر بايت سمبون اكننتافي فيكران ساي تله مندوهولوي فيكران توان ۲- مك تدفكه بايت سوات كليهن?

ستقه درفد صفة سدرهان ايت اقبيل شورغ بعاصلن مسكين ۶ كدين منجادي كاي مك حاعنله سكالني اي منغفا اتو مغيئا كن را كن ۳ بئنياد و جاي سفرتين ۶ دمكين جوا اورغيغ مسكين ايت حاعنله سكالني حسد كن جيرانن بئ كاي اتو نيدق ربضا اكن اف بئتهل دكرنيا كن اوله الله كفدان.

Manakala faedah diri itu terhad kepada memilih dan melebihkan diri dengan beroleh kesenangan yang akhirnya berkesudahan sampai kepada had batasan lupakan hak-hak orang lain maka bukannya sahaja melawan dengan sifat kelebihan tetapi melanggar garis kebajikan yang telah terbentang dengan lurusinya.

Wahai anak-anaku! Hendaklah kamu bersifat lurus janganlah kamu mengira-ngirakan diri kamu, apabila kamu memperbuat sesuatu pekerjaan tiliklah dengan perhatian yang tetang² apa akan jadi alam yang kemudian daripada kamu kelak apabila diikut dan ditauladan oleh yang lain akan pekerjaan kamu itu.

Kata seorang pendeta "Bekerjalah dengan berkekalan supaya pekerjaan kamu itu jadi ikutan bagi anak-anak bangsa kamu" umpamanya kalau seorang budak hendak lalu dalam kebun sayur orang tiba-tiba ditahan oleh tuannya. Jawab budak itu saya cuma lalu sahaja tidak merosakkan tanaman tuan. Maka jawab tuan kebun itu: Sekiranya aku biarkan kamu lalu, aku takut menjadi suatu contoh kepada orang lain.

Pendeknya dengan kedua '*ā'adahū*' ini (halobakan kemuliaan secara manusia dan mengawal maslahat ilmu, jadilah seseorang itu mulia di sisi bangsa khususnya dan dunia amnya.

² Perkataan sebenarnya adalah tenang.

³ Perkataan yang sebenar ialah '*ādahū*).

دیدیقتن

(اوله عیب جوهر)

چاشن بود کاتن فلاجران یغ مهنه سروف دانتارا ساتو دغن لاین سکهران فلاجران یغفر نام دالم علم کبرا ۲ چاشن دایریشکن دغن علم حشکآن (چومیتدی) تنافی هندقله دایریشکن دغن علم جالب بهاس اتو لو کین اتو او مغان :

(3) طبیعه کانتق ۲ ایت سوک معاجوه دان منبرو ۲ یهدمکین واجب فنبدیدی اتو تورو منجادیکرن دیرین سندیری ایکوتن کانتق ۲ فد تنتم فکاین، کدودفکن، فرچکافی دان سکل قرق کزی . تله تف دسی فنبدیت ۲ دبدیقن دغن مشیکوه ایت لبه بابک درفد مهاکین دبدیقن بقلاین .

(4) کانتق ۲ ایت سوک مشحفظکن سوات فرکارا دالم هانین یهدمکین ترتمکوعله دانس فنبدیقن مشحیل فایده درفد کسوکا کانتق ایت یا ایت دیری ای سدیکیه ۲ فرکتان علم یهرفا بده سفای دحفظکانت دغن ارینن سکلی مقدر یغفانوه دان مناسبه دغن عقلن . دان بابک جوک دسوره سربک مشحفظکن چاکف ۲ یغ تفکی دان شعیر ۲ یغبرحکه سفای سبر ای دغن کا دان تف داه فیه توتر کتان .

(5) کقوانن فیکران کانتق ۲ منتوکن سوات فرکارا اتو کهنقد منجافی سبب ۲ فرکارا ایت ماسیه له . مک جاعنله کورو ۲ مبرتکن سربدن منتوکن سوات فرکارا اتو مشرتیکن فایدمن تنافی واجب گورو مبلیدق دان مرقسا

(سمبوغن بیلاغن (5) تاهن یغفر نام) حکمه اتو رهسبا دیدیقن ایت جاعنله دلادغ برخیال منوره کچندر وغنن کران بوله دکنا کن مستحیل ای اغکن درفدان مقدر کن یغواجب اتس فنبدیق ۲ هندقله برسکوه ۲ مندوکن سربکیت فد خیال این دان معاد کن چریقا ۲ یغ تیدیق سرومکین عقل داه فراغی سربکیت تراوتام دالم تاریخ ۲ کعادین . مستحق دفر بابکن . ادفون مپکه کانتق ۲ درفد خیال ایت یا ایت سوات فکرجن یغ تیدیق دکهندفکن کران کانتق ۲ ایت نیاد بوله هرننی درفدان ولو ماجم مان سکالیفون فنبدیق ۲ برسکوه ۲ ملارغ اکندی .

سپیان دهوریکن دسینی طبیعه کانتق ۲ دغن جان رشکس سفای فنبدیق ۲ داغه ملنقن اساس فکرجانی .

(1) جیک کانتق ۲ ایت چندروغ کفد برقرق یهبر ککالان مک تیدیق هاروس فنبدیقن مقسا سفای ای دم کران یهدمکین بولاوانن دغن طبیعهن یا ایت منداتفکن مضرة یهبر کران کسوبران اغکوتان ایت برکهندفکن برقرق ، سکهران دانهن نسجای بنتوه دان روسق سکالین بدانن تر کادغ جادی فیأ کیه کقدان .

(2) کابک ۲ ایت تیدیق سوک تف دالم سوات فکرجان سواج مک واجبله فنبدیقن منجادیکن فلاجرانن فنبدیق ۲ دان جوک مستحق دجاک





Didikan


(oleh 'Iba^c Johor)

(Sambungan bilangan (5) tahun pertama)

Hikmah atau rahsia didikan itu janganlah diladung
berkhayal menurut kecenderungannya kerana boleh dikatakan
mustahil ia enggan daripadanya sekadarkan yang wajib
atas pendidik-pendidik hendaklah bersungguh-sungguh memandukan
mereka itu pada khayal ini dan mengadakan cerita-cerita yang
tidak merosakkan akal dan perangai mereka itu
terutama dalam *tārīkh- tārīkh* kejadian mustahak diperbanyakkan.

Adapun menyekat kanak-kanak daripada khayal itu iaitu
suatu pekerjaan yang tidak dikehendakkan kerana
kanak-kanak itu tiada boleh berhenti daripadanya walau macam mana
sekalipun pendidik-pendidiknya bersungguh-sungguh melarang
akan dia.

Seyogianya dihuraikan di sini tabiat kanak-kanak
dengan jalan ringkas supaya pendidik-pendidik dapat
meletakkan asas pekerjaannya. :-

(1) Jika kanak-kanak itu cenderung kepada
bergerak yang berkekalan maka tidak harus pendidikanya
memaksa supaya ia diam kerana yang demikian berlawanan dengan
tabiatnya iaitu mendatangkan mudarat yang besar kerana
kesuburan itu berkehendakkan bergerak-gerak,
sekiranya ditahan nescaya bantut dan rosak sekalian
badannya terkadang-kadang jadi penyakit kepadanya.

(2) Kanak-kanak itu tidak suka tetap dalam suatu
pekerjaan sahaja maka wajiblah pendidikanya menjadikan
pelajarannya pendek-pendek dan juga mustahak dijaga

jangan berdekatan pelajaran yang hampir serupa di antara
satu dengan lain sekiranya pelajaran yang pertama dalam
ilmu kira-kira jangan diiringkan dengan ilmu jangkauan
(geometri) tetapi hendaklah diiringkan dengan ilmu
jalan bahasa atau lukisan atau umpamanya.

(3) Tabiat kanak-kanak itu suka mengajuk dan
meniru-niru yang demikian wajib pendidik atau gurunya
menjadikan dirinya sendiri ikutan kanak-kanak
pada tentang pakaian, kedudukan, pekerjaan dan
segala gerak-geri. Telah tetap di sisi pendeta-pendeta
didikan dengan mengikut itu lebih baik daripada
bahagian didikan yang lain.

(4) Kanak-kanak itu suka menghafazkan sesuatu
perkara dalam hatinya yang demikian tertanggunglah di atas
pendidikanya mengambil faedah daripada kesukaannya
itu iaitu diberi ia sedikit-sedikit perkataan ilmu
yang berfaedah supaya dihafazkannya dengan ertinya sekali
sekadar yang patut dan munasabah dengan ertinya sekali
sekadar yang patut dan munasabah dengan alkalnya. Dan baik
juga disuruh mereka menghafazkan cakap-cakap yang
tinggi dan syair-syair yang berhikmah supaya besar ia dengan
keadaan tetap dan petah tutur katanya.

(5) Kekuatan fikiran kanak-kanak menentukan
suatu perkara atau kehendak mencapai sebab-sebab perkara
itu masih lemah. Maka janganlah guru-guru memberatkan
murid-muridnya menentukan sesuatu perkara atau mengertikan
faedahnya tetapi wajib guru menyelidik dan memeriksa

مېمقرنا کن سکل کو اچیتن، مک سقکڻ قرطس ۲
این ددافاتی تله باقی مغریتنکن نتیجه فد منفیکین
قلاجران.

(9) طبیعه کانق ۲ ایت ساعة چندروغ
هندق میلیدیق دان هندق تاهو اکن سبب ۲ دان
رهسیا سوات کران بوله نمفق کانق ۲ ایت افیبل
برجوما دغن سوات بندا مک سوک ایی یوتان
کران هندق مندافه اکن رهسیا بندا ایت ترکادغ
بوله جادی دنجپککن دان دسیرق ۲ کنن ساتو
ساتو فرکاکس فرمایتنن ایت.

فندیقن دری کچندروغن این بوله مشیبل
فلواغ مشاجر کانق ۲ ایت سنمه ۲ فقتیوان سوات
فرکارا، سکیوان فندیق هندق مغاجر کانق ۲
اومفانن ساتو فشكل دری سوات بندا اتو فرکاکس
هندقله دیری کندان بندا ایت. دان سوره ایی
بوک دان کلوار کن نیف ۲ ساتو فرکاکس ایت
سقای ایی دافه اکن رهسیا ماسوقکن سمولا مک
دغن طبیعتن سندیری سمیتم ای سوک بریوآه
دمکین، دان دالم ماس ایی توله داجر کندي نام
نیف ۲ ساتون دان دیری مقرتی بگیان فاعده
بیوسنکن سمولا سقای تنف دالم ذهنن دغن
چوکف سمفرت.



دان جاعن دیر کدی ترساله فد مانقکن کنتنوا
سوات سقای تنف فرمایتن.

(6) دمکین جوک کقواتن کانق ۲ فد
ممیذا کن داتادا فرکارا ۲ یغ سرور ایت ماسیه
له مک نیاد هاروس دیوتکندي ممیذا کن
بارغ ۲ یغ سوسه دان لیه درفد کواسان کران
مریک نیاد دافه ممیذا کن انتارا فرکارا یغ سرور
ایت میلنکن افیبل فرکارا ایت نمفق دان سنم
یشیاد بر کهندقکن بر فیکر دالم ۲.

(7) کقواتن خیال فد کانق ۲ ایت ساعة
توآه ۴ دری ایت واجب کورو مبري فرگونان
دالم صفة ایت بایت دقترا کن کندان چریتا
یشیوفایده دان بر کوک بایت کجادی تاریخ ۲ یغ
مبري فجاجران ۴ تیدق هاروس دچمفور کن دالم
تاریخ ایت کجادی یغ منا کوکن، شیس دان کاسر.

(8) کانق ۲ ساعة کمر دان بر مگه ۲ دان
بولومیان هندق مندافه فوجی وان منجادیکن اورغ
حیران اکن فریواتنن. دری ایت واجب دیری
فراسان این دغن دشوجی بودق یغ راجین دان
یوانله حیران اتس کراجیننن ایت دهدافن کاون ۳
دان دکالفکن سوداران بشیکوة تولادنن ایت
کران بقدمکین ایت ممیشکیتکن سماعه چمبورو
دان بربری ۲ هاتی هندق مېوآه بابک. دسبله
ایروفه سھاج میدیا کن بهراف باقی قرطس کجیل
امته فرسکی دالم سکو له ۲ مریک، دانس قرطس
ایت ترجیتق فرکتان اکران باکوس اتو شهاده
حسنة ترلتق دالم لو کینن بوغما ۲ یغ چنتیق کونان
سقای کورو ۲ مبریکن کفد مرید ۲ یغ تله



dan jangan dibiarkan dia tersalah pada meletakkan ketentuan sesuatu supaya tetap perhatiannya.

(6) Demikian juga kekuatan kanak-kanak pada membezakan di antara perkara-perkara yang serupa itu masih lemah maka tiada harus diberatkan dia membezakan barang-barang yang susah dan lebih daripada kuasanya kerana mereka tiada dapat membezakan antara perkara yang serupa itu melainkan apabila perkara itu nampak dan senang yang tiada berkehendakkan berfikir dalam-dalam.

(7) Kekuatan khayal pada kanak-kanak itu sangat kuat, dari itu wajib guru memberi pergunaan dalam sifat itu iaitu diceterakan kepadanya cerita-cerita yang berfaedah dan berguna iaitu kejadian *tārīkh- tārīkh* yang memberi pengajaran, tidak harus dicampurkan di dalam *tārīkh* itu kejadian yang menakutkan, bengis dan kasar.

(8) Kanak-kanak sangat gemar dan bermegah-megah dan berlumba-lumba hendak mendapat puji dan menjadikan orang hairan akan perbuatannya. Dari itu wajib diberi perasaan ini dengan dipuji budak yang rajin dan buatlah hairan atas kerajinannya itu di hadapan kawan-kawannya dan digalakkan saudaranya mengikut tauladannya itu kerana yang demikian itu membangkitkan semangat cemburu dan beriri-iri hati hendak membuat baik. Di sebelah Eropah sengaja menyediakan beberapa banyak kertas kecil empat persegi di dalam sekolah-sekolah mereka, di atas kertas itu tercetak perkataan akuan bagus atau *shahādah ḥasanah* terletak di dalam lukisan bunga-bunga yang cantik gunanya supaya guru-guru memberikan kepada murid-murid yang telah

menyempurnakan segala kewajibannya, maka sesungguhnya kertas-kertas ini didapati telah banyak menerbitkan natijah pada meninggikan pelajaran.

(9) Tabiat kanak-kanak itu sangat cenderung hendak menyelidik dan hendak tahu akan sebab-sebab dan rahsia sesuatu kerana boleh nampak kanak-kanak itu apabila berjumpa dengan sesuatu benda maka suka ia bertanya kerana hendak mendapat akan rahsia benda itu terkadang boleh jadi dipecahkannya dan diserak-serakkannya satu satu perkakas permainannya itu.

Pendeknya dari kecenderungan ini boleh mengambil peluang mengajar kanak-kanak itu setengah-setengah pengetahuan sesuatu perkara, sekiranya pendidik hendak mengajar kanak-kanak umpamanya satu penggal dari suatu benda atau perkakas hendaklah diberi kepadanya benda itu. Dan suruh ia buka dan keluarkan tiap-tiap satu perkakas itu supaya ia dapat akan rahsia memasukkan semula maka dengan tabiatnya sendiri sememang ia suka berbuat demikian, dan dalam masa itulah diajarkan dia nama tiap-tiap satunya dan diberi mengerti bagaimana kaedah menyusunkan semula supaya tetap di dalam *dhihimya* dengan cukup sempurna.



«تاريخ الاسلام»

(سموغن بيلاغن ٥ تاهن يفرنام)

(فرايدوران يفتكدان)

(ديولاكن درفد منجادي رسول)

هشك - كدف هجره)

(1) ددالم گوا حراء :-

تتكلم نبي كيت ساعه گمر منجاوه كنديري
درفد سكلين مانسي كران برعباده كشد الله تعالى
دغني مراقبه مك فد ديواس اينوله اول ٢ ديو كاكن
الله اكن ببران اشاره دان دليل ٢ يهداين دن
فتقليبانن يفتبول بتر . مك تباد اي معني ملينكن
برسمان دغن يهدليه اوله مات كفلان . مك دغن
سبب ايت برخلوته اي دگوا حراء بر بواة عبادة
ببران مالم يفتله دنتو كتن بايت تركادغ سفوله
هاري دالم سيولن دان تركادغ ليه دان منكل
هايس بكان بهاروله اي كبالي مندافتكن فادوك
استر بن سيدتنا خديجه معميل بكان لايي .

(2) فرمولان تورن وحى :-

تتكلم كذف اسيان عليه الصلاة والسلام ايت
40 تاهن مك ترسيه كفته حجاب درفد عالم اين
ترماسفته اي كدف الهام توهن دان ترسوله كفتدان
نور يهها سوچي دان تورله كفتدان وحى درفد
مقام بقاته شهي دان دفتيله اوله الله اكنددي
منجادي فسورهن دان دتورنكن روح الامين
(جبريل) فد ماس اي ددالم گوا حراء كران
مناجر اكنددي : بتاف هندق منجوقكن سكلين
مناجر اكنددي . يهدمسكن مك دريقكنتيله بارعيم
دورنكن اوله توهن كفتدان ايت تنافي كا دان

سروانن ايت دغن برسوليه مهاج مك اول
يقرائمان دغندي ايله سيدنا ابو بكر بن قحافه .
استر بن سيدتنا خديجه دان سيدنا علي بن ابو طالب
يغ مدغ كاتق ٢ لايي . دان سيدنا علي اين فول
سكالي فون تباد قرنه سجد كشد برهالا . مك
درسيب ايتوله دكنا كنددي كرم الله وجهه ،
(مليكاكن الله اكنددي) .

مك بافته اورغيسر ٢ دان هب ٢ مغريا سروان
نبي كيت ايت بايت سيدنا عثمان بن عفان ،
سيدنا زبير بن العوم ، سيدنا عبدالرحمن بن عوف ،
صهيب الروي ، عمار بن ياسر العسبي ، عبدالله بن
مسعود ابني ذرالفناره عبیده بن الحارث بن
مظعون دانلاين ٢ .

اين ! قياده كا دان نبي كيت ايت مگوناكن
قدغ كران منجوغ ليهيد مريكيت سفاي طاعة
كفتدان دغن مرندمكن ديري دان تباد فول
دسيبي رسول ايت بارعيم دكماري ههك
اورغيسر ٢ ايت منيهكلكن ايو بفان دغن تباد
مقبرواكن ككيان يهاد كفتدان كدين مفيكوة
مريكيت اكنددي سرت منجوغ كهيتان دان
كسوساهن يهدداتمكن اوله اهل ٢ مريكيت
كا تنه ههك كيايكنن مريكيت توله يواد
درفد رسول الله سفرت سيدنا ابو بكر سيدنا
عثمان ، سيدنا خالد بن سعيد دان لاين ٢ درفدان .
دان هب ٢ فول بميله اكن كسوساهن ، كلاوران
دان مشقه مك تباد هندق اي كبالي كشد اگام
ايو ياف اتو توانن فتهولو مريكيت فد حال جكلو
اي مفيكوة توانن ٢ فتهولن نسجاي ستم ليغ
كهيدونتن اكننتاني اگام يغ سوچي دان بو





“*Tārīkh al-Islām*”

(Sambungan bilangan 5 tahun yang pertama)

(Peredaran yang kedua)

(Dimulakan daripada menjadi Rasul

hingga kepada hijrah)

(1) Di dalam Gua Hīrā’ :-

Tatkala Nabi kita sangat gemar menjauhkan diri

daripada sekalian manusia kerana beribadah kepada Allah Ta’ālā dengan *murāqabah* maka pada dewasa itulah awal-awal dibukakan Allah akan beberapa isyarat dan dalil-dalil yang diamatinya dengan penglihatan yang betul benar. Maka tiada ia mimpi melainkan bersamaan dengan yang dilihat oleh mata kepalanya. Maka dengan sebab itu berkhawatlah ia di Gua Hīrā’ berbuat ibadah beberapa malam yang telah ditentukannya iaitu terkadang sepuluh hari dalam sebulan dan terkadang lebih dan manakala habis bekalnya baharulah ia kembali mendapatkan paduka isterinya Saiyidatina Khadījah mengambil bekal lagi.

(2) Permulaan turun wahyu:-

Tatkala genap usianya ‘*alayhi al-ṣalātu wa al-salām*’ itu 40 tahun maka tersingkaplah hijab daripada alam ini termasuklah ia kepada ilham Tuhan dan terserlah kepadanya nur Yang Maha Suci dan turunlah kepadanya wahyu daripada *maqām* yang amat tinggi dan dipilih oleh Allah akan dia menjadi pesuruh-Nya dan diturunkan *riḥ al-amīn* (Jibrīl) pada masa ia di dalam Gua Hīrā’ kerana mengajar akan dia: Betapa hendak menunjukkan sekalian manusia. Yang demikian maka direbakkannyalah barang yang diturunkan oleh Tuhan kepadanya itu tetapi keadaan

seruannya itu dengan bersulit sahaja maka awal-awal yang beriman dengan dia ialah Saiyidina Abū Bakar bin Quḥāfah. Isterinya Saiyidatina Khadījah dan Saiyidina ‘Alī bin Abū Tālib yang sedang kanak-kanak lagi. Dan Saiyidina ‘Alī ini pula sekali pun tiada pernah sujud kepada berhala. Maka dari sebab itulah dikenakan dia *karrama Allāhu wajhahu*, (memuliakan Allah akan dia).

Maka beryaklah orang besar-orang besar dan hamba-hamba memercima seruan

Nabi kita itu iaitu Saiyidina ‘Uthmān bin ‘Affān, Saiyidina Zubayr bin al-‘Awwam, Saiyidina Abdul Rahman bin ‘Auf, Suhaib al-Rūmī, ‘Ammār bin Yassir al-Abbasi’, Abdullah bin Mas’ūd Abi Dhar al-Ghifārī,, ‘Ubaydah bin al-Hārith bin Maz’ūn dan lain-lainnya.

Ini! Tiadalah keadaan dan Nabi kita itu menggunakan pedang kerana memancung leher mereka itu supaya taat kepadanya dengan merendahkan diri dan tiada pula di sisi Rasul itu barang yang digemari hingga orang-orang besar itu meninggalkan ibu bapanya dengan tiada menghiraukan kekayaan yang ada kepadanya kemudian mengikut mereka itu akan dia serta menanggung kehinaan dan kesusahan yang didatangkan oleh ahli-ahli mereka itu ke atasnya hingga kebanyakan mereka itu terlebih berada daripada Rasulullah seperti Saiyidina Abū Bakar, Saiyidina ‘Uthmān, Saiyidina Khālid bin Sa’id dan lain-lain daripadanya. Dan hamba-hamba pula memilih akan kesusahan, kelaparan dan *mashaqqah* maka tiada hendak ia kembali kepada agama ibu bapa atau tuannya penghulu mereka itu padahal jikalau ia mengikut tuan-tuan penghulunya nescaya senang-lenang kehidupannya akan tetapi agama yang suci dan benar

¹ Perkataan yang sebenar ialah al-‘Ansi

ابت نیاد بوله تراوري درقد هاتي سریکتیت
مشک چمرغ عقل سریکتیت دغن سبب کلین
اگام اسلام اوله نیاد سوات یقلاین یقبوله
میسای اکندی .
کیرهنتین وحی :-

مک ترهنتی نورن وحی ابت نیاد بوسکات
اهل ۲ تاریخ برف لمان دان یقتولیه قوای درقد
فر کتآن سریکتیت مشتاکن سلام 40 هاری .
مک اداله حکمة ترهنتی وحی سلام ماس یقتوسبوة
ابت ابله سفای نیی کیت صلی الله علیه وسلم برقبه
قوای کریندوان کتد وحی سفای باقبله فرسد یانن
کران هندق بوجومئا لاکي . دانلاکي برقبه ۲ له
کیسبیاغان کالو ۲ دیرهنتیکن سکلی وحی ابت اوله
الله تعالی فد حال بابت ساعة ۲ بر کهندق اکن
نعمة یقامه بسر یاشا کن جادی واسطه باکي
مننجوقن سکل مأنسی . کمدین درقد ابت
برتوره ۲ له تورن وحی کتد نیی صلی الله علیه وسلم
دان اداله اول ۲ یقداجری اوله جبریل (ملائکة)
یغ مبادوا وحی) ابله فرمان توهم « اِقْرَأْ بِاسْمِ
رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ . خَلَقَ الْاِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ . اِقْرَأْ
وَرَبُّكَ الْاَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ . عَلَّمَ الْاِنْسَانَ
مَا لَمْ يَلْمَسْ » .

مک طاعتله ای اکن سروان توهم ابت دان
مشاروعله ای اکن کسوساهن کران مبرو ابت دان
برجالله ای ددالم بهیا منصبحة دان مره قوهله ای
میدان مننجوقن دان مبرو سکلین مأنسی سفای
برعباده کتد الله سهاج . سرت منسکلکن اف ۲
یقاد فد ناف ۲ سریکتیت بابت مشرتو کن توهم ،
ککفران دان میجه برهالا ۲ دان جوا منسکلکن
سکل فکرجان یغ منکر دان مکان یسحرام .
مک یسدمسکین ابت سسهن اد یغ مندافه
فرتنجوقن دان سسهن فول بو ککالان اتس
کساتن . دان سان دغن سبب ابت مراساله ای
ببراف کسوساهن دان کسا کیتن یسدفروای اوله
قومن سقرت دلیمتر دغن بانو ، دلیمتر دغن
نحس دهلانن فنتون دان تیدق فادا دغن دمکین
ابت سهاج جهکن برچیتا ۲ اوله قومن ابت هندق
مشوجوه دان مبنوه اکندی دان لاین ۲ لاکي
یغ مشروتکن موک کما نسیان اوله کبهاتنن تراواتم
کسوساهن یقدا داتسکن اوله قومن انبیل ای
فرگي سبهیغ دیت الله تنافی رسول الله ساعة ۲
صبر سکت سمتی کتیک مروتهوهکن اوله یغ حق
دان یتر ابت اکن یساله دان بطل یکیاک فرمان
توهم « اِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا » ارذین سسکین
یقباطل ابت کادانن بناس .

(3) سروان دغن بوسولیه دان برتراخ :-
سبب قون سروات ابت دیتیهکن دغن
بوسولیه ۲ کران تاکوة تر فرنبجه سکلین مأنسی اوله
فرکارا یقامه عجائب دان جارح ابت . کمدین
درقد ابت بهاروله دیتیهکن الله میسغیکن سروان
ابت دغن برترخ تروس دان بات کتد عام بکیمان
فرمانن « قاصدع بعاثو برؤا عرض عن المشركين »





itu tiada boleh terurai daripada hati mereka itu hingga cemerlang akal mereka itu dengan sebab kelebihan agama Islam oleh tiada sesuatu yang lain yang boleh menyemai akan dia.

Keberhentian wahyu:-

Maka terhenti turun wahyu itu tiada bersekata ahli-ahli *tārikh* berapa lamanya dan yang terlebih kuat daripada perkataan mereka itu mengatakan selama 40 hari.

Maka adalah hikmah terhenti wahyu selama masa yang tersebut itu ialah supaya Nabi kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bertambah kuat kerinduannya kepada wahyu supaya banyakkah persediaannya kerana hendak berjumpa lagi. Dan lagi bertambah-tambahlah kebimbangannya kalau-kalau diberhentikan sekali wahyu itu oleh Allah Ta'ālā padahal iaitu sangat-sangat berkehendak akan nikmat yang amat besar yang akan jadi *wāsīyah* bagi menunjukkan segala manusia. Kemudian daripada itu berturut-turutlah turun wahyu kepada Nabi *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dan adalah awal-awal yang diajari oleh Jibrīl (malaikat yang membawa wahyu) ialah firman Tuhan "*Iqra' bismi rabbika al-ladhī khalaq. Khalaqa al-insāna min 'alaq. Iqra'*" *wa rabbuka al-akramu al-ladhī 'allama bi al-qalam. 'Allama al-insāna mā lam ya 'lam'*.²

(3) Seruan dengan bersulit dan berterang:-

Sebab pun seruan itu dititahkan dengan bersulit-sulit kerana takut terperanjat sekalian manusia oleh perkara yang amat ajaib dan jarang itu. Kemudian daripada itu baharulah dititahkan Allah menyampaikan seruan itu dengan berterang terus dan nyata kepada am bagaimana firman-Nya "*F'asda' bi mā tu 'maru wa a'riḍ 'ani al-mushrikīna'*"³

Maka taatlah ia akan seruan Tuhan itu dan mengharunglah ia akan kesusahan kerana menyeru itu dan berjalanlah ia di dalam bahaya menasihad dan merempuhlah ia medan menunjukkan dan menyeru sekalian manusia supaya beribadah kepada Allah sahaja. Serta meninggalkan apa-apa yang ada pada bapa-bapa mereka itu iaitu menyekutukan Tuhan, kekuifuran dan menyembah berhala-berhala dan jua meninggalkan segala pekerjaan yang mungkar dan makanan yang haram.

Maka yang demikian itu setengahnya ada yang mendapat pertunjukkan dan setengahnya pula berkekalan atas kesesatan. Dan sanya dengan sebab itu merasalah ia beberapa kesusahan dan kesakitan yang diperbuat oleh kaumnya seperti dilempar dengan batu, dilempar dengan najis di hadapan pintunya dan tidak pada dengan demikian itu sahaja bahkan bercita-cita oleh kaumnya itu hendak mengujut dan membunuh akan dia dan lain-lain lagi yang mengerutkan muka kemanusiaan oleh kejahatannya terutama kesusahan yang didatangkan oleh kaumnya apabila ia pergi sembahyang di Baitullah tetapi Rasulullah sangat-sangat sabar hingga sampai ketika meruntuhkan oleh yang hak dan benar itu akan yang salah dan batal bagaimana firman Tuhan "*Inna al-bāṭila kāna zahūqā'*"⁴ ertinya sesungguhnya yang batil itu keadaannya binasa.



² Sūrah al-'Alaq ayat 1-5.

³ Sūrah al-Hijr ayat 94.

⁴ Sūrah al-Isrā' ayat 81.

بھاس ملايو

رنگ کتاب «لیده ملايو» کاراغن الجوهري، دسيار کن باکي فایده قباچ، فرایدان
تتافي تیاد ترپوک باکي فوبحائن ملینکن سکل تکوران یغ بمبنا، بوله منولیس تروس
کشد فقارغن کهدوف فجابة فلاجران جوهري.

«کتاب محمد» «ایر کلاف» تقدیرن «ایر
درفد براه کلاف» انو «چنچین امس» تقدیرن
«چنچین درفد امس» دان سبا گین.

دانلاکي سکل نام یغبرصفه هاروس جوا
دستدرکن کشد صفین سنکل تیاد دسلاغي اوله
لاين فرنوتران یغبوله منداغسکن کساران سقرت
اورغ عالم، اورغ بجق، راج عادل، اورغ
درماوان، اورغ بساوان، کودا هیتیم، ایم یوریق،
رومه بسر، جان لوروس دان سبا گین. کران
حروف یغ منجوقکن صفة باکي نام یغبرسنبر
ایت تله دیواغکنن یا بیت «یغ» اصلن «اورغیم
عالم» «اورغیم بجق» اورغیم درماوان «راج
یم عادل» «جان یغوروس» «کودا یغ هیتیم»
«ایم یغ یوریق» رومه یغبر» دان سبا گین.
اکنتتافي فرنوتران ایت مقورسکن کفیتین.
مک واجب دپتاکن حروف یغ منجوقکن صفة
ایت قد ستمه مثال. دان چیک بریلتم ۳ صفة درفد
سوات نام ایت مک واجب نام ایت دستدرکن
کشد صفة یغفرقام (دیواغکنن حروف یغ
منجوقکن صفة) اکنتتافي صفة یغسکدان
هندقله دپتاکندي سقرت دغن حروف نپسبوغکات
سقرت اورغ عالم یغبرسکيا لاکي مبري فایده
علمون دان ساعه دکاسیبي اوله راي.

(سمیوعن بلاغن (5) تاهن یغفرنام

(فصل یغسکدوا فوله ساتو)

نام یغسروس

مک اداله نام یغسروس ایت ایله سوات نام
یغسناوه ای کدین درفد حروف ۳ سروان یا بیت
هی، ایوهی، ادوهی، واهی، یا، اوه دان سبا گین.
سقرت دکات «هی عبدالله» «واهی اذیقو»
ادوهی اتکو» مک هورایتن!

(1) هی — حروف سروان.

(2) عبدالله — نام یغسروس.

(فصل یغسکدوا فوله دوا)

نام سندران

مک اداله نام سندران ایت ایله سوات نام
یغدیبا سکن کفدان نام یغدهولو درفدان دغن تیاد
واسطه دانتارا کدوان قد ظاهر یا بیت یغقرنام
یغبرسنبر دان یغسکدوا یغسندرکن مک یا بیت
دکتهري اکندي نام یغدهولو درفدان ایت تیاد
سقرت معنی یغس کهدوکي ملینکن دغن مپتونکن
سندرانن سقرت دکات «ایر کلاف» «چنچین
امس» دان سبا گین. مک یغ سترن ایت اد
حروف یغته دیواغکنن کران مندبکنن کات
دان مپتهدکدي یا بیت «باکي» کران میلک اتو ترحق
دان «درفد» کران مپتاکن جنس سقرت دکات



Bahasa Melayu



Rangka kitab “Lidah Melayu” karangan al-Johori, disiarkan bagi faedah pembaca-pembaca Peredaran

tetapi tiada terbuka bagi perbahasan melainkan segala teguran yang membina boleh menulis terus

kepada pengarangnya *Group* Pejabat Pelajaran Johor.

(Sambungan bilangan (5) tahun pertama

“kitab Muhammad” “air kelapa” takdirnya “air

(Fasal yang kedua puluh satu)

daripada buah kelapa” atau “cincin emas” takdirnya

Nama yang diseru

“cincin daripada emas” dan sebagainya.

Maka adalah nama yang diseru itu ialah suatu nama

Dan lagi segala nama yang bersifat harus jua

yang jatuh ia kemudian daripada huruf-huruf seruan iaitu

disandarkan kepada sifatnya manakala tiada diselangi oleh

hai, ayuhai, aduhai, wahai, ya, oh dan sebagainya.

lain pertuturan yang boleh mendatangkan kesamaran seperti

Seperti dikata “Hai Abdullah” “Wahai adikku”

orang alim, orang bijak, raja adil, orang

“Aduhai anakku” Maka huraiannya!

dermawan, orang bangsawan, kuda hitam, ayam borek,

(1) Hai – huruf seruan.

rumah besar, jalan lurus dan sebagainya. Kerana

(2) Abdullah – nama yang diseru.

huruf yang menunjukkan sifat bagi nama yang bersandar

(Fasal yang kedua puluh dua)

itu telah dibuangkan iaitu “yang” asalnya “orang yang

Nama sandaran

alim” “orang bijak” “orang yang dermawan” “raja

Maka adalah nama sandaran itu ialah suatu nama

yang adil” “jalan yang lurus” “kuda yang hitam”

yang dibangsakan kepadanya nama yang dahulu daripadanya dengan tiada

“ayam yang borek” “rumah yang besar” dan sebagainya.

wāsīyah di antara keduanya pada zahir iaitu yang pertama

Akan tetapi pertuturan itu mengurangkan kepetahan.

yang bersandar dan yang kedua yang disandarkan maka iaitu

Maka wajib dinyatakan huruf yang menunjukkan sifat

diketahui akan dia nama yang dahulu daripadanya itu tiada

itu pada setengah missal. Dan jika berbilang-bilang sifat daripada

sempurna makna yang dikehendaki melainkan dengan menyebutkan

suatu nama itu maka wajib nama itu disandarkan

sandarannya seperti di kata “air kelapa” “cincin

kepada sifat yang pertama (dibuangkan huruf yang

emas” dan sebagainya. Maka yang sebenarnya itu ada

menunjukkan sifat) akan tetapi sifat yang keduanya

huruf yang telah dibuangkan kerana memendekkan kata

hendaklah dinyatakan dia seperti dengan huruf penyambung kata

dan memetakan dia iaitu “bagi” kerana milik atau terhak

seperti orang alim yang berbahagia lagi memberi faedah

dan “daripada” kerana menyatakan jenis seperti di kata

ilmunya dan sangat dikasihinya oleh ramai.

(2) یغ- حروف یغ- منجوقکن نام یغ- بلا کث
احمد ایت صفة.

(3) یو- حروف یغ- منجوقکن ترحق.

(4) عقل- صفة باکی احمد.

شہدان بولہ جوا سوات نام ایت ترحق دغن
براف صفة یغلابق دغندی ، تنافی تیاد ، ولیق
ددالم سوسن کات جیک دہواشکن دغن حروف
«یغ» جوا فڈ صفة یغسکدوا دان یغسکتیکان .
مک یغ کرف ددغر درفد فرتوتران دان تولسن
اورغ ملایو کاراشن چارا ہارو دعطف ائو
دسمبوشکن دغن حروف ۲ . فیہوشکت جوا
سقرت دکات «احمد یغرعقل لاگی مورہ دان
برانی» مک مورہ صفة یغسکدوا دان برانی صفة
یغسکتیک باکی احمد .

دان ترکا دغ ۲ صفة ایت فد فرکتان توغکل
سقرت دکات کودا یغ ہیرہ ، کودا یغیرفلان دان
سیاگین . اکننتافی یغترلبہ قیتین یگیکان یغد دغر
درفد فرتوتران اورغ ملایو مک دیواشکن
حروف «یغ» کران برہمیران اتقارا صفة دغن
یغد صفتین ایت مک دغن سبب ایت جادیلہ فد
ظاہرن ہوسندر موصوف کقند صفتن . یابتولہ
یغترلبہ قیتہ (مبالغہ) سقرت دکات کودا ہیرہ ،
کودا یغیرفلان اہم ہیتہ ، کابن ہیرہ ، رومہ ہیرہ ،
اورغ عالم دان سیاگین .

دان ترکا دغ بولہ جادی صفة ایت درفد
براف جملہ فرتوتران سقرت دکات «اکو بوا»
فکرجان یغ جیک اکو تیگہاکندی نسجای
بنسالہ اکو «مک ہورابن» :-

(1) اکو- گنقبنام یغبرکت (فروولان

کات).

ہوا تیاد بولہ سکلی ۲ نام سندرات ایت
دسندرکن کقند فریوانن یلینکن کقند نام
جوا- ادقون سقرت دکات «احمد بودیری»
مک بودیری ایت بوکن سکلی ۲ ای فریوانن
اکنتافی یایت یغ سبزن نام ارتین حال باکی احمد
یغجادی ورت کات یغتلہ دیواشکن حروف یغ
منجوقکن حال ائو صفة احمد ایت «یغ» دانلاکی
حروف «ایت» فتوکات یغ منجوقکن نام
یغد ہولو درفد نام خاص یغ جادی فرولان کات
ایت ہاروس دیواشکن جوا سقرت مثل یغترسبوة .
مک فد تسکر ایت جادیلہ فد ظاہرن سوات نام
یغیرسندر کقند فریوانن «احمد بودیری» دان
جیک دکات احمد ایت یغ ملاکوکن فریوانن
مک یایت پہلاہی قاعده بہاس کران تیاد بولہ
سکلی ۲ یغ ملاکوکن فریوانن تردهولو درفد
فریوانن تمہان قول تیاد حروف ائو فرینہ یغ
یغ منجوقکن ماس بودیری ایت سقرت یغترسبوة
فد باب فریوانن کلتی . فند یقن تیف ۲ سندرات
ایت بر فایدہ کران میتیکن کات (مبالغہ) ادان .

(فصل یغسکدوا قولہ تیگ)

صفة

مک ادالہ صفة ایت ایلہ سوات نام یغ پتا کن
کا دان ائو کلاکوکن نام یغد ہولو درفدان
(یغد صفتین) دغن شرط دسلاغی اتقارا صفة دغن
موصوفکن ایت اولہ حروف «یغ» کران منجوقکن
صفة سقرت دکات «احمد یغرعقل» «محمد یغ
یحقی» دان سیاگین .

مک ہورابن :-

(1) احمد- نام



Bahawa tiada boleh sekali-sekali nama sandaran itu disandarkan kepada perbuatan melainkan kepada nama jua. Adapun seperti dikata “Ahmad berdiri” maka berdiri itu bukan sekali-kali ia perbuatan akan tetapi iaitu yang sebenarnya nama ertinya hal bagi Ahmad yang jadi warta kata yang telah dibuangkan huruf yang menunjukkan hal atau sifat Ahmad iaitu “yang” dan lagi huruf “itu” pintu kata yang menunjukkan nama yang dahulu daripada nama khas yang jadi permulaan kata itu harus dibuangkan jua seperti mital¹ yang tersebut. Maka pada tatkala itu jadilah pada zahimnya suatu nama yang bersandar kepada perbuatan “Ahmad berdiri” dan jika dikata Ahmad itu yang melakukan perbuatan maka iaitu menyalahi kaedah-kaedah bahasa kerana tiada boleh sekali-kali yang melakukan perbuatan terdahulu daripada perbuatannya tambahan pula tiada huruf atau *qarīnah* yang menunjukkan masa berdiri itu seperti yang tersebut pada bab perbuatan kelak. Pendeknya tiap-tiap sandaran itu berfaedah kerana memetakan kata (*mubālaghah*) adanya.

(Fasal yang kedua puluh tiga)

Sifat

Maka adalah sifat itu ialah suatu nama yang menyatakan keadaan atau kelakuan nama yang dahulu daripadanya (yang disifatinya) dengan syarat diselangi antara sifat dengan *mawṣūfīnya* itu oleh huruf “yang” kerana menunjukkan sifat seperti di kata “Ahmad yang berakal” “Muhammad yang bijak” dan sebagainya.

Maka huraiannya:-

- (1) Ahmad - nama

(2) yang – huruf yang menunjukkan nama yang di belakang Ahmad itu sifat.

(3) ber – huruf yang menunjukkan terhak.

(4) akal – sifat bagi Ahmad.

Syahadan boleh jua suatu nama itu terhak dengan beberapa sifat yang layak dengan dia, tetapi tiada molek di dalam susunan kata jika dihubungkan dengan huruf “yang” jua pada sifat yang kedua dan yang ketiganya. Maka yang kerap didengar daripada pertuturan dan tulisan orang Melayu karangan cara baharu di *’ataf* atau disembunyikan dengan huruf-huruf. Penyambung kata jua seperti di kata “Ahmad yang berakal lagi murah dan berani” maka murah sifat yang kedua dan berani sifat yang ketiga bagi Ahmad.

Dan terkadang-kadang sifat itu pada perkataan tunggal seperti di kata kuda yang merah, kuda yang berpelana dan sebagainya. Akan tetapi yang terlebih petahnya bagaimana yang didengar daripada pertuturan orang Melayu maka dibuangkan huruf “yang” kerana berhampiran antara sifat dengan yang disifatinya itu maka dengan sebab itu jadilah pada zahimnya bersandar *mawṣūfī* kepada sifatnya. Iaitulah yang terlebih petah “*mubālaghah*” seperti di kata kuda merah, kuda berpelana, ayam hitam, kain merah, rumah besar, orang alim dan sebagainya.


Dan terkadang boleh jadi sifat itu daripada beberapa jumlah pertuturan seperti di kata “aku buat pekerjaan yang jika aku tinggalkan dia nescaya binasalah aku” maka huraiannya:-

- (1) Aku – ganti nama yang berkata (permulaan kata).

¹ Perkataan yang sebenar ialah misal.

- (2) بواة - فربواتن يشبوهه دتشكوفغن سدغ
برلا كو بئغ ملاكوكن فربواتن ايت
« اكو » كران كتنينام يغيرو بئغ .
- (3) فكرجان - بقدهربواة .
- (4) بئغ - حروف بئغ مننجوفكن دبلا كتم
ايت جادي صيفه باغي سوات نام
بقدهولون .
- (5) جبك - حروف جنجيبكات .
- (6) اكو تيشكلكن - فربواتن يغيرهونم
دغن بئغ ملاكوكن فربواتن .
- (7) دي - كتنينام بئغ كبالى كقده
فكرجان .
- (8) نسجاي - حروف جوافن كات .
- (9) بنسالة - فربواتن يغيرهونم دغن
بئغ ملاكوكن فربواتن يايت اكو .
- (10) له - حروف ققواة كات .
- مك جملة درقده جنجيبكات دان جوافن ايت
صفة باغي فكرجان .
- دانلاكي بوله جوا درقده جملة فربواتن دان
بئغ ملاكوكن فربواتن ايت جادي صفة سفرت
دكات « سكل فكرجان بقدهمولاكن دغن بايك
ايت قده اخرن بايك جوا » مك هورابنن :-
- (1) سكل - فربولان كات يغيرسندر
اي كقده فكرجان .
- (2) بئغ - نام بقدهوبقكن .
- (3) د - حروف بئغ مننجوفكن فربواتن
بشتياد دظاهر كن بئغ ملاكوكن فربواتن
ايت مانو بئغ ملاكوكن فربواتن تركدين
- (4) مولاكن - فربواتن بشتياد دظاهر كن
بئغ ملاكوكن .
- (5) دغن - حروف بئغ مشكنيكن حال .
- (6) بابك - حال باغي فكرجان .
- (7) ايت - بنتو سكات باغي سكل بئغ
مننجوفكن نام بقدرتتو .
- (8) فد - حروف بئغ مننجوفكن ماس .
- (9) اخر - نام ماس بغيرسندر اي كقده
« ن » .
- (10) ن - يايت كتنينام بئغ كبالى كقده
فكرجان .
- (11) بابك - ورت سكات باغي سكل
فكرجان .
- (12) جوا - حروف فيمبوعسكت .

سكيران اد سوسنن كات يقبله دهولو درقدان
ايت بروكثان دغن جملة فربواتن دان بئغ ملاكوكن
فربواتن ايت جادي صفة باغي فكرجان . دان
تركاوغ واجب مندهولوكن صفة درقده نام
بقدهصفاي سرت هاروس دسندر كن صفة ايت
سشرت دكات « هندق تاهوكن قدس لادا ايت »
« بگيان فاهية . اوغ فكرجان ايت دان سبايگن »






(2)	buat – perbuatan yang boleh ditanggung sedang berlaku yang melakukan perbuatan itu “aku” kerana ganti nama yang berhubung.	(4)	mulakan – perbuatan yang tiada dizahirkan yang melakukannya.
(3)	pekerjaan – yang diperbuat.	(5)	dengan – huruf yang menggantikan hal.
(4)	yang – huruf yang menunjukkan di belakang itu jadi sifat bagi suatu nama yang dahulunya.	(6)	baik – hal bagi pekerjaan.
(5)	jika – huruf janji kata.	(7)	itu – pintu kata bagi segala yang menunjukkan nama yang tertentu.
(6)	aku tinggalkan – perbuatan yang berhubung dengan yang melakukan perbuatan.	(8)	pada – huruf yang menunjukkan masa.
(7)	dia – ganti nama yang kembali kepada pekerjaan.	(9)	akhir – nama masa yang bersandar ia kepada “nya”.
(8)	nescaya – huruf jawapan kata.	(10)	nya – iaitu ganti nama yang kembali kepada pekerjaan.
(9)	binasalah – perbuatan yang berhubung dengan yang melakukan perbuatan iaitu aku.	(11)	baik – warta kata bagi segala pekerjaan.
(10)	lah – huruf penguat kata. Maka jumlah daripada janji kata dan jawapannya itu sifat bagi pekerjaan.	(12)	jua – huruf penyambung kata. Sekiranya ada susunan kata yang lebih dahulu daripadanya

Dan lagi boleh jua daripada jumlah perbuatan dan yang melakukan perbuatan itu jadi sifat seperti di kata “segala pekerjaan yang dimulakan dengan baik itu pada akhirnya baik jua” maka huraianya:-

- (1) Segala – permulaan kata yang bersandar ia kepada pekerjaan.
- (2) yang – nama yang dihubungkan.
- (3) di – huruf yang menunjukkan perbuatan yang tiada dizahirkan yang melakukan perbuatan itu, atau yang melakukan perbuatan terkemudian

itu berkenaan dengan jumlah perbuatan dan yang melakukan perbuatan itu jadi sifat bagi pekerjaan. Dan terkadang wajib mendahulukan sifat daripada nama yang disifati serta harus disandarkan sifat itu seperti di kata “hendak tahukan pedas lada itu” “Bagaimana pahit maung pekerjaan itu” dan sebagainya.



فرجومفان اکوځ کتوا دان علماء اسلام

تباد سدبکیه فون فایدحن فد مشار که اسلام، اتو بمبیلان نصب مرېک بقمله دجادیکر فر کاکس باکي ملهیکن سماعه بکرچام ددالم کاجوانه اعلام، دان داقتله جوا میکرکن برامې ۲ بگیان هندق مگوناکن اهل ۲ علم سقاي مرېکثیت منجادي اشکوت یهبر کرج ددالم توبه فرمحشون اسلام، دانلاکي داقتله جوا شور ۲ دان یواه فیسکران یسایک درفد اهل یغیر سیدخ ایت بگیان چارا یوله مراتان کن فلأجران اکام کفد عوام المسلمین مقدر یقده تنوة اوله الله کانس نیف ۲ مکلف لاکي ۲ دان فرموان سقاي ترفسله تفکوځن فرته ۲ دان کتوا ۲ اکام یقمله دا ملهیکن کانس مرېکثیت سقاي بمایقکن امة مسلمین مام اد دالم فرکارا اعتقاد کفر چیان دان عمل عبادات بگیان سیدان علی الله علیه وسلم کُلُّ کُرِّ رَاعٍ وَ کُلُّ رَاعٍ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ارتلان نیف ۲ ستورخ کاموقه قاول دان فقولایا یایت اکن دسوال اکنتجال احوال یقده کلولا کنن.

تسکل اداله یقده مکین ایت حاله مک ادا که فاتوره کتوا ۲ دان علماء اسلام بودم دیري دان برفلوق توبه تباد مهبز او کنه سکل سردان یسا کنه منداتسکن کبجیکن کفد عموم انو مادی پورو امة مسلمین سقاي برساتو فادو دان چاکف بر دگر ۲ فد سته ۲، اتو فون سته ۲، ان بیر اورخ بر واده دهولو کدین جیک بابک کیت سو کوځ دان جیک تیدق کیت فقکوځ برامې ۲ (سبوختن فد کاکي موک سله)

پهوا دالم رنجان فقارخ کیت دالم فرایدردان کلوارن یسکتیک دان یسکلیم کیت تله پهرو دان مشهور کنه کتوا ۲ دان علماء اسلام دسکه نه مننجوخ این سقاي معادان کن سوات فرجومفان اکوځ کران بمبختکن فرکارا یغیر کنان دغن کاجوانه فرجلان حکم ۲ اکام اسلام دسرات مننجوخ نانه ملا یو سرت بمقاکن کفر چیان کیت یایت جیک دنمنا اوله رامي مک جوهر اکن سکوځ مقاتور دان معلولا کن خدمه یقتیسوبه ایت . اکتتافي دري مننجوخ ایت هکت فد هاري این کیت تباد مندغرف ۲ شور دري مان فیهق فون سام اد برستوجوانو تیدق معاد کن فرجومه ن ایت اتو فون میتا کن اف گندالا دان عاقبه ن معادا کن فرجومفان ایت بهکن سیف سئوله ۲ سفرت ایر چاتوه دتلون کلادي جوا . والحال فرمحشون اتو فرجومفان یقده جادعکن ایت کیت فرچاي اکن یوله متریتسکن بیراف نتیجه یغ سکرې ۲ مقابلو قکن فرجلان حکم شرعیه دان دافه دجانسکن دغن بوسکو تو منکل اد دالم سبیره نگرې تغه نومشوان باکي تدبیر ۲ منجالسکن فکرجان یقده بقساکن کفد اکام . دانلاکي اکن متریتسکن شور ۲ یغ ترخ بگیان هندق منایقکن مقور کتفکین حال کتوا اکام ایت سندیري، دان بارغکالي جوا دافه ماسیخ ۲ معلولا کنه سکل یواه فیسکران یغ بمبیا دان منداتسکن شور بگیان چارا یغ بولوق بمبیلان نصب سته درفد **۲ جنواري** اکام یغ کادان سفرت فاتوځ بریواد



Perjumpaan agung ketua dan ulama Islam

Bahawa dalam rencana pengarang kita dalam Peredaran keluaran yang ketiga dan yang kelima kita telah menyeru dan mengesyorkan ketua-ketua dan ulama Islam di sekolah semenanjung ini supaya mengadakan suatu perjumpaan agung kerana membahaskan perkara yang berkenaan dengan kemajuan pelajaran hukum-hukum agama Islam di serata Semenanjung Tanah Melayu serta menyatakan kepercayaan kita iaitu jika diminta oleh ramai maka Johor akan sanggup mengatur dan mengelolakan khidmat yang tersebut itu. Akan tetapi dari semenjak itu hingga pada hari ini kita tiada mendengar apa-apa syor dari mana pihak pun sama ada bersetuju atau tidak mengadakan perjumpaan itu atau pun menyatakan apa kendala dan akibatnya mengadakan perjumpaan itu bahkan senyap seolah-olahnya seperti air jatuh di daun keladi jua. Walhal perhimpunan atau perjumpaan yang dicadangkan itu kita percaya akan boleh menerbitkan beberapa natijah yang sekira-kira mengelokkan pelajaran hukum syariat dan dapat dijalankan dengan bersekutu manakala ada di dalam sesebuah negeri tempat tumpuan bagi tadbir-tadbir menjalankan pekerjaan yang dibangsakan kepada agama. Dan lagi akan menerbitkan syor-syor yang terang bagaimana hendak menaikkan mutu ketinggian hal ketua agama itu sendiri, dan barangkali jua dapat masing-masing mengelolakan segala buah fikiran yang membina dan mendatangkan syor bagaimana cara yang molek membela nasib setengah daripada pegawai-pegawai agama yang keadaannya seperti patung bernyawa

tiada sedikit pun faedahnya pada masyarakat Islam, atau membela nasib mereka yang telah dijadikan perkasas bagi melemahkan semangat bekerjama¹ di dalam kemajuan Islam, dan dapatlah jua memikirkan beramai-ramai bagaimana hendak menggunakan ahli-ahli ilmu supaya mereka itu menjadi anggota yang bekerja di dalam tubuh perhimpunan Islam. Dan lagi dapatlah jua syor-syor dan buah fikiran yang baik daripada ahli yang bersidang itu bagaimana cara boleh meratakan pelajaran agama kepada awam *al-Muslimin* sekadar yang dituntut oleh Allah ke atas tiap-tiap mukallaf laki-laki dan perempuan supaya terlepaslah tanggungan pemerintah-pemerintah dan ketua-ketua agama yang telah diamanahkan ke atas mereka itu supaya membaikkkan umat Muslimin sama ada dalam perkara iktikad kepercayaan dan amal *ibādāt* bagaimana sabdanya *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam “Kullu kum rā’in wa kullu rā’in mas’ūlun ‘an ra’yatihi”*² ertinya tiap-tiap seorang kamu pengawal dan pengelola iaitu akan disoal akan hal ehwal yang dikelolakannya.

Tatkala adalah yang demikian itu halnya maka adakah patut ketua-ketua dan ulama Islam berdiam diri dan berpeluk tubuh tiada menghiraukan segala seruan yang akan mendatangkan kebajikan kepada umum atau memadai menyeru umat Muslimin supaya bersatu-padu dan cakap berdegar-degar pada setengah-setengahnya, ataupun setengah-setengahnya biar orang berbuat dahulu kemudian jika baik kita sokong dan jika tidak kita pangkung beramai-ramai.

(Sambungannya pada kaki muka sebelah)

¹ Perkataan yang sebenar ialah bekerjasama.

² Perkataan yang sebenar ialah *ra’yatihi*.

تفسير القرآن

(اوله « عيسى)

درفد ورن متهاري بق مديچر كمدان، دغن سبب
 ايت ستهفن متهريا ورن ميره دان ستهفن مته باورن
 فونيه دان سبكيان كيت ليه فلاغني
 ايت متهريا براجم ۲ ورن، تانه ايت اد بهراس
 تاورا، اد بق فاهيه، اد بق ماسين، اد بق ماوغ، اد
 بق مانيس، اد بق ماسم، اد بهرباهو واغي دان
 بهرباهو بوسق .

كدين كياشكن بومي ايت اكوق لكبق،
 تفكي رنده، برگويس ادغن بهراف اوره مات اير،
 جان اير، سوشي دان سباكين دلوارا دان ددالم،
 لايي بايق ۲ لويغ ۲ كاوغ، فاي دان كوا . مك
 ددالم لويغ ۲ دان كوا ايت فنوه دغن اير دان
 واف، دان اير ۲ ايت راسان منوره كا دان دان
 صفة تانه تمققش .

ددالم بومي ايت مهندوشي برباكي ۲ جنس
 لوكم بهرلباك درفد تانه لياة دان لومفور، لوكم ۲

(سبعون بيلاعن (5) تاهن بقغرتام)

جيك سنورغ مراهني دغن سنغ اي متهبوي
 اداله بولاتن بومي اين بوسوسن درفد بيراف
 لاييسن تانه ساتو اتس يغلاين بوجربكيه دان
 بولايين بنتو كاي كجاديين بق مهندوشي بانو
 بسره بانو فجل، بانو ميره، بانو فونيه، اد بق ليچين
 اد بق كاسف، اد بق كاسر، تانه ايت اد بق لمبوه،
 اد بق كرس، اد بق لكيه، اد براي، اد بهرچمشور
 كاول، اد بهراسيم ۲ فرمان الله تعالى: وَ فِي الْاَرْضِ
 قَطْعٌ مُتجاوِزَاتٍ ارتين فد بومي ايت اد بهراف
 بهاكين تانه بهرمفيران .

دان ددالم بهاكين تانه ايت اد براجم ۲ ورن،
 براجم ۲ راس، براجم ۲ باهو دغن فاندغن
 بهرلاين ۰۲ . كدين ترهباغي قول كغد تانه، بانو
 دان فاسهر . اد بهرورن ميره، فونيه، هيتيم،
 كونيم، هيجو، بهرو، كلابو دان سباكين بهرجاي

كتوا ۲ اگام دان علما ۲ اسلام جيك تيدق
 برساتو قادم دالم فركارا بق كيت شور كن ايت
 كيت خواطر عاقبه فچه بله ايت اكن دتهكوغ
 اوله امة مسلمين دان دوسان ترقولله كغد كقوا ۲
 دان علما ۲ بهمله ميشكوفكن دري ماسين ۲ جادي
 فنجور مسلمين اوان .

(ترجمه ثمان علماء — سبعون دري موك 177)

جكاو بقدمكين ايتوله حالن كتوا ۲ اگام
 دان علما ۲ اسلام دنناكه لايي تنغه فرمگتوغن
 امة مسلمين فد حال مريكنيت نله براتس ۲ تاهن
 منتيكن بواه كاجوان بقد كولا ۲ كن اوله كتوا ۲
 اگام دان علما ۲ اسلام مشتاكين اگام اسلام ايت
 اگام كاجوان دنيا دان اخره .





Tafsir al-Qur'ān



(oleh 'Ubay)

(Sambungan bilangan (5) tahun yang pertama)

Jika seseorang memerhati dengan senang ia mengetahui adalah bulatan bumi ini bersusun daripada beberapa lapisan tanah satu atas yang lain berjereket¹ dan berlain bentuk gaya kejadian yang mengandungi batu besar, batu pejal, batu merah, batu putih, ada yang licin ada yang kasap, ada yang kasar, tanah itu ada yang lembut, ada yang keras, ada yang lekit, ada berair, ada yang bercampur gaul, ada yang berasing-asing firman Allah Ta'ālā: *Wā fi al-ardi qaṭu 'um' mutajāwirā²* ertinya pada bumi itu ada beberapa bahagian tanah yang berhampiran.

Dan di dalam bahagian tanah itu ada bermacam-macam warna, bermacam-macam rasa, bermacam-macam bau dengan faedahnya yang berlain-lain. Kemudian terbahagi pula kepada tanah, batu dan pasir. Ada yang berwarna merah, putih, hitam, kuning, hijau, biru, kelabu dan sebagainya yang terjadi

daripada warna matahari yang memancar kepadanya, dengan sebab itu setengahnya menerima warna merah dan setengahnya menerima warna putih dan Sebagaimana kita lihat pelangi itu menerima bermacam-macam warna, tanah itu ada yang berasa tawar, ada yang pahit, ada yang masin, ada yang maung, ada yang manis, ada yang masam, ada yang bau wangi dan yang berbau busuk.

Kemudian kebanyakan bumi itu lekuk-lekik, tinggi-rendah, berguris dengan beberapa urat mata air, jalan air, sungai dan sebagainya di luar dan di dalam, lagi banyak-banyak lubang-lubang gaung, paya dan gua. Maka di dalam lubang-lubang dan gua-gua itu penuh dengan air dan wap, dan air-air itu rasanya menurut keadaan dan sifat tanah tempatnya.

Di dalam bumi itu mengandungi berbagai-bagai jenis logam yang terlembaga daripada tanah liat dan lumpur, logam-logam

(Perjumpaan ulama – sambungan dari muka 177)

Jika yang demikian itulah halnya ketua-ketua agama dan ulama-ulama Islam di manakah lagi tempat pergantungan umat Muslimin padahal mereka itu telah beratus-ratus tahun menantikan buah kemajuan yang digula-gulakan oleh ketua-ketua agama dan ulama-ulama Islam yang mengatakan agama Islam itu agama kemajuan dunia dan akhirat.

Ketua-ketua agama dan ulama-ulama Islam jika tidak bersatu-padu dalam perkara yang kita syorkan itu kita khuatir akibat pecah-belah itu akan ditanggung oleh umat Muslimin dan dosanya terpulunglah kepada ketua-ketua dan ulama-ulama yang telah menyenggukkan diri masing-masing jadi penganjur Muslimin adanya.

¹ Bermaksud bercantum, melekat – Dewan Bahasa dan Pustaka.

² Perkataan sebenarnya adalah *qita'um*.

³ Sūrah al-Ra'ḍu ayat 4.

ابت چو کف توا دالم تيمغوه ستهان اتو کورغ
سدکيه سقرت بلبرغ، گارم مکن، گارم هوبه،
گارم هيجو بواة بنجوهن چولف دان سباکين .
مغه ۲ لوگم ابت اد يفتربليک دباوه لاوتاي تيدق توا
مليکن سته ستهان اتوبه سقرت لو لو . دان سرجان .
ستغين تربليک ددالم گوا ۲ گوتم، ددالم فروه باتو،
دچله ۲ فاسره جنس اين تيدق توا مليکن سته
بوفوله تاهن سقرت امس، فيوق، تمباک، بسي دان
تيمه دان ستغين قول اد يفتربليک و اتوس ۲ تاهن
سقرت يافوه، زيرجهد، عقيق دان سباکين .

بومي ۶ هواء، جهيا متهاري، بينتغ، دلاغيه دان
دان جهيا سنتياس حاضر دهانن ماني تيدقکه
ابت بيراف نعمة يغ بسر تقي کيا يقکن ماني
تيدق ميبليکندي نعمة دان تيدق شکور مليکن
کشد فرکارا ۲ يمشوکر ددافاتي کدين ليکا دشن
دودق ماکن مينيوم ۶ مابن واغ رعگيه دان برومکه ۲
کشد تولن ۲ يهدسکلليش دان برومکه ۲ دشن
فکين ۲، الاتن رومه فکسه دان سباکين درابت
سريک تيدق مندغ نعمة ۲ بومي وهرگ دان تيدق
سدرکن فکلوران ۲ بومي ابت بيراف کجادين يغ
عجاب دان انده . فوهن ۲ کابو دشن سکل
کانهانن . لوگم ۲ دشن برباگي ۲ جنسن دان اير ۲
دشن سکل بها کينن ابت سنوان نعمة الله سبحانه
وتعال يهدلقتکن ددالم بومي، دنيا سنتياس . بيليدق
دان ميچکن سکل عجابن يهوله دجادبکر راموا
چولف منچولف، چه مفيجه، باتو ۲ يهرهگ دان
دان سباکين ههگ فنهو دشن برباگي ۲ فتهوان يغ
سکل ۲ ن ابت مباوا شکور کشف يغ مرنبا کن
نعمة يا يتوله توهن يغ بها بيجسان .

کتهگين فتهوان ابت سنتياس برفنده دري
صوات کسوات درجه کفندان ههگ دکتهوي
بومي ابت ساتو درهد بيراف بينتغ يهرجالن اتو
بوگرغ سقرت بينتغ سياره يهلان کتبيک ابت

بارغد کتهوي ماني ابت اد دوا بهاني خاص
دان عام، بهاگين عام ابت تيدق ناهو اکن سوات
مليکن هندق ماکن، مينيوم، فکين، تمغه ديم دان
دان هوبه ۲ . مک لانر، دهگ، تليج دان ساکيه
ابت جادي سبر ۲ سب يغ مباوا سريک مننوه
سکل بارغ ۲ ابت . مک سب ۲ اين ميمغ طبيعه
سمولا جادي کشف جنس حيوان اد مفاوي فراسان
فديه دان عذاب اقبيل لوفوه فرکارا يغ مياک دان
مفاول کيدوفتنن ابت! مک سکل کفدين اين
دسهگ اوله اورغ جاهل سباکي بلاه . فد حال
يغسبرن يا بت نعمة يهد کزيناگن کشف سکل جنس
حيوان سفاي مليهرا توبه بدانن . اتس حال اين
بوسکونو بتانم دان ماني دمکين جوا تيمه ۲ هن
تتافي دسان اد لاکي تنوتن يعلما دان درجه يغ
تهگي يغ بتانم دان اورغ جاهل نه لاله (تيدور)
درهد ميگر کنن . يهدسکين ابت ايله تنوتن عقل
درهد فرکارا ۲ يغ فليق دان عجاب بومي يغ
دعاشيکن اوله اهل عقل دان فندبه، دان تيدق
ههگ برباگين اوله اورغ ۲ بهجال ستهوله ۲ ک بلوقکن
بومي ابت تيدق بوهرگ ديسي سريک اکران





itu cukup tua dalam tempoh setahun atau kurang sedikit seperti belerang, garam makanan, garam hubat⁴, garam hijau buat banchuan celup dan sebagainya. Setengah-setengah logam itu ada yang terlembaga di bawah laut ia tidak tua melainkan setelah setahun atau lebih seperti *lu'lu'* dan *marjān*. Setengahnya terlembaga di dalam gua-gua gunung, di dalam perut batu, di celah-celah pasir, jenis ini tidak tua melainkan setelah berpuluh-puluh tahun seperti emas, perak, tembaga, besi dan timah dan setengahnya pula ada yang terlembaga beratus-ratus tahun seperti batu yakut, zabarjad, akik dan sebagainya.

Barang diketahui manusia itu ada dua bahagi khas dan am, bahagian am itu tidak tahu akan sesuatu melainkan hendak makan, minum, pakaian, tempat diam dan dan hubat-hubat. Maka lapar, dahaga, telanjang dan sakit itu jadi sebesar-besar sebab yang membawa mereka menuntut segala barang-barang itu. Maka sebab-sebab ini memang tabiat semula jadi kepada jenis haiwan ada mempunyai persamaan pedih dan azab apabila luput perkara yang menjaga dan mengawal kehidupannya itu! Maka segala kepedihan ini disangka oleh orang jahil sebagai bala. Padahal yang sebenarnya iaitu nikmat yang dikurniakan kepada segala jenis haiwan supaya memelihara tubuh badannya, atas hal ini bersekutu binatang dan manusia demikian jua tumbuh-tumbuhan tetapi di sana ada lagi tuntutan yang mulia dan darjat yang tinggi yang binatang dan orang jahil telah lalai (tidur) daripada memikirkannya. Yang demikian itu ialah tuntutan akal daripada perkara-perkara yang pelik dan ajaib bumi yang diasyikkan oleh ahli akal dan pendeta, dan tidak dihiraukan oleh orang-orang yang jahil seolah-olah keelokan bumi itu tidak berharga di sisi mereka kerana

yang dikatakan bersedap-sedap itu pada benda yang tertegah ia mendapatnya. Adapun benda yang boleh didapati dan benda-benda yang ada di hadapan mata dan tidak luar biasa itulah nikmat yang banyak tetapi makin banyak nikmat makin kurang syukur akhirnya tidak suka sama sekali, sepatutnya semakin banyak tuntutan dan luas langkahnya makin sempurna syukur dan luas pengalaman.

Bumi, hawa, cahaya matahari, bintang, di langit dan dan⁵ cahaya sentiasa hadir di hadapan manusia tidakkah itu beberapa nikmat yang besar tetapi kebanyakan manusia tidak membandingkan dia nikmat dan tidak syukur melainkan kepada perkara-perkara yang sukar didapati kemudian leka dengan duduk makan, minum, main wang ringgit dan bermegah-megah kepada taulan-aulan yang di sekelilingnya dan bermegah-megah dengan pakaian-pakaian, alatan rumah, pangkat dan sebagainya dari itu mereka tidak memandang nikmat-nikmat bumi berharga dan tidak sedarkan pekeluaran-pekeluaran bumi itu beberapa kejadian yang ajaib dan indah. Pohon-pohon kayu dengan segala keindahannya. Logam-logam dengan berbagai-bagai jenisnya dan air-air dengan segala bahagiannya itu semuanya nikmat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang diletakkan di dalam bumi, dunia sentiasa menyelidik dan membahaskan segala ajaibnya yang boleh dijadikan ramuan celup-mencelup, cat-mengecat, batu-batu yang berharga dan dan sebagainya hingga penuh dengan berbagai-bagai pengetahuan yang segala-segalanya itu membawa syukur kepada yang mengurniakan nikmat iaitulah Tuhan Yang Maha Bijaksana.

Ketinggian pengetahuan itu sentiasa berpindah dari suatu ke suatu darjat kepandaian hingga diketahui bumi itu satu daripada beberapa bintang yang berjalan atau bergerak seperti bintang *sayyārah* yang lain ketika itu

⁴ Bermaksud ubat.

⁵ Pengulangan perkataan dan.

1366 صفر

* مجله فرایدردان *

جنواري 1947

فقهتوانن تر کادخ لاري درفد اگام کران جاهلکن
 اگام کران فد سفکا ن اگام ایت بولاوان سخن
 فقهتوانن؟ دان اورغیغ فندی اگام قول جاهل اکن
 اف یشار دسکلاییشن دان لالی اکن کجادین لایغیة
 دان بومي یغ مشندوغي سکل کا ندهان دان عجاب ۲
 نتانی ای مپشک اورغیغ فقهتوي اکن عجاب
 کجادین توهن ایت سترو الله کونن! کسین
 اورغیغ سماچم این لوف ای اکن لایغیة دان بومي
 ایت مخلوق الله . الله سبحانه وهائی تیدق کاسیه
 کشفد اورغیغ بوقالبغ درفد مفرهاتیکن سکل
 کا ندهان کجادینن، بهکن الله تعالی کاسیه سابق
 کشفد اورغیغ مفلو ناکن فیکرانن بگیان فرمانن:
 ان فی خلق السموات والارض هفک اخر ابات
 تقسیر این دهولو . جوواله توان ۲ یغ بقتسان قوماقی
 دان فیکر کن هالوس ۲ یا بت بناف أمة تله لوف دان
 مشحکن مئان هفک ترانم ددلم هاتین فراسان
 لاین درفد حقیقتن یغ سبتر دنتووه سئوله ۲ سربکیست
 تباد بفراسان فد حال فنداشن دان هوراین این
 منچتوهکن اگام دان دنیا فون سام . مک دغن
 کدوایاله أمة اسلام منجادی تفکی ددلم فقهتوان
 اگام دان دنیا یغ نتیجن اکن منداتکن کبگیان
 دان کاجوان یا بت بودیری سام تفکی دان دودق
 سام رنده دغن لاین ۲ بقسا ایروفه، امریکسا دان
 لاین . الشکه سدهین أمة مسلمین تله منسیا ۲ کن
 ماس سام اد یشتوا دانف یفهودان هفک ترهینا
 فد بقسا ۲ دنیا اوله سبب کجاهلین فنصیحه ۲ دان
 کظالمی کتوا ۲ دان فونته ۲ . (برسمیوغ)

دکتیوبله چهبیا متهاری ایت انبیل ممانه کبومي
 ترالیق قول چهبیان کفد بینتم ۲ یغلاین بهکن
 چهبیا یغترالیق درفد بومي ایت ترهافد کشفد بولن
 لیه درفد چهبیا بولن امقه بلس کالی کندا دان دیاله
 (بومي) منجادیکن بولن ایت سینتر کچیل
 کمدین بسر سبکیان بولن منجادیکن بومي ایت
 کمدین بسر دسیسی فنداشن فد بولن . جوواله
 فیکر کن دغن فقهتوان یا بت انبیل کیت فندغ
 کشفد باتو فاسدر دغن سکن ورنان، ایر دان لوگم
 دشن سکل چهبیان اد مقویای چهبیا یغترالیق درفد
 چهبیا متهاری یا بت سبسر ۳ کتواشن بوله منچر
 کینتغ ۲ یغلاین دان عالم یغلاین بوله مندغ کشفد
 چهبیا بومي سبکیان کیت بوله مندغ کشفد چهبیا بولن
 کران بومي این سوات بولان یغد کبلیشی اوله ایوه
 دان یغ کرینم درفدان هباله سقدر تیک فرستوله
 سراج اینفون فنوه دسلاتوقی اوله تلج نزلو تام دتقه
 سبله قطب اوتارا دان سلانن .

یو کات الامتاز الحکیم الشیخ طنطاوي:
 جوهری اداله تفسیر دان هوراین یغ ساي ترعکن
 این سواي دان بوساتو دغن نتقون اگام، دنیا،
 عقل دان نقل سبکیان بوساتو چهبیا متهاری یغتموجه
 ورن ایت جانی ساتو ورن میووه کشفد بومي . باقی
 اورغ ممتا کن این مبلای اگام . ایت مبلای عقل دان
 بربای ۲ تودهن . مک تودهن ایت جادین ایله دغن
 سبب کورغ فقهتوان بگیان فغانه عرب «من
 جمیل شیعاً عادّه» ارتین بارغسیان یغ جاهل
 اکن سوات نسجای دمو سپن . اورغیغ لواس





diketahui cahaya matahari itu apabila memanah ke bumi
terbalik pula cahayanya kepada bintang-bintang yang lain bahkan
cahaya yang terbalik daripada bumi itu terhadap kepada bulan
lebih daripada cahaya bulan empat belas kali ganda dan dialah
(bumi) menjadikan bulan itu sebentar kecil
kemudian besar sebagaimana bulan menjadikan bumi itu
kemudian bersar di sisi pandangan pada bulan. Cubalah
fikirkan dengan pengetahuan iaitu apabila kita pandang
kepada batu pasir dengan segala warnanya, air dan logam
dengan segala cahayanya ada mempunyai cahaya yang terbalik daripada
cahaya matahari iaitu sebesar-besar keterangan boleh memancar
ke bintang-bintang yang lain dan alam yang lain boleh memandang kepada
cahaya bumi sebagaimana kita boleh memandang kepada cahaya bulan
kerana bumi ini suatu bulatan yang di kelilingi oleh air,
dan yang kering daripadanya hanyalah sekadar tiga persepuluh
sahaja itupun penuh diselaputi oleh salji terutamanya di tempat
sebelah kutub utara dan selatan.

Berkata *al-ustād̄h al-hākīm al-Shaykh* Tantawi:

Jawharī adalah tafsir dan huraian yang saya terangkan
ini sesuai dan bersatu dengan tuntutan agama, dunia,
aqli dan *naqli* sebagaimana bersatu cahaya matahari yang tujuh
warna itu jadi satu warna menyeluruh kepada bumi. Banyak
orang mengatakan ini menyalahi agama. Itu menyalahi akal dan
berbagai-bagai tuduhan. Maka tuduhan itu jadinya ialah dengan
sebab kurang pengetahuan bagaimana pepatah Arab "*Man*
jahila shay'an 'ādahu" ertinya barangsiapa yang jahil
akan sesuatu nescaya dimusuhinya. Orang yang luas

pengetahuan terkadang lari daripada agama kerana jahilkan
agama kerana pada sangkaannya agama itu berlawanan dengan
pengetahuannya! Dan orang yang pandai agama pula jahil akan
apa yang ada di sekelilingnya dan lalai akan kejadian langit
dan bumi yang mengandungi segala keindahan dan ajaib-ajaib
tetapi ia menyangka orang yang mengetahui akan ajaib
kejadian Tuhan itu seteru Allah konon! Kasihan
orang yang semacam ini lupa ia akan langit dan bumi
itu makhluk Allah. Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* tidak kasih
kepada orang yang berpaling daripada memperhatikan segala
keindahan kejadian-Nya, bahkan Allah Ta'ālā kasih sayang
kepada orang yang menggunakan fikirannya bagaimana firman-Nya:
*Inna fi khalqī al-samāwāti wa al-ard̄*⁶ hingga akhir *āyat*
tafsir ini dahulu. Cubalah tuan-tuan yang bijaksana perhati
dan fikirkan halus-halus iaitu betapa umat telah lupa dan
mengejamkan matanya hingga tertanam di dalam hatinya perasaan
lain daripada hakikatnya yang sebenar dituntut seolah-olahnya mereka itu
tiada berperasaan padahal pandangan dan huraian ini
mencontohkan agama dan dunia pun sama. Maka dengan
keduanyalah umat Islam menjadi tinggi di dalam pengetahuan
agama dan dunia yang nati-jahnya akan mendatangkan kebahagiaan
dan kemajuan iaitu berdiri sama tinggi dan duduk
sama rendah dengan lain-lain bangsa Eropah, Amerika dan
lainnya. Alangkah sedihnya umat Muslimin telah mensia-siakan
masa sama ada yang tua dan yang mudanya hingga terhina
pada bangsa-bangsa dunia oleh sebab kejahilan penasihat-penasihat dan
kezaliman ketua-ketua dan pemerintah-pemerintahnya. (Bersambung)



⁶ Sūrah Alif 'Imrān ayat 190.

بواة بايك، بواة جاس



دي تيدق كند دغن هلاغن، سكاتن، فتنه فسون، اوكونن دان انجانم اورغ ۲ يغ تيدق ميوكاكن «بايك» سماكين دسكة، دادغ داوكوة سماكين كنجج جالئن تناك سوجين تروس مارا كهدين ولوفون ترفقسا موصف فاكر دورى، ملومقة بالقي ۲ اوكونن دان انجانم اورغ ۲ يفتيدق سوكاكن بالقي ۲ (بلا) اتو توبغ كاوان نامون فكرجان بايقن ايت دتروسكنن جواسفرت كات شهيد.

بوانله بايك ايوي راكن

كدالم لاده تروس چمحقن

جكولو تيدق دكند ايكن

الله مشهوي ايكه بوكن

الله بشميوره بمبوة بايك، سايكي همب الله يشطاعة مستيله تونيكين قرنته الله ايت ۲ انق ۲ بوندا يشمودا بلبا بقاكن جادي بانف ۲ بشسا ملايو بقاكن دادغ گونا كندله تناك انق ۲ دغن چارا يشتول دان لورس سفرت كات شهيد.

بوانله جاس مودا تروف

ميدونمو بيز مبري گون

كامو ماتي جاس تا فان

لامون بواهن ابلوه سمثرك

چاغن هارنكن بالس دان فوجي

اتو فيلان دكاجي ۲

ايت سموان فراساه كجي

فاداله جاس تينتيغ دان فوجي

سيلا فراهنيكن واهي انقند سسيافكه يغ

دسرو ايت تيدق لاي اياهه انق ۲ يشمودا ترون،

كيت دغن كمر ميياركن باكي تفتان فمباچ ۲ كيت اكن سروان توات حجبه زين سليان فلبيا سكو له ۲ فرمقوان جوهر دتواغ اودارا سيقافورا فد 3 دسيمبر 1946 اين كقد انق لاي ۲ دن دسلوروه ممتنجوخ تانه ملايو دانف گوگوسن فولو ۲ دن كيت برهارد بايق داننارا بشسا كيت لاي ۲ دن فرمقوان مشمبيل تولادان ميرو كقد كيجيكن عام كقد بشسا تانه اير دان اكمام دغن نولس اخلاص تيدق دغن سبب فابده بري يغ دتوفيشكن دغن روف فابده عام سقاهي تيدق له سروان ايت منجادي سفرت هابو دانس توعككل (ف.م.ف) اينله سروان:-

الله سبحانه وتعالى بركلي ۲ فرموان ددالم القرآن الحكيم مپوره كيت بمبوة بايك اتو جاس بمبوة بايك سمات ۲ دغن كران الله يعني بمبوة بايك ايله كران الله مپوره بمبوة بايك فكرجان بمبوة بايك اين هر كهندقن تناك يققوة دان تنف سرت تروس تنف ماچم گونج تيدق برگرقي ۲ دان بوابه دري تمقتن ولوفون دتوف ريبوة دان طوفن كنتانن دان كقوانن تناك بشجاتي ايت هان اداك كقد مسبورغ يغ يقين بتول ۲ بيو بايك اتو جاس يقدبوانن ايت ايله سبتر ۲ دن بايك يشدسوره الله تيدق كلهدو دان تريقو ستماد مانسي كند اتو تيدق كند ترم اتو تيدق ترم دفوجي اتو دكجي سموان ايت تيدق كندا مقنا دغن دانلاكي اورغيغ بتول برتناك دغونين ايت قد ماس دي بمبوة بايك



Buat baik, buat jasa

Kita dengan gemar menyiarkan bagi tatapan pembaca-pembaca kita akan seruan Tuan Hajah Zain Sulaiman penyelia sekolah-sekolah perempuan Johor di tetuang udara' Singapura pada 3 Disember 1946 ini kepada anak laki-lakinya di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan gugusan pulau-pulaunya. Kita berharap banyak di antara bangsa kita laki-laki dan perempuan mengambil tauladan menyeru kepada kebajikan am kepada bangsa, tanah air dan agama dengan tulus ikhlas tidak dengan sebab faedah diri yang ditopengkan dengan rupa faedah am supaya tidaklah seruan itu menjadi seperti habu di atas tunggul (P.M.P) Inilah seruannya:-

Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* berkali-kali berfirman di dalam al-Qur'ān al-Hakīm menyuruh kita membuat baik atau jasa. Membuat baik semata-mata dengan kerana Allah yakni membuat baik ialah kerana Allah menyuruh membuat baik pekerjaan membuat baik ini berkehendakkan tenaga yang kuat dan tetap serta terus. Tetap macam gunung. Tidak bergerak-gerak dan berubah dari tempatnya walaupun ditipu ribut dan taufan. Ketetapan dan kekuatan tenaga yang sejati itu hanya adanya kepada seseorang yang yakin betul-betul bahawa baik atau jasa yang dibuatnya itu ialah sebenar-benarnya baik yang disuruh Allah – tidak keliru dan tertipu sama ada manusia kenal atau tidak kenal terima atau tidak terima. Dipuji atau dikeji semuanya itu tidak kena-mengena dengannya. Dan lagi orang yang betul bertenaga suci dan tulen itu pada masa dia membuat baik

dia tidak kenal dengan halangan, sekatkan, fitnah pesona, ugutan dan ancaman orang-orang yang tidak menyukakan “baik” semakin disekat, diadakan diugut semakin kencang jalannya tenaga sucinya terus mara ke hadapan walaupun terpaksa menyusup pagar duri, melompat balak-balak ugutan dan ancaman orang-orang yang tidak sukakan balak-balak (*balā'*) atau terbang ke awan namun pekerjaan baiknya itu diteruskannya jua seperti kata syair.

Buatlah baik ayuhai rakan

Ke dalam laut terus campakkan

Jikalau tidak dikenal ikan

Allah mengetahui iakah bukan

Allah yang menyuruh membuat baik, sebagai hamba Allah yang taat mestilah tunaikan perintah Allah itu. Anak-anak bonda yang muda belia yang akan jadi bapa-bapa bangsa Melayu yang akan datang gunakanlah tenaga anak-anak dengan cara yang betul dan lurus seperti kata syair.

Buatlah jasa muda teruna

Hidupmu benar memberi guna

Kamu mati jasa tak pana

Lamun buahnya elok sempurna.

Jangan harapkan balas dan puji

Atau pahalanya dikaji-kaji

Itu semuanya perasaan keji

Padalah jasa tinting dan puji.

Sila perhatikan wahi anakanda sesiapakah yang diseru itu? Tidak lain ialah anak-anak yang muda teruna,

¹ Bermaksud pemancar radio – Dewan Bahasa dan Pustaka.

انقندا درفد ميموآه بابك كران لسه دان تاور هاتي
صرت فونتس هارف . سباليقن كالو ميموآه بابك
ايت بردار كن كارن سمات ۲ منجنجوخ نيته فرنته
الله دان يوفندو قول دغن علم يغسوجي دان يغرسيه
تيدفله انقندا اكن تر كاسر ائو تر كجوه ولو دجكه
دسر كه اوله اف جوا جنس شيطان سماد يغبوف
مانسي ائو شيطان بتول ۳ .

فر كارا فهبلا، اوفه، بالس، فوجسي دان
يشاسا، مان ايت تيدق تراسو، دالم فرو كرم اورغ ۲
يشيتول ۳ ميموآه بابك . ايت فكريان الله يغ علم
دان حكيم يغ برنته كن ممان سوره بوآه بابك .
اداله فكريان اورغيغ ميموآه بابك ايت تروس
ميموآه بابك سهاج، تيدق برهنه هغك سمغي ماس
د كهنديكي الله سوره برهجه .

دمكينله رعكسن فكريان ميموآه بابك ائو
ميموآه جاس مدمدهان اد جوا گونا باكي ائق ۲
مودا يغ سدغ مينيغ توله مهنونا كن تناك مودان
فدالماس برخدمه كارن يشا تانه ايردان اكام اين .
دغن حرمتن صاي اوچفكن تريمكاسيه
كفد توان فقلولا راديو شيفافورا بهاگين اييو
ملايو بقله وسنگوه مهاجق برخدمه دان
ماتور كن فرجلان دري جوهر بهارو كاري
سقرت كات شعر :-

دري جوهر كسيهافورا * 16 باتو جاوه فرجلان
ميسبوغ ميمه دغن سوادا * مدمدهان توهن فر كن
ان شاء الله لايين كالي بوندا اكن برجاكف
خاص كفد ائق ۲ يغ نوه فوانت فول . والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته .

— اوله حجه زين سلجان

يشقوآه كاكه، نكف دان ساس يغ ميموآه سماعة
هيدونن شهر كمبيرا دان ميموآه تناك مودا يشقنوه
يلوم لواق دان تيدق چاچه چدرا . گونا كنده
تناك مودا انقند سفروه ۲ ن كفد ميموآه جاس —
ميموآه بابك كفد دري سندري يعني سدبا كن
دري انقندا دغن سكل جنس علم يشلايق بوله
ممدو عقل انقندا بهرايسي دان تاچم ايت ككفد
فكريان ميموآه بابك دان جاس يشسوزن، ككفد
قوم يشسا، نكري دان اكام . بابك ائو جاس يغ
هندق دبوآه ايت هندقه ترابه دهولو ديتنيغ ائو
دابق (di-ayak) مكدن داوجي، سده كس دان
سيف تروس جالكن دغن اخلاص دان يراني .
ارتين اقبيل سده انقند كتهوي دغن تعيقن بهوا
بابك ائو جاس يغ انقند بوآه ايت سبوزن ايتوله
جاس ائو بابك يغ دسوره الله — تيدق سكلي ۲ اد
ددامن ولو سبسر ذره فون اف ۲ بقدلارغ الله .
تولين دان برسبه مك هندقه داوجي قول يعني
ادا كه بابك ائو جاس يشدبوآه ايت دغن اخلاص
كارن طاعة منوره نيته فرنته الله — تيدق كارن
بركندفكن فوجي، فسكه، بينغ ۲ كهرمان،
اوفه، بالس ائو صفاي نام مشهور ائو سامان .
دمي سمشگون بهوا بابك ائو جاس يغتوبه دري
تناك سوجي ائق ۲ ايت تيدق اكن ماتي ائو هيلغ
ائو بورق، بهيكن تقي هيدوف، بر كون دان بهارو
سللمان .

كيران ميموآه بابك ايت بردار كن نفسو
منا بالس، فوجي اوفه سجاي فكريان انقند ايت
هندق بر حاصل سبب كالو تيدق بربالس، تيدق
فوجي، تيدق دافه اوفه، تنافي دافه عكسن يغتيدق
سوجي دغن نفسو انقندا سجاي ماس دان برهنه تي



yang kuat gagah, tegap dan sasa yang mempunyai semangat hidupnya yang bergembira dan mempunyai tenaga muda yang penuh belum luak dan tidak cacat cedera. Gunakanlah tenaga muda anakanda sepenuh-penuhnya kepada membuat jasa – membuat baik kepada diri sendiri yakni sediakan diri anakanda dengan segala jenis ilmu yang layak boleh memandu akal anakanda yang berisi dan tajam itu kepada pekerjaan membuat baik dan jasa yang sebenar-benarnya, kepada kaum bangsa, negeri dan agama. Baik atau jasa yang hendak dibuat itu hendaklah terlebih dahulu ditinting atau diayak (**di-ayak**) kemudian diuji, sudah kemas dan siap terus jalankan dengan ikhlas dan berani.

Ertinya apabila sudah anakanda ketahui dengan *tahqīqnya* bahawa baik atau jasa yang anakanda buat itu sebenar-benarnya itulah jasa atau baik yang disuruh Allah – tidak sekali-kali ada di dalamnya walau sebesar zarah pun apa-apa yang dilarang Allah. Tulen dan bersih maka hendaklah diuji pula yakni adakah baik atau jasa yang dibuat itu dengan ikhlas kerana taat menurut titah perintah Allah – tidak kerana berkehendakkan puji, pangkat, bintang-bintang kehormatan, upah, balas atau supaya nama masyhur atau seumpamanya. Demi sesungguhnya bahawa baik atau jasa yang terbit dari tenaga suci anak-anak itu tidak akan mati atau hilang atau buruk, bahkan tetap hidup, berguna dan baharu selamanya.

Kiranya membuat baik itu berdasarkan nafsu minta balas, puji upah nescaya pekerjaan anakanda itu hendak berhasil sebab kalau tidak berbalas, tidak dipuji, tidak dapat upah, tetapi dapat '*aksinya* yang tidak sesuai dengan nafsu anakanda nescaya malas dan berhenti

anakanda daripada membuat baik kerana lemah dan tawar hati serta putus harap. Sebaliknya kalau membuat baik itu berdasarkan kerana semata-mata menjunjung titah perintah Allah dan berpandu pula dengan ilmu yang suci dan yang bersih tidaklah anakanda akan terkemamar atau terkejut walau dicegah disergh oleh apa jua jenis syaitan sama ada yang berupa manusia atau syaitan betul-betul.

Perkara pahala, upah, balas, puji dan yang seumpamanya itu tidak termasuk dalam program orang-orang yang betul-betul membuat baik. Itu pekerjaan Allah yang alim dan hakim yang memerintahkan hamba-Nya suruh buat baik. Adalah pekerjaan orang yang membuat baik itu terus membuat baik sahaja, tidak berhenti hingga sampai masa dikehendaki Allah suruh berchat.

Demikianlah ringkasan pekerjaan membuat baik atau membuat jasa mudah mudahan ada jua gunanya bagi anak-anak muda yang sedang membanting tulang menggunakan tenaga mudanya di dalam masa berkhidmat kerana bangsa tanah air dan agama ini.

Dengan hormatnya saya ucapkan terima kasih kepada tuan pengelola radio Singapura bahagian Ibu Melayu yang telah bersungguh mengajak berkhidmat dan mengaturkan perjalanan dari Johor Bahru ke mari seperti kata syair:-

Dari Johor ke Singapura * 16 batu jauh perjalanan menyambung mahabbah dengan saudara * mudah mudahan Tuhan perkenan

In shā-Allāh lain kali bonda akan bercakap khas kepada anak-anak yang perempuan pula. *Wa al-salāmu 'alaykum wa rahmatu Allāhi wa barakātuh.*

- oleh Hajjah Zain Sulaiman

فرچيا کن کبوليهن ديري سنديري

(اوله يوصف الياس)

فقر قسان تشکي تنافي اي چواق دان تياد فرچاي
کفد کبوليهن ديرين بوله بوجاي دالم فقر قسان ايت
لالو مبرهنتيکن فلاجرانن دان ائکن ماسق دالم
فقر قسان ايت مک فر بوانن يغ سئومقام اين پتاله
بو کنن سهاج تر کلهدو دان ساله فهم بهکن مريک
تله تر فيسوغ جاوه در فدا اف يغ سبتر .

در ايت کامو چوب، چوب دان چوب دغن
سبران داي کامو مشاييسکن تناک دان جاديکن
کله « فرچيا کن کبوليهن ديري کامو » ايت
سوات فر غسغ اتو فهکالقي قد منجياکن مقصود
کامو يغ ساعة ۲ مليا ايت ان شاء الله کامو اکن
براوله کجيان يغ سمقرن .

شهدان اداله برهارف کفد فر اولهن اورغ
لاين ايت بو کن ماشکافي کفد متوا حال دان تمغه
اکنتتافي اد حدن . کتا کنله سئورغ کورو يغ
راجين مندبيق دان معاجر مريدان دسکوله
مساکن دافه کجيان يغ سمقرن لامون ايو بقاء
تيدق متولم دان بکر جسام مندبيق انق ۲۳
درومه اتو هندق مفاوسکن هرک فاسر گلف
(جوان دغن هرک مهل) مساکن دافه دفر بوا
اوله سئورغ تنافي بر کيندق کفد فر اولهن
اورغ لاین يا ايت مستيله بکر جسام ميايقکن
کلوارن بارغ ۲ مکان اتو مناهن در فدا جملي
دغن بوله ۲۰ هن اکن بارغ بشتياد مستحق .

واهي مريدان ۲ يغبهنگيا! اداله ساتو در فدا
سبب ۳ سئورغ ايت بوجاي دالم سوات فکرجانن
ابله فرچيا کن کبوليهن ديري سنديري بقاء
تيدق! دغن سبب فرچيا کن کبوليهن ديري
سنديري ايت تربيله در فدان برفا فرکارا
يشلاين باکي سئورغ يا ايت بوسهنگوه ۲ تنف، راجين
دان برو تو کس دالم فکرجان سکاليقون قد مولان
تياد بوجاي تنافي باکي مريک تيدق برو تنس هارف
بهکن بومبه ۲ اوسها سهنگ قد اخرون دافته نتيجه
فکرجانن ايت (بوجاي) ۰ سياليقن فول مريک
بشتياد فرچيا کن کبوليهن ديري سنديري ايت
سده تنف تياد اکن براوله کجيان کران تربيه
در فدان بواق فرکارا يغ مله مکن جيتان
سئومقام ملس دان کتبادان بوسهنگوه ۲ دالم
فکرجانن ايت اوله تياد فرچيا کنديرين اد
کبوليهن دالم فکرجان بدهادقن ايت مک ايله
فراسان يغ سر ندهکن درجه دان مئوندور کن
عزم سئورغ، دغن سبب ايت هندقله دیکيس
دان دبواغ در فدا هاتي کامو واهي مريدان ۲ در فدا
فراسان بدمسکن ايت کران فرچيا کن کبوليهن
ديري سنديري ايت بو کن دافه دجافي بواهن
يغ مانيس ايت دغن هرک يغ موره (دغن سيوتن
سهاج اتو دغن ائن ۲ کوسغ) بهکن مستيله
دسرتاکن دغن عمان دان تيتيق فله . کلهدان
تيدق مک جاديله اي همي کوسم بشتياد اف گوانن
اور مقام سئورغ مريد يغ هندق ماسق دالم سوات



Percayakan kebolehan diri sendiri

(oleh Yusuf Ilyas)

Wahai murid-murid yang berbahagia! Adalah satu daripada sebab-sebab seorang itu berjaya di dalam sesuatu pekerjaannya ialah percayakan kebolehan diri sendiri betapa tidak! Dengan sebab percayakan kebolehan diri sendiri itu terbitlah daripadanya beberapa perkara yang lain bagi seorang iaitu bersungguh-sungguh, tetap, rajin dan bertugas di dalam pekerjaan sekalipun pada mulanya tiada berjaya tetapi bagi mereka tidak berputus harap bahkan bertambah-tambah usaha sehingga pada akhirnya dapatlah natijah pekerjaannya itu (berjaya). Sebaliknya pula mereka yang tiada percayakan kebolehan diri sendiri itu sudah tetap tiada akan beroleh kejayaan kerana terbit daripadanya beberapa perkara yang melemahkan cita-citanya seumpama malas dan ketiadaan bersungguh-sungguh dalam pekerjaan itu oleh tiada percayakan dirinya ada kebolehan dalam pekerjaan yang dihadapnya itu maka inilah perasaan yang merendahkan darjat dan mengundurkan azam seseorang, dengan sebab itu hendaklah dikikis dan dibuang daripada hati kamu wahai murid-murid daripada perasaan yang demikian itu kerana percayakan kebolehan diri sendiri itu bukannya dapat dicapai buahnya yang manusia itu dengan harga yang murah (dengan sebutan sahaja atau dengan angan-angan kosong) bahkan mestilah disertakan dengan amalan dan titik peluh. Kiranya tidak maka jadilah ia mimpi kosong yang tiada apa gunanya, umpamanya seorang murid yang hendak masuk dalam suatu

peperiksaan tinggi tetapi ia cuak dan tiada percaya kepada kebolehan dirinya boleh berjaya dalam peperiksaan itu lalu memberhentikan pelajarannya dan enggan masuk dalam peperiksaan itu maka perbuatan yang seumpama ini nyatalah bukannya sahaja terkeliru dan salah faham bahkan mereka telah terpesong jauh daripada apa yang sebenar.

Dari itu kamu cuba, cuba dan cuba dengan seberapa daya kamu menghabiskan tenaga dan jadikan kalimah “percayakan kebolehan diri kamu” itu suatu perangsang atau penggalak pada menayakan maksud kamu yang sangat-sangat mulia itu *in shā-Allāh* kamu akan beroleh kejayaan yang sempurna.

Syahadan adalah berharap kepada pertolongan orang lain itu bukan melengkap kepada semua hal dan tempat akan tetapi ada hadnya. Katakanlah seorang guru yang rajin mendidik dan mengajar murid-muridnya di sekolah masakan dapat kejayaan yang sempurna lamun ibu bapanya tidak menolong dan bekerjasama mendidik anak-anakya di rumah atau hendak menghapuskan harga pasar gelap (jualan dengan harga mahal) masakan dapat diperbuat oleh seorang tetapi berkehendak kepada pertolongan orang lain iaitu mestilah bekerjasama membayakkan keluaran barang-barang makanan atau menahan daripada membeli dengan berlebih-lebihan akan barang yang tiada mustahak.

بغ سئومقام ايت مك تيدقكه جادي سئورت فيرق
بهدچلوف دغن اس، اخرون دافقه دكئوي بغ
فيرق ايت فيرق جوئك .

هندقله كامر جادبكن ديري كامو ايت اس
بغ تولين، بوكن چلوف ۰۲ جالئن ايله فرچياكن
كبولپن ديري سنديري سرت بوسئكوه ۲، بوئكون،
برتشف دان فرله تنانگ كامو دغن سهابس ۲
داي اوفاي كامو دالم اف هوا فركارا بغ كامو
فلاجري كدين هندقله كامو سرهكن فكرجان
ايت كئدالله سبحانه وتعالى بغ ميمئفركاكت
فرهنتان همبان دان تباد منسيا ۲ كن نهلا اورغئغ
بوواوه كبجيكين مك اينله دكئا كن بوئوكل اذان .

مك دوا مثال اين كئناله تمتئغ بغ كبت تنف
بو كهندق كغد فرئولغن اورغلاين، نياسكئله
كغد مثال ۲ بغ سئومشان . اد فركارا
بغ تاقانوه سام سكالى دافقه فرئولغن
درفد اورغلاين اومشان سئورغ سريد
بغير كئندككن لوس دالم سوات فرقسان ترفقساله
اهي بوسئكوه ۲ دان فرچياكن كبولپن ديري
سنديري سهاج جاعئله برهاف كغد فرئولغن
اورغلاين . چوب فندغ به جاوه لاكي؟ بايت
جيك دقديركن اورغئغ تله براوله كولسن دالم
سوات فركارا ايت دغن سبب دافقه فرئولغن
اورغلاين والخال ديريغ بلوم لايق مندافه كولسن



كاراغن بهارو




(قصه اسراء دان معراج) سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم ايله سبواه رساله
كاراغن چارا بهارو يئم سهابيس ۲ موده دئم
بئمله دتريشكن اوله كهفولن كورو ۲ اركام جوهر . بارغشياف بئهندق مئتهوي چئرا بغير
دان مناريق هاقى بئهاكن منمبهن قواة ايمان دان كئزچيان، دان هندق مئتهوي
سكل حكمة ۲ بئتر مئتمون ددالمن ايت فستله كغد فئريية مجله فرایدردان دئجابة فلاجران
جوهر اذان .






Maka dua misal ini kenal tempatnya yang kita tetap
berkehendak kepada pertolongan orang lain, kiaskanlah
kepada misal-misal yang seumpamanya. Ada perkara
yang tak patut sama sekali dapat pertolongan
daripada orang lain umpamanya seseorang murid
yang berkehendakkan lulus dalam suatu peperiksaan terpaksalah
ia bersungguh-sungguh dan percayakan kebolehan diri
sendiri sahaja janganlah berharap kepada pertolongan
orang lain. Cuba pandang lebih jauh lagi! Iaitu
jika ditakdirkan orang yang telah beroleh kelulusan dalam
suatu perkara itu dengan sebab dapat pertolongan
orang lain walhal dirinya belum layak mendapat kelulusan

yang seumpama itu maka tidaklah jadi seperti perak
yang dicelup dengan emas, akhirnya dapat diketahui yang
perak itu perak juga.
Hendaklah kamu jadikan diri kamu itu emas
yang tulen, bukan celup-celup. Jalannya ialah percayakan
kebolehan diri sendiri serta bersungguh-sungguh, bertekun,
bertetap dan perahlah tenaga kamu dengan sehabis-habis
daya upaya kamu dalam apa jua perkara yang kamu
pelajari kemudian hendaklah kamu serahkan pekerjaan
itu kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang menyempurnakan
permintaan hamba-Nya dan tiada mensia-siakan pahala orang yang
berbuat kebajikan maka inilah dikatakan bertawakal adanya.



Karangan Baharu



(Kisah *Isra'* dan *Mi'rāj*)

Saiyidina Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ialah sebuah risalah

karangan cara baharu yang sehabis-habis mudah difaham

yang telah diterbitkan oleh Kumpulan Guru-guru agama Johor. Barang siapa yang hendak mengetahui cetera yang benar

dan menarik hati yang akan menambahkan kuat iman dan kepercayaan, dan hendak mengetahui

segala hikmah-hikmah yang terhimpun di dalamnya itu pesanlah kepada penerbit majalah Peredaran di Pejabat Pelajaran

Johor adanya.

فشکاميه اوتق

(اوله ابراهيم جي)

1. افكه يقد كهتدي ماني بڻ هيدوف دلم دنيا اين ؟
 2. اف اٽڪ جلمن سام بايق كالو دچمفور اٽو دضرب ؟ مثالن دوا كالي دوا
جلمن امقه . دوا چمفور دوا فون امقه جوا
 3. اف ۳ كه بنما بختيار دافه ديلي دغن واغ ؟
 4. اد ساتو تشكي اد نيك فآيف . يفتروتم سهاج بوله بمنوهكن اير دالم دوا مينيه
يشكدوا دان كتنيك بوله مشوشكن اير تشكي دالم 6 دان 12 مينيه .
كالو تشكي ايت تله بوابسي سو كو بها كينن دغن اير برف لام تشكي ايت فنوه
جكلو كتنيك ۳ فآيف ايت سام مولاي بڪرج ساتو فآيف ميسي اير
(يفترنام) دان فآيف يشكدوا دغن يشكتنيك مشوشكن اير .
 5. منجاري جمله لواسن امقه فرسكي ؟ يا ايت دكاليكن اٽڪ ايت سام سندبوري .
صفت دباوه اين بوله دياچ فرني باليق حروف .
- | | |
|--------|----------------|
| 101201 | فرسكي 101 جمله |
| 12۰321 | « 111 » |
| 14۱741 | « 121 » |
| 40۰304 | « 202 » |
| 44۰644 | « 212 » |
| 94۱249 | « 307 » |
6. چاري اٽڪ مولاي دغن 6 ؟
(ليهه جوافتن دلان موك)

* اسلام دان تمدن - سمبوغن دري موك 188 *
 نڪاستان دان هيدوف ددالم كادان يڻ گلف سهاج .
 گام اسلام دان نيدق مشاعران سام سڪلي هتڪ
 هاري كيت اين دغن هاتي بهرسيه دان اخلاص
 فد حال ايروفه تله بروتق بوندي كشدان، اورغ ۲
 مندرييكن كاجوان ايروفه دان بنجاك اكددي
 درفد كجاوئن . (اد سمبوغن)





Penggamit Otak

(oleh Ibrahim Chik)

1. Apakah yang dikehendaki manusia yang hidup dalam dunia ini?
2. Apa angka jumlahnya sama banyak kalau dicampur atau didarab? Misalnya dua kali dua jumlahnya empat. Dua campur dua pun empat jua.
3. Apa-apakah benda yang tiada dapat dibeli dengan wang?
4. Ada satu tangki ada tiga paip. Yang pertama sahaja boleh memenuhkan air dalam dua minit yang kedua dan ketiga boleh mengusungkan air tangki dalam 6 dan 12 minit. Kalau tangki itu telah berisi suku bahagiannya dengan air berapa lama tangki itu penuh jikalau ketiga-tiga paip itu sama mulai bekerja satu paip mengisi air (yang pertama) dan paip yang kedua dengan yang ketiga mengosongkan air.
5. Mencari jumlah keluasan empat persegi? Iaitu dikalikan angka itu sama sendiri. Seperti di bawah ini boleh dibaca pergi balik serupa.

Persegi 101 jumlah	10,201
“ 111 “	12,231
“ 121 “	14,741
“ 202 “	40,304
“ 212 “	44,644
“ 307 “	94,249

6. Cari angka mulai dengan 6? (Lihat jawapannya di lain muka)

<p> Islam dan tamadun – sambungan dari muka 188 </p> <p>Agama Islam dan tidak mengiktiraf sama sekali hingga hari kita ini dengan hati yang bersih dan ikhlas padahal Eropah telah berhutang budi kepadanya, orang-orang Eropah cuma mahu mengiktiraf akan hal orang-orang Arab pada masa mereka itu di dalam kejahilan dan</p>	<p>kesesatan dan hidup di dalam keadaan yang gelap sahaja.</p> <p>Kemajuan orang-orang Islam di sisi orang-orang Arab telah sampai ke kemuncak yang tinggi sekali hingga mendirikan kemajuan Eropah dan menjaga akan dia daripada kejatuhan. (ada sambungan)</p>
---	---

سودهڪه تاهو؟

(اوله ابراهيم جيءَ)

ستم سورءَ

روان هيل ايله سئورغ بئسا اشڪريس يڻغ مولا ۲
مشهور ڪن سقاهي دفربايقڪي فراقوران فجابء سورء
دان بگيان مودهڪن چوڪيئن. مولا ۲ اهل ديوان
لندان اشڪن دڪنا ڪن چوڪي ڪفد سريڪ تنافي
ڪران سوارا روان هيل دافء سوڪوئن بايڪ دري
اورغرامي تراوانم اهل ۲ فريڪاٽ، جيباله شورن.
مولا ۲ دجوال ستم دلندان فد تاهن 1840 مهنجق
ايت برانسور ۲ له بايڪ فرجلانن دان فراقوران
بر ڪيڊء سورء. ڪلو تيدق سورء ايت ڪنا چوڪي
مهل لاڪيون ليشه تيبان.

متمات * * * *

ماس دهولو بندر لندان وقت مالم دجاگ اوله
وجمين. تنافي مئڪهڪو اورغيم هندي تيدور سبب
سريڪ ميموا بيسيم موڪل ڪندين. اداجوگ
تمتات درفد اورغڪبايق بايت بر ڪيلو ۲ دتفڪن
اوله توان ۲ حاڪم دا ۲ ده دغتياد بوله تيدق تنافي
سريڪ چواي. اٽق ۲ن سغرتيله اورغ دتانه ملايو
ماس جفون مندودڪي دفرتتڪن جادي
«جيڪيدغ». ڪدين فد تاهن 1839 دغن
فيڪران سر روبا فيل تمتات تله دلاتيه دان داتور
سرت ديري فڪاين سروف (يونيفورم) بهرو. مولا ۲
دادا ڪن دبندر لندان ڪدين سريڪه هئڪ سوات
دنيا. سڪوتلند يارد ايله فجابء تمتات رهسا
دلندان يڻغ ساعء مشهور.

ديوقراسي

ايله دوا فانه فرڪٽان تربيتن درفد بهاس
گريڪ. «ديو» ملايون رعية، «ڪراسي»
فرنتاهن. «اين» ايله ڪشلا نڪري ڪريس بايت
بندر يڻغ مولا ۲ سڪلي دالم دنيا اين سراس فرنتاهن
چارا چارا ديوقراسي فد تاهن 400 سلوم ظاهر
نبي الله عيسى عليه السلام.

* * * *

رپبليڪ

تربيتن درفد بهاس لانهن، لاپون «ڪثويان
رعية». روم ڪفلا نڪري ايتالي ايله بندر يڻغ مولا ۲
سڪلي دفرته سچارا. رپبليڪ سلام 500 تاهن
بايت سلوم ظاهر نبي الله عيسى. ڪدين برنوڪر
دغن برباڪي ۲ داسر فرنتاهن سغرت بواج اخون
روسق بناس نڪري ايت دباوه فرنتاهن ديقتاتور
سينور ماسوليئي.

* * * *

فريسيدنه اسريڪا

«سايب تيدق بوله بوجاڪف بوهم» ايله
سوات ففانه يڻغ مشهور سرات دنيا بايت فرڪٽان
يڻغ سلاو دنوتر ڪن دان برعمل دغندي اوله مندباغ
جورج واشينغٽن درفد ماس ڪچيل هئڪ اخر
هيدوقن بايت فريسيدنه اسريڪا شريڪه يفتقرام
دانشيق ند تاهن 1789. دفرانڪن فد تاهن 1732
دان مائي فد تاهن 1799.



Sudahkah tahu?

(oleh Ibrahim Chik)



Demokrasi.

Ialah dua patah perkataan terbitnya daripada bahasa Greek. "Demo" Melayunya rakyat, "cracy" pemerintahan. "Athens" ialah kepala negeri Greece iaitu bandar yang mula-mula sekali dalam dunia ini merasa pemerintahan cara-cara demokrasi pada tahun 400 sebelum zahir Nabi Allah 'Īsā 'alayhi al-salām.

* * * *

Republik.

Terbitnya daripada bahasa latin, Melayunya "kepunyaan rakyat". Rom kepala negeri Itali ialah bandar yang mula-mula sekali diperintah secara republik selama 500 tahun iaitu sebelum zahir Nabi 'Īsā. Kemudian bertukar dengan berbagai-bagai dasar pemerintahan seperti beraja akhirnya rosak binasa negeri itu di bawah pemerintahan diktator Senor Mussolini.

* * * *

Presiden Amerika.

"Saya tidak boleh bercakap bohong" ialah suatu pepatah yang masyhur serata dunia iaitu perkataan yang selalu dituturkan dan beramal dengan dia oleh mendiang George Washington daripada masa kecil hingga akhir hidupnya iaitu Presiden Amerika Syarikat yang pertama dilantik pada tahun 1789. Diperanakan pada tahun 1732 dan mati pada tahun 1799.

Stem surat.

Rowland Hill ialah seorang bangsa Inggeris yang mula-mula mengesyorkan supaya diperbaiki peraturan pejabat surat dan bagaimana memudahkan cukainya. Mula-mula ahli dewan London enggan dikenakan cukai kepada mereka tetapi kerana suara Rowland Hill dapat sokongan baik dari orang ramai terutama ahli-ahli perniagaan, jayalah syornya. Mula-mula dijual stem di London pada tahun 1840 semenjak itu beransur-ansurlah baik perjalanan dan peraturan berkirim surat. Kalau tidak surat itu kena cukai mahal lagipun lengah tibanya.

Mata mata.

* * * *

Masa dahulu bandar London waktu malam dijaga oleh *watchmen*. Tetapi mengganggu orang yang hendak tidur sebab mereka membuat bising memukul gendangnya. Ada juga mata-mata daripada orang kebanyakan iaitu bergilir-gilir ditetapkan oleh tuan-tuan hakim daerah dengan tiada boleh tidak tetapi mereka cuai. Agak-agaknya sepertilah orang di Tanah Melayu masa Jepun menduduki diperintahkan jadi "*Jikidan*". Kemudian pada tahun 1839 dengan fikiran Sir Robert Peel mata-mata telah dilatih dan diatur serta diberi pakaian serupa (*uniform*) biru. Mula-mula diadakan di bandar London kemudian merebaklah hingga serata dunia. Scotland Yard ialah pejabat mata-mata rahsia di London yang sangat masyhur.

جواب سئوالن

1. سوک - تربیتش درفد صحتة، علمو دان کای . دافه جوا سوک نیاد دشن کای
دان علمو جک صحتة سفرت کانق ۰۲
2. 11 چمقور 101 آو ضرب 101
3. (1) سیوم کانق ۲، (2) کپیلان مودا بیلا تله آوا، (3) کامیه سوجی
فرمئوان بغ ستیا، (4) جانن کشرگ، (5) فنداغن افکل تله روسق .
4. 3 مینیه .
5. فرسگی 264 جمله 691696 .

راديو .

کالو کیت مئوبأی « تنواغ اودارا تمثق جاوه »
داتس مینجا رومه کیت نسجای دافله کیت
مقسیقکن دشن مات کفلا کیت روف گوق گری
اورغیغ ملا کونکن ایت . سلوم قرغ دهولو اد
دانتوقکن بیراف کالی سمیشکو قد وقت فتم دان
کادغ ۲ اد قول دانتوقکن « مالم تنواغ اودارا
تمثق جاوه »

فر کاکسی بغ مولا ۲ دریکا اوله بید ایت اد
دسیمقن دالم سکوله کمیر کیمسیقن لندن .
سودهکله کامو ملیه فنی تنواغ ایت؟ کالو
بلوم ماربله کیت مبری سدیکیه سابق کرجسام
یقتروافای کیت، سئای دنیا الکس امان دان ککل
سلملان دان بردعاله کیت سفای صحتة والهافیه
لاکچی فنجتم عمر: لمبه لاؤن کلق، کالو تأمخوله
کیت مبلان سکالیفون منومغ منتقون درومه
جبران ۲ کیت فون الحمد لله .

ذالیمو ما کونی ستورغ اهل فیکران یفته
سریکا فنداغن وایرلیس . فد تاهن 1920 تله
مببوك شریکه راديو یهبرنام « ما کونی » . مک
قد تاهن 1622 بهارو دمشهور دان دلاؤعکن
سرات دنیا اوله شریکه « بی . بی . سی » (دهولو
بویقیش بود کستیع کفتی - سکاؤ کوفوریشین)
قد تاهن 192۵ ستورغ اشکریس برنام
جیه - ایل . بید تله سریکا فول سوات فنداغن
بهارو « تللییشن راديو » بأیت تنواغ اودارا بغ
مشکمبر کن سکالی روف اورغیغ بوجا کف دان
جولا کون . تله دهیبه دان دمشهور کن سرات دنیا
غد تاهن 1928 .

نتالین درفد فرهنگین تنواغ اودارا بی . بی . سی .
اندک سان اد ملا کونکن سوات چربنا فندبق



Jawab soalan

1. Suka. terbitnya daripada sihat, ilmu dan kaya. Dapat jua suka tiada dengan kaya dan ilmu jika sihat seperti kanak-kanak.
2. 11 campur 101 atau darab 101.
3. (1) Siuman kanak-kanak, (2) Kehilangan muda bila telah tua, (3) Kasih suci perempuan yang setia, (4) Jalan ke syurga, (5) Pemandangan apakala telah rosak.
4. 3 minit.
5. Persegi 264 jumlah 69,696.

Radio.

Guglielmo Marconi seorang ahli fikiran yang telah mereka pendapatan *wireless*. Pada tahun 1920 telah membuka syarikat radio yang bernama ((Marconi)). Maka pada tahun 1622 baharu dimasyhur dan dilauangkan serata dunia oleh syarikat ((B.B.C)) (dahulu *British Board Casting Company* – sekarang *corporation*)

Pada tahun 1925 seorang Inggeris bernama J. L. Baird telah mereka pula suatu pendapatan baharu "*television radio*" iaitu tetuang udara yang menggambarkan sekali rupa orang yang bercakap dan berlakon. Telah dihebah dan dimasyhurkan serata dunia pada tahun 1928.

Misalnya daripada perhatian tetuang udara B. B. C. London sana ada melakukan suatu cerita pendek

kalau kita mempunyai "Tetuang udara nampak jauh" di atas meja rumah kita nescaya dapatlah kita menyaksikan dengan mata kepala kita rupa gerak-geri orang yang melakukan itu. Sebelum perang dahulu ada diuntukkan beberapa kali seminggu pada waktu petang dan kadang-kadang ada pula diuntukkan "malam tetuang udara nampak jauh"

Perkakas yang mula-mula direka oleh Baird itu ada disimpan dalam Sekolah Gambar Kensington London.

Sudahkah kamu melihat peti tetuang itu? Kalau belum marilah kita memberi sedikit sebanyak kerjasama yang terupaya kita, supaya dunia lekas aman dan kekal selama lamanya dan berdoalah kita supaya sehat wal 'afiat lagi panjang umur: lambat-laun kelak, kalau tak mampulah kita membelinya sekalipun menumpang menonton di rumah jiran-jiran kita pun *al-hamduli 'Lāh*.

صفر 1366

* مجله فرایدان *

جنواري 1947

بريت کيت

ماس هندق منويکين کواچيقين اوله سيپوه دغن
فکر جان سنديري تيمان قول اي تله معميل
بهاگين يورشرح دالم فرکارا ديديقين عام باگي
فرساتران ملايو جوهر . کيت اوچفکن سنقکي ۲
ترما کاسيه داتس خدمه سيد محمد يغ سوچي ايت
مدمداهن بارعد سفيکين الله سکل چيتا ۲۸۰

کيت تله مغريما بايق کاراشن دري فونليس ۲
بوديمان کيت باگي دسيار کن کفد رامي ۱۰ کنتقاني
دغن دو کچيتا تباد دافة کيت بمغفرنا کن کران
بايق کاراشن ايت سا کن ۲ دغن مقاله ۲ يفتله کيت
سيار کن تيمان قول ترصاغة فنجم مليريه دان
تياد يوقايله کفد رامي ۱۰ کنتقاني سقگهون
دمگين کيت اوچفکن ترما کاسيه يفتولس کفد
سريکيت يفتله سودي مهنقون کن مقالن . مک
کاراشن يغ کيت فيکسر کن مناسبه باگي بجان
رامي دان تياد بولاوان دغن داسر کيت اکن
دسيار کن منوره گيليرانن . دانلاکي دهلموسکن
کيت تياد مپدا کن رواشن فقوا شرعيه . سريک
يهر حاجتکن فنوا جفوتله هنتر کن کفد منقي ۲
اؤر کفد راکن سجاوه کيت « نقاسوه » کانن .

فد 28 دان 29 دسيمبر 1946 اين تله
دادا کن ففر قسان گورو ۲ اکام لاکي دان فرموان
فشکة IV. (فلانيه) نايک فشکة III. گورو
فشکة III. نايک فشکة II. گورو فشکة II.
نايک فشکة I . دان جوا ففر قسان درجه کلایکين
منجادي گورو اکام .

فد 6 جنواري اين ۱۰ عبدالرزاق بن جيلاني
کرافي فجابة فر بندهران جوهر کن بلایر کا وسقواليبا
کران ملنجوتکن فلاجرانن دالم بهاگين ايکونومي
دان ايکوتنن س دالم يونيورسيقي فرث داغکر کن
دوا تاهن دغن فر بلنجان هديه فلاجران سلطانت
ابراهيم جوهر . ۱۰ عبدالرزاق اين اصلن تله مندافة
فلاجران ملايو دسکوله تلو . کرغ فونتيان ،
کمدین بلاجر ترينينغ کوليج جوهر . دالم تاهن
1928 اي منجادي گورو سکوله ملايو سرسي
کوفي مک دالم ماس اي منجادي گورو اين اي
تله بلاجر هياس ائگر سيب سبله فتم مولا ي دري
تاهن 1926 هشتک تاهن 1933 تله لولس دالم
ففر قسان سينيار کهر يچ کمدین بلاجر مالم دسيهانورا
دالم بهاگين کومرسيل دان تله مندافة اکوان
کلولسن چمبر اوف . کومرس لندن 13 فرکارا
دالم بهاگين يفتوسوه .

کيت برهازف بايق درقد انقمودا نسا کيت
يغ چکل وان برمه بگيان ۱۰ عبدالرزاق يفتله
برفدوسکن « دمان اد کاهوان دسيواد کماحوان »
کيت معوجفکن سلامة فلايران ۱۰ عبدالرزاق
دان باليق دغن مفر اوله سکل چيتا ۲۸ اوتوق فایده
تانه اير دن نسا .

کيت دغن دو کچيت مغريما فرمنتان برهنتي
درفد سيد محمد عبدالروس العطاس درقد منجادي
سندغ نغارغ کيت کران اي پتا کن تياد مندافة

(192)





Berita kita

Pada 6 Januari ini En. Abdul Razak bin Jailani

kerani pejabat Perbandaran Johor akan belayar ke Australia kerana melanjutkan pelajarannya dalam bahagian ekonomi dan *accountants* dalam Universiti Perth dianggarkan dua tahun dengan perbelanjaan hadiah pelajaran Sultan Ibrahim Johor. En. Abdul Razak ini asalnya telah mendapat pelajaran Melayu di Sekolah Telok Kerang Pontian, kemudian belajar di *Training College Johore*. Dalam tahun 1928 ia menjadi guru Sekolah Melayu Seri Kopi maka dalam masa ia menjadi guru ini ia telah belajar bahasa Inggeris sebelah petang mulai dari tahun 1926 hingga tahun 1933 telah lulus di dalam peperiksaan *Senior Cambridge* kemudian belajar malam di Singapura dalam bahagian komersial dan telah mendapat akuan kelulusan *Chamber of Commerce* London 13 perkara dalam bahagian yang tersebut.

Kita berharap banyak daripada anak muda bangsa kita yang cecal dan berhemah bagaimana En. Abdul Razak yang telah berpedomankan “di mana ada kemahuan di situ ada kemajuan” kita mengucapkan selamat pelayaran En. Abdul Razak dan balik dengan memperoleh segala cita-citanya untuk faedah tanah air bangsa.

Kita dengan dukacita menerima permintaan berhenti daripada Syed Muhammad Edrus al-Attas daripada menjadi sidang pengarang kita kerana ia menyatakan tiada mendapat

masa hendak menunaikan kewajipannya oleh sibuk dengan pekerjaan sendiri tambahan pula ia telah mengambil bahagian bersyarah dalam perkara didikan am bagi Persatuan Melayu Johor. Kita ucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas khidmat Syed Muhammad yang suci itu mudah-mudahan barang disampaikan Allah segala cita-citanya.

Kita telah menerima banyak karangan dari penulis-penulis budiman kita bagi disiarkan kepada ramai. Akan tetapi dengan dukacita tiada dapat kita menyempurnakan kerana banyak karangan itu seakan-akan dengan makalah-makalah yang telah kita siarkan tambahan pula tersangat panjang meleret dan tiada berfaedah kepada ramai. Akan tetapi sungguhpun demikian kita ucapkan terima kasih yang tulis kepada mereka itu yang telah sudi menghantarkan makalahnya. Maka karangan yang kita fikirkan munasabah bagi bacaan ramai dan tiada berlawanan dengan dasar kita akan disiarkan menurut giliranannya. Dan lagi dimaklumkan kita tiada menyediakan ruangan fatwa shariah. Mereka yang berhajatkan petua jemputlah hantarkan kepada mufti-mufti atau kepada rakan sejawat kita ((Pengasuh)) Kelantan.

Pada 28 dan 29 Disember 1946 ini telah diadakan peperiksaan guru-guru agama laki dan perempuan pangkat IV. (pelatih) naik pangkat III. . Guru pangkat III. naik pangkat II. Guru pangkat II. naik pangkat I. dan jua peperiksaan darjah kelayakan menjadi guru agama.

بلاغن مينية ق ب 46 / 236



بلاغن

کیتان دان اقرار اورعیم ماسق اگام اسلام

کیتان دان اقرار لیچمی بنت راماسامی (فرمفوان) بقسا هیندو
فوکل 11 10/60 هاری رابو 17 هاریون محرم 1366 برسمان دغن 11 هاریون دسمبر 1946
دهدافن ساي حاج احمد شاه بن حاج عبدالجبار
فشکو قاضي بسر جوهر

اداله ساي لیچمی بنت راماسامی فراتسکن کفوخ ندرسن کوتیک نكري اندیا دفراتسکن فد
هاریون 1918 دم فد ماس این فکر جان کولي مونغ رمقوة وعمر 28 تاهن
باق ساي تمان راماسامی دم ندرسن کوتیک سده ماتی ایبو ساي تمان کرافی بنت موتوسامی .
دم ندرسن کوتیک اد هیدوف .

فد هاری این ساي مفاکو دغن سبیرن دهدافن توان یسای سده چو کف فیکر دان فرجای بهوا
اگام اسلام ایت ابله سبایک ۲ اگام اوله سبب ایت دغن سوک هاتی ساي سندیری تله ممواسکن اگام بودا
یتله ساي مگش سلام ۲ این دان سوک ماسق اگام اسلام ایت .

دان فد هاری این جوک ساي مفاکو دغن سبیرن ۲ بهوا دغن سوک دان ریضا هاتی ساي دغن اختیار
ساي دان تیدق دقسا اوله سبایف فون . ساي ماسقله مگش دان براگما کن اسلام دان جادی سنورعیم
براگام اسلام دغن معوجف «أشهد أن لا اله الا الله وأشهد أن محمد رسول الله» ارتین ساي تاهو، ساي
یقین، ساي اقرار کن دغن لیده، ساي بتر کن دغن هاتی ساي، بهوا تیاد توهن یهدسبیه دغن سبیرن ۲ دان
۲ ایت یسای سبیه دهولو ایت سموان تیاد ملینسکن الله . دان ساي تاهو، ساي یقین، ساي اقرار کن دغن
لیده، ساي بتر کن دغن هاتی ساي، بهوا نبی محمد ایت فسوره الله کفد سکلین مخلوق . دان بهوا ترانسله
ساي درفد تیف ۲ اگام یغ مفاکسکن اگام اسلام .

(*) اد دوا اورغ سودارا فرمفوان لاکي دغن ساتو ایبو دان باق فد ماس این اد داندیا دان ساي
اد 4 اورغ انق بابت 2 لاکي 3 دان 2 فرمفوان دان کامقه اورغ این مقبکوة لاکي ساي یهدهلو
سایوم ساي ماسق اسلام دان سکارغ ساي سنورغ دیری .
ساي مفاکو ۲ ایت یغ ساي چا کف داتس این سموان بتول دان ساي تله مبیله نام ساي دالم اگام
اسلام یغه باسوچی بابت حلیمه بنت عبدالله .

تنداتاغن ساي
ح . ۱۰ ج . ک . ک
حلیمه بنت عبدالله
(لیچمی بنت راماسامی)

نمبر

دهدافن ساي
حاج احمد شاه بن حاج عبدالجبار
فشکو قاضي بسر جوهر



Bilangan _____

Bilangan minit K. B 236/46



Kenyataan Dan Ikrar Orang Yang Masuk Agama Islam

Kenyataan dan ikrar Letchumy binti Ramasamy (perempuan) bangsa Hindu
pukul 11 $\frac{10}{60}$ hari rabu 17 haribulan Muharram 1366 bersamaan dengan 11 haribulan Disember 1946

di hadapan saya Haji Ahmad Shah bin Haji Abdul Jabbar

Pemangku Kadi Besar Johor.

Adalah saya Letchumy binti Ramasamy peranakan Kampung Nadrasan Kotti negeri India diperanakan pada . . . haribulan . . . 1918. Diam pada masa ini Pekerjaan kuli memotong rumput. Berumur 28 tahun bapa saya namanya Ramasamy. Diam Nadrasan Kotti sudah mati. Ibu saya namanya Karapy binti Mutusamy. Diam Nadrasan Kotti ada hidup.

Pada hari ini saya mengaku dengan sebenarnya di hadapan tuan yang saya sudah cukup fikir dan percaya bahawa agama Islam itu ialah sebaik-baik agama oleh sebab itu dengan suka hati saya sendiri telah membuang agama Buddha yang telah saya memegangnya selama-lama ini dan suka masuk agama Islam itu.

Dan pada hari ini juga saya mengaku dengan sebenar-benarnya bahawa dengan suka dan reda hati saya dengan ikhtiar saya dan tidak dipaksa oleh sesiapa pun. Saya masuklah memegang dan beragamakan Islam dan jadi seorang yang beragama Islam dengan mengucap "*Ashhadu an lā ilāha illā Allāhu wa ashhadu anna Muḥammada rasulu Allāh*" ertinya saya tahu, saya yakin, saya ikrarkan dengan lidah, saya benarkan dengan hati saya, bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya dan apa-apa yang saya sembah dahulu itu semuanya tiada melainkan Allah. Dan saya tahu, saya yakin, saya ikrarkan dengan lidah, saya benarkan dengan hati saya, bahawa Nabi Muḥammad itu pesuruh Allah kepada sekalian makhluk. Dan bahawa terpecahlah saya daripada tiap-tiap agama yang menyalahkan agama Islam.

(* Ada dua orang saudara perempuan lagi dengan satu ibu dan bapa pada masa ini ada di India dan saya ada 4 orang anak iaitu 2 laki-laki dan 2 perempuan dan ke empat orang ini mengikut laki saya yang dahulu sebelum saya masuk Islam dan sekarang seorang diri.

Saya mengaku apa-apa yang saya cakap di atas ini semuanya betul dan saya telah memilih nama saya di dalam agama Islam yang maha suci iaitu Halimah binti Abdullah.

Di hadapan saya
(sain) Haji Ahmad Shah bin Haji Abdul Jabbar
Pemangku Kadi Besar Johor



Tandatangan saya
H.A.J.K
Hmah binti Abdullah
(Letchumy binti Ramasamy)

ايدريس بنى خانج همام ريشكاسن امار فونججان

ريشكاسن

تواربخ ففتران نبى صلى الله عليه وسلم

ايله سوات شراحن كرات بميموه هاري ففتران نبى صلى الله عليه وسلم بايت
مشدوشي بوناگي فرايقانن يع مستحق دان فونججان ۲ كابلوكن دان اجران اكمام اسلام
سرت اكوان ۲ درفد قنديت بئسا ۲ لايين ۰ هر ك - جواه 20 - 10 \$

فسنله كفتد

توييه بجه فرايدران دفيجابه فلاجراله اكمام جوهري

بلاجرله! Di-milikki oleh Idris bin H Salleh

بھاس شرک جنۃ الفردوس

دغن جان فوس \$3 سيوان

اوله سيد ابوبكر بن عبدالله العظاس - وكيل بيجارا

حرف
ادريشكاسن

محكمه ۲ شرعيه كراجان جوهري

نمبر 45 كنفوخ وادي حسن، جوهري بهارو



قريبك اوله احمد بن يعقوب كران كنفوان كورو ۲ اكمام جوهري دان دائره دان دجيتق اولامطيه للاجديه سيفاورا

Ringkasan

Tawārīkh Peputeraan Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*



Jalah suatu syarahan kerana menyambut Hari Peputeraan¹ Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* iaitu mengandungi berbagai-bagai peringatan yang mustahak dan punca-punca keelokan dan ajaran agama Islam serta akuan-akuan daripada pendeta bangsa-bangsa lain. Harga sebuah \$1.20

Pesanlah kepada _____

Penerbit majalah Peredaran di Pejabat Pelajaran Agama Johor.

Belajarlah!

Bahasa Syurga *Jannatu al-Firdawsi*

dengan jalan pos \$3 sebulan


oleh Syed Abu Bakar bin Abdullah al-Attas – wakil bicara

Mahkamah-mahkamah shariah kerajaan Johor.

Nombor 45 Kampung Wadi Hassan, Johor Bahru.

Diterbitkan oleh Ahmad bin Yaakob kerani Kumpulan Guru-guru Agama Johor dan Daerahnya dan dicetak oleh *Maṭba‘ah al-Aḥmadiyyah* Singapura.

¹ Perkataan sebenarnya adalah keputeraan.



مجلة فرايداران

سورابندو
 1947

پبلشني 7 - تاهن فرقام - سندسخه 50 سين
 ربيع الاول 1376 - فيبرواري 1947
 مکتبہ وعائین:-

193	مولا	رنجانن تقارغ
195		فرگوانن هيدون
197		ديديقتن
200		ايو هارائن يفا
201		تاريخ فرمورانن بهاس ملايو
203		اسلام دان قديم بهارو
206		تاريخ الاسلام
208		بهاس ملايو
211		تاريخ القرائت
213		بوت كيت
215		تاريخه يفا
219		برات سگوله اكام جوهر

MN
 059.9923
 MP



Majalah Peredaran

MN
059.9923
MP

Bilangan 7 – Tahun pertama – Senaskhah 50 sen

Rabi' al-Awwal 1366 – Februari 1947

Kandungannya: -

Rencana pengarang	Muka	193
Pergaulan hidup		195
Didikan		197
Ibu harapan bangsa		200
Tarikh persuratan bahasa Melayu		201
Bahasa Melayu		208
Tafsir al-Qur'ān		211
Berita kita		213
Falsafah bangsa Cina		215
Berita Sekolah Agama Johor		219

مجله فرايدران

Melayu ini dengan tujuan siasah atau perniagaan istimewa pula iaitu mudah mempelajarinya sebanyak percakapan hari-harian (bahasa pasar) tetapi bagi bahasa persuratan ada sukar sedikit kerana berusaha mempelajari selok-belok bahasa Melayu dan banyak pula banding-membanding akan persuratan orang-orang tua dahulu yang ada tersimpan pusaka perbendaharaan itu dalam hikayat-hikayat lama dan buku-buku cerita tua dan seumpamanya adanya.

(Keadaan Bahasa Melayu)

Bermula adalah keadaan bahasa Melayu itu seperti keadaan bahasa-bahasa lain jua iaitu mempunyai bahasa persuratan dan bahasa basahan (pasar).

(Bahasa Persuratan)

Adapun bahasa persuratan itu iaitu susunan yang menurut kaedah, jalin bahasa, ragam kata. Diaturkan perkataan-perkataan itu masing-masing dengan pangkatnya dan hukum ketentuannya, masanya, tempatnya, dan terkadang didapati perenggan kata yang berhias menurut jalan keelokan basa.¹

Adalah keelokan basa² yang dikehendaki di sini iaitu tentang surat (tulisan) tidak cenderung kepada bahasa kacukan dan tidak pula menggunakan lagak atau lagam³ bahasa percakapan mulut atau menggunakan sebarang perbhasan dalam yang tertentu dipakai bagi raja-raja, dipakai kepada orang kebanyakan dan seumpamanya iaitu terbahagi dua.

(1) Bahasa yang dipakai dalam karangan.

Iaitu boleh didapati contohnya dalam sejarah Melayu, Hikayat Abdullah, Hikayat Hang Tuah, dan hikayat-hikayat yang lain-lain, kitab-kitab inilah yang jadi tauladan

¹ Ejaan sebenarnya "bahasa".

² Ejaan sebenarnya "bahasa".

³ Ejaan sebenarnya "ragam".

اسلام دغن تمدن بهارو

اوله السيد علوي الحداد - الازهري
باتو فقهة .

(سمبوغن بيلاغن 6 تاهن يفترتام)

ادا كه كيت لوف بهو حال كهيدونف اورغ ۲
اسلام ساعه برلاين دان جاوه بيدان فد ماس بڠ
تيدق دافه دفيكر كن اوله عقل اكن حال كا دان
اورغ ۲ ابروفه فد ماس ايت ؟ ادا كه كيت لوف
بهواسن خليفه ۲ بكرج دات براوسا فد ماس
كراجان روم دان فرسي تله جاتوه دالم كمينان
(سمبوغن فد موك 204)

تيدق كه كيت مئا كو دان ماعتبار كن ديري
كيت اورغ ابروفه بقله مئا يقكي كونچي كاجوان
فد ماس اين دالم علمو دان كوردن ؟ سڠهن
جيك تيدق دغن اجران دان ديدقن بلسا اورغ
عرب دان بايك فرتورانن فد سرب سري نسجاي
ايروفه فد ماس اين ماسيه دالم لاو تن كجايين .

* تاريخ فرسورانن - سمبوغن درفد موك 202 *

منجادي فندي سندرين . بو كنهه سكل بلسا ۲
يشلاين دالم دنيا اين ماسين ۲ اد بلاجر بهاسن
ملينكن اورغ ملايو ، دانلاكي قول كتان افاهه
كوتان دفلاجري كران يا بت بهاس كيت لا كيقون
دالم دنيا سهاج بوكون تربه بايك بهاس عرب بوكون
دنيا آخرة . ايت فون بنر جوكت تنافي حيران
اكو بكيان بوله د كنهوي بهاس اورغشلاين جكلو
سيلم متهوي بهاس كيت سندري دهولوا كنهتافي
اي بوكت ۲ ايت دغن بهاس ملايو اي بوجواليبي
دان بو كنهو سورة دان مبالس سورة دغن بهاس
ملايو جوكت . مك بلومه فرنه اكو مليه بايك
اورغ ملايو بايك فرائقن اتو بارغ بلسا يشلاين ۲
مكونا كن بهاس عرب دالم فكرجانن . بايك
دريحال يونياك اتو منوليس كيران اتو بو كنهيم
اتو مبالس سورة ملينكن سكلين مريكيت
مكونا كن بهاس ماسين ۲ . ملينكن دالم سمبين اتو
بودعا ابقوله سهاج .

دالم تمقه فلاجران ملايو تراوتام دكوليج لانين
كورو ۲ ملوره تانه ملايو بقله دادا كن فرتام
كالن دسيفانورا كدين دندهكن كلاك دبلانغ
درفد ايت دندهكن كتنبوغ ماليم فيزي
دكينه منجادي فرهسان كارغ موارغ دان تولادان
يشدفاكي اوله ورتاون ۲ دان اهل فنشرح اتو
اوچانن دان سباكين .

1 . دفتيق دري حكاية عبدالله منشي :

« نصيحة » اداله سوات حيران لاكي ترچفغ اكو
سبب مليتمكن دان ميكر كن حال اورغ ملايو
اين بلوم سادر اكندير ين اي تيشكل دالم بودهن ايت
اوله سبب اي تباد ماهو بلاجر بهاسن سندري دان
تباد ماهو مفاروه تمقه بلاجر بهاسن ايت مك مستحيل
فد عقل . ادا كه اورغين تباد بلاجر ايت بوله



Islam Dengan Tamadun Baharu

Oleh al-Sayyid 'Alawī al-Haddād – al-Azhārī

Batu Pahat

(Sambungan bilangan 6 tahun yang pertama)

Adakah kita lupa bahawa hal kehidupan orang-orang

Tidaklah kita mengaku dan meiktibarkan diri kita orang Eropah yang telah menaiki kemuncak kemajuan pada masa ini di dalam ilmu dan kemodenan? Sungguhnya jika tidak dengan ajaran dan didikan bangsa orang Arab dan baik peraturannya pada serba serbi nescaya Eropah pada masa ini masih di dalam lautan kejahilan.

Islam sangat berlainan dan jauh bezanya pada masa yang tidak dapat difikirkan oleh akal akan hal keadaan orang-orang Eropah pada masa itu? Adakah kita lupa bahawasanya khalifah-khalifah bekerja dan berusaha pada masa kerajaan Rom dan Parsi telah jatuh di dalam kehinaan

(Sambungan pada muka 204)

* *Tārīkh* persuratan – sambungan daripada muka 202*

Dalam tempat pelajaran Melayu terutama di Kolej Latihan Guru-guru seluruh Tanah Melayu yang telah diadakan pertama kalinya di Singapura kemudian dipindahkan ke Tanjung Malim Perak demikianlah menjadi perbhasaan karang-mengarang dan tauladan yang dipakai oleh wartawan-wartawan dan ahli pensyarah atau ucapan dan sebagainya.

1. Dipetik dari Hikayat Abdullah Munsyi:

((Nasihat)) Adalah suatu hairan lagi tercengang aku sebab melihatkan dan memikirkan hal orang Melayu ini belum sedar akan dirinya ia tinggal dalam bodohnya itu oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya itu maka mustahil pada akal adakah orang yang tiada belajar itu boleh

menjadi pandai sendirinya. Bukankah segala bangsa-bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya melainkan orang Melayu, dan lagi pula katanya apakah gunanya dipelajari kerana iaitu bahasa kita lagipun dalam dunia sahaja berguna terlebih baik bahasa Arab berguna dunia akhirat. Itu pun benar juga tetapi hairan aku bagaimana boleh diketahui bahasa orang lain jikalau sebelum mengetahui bahasa kita sendiri dahulu ka tetapi ia berkata-kata itu dengan bahasa Melayu ia berjual-beli dan berkirin surat dan membalas surat dengan bahasa Melayu juga. Maka belumlah pernah aku melihat baik orang Melayu baik Peranakan atau barang bangsa yang lain-lain menggunakan bahasa Arab dalam pekerjaannya. Baik dari hal berniaga atau menulis kira-kiranya atau berkirin atau membalas surat melainkan sekalian mereka itu berdoa itulah sahaja.

جلين تيدق اد باكين سوات تاريختن اتو مذهب
بهرتنتو تناني اف ۲ بقد كتما كنين ايله دشن هالوس
سليديق قد تاريخ دان كاجوان اسلام . مك فر كنان
ميجر بگيان بغ كيت لهيه بتردان لوروس مننجوقن
كبنچينن كشد اورغ مسيحي بغ ساعه تعصب كشد
اكان . مك كيت بوله بروكات دسان سدبكيه بفر
سريك بفرچا كف بفر دان لوروس سرت براني
مقاكو اكن كبنارن اتو كسلاهن . سگهن كيت
ميري تهنه بغ فقهه كشد ميجر بقدرماتي ايت
اوله كبرانيه بفر ايت .

سگهن فر كارا ابن بوكن بقدرعجا بيكن فدفندان
موصه ۲ اسلام دشن اس بغ سيهكه تله دافه نايك
اكتمهف يقبايك دان كونچق بغ تيغكي سگالي
تقاني كيت لهيه تيدق اد سوات كتران بغ چو كف
باكي مواسكن هاتي سربكيت . مك درسب
بقدمكين كيت دافاتي واجب باكي كيت مفرانكن
اتو مفادفكن سوات كتران بقبوله مواسكن
هاتي سربكيت دشن شرانن بقتران سفاي
سربكيت فهم اكن حقيقه اكام اسلام دان
شربعتن .

مك دسبي واجبه دفرهاتيكن دشن فرهاتين
بغ هالوس جهوا اكام اسلام ايت بو كنه سوات
اكام بشهارو داداكن تقاني اي سوات اكام بقاد
وجودن دري سمنجق دجاد بيكن عالم مك اداله
رسول ۲ بقدهولو سفرت آدم ، عيسى ، موسي ،
نوح ، سموان براكام اسلام بلاك ، ادقون فلانجرانن
ايله فلانجران اسلام ، سگهن نبي محمد صل الله عليه
وسلم تيدق مبالوا سوات رساله يقهارو بيكن اي
مشماليكن اكام اسلام يقتهله هيلغ چورلغ
كسوجينن دان كبايقكنن دان مبتولكن اف ۲

دان سموا اورغ ۲ ايروفه ند ماس ايت نيدور دباوه
اوان يشگاف كليتا ؟ كنف اورغ ۲ ايروفه
منيشگلكن دان ملوقاكن فريوانن يقدياوا اوله
اورغ ۲ اسلام دان كشهروان بقديتيشگلكن اوله
مر بكنيت ترسبوه دكتاب ؟ بهكن مر بكنيت
بروشهاج مفر بواة سفرت دهكون ايت ايله كران
دشكي دان تيدق مشفكن جاس . نيدفكه كيت
لوف اكن كروگين بشبر بغ كيت لاكوكن دانس
علمو اداب اورغ ۲ عرب ؟ بهكن كلاكوان
كبواسن بغ كيت فر بواة كران مبناسكن دشن
جاهل دان تعصب كشد اكام مسيحي اكن ويويوي
كتاب يقساعه بوكون .

تيدفكه بوله كيت بروكات دشن بفر بهواسن
بسا ايروفه تله بروصها دان برسگوه ۲ منچاري
جالن سفاي مانكار كن ترما كاسيه كشد بسا
عرب . تيدق دافه داعسكر كن كاجوان بقداميل
دان دترو اوله اورغ ايروفه درفدان ، سگالي فون
مر بكنيت برسگوه ۲ ميمبو بيكن دهقان فندانن
رامبي ، يشگلكن ايروفه اتو دشن عبارة بغ
ليه ترغ يشگلكن عالم مسيحي مقاكو دان معاترف
اكن كسلاهن .

تيشگلكندي ماعلانكن دان ميري تاهو كشد
عالم سموان اكن كجاهيلن دان كيبالن دشن سبب
مر بكنيت تيدق ماهو مرفوف ترما كاسيه كشد
اورغ عرب . سگهن اي اكن ترقسافد سوات
هاري كلق مرفوف ترما كاسيه كشد اكام اسلام .
ايله فر كنان بغ منمفلق اورغ ۲ ايروفه بغ
كيت سهونكن دسبي سموان سفاي مر بكنيت
تاهو بغ اورغ ۲ اسلام بو كنه بو ده بگيان بقدهسك
اوله مر بكنيت ، سگهن ساعه ترغ هوا ميجر

Dan semua orang-orang Eropah pada masa itu tidur di bawah awan yang gelap gelita? Kenapa orang-orang Eropah meninggalkan dan melupakan perbuatan yang dibawa oleh orang-orang Islam dan kemasyhuran yang ditinggalkan oleh mereka itu tersebut di kitab? Bahkan mereka itu bersengaja memperbuat seperti demikian itu ialah kerana dengki dan tidak mengenangkan jasa. Tidakkah kita lupa akan kerugian yang besar yang kita lakukan di atas ilmu adab orang-orang Arab? Bahkan kelakuan kebusuan yang kita perbuat kerana membinasakan dengan jahil dan taksub kepada agama masihi akan beribu-ribu kitab yang sangat berguna.

Tidakkah boleh kita berkata dengan benar bahawasanya bangsa Eropah telah berusaha dan bersungguh-sungguh mencari jalan supaya meingkarkan terima kasih kepada bangsa Arab. Tidak dapat dianggarkan kemajuan yang diambil dan ditiru oleh orang Eropah daripadanya, sekalipun mereka itu bersungguh-sungguh menyembunyikan di hadapan pandangan ramai, tinggalkan Eropah atau dengan ibarat yang lebih terang tinggalkan alam masihi mengaku dan mengiktiraf akan kesalahannya.

Tinggalkan dia meiklankan dan memberi tahu kepada alam semuanya akan kejahilan dan kebalan dengan sebab mereka itu tidak mahu mengucap terima kasih kepada orang Arab. Sungguhnya ia akan terpaksa pada suatu hari kelak mengucap terima kasih kepada agama Islam.

Inilah perkataan yang menempelak orang-orang Eropah yang kita sebutkan di sini semuanya supaya mereka itu tahu yang orang-orang Islam bukannya bodoh bagaimana yang disangka oleh mereka itu, sungguhnya sangat terang bahawa Mejar

jalin tidak ada baginya suatu tarikan untuk mazhab yang tertentu tetapi apa-apa yang dikatakannya ialah dengan halus selidik pada *tārīkh* dan kemajuan Islam. Maka perkataan Mejar bagaimana yang kita lihat benar dan lurus menunjukkan kebenciannya kepada orang masihi yang sangat taksub kepada agamanya. Maka kita boleh berkata di sana sedikit benar mereka yang bercakap benar dan lurus serta berani mengaku akan kebenaran atau kesalahan. Sungguhnya kita memberi tahniah yang penuh kepada Mejar yang dihormati itu oleh keberaniannya yang benar itu.

Sungguhnya perkara ini bukan yang diajaibkan pada pandangan musuh-musuh Islam dengan masa yang singkat telah dapat naik ke tempat yang baik dan kemuncak yang tinggi sekali tetapi kita lihat tidak ada suatu keterangan yang cukup bagi memuaskan hati mereka itu. Maka dari sebab yang demikian kita dapati wajib bagi kita menerangkan atau menghadapkan suatu keterangan yang boleh memuaskan hati mereka itu dengan syarahan yang terang supaya mereka itu faham akan hakikat agama Islam dan syariatnya.

Maka di sini wajiblah diperhatikan dengan perhatian yang halus bahawa agama Islam itu bukanlah suatu agama yang baharu diadakan tetapi ia suatu agama yang ada wujudnya dari semenjak dijadikan alam, maka adalah Rasul-rasul yang dahulu seperti Adam, Isā, Mūsā, Nūh, semuanya beragama Islam belaka, adapun pelajarannya ialah pelajaran Islam, sungguhnya Nabi Muḥammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* tidak membawa suatu risalah yang baharu bahkan ia mengembalikan agama Islam yang telah hilang cemerlang kesuciannya dan kebbaikannya dan membetulkan apa-apa

برياكي ۲ فلاجران دان علم حكمة سفاي اورغ اسلام منورة فرائوران دان فلاجرانن، دغن سبب ايت سرىكيت مفرعي بگمان عمانل اتو فربواتن يفاي مستي فربوابة دان جالنتكن .

اورغ ۲ اسلام سموان براعتقاد بهواسن فرائوران ايت جاوه درفد سكل كسلاهن كرانن تله غنق تنداد كينارنن كران سوده جوجان سلام 13 قرون تيدق ددافانتي ۲ فون كسلاهن اتو نوكران درفد اصلن هفك ماس اين هفك ككل سلملان هفك هاري قيامة سبگيان يقداوا اوله نبي محمد صلى الله عليه وسلم .

ادفون كككلان قرآن دالم ماس يغ فنجم دغن كينارنن تله منمبهك سوات كقوانن يقهارو كغد انداغ ۲ اسلام كران اي منمبهك فرائعي ۲ مانسي دان اي منجاديسكن تيف ۲ اورغيغ ميشيكونن مفرجارتن كواچينن . مك فراصات ادبي يغ منجاديسكن سئورغ مفيكوة جاني يقينر ديبلنن ددالم اكمام سنفيكي ۲ فندوان باكي كليا، اكمام اسلام ميوره دغن قوابة كغد ثقيكوة ۲ سفاي تيدق مفربوابة سوات فربواتن ملينكن فربواتن يقبايك لاكي هالوس سكليفون سوسه اتو مندافة كفتانن كران اخلاص فد فيسوران دان فربواتن ايت داعتباركن اوله اسلام سوات جالن يغ مستحق باكي كسلامن دان كسناغن . ادفون كواچينن يغ ميوره دغن اخلاص دان بز منداتسكن سوات تأثير فرائعي دان تنف فد هاتي دغن اعتقاد يغ نكوه كغد توهن يغ توغكل يغ منجاديسكن سئورغ اسلام ايت چنقوه اتو چرمين باكي اورغيغ سمفرن فراهينن .

يشاله دفربوابة اوله مانسي كدين درفد وفاة نبي موسى دان عيسى .

مك اكمام اسلام ايت بوكنن سوات اكمام يقهارو بهمكن سوات اكمام يقداوتس كغد نبي الله ادم . مك يناله فد عقل بهوا اكمام يغ سمرت اين تله دباوا اوله رسول ۲ برتورة ۲ فد ماس يقينر نوكر (تاريخ) . اكمام يغ معاير اكن حقيقه يقينر دان قاعده ۲ يغ سمفرن سرت فرائعي يقبايك . اي تله ممنتغ دان مترعكن شريعة دان فرائورانن دسرات عالم سفاي دكونا كندوي اوله مانسي سموان (بوكنن كران سوات فواني سهاج) كران اي يرتولن دغن طبيعة كجادين مانسي ، سويي درفد دجمفوري اوله ناشن مانسي بهمكن فرائوران يقفسوة ددالم قرآن يقمليا ايت سموان داتق درفد توهن .

دسفين سوك كيت ميهوتكن فيكون « ادموند يورك » سئورغ نشرح داتن اهل سياصة يقسا اعكرس يغ فندي كدان: اتوران اتو انداغ ۲ (محمدان لو) ايت ايله انداغ ۲ باكي سموا مانسي يابت درفد سبسر ۲ راج هفك كغد سهيننا ۲ رعيتن مك يابت انداغ ۲ دفربوابة دغن مهالوس ۲ فرائوران داتن تيجباغن يغ مقسام دان سبسر ۲ شريعة يقبرجهيا . بلوم ددافانتي سمرتون ددالم علم اين .

سغكهن فوجين توان يورك اداله سبسر ۲ اكوانن س كوجينن دان كا بلوقكنن اكمام اسلام . قرآن يقمليا ايت دتورنكنن دالم بهاس عرب يغ مهالوس ۲ فصيح ددالم عالم اين يغ مقندوعي بريايي ۲ جنس علم دان جوا ملتكنن اتوران فركقولن دان فتراغن دان مقندوعي بهاس يغ هالوس دان فرائعي يقبايك دان جوگك تركندوغ ددالمن



yang salah diperbuat oleh manusia kemudian daripada wafat

Nabi Mūsā dan 'Isā.

Maka agama Islam itu bukannya suatu agama yang baharu bahkan suatu agama yang diutus kepada Nabi Allah Adam maka nyatalah pada akal bahawa agama yang seperti ini telah dibawa oleh Rasul-rasul berturut-turut pada masa yang bertukar (*tārīkh*). Agama yang mengajar akan hakikat yang benar dan kaedah-kaedah yang sempurna serta perangai-perangai yang baik. Ia telah membentang dan menerangkan syariat dan peraturannya di serata alam supaya digunakan dia oleh manusia semuanya (bukannya kerana suatu puak sahaja) kerana ia berbetulan dengan tabiat kejadian manusia, sunyi daripada dicampuri oleh tangan manusia bahkan peraturan yang tersebut di dalam Qur'an yang mulia itu semuanya datang daripada Tuhan.

Di sini suka kita menyebutkan fikiran (Edmund York) seorang pensyarah dan ahli siasah bangsa Inggeris yang pandai katanya: Aturan atau undang-undang (Muhammadan Law) itu ialah undang-undang bagi semua manusia iaitu daripada sebesar-besar raja hingga kepada sehina-hina rakyatnya maka iaitu undang-undang diperbuat dengan sehalus-halus peraturan dan timbangan yang saksama dan sebesar-besar syariat yang bercahaya. Belum didapati sepertinya di dalam alam ini.

Sungguhnya pujian Tuan York adalah sebesar-besarakuan atas kesucian dan keelokan agama Islam. Qur'an yang mulia itu diturunkan dalam bahasa Arab yang sehabis-habis fasih di dalam alam ini yang mengandungi berbagai-bagai jenis ilmu dan jua meletakkan aturan perkumpulan dan peperangan dan mengandungi bahasa yang halus dan perangai yang baik dan juga terkandung di dalamnya

berbagai-bagai pelajaran dan ilmu hikmat supaya orang Islam menurut peraturan dan pelajarannya, dengan sebab itu mereka itu mengerti bagaimana amalan atau perbuatan yang ia mesti perbuat dan jalankan.

Orang-orang Islam semuanya beriktikad bahawasanya Qur'an itu jauh daripada segala kesalahan kerana telah nampak tanda-tanda kebenarannya kerana sudah berjalan selama 13 kurun tidak didapati apa-apa pun kesalahan atau tukaran daripada asalnya hingga masa ini hingga kekal selamanya hingga hari kiamat sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*.

Adapun kekekalan Qur'an dalam masa yang panjang dengan kebenarannya telah menambahkan suatu kekuatan yang baharu kepada undang-undang Islam kerana ia meninggikan perangai-perangai manusia dan ia menjadikan tiap-tiap orang yang mengikutnya mengerjakan kewajibannya. Maka perasaan *adabi* yang menjadikan seorang mengikut jalan yang benar dibilangkan di dalam agama setinggi-tinggi panduan bagi kemuliaan, agama Islam menyuruh dengan kuat kepada pengikut-pengikutnya supaya tidak memperbuat suatu perbuatan melainkan perbuatan yang baik lagi halus sekalipun susah atau mendapat kepanatan kerana ikhlas pada fikiran dan perbuatan itu diiktibarkan oleh Islam suatu jalan yang mustahak bagi keselamatan dan kesenangan. Adapun kewajipan yang menyuruh dengan ikhlas dan benar mendatangkan suatu *ta'hir* perangai dan tetap pada hati dengan iktikad yang teguh kepada Tuhan yang tunggal yang menjadikan seorang Islam itu contoh atau cerminan bagi orang yang sempurna perhatiannya.

تاريخ اسلام

(سمبوغن بيلانغن 6 تاهن يفترينام)

(تاهن يشكليم درفد منجادي رسول دان
كديبن) برفنده صحابه نبي كنگري حشه :-
دادم تاهن يشكليم درفد منجادي رسول مك
دتيتمكن اوله بكنندا برفان صحابتن برفنده كنگري
حشه كران دسا كيتي اوله قومن كران تيدق سهاج
مدائي كفتد رسول سئورخ تنافي تله ملمغوي
كفتد صحابه 23 كران مريكتيت شيكوة رسول
الله تراواتم اورغيتي تباد بوقوم فراق بيقوله مقال،
منواغي ائو منولكن تيفرداي سترون، بقد مسكين
برفندهله برفان اورغ كران مابوا دبيري دغن
اگمان دان اينله اول 2 برفنده درفد نكري مكه
بايت 10 اورغ لاكي 2، 5 فرمفوان، كدين
درفد 3 بولن مك باليق ممولاً مريكتيت فد
ديواس ماسق اسلام سيدنا حمزه ابه سودارا رسول
الله دان سيدنا عمر بن الخطاب رضي الله عنهما دان
جاديله اورغ اسلام فد ماس ايت له كورغ 40
اورغ لاكي 2، 11 اورغ فرمفوان.

ماسق كشمب :-

فد تاهن يشكفتوجه مك ماسقله نبي كيت صلى
الله عليه وسلم كسوات تمفة يفترينام «شعب» بوسام 2
دغن ابه سوداران ابو طالب، بني هاشم دان بني
المطلب سام اد بيق اسلام ائو بيق كفرن لايين درفد
آبي لمب دان فد ماس ايتوله بواغ 2 قوم قريش
هندق سمبونه اكندي كران دلبيه اوله مريكتيت
سما 2 بون بومجه 24 سردانن دان اگام اسلام فون تله

ترسيار دان بركباغن دانانارا سكل قبيله 2، تفكل
دكتهوي اوله قوم قريش نبي كيت فرني كشمب
مك بومفونله اي فد ملادن رسول الله دان تيدق
مريكتيت ماهو بردامي سكالتي 2 دان ممولوكن
سكل فاسران ملبنكن اورغيتي هندق بيرهكن
نبي محمد سفاي ديونه مك دغن سبب ايت
مريكتيت منوليس سوات سورة بيق مقندوعتي
شرط بيق سفيية فد تيف 2 سوات دانس اورغ سبله
نبي دان دكننتوكن سورة ايت دالم كهبه

برفنده كشمب يشكدوا :-

كدين درفد نبي كيت برفنده كشمب مك
دتيتمكنن سكلين صحابتن برفنده كنگري حشه
بايت 83 اورغ لاكي 2، 18 اورغ فرمفوان دان
بوسام 2 اورغ بيق يشقله اسلام بايت قوم الاشعري
دان قوم ابو موس اقبيل دلبيه اوله قوم قريش
بايق صحابه 2 برفنده كنگري حشه مك ايفون
مقوتسكن عمرو بن العاص دان عبدالله بن آبي
ربيعه كفتد النجاشي راج حشه دغن مابوا برفان
بيشكيس دان موهن اوله مريكتيت سفاي
مقالوكن صحابه 2 نبي اكنتمقافي فرموهن ايت
دبولق اوله النجاشي صرت مقبالوكن كدوا 2
اوئوسن ايت 2 كدين درفد ايت اسلامه النجاشي
بوسام 2 دغن برفان اورغ كفتوا دان
فدري 2 نصراني بايت فد تاهن يشكفتوجه درفد
هجره دغن سبب اي مندغر صوره مريم كران
دقورنكن اوله الله آمالي فد حق مريكتيت بايت:





Tārikh Islam



(Sambungan bilangan 6 tahun yang pertama)

(Tahun yang kelima daripada menjadi Rasul dan kemudiannya berpindah sahabat Nabi ke negeri Habshah: -

Di dalam tahun yang kelima daripada menjadi Rasul maka dititahkan oleh Baginda beberapa sahabatnya berpindah ke negeri Habshah kerana disakiti oleh kaumnya kerana tidak sahaja memadai kepada Rasul seorang tetapi telah melampaui kepada sahabat-sahabatnya kerana mereka itu mengikut Rasul Allah terutama orang yang tiada berkaum puak yang boleh mengawal, menaungi atau menolakan tipu daya seterusnya, yang demikian berpindahlah beberapa orang kerana membawa diri dengan agamanya dan inilah awal-awal berpindah daripada negeri Makkah iaitu 10 orang laki-laki, 5 perempuan, kemudian daripada 3 bulan maka balik semula mereka itu pada dewasa masuk Islam Saiyidina Hamzah ayah saudara Rasul Allah dan Saiyidina Umar ibn al-Khaṭṭāb *radīya Allahu 'anhumā* dan jadilah orang Islam pada masa itu lebih kurang 40 orang laki-laki, 11 orang perempuan.

Masuk ke Sha'ab: -

Pada tahun yang ketujuh maka masuklah Nabi kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ke suatu tempat yang bernama ((Sha'ab)) bersama-sama dengan ayah saudaranya Abū Tālib, Banī Hāshim dan Banī al-Muṭalib sama ada yang Islam atau yang kafirnya lain daripada Abī Lahab dan pada masa itulah berangan-angan kaum Quraysh hendak membunuh akan dia kerana dilihat oleh mereka itu semakin bertambah-tambah seruannya dan agama Islam pun telah

tersiar dan berkembang di antara segala kabilah-kabilah, tinggal diketahui oleh kaum Quraysh Nabi kita pergi ke Sha'ab maka berhimpunlah ia pada melawan Rasulullah dan tidak mereka itu mahu berdamai sekali-kali dan memulaukan segala pasar-pasarnya melainkan orang yang hendak menyerahkan Nabi Muḥammad supaya dibunuh maka dengan sebab itu mereka itu menulis suatu surat yang mengandungi syarat yang sempit pada tiap-tiap suatu di atas orang sebelah Nabi dan digantungkan surat itu di dalam Kaabah. Berpindah ke Habshah yang kedua: -

Kemudian daripada Nabi kita berpindah ke Sha'ab maka dititahkannya sekalian sahabatnya berpindah ke negeri Habshah iaitu 83 orang laki-laki, 18 orang perempuan dan bersama-sama orang Yaman yang telah Islam iaitu kaum al-Ash'arī dan kaum Abū Mūsā apabila dilihat oleh kaum Quraysh banyak sahabat-sahabat berpindah ke negeri Habshah maka ia pun mengutuskan Amrū bin al-'Ās dan Abdullah bin Abī Rabī'ah kepada al-Najāshī Raja Habshah dengan membawa beberapa bingkis dan memohon oleh mereka itu supaya menghalaukan sahabat-sahabat Nabi akan tetapi permohonan itu ditolak oleh al-Najāshī serta menghalaukan kedua-dua utusan itu. Kemudian daripada itu Islamlah al-Najāshī bersama-sama dengan beberapa orang ketua dan paderi-paderi Nasrani iaitu pada tahun yang ketujuh daripada hijrah dengan sebab ia mendengar surah Maryam kerana diturunkan oleh Allah Ta'ālā pada hak mereka itu iaitu:

كشكنا سیدتا خدیجه دان آبی طالب =
 دالم تاهن یشکسوله ابن مشکة سیدتنا
 خدیجة فادک استوی یهد کاسه یی اوله جنجوشن
 کیت صلی الله علیه وسلم . مکدین درفند دوا بولن
 وفاة قول فادک ایه سوداران ابو طالب تسکل اصیان
 86 تاهن . دان ابله منولککن سترو یغ هندق
 میا کبئی دان مینسا کن رسول الله تنافی ای تیدق
 مشوحف دوا کلیمه شهادة هکک اخر حیانتن کران
 ناکوة دفرهنا کن اوله قومن تنافی تسکل ای
 همفیر دفاة مک دهغو نیکن یراف اورغ ۲ بسر دان
 اورغ ۲ یهد حرماقی درفند قوم قریش مک ایفون
 برقتاروه کن نبی صلی الله علیه وسلم سقای سربکیت
 برهواة کبجیکت دان منولغ نبی ۶ ستغه درفند
 فسانن « سان تله دانتم کفد کامو سوات فرکارا
 یهد بتر کن اوله سکل هاتی دان دانکر کن اوله
 سکل لیده کران ناکوتکن کمارهن » مکدین
 درفند وفاة ابو طالب مک دفرهواة اوله قوم قریش
 اف یقتیاد بوله دفرهواة دالم ماس اد حیاة ابو طالب
 بأبت ساعده له سربکیت میا کبئی رسول الله
 جورت دغن دگیل .

بوفنده نبی کطائف :-

افیل دلیمه اوله رسول الله اکن حال یهد مکین
 مک بوفنده له ای کانگری طائف . دان دسیتو بی
 تقیف منت سقای سربکیت مبتوا کندی هکک
 ستمرن فرنگه توهن کانتن . دان برسام ۲ دغندی
 زید بن حارثه دان دیمه بکندا دطائف سلام
 ساتو بولن بیرو کفد منتوحید کن الله . اکتنا فی
 تیدقله دفرکنکن اوله اورغ ۲ طائف دان
 دسورهن قول اورغ ۲ بورد دان مهابان ماکي
 (* مبعوثن فد کاکي موك 208 *)

«لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ مَوَدَّةً لِلَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ
 قَالُوا إِنَّا نَصْرُكَ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا فَمَا
 وَرَّاهُمُ لَأَيُّكُمْ كِبْرٌ» دغن یهد مکین مک
 کتوا ۲ اگام نصرانی ایت تیاد هندق مبعوثن
 (تکبر) مکدین درفند ایت ماتی النجاشی دالم
 اگام اسلام دان دسببشکن غایب اوله رسول الله
 دغن سبب دفرهناوه اوله جبریل اکن کشفکنان
 ایت ۶ اینله مولا ۲ مبعوثن موت یغ غایب بگیان
 ترسوة دالم صحیح البخاری .

مینسا کن سورة فرجنجین :-

فد تاهن یشکسوله مک فرگیله یراف اورغ
 قوم قریش مینسا کن سورة فرجنجین ممولو کن نبی
 کیت دغن سبب ایت بهاروله ای کلوار برسام ۴ دغن
 اورغ ۲ن آیات مکدین درفند دیم دشعب همفیر ۲
 3 تاهن دالم کسوساهن دان کلافران دان تیدق
 ستمی سوات فون فرخبران ملینکن دالم سولیه
 هکک سربکیت ماکن داو ۲ کاو ۶ لیه دهولو
 درفند ایت رسول الله جوخر مفاکن سورة
 صحیفه ایت تله دماکن اوله انی ۲ ملینکن نام الله
 تعالی یهد دالم سورة ایت سهاج یقتیاد دما کنن .
 تسکل داورنکن اوله سربکیت سورة فرجنجین
 کران هندق مبعوثن کندی ددافاتی بتول بگیان
 یهد سیدا کن اوله صلی الله علیه وسلم . مک دغن
 سبب ایت برقبه ۲ انبای دان مبعوثن قوم قریش
 ایت ۲ فد تاهن اینله جوا تله دانتم سوات اوتسن
 یهد نصرانی « نجران » ماسق اسلام .



(Latajidanna ashadda al-nāsi mawaddatan lilladhīna āmanū al-ladhīna

qālū innā naṣārā dhālika bi anna minhum qisṣāsīna wa ruhbānān

wa innahum lā yastakbirūn)) dengan yang demikian maka

ketua-ketua agama Nasrani itu tiada hendak menyombong

(takabbur) kemudian daripada itu mati al-Najāshī di dalam

agama Islam dan disembahyangkan ghaib oleh Rasulullah

dengan sebab diberitahu oleh Jibril akan kemangkatannya

itu, inilah mula-mula sembahyang mayat yang ghaib bagaimana

tersebut di dalam Sahih al-Bukhari.

Membinasakan surat perjanjian: -

Pada tahun yang kesepuluh maka pergilah beberapa orang

kaum Quraysh membinasakan surat perjanjian memulaukan Nabi

kita dengan sebab itu baharulah ia keluar bersama-sama dengan

orang-orangnya iaitu kemudian daripada diam di Sha'ab hampir-hampir

3 tahun di dalam kesusahan dan kelaparan dan tidak

sampai suatu pun perkhabaran melainkan di dalam sulit

hingga mereka itu memakan daun-daun kayu, lebih dahulu

daripada itu Rasulullah berkhabar mengatakan surat

Ṣahīfah itu telah dimakan oleh anai-anai melainkan nama Allah

Ta'ālā yang di dalam surat itu sahaja yang tiada dimakannya.

Tatkala diturunkan oleh mereka itu surat perjanjian

kerana hendak menyulitkan dia didapati betul bagaimana

yang disabdakan oleh *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Maka dengan

sebab itu bertambah-tambahlah aniaya dan sombong kaum Quraysh

itu. Pada tahun inilah jua telah datang suatu utusan

bangsa Nasrani ((Najrān)) masuk Islam.

Kemangkatan Saiyidatina Khadijah dan Abi Tālib: -

Di dalam tahun yang kesepuluh ini mangkat Saiyidatina

Khadijah paduka isteri yang dikasihi oleh junjungan

kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Kemudian daripada dua bulan

wafat pula paduka ayah saudaranya Abū Tālib tatkala usianya

86 tahun. Dan ialah menolakkan seteru yang hendak

menyakiti dan membinasakan Rasulullah tetapi ia tidak

mengucap dua kalimah syahadah hingga akhir hayatnya kerana

takut diperhinkan oleh kaumnya tetapi tatkala ia

hampir wafat maka dihimpunkannya beberapa orang-orang besar dan

orang-orang yang dihormati daripada kaum Quraysh maka iapun

berpetaruhkan Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* supaya mereka itu

berbuat kebajikan dan menolong Nabi, setengah daripada

pesanannya ((sanya telah datang kepada kamu suatu perkara

yang dibenarkan oleh segala hati dan diingkarkan oleh

segala lidah kerana takutkan kemarahan)) kemudian

daripada wafat Abū Tālib maka diperbuat oleh kaum Quraysh

apa yang tiada boleh diperbuat dalam masa ada hayat Abū Tālib

iaitu sangat-sangatlah mereka itu menyakiti Rasulullah

berserta dengan degilnya.

Berpindah ke Ṭā'if: -

Apabila dilihat oleh Rasulullah akan hal yang demikian

maka berpindahlah ia ke negeri Ṭā'if. Dan di situ Nabi

thaqīf meminta supaya mereka itu membantu akan dia hingga

sempurna perintah Tuhan ke atasnya. Dan bersama-sama dengan dia

Zayd bin Hārithah dan diamlah Baginda di Ṭā'if selama

satu bulan menyeru kepada mentauhidkan Allah. Akan tetapi

tidaklah diperkenankan oleh orang-orang Ṭā'if dan

disuruhnya pula orang-orang bodoh dan hamba-hambanya memaki

(*sambungannya pada kaki muka 208*)

بھاس ملايو

رغك كتاب «ليده ملايو» كاراغن الجوهرى دسيار كن باكي فابده قباچ ۲
بجمله فرايدران تنافي تباد تربوك باكي فربحائن ملينكن سكل
تكوران يغ مينا، بوله منوليس تروس كند نقارعن
كبروف فحابة فلاجران جهر

(سمبوغن بيلاغن 6 تاهن يفتوتام)

❀ فصل يفسكدوا فوله امفة ❀

تقديرن عبدالله بايت داتوه . ادفون فابده
دبواشكن حرف اشارة گنتينام ايت - يفسكك جاديله
عبدالله ايت بوسندر كغد گلاران ايله كران
ميمتسكن كات . دان جيگ ددهولو كني گلاران
درد نام يغ مغبوايي گلاران ايت مك ايله يفتوبله
قيته سفرت دكات «داتوه عبدالله» ، «سلطان
ابراهيم» دان مباكون .

دمكيدله يقددغر درفد فرتوتراڻ اورغ ۲
ملايو دان جك هندق مغبواتكن لاخي هندقله

مك اداله نام گلارارن ايت ايله سوات نام
يقدسندر كن كغدان نام سبورغ يفتوحق مندافه
گلارارن ايت اكنتنافي يفسبرن گلاران ايت
منتسكن نام سبورغ يفتوتتو يفتوله دبواشكن
حروف گنتينام يغ فترسكن ليه دهولو درفد
گلارارن ايت سفرت دكات «عبدالله داتوه»

(* سمبوغن دري موك 207 *)

ايت جوا . ادفون معراج ايت مك نايك نبي كيت
هفك كعالم يغ تفكي دان دسناله درفزون كن
اوله الله سمبهيغ ليم وقتو . دان اسراء ايت ايله دغن
روح دان جسدن يعلما . تنافي ددستا كن اوله
اورغيغ سيغسكة فيكرانن . ادفون معراج ايت
مك تله بونلغسكاهن جوا: سته . مفاكن دشن
جسد دان روحن دانك ستهون مفاكن دغن روح
سهاج . ارتين ملبه دالم مغي يفتو . مك فرهمونن
دردف صحابه مفاكن دغن جسد دان روحن ، دان
يغ مفاكن دشن روح سهاج سيدتاقائشه ،
سيدنا حسن ، سيدنا معاويه دان لاين ۲ . شهيدان
كيران دغن روح (دغن مغي) سهاج مك تبدقله
دبنته اوله اورغ ۲ مشر كين ادان .

دان مليمفر كنيغ نبي صلى الله عليه وسلم دغن انق ۲
بانو هفك بولوس كاسونن دغن داره يعلما ايت
دان زيد چو كف مغاول درين تنافي يراف بايق
جوا لوك دكفان . اقبيل تباد جاي چيخانن كغد
سريكيت مك كباليله اهي ككه دان ديمله اي
بورجيران دغن . مطم بن عدي .
اسراء دان معراجن :-

فد تاهن يفسكسلس نبي كيت فون دمليا كن
اوله الله دغن اسراء دان معراج . ادفون اسراء ايت
ايله بوجان مالم دري مسجد الحرام (مكه)
مسجد الافى دبيت المقدس دان كبالين فدم مالم



Bahasa Melayu



Rangka kitab ((Lidah Melayu)) karangan al-Jawhari disiarkan bagi faedah pembaca-pembaca

Majalah Peredaran tetapi tiada terbuka bagi perbahasan melainkan segala

teguran yang membina boleh menulis terus kepada pengarangnya

Group Pejabat Pelajaran Johor.



(Sambungan bilangan 6 tahun yang pertama)

 Fasal yang kedua puluh empat 

Maka adalah nama gelaran itu ialah suatu nama

yang disandarkan kepadanya nama seorang yang terhak mendapat

gelaran itu akan tetapi yang sebenarnya gelaran itu

menetapkan nama seorang yang tertentu yang telah dibuangkan

huruf ganti nama yang menerangkan lebih dahulu daripada

gelaran itu seperti dikata ((Abdullah Datuk))

takdirnya Abdullah iaitu Datuk. Adapun faedah

dibuangkan huruf isyarat ganti nama itu sehingga jadilah

Abdullah itu bersandar kepada gelaran ialah kerana

memetakan kata. Dan jika didahulukan gelaran

daripada nama yang mempunyai gelaran itu maka ialah yang terlebih

petah seperti dikata ((Datuk Abdullah)), ((Sultan

Ibrahim)) dan sebagainya.

Demikianlah yang didengar daripada pertuturan orang-orang

Melayu dan jika hendak menguatkan lagi hendaklah

(*Sambungan dari muka 207*)

dan melempar keting nabi *shallā Allāhu alayhi wa sallam* dengan anak-anak

batu hingga berlumur kasutnya dengan darah yang mulia itu

dan Zayd cukup mengawal dirinya tetapi beberapa banyak

jua luka di kepalanya. Apabila tiada jadi cita-cita Nabi kepada

mereka itu maka kembalilah ia ke Makkah dan diamlah ia

berjiran dengan Maṭ'am bin 'Adī.

Israk dan Mikrajnya: -

Pada tahun yang kesebelas Nabi kita pun dimulihkan

oleh Allah dengan Israk dan Mikraj. Adapun Israk itu

ialah berjalan malam dari Masjid al-Haram (Makkah)

ke Masjid al-Aqsa di Bayt al-Maqdis dan kembalinya pada malam

itu jua. Adapun Mikraj itu maka naik Nabi kita

hingga ke alam yang tinggi dan di sanalah difardukan

oleh Allah sembahyang lima waktu. Dan Israk itu ialah dengan

roh dan jasadnya yang mulia. Tetapi didustakan oleh

orang yang singkat fikirannya. Adapun Mikraj itu

maka telah bertelingkahan jua: Setengah mengatakan dengan

jasad dan rohnyanya dan setengahnya mengatakan dengan roh

sahaja. Ertinya melihat dalam mimpi yang benar. Maka perhimpunan

daripada sahabat mengatakan dengan jasad dan rohnyanya, dan

yang mengatakan dengan roh sahaja Saiyidatina Ā'ishah,

Saiyidina Hasan, Saiyidina Mu'āwiyah dan lain-lain. Shahadan

kiranya dengan roh (dengan mimpi) sahaja maka tidaklah

dibantah oleh orang-orang musyrikin adanya.

ماس يفتله لالواو قرينه باكي يقدمكن اينت . مك
علامتن دغن حروف اينت سفرت دكات « احمد تله
بلاجر » دان سباگين . دان دغن قرينه يفتله لالو
اينت سفرت « احمد سالم بلاجر » دان سباگين .
مك هورابن :-

1 . احمد - فرمولان كات .

2 . سالم - ماس يفتله لالو .

3 . بلاجر - فروانن سوده قرينن سالم ،
بغ ملاكو كن فروانن اينت كنينام احمد
تقديرن « اي » .

جمله فروانن دان بغ ملاكو كنين جادي ورت
كات باكي احمد ، بنديفتكله دغن لاي 2 لاكي .

(فصل يشكدوا)

==* فروانن يفا كنداغ *

مك اداله فروانن يفا كنداغ اينت ايله تيف 2
فروانن يغالوم دلاكو كن فد ماس هوكات 2 اينت
مك يايت اد كالان دظاهر كن حروف بغ
مننجر فكن اتو فون دغن قرينه باكي يقدمكن
اينت سهاج سفرت دكات « محمد اكن مفر بواة
فكر جان اينت » مك هورابن :-

1 . محمد - فرمولان كات .

2 . اكن - حرف بغ مننجر فكن ماس
ا كنداغ .

3 . مفر بواة - فروانن يفا كنداغ .

4 . فكر جان - يقد فروانن يفتله ديواشكن
علامتن يايت اكن ، بغ ملاكو كن
فروانن اينت كنينام بغ كيبالي كئد محمد .

5 . اينت - حروف اشاره ، يقد اشارتكن
فكر جان .

ددهولوكن صفة درفد گلارائن اينت سفرت دكات
« يقر حرمة داتوء عبدالله » ، يشماملما سلطان
ابراهيم » دان سباگين . مك هورابن :-

1 . يشماملما دان يقر حرمة - اينت صفة
يقددهولوكن درفد نام گلاران .

2 . سلطان دان داتوء - اينت نام گلاران
يقددهولوكن درفد نام .

3 . عبدالله دان ابراهيم - نام بغ مفر بياي
گلاران دان صفة يقر حرمت باگين
يقد كدينكن دان سباگين .

(بهاگين يشكدوا)

==* فد يفا كن فروانن *

مك اداله فروانن ددام هاس ملا بو ايت ايله
سوات فرو تران يفتياد مننجر فكن سوات حال
بغ تفت مليتكن اقبيل بوسرت اي دغن ماس
كران يايت ساتو بهاگين درفد نام سام اد دظاهر كن
حروف 2 بغ مننجر فكن فروانن اينت اتو تيدق
مك يايت ترسيمفن كفا امقه بهاگين .

1 . فروانن سوده « تله موكل » دان سباگين .

2 . فروانن يفا كنداغ « اكن موكل »
دان سباگين .

3 . فروانن سدغ « نغه اتو سدغ موكل »
دان سباگين .

4 . فروانن سوره « فوكل اولهسو »
دان سباگين .

(فصل يفر نام)

==* فروانن سوده *

مك اداله فروانن سوده اتو فروانن يفتله لالوايت
ايله تيف 2 فروانن يفتله بلاكو اتو تله دلاكو كن .
مك علامتن اينت اد كالان دغن حروف بغ مننجر فكن

Didahulukan sifat daripada gelarannya itu seperti dikata ((Yang Berhormat Datuk Abdullah)), Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim)) dan sebagainya. Maka huraianya: -

1. Yang Maha Mulia dan Yang Berhormat – itu sifat yang didahulukan daripada nama gelaran.
2. Sultan dan Datuk – itu nama gelaran yang didahulukan daripada namanya.
3. Abdullah dan Ibrahim – nama yang mempunyai gelaran dan sifat yang terhak baginya yang dikemudiankan dan sebagainya.

(Bahagian yang kedua)

☞ Pada menyatakan perbuatan ☜

Maka adalah perbuatan di dalam bahasa Melayu itu ialah suatu pertuturan yang tiada menunjukkan suatu hal yang tetap melainkan apabila berserta ia dengan masa kerana iaitu satu bahagian daripadanya sama ada dizahirkan huruf-huruf yang menunjukkan perbuatan itu atau tidak maka iaitu tersimpan kepada kepada empat bahagian.

1. Perbuatan sudah ((telah memukul)) dan sebagainya.
2. Perbuatan yang akan datang ((akan memukul)) dan sebagainya.
3. Perbuatan sedang ((tengah atau sedang memukul)) dan sebagainya.
4. Perbuatan suruh ((pukul olehmu)) dan sebagainya.

(Fasal yang pertama)

☞ Perbuatan sudah ☜

Maka adalah perbuatan sudah atau perbuatan yang telah lalu itu ialah tiap-tiap perbuatan yang telah berlaku atau telah dilakukan. Maka alamatnya itu ada kalanya dengan huruf yang menunjukkan

masa yang telah lalu atau *qarīnah* bagi yang demikian itu. Maka alamatnya dengan huruf itu seperti dikata ((Ahmad telah belajar)) dan sebagainya. Dan dengan *qarīnah* yang telah lalu itu seperti ((Ahmad semalam belajar)) dan sebagainya. Maka huraianya: -

1. Ahmad – permulaan kata.
2. Semalam – masa yang telah lalu.
3. Belajar – perbuatan sudah *qarīnah*-nya semalam, yang melakukan perbuatan itu ganti nama Ahmad takdirnya ((ia)).

Jumlah perbuatan dan yang melakukannya jadi warta bagi Ahmad, bandingkanlah dengan lain-lain lagi.

(Fasal yang kedua)

☞ Perbuatan yang akan datang ☜

Maka adalah perbuatan yang akan datang itu ialah tiap-tiap perbuatan yang belum dilakukan pada masa berkata-kata itu maka iaitu ada kalanya dizahirkan huruf yang menjarakkan ataupun dengan *qarīnah* bagi yang demikian itu sahaja seperti dikata ((Muhammad akan memperbuat pekerjaan itu)) maka huraianya: -

1. Muhammad – permulaan kata.
2. Akan – huruf yang menunjukkan masa akan datang.
3. Memperbuat – perbuatan yang akan datang.
4. Pekerjaan – yang diperbuat yang telah dibuangkan alamatnya iaitu akan, yang melakukan perbuatan itu ganti nama yang kembali kepada Muhammad.
5. Itu – huruf isyarat, yang diisyaratkan pekerjaan.

اتو دغن قربنه بائي يهدمسين ايت سهاج . مك
 يهدظاهر كن ايت سفرت دكات « احمد سدغ
 منوليس » ، « محمد سدغ سهاج » دان دغن قربنه
 ايت سفرت دكات فد جواب سوا ل : « اف كرج
 احمد ؟ » « اي سهاج » ، « اي ماكن » اتو
 « اي منوليس » دان سباگين .

(فصل يهكامة)

== ﴿ فراوانن سوره ﴾ ==

مك اداله فراوانن سوره اتو فرنته ايت ترنتقواي
 فد ماس يشا كندا تم سهاج يايت سلاو دهبوشكن
 دغن گنتينام يهدسوره ايت جيك يهدسوره ايت
 تباد حاضر سفرت دكات « فراوة اولمو » دان
 سباگين . دان جيك يهدسوره ايت حاضر مك
 دبواعكن گنتينام ايت دگنتيسكن دغن حروف
 فننهف كات سوره يايت « له » سفرت دكات
 فراواتله ، ماكنله ، دودقهله ، مينومله ، دان سباگين .

مك فراوانن سوره ايت ترها تي اي كهد
 دواهاگين :-

يهدترنام سوره فراوة يشكروا سوره منشككن
 (نكه) سفرت دكات « جاغن كامو بواة فكريان
 اين » دان سباگين . هوراينن :-

- 1 . جاغن - حروف نكه .
- 2 . كامو - گنتينام يهدربو يهد دغن فراوانن
 نكه (فراوة) .
- 3 . فكريان - يشكنا فراوة .
- 4 . اين - حروف اشاره ، يهدتندجوقن
 فكريان .


مك جمله فراوانن دان يهد ملاكو كن فراوانن
 ايت جادي ورت كات بائي محمد مك دغن قربنه
 ايت سفرت دكات « فدا تاهن هدا فن محمد سفرواة
 فكريان ايت » اتو « منكل كامو فراوة
 فكريان ايت مك ترهقهله كامو يراوله كچيان » .
 مك هوراينن :-

- 1 . فد - حرف يهد مننجوقكن ماس .
- 2 . تاهن - نام ماس .
- 3 . هدا فن - صيفه باكي تاهن يهدتله دبواعكن
 حروف يهد مننجوقكن يايت جادي
 ورت كات يهددهولو كن ، محمد فرمولان
 كات يهد كدبنكن .
- 4 . مفرىوة - فراوانن يشا كندا تم يهدتله
 دبواعكن حروف يهد مننجوقكن اوله قربينه .
 تاهن - يهد ملاكو كن فراوانن ايت
 كنتينام يهد كبالي كهد محمد تقديرن « اي »
- 5 . فكريان - يشكنا فراوة يهد دبواعكن
 علامتن يايت « اكن » كران تباد
 مندانشكن كسهارن .
- 6 . ايت - حرف اشاره ، يهدتندجوقن
 فكريان ، جمله فراوانن دان يهد
 ملاكو كن فراوانن سرت يشكنا فراوة
 ايت صفة باكي محمد يهدتله دبواعكن
 علامتن يايت « يهد » بند يشكنا كهد
 يهدلاينن .

(فصل يشكتيك)

== ﴿ فراوانن سدغ ﴾ ==

مك اداله فراوانن سدغ ايت ابله نيفه
 فراوانن يهد سدغ دلاكو اتو نقه دلاكو كن
 سلام ان دظاهر كن علامتن دغن حروف يهد مننجوقكن



Maka jumlah perbuatan dan yang melakukan perbuatan itu jadi warta kata bagi Muhammad maka dengan *qarīnah* itu seperti dikata ((pada tahun hadapan Muhammad memperbuat pekerjaan itu) atau ((manakala kamu perbuat pekerjaan itu maka terhaklah kamu beroleh kejayaan)).
Maka huraianya:-

1. Pada – huruf yang menunjukkan masa.
2. Tahun – nama masa.
3. Hadapan – sifat bagi tahun yang telah dibuangkan huruf yang menunjukkannya iaitu jadi warta kata yang didahulukan, Muhammad permulaan kata yang dikemudiankan.
4. Memperbuat – perbuatan yang akan datang yang telah dibuangkan huruf yang menunjukkannya oleh *qarīnah*-nya. Tahan – yang melakukan perbuatan itu ganti nama yang kembali kepada Muhammad takdirnya ((ia)).
5. Pekerjaan – yang kena perbuat yang dibuangkan alamatnya iaitu ((akan)) kerana tiada mendatangkan kesamaran.
6. Itu – huruf isyarat, yang ditunjukkannya pekerjaan, jumlah perbuatan dan yang melakukan perbuatan serta yang kena perbuat itu sifat bagi Muhammad yang telah dibuangkan alamatnya iaitu ((yang)) bandingkanlah kepada yang lainnya.

(Fasal yang ketiga)

 Perbuatan sedang 

Maka adalah perbuatan sedang itu ialah tiap-tiap perbuatan yang sedang dilaku atau tengah dilakukan sama ada dizahirkan alamatnya dengan huruf yang menunjukkan

atau dengan *qarīnah* bagi yang demikian itu sahaja. Maka yang dizahirkan itu seperti dikata ((Ahmad sedang menulis)), ((Muhammad sedang membaca)) dan dengan *qarīnah* itu seperti dikata pada jawab soal: ((Apa kerja Ahmad?)) ((Ia membaca)), ((Ia makan)) atau ((Ia menulis)) dan sebagainya.

(Fasal yang keempat)

 Perbuatan suruh 

Maka adalah perbuatan suruh atau perintah itu tertentu ia pada masa yang akan datang sahaja iaitu selalu dihubungkan dengan ganti nama yang disuruh itu jika yang disuruh itu tiada hadir seperti dikata ((perbuat olehmu)) dan sebagainya. Dan jika yang disuruh itu hadir maka dibuangkan ganti nama itu digantikan dengan huruf penutup kata suruh iaitu ((lah)) seperti dikata perbuatlah, makanlah, duduklah, minumlah, dan sebagainya.

Maka perbuatan suruh itu terbahagi ia kepada dua bahagian: -

Yang pertama suruh perbuat yang kedua suruh meninggalkan (teгах) seperti dikata ((Jangan kamu buat pekerjaan ini)) dan sebagainya. Huraianya: -

1. Jangan – huruf tegah.
2. Kamu – ganti nama yang berhubung dengan perbuatan tegah (perbuat).
3. Pekerjaan – yang kena perbuat.
4. Ini – huruf isyarat, yang ditunjukkannya pekerjaan.

تفسير القرآن

واختلاف الليل والنهار

= برصلا ٢٢ من برتوكر سيغ دان مالم =

(اوله عي)

دغن فر كرفتن متبارييه بهر فنده
در سوات كسوات قره نئين (بروج) قول تركادغ
دكة تركادغ جاوه در فد كيت ايت منجاد بكن
هاري ٢ فد بومي اين بولايين ٢ منورة كدود بكن
بنوان فد ستمه تمفة ساتو جم سهاج سيغن دان
ستمه ٢ تمفة ستمي اتم بولان منسكل سيغ بيم بياس
دوا بلس جم ادقون فد بومي بهسيه دوا قطب ايت
سيغ اتم بولان دان مالم اتم بولان قول در فد فر كرفتن
اين جاديله موسيم سجوق دسوات بنوا كتبيك ايت
جوا موسم فانس دنبوا بشلاين دسينيله تريتان بايق
منفمة ٢ دان فر كارا ٢ بيم فليق بيم منوهكن ايمان
اهل عقل سجود كغد الله سبحانه وتعالى كران
سكيزان متباري ايت تنف فد سوات تمفة سهاج تيدق
بر كرق ٢ نسجاي تيدق اد بندا بعوله هيدوف دتمفة
ايت هابيس تيرا كر كسجوان سكال تانقله فرمان:

: « قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِن جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ اللَّيْلَ
سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مِنَ اللَّيْلِ عَذْرُ اللَّهِ يَا تَيْسَكُمُ
بَضِيَاءَ أَفْلا تَسْمَعُونَ . قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِن جَعَلَ اللَّهُ
عَلَيْكُمُ النَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مِنَ الْإِلَهِ
عَذْرُ اللَّهِ يَا تَيْسَكُمُ بَلِيلٌ تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفْلا تُبْصِرُونَ .
وَمِن رَّحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا
فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ » .

(سبوعن بيلاغن 6 ناهن يغر تام)
اداله فنداغن فد برتوكر ٢ سيم دان مالم ايت
ظاهر دان بات دسيسې اورغ ٢ بعلائي كران فر ليسيبن
ترسيمويي دسيسې اورغ ٢ بعلائي كران فر ليسيبن
انبارا كدوان دغن سبب بولايين ٢ كوريسن فنجغ
Longitude دان كوريسن لينتغ Latitude
كتراشن متباري ايت تريبه دان ماسوقن ملالوي
دتمفة ٢ بهسيه تيمور لبه دهولو در فد تمفة ٢ بيم سبيله
بارة . اقبيل اي تريبه دسبيله نكري جفون دان
چينا نسجاي ماسق نسبه كغد نكريه اسربكا
دمكيزله ستروسن . كوريسن فنجغ ايت ايله
كوريسن دري قطب سلاتن دان كوريسن لينتغ
ايت ايله كوريسن دري تيمور كباره بگجان
كيتانغ بيم فنجغ دالم كتاب علم فلك . مك در فد اين
د كتهويله اد ستمه ٢ تمفة دبومي اين تركادغ ٢ اد
بيم فنجغ سيغ در فد مالم دمكيزن جوا صباليقن .

اقبيل كيت لهيه فر كرفتن متباري بهاد دري
تيمور كباره نسجاي كيت دافاتي وقت صبيح
دسيسې سوات قوم كتبيك ابقوله جوا ظهر ٦ عصر ،
مغرب دان عشاء دسيسې قوم ٢ بشلاين جاديه
متباري ايت تيف ٢ سيكيزن دان مينيه سنتياس
تريبه دان سنتياس ماسوق در ايت صبيح سنتياس
اد سلمجان . دمكيزن جوگك مالم سنتياس اد سلمجان .





Tafsīr al-Qur'ān



Wa'khtilāf al-Layl wa al-Nahār

==== Bersalah-salahan bertukar siang dan malam ====

(Oleh 'Abī)



(Sambungan bilangan 6 tahun yang pertama)

Dengan pergerakan matahari yang berpindah

Adalah pemandangan pada bertukar-tukar siang dan malam itu dari suatu ke suatu perhentian (buruj) pula terkadang zahir dan nyata di sisi orang-orang yang berakal dan dekat terkadang jauh daripada kita itu menjadikan tersembunyi di sisi orang-orang yang lalai kerana perselisihan hari-hari pada bumi ini berlain-lain menurut kedudukan antara keduanya dengan sebab berlain-lain goresan panjang benuanya pada setengah tempat satu jam sahaja siangnya dan (Longitude) dan goresan lintang (Latitude) setengah-setengah tempat sampai enam bulan manakala siang yang biasa keterangannya matahari itu terbit dan masuknya melalui dua belas jam adapun pada bumi yang sebelah dua kutub itu di tempat-tempat yang sebelah timur lebih dahulu daripada tempat-tempat yang sebelah barat. Apabila ia terbit di sebelah negeri Jepun dan siang enam bulan dan malamnya enam bulan pula daripada pergerakan Cina nescaya masuk nisbah kepada negeri Amerika ini jadilah musim sejuk di suatu benua ketika itu demikianlah seterusnya. Goresan panjang itu ialah jua musim panas di benua yang lain di sinilah terbitnya banyak goresan dari kutub selatan dan goresan lintang manfaat-manfaat dan perkara-perkara yang pelik yang mememuhkan iman itu ialah goresan dari timur ke barat bagaimana ahli akal sujud kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kerana kenyataannya yang panjang di dalam kitab ilmu falak. Maka daripada ini sekiranya matahari itu tetap pada suatu tempat sahaja tidak bergerak-gerak nescaya tidak ada benda yang boleh hidup di tempat itu habis terbakar kesemuanya sekali tataplah firman-Nya:

Apabila kita lihat pergerakan matahari yang ada dari

timur ke barat nescaya kita dapati waktu subuh

:*(Qul ara 'aytum in ja 'ala Allāhu 'alaykumu al-layla*

sarmadan ilā yawmi al-qiyāmati man ilāhun ghayru Allāhi ya 'ikm

bi diyā 'in afalā tasma 'ān. Qul ara 'aytum in ja 'ala Allāhu

'alaykumu al-nahāra sarmadan ilā yawmi al-qiyāmati man ilāhun

ghayru Allāhi ya 'ikm bilaylin taskunūna fīhi afalā tubshirāna.

Maghrib dan Isyak di sisi kaum-kaum yang lain jadi

matahari itu tiap-tiap *second* dan minit sentiasa

Wa min rahmatihī ja 'ala lakumu al-layla wa al-nahāra litaskunū

terbit dan sentiasa masuk dari itu siang sentiasa

ada selama-lamanya demikian juga malam sentiasa ada selama-lamanya.

